PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
8, 12, 13, 14 DAN 15 MEI 2026



UNIT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI PERTAMA
8 MEI 2026 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 8 MEI 2026 (JUMAAT)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT: MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI PAHANG KE-15	1-2
4.	TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	3-7
5.	BACAAN DOA OLEH SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG	8
6.	PENEMPOHAN	8

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 8 MEI 2026 (JUMAAT)

MASA : 10.00 PAGI

HADIR

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - Jelai
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - Benta
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad,SSAP., DIMP., AMP., AMN. - Kerdau
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. - Bebar
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang
YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching

YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato’ Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato’ Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Dato‘ Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP. - Padang Tengku

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Kelima Belas di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama (Jumaat)	:	08 Mei 2026 (Jumaat)
Bersamaan	:	20 Zulkaedah 1447 Hijrah
Masa	:	10.00 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalammualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Pahang 1st. Untuk kita memulakan mesyuarat kita pagi ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandu ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Kelima Belas pada 5, 8, 9, 10, 11 dan 12 Disember 2025 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalammualaikum WBT, Selamat Pagi, Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa Peringatan Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Kelima Belas pada 5, 8, 9, 10, 11 dan 12 Disember 2025 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Soalannya ialah,

> **"Suatu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Kelima Belas pada 5, 8, 9, 10, 11 dan 12 Disember 2025 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan",**

telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

SETIAUSAHA DEWAN

Peringatan mesyuarat disahkan dengan tiada pindaan dan dibawa untuk pengesahan Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Perkara 29, Bab 4, Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Titah Diraja. Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk mengadap merafak sembah mempersilakan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang berangkat masuk bersemayam di Dewan ini. Dengan ini, saya menempohkan Dewan ini sebentar.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat.

Perkara Ketiga: Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

TITAH DIRAJA
KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

KEBAWAH DULI PADUKA MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum WBT. Alhamdulillah [bacaan dalam bahasa Arab]

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah kurniaNya, maka saya berkesempatan melafazkan Titah bersempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Kelima Belas pada hari Jumaat yang mulia ini. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan salam daripada Seri Paduka Ayahanda dan Bonda saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada orang tua saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan serta seluruh jentera pentadbiran kerajaan saya yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi sehingga berjaya membawa negeri saya ke tahap yang cemerlang dan berdaya saing.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Syukur Alhamdulillah pencapaian kutipan hasil negeri bagi tahun 2025, terus mencatatkan jumlah kutipan melebihi RM1 bilion, sekali gus mengekalkan… mengekalkan kejayaan yang cemerlang buat tahun keempat berturut-turut sejak tahun 2022. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar sebanyak 5.7% dengan nilai ekonomi mencecah RM68 bilion, sekali gus meletakkan Pahang dalam kalangan 4 negeri terbaik pada tahun 2024. [Ahli Dewan menepuk meja] Lebih membanggakan dalam tempoh 2019 hingga 2024, ekonomi negeri telah meningkat sebanyak 23% yang mencerminkan keupayaan negeri ini untuk bangkit dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran global.

Dalam pada itu, saya juga berasa bangga apabila kerajaan saya telah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak RM18.04 bilion tahun lalu. Begitu juga dengan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri yang turut menyumbang sebanyak RM3.16 bilion kepada ekonomi negeri. Saya mahu *state* GLC ini terus diperkasakan agar menjadi pemacu utama ekonomi negeri. Usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya golongan muda. Langkah ini penting bagi memastikan anak muda memilih untuk membina kerjaya di negeri sendiri sekali gus membantu mengimbangi struktur demografi negeri.

Dalam hal ini, proses pelaburan perlu dipermudah dengan mengurangkan kerenah birokrasi, mempercepat kelulusan serta memastikan ketersediaan tanah dan infrastruktur yang mencukupi. Kita tak boleh mengikut saluran biasa. Syarikat yang berdaya saing, tulen dan betul-betul nak melabur, kita mudahkan bagi mereka *fast lane* dan *fast track*. Kalau boleh proses biasa kelulusan tanah mungkin 18 ke 24 bulan, tapi untuk mereka cuba selesaikan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan. Masa sangat kritikal bagi pelabur. Kita tidak mahu pelabur yang berkualiti ini lari ke negeri lain. Saya faham proses tanah ini ada prosedur tapi Pahang ini negeri berdaulat. Kita buat cara kita. Janganlah tunggu 3, 4 bulan baru nak buat mesyuarat nak luluskan tanah

tersebut. Nak siapkan ulasan teknikal juga pun sudah berbulan-bulan. Justeru, saya mahu kerajaan saya ubahkan cara lama ini. Kalau kita nak jadi Pahang 1st dalam soal menarik pelaburan, maka kaedah kita juga kena diubah. Saya titah agar kerajaan saya khususnya Yang Berhormat Exco Pelaburan tengok perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Susulan konflik geopolitik yang berterusan di rantau Asia Barat telah memberikan kesan kepada ekonomi global. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima tempias yang memberikan tekanan kepada kos sara hidup meningkat, peningkatan perbelanjaan subsidi kerajaan serta cabaran kepada kestabilan ekonomi negara. Untuk menghadapi cabaran ini, saya mahu negeri saya tidak sekadar menjadi pemerhati tetapi bertindak sebagai negeri yang bersedia dan berdaya tahan. Tekanan inflasi yang dirasai oleh rakyat di negeri Pahang menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh, berkesan dan responsif. Saya menzahirkan ucapan tahniah kepada kerajaan saya kerana telah mengambil langkah proaktif meringankan beban rakyat. Penyediaan peruntukan bakul makanan sebanyak RM15,000 seminggu untuk semua 42 Dewan Negeri, pelaksanaan bekerja dari rumah untuk kakitangan pentadbiran kerajaan serta pemberian pelbagai inisiatif berbentuk baucar sedikit sebanyak pasti dapat membantu. Saya mahu kerajaan saya menggandakan lagi usaha ini. Ingat kesejahteraan rakyat harus terus terpelihara, barulah kemakmuran negeri dapat dikekalkan.

Sehubungan itu, saya menyeru agar kerajaan saya menumpukan perkara berikut: Pertama, memperkukuh daya tahan ekonomi negeri melalui pelbagai sektor agar tidak bergantung pada satu sumber dominan semata-mata. Kedua, memperhebat usaha menarik pelaburan berpotensi tinggi khususnya dalam sektor teknologi dan tenaga baharu. Ketiga, memperkukuh rantaian bekalan dan ekosistem industri tempatan bagi mengurangkan kebergantungan pada faktor luar yang tidak menentu. Keempat, laksanakan dasar-dasar yang responsif terhadap kenaikan kos sara hidup dan kelima manfaatkan peluang daripada perubahan global termasuk peningkatan permintaan terhadap sumber tenaga dan komoditi dengan pengurusan yang lestari dan berintegriti.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di bawah *Rolling Plan* Pertama dalam Rancangan Malaysia Ke-13, negeri saya telah menerima kelulusan 133 projek baharu dan 434 projek sambungan dengan nilai peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.386 bilion. Saya mahu setiap projek yang diluluskan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab berteras kecekapan, ketelusan serta pemantauan yang rapi. Saya tidak mahu melihat berlakunya ketirisan, kelewatan mahupun pembaziran. Setiap sen peruntukan mesti dimanfaatkan sepenuhnya dengan kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri yang berterusan. Kepada Yang Berhormat Exco, Pengarah SDO, Pengarah Jabatan Teknikal seperti JKR, JPS, PBT dan semua DO-DO, jangan tunggu dan lihat. Jika prestasi kontraktor sudah masuk *yellow zone,* bertindak awal. Jangan dah jadi projek yang sakit baru huru-hara nak selamatkan. Jika perlu tamat, maka tamatkan dari awal. Jangan nak bagi muka lagi mana-mana kontraktor yang buat onar ini senarai hitamkan.

Di sini saya mahu Kerajaan Persekutuan cakna akan titah saya. Saya ingin menzahirkan prihatin saya tentang keadilan undang-undang persekutuan yang tidak berpihak pada hak-hak negeri saya. Pahang merupakan antara 4 negeri yang terawal membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Hasil Negeri-Negeri Bersekutu ketika itu disatukan dan disalurkan kembali mengikut kesesuaian keempat-empat buah

negeri dan Negeri-Negeri Bersekutu inilah juga yang menjadi asas kepada pembentukan Malaysia. Saya berharap Kerajaan Pusat turut memberikan keutamaan kepada negeri Pahang kerana pengorbanan besar negeri Pahang untuk mengekalkan keluasan hutan yang luas, alam flora, alam flora dan fauna serta gunung-ganang yang menjadi tunjang kestabilan ekosistem, kawasan tadahan hujan dan biodiversitI, biodiversiti di Semenanjung Malaysia. Pengorbanan negeri Pahang ini tidak boleh sama sekali diukur dengan nilai sumbangan cukai kepada Persekutuan tetapi cukup signifikan dari segi keseimbangan alam sekitar khususnya di Semenanjung Malaysia. Kerajaan Pusat seharusnya tidak menafikan pengorbanan negeri Pahang ini dan lebih mengutamakan negeri Pahang yang merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia.

Saya begitu kecewa apabila Kerajaan Pusat tidak meluluskan usaha negeri Pahang untuk menambahkan hasil negeri seperti eksport pasir sungai memandangkan negeri Pahang memiliki sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia yang sudah tentu banyak mendapan pasir yang perlu dikeluarkan agar kelancaran pengaliran air sungai berlaku seterusnya mengelakkan banjir. Sebelum ini kita mendapat menambahkan hasil negeri berpuluh-puluh juta dengan eksport pasir ke negara lain tetapi malangnya Kerajaan Pusat tidak lagi membenarkannya sekarang ini. Sedangkan hasil tanah dan pasir ini merupakan hak negeri. Dalam pada itu, saya juga mahu Kerajaan Pusat memberikan kuasa dan ruang yang lebih kepada Kerajaan Negeri apabila melaksanakan satu-satu projek. Utamakan syarikat-syarikat atau kontraktor yang berasal dari negeri Pahang. Saya mahu peluang seperti ini diberikan kepada anak-anak negeri Pahang untuk melaksanakan projek-projek. Memang benar pelantikan kontraktor G7 boleh dibuat ke mana-mana dari seluruh Malaysia, tetapi saya mahu keutamaan itu diberikan kepada syarikat dari negeri Pahang yang sememangnya… yang sememangnya diakui bekalannya dan kompeten.

Sekali lagi, saya tegaskan bahawa Kerajaan Pusat semestinya teliti semula perkara ini, hak negeri Pahang sepatutnya dikembalikan semula kepada negeri Pahang. Janganlah satu hari nanti negeri Pahang mengambil tindakan terhadap Kerajaan Persekutuan. Saya mahu Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri untuk kaji dan dengan teliti apa tindakan yang boleh kita ambil ke atas Kerajaan Persekutuan untuk perkara ini. Saya juga ingin tekankan bahawa negeri Pahang merupakan negeri yang berdaulat yang tidak perlu campur tangan daripada negeri lain atau pihak individu lain dalam apa jua urusan perundangan. Sebarang salah laku yang berlaku di negeri Pahang perlu diadili di mahkamah secara adil dan saksama. Tidak perlu campur tangan daripada mana-mana pihak untuk menegakkan perkara yang tidak betul.
Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Negeri Pahang sekali lagi membuktikan kekuatan sebagai antara destinasi pelancongan utama negara dengan merekodkan kadar purata tempoh penginapan tertinggi di Malaysia tiga tahun berturut- turut. Dengan khazanah yang kaya dan alam semula jadi. Indah permai yang ada, saya mahu Pahang meneruskan rekod kehadiran pelancong yang cemerlang. Usaha merancakkan sektor pelancongan. Sempena Visit Malaysia Year 2026 memerlukan perancangan strategik yang lebih teliti dan berpandangan jauh. Sasaran pelancong dari luar negara serta hasil negeri perlu dikaji semula dengan mengambil kira faktor luaran yang boleh memberikan kesan kepada industri pelancongan. Prasarana dan kemudahan destinasi pelancongan juga perlu ditambah baik. Bagi menarik pelancongan antarabangsa. Jangan sekadar bergantung harap kepada Genting Highlands dan Cameron Highlands sahaja. Kita ada pelbagai destinasi menarik.

Saya mahu Yang Berhormat Exco Pelancongan, Tourism Pahang dan semua yang berkaitan mesti proaktif. Tengok Cherating tengok Pulau Tioman, apa perlu dibuat. Kalau dulu Cherating antara tempat tumpuan dunia. Kenapa sekarang macam dilupakan? Justeru, buat kerja lipat gandakan usaha. Usaha sekarang ada tapi masih belum mencukupi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dalam arus perubahan dunia yang semakin pesat, khususnya dalam era digital ini. Saya sendiri sering turun ke lapangan meninjau operasi di jabatan-jabatan kerajaan bagi melihat sendiri tahap penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Saya mendapati bahawa usaha pemodenan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi perlu dihebatkan dan diberi keutamaan. Pembangunan aplikasi digital yang inovatif termasuk penggunaan teknologi terkini seperti AI perlu diperluas dan dipergiatkan. Kita tak boleh ketinggalan. Selari dengan slogan Pahang 1st kita mesti menjadi *leader* dan atau ketua dalam bidang AI ini. Giatkan lagi usaha untuk modenkan sistem pentadbiran kerajaan. Kalau dahulu nak beli carian rasmi tanah kena pergi ke pejabat tanah.

Namun, sekarang dah boleh beli melalui aplikasi Pahang Go sahaja. Tapi jangan terhenti setakat itu. Paling mudah nak semak permohonan tanah pun tak perlulah rakyat nak ulang alik sentiasa ke pejabat tanah. Digitalkan proses-proses ini. Cukup dengan tekan satu butang, kita dah tahu dekat mana permohonan kita sekarang. Cuba lihat apa yang boleh ditambah baik. Kurangkan penggunaan kertas, minit mesyuarat dan ulasan-ulasan teknikal ini. Semua dah boleh buat melalui sistem sahaja.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya zahirkan kepada kerajaan saya di bawah pimpinan orang tua saya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, Yayasan Pahang serta semua pihak yang terus berusaha memperkasakan sektor pendidikan termasuk melalui pelbagai inisiatif yang memberikan sokongan menyeluruh kepada anak-anak Pahang. Alhamdulillah. Saya begitu bangga apabila negeri saya berjaya mencatatkan keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2025 baru-baru ini. Pahang muncul sebagai negeri kedua terbaik di peringkat nasional dengan gred purata negeri 4.08. Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang menduduki tempat pertama peringkat nasional. Manakala Maahad Tahfiz Negeri Pahang terus kekal cemerlang pada kedudukan keempat terbaik negara. Tahniah, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kekalkan momentum ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya juga amat berbangga apabila Pahang telah mengungguli tempat pertama dalam Indeks Perpaduan Nasional tahun 2025. Hal ini bermakna perpaduan rakyat saya berada pada kedudukan yang sangat kukuh. Hubungan rentas kaum yang harmoni dan keyakinan yang tinggi terhadap institusi kerajaan. Negeri Pahang harus terus menjadi contoh sebagai negeri yang bertoleransi dan harmoni antara kaum. Sudah tiba masa semua lapisan pimpinan dan rakyat Pahang bersatu padu di bawah naungan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang tanpa mengira warna kulit dan fahaman politik agar memperkukuh negeri Pahang sebagai sebuah negeri berdaulat yang maju.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya memandang serius insiden memijak kitab suci Al-Quran di UMPSA. Saya tegaskan bahawa tiada kompromi dalam sebarang cubaan untuk mengganggu gugat keharmonian di negeri saya khususnya melalui permainan isu-isu 3R. Begitu juga menjelang pilihan raya akan datang semua pihak disarankan agar tidak memainkan isu-isu yang boleh menggugat perpaduan sebaliknya mengamalkan kematangan dalam berpolitik. Pihak Pembangkang perlu berperanan sebagai semak dan imbang secara konstruktif manakala pihak kerajaan pula hendaklah memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara tanpa ada yang tercicir. Sebarang tindakan yang sengaja menimbulkan kebencian antara kaum-kaum dan agama adalah sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali. Saya mahu isu-isu 3R ini dihentikan. Semua pihak tanpa mengira latar belakang hendaklah bertanggungjawab dalam setiap tindakan serta menjunjung tinggi nilai hormat, toleransi dan undang-undang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Di samping itu, saya mahu menasihatkan agar sebarang isu berkaitan pembinaan rumah ibadat sama ada di atas tanah kerajaan mahupun tanah persendirian hendaklah mematuhi sepenuhnya lunas undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan. Keharmonian rakyat harus terpelihara dan tidak menjadi punca kepada sebarang persengketaan antara kaum dan agama. Janganlah bertindak ikut emosi dan tidak ada sesiapa yang boleh mendahului undang-undang dalam menangani perkara-perkara yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan negeri dan negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya mahu setiap wakil rakyat yang diberi mandat melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan penuh dedikasi dan berintegriti. Bukannya tunjuk muka menjelang pilihan raya sahaja. Rajinkan diri turun naik ke jabatan kerajaan ambil tahu dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan segala masalah rakyat dan diselesaikan dengan cepat, cekap dan berkesan. Jangan sehingga masalah longkang sekolah, anjing liar, benteng pecah, tebang pokok juga sampai kepada saya. Selesaikan dengan segera. Kalau perlu turun naik jabatan dan agensi buatlah kerana Yang Berhormat semua adalah wakil yang dipilih oleh rakyat. Bekerja bersungguh-sungguh. Jangan tunggu tahun terakhir pilihan raya baru nak tunjuk muka, baru nak buat itu dan ini.

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Mengakhiri titah saya mahu kita semua terus memperkukuh perpaduan berkhidmat dengan penuh ikhlas demi memakmurkan negeri, menjamin kesejahteraan rakyat serta membina masa depan yang lebih cemerlang. Sama-sama kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga kita semua terus diberikan petunjuk, kekuatan serta keberkatan dalam memikul amanah demi negeri Pahang Darul Makmur yang kita cintai. Semoga Pahang Darul Makmur akan terus maju dan rakyatnya sentiasa makmur. Insya-Allah. Dengan lafaz suci bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Kelima Belas pada pagi ini. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang mohon membaca doa.

SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG

[Bacaan ayat Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim, [Bacaan Ayat Al-Quran]. Sesungguhnya kami memohon limpah rahmat-Mu Ya Allah, semoga diberkati dan dirahmati istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Kelima Belas dan disempurnakan pada hari penuh yang penuh kemuliaan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Ya Allah Ya Tuhan Kami kurniakanlah perbincangan di Dewan Yang Mulia ini petunjuk hidayah-Mu. Semoga segala usaha kami martabatkan syiar agama-Mu memajukan negeri Pahang yang kami sayangi dipermudahkan serta mendapat taufik keredhaan-Mu. Ya Allah, sempurnakan hajat kami dengan Rahmat inayah-Mu. Perkuatkanlah keimanan kami, satukan hati-hati kami. Terimalah amalan kami dan ampunkanlah dosa-dosa kami.

[Bacaan ayat Al-Quran]. Ya Allah, berilah kepada kami rahmat dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami ini. [Bacaan ayat Al-Quran]. Ya Allah, jadikanlah baik akhir kesudahan kami dalam semua urusan dan selamatkanlah kami dari kehinaan dunia dan azab akhirat. Ya Allah Ya Tuhan kami, kami bermohon barang dipelihara dan diredhai oleh-Mu berkatilah hari-hari pemerintahan sultan yang kami kasihi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah selaku sultan dan raja pemerintah serta pelindung agama Islam bagi negeri Pahang Darul Makmur serta segala jajahan takluknya. Kurniakanlah kepada baginda, taufik, hidayah, riayah dan inayah sentiasa di dalam rahmat perlindungan dan pemeliharaan-Mu. Selamat sejahtera, sihat walafiat yang berpanjangan, dilanjutkan usia, sentiasa dilindungi Yang Maha Esa berkat doa sekalian makhluk di bumi serta kekal karar memerintah dan bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.

Demikian jua kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Anakanda, Putera-puteri, cucunda dan kerabat, para pemimpin, alim ulama, muslimin-muslimat serta rakyat jelata sentiasa berada dalam keselamatan dan kesejahteraan serta mendapat keredhaan dan keampunan dari-Mu Ya Allah. [Bacaan ayat Al-Quran].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan sempurnanya Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sebentar tadi, maka sukacita saya menempoh Mesyuarat Dewan Negeri pada hari Selasa, 12 Mei 2026 bersamaan 24 Zulkaedah 1447 Hijrah, mulai jam 9.30 pagi. Terima kasih.

SETIAUSAHA DEWAN

Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang berangkat meninggalkan Majlis.

[Persidangan ditempohkan jam 10.50 pagi]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEDUA
12 MEI 2026 (SELASA)

KANDUNGAN

HARI KEDUA: 12 MEI 2026 (SELASA)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1-30
4.	PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PAGI	31 - 69
5.	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PETANG	69-113
6.	PENEMPOHAN	113

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 12 MEI 2026 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - Jelai
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad,SSAP., DIMP., AMP., AMN. - Kerdau
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. - Bebar
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. - Pelangai
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang

YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan

YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri AsasTani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri Pahang, Wisma Sri Pahang. Kuantan

Hari Kedua (Selasa)	:	12 Mei 2026 (Selasa) Bersamaan 24 Zulkaeddah 1441 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Bacaan Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama memulakan mesyuarat kita dengan membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. Alhamdulillah [bacaan al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkatMu ke atas kami berhimpun dipohon dianugerahkan TaufikMu, dipohonkan menyuluh memandu ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk- penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-Pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan pada hari ini. Saya lihat kita semua bersedia, 3 hari saya bagi cuti. Ya, untuk kita er...meneruskan persidangan kita untuk er...hari, hari Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat. Walau bagaimanapun, jika sekiranya tidak kita tak sempat habis. Saya akan menyambungnya pada hari Isnin, Selasa, Rabu minggu depan. Sekiranya tak habis yang ini, ini adalah kuasa dewan Pengerusi, kuasa Speaker dan kita akan pastikan semua orang akan berpuas hati dengan persidangan ini. Tak nak lagi cakap di luar lain, cakap di dalam lain.

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Dewan Negeri Pahang merafak sembah menjunjung kasih ke hadapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Sultan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas limpah perkenan. Baginda menyempurnakan Istiadat

Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15. Sebagai Speaker Dewan Negeri, saya menyeru Ahli-ahli Dewan agar terus mengamalkan budaya politik matang, berhemah dan saling hormat menghormati.

Perbezaan pandangan hendaklah menjadi kekuatan untuk kita memperkayakan perbahasan, bukannya menjejaskan perpaduan dan keharmonian sidang dewan seperti yang disebut *ada adab (bacaan ayat Arab),* adab-adab berbeza pandangan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada, Pahang pada hari ini menunjukkan pencapaian membanggakan. Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjaya merekodkan peningkatan hasil negeri yang kukuh sekaligus membolehkan lebih banyak manfaat disalurkan kepada rakyat melalui Inisiatif Makmur Pahang. Sebanyak RM84.59 juta diperuntukkan tahun ini bagi membantu rakyat menerusi pelbagai program kebajikan, pendidikan, keusahawanan, kesejahteraan sosial. Dalam sektor agama pula, sebanyak RM19.53,53 juta diperuntukkan bagi memperkasakan institusi Islam termasuk bantuan kepada masjid dan surau, maahad tahfiz muallaf serta pelbagai program kebajikan rakyat. Pahang terus mencatat pertumbuhan pelaburan yang positif khususnya dalam sektor perindustrian, teknologi hijau, pelancongan dan pertanian moden. Kestabilan politik dan pentadbiran cekap telah meningkatkan keyakinan pelabur terhadap negeri ini. Namun, kita juga harus berdia, bersedia menghadapi cabaran global termasuk konflik antarabangsa yang berikan kesan kepada ekonomi dunia. Kenaikan harga barang serta kos sara hidup. Oleh itu, Dewan Negeri Pahang terus memainkan peranan mempastikan dasar negeri kekal mampan, berdaya tahan dan berpaksikan kepentingan rakyat.

Marilah kita sama-sama menjunjung amanat rakyat dengan penuh integriti dan menjadikan Dewan Negeri sebagai institusi demokrasi matang, berwibawa dan dihormati dengan semangat muafakat dan kerjasama semua pihak. Saya yakin Pahang akan terus maju, aman dan makmur. Ahli-ahli Berhormat sekalian sebelum meneruskan sesi pertanyaan. Saya ingin memaklumkan bahawa saya akan menghadkan pertanyaan lisan kepada beberapa pertanyaan sahaja. Pertanyaan tersebut mestilah ringkas padat supaya kita dapat bersidang dalam masa yang ditetapkan. Baiklah, sekarang saya ingin menjemput Ahli Berhormat dari kawasan er...Sabai untuk mengemukakan pertanyaan pertama, sila.

(ADUN SABAI N-35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam Sejahtera, selamat Pagi, Salam Pahang 1st. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 1.

> *[Adakah tahap perkembangan dan pelaksanaan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir di seluruh Negeri Pahang?]*

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera, salam Maju Terus Pahang, salam Pahang1st. Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sabai yang bertanya berkenaan dengan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek rancangan tebatan banjir di seluruh negeri Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, projek rancangan tebatan banjir adalah sebanyak 18 projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13 dengan nilai kos

keseluruhan berjumlah RM3.184 bilion dan sedang giat dilaksanakan di seluruh negeri Pahang. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, daripada jumlah tersebut sebanyak 11 projek yang telah bermula secara fizikal, di tapak 6 projek yang masih dalam proses reka bentuk dan 1 projek yang baru sahaja diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ke-13. Senarai projek tersebut banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ada projek yang telah bermula secara fizikal di tapak ada 11. Yang antaranya ialah di er... menyiapkan baki kerja bagi Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan. Selain daripada itu, pembangunan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pekan ini memang selalu banjirlah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal air semua daripada hulu itu akan, akan hanyut ke hilir.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Betul, yang kedua Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Kuantan dan juga di daerah Temerloh. Ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini di Sungai Semantan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, kita pun samalah kalau batu kapur dengan er...apa nama Sungai Buloh itu, dia memang setiap tahun kena banjir.

(**ADUN JELAI – N.02)**
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada 11 lah termasuk di Lipis pun ada, di Bera pun ada. Yang Berhormat Speaker, ya. Manakala projek yang dalam proses reka bentuk ada, ada 6. Er…di Temerloh ada Semantan, di Bentong pun ada. Yang ada di Bentong. Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pahang RM227 juta kos projek. Seterusnya di Dong, Raub pun ada, di Lipis pun ada. Di Sungai Jempul, Sungai Luit pun ada. Manakala yang diluluskan satu dalam *Rolling plan* Pertama Projek Pembinaan Ban Banjir ni, di daerah

Lipis RM14.6 juta. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi Alhamdulillah kosnya melibatkan 3.184 bilion seperti mana yang saya nyatakan tadi, satu angka yang cukup banyak dan saya yakin ianya dapat mengurangkan risiko banjir di negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan Dato' Sri. Er… saya difahamkan rancangan tebatan banjir di Sungai Bentong daerah Bentong telah bermula pada November 2025. Er… Bilakah projek itu dijangka dapat disiapkan dan apakah skop utama projek serta manfaatnya kepada penduduk daerah Bentong. Sekian.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, projek ini dijangka siap pada bulan 11 2029. Insya-Allah. Sekiranya semua berjalan dengan lancar, kontraktor yang bagus yang dipilih dan tidak ada masalah di luar faktor kawalan kita lah dan manakala skopnya bila kita buat tebatan banjir ini antaranya sudah tentulah kita mendalamkan sungai Yang Berhormat Adun daripada Sabai. Kita nak dalamkan sungai, jadi boleh air lalu dengan dengan laju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasir kita boleh jual. Sepatutnya lah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pasir bab lain. Ini bab Rancangan Tebatan Banjir (RBT) [Adun ketawa] dan selain daripada itu, kita akan membina ban banjir. Kita mengukuhkan tebing-tebing sungai dalam masa yang sama kita boleh naikkan empangan di Repas Baru dan lama di Perting dan Kelau di kawasan Yang Berhormat Sabai ye? Jadi saya yakin lah Yang Amat Berhormat dengan adanya tebatan

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Sabai, bila nak jawab tu elok la bangun bangun, cuba bangun. Haa... tahun Ke-5 saya nak ajar disiplin sikit.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Speaker nampak garang sikit pagi ni?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat?

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nampak cengeng sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kena cengeng. [Ahli Dewan Ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker, ini semua dibuat kita yakin akan membolehkan mengurangkan risiko banjir di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan ini juga menunjukkan Yang Berhormat daripada Sabai ini cukup prihatin dengan masalah di kawasannya dan saya sangat yakin dengan adanya Rancangan Tebatan Banjir di sungai Bentong ini, insya-Allah Yang Berhormat daripada Sabai ini kalaulah dia bertanding lagi pastinya sekarang ini majoriti dia kecil sangat, saya yakin Yang Berhormat Speaker akan bertambah-tambah majoritinya kerana ada hasil air tangan beliau Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat tau tak kenapa saya cengeng? Saya dah makan ubat.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker, soalan tambahan kedua Dato' Sri. Semenjak pelaksanaan projek tebatan banjir yang telah diluluskan dan disiapkan sepenuhnya, apakah projek tersebut berjaya mengurangkan impak banjir di kawasan *hotspot* yang dikenalpasti dan berikan contoh yang sewajarnya? sekian.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya dah puji tadi harap-harap tiada soalan tambahan rupanya ada lagi. [Ahli Dewan ketawa]. Yang Berhormat Adun Sabai sudah tentunya apa yang kita buat ni projek tebatan banjir ni dapat mengurangkan risiko banjir. Maknanya kalau dulu kita dapati di kawasan ini banjir besar tetapi sekarang ini telah dapat diminimakan dan ini satu bukti lah. Dan selain daripada itu saya dapati ada 6 projek tebatan banjir yang telah siap di Pahang ni iaitu di bandar Maran fasa pertama, kemudian di Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan fasa kedua, Rancangan Tebatan Banjir Lembah Bertam, Cameron Highlands siap pada tahun 2024, 2023,2020. Yang paling awal siap ialah projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa 2. Pembinaan River Level Sungai Pahang dan kita dah tak dengar dah di Pekan ni banjir.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, selain daripada itu, di..di.. ban di bandar Pekan itu, kerja menaik taraf ban Selatan, Parit utama Sungai Air Itam yang telah pun siap pada 2018 dan yang yang paling kita nampak ketara dulu Sungai Isap ni Dato' Sri Speaker selalu banjir. Setelah siap Rancangan Tebatan Banjir ni pada tahun 2011, kita dapati ianya telah berjaya mengurangkan risiko banjir di di Sungai Isap ni. Malahan kita tidak dengar lagi banjir besar berlaku begitu juga di Lembah Bertam dan Bandar Pekan. Ini adalah sebab kita membina Rancangan Tebatan Banjir dan insya-Allah daripada semasa ke semasa, Kerajaan Negeri akan melihat dan menilai sekiranya ada lagi kawasan-kawasan lain yang perlu kita mohon dari Kerajaan Persekutuan untuk kita mengurangkan risiko banjir. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, seterusnya soalan kedua Ahli Yang Berhormat Dilantik.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

> [Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan insiden penghinaan al-Quran yang dilaporkan melibatkan seorang pelajar di sebuah Universiti awam di negeri ini tidak akan berulang?]

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya berterima kasih kepada ADUN Lantikan yang bertanya tentang err Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan insiden penghinaan al-Quran yang dilaporkan melibatkan seorang pelajar di sebuah universiti awam di negeri ini tidak akan berulang.

Yang Berhormat Dato Seri Yang di-Pertua, insiden ini sangatlah mendukacitakan Kerajaan Negeri bahkan rakyat di negeri Pahang Darul Makmur. Yang sewajarnya perkara ini tidak berlaku bagi rakyat di negeri ini. Bagi mereka yang menganut apa-apa agama sekalipun dan berlatar belakang kepada apa bangsa sekalipun kerana perkara ini telah kita tuntaskan secara bersama sebagai ataupun selaku rakyat Malaysia akan menghargai dan menghormati agama masing-masing. Namun demikian, ada individu-individu terpencil yang tidak memahami dasar ini telah melakukan perkara yang curang serta menyayatkan hati seluruh rakyat negeri ini bahkan negara ini.

Perkara ini tidak dibiarkan begitu sahaja oleh Kerajaan Negeri bahkan oleh rakyat di negeri Pahang Darul Makmur. Apabila setiap agensi kerajaan termasuklah pihak PDRM apabila mendapat laporan rasmi *report* daripada orang ramai, maka tindakan telah diambilkan dan individu berkenaan telah dibawa ke muka mahkamah dan sekarang ini beliau sedang dibicarakan. Dan seandainya sabit kesalahan, dia tetap akan mendapat hukuman yang setimpal.

Namun demikian, bagi tindakan awal pihak universiti kerana beliau ini adalah pelajar di UMPSA. Pihak universiti telah mengambil tindakan awal kerana mereka mendapati benar perkara ini berlaku melalui kaedah 58, pelajar telah diberhentikan untuk menduduki sebagai pelajar di institusi berkenaan. Bagi tindakan selanjutnya, kita serahlah kepada pihak mahkamah untuk mengambil tindakan sama ada dari segi tingkah lakunya sendiri yang melakukan injakan terhadap al-Quran itu dan juga salah guna kepada media sosial yang bebas diberikan kepada rakyat pada ketika ini juga akan didakwa. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Soalan tambahan Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih rakan saya. Saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang sangat serius dalam isu melibatkan penghinaan terhadap Islam. Jadi, saya rasa penghinaan terhadap agama ini bukan hanya terhadap agama Islam tetapi juga penghinaan kepada agama lain juga adalah antara perkara yang dilarang bagi orang islam itu sendiri. Baik Yang Berhormat, kalau kita lihat statistik dalam negara kita bahawa banyak kes-kes yang melibatkan penghinaan Islam ini telahpun diambil tindakan dan kalau tak silap saya ada kes yang berlaku di Kuching tahun 2019 sehingga 10 tahun kena hukuman penjara.

Kemudian kes yang berlaku di Alor Setar dua tahun lepas juga di denda sehingga RM12,000. Kemudian kes yang berlaku di Kelantan dua tiga kali kes yang berlaku di Kelantan 17.7 dan 25.7 2022. Jadi kalau kita lihat dari segi statistik-statistik ini pertama, dia menggambarkan bahawa kerajaan kita sama ada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sangat serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku penghinaan terhadap agama ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya nak beritahu kepada Sidang Dewan bahawa penghinaan yang berlaku dalam kes yang melibatkan pelajar UMPSA ini adalah *The first case ever* yang berlaku di Pahang dan dalam kes ini sepertimana yang yang telah dijawab oleh rakan Exco tadi. Dalam kes yang telah didakwa dan dibawa ke mahkamah dan saya difahamkan bahawa kes ini dalam proses-proses representasi pada 29 Jun ini. Dan saya nak mohon kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang supaya meneliti kalau boleh kita tak benarkan representasi ni sebab kita nak dengar kes ini dibicarakan secara terbuka di mahkamah. Kita nak tahu apa beban pembuktian dan akhirnya kita nak dapati satu *benchmark* ditetapkan oleh mahkamah bahawa di Pahang kita tidak akan benarkan sama sekali penghinaan terhadap islam ini.

(ADUN LANTIKAN)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Soalan saya. Dato' Sri…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang mukadimah nak soalan ni.

(ADUN LANTIKAN)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Peluang, peluang nak berucap ni. Soalan saya, kalau kita lihat dari segi statistik. *The only* kes yang berlaku di Pahang. Apa rahsianya? Sehingga sebelum ni tak berlaku kes di Pahang tapi tiba-tiba hari ni kes satu-satu kes yang berlaku di Pahang. Apa rahsia Kerajaan Negeri boleh buat, sampai hanya hari ini satu kes sahaja berlaku di Pahang. Terima kasih

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua dan terima kasih juga ADUN Lantikan di atas soalan tambahan yang bak kata Dato' Sri Speaker, panjang lebar. Untuk apa mengemukakan rupanya nak tahu resepi apa sebab Pahang berjaya je. Sebenarnya err… saya bersetuju sangat pantun Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati. Kerana budi kerajaan Pahang itulah yang menyebabkan runduk orang nak buat tak elok di negeri Pahang ini err… Dato' Sri Speaker. Terima Kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat tengok semangat tu tapi pendek juga. (Ketawa)

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Err… kalau kita tengok di bawah Akta Multimedia, dendanya RM500 ribu atau dua tahun penjara. Kemudian kalau kita tengok bawah Akta Seksyen 295 Kanun Keseksaan, dendanya pun dua tahun penjara, tapi bila kita tengok bawah Akta Mahkamah Syariah dan ia hanya lima ribu. Jadi, saya fikir ini soalannya, apakah kerajaan tidak pertimbangkan satu hukuman yang lebih tegas walaupun bidang kuasa 2 3 5 tapi lebih tegas berbanding RM500 ribu bawah multimedia tapi hanya RM5 ribu bawah Mahkamah Syariah. Kalau dapat difikirkan, sebab saya tengok dalam kesalahan di bawah kesalahan orang yang menghina Rasulullah, dia tak ada pengampunan. Hukumannya bunuh saja, walaupun dia bertaubat, walaupun diminta ampun. Dia tetap dihukum dan hukumannya ialah hukuman bunuh saja. Jadi, saya fikir apa kerajaan tidak pertimbang satu undang-undang yang lebih tegas dalam konteks Mahkamah Syariah kepada orang Islam. Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua. Cadangan daripada Cheka ini memang boleh kita pertimbangkan untuk kita minta Jawatankuasa Teknikal Syariah. Sebagaimana saya pernah dengar ucapan dalam satu ceramah daripada Cheka. Bukan senang untuk membuat satu RUU. Jadi perlu kepada teknikal, perlu kepada Jawatankuasa Fatwa, perlu kepada persetujuan istana dan sebagainya. Boleh sahaja untuk kita bentangkan di dalam Dewan bagi mendapat persetujuan Dewan. Walaupun demikian, saudara kita ini yang telah melakukan salah laku ini, dia tetap juga akan dibawa ke Mahkamah Sivil kerana dia bukan beragama Islam dan kita akan bicarakan dia di dalam Mahkamah Sivil. Terima kasih. Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat sekalian, sebenarnya kita Mahkamah Syariah tu kita hanya boleh RM5 ribu je. Ini kita kena faham, sebab tu kita nak bawa RUU 355. Hari ni kita nak bagi tahu sikit, apa tujuan kita bawa RUU 355. Kalau sekarang ni Rang Undang-Undang 355 tu kita nak bawa yang kita tangguhlah satu ketika dulu, nak bawa tapi tangguh. Kenapa kita panggil RUU 355 sebab penjara maksimum tiga tahun hah itu tiga, denda maksimum 5 tahun err… RM5000 hah itu denda itu 5, kemudian sebatan maksimum 6 tapi dia selalu sebut 3 5 5 atau 3 5 6. Jadi kalau sekiranya lulus RUU 355 ni maka penjara 30 tahun, denda hingga RM100 ribu dan sebatan hingga 100 kali. Hah…ini saya nak bagi tahu Yang Berhormat, maknanya Speaker ni kita buat kaji *homework* jugalah. Kita, mana boleh juga bagi menjawab untuk memberikan penjelasan kenapa. Terima kasih. Saya nak teruskan soalan ketiga. Wakil daripada Tioman.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Saya mengemukakan soalan nombor 3. Terima kasih.

> [Adakah Majlis Daerah Rompin (MDR) akan terus berusaha memastikan dan mengekalkan harga sewaan gerai-gerai di Kuala Rompin pada tahap yang tidak membebankan kepada penyewa-penyewa masa ini?]
>
> Adakah MDR ada cadangan menimbangkan cadangan untuk menambah gerai di kawasan strategik seperti restoran terapung di dataran Teluk Gading dan Cemara memandangkan banyak rumah rakit jadi tarikan pengusaha tempatan, pelancong dalam dan luar dari Rompin?]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada rakan saya daripada Tioman yang kemukakan soalan berkaitan dengan Majlis Daerah Rompin.

Untuk makluman Sidang Dewan, Kerajaan Negeri Pahang, kita sentiasa prihatin dan dengan suasana geopolitik yang berlaku di Asia Barat yang telah memberikan kesan secara langsung kepada ekonomi global dan juga seterusnya menjejaskan kos sara hidup rakyat dan juga menjejaskan kesejahteraan rakyat termasuklah dalam negeri Pahang dan bagi memastikan kesan yang minimum kepada rakyat akibat daripada situasi yang berlaku tersebut. Kerajaan Negeri Pahang melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan…Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ke 15 pada 29 April 2026, telah bersetuju untuk kita menangguhkan sebarang kenaikan kadar atau pengenaan caj-caj baharu oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk sementara waktu ini bagi mengelakkan kesan berangkai atau *domino effect* dengan izin Yang Di-Pertua yang boleh menjejas dan membebankan rakyat. Keputusan ini berupaya untuk mengimbangi kesan kenaikan kos secara menyeluruh serta memelihara kesejahteraan rakyat dan kelangsungan aktiviti dalam ekonomi negeri kita dan berhubung dengan cadangan penambahan gerai di kawasan strategik Dataran Teluk Gading, kita telah mengambil kira perkara ini dan Pihak Majlis melalui kerjasama Pejabat PLANMalaysia telah menerbitkan Laporan Cadangan Projek Cadangan Naiktaraf Dataran Teluk Gading yang melibatkan perancangan yang strategik dengan

memberi fokus kepada menaik taraf dataran sedia ada dengan kemasan dan corak baharu yang lebih unik dan menarik.

Pembangunan Dataran Teluk Gading ini juga telah diambil kira dalam Rancangan Kawasan Khas Teluk Gading dan Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 Penggantian. Antara komponen-komponen pembangunan yang dicadangkan merangkumi menaik taraf gerai yang sedia ada, pelantar pandang restoran yang terbuka dan jeti dermaga berkonsepkan kapal laut. Pelaksanaan projek-projek ini akan dilakukan secara berfasa bagi menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan dan selaras dengan peningkatan daya tarikan pelancong seperti rumah rakit yang kini menjadi tumpuan pengusaha dan pelancong dari dalam serta luar daerah Rompin.

Kita, Kerajaan Negeri juga melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan yang ke-37 telah meluluskan permohonan untuk melaksanakan Projek Usahasama Pembangunan Rumah Rakit Kampung Sabak Feri Kuala Rompin yang merupakan usahasama antara Majlis Daerah Rompin dan Syarikat Feri Sabak River Bencer dan perincian pembangunan adalah seperti berikut, Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, yang pertamanya melibatkan zon satu riadah awam seluas 2 ekar. Pembangunan oleh Majlis Daerah Rompin yang merangkumi kemudahan sokongan awam sebagai…sebagai pulangan balasan kepada Majlis Daerah Rompin, pihak pelabur akan membina 2 unit rumah rakit di kawasan zon ini. Di kawasan Zon 2 pula, pembangunan komersial dan pelabur, 2.8 ekar.

Pembangunan utama oleh pelabur yang merangkumi 10 unit rumah rakit sesebuah, 12 unit rumah rakit berkembar, lobi, restoran, kolam renang, tapak perkhemahan… tapak perkhemahan serta kemudahan utiliti dan Zon 3 pula adalah zon khas pengusaha tempatan di mana menempatkan semula pengusaha-pengusaha rumah rakit tempatan yang sedia ada dengan kapasiti jangkaan sebanyak 10 unit rumah rakit sesebuah. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas perkara yang telah dijawab dalam pertanyaan saya. Kalau ikut apa yang dinyatakan tadi sangat banyak, ya. Sidang Dewan pun boleh tahu perkembangan semasa berhubung kait dengan pembangunan yang melibatkan Kerajaan Tempatan dan juga Majlis Daerah di daerah Rompin khususnya di sebelah Teluk Gading. Jadi perkara ini disambut oleh warga peniaga yang menyewa premis-premis Majlis Daerah di seluruh daerah dalam negeri Pahang ini dengan menarik nafas yang lega dengan ada moratorium ataupun menghentikan sementara kenaikan kadar sewa gerai-gerai ini.

Jadi soalan saya, adakah pihak kerajaan dalam hal ini memberi tempoh tertentu sehingga hujung tahun atau bagaimana kerana sekarang ini kita lihat memang sangat terujalah warga yang menyewa premis di daerah-daerah ni termasuk khususnya di Rompin tentang tidak menaikkan sewa pada ketika ini. Terima kasih.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Rompin dan Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kiralah apa yang berlaku di luar negara contohnya dengan peperangan yang berlaku di Teluk, dan juga kesan kepada

ekonomi dalam negeri. Dan ini sudah tentu kita dapat lihat kesannya nanti apabila berlaku memberi kepada kesusahan dan kepayahan kepada kehidupan para peniaga-peniaga ini. Dan dengan pendekatan kalau sekiranya kita naikkan kadar sewa tersebut sudah tentu akan menaikkan lagi, daripada apa, perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberikan, ataupun daripada apa yang telah disediakan oleh pengusaha-pengusaha restoran-restoran terbabit.

Dan ini telah kita bincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita telah sebulat suara telah memutuskan untuk tidak menaikkan kadar sewa. Dan juga tempohnya bergantung pada keadaanlah. Kalau sekiranya kita tengok keadaan di masa hadapan, peperangan telah tamat dan kita akan meneliti perkara ini dari masa ke semasa sebelum menentukan keputusan sebagaimana yang telah ditanya oleh sahabat saya daripada Tioman. Terima kasih Dato' Sri Yang Dipertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan terakhir.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG)

Terima kasih [batuk]. Terima kasih Dato’ Sri Speaker. Saya menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Pahang untuk tidak meningkatkan lesen perniagaan ini. Cuma soalan tambahan saya, adakah kerajaan berhasrat ataupun mampu untuk mempertimbangkan untuk mengurangkan lesen perniagaan kepada perniagaan kecil dan sederhana terutamanya penjaja-penjaja dan gerai-gerai yang menjalankan perniagaan untuk tempoh mungkin 6 bulan yang akan datang ini. Kurangkan kos kepada mereka agar mereka dapat menampung apa itu tempias ataupun kesan daripada konflik Timur Tengah ini.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua terima kasih kepada Ketari. Kita bilangan lesen itu kita tak kurangkan. Mungkin dari segi apa, kadar lesen... lesen kalau kita kurangkan, tiada hasil pula Dato' Sri. Jadi, jadi yang sebenarnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua perkara ni kita akan teliti dari semasa ke semasa dan dia melibatkan PBT masing-masing. Contohnya macam PBT Bera ya. Contohnya macam Majlis Daerah Maran. Kadang-kadang kedudukan kewangannya adalah kita akan meneliti dari segi kedudukan kewangan PBT masing-masing. Kalau Bentong macam Ketari itu mungkin okaylah sebenarnya. Tapi walau bagaimanapun, kita akan meneliti perkara ini sebagaimana yang disarankan, buat, tapi buat masa ini kerajaan membuat keputusan untuk sementara waktu untuk tidak menaikkan sebarang kadar sewa dan ini akan kita teliti lagi dari semasa ke semasa cadangan daripada YB Ketari tersebut, jika bersesuaian ataupun boleh membantu rakyat, Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. er..,sebelum itu, saya nak bagitau ya. Saya berbalik ke tadi RUU tadi mesti dibawa RUU 355 itu mesti dibawa di Parlimen dahulu. Kerana itu sahaja kuasa Kerajaan Negeri yang ada. Barulah dia boleh dilaksanakan di Kerajaan Negeri. Okay soalan seterusnya s oalan 4 wakil daripada Lanchang.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 4.

> [Terdapat 7 buah stesen ECRL di Pahang.
>
> Adakah kerajaan bercadang untuk memajukan kawasan tersebut, sebagai kompleks perhentian bersepadu dengan diujudkan pelbagai stesen seperti bas, teksi atau e-hailing untuk kemudahan pengangkutan orang awam?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' Ir. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih Yang Dipertua Dato' Sri Speaker dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Lanchang yang mengemukakan pertanyaan berkaitan dengan ECR, stesen, tujuh stesen ECRL di Pahang ini dan adakah pihak kerajaan bercadang untuk memajukan kawasan tersebut sebagai Kompleks Perhentian Bersepadu dengan diwujudkan pelbagai stesen seperti stesen bas, teksi dan e-hailing untuk kemudahan awam.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' Ir. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua. Kerajaan Negeri sememangnya telah mempunyai perancangan bagi membangunkan tujuh kawasan stesen ECRL di negeri Pahang. Jadi bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja Pelaburan dan Pembangunan Berorientasikan Transit dan Projek Pemecut Ekonomi yang bertujuan untuk memantau kemajuan pembangunan projek-projek di sekitar stesen ECRL. Manakala pihak PLANMalaysia Ibu Pejabat juga telah menjalankan Kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur bagi stesen-stesen ECRL di negeri Pahang ini. Selain itu, PLANMalaysia juga menjalankan kajian sistem pengangkutan awam di Daerah Kuantan bagi memastikan kesinambungan mod pengangkutan dari stesen ECRL ke KotaSAS dan ke Terminal Sentral Kuantan dan juga Bandar Kuantan.

Antara projek khusus berkaitan Kompleks Perhentian Bersepadu dan kemudahan pengangkutan awam yang telah dirancang adalah bagi daerah Kuantan dan Temerloh. *Sorry* maaf Yang Dipertua, Kuantan dan Bentong. Iaitu di projek Terminal Bersepadu dan Pusat Komersial di Stesen Bentong dan keduanya, Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu di Stesen Besar di Stesen Paya Besar, Kuantan. Dan selain itu, Kerajaan Negeri telah mengadakan Mesyuarat Ketersambungan Pengangkutan Awam di Stesen Laluan Rel Pantai Timur di Negeri Pahang pada 21 April 2026 yang melibatkan operator penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam bagi empat daerah yang mempunyai stesen ECRL iaitu di Kuantan, Bentong, Temerloh dan juga Maran. Antara operator yang menyokong dan penyedia perkhidmatan pengangkutan awam yang hadir dalam sesi tersebut ialah Perkhidmatan Bas Henti-Henti iaitu Mara Liner Sdn. Bhd., Sanwa Tours Sdn. Bhd., Green Transit Liner dan juga Sri Jengka Sdn. Bhd. manakala Persatuan Teksi dan Kereta sewa yang hadir bersama ialah Persatuan Pemilik Permit dan Pemandu Teksi/Kereta Sewa Daerah Kuantan, Persatuan Kereta Sewa dan Teksi Daerah Temerloh, Persatuan Kereta Sewa dan Teksi Daerah Bentong

dan Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Daerah Maran. Dan selain itu juga, penyedia perkhidmatan e-hailing juga ada bersama iaitu Maxim e-hailing Service, Rakan Grab Kuantan dan juga InDrive Malaysia.

Seterusnya Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan di kesemua empat daerah tersebut akan mengadakan sesi libat urus lanjut dengan penyedia perkhidmatan awam, pengangkutan awam di peringkat daerah melalui Jawatankuasa Infrastruktur dan Lalu Lintas Daerah tersebut dengan menyediakan, dengan penyedia perkhidmatan bas henti-henti, teksi dan e-hailing untuk memastikan ketersambungan perkhidmatan awam serta meningkatkan *accessibility* serta keselamatan di kesemua tujuh stesen ECRL dalam negeri Pahang. Cadangan-cadangan daripada sesi libat urus ini nanti akan dibentangkan untuk pertimbangan dan keputusan Kerajaan Negeri bagi memastikan ketersambungan perkhidmatan awam dengan perkhidmatan ECRL ini berada pada tahap maksimum dan memberi manfaat kepada semua pihak.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Soalan tambahan.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Soalan tambahan? Terima kasih kepada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagi Lanchang lepas itu Kuala Krau. Eh, Jenderak.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih kepada YB EXCO. Menurut apa yang telah pun disebut bahawa tumpuan kepada perkhidmatan ini ialah 70% adalah kargo dan 30% untuk penumpang dan juga ada laporan mengatakan bahawa 30% itu mewakili lebih kurang 400 *seat,* 400 penumpang untuk satu perjalanan. Dan kalau kita lihat ini 400 itu, kita mempunyai tiga negeri yang bermula daripada Pantai Timur. Kalau kita bahagikan lebih kurang 133 penumpang sahaja untuk negeri Pahang. Dan kita ada tujuh stesen, bermakna tujuh stesen 19 orang. Jadi adakah ini mencukupi untuk kita pengguna-pengguna di negeri Pahanglah khususnya terutamanya untuk bergerak pergi ke, ke, apa ke Bandar Raya Kuala Lumpur ataupun sebaliknya. Dan sepertimana kita sedia maklum bahawa di Bentong itu merupakan satu tempat yang mengalami kesesakan apabila perayaan. Jadi dengan ini dengan jumlah penumpang ini, ia tidak dapat menyelesaikan kesesakan berlaku. Jadi adakah pihak kerajaan berbincang semula dengan pihak perkhidmatan ini untuk menilai semula jumlah penumpang. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' Ir. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pihak MRL dan juga pihak ECRL pun sudah ada perancangan dan cadangannya iaitu walaupun laluan itu daripada sekarang fasa pertama dari Gombak sampai ke Kota Bharu, tetapi perkhidmatan ECRL ini dia ,dia tak sampai, dia tak sampai contohnya untuk laluan Kuantan dia akan sampai Kuantan dia pusing balik. Terengganu begitu juga daripada Gombak ke Terengganu pusing

balik dan daripada Gombak ke Kelantan pun dia pusing. Jadi maknanya untuk perkhidmatan ECRL ini untuk negeri Pahang itu dia tetap mendapat jumlah *seat* yang, yang cukup. Begitu juga di Terengganu dan juga di Kelantan, dia tidaklah terus *straight*, terus ke Kota Bharu. Kemudian runcit-runcit start stesen daripada Kota Bharu, Terengganu dan ketujuh stesen di Pahang akan *look* ikut negeri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia sebenarnya, dia bukannya macam kapal terbang MAS sekali sehari Yang Berhormat. Kita pergilah ke luar negeri, dia banyak kali satu hari tu dua kali ke tiga kali ke empat kali ke lima kali ke. Mungkin enam kali itu tujuan dia. Dia bukan sekali je. Dia tak sekali, sekali pergi pagi balik, hari tu zaman saya dulu motorbot. Zaman motorbot saya dulu memang macam tu lah sekali sehari je dia pergi. Lepas tu dia balik habis sekarang tak ada dia banyak kali. Jangan susah hati gitu. Kalau Yang Berhormat, nak pergi ke tempat-tempat yang ada macam London semua, nanti ikut Speaker. Seterusnya wakil daripada Jenderak.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih, Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan adakah di Stesen ECRL Temerloh akan dibina Terminal Bersepadu.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' Ir. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, seperti dimaklumkan tadi, Terminal Bersepadu ini kita setakat ini akan dibina di dua tempat iaitu di Bentong dan juga di Paya Besar Kuantan. Manakala Temerloh ini setakat ini kita tidak dibina kerana mengambil kira, mengambil kira Terminal Sentral Temerloh akan dibina iaitu di atas tanah lebih kurang 7 ekar yang telah selesai proses pengambilannya melalui peruntukan ECERDC pada tahun 2018 dan kelulusan telah diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Temerloh iaitu berjumlah RM25 juta. Lokasinya di tempat yang strategik iaitu berada di antara bandar Temerloh dan Mentakab dan berhampiran dengan akses ke Lebuh Raya Pantai Timur dan juga ke stesen ECRL. Jadi sebab itulah kita sekarang ni, pastikan ketersambungan daripada stesen ECRL ke mana-mana stesen terminal bersepadu yang ada di kawasan bandar termasuklah di Temerloh nanti.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila soalan terakhir wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO’ SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih, ini lari sikit daripada soalan asal saya ada kaitan sikit ialah tujuan objektif utama ECRL ni ialah untuk kargo 70%. Saya nak tanya sejauh mana penyambungan di antara Terminal Kuantan ke Pelabuhan Kuantan. Sebab itu fokus utama ECRL ialah untuk bawa kargo. Jadi itu, soalan terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, minta laluan. Saya ingin memberi penjelasan sedikit berhubungan keretapi laju ini yang dijangka siap pada akhir tahun ini akan beroperasi pada bulan 1 tahun depan dan sepanjang trek tersebut operasinya sehingga di Gombak je, pada awal tahun depan bukan sampai ke Lembah Klang lagi. Yang 70%/30% tu ialah ekoran daripada ada satu mesyuarat, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan pun ada, saya tanya wakil MRL berapa komposisi dia satu laluan dia mengatakan 70%/30%. Ekoran daripada itu, Yang Berhormat Speaker, saya buat kenyataan 70% itu kargo 30% *passenger*. Pemahaman saya ketika menjawab soalan tersebut tetapi sebenarnya apabila saya mendapat penjelasan daripada pihak MRL daripada CEO dia, itu adalah pendapatan yang mereka akan mendapat pendapatan 70% daripada keretapi laju tersebut adalah daripada kargo, 30% daripada *Passenger*. Itu dia punya penjelasanlah. Dan memang kita bimbang sebab tren ni daripada daripada Kelantan, Terengganu, Pahang sampai ke Selangor. Kita bimbang nanti sebab dia sekali lalu hanya boleh memuatkan 400 orang. Jadi kita bimbang sebab kita di Pahang ni kita bimbang takut orang Kelantan dah sapu habis dah tiket tu. Jadi orang Terengganu, Pahang mungkin melopong je lah.

Jadi kita minta MRL kaji perkara ni, maknanya ada *percentage* tertentu sebab mereka ni berniaga. Maknanya kalau daripada Kelantan ke Kuala Lumpur mesti tiketnya mahal. Mesti dia ambil yang mahal. Tapi kita nak *portion* tu kena ada. Yang kedua, kita minta supaya dia jangan jual secara block. Maknanya di musim perayaan, kita bimbang nanti semua untuk Passenger semua dibeli oleh orang Kelantan. Jadi *defeat the purpose* untuk kita mengurangkan kesesakan lalu lintas di Karak *Highway*. Kita dah PM Yang Berhormat Speaker, kita dah ambil tindakan proaktif dan saya harap Yang Berhormat daripada Cheka pun boleh membantu kerajaan supaya perkara ini diambil kira oleh MRL. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya wakil daripada Cheka. Soalan nombor 5.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya nak pantun sikit Speaker pagi ni.

Pohon selasih dalam raga,
Di bawa sama buah delima,
Lain macam sungguh tuan speaker,
Soalan saya nombor lima.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Daun selasih daun kayu,
Terima Kasih thank you.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

[Apakah status terkini dan halangan yang dihadapi untuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan di Gebeng yang dijadualkan beroperasi pada 2026 serta status pembangunan bercampur Bandar Aeroangkasa yang melibatkan kawasan seluas 5,042 hektar.]

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, Terima kasih, Dato' Sri Speaker dan terima kasih rakan ADUN Cheka yang pertanyaan yang bertanyakan soalan nombor 5. Siap berpantun lagi. Soalannya adalah seperti berikut. Apakah status terkini dan halangan yang dihadapi untuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan di Gebeng yang dijadualkan beroperasi pada tahun 2026. Serta status pembangunan bercampur bandar aeroangkasa yang melibatkan kawasan seluas 5,042 hektar. Jawapan adalah seperti berikut.

Untuk makluman dewan yang mulia ini cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan di Gebeng serta Bandar Aeroangkasa merupakan projek strategik berimpak tinggi Kerajaan Negeri Pahang yang dilaksanakan melalui pendekatan pembiayaan swasta dengan izin *Private Finance Initiative*. Dalam erti kata, ia tidak melibatkan dana kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan sama sekali dan akan dibina di atas tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Pembangunan ini dirancang secara bersepadu melibatkan kawasan seluas kira-kira 5,042 hektar merangkumi komponen utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa, fasiliti MRO dengan izin *Space City Advanced Mobility Park*, *Data Centre AI Tech Park* serta pembangunan bercampur residensi dan komersial yang menyokong ekosistem aeroangkasa dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Berhubung status terkini, projek ini kini berada pada peringkat pemuktamadan, keperluan teknikal, struktur pelaksanaan serta penglibatan pelabur strategik.

Dalam masa yang sama, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada pematuhan syarat teknikal yang ketat oleh agensi-agensi persekutuan yang berkaitan termasuk dengan izin *International Civil Aviation Organization*, (ICAO), *Federal Aviation Administration*, *FAA Civil Aviation Authority of Malaysia*, (CAAM), serta Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) khususnya melibatkan aspek kawal selia keselamatan dan piawaian operasi penerbangan antarabangsa. Sehubungan itu, kerajaan negeri bersama pihak pemaju sedang melaksanakan libat urus berterusan dengan semua agensi berkaitan bagi memastikan setiap keperluan teknikal dipenuhi sepenuhnya sebelum pelaksanaan fizikal diteruskan.

Kerajaan negeri ingin menegaskan bahawa projek ini dilaksanakan secara berhemah, terancang dan berasaskan keupayaan sebenar dengan keutamaan kepada pematuhan piawaian daya maju, pelaburan serta tadbir urus yang telus. Kesimpulannya, kerajaan negeri kekal komited untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara cekap dan teratur agar manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat. Projek ini dijangka mengangkat negeri Pahang dan Malaysia ke peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan konsep Omni Portal iaitu Hab Mobiliti Bersepadu yang mengintegrasikan pengangkutan udara, darat dan logistik pintar serta menyokong ekosistem aeroangkasa dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan saya ialah, kalau kita lihat perjanjian ini telah ditandatangani pada Julai 2022 jadi sudah 4 tahun dan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar

pun kita jangka siap 2026 tahun ni, nampaknya masih belum bermula secara fizikal. Soalan saya dua, pertama implikasi perjanjian. Apakah ada implikasi perundangan dengan perjanjian sebab melibatkan pihak pelabur luar yang turut melabur dalam projek ini yang keduanya apakah unjuran baru yang kerajaan sasar untuk dapat disiapkan?

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih. Rakan ADUN Cheka yang bertanyakan soalan tersebut. *Airport* ni Lapangan Terbang ini, dijangka siap pada tahun 2031, sebab ini merupakan satu aset yang mengambil kos sebanyak berbillion-billion ringgit, untuk membina *Airport* yang akan beroperasi selama 50 hingga 100 tahun. Oleh itu, perancangan adalah perlu teliti dan tidak boleh tergesa-gesa dan kita perlu mematuhi piawaian daripada pihak (CAM) dan juga semua agensi-agensi *regulatori* dengan izin, sebab ini soal nyawa penumpang. Lapangan terbang juga, yang dijangka berjumlah 2 juta setiap tahun. Oleh itu, kita perlu ambil masa yang sebaiknya, pada perspektif kerajaan negeri projek ini berjalan dengan lancar dan insya-Allah akan ada pengumuman yang menarik oleh pihak pemaju dalam masa terdekat ni dengan izin Allah SWT. Doa-doakanlah ya. Saya minta semua *stay tune* lah mengenai rancangan tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya.

(ADUN JELAI - N.02)

YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat minta maaf saya nak mencelah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat daripada Cheka, memang benar saya ada membuat kenyataan dan ada perjanjian ketika itu, kerana pada masa itu memang syarikat berkenaan er... menyatakan bahawa mereka boleh menyiapkan projek yang boleh buat projek lapangan terbang ini. Tetapi *in between* itu ada masalah-masalah tertentu yang mereka tidak dapat tunaikan. Bukan masalah kita. Faktor di luar kawalan. Dan bersabit dengan kenyataan ketika itu, Yang Berhormat pun pernah juga mengeluarkan kenyataan. Pada November 2, 2017. Hentikan segera eksport pasir demi alam sekitar. Yang Berhormat membuat kenyataan ketika itu. Lepas tu, Yang Berhormat pula buat kenyataan. Pahang ada pasir sungai yang banyak, tapi sayangnya ia tidak dapat menjana pendapatan bagi negeri. Di masa yang sama, ada negeri lain dibenarkan. Jadi, maknanya kita buat. Kadang-kadang kita buat *statement* ketika itu berdasarkan keadaan ketika itu. Tetapi apabila keadaan telah berubah tidak bersesuaian, makanya kenyataan kita pun berubah juga. Jadi, lebih kurang samalah, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya nak betulkan sikit ye 2017 itu bukan kenyataan saya tu. Yang dia yang dia viral itu kenyataan oleh Sahabat Alam Malaysia 2017 bukan daripada saya. Jadi, mereka cuba nak, nak, nak timbulkan *polemik* ambil satu kenyataan tapi tak sebut sumber.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ok.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Jadi saya nak walau bagaimanapun terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya, saya nak sebut er... kalau kita balik pada soalan asal saya, Perjanjian tu membuatkan hampir RM2 bilion pada tahun 2022 sebelum *covid*. Saya fikir sekarang dengan, dengan kos yang mendadak meningkat dengan geopolitik yang berlaku er...

> [Apakah kos yang terkini yang diunjur oleh pihak kerajaan negeri, saya yakin kalau RM2 bilion tahun 2022 mungkin sekarang dah mencecah mungkin 5 atau 6 bilion, kalau kerajaan dia ada maklumat tentang unjuran kos terkini. Terima kasih.]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh Harakah *Daily*. Nanti saya *forward* kepada Yang Berhormat lah ya.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya ada, saya ada dah. Saya ada dah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pada bulan 11, 2 haribulan 2017.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Harakah *Daily* memetik kenyataan daripada surat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang itu saya tak tahulah. Saya tak ada lah kalau.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tak memang keluar dalam Harakah *daily*.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tetapi apa yang dapat kepada saya, dulu kata jangan *eksport* pasir. Harakah *Daily*. Pada masa itu. Pada masa itu, Yang Berhormat er... Cheka mencadangkan jangan kita eksport. Tapi baru-baru ni, minta *eksport* pulak. Yang Berhormat Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ye tak apa, dulu kita pun tak bersama DAP. Sekarang dan sama DAP dulu. Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheka dengan DAP peluk-peluk, cium-cium sekarang tak nak DAP pulak. Ni biasalah. Betul. Takpe takpe takpe. Ini politik, ini politik, *don worry*.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya nak nak nak betulkan. Kenyataan itu dipetik oleh Harakah, tapi bukan daripada kenyataan saya, daripada Sahabat Alam Malaysia. Tapi Harakah ni dia bawa berita dia ambil berita-berita mana-mana sumber tapi dimasukkan tapi bukan daripada mulut saya. Sebab saya perlu jelaskan supaya, fitnah ini tak tersebar. Sebab mereka letak gambar saya tengah-tengah. Kenyataan baru dengan kenyataan dibuat oleh Sahabat Alam Malaysia. Kononnya saya buat kenyataan berbeza 2017 lain sekarang lain. Oleh kerana yang keluar itu ialah Harakah. Harakah Daily ialah berita, dia ambil sumber daripada macam-macam bukan daripada sumber saya. Terima kasih Dato' Sri.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat tak saman ke?

(ADUN CHEKA - N.04)

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Takpe lah. Er... saya tengok, bukan isu saman-menyaman tapi isu perbetulkan fakta dulu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa sekarang ni pun keluar viral, masa Yang Berhormat sokong DAP, besok bila, bila BN tak sokong pulak DAP keluar pula viral, yang BN sokong DAP. Dia biasalah Yang Berhormat sebab kita tak boleh *control*. Ini... dunia sekarang ni sebab benda tu selagi ada data *centre*, selagi benda tu boleh di di di apa di di disimpan dia akan keluar balik. Maknanya dia panggil dia apa namanya *rewind* balik. Tapi ok. Seterusnya soalan seterusnya.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan sikit boleh. pasal..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita dah 3 dah Yang Berhormat.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Pasal *airport* ni. Sikit je sikit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat. Sebab dalam kawasan Yang Berhormat takpe.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya cuma nak minta penjelasan daripada pihak kerajaan tentang tanah seluas 5,000 hektar lebih ni tadi adalah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan. Ada tak sebahagian daripada tanah ini adalah tanah yang sedang dipohon oleh penduduk setempat ataupun orang, orang-orang persendirian, yang terlibat di dalam er... projek ini dan apakah tindakan kita untuk nak memaklumkan kepada mereka bahawa tanah mereka ini telah tidak diluluskan untuk tujuan projek lapangan terbang. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Jawapannya tak ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak ada. Lagipun, projek ini saya difahamkan Yang Amat Berhormat kalau sekiranya saya salah, projek ini *private initiative*, dia bukannya duit kerajaan negeri ye. Itu *private* betul Yang Berhormat *private* ok. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Soalan ke-6. Wakil daripada Batu Talam.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera dan Salam Pahang Pahang 1st. Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 6. Terima Kasih.

> [Apakah jaminan kerajaan negeri bahawa program di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang akan memberi impak jangka panjang dan bukan sekadar inisiatif bermusim?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, dan juga terima kasih kepada sahabat daripada Batu Talam yang bertanyakan soalan yang berbunyi.

> [Apakah jaminan kerajaan negeri bahawa program di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang akan memberi impak jangka panjang dan bukan sekadar inisiatif bermusim?]

Kerajaan Negeri Pahang memberi jaminan bahawa program di bawah dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang, bukan sekadar inisiatif bermusim sebaliknya dirangka secara strategik bagi memberikan impak jangka panjang melalui beberapa pendekatan utama. Pertama, pelaksanaan program ini berasaskan data serta keperluan sebenar wanita di negeri Pahang, bagi memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan *lebih relevan*, tepat sasaran dan juga berfokus.

Seterusnya, kerajaan meletakkan mekanisme pemantauan dan penilaian berkala untuk menilai keberkesanan program serta melaksanakan penambahbaikan secara berterusan mengikut keperluan semasa. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap program kekal *efektif* dan memberi manfaat optimum kepada kumpulan sasar. Selain itu, program ini turut disokong melalui peruntukan kewangan yang dirancang secara berfasa serta kerjasama strategik melibatkan pelbagai agensi kerajaan. Pertubuhan serta pes serta pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta bagi memastikan kesinambungan pelaksanaannya. Pembangunan kapasiti wanita juga terus diberi penekanan melalui latihan kemahiran, pembangunan, kepimpinan dan pemerkasaan ekonomi supaya golongan wanita, mampu berdikari serta meningkatkan taraf hidup dalam jangka panjang. Bukan sekadar bergantung kepada bantuan sementara. Dan akhir sekali, ia... dasar ini diselaraskan dengan agenda pembangunan negeri dan juga nasional, sekaligus menjadikan sebahagian daripada pelan pembangunan yang lebih menyeluruh, sistematik dan berterusan. Er…bukannya sekadar program *ad-hoc* semata-mata. Dengan pendekatan yang *komprehensif* ini, kerajaan yakin impak yang dihasilkan akan lebih mampan serta mampu memberi manfaat berpanjangan kepada wanita dan masyarakat di negeri Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Wakil daripada Batu Talam soalan tambahan.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

YB Dato' Sri Speaker,

Ini mungkin peminat wanita lah. Memandangkan dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang ini bermula pada tahun 2022 dan akan tamat pada tahun 2026 dan mengikut rekod jumlah populasi wanita ni kebanyakan daerah tempatnya lebih kepada 50% maknanya seimbang orang lelaki & wanita. Wanita ni ramai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada negara lain tu wanita lebih ramai daripada lelaki. Ha biasalah. Akhir zaman Yang Berhormat.

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Takpa. Speaker tambah wanita ni seorang berdua. Bila dah ramai tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker setakat ini kurang keberanian.

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Ini tengok kepada rekod tadi, saya ingin menanya kepada Kerajaan, apakah cadangan Kerajaan dalam merancang bagi kumpulan ataupun kluster wanita ni untuk masa depan. Sekian, terima kasih.

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih di atas pertanyaan tambahan. Memandangkan ini adalah tahun akhir dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang ini dan keperluan yang agak patut & mendesak ye. Kita dalam kajian bagi meneruskan dasar ini dan saya yakin & percaya bahawa dasar ini akan diteruskan lagi. Insya-Allah.

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Soalan Tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ok Sila. Ini wakil daripada apa nama, Bukit Ibam ni die tanya soalan saya kena bagi juga pasal die jarang-jarang bertanya. Ok sila wakil Bukit Ibam.

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Ok terima kasih kepada Dato' Sri Speaker. Berkenaan dengan Kerajaan Negeri pernah mewujudkan rumah perlindungan wanita pertama pada tahun 2021 jadi saya mohon penjelasan bagaimana perkembangan rumah perlindungan ini dan adakah kerajaan berhasrat untuk membina lagi rumah perlindungan memandangkan banyak kes melibatkan wanita mutakhir ini. Terima kasih.

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih di atas pertanyaan sahabat. Sebenarnya rumah perlindungan wanita tersebut kita telah wujudkan sejak 2021 tetapi memandangkan rumah tersebut tidak sesuai dijadikan rumah perlindungan kerana tidak diluluskan oleh BOMBA dan

beberapa agensi, kami menjadikan rumah tersebut sebagai pusat aktiviti wanita dan kami menjemput NGO-NGO yang ingin mengadakan aktiviti contohnya yang ringan-ringan contoh memasak ataupun program-program keagamaan kami mengalu-alukan tetapi tidak menjadikan rumah tersebut sebagai tempat perlindungan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ok soalan seterusnya kita pergi kepada soalan no. tujuh. Wakil daripada Jenderak.

(ADUN JENDERAK – N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya no.7.

Skim kemalangan bukan bencana kerja

(a) [Apakah peranan kerajaan negeri dalam memperluaskan perlindungan keselamatan social bagi kemalangan bukan bencana kerja kepada rakyat Pahang?

(b) Sejauh manakah kesedaran rakyat mengenai kepentingan perlindungan terhadap kemalangan di luar waktu pekerjaan?]

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam Sejahtera Dato' Sri Speaker. Untuk menjawab soalan dari Jenderak. Untuk Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri menyedari bahawa sistem perlindungan sosial negara perlu direformasikan agar ianya lebih komprehensif dan selari dengan revolusi sosial ekonomi *global*. Oleh itu, PERKESO telah mengambil langkah proaktif dimana pada 18.12.2025, Rang Undang-Undang Skim Keselamatan Bukan Bencana Kerja atau dikenali SKBB 2025 telah diluluskan di dewan negara dan dijangka akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Jun 2026. Skim ini juga dikenali bagi skim lindung 24 jam dimana liputan perlindungan 24 jam akan diberikan kepada pekerja yang layak semasa tempoh pengajian. Termasuk perlindungan bagi kemalangan yang berlaku diluar waktu kerja dan tidak berkaitan secara langsung dengan pengajian. Skim ini menyediakan manfaat seperti faedah perubatan faedah hilang upaya sementara, faedah hilang upaya kekal, elaun layan sentiasa, faedah orang tanggungan, faedah pengurusan mayat dan faedah pemulihan. Berdasar angka PERKESO sebanyak 43,168 kes, kemalangan dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 Akta 4, telah ditolak oleh PERKESO dan diputuskan bukan bencana kerja sejak tahun 2021 hingga 31.12.2025 di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pekerja aktif setakat Mac 2026, Pelaksanaan SKBBK dijangka memberi manfaat kepada lebih kurang 164,906 orang pekerja tempatan dan 29,138 pekerja asing di negeri Pahang yang aktif mencarum dibawah PERKESO. Pelaksanaan skim ini akan memperluaskan penerimaan sosial kepada pekerja bukan sahaja ketika berada di tempat kerja malahan meliputi kemalangan diluar waktu pekerjaan termasuk ketika berada di rumah menjalankan aktiviti harian. Untuk makluman ahli Dewan Speaker, perlindungan 24 jam ini hanya *cover* di Malaysia Sahaja, tidak temasuk di luar negara.

Untuk menjawab soalan B. Pejabat PERKESO di seluruh Pahang bersama-sama kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperluaskan dan mempertimbangkan terhadap kesedaran rakyat negeri Pahang berkenaan

perlindungan keselamatan sosial mengenai skim lindung 24 jam antaranya kerjasama strategi dengan pihak berkepentingan ahli parlimen, adun di negeri Pahang. Melaksanakan program publisiti melalui media sosial seperti di laman sesawang *Facebook, YouTube, Whatsapp* dan *Instagram*. Kerjasama dengan media harus berada dalam media sosial dan akhir sekali menjalankan program kesedaran seperti program PERKESO yang diadakan di seluruh negara melibatkan majikan pekerja, kesatuan dan persatuan industri.

Untuk makluman semua, selain itu pekerja juga mempunyai 54 khidmat pelanggan di seluruh negara. Di Pahang ada 3 iaitu di Kuantan, Temerloh dan Bentong yang turut bertindak sebagai *platform* bersemuka bagi semua masyarakat termasuk rakyat Pahang mendapat informasi mengenai skim lindung 24 jam. Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat mengenai skim lindung 24 jam dengan melayari platform rasmi PERKESO dan talian khidmat pelanggan PERKESO 1-300-22-8000. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Beserah

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya cuma ingin penjelasan daripada Kerajaan daripada jumlah 43,168 kes yang ditolak itu tadi di seluruh negara, apakah antara sebab ataupun alasan permohonan mereka ini ditolak dan kalau ada angka kemudian berapa kes ini di Pahang yang sebenarnya ditolak permohonan. Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Beserah. Saya tidak ada maklumat. Nanti saya beri jawapan bertulis. Terima kasih.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya soalan no. 8 wakil daripada Tanah Rata

(ADUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan 8.

(a) [Sila nyatakan jumlah pelancong yang melawat setiap daerah di negeri Pahang bagi tahun 2025, serta perbandingan kadar peningkatan atau penurunan dalam bentuk peratus berbanding tahun 2024.

(b) Jelaskan persediaan kerajaan negeri Pahang dalam menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026, termasuk perancangan program, penganjuran aktiviti serta usaha promosi yang telah dan akan dilaksanakan.]

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Tanah Rata yang bertanyakan tentang pelancongan. Jadi soalan a) sila nyatakan jumlah pelancong di setiap daerah di negeri pahang bagi tahun 2025 dan kadar peningkatan atau penurunan. Jadi untuk makluman yang berhormat-yang berhormat, untuk tahun 2025, di daerah Kuantan mencatatkan 2.69 juta pelancong. Peningkatan 7.98%, daerah Bentong 9.49 juta orang pelancong, peningkatan 6.9%, Cameron Highlands 2.1 juta orang pelancong, peningkatan 52.45%, Temerloh 292,442 orang pelancong, peningkatan 2.24%, Jerantut 237,739 orang pelancong, peningkatan 25%, Rompin, 208,326 orang pelancong, penurunan 21%, Pekan 30.. 3,730, peningkatan 2%, Raub 140,174 orang pelancong peningkatan 1.5%, Lipis 49,973 orang pelancong peningkatan 3.48%, Maran 15,220 peningkatan 147%, Bera 23,139 orang pelancong, peningkatan 7.53%. Jadi untuk maklumat tambahan Yang Berhormat – Yang Berhormat juga untuk tahun ini untuk suku pertama Januari hingga Mac, setakat ini, negeri Pahang telah mencatatkan ketibaan pelancong 3.25 juta orang pelancong, kalau berbanding dengan suku pertama tahun 2025 mencatatkan peningkatan 1.63%.

Jadi untuk soalan B, persediaan Kerajaan Negeri Pahang untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026? Sebelum ini kita memang ada perancangan yang merangkumi pelbagai sektor pelbagai perspektif. Cuma sekarang, kalau memandangkan ada krisis Asia Barat dan ketidaktentuan geopolitik, jadi untuk 8 bulan akan datang, kita telah pinda sikit beberapa perancangan awal untuk dikemaskini dan menyesuaikan strategi promosi untuk perubahan permintaan dan keutamaan pasaran. Jadi antaranya kita masih memperkukuh promosi pelancongan domestik dan antarabangsa tapi lebih fokus akan diberikan kepada pelancongan domestik. Yang kedua, kita juga akan menggalakkan dan menyelaras penganjuran acara pelancongan berimpak tinggi, menggalakkan pembangunan pakej pelancongan yang kompetitif, membangunkan- membangunkan produk pelancongan baharu contohnya *Pahang Edu Tourism Trail* dan memperkasa modal insan industri pelancongan.

Kita bersyukur kerana RM1 juta telah di peruntukkan daripada kerajaan negeri untuk membantu kita memperkasakan pengusaha- pengusaha industri pelancongan dan seperti yang dibincangkan sebelum ini tentang ECRL, kita juga sedang lihat potensi atau peluang baru dengan pembukaan pengoperasian ECRL yang dapat membantu untuk meningkatkan *connectivity* antara bandar untuk membantu pelancongan domestik juga. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila soalan tambahan, wakil daripada Tanah Rata.

(ADUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Tuan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, disebabkan oleh kesan geopolitik ini, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk sama ada nak menurunkan sasaran jumlah pelancong disebabkan ada kemungkinan bahawa pelancong antarabangsa mungkin akan er… apa kata *cancel* er… perjalanan mereka ke Malaysia termasukK juga negeri Pahang ataupun mungkin kerajaan ada perancangan untuk menambah lagi er… dari segi jumlah pelancong domestik supaya sasaran ini masih dapat tercapai iaitu 15.5 juta pelancong ke negeri Pahang bagi tahun 2026. Sekian, terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kita tidak menurunkan sasaran, kita masih menetapkan 15.5 juta. Memang tidak dapat dinafikan khususnya daripada Eropah. Memang sejak ada krisis ini, kita nampak kadar untuk tiket penerbangan meningkat dengan banyak dan dengan itu, itu sebab kita telah mengubah strategi untuk lebih fokuskan pelancongan bukan sahaja domestik tetapi juga di rantau ini Asia Tenggara ataupun di Asia sini. Tapi kita berharap bahawa dengan *adjustment* kita, kita akan juga dapat mencapai sasaran kita. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan ter... ada lagi.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker. Terima kasih beri laluan kepada saya untuk bertanyakan kepada pihak kerajaan, tentang kenaikan ataupun turunnya statistik kehadiran pelancongan ini ataupun pelancong, adakah melibatkan pelancong domestik ataupun pelancong luar negara, pertama. Kedua, apakah yang dimaksudkan aktiviti pelancongan yang berimpak tinggi? Kalau boleh dapat bagi satu contoh kepada Dewan. Dan yang terakhir sekali, apakah er… promosi ataupun aktiviti pelancongan yang terkini ataupun terbaru daripada skala ataupun aktiviti-aktiviti yang sedia ada. Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tioman. Soalan pertama, setakat ini saya tak ada data tentang peningkatan dan penurunan itu berada berasaskan pelancongan domestik dan antarabangsa. Tapi walau bagaimanapun kita akan cuba dapatkan analisis data ini. Keduanya, contoh acara berimpak tinggi adalah *King of Mountain*, di mana ini adalah juga salah satu inisiatif baru yang kita telah bermula pada tahun lepas. Ini adalah satu *riding* di yang bertempat di Genting Highlands sebab sebelum ini sebagai contoh, *Le Tour* yang juga mengambil jalan untuk naik Genting Highlands, dia lebih kepada *riders bikers*… *riders professional*, tetapi untuk *King of Mountain*, kita ambil kategori *amateurs* di mana dia dapat menarik perhatian sebab bukan semua dapat er… memang sangat-sangat jarang akan ada peluang untuk Genting Highlands tutup jalan dan menarik peserta yang bukan sahaja daripada kalangan profesional. Jadi ini adalah salah satu acara berimpak tinggi yang kita nak menggalakkan. Dan soalan ketiga mohon *repeat* balik boleh?

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan ketiga ialah adakah dalam tahun ini promosi pelancongan 2026 ini ada aktiviti baru daripada aktiviti yang sedia ada tahun-tahun yang lalu. Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Ya ada salah satu yang kita nak melancarkan dan menggalakkan adalah *Edu Tourism Trail* yang dijangka kita akan buat pelancaran pada hujung bulan ini dan di mana kita untuk menggalakkan golongan mahasiswa atau orang awam di luar negeri Pahang untuk mengikut er… untuk mengikut er… perjalanan yang ditetapkan untuk melancong sambil belajar dan destinasi pertama yang kita nak melancarkan adalah bertempat di Kuantan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Experience, pengalaman ini pelancongan pengalaman

(ADUN LUIT – N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Speaker, satu ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi? Bolehlah.

(ADUN LUIT – N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat jarang-jarang juga. Yang Berhormat ni bukan jarang-jarang juga. Ini kadang-kadang.

(ADUN LUIT – N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Cuma saya… Yang Berhormat Speaker, cuma saya tertarik dengan pertambahan 100% pelancong di Maran tu. Saya nak tanya apa faktor eh, mungkin kita boleh tambah baik lagi jadi 200% ke. Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Luit. Di Maran, memang salah satu keunikannya adalah air terjun dan kita bersyukur kerana tahun lepas terdapat projek-projek penambahbaikan infrastruktur di berapa tempat pelancongan Air Terjun Teladas atau Che Minah Sayang dan lain lagi Lubuk Yu. Dan kita juga menggalakkan penganjuran acara pelancongan sebagai contoh untuk Lubuk Yu setiap tahun mereka ada *Hammock Fest* dan kita juga akan lebih menggalakkan penganjuran acara-acara untuk menambah ketibaan pelancong ke Maran.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir wakil daripada Kemayan.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 9.

> [Kerajaan Negeri Pahang menawarkan sebanyak 16,035 lot rumah di bawah Projek Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang (STRFP) generasi baharu FELDA yang layak di seluruh Negeri Pahang. Apakah status terkini projek tersebut?]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam Pahang *First*, Salam Maju Terus Pahang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kemayan. Persoalannya, menawarkan itu, Kerajaan Negeri Pahang, menawarkan sebanyak 16,035 lot rumah di bawah projek Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang (STRFP). Generasi Baru FELDA yang layak di seluruh negeri Pahang. Apakah status terkini projek tersebut?

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang Bilangan 34 Tahun 2025 pada 25 September 2025 melalui Perkara T11 telah pun meluluskan cadangan penambahbaikan pelaksanaan Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang ataupun bagi (STRFP) bagi tujuan pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara kepada generasi baharu FELDA yang layak untuk pembinaan kediaman. Melalui pelaksanaan ini, setiap lot ditetapkan dengan keluasan 3,000 kaki persegi tertakluk kepada kesesuaian kawasan pembangunan. Pihak FELDA pula dipertanggungjawabkan untuk mengurus kos pengukuran penyediaan tapak dan infrastruktur termasuk kos sijil Lembaga Juruukur tanah sebelum kos tersebut ditutup semula daripada pemohon yang berjaya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, bagi status semasa projek Mesyuarat Penyelarasan (STRFP) Bilangan 1 Tahun 2026 yang diadakan pada 5 Januari 2026 telah bersetuju supaya pihak FELDA mengemukakan pelan ukur sebenar kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang untuk semakan teknikal sebelum dimajukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan. Sehingga kini, pelan ukur bagi 6 lokasi telah dikemukakan melibatkan beberapa lokasi antaranya Felda Keratong 5, Felda Selendang 2, Felda Jengka 5, Felda Jengka 14, 20 dan juga melibatkan lebih kurang 1,236 lot yang telahpun diserahkan sebagai percubaan untuk menyelaraskan beberapa perkara-perkara teknikal dan juga pihak PTG Pahang telah melaksanakan semakan dan juga pengesahan awal terhadap lot-lot tersebut sebelum dimajukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah bagi proses pemilihan peserta yang layak untuk diperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi tujuan pemberimilikan.

Dalam masa yang sama, baki 67 kawasan lain masih berada di peringkat kerja ukur untuk penyediaan pelan oleh pihak FELDA melalui juruukur berlesen. Jika proses ini sedang dipercepatkan dengan sasaran penyelesaian pada tahun 2026. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terkini Mesyuarat Penjelasan STRFP Bilangan 2 tahun 2026 yang diadakan pada 16 April 2026 yang lalu telah bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa teknikal dan juga *Task Force* khas yang diketuai oleh PTG Pahang dengan penglibatan Pejabat Daerah dan Tanah FELDA Wilayah Kuantan. FELDA Wilayah Jengka dan Mempaga serta LPHP sebagai penasihat teknikal. Selain itu,

Sekretariat Muafakat FELDA juga dilibatkan untuk membiaya atau sesuatu kos yang mempercepatkan proses pelaksanaan STRFP ini. FELDA juga diminta menyediakan cadangan berkaitan penamatan GSA bagi kawasan terlibat serta menyelaras pemaju-pemaju yang berkelayakan dengan kerjasama LPHP untuk pembangunan rumah generasi baru, FELDA dapat laksanakan lebih teratur dan mampan. Sebagai langkah penyelesaian akhir, satu bengkel, penyelarasan spesifikasi teknikal, kerja ukur, dan Pembangunan Perumahan STRFP akan diadakan pada 21 Mei ini melibatkan PTG Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah, FELDA, LPHP dan juga juruukur bagi memuktamadkan *blueprint* pembangunan projek ini. Kerajaan Negeri Pahang sangat komited untuk memastikan pelaksanaan STRFP ini berjalan lancar dan juga memberi manafaat kepada generasi baru FELDA yang layak di seluruh negeri Pahang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ni soalan terakhir saya bagi sebab kita nak meneruskan.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan saya.

1. [Bilakah jangkaan golongan ataupun kumpulan pertama yang akan dapat ditawarkan STRFP ini dan juga memandangkan projek ini pun mengambil masa bagi penyelesaian,

2. Apakah status pindaan GSA untuk benarkan pembinaan rumah ke-2 di lot rumah peneroka? Terima kasih.]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Kemayan. Ada 20 persoalan telah dirungkaikan iaitu di antara jangka masa bila projek STRFP siap ini dapat dilaksanakan. Insya-Allah hasil daripada mesyuarat terakhir ini iaitu pada 21 Mei yang akan berlangsung 21 Mei nanti, Insya-Allah akan ada beberapa perkara-perkara yang akan diumumkan kepada pihak- pihak FELDA dan juga bersama dengan Kerajaan Negeri, dan untuk menjawab persoalan ke-2 iaitu mengenai Akta GSA ini, seperti yang telahpun dimaklumkan oleh sidang yang lepas. Untuk makluman Yang Berhormat Sidang Dewan, bahawa Akta GSA ini dalam pindaan dan akan dibentangkan dalam Parlimen. Insya-Allah pihak FELDA telah membentangkan kepada ahli Lembaga Pengarah FELDA dan akan membentangkan kepada jawatankuasa Kabinet untuk dibawa secara lebih teratur dan juga lebih tersusun kepada Parlimen untuk dibentangkan dan pihak kerajaan negeri dan juga beberapa pihak juga untuk memohon mempercepatkan proses pembentangan ini dan juga meluluskan beberapa perkara-perkara pindaan dalam Akta GSA. Ini membolehkan anak-anak peneroka kita dan juga beberapa perkara yang boleh membantu menyelesaikan isu-isu peneroka dan juga anak-anak peneroka pada masa ini. Sekian Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi. Sila wakil daripada Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya nak tanya kepada YB Exco. Daripada 16 ribu lot ni, berapakah pecahan untuk DUN Kuala Sentul dan Jengka sebab STRFP ni dijanjikan sejak tahun 2023. Tapi sampai sekarang saya tak nampak lagilah pelan susun atur ataupun apa-apa perancangan di lot-lot berkenaan. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Kuala Sentul. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Beberapa Skim Tanah Rakyat FELDA ini telah pun kita susun dan telah pun di garis panduan oleh pihak FELDA dan juga pihak PTG dan akhirnya 21 bulan Mei ni adalah iaitu dipanggil mandat terakhir untuk kita selesaikan. Di antara keseluruhan di seluruh negeri Pahang, kita dah ada pecahan-pecahannya 16,035 lot ni telah ada pun diusulkan oleh pihak FELDA dan kita akan buat dengan izin yang bermakna iaitu dipanggil *Overlay*, *Overlay* dalam sistem untuk kita pastikan tanah itu diracik dengan sempurna. Insya-Allah selepas sahaja 21 bulan Mei, kita akan maklumkan melalui pengurus-pengurus rancangan yang berkaitan dapatlah secara *detail*. Berapakah keluasan atau berapakah kuantiti yang sepatutnya akan didapati oleh pihak pemohon-pemohon daripada generasi FELDA. Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian kita telah selesai membincangkan 9 pertanyaan dan jawapan. Saya juga nak maklumkan bahawa 2 daripada wakil Kerajaan iaitu wakil daripada Dong, sedang mengiringi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang ke Ekspedisi Kinabalu, wakil Kerajaan negeri dan yang keduanya wakil daripada Benta. Beliau sekarang ini berada di Sydney, Australia kerana anaknya graduasi anaknya di Sydney, Australia. Jadi kita ni soal keluarga, speaker saya sebagai Speaker, saya akan bagi keutamaan. Sebagai contohnya wakil daripada wakil daripada apa namanya Pulau Manis tadi. Eh bukan Pulau Manis ini daripada Lepar ke Sungai Lembing. Dia minta kebenaran untuk ya untuk keluar kerana nak bawa maknya melihat bapanya ke melawat bapanya di wad di HTAA. Jadi, saya benarkan. Jangan tak balik balik sudah. Saya tidak bercadang untuk menempoh persidangan ini. Walau bagaimanapun, pihak Dewan Negeri ada menyediakan jamuan pagi di bilik rehat ADUN-ADUN bagi ahli-ahli, ahli-ahli dewan negeri dan dan di kanopi bagi ketua-ketua jabatan, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk menikmati jamuan yang disediakan secara bergilir-gilir dan kembali semula dalam dewan. Janganlah keluar semua sampai dewan kosong Ini kerana persidangan Dewan Negeri diadakan secara langsung dan disiarkan melalui sosial media media sosial Dewan Negeri Pahang.

Kita juga menyediakan pemeriksaan kesihatan kepada ahli ahli Yang Berhormat yang rasa nak bertanding sepenggal lagi. Nak sihat lagi bolehlah cek ya, apa namanya tekanan darah atau tekanan gula apa namanya ini? Peratus gula dan sebagainya dan lain lain pemeriksaan yang telah disediakan oleh HTAA, kita ucap terima kasih. Baiklah, kita akan meneruskan dengan aturan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga usul Menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI N-02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mohon izin untuk membawa satu usul di dewan yang mulia ini yang berbunyi, bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Yang Berhormat Dato Sri Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengajak seluruh ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira latar belakang latar politik agar bersama sama menjunjung titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah di dewan yang mulia ini pada 8 hb Mei 2026, yang lalu sebagai tanda taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada institusi diraja Negeri Pahang Darul Makmur.

Sesungguhnya titah yang dizahirkan itu sarat dengan hikmah, kebijaksanaan serta keprihatinan yang mendalam terhadap masa depan negeri dan kesejahteraan rakyat. Titah itu juga merupakan amanah besar yang menuntut seluruh kepimpinan negeri untuk menghayati, mendukung dan melaksanakannya dengan penuh rasa tanggungjawab dan keikhlasan bagi memelihara keharmonian serta memastikan kesinambungan pembangunan negeri dilaksanakan secara menyeluruh. Semoga di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku negeri Pahang Darul Makmur akan terus dikurniakan keamanan, kestabilan dan keberkatan yang berkekalan. Insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin juga untuk pantun sebab tadi ada pantun. Saya pun nak pantun juga.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh silakan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih.

Daulat Tuanku megah bertakhta,
Payung negeri penuh mulia,
Menjunjung kasih jiwa dan raga,
Titah dijunjung penuh setia.

Menjunjung kasih jiwa dan raga,
Titah dijunjung penuh setia,
Rakyat bersatu aman sentosa,
Moga negeri makmur sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis adalah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas titah diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang kita meneruskan aturan urusan mesyuarat selanjutnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan Majlis ialah satu usul berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebentar tadi dan telah pun mendapat sokongan. Usul ini akan dibuka untuk dibahaskan. Sebelum itu, saya juga, sebelum kita nak bahas, ya, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada pemerhati-pemerhati kita. Nanti kita bagi tepukan kepada mereka, ya. DUN Cheka 6 orang, DUN Kemayan 6 orang, DUN Lepar 2 orang, DUN Teruntum 2 orang, DUN Bebar, 2 orang DUN Pelangai 1 orang, DUN Sabai, 1 orang dan DN Muadzam Shah 1 orang. Yang ini pun dibenarkan untuk keluar makan.

Sukacita saya maklumkan bahawa ruang perbahasan diberikan perlulah digunakan dengan sebaiknya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan sesi perbahasan, saya mohon perhatian sepenuhnya terhadap beberapa perkara penting yang ingin saya sampaikan. Saya agak terkejut, sepanjang pemerhatian saya pada kebelakangan ini, saya agak terkejut dengan ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan dan hebahan luar yang memberi imej buruk kepada Institusi Dewan Negeri. Tindakan tersebut ialah mencetuskan persepsi seolah-olah persidangan ini dijalankan secara berat sebelah dan tidak mengikut aturan. Saya menafikan sekeras-kerasnya tohmahan tersebut. Segala penjelasan telah pun saya berikan sebelum ini. Oleh itu, saya ingin memberi peringatan tegas berdasarkan 2 perkara utama. Pertama, berkaitan dengan dokumen di *embargo*. Terdapat pihak yang masih mempertikaikan mengapa Laporan Penyata Kewangan diletakkan pada hari terakhir persidangan dalam aturan urusan mesyuarat. Perlu saya tegaskan bahawa penetapan tarikh *embargo* pada hari terakhir ialah amalan *standard* sejak sekian lama. Ianya selaras dengan apa yang telah dilaksanakan di beberapa Dewan Undangan Negeri yang lain.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tujuan kertas-kertas tersebut diagendakan sebagai kertas pembentangan dan bukannya kertas untuk dibahaskan. Ianya er... memastikan maklumat tersebut tidak dipetik secara pramatang, ya. Maknanya kita petik dulu sebelum kita... kita apa namanya kita... kita bentangkan dalam sesi perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.
Ingat, mengikut Perkara 19(4) er... Peraturan Mesyuarat Dewan Negeri, mana-mana Yang Berhormat membocorkan kertas mesyuarat sebelum tarikh *embargo* disifatkan telah menghina Majlis. Perkara kedua, saya ingin menyatakan ialah berkaitan dengan perbahasan ruang perbahasan Laporan Kewangan. Dakwaan bahawa penetapan tarikh *embargo* pada hari er... terakhir mesyuarat akan menghalang ruang perbahasan adalah tidak tepat sekali. Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat berasaskan sesuatu laporan itu perlu dibahaskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan usul secara rasmi bagi membolehkan ia ianya dipertimbangkan untuk dibawa dan dimasukkan dalam aturan mesyuarat yang akan datang selaras dengan Perkara 24(3) Peraturan Mesyuarat Dewan.

Perkara berkaitan er... pengemukaan usul ini adalah perkara *standard* dan dilaksanakan di Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri. Lihat contoh di Dewan Rakyat pada 23 Februari 2026, Laporan Ketua Audit Negara iaitu asalnya ialah kertas pembentangan, namun setelah usul dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-Undang pada 24 Februari 2026, barulah ianya dibahaskan mengikut aturan yang tertib. Yang paling utama dalam hal ini ialah setiap perkara hendaklah dibahaskan mesti didahului dengan usul. Tiada usul, maka tiadalah perbahasan. Dewan ini, Dewan ke-15 ini sudah memasuki tahun ke-5. Ahli-Ahli Yang Berhormat sepatutnya sudah tahu proses perjalanan Mesyuarat Dewan Negeri dilaksanakan. Sebab itu, setiap ulasan mesti rujuk kepada buku peraturan. Buku peraturan kita, tengok tu saya tanda berapa banyak tu. Hapal ni insya-Allah. Tapi kalau er... buku ada depan lah. Mesti dirujuk pada buku peraturan mesyuarat dan sepatutnya sudah mencapai tahap kematangan politik yang tinggi. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, selepas Laporan Kewangan dibentangkan dalam Mesyuarat Sidang Dewan ya, isu kewangan yang berkaitan akan diperincikan. Kita dengar ni. Ini ini ini dia punya flow dia. Isi isi isu kewangan yang berkaitan akan diperincikan dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Inderapura.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang… Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai ruang untuk meneliti laporan tersebut sebelum dibawa ke peringkat jawatankuasa. Hasil siasatan dan syor oleh jawatankuasa tersebut kemudian dibentangkan di dalam Dewan Negeri melalui pernyataan Jawatankuasa Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Simpanan Negeri. Saya amat kecewa menerima laporan bahawa terdapat Ahli Jawatankuasa yang gagal hadir mesyuarat sebanyak 3 kali berturut-turut. Saya tidak perlu menyebut namanya di sini. Biarlah Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Wang Kira-Kira Negeri yang mengesahkannya. Namun, ia ini adalah persoalan integriti dan tanggungjawab. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersama Yang Berhormat wakil Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri dan juga Timbalan er... Speaker telah mengadakan Kunjung Hormat kepada Ketua Audit Negara pada 17 April 2026. Sesi tersebut memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk membincangkan berkenaan Laporan Ketua Audit Negara 1-2026 secara telus serta memperjelaskan berkaitan proses pengauditan serta perbahasan yang telah dilaksanakan di peringkat Parlimen.

Sehubungan dengan itu, saya minta hentikan membuat hebahan yang tidak benar yang boleh menjejaskan kredibiliti Dewan Negeri Pahang. Hentikan memetik maklumat-maklumat daripada laporan-laporan yang masih di *embargo* semasa er...

berbahas dan patuhi setiap peraturan mesyuarat yang telah ditetapkan demi kelancaran dewan. Baiklah, kita meneruskan perbahasan kita. Ahli-Ahli Yang Berhormat bahaslah dengan penuh hemah, menyampaikan hujah dengan bernas dan tidak terlalu panjang. Setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja untuk perbahasan. Untuk makluman, saya telah mengatur jadual susunan perbahasan pada 12 dan 13 Mei 2026 seperti jadual yang telah diedarkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat jika sekiranya masih ada masa lagi di dalam perbahasan, contohnya di peringkat pagi, sebagai contohnya, kita berhenti kepada pembahas yang ke-6. Tetapi kalau ada masa lagi, kita harap pembahas seterusnya, Yang Berhormat seterusnya perlu bersedia er… ke-7 dan ke-8, kalau kita ada masa lagi dan kalau sekiranya kita tak sempat habis seperti yang saya nyatakan bahawa kita boleh sambung pada hari Isnin dan hari Selasa. Saya harap Ahli Yang Berhormat mematuhi jadual yang telah ditetapkan. Sekarang saya mengemukakan usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini, saya menjemput Ahli dari kawasan Kemayan untuk membahaskan usul tersebut. Silakan yang menyokong usul Yang Amat Berhormat tadi.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, Salam Maju Terus Pahang dan Salam Pahang 1st. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Berhormat Dato' er… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat er… Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, pegawai kanan kerajaan er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak payah Yang Berhormat ini bukannya persidangan er… Mesyuarat Agung UMNO ini… tak ada. [ketawa] Yang Berhormat Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian itu macam itu sahaja.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tuan-tuan dan puan-puan… insya-Allah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Insya-Allah Yang Berhormat Speaker… saya akan

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tuan-tuan dan puan-puan tak ada sini er… pemerhati.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya akan habiskan er… perbahasan ini er… dalam masa yang er… ditetapkan. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya dan izinNya saya diberikan peluang dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang saya ingin merafak sembah setinggi menjunjung kasih Kebawah ke sisi er… Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perkenan menyempurnakan Istiadat Pembukaan dan menyampaikan menzahirkan titah diraja bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Kelima Belas.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku telah menyampaikan titah diraja yang begitu komprehensif, yang begitu jelas, padat dan mudah difahami oleh semua. Banyak perkara yang telah disentuh dalam titah diraja yang menjadi panduan dan juga perlu kita laksanakan secara bersama untuk kemakmuran dan juga kesejahteraan negeri Pahang ini. Antara yang terdapat dalam titah diraja ialah berkaitan dengan pencapaian-pencapaian yang kita tidak boleh nafikan yang pencapaian terbaik oleh Kerajaan Negeri Pahang hari ini. Walaupun kita dah sebut banyak kali er… walaupun kita dah terangkan banyak kali kan kalau pihak yang tidak bersetuju dengan kita ini akan cuba memusingkan perkara tersebut. Sampai hari ini er… dalam empat tahun ini saya tak pernah lagi tengok er… apa Dato' Sri Speaker sebut dua perkara tadi secara jelas, secara tegas.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang mana Yang Berhormat?

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Dua perkara berkaitan dengan perbahasan kita.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Er… sepatutnya ini saya tak payah sebut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian boleh bacalah buku peraturan ini.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sepatutnya er… tapi inilah yang berlaku di dalam Dewan Yang Mulia ini. Speaker terpaksa menyebut menerangkan kepada kita er… sama juga dengan apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dalam titah dirajanya pada minggu lepas dan sepatutnya kita cukup memahami dan mudah difahami ayat-ayat yang telah disampaikan. Kalau kita tengok kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang yang pertama adalah berkaitan dengan pungutan hasil. Semua dah tahu, satu negara dah tahu yang Kerajaan Negeri Pahang berjaya mengekalkan pencapaian kutipan hasil melebihi RM1 bilion empat tahun berturut-turut tahniah diucapkan. Mengenai keluaran dalam negeri kasar 5.7% ini adalah satu pencapaian cukup baik. Kalau kita lihat ekonomi Pantai Timur, inilah, Pahanglah juaranya. Kita tak boleh nafikan walaupun ada di kalangan kita bila di luar cuba nak mengagung-agungkan negeri lain. Saya cukup tak faham yang kita telah buktikan yang negeri Pahang ini antara yang terbaik di Pantai Timur tetapi ada di

kalangan kita ini lebih mengagung-agungkan negeri lain er… mengatakan yang negeri sebelah ini lebih hebat daripada negeri kita. Apakah salahnya kalau kita dalam satu perkara yang benar untuk mengangkat negeri kita pada tahap yang lebih baik kita boleh bersama. Kita boleh tidak bersetuju dan kita boleh bersetuju er… tapi dalam perkara-perkara yang baik tak salah saya rasa di pihak pembangkang ataupun pihak kerajaan boleh bersama mengangkat nama negeri Pahang.

Kejayaan er… *state-state GLC* kalau kita lihat dalam tempoh empat lima tahun kebelakangan ini, *state-state GLC* ini memberikan pulangan yang cukup baik kepada Kerajaan Negeri dan ini adalah satu kejayaan yang perlu kita banggakan. Kalau dulu mungkin kita lihat ada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang kurang berjaya, kurang memberi keuntungan er… tapi hari ini kalau kita lihat secara keseluruhannya, keuntungan *state-state GLC* ini banyak membantu Kerajaan Negeri, banyak membantu inisiatif yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat dan dipulangkan kembali kepada rakyat itu kita kena akui. Kita nak bangkang boleh bangkang tapi benda fakta yang sepatutnya menjadi er… kejayaan kepada negeri patut kita banggakan. Kejayaan cemerlang dalam pendidikan. Kalau kita lihat SPM dua tahun berturut-turut menunjukkan Kerajaan Negeri Pahang ini berjaya dalam mendidik er… memastikan ekosistem pendidikan sekolah menengah di Pahang ini berjaya menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam SPM. Selain itu, bantuan-bantuan kepada rakyat yang saya lihat setiap tahun ada penambahbaikan, setiap tahun ada lebihnya mungkin sampai yang kata ini adalah bajet pilihanraya dan sebagainya kan tapi inilah kerajaan yang sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat akan memberikan, akan memperbaiki setiap er… setiap apa pemberian ataupun kebajikan kepada rakyat setiap tahun. Dalam titah diraja juga menyebut berkaitan dengan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan hari ini dan kita perlu akui mungkin ada kelemahan-kelemahan yang perlu kita perbaiki dan tiada satu kerajaan yang *perfect* er… tetapi antara yang terbaik ini telah kita laksanakan dengan bantuan daripada pegawai-pegawai kerajaan daripada er… daripada *state GLC* dan sebagainya.

Kerajaan Negeri telah melakukan yang terbaik tetapi walau bagaimanapun ada beberapa perkara yang perlu penambahbaikan yang perlu kita perbaiki, penggunaan teknologi dan sebagainya. Kalau kita lihat kalau dulu memang tak ada er… kurang penggunaan teknologi tapi hari ini dengan adanya PahangGo dan sebagainya banyak aplikasi-aplikasi yang kita boleh gunakan dan memudahkan er… urusan rakyat seharian. Kalau dulu saya memang bayar zakat pakai pergi ke kaunter ataupun Amil yang berkaitanlah, tapi sejak tiga empat tahun ini saya dah tak pakai dah. Semua bayar pakai *online* dan juga banyak perkara-perkara lain bayar cukai dan sebagainya yang menggunakan aplikasi dan ini adalah satu perkara yang cukup baik dan juga saya ucapkan tahniah pada Kerajaan Negeri Pahang dalam proses untuk er… mempercepatkan proses tanah dan sebagainya pada er… tak silap saya pada Februari 2026, Kerajaan Negeri telah melancarkan pembangunan dan pelantikan *Champion e-Tanah* dan kita lihat ada beberapa negeri telah melaksanakan er… *e-Tanah* ini dari bagi kita negeri Pahang yang cukup besar *e-Tanah* ini cukup penting dan diharapkan aplikasi *Sistem e-Tanah* ini dapat dipraktikkan di negeri Pahang ini dengan lebih cepat, memudahkan proses dan sebagainya kan jadi, er… kita lihat perancangan ataupun gerak kerja daripada pihak Kerajaan Negeri telah tersusun. Dah ada dah jalan untuk penyelesaian bagi satu perkara yang perlukan penambahbaikan.

Selain itu, kalau kita lihat permohonan-permohonan tanah ini kalau disentuh sebagai tanah permohonan tanah ini banyak. Kita faham mungkin Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan satu-satu permohonan itu cukup tinggi. Walau bagaimanapun, saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri agar meneliti…di mana adalah er...

keutamaan, kalau tanya saya, bagi saya, keutamaan saya adalah Skim-Skim Tanah Rakyat yang perlu disegerakan. Kalau kita lihat kalau Skim Tanah Rakyat ini memberi impak kepada rakyat secara keseluruhan, mungkin 300 orang boleh dapat satu satu STR, mungkin 500 orang boleh dapat satu STR. Kalau perkara ini dapat disegerakan, rakyat mendapat tanah, Kerajaan Negeri mendapat hasil daripada premium dan juga cukai yang dikenakan. Jadi kalau perkara ini kita dapat segerakan. Insya-Allah hasil-hasil kerajaan akan terus meningkat dan juga akan terus terjamin. Kalau kita bagi contoh STR, tapak rumah ini lebih mahal daripada tanah pertanian. Jadi kalau lebih banyak tapak-tapak rumah, kita boleh benar, buatkan STR kepada rakyat daripada diceroboh oleh pihak-pihak yang tak bertanggungjawab. Lebih baik kita berikan tanah-tanah tersebut kepada rakyat. Bukan beri secara percuma tapi melalui Skim Tanah Rakyat yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pahang yang boleh memberi kesan kepada ramai penduduk di negeri Pahang ini terutama generasi-generasi baru di negeri Pahang. Kalau kita lihat Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku menyentuh pasal pelancongan. Pelancongan ini adalah satu perkara yang penting.

Kita tengok target kita pada tahun ini adalah 15 juta 500 orang, 500 ribu orang untuk hadir melancong ke negeri Pahang. Dan saya rasa satu jumlah yang tidak mustahil dan mungkin boleh lebih daripada itu. Kalau kita mempromosikan semua sekali tempat-tempat pelancongan yang kita ada. Malangnya, berapa kita tengok ni, tempat-tempat yang glamor sahaja yang dikunjungi oleh pelancong-pelancong luar. Kan? Contohnya kalau di Bera. Mungkin tadi disebutkan 30 ribu 40 ribu orang pelancong sahaja. Mungkin ada peningkatan tapi taklah macam Maran. Peringatan dia mungkin lebih 100 persen. Tapi kalau ikutkan jumlahnya berapa saja. Kalau kita betul-betul promosikan tasik yang kita ada, kita promosikan air terjun yang kita ada. Mungkin jumlah yang hadir ke negeri Pahang ni akan lebih-lebih ramai. Kalau kita tengok Tasik Bera, saya ni dah kali ni bercakap lagi untuk Tasik Bera ni sebab walaupun telah dilantik operator dan sebagainya tapi masih tidak dibuka kepada pengunjung sampai terpaksa komuniti setempat melaksanakan projek SejaTi MADANI untuk menggalakkan pelancong datang ke Tasik Bera. Kita ada 2 projek sejaTi madani satu untuk *tour* bot dan satu lagi kayak di usahakan oleh komuniti masyarakat Orang Asli di Tasik Bera.

Sampai begitu sekali, padahal kalau ada sokongan dan juga dorongan daripada operator yang berkelayakan daripada Tourism Pahang dan sebagainya, SejaTi MADANI ataupun projek komuniti ini adalah sampingan bukanya jadi mean. Sekarang ni saya tengok semua orang tak pergi Tasik Bera *contact* pengusaha Sejati MADANI ni untuk buat aktiviti di Tasik Bera. Mungkin pihak kerajaan atau Tourism Pahang perlu menilai perkara-perkara sebegini dan cukuplah kita mempromosikan tempat yang memang dah kenal Genting Highland, Pulau Tioman, Cameron Highlands ni dah menjadi terkenal tapi tempat-tempat yang seperti Tasik Bera, Tasik Chini, air-air terjun dan sebagainya perlu kita pertingkatkan. Selain itu, sukan-sukan, eko-sukan pelancongan, pelancongan sukan. Saya agak kecewa bila er... raya baru ni saya ada menganjurkan satu aktiviti sukan lasak di Bera yang terpaksa memasuki hutan simpan iaitu program *motorcross* yang program besarnya dijangka akan dilaksanakan pada bulan September. Tapi untuk *first trail* kita buat *trail* 100, 20km jalan ladang dan juga sedikit hutan simpan yang kita laksanakan. Tapi malangnya bincang dengan jabatan hutan ni. Okay tak apa YB buat surat nanti macam mana kita nak *reduce* kan dari segi *fee* dan sebagainya.

Malangnya, bila *event* itu berlangsung, penguatkuasa nak tahan sebab peserta melebihi yang mohon permit. Kalau diberi awal katakan perlu pohon permit untuk 500 orang walaupun terpaksa bayar satu motorsikal 50 ringgit. Seorang peserta 10 ringgit 60 ringgit. Peserta terpaksa keluarkan padahal kita nak galakkan aktiviti begini. Kalau

baru ni minggu lepas *Greek Mega Trail* beribu orang datang memberi impak yang besar kepada masyarakat setempat. Tapi kalau kita di sini kan sampai penguatkuasa nak halang aktiviti-aktiviti kita panggil mesyuarat ni yang tu yang saya tak faham tu kan dah panggil mesyuarat. Tapi walau bagaimanapun, terima kasih kepada jabatan pengarah Jabatan Hutan kerana dapat menyelesaikan perkara ini dan menyelesaikan supaya peserta yang lebih kurang dekat 200 sorang ni. Itu baru permulaan panggil sikit pun boleh dapat 200 sorang kalau kita betul-betul buat bulan 9 ni, Insya-Allah lebih daripada 500 peserta boleh mengalahkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

naik apa tu naik kereta ke naik motor.

(ADUN KEMAYAN -N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Naik motor motorsikal motorsikal lasak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tak boleh la. Saya takda lesen.

(ADUN KEMAYAN -N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Dalam hutan tak payah lesen bawak motor.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebagai Speaker yang mendokong perlembagaan dan undang undang, saya kena ada lesen.

(ADUN KEMAYAN -N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Okay terima kasih Speaker. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Perkara penting yang telah dizahirkan dalam titah diraja adalah peranan Kerajaan Persekutuan dan ini perlu kita sama-sama pastikan yang kerajaan negeri mendapat impak yang apa kesan yang sama. Macam kita dah jaga alam sekitar dan sebagainya. Apa yang kerajaan Sultan boleh berikan kepada Kerajaan Negeri ini. Kita terpaksa korbankan tidak kita menjaga alam sekitar dan sebagainya untuk kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya dan apakah pulangannya kepada Kerajaan Negeri dalam isu kelulusan pasir Kerajaan Persekutuan perlu menilai. Benarkan atau pertimbangkan sewajarnya jika ada negeri yang dibenarkan kenapa Pahang tidak dibenarkan. Saya rasa kalau perkara ini isu ini dapat diperjelaskan dengan berhemah. Saya rasa dia tidak menjadi satu isu yang besar. Kita ada bekalan kita ada buyer dan laporan teknikalnya tidak mempengaruhi alam sekitar dan sebagainya. Jadi kenapa tidak dibenarkan untuk dijual. Padahal kita ada permintaan dan juga boleh meningkatkan hasil negeri.

Jadi, saya rasa kita ada perlu *win-win situation* lah dengan Kerajaan Persekutuan yang mana Kerajaan Persekutuan perlu menilai semula perlu menimbangkan sewajarnya. Bagaimana untuk membenarkan penjualan mengeksport pasir sungai ini ke luar negeri. Mungkin nak jaga apa hubungan dan sebagainya mungkin negeri-negeri mana yang dibenarkan. Tapi saya rasa jika kita tidak membenarkan Kerajaan Persekutuan

tidak membenarkan penjualan eksport pasir ke luar ini akan memberi masalah dari segi sungai kita yang semakin cetek dan sebagainya. Dari segi stok yang ada kalau kita tengok di Pekan tu saya tak tahulah kan? Maknanya lagi tinggi sungai tu pasir yang ada kat situ. Jadi kita perlu lihat dan Kerajaan Persekutuan perlu menilai dengan sewajarnya tanpa ada-ada pertimbangan lain perlu lihat jika wajar berikan kebenaran. Benarkanlah untuk eksport pasir ke luar negara. Isu isu 3R dan saya rasa perkara ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh gulung

(ADUN KEMAYAN -N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Okey.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kerana kerana yang menyokong usul saya bagi Yang Berhormat dalam lima minit lagi.

(ADUN KEMAYAN -N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Okay terima kasih. Memang cukup lima minit tu isu-isu 3R contoh hari ni kita tengok semalam dan sebagainya. Bila titah diraja keluar, ramai yang cuba untuk memain dengan isu 3R ni menghina dan sebagainya menuduh memfitnah dan sebagainya. Saya rasa perkara ini perlu kita tangani dengan secara baik. Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku juga menjemput berkaitan dengan politik matang. Sepatutnya kita ni lebih matang. Saya ni baru Dato' Sri Speaker dalam politik, tapi yang lebih senior ni sepatutnya lebih matang kita tahu kerajaan…bagaimana...pembangkang bagaimana kalau dalam titah diraja pun disebut pembangkang perlu jadi *check and balance*. *So* buat kerja *check and balance* kerajaan memberi kebajikan dan juga kesejahteraan untuk rakyat so kerajaan buat kerja itu. Saya rasa jelas dah tak perlu dah. Yang pembangkang nak jadi kerajaan tunggu eh nak jadi kerajaan ke nak apa ke tunggu eh. Sekarang ni kerajaan hari ni dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri besar *so* biarkan sokonglah Yang Amat Menteri Besar untuk menjalankan kebajikan kepada rakyat. Jika ada kekurangan bagi tahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya rasa jelas perkara ini kalau kita mengamalkan politik matang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya akan menyentuh sedikitlah berkaitan dengan kawasan saya. Pertama saya mohon agar pihak PAIP dan juga err KKDW untuk melaksanakan proses bekalan air luar bandar di Kampung Lubok Tambangan yang telah diluluskan sebelum ini. Tapi ada beberapa teknikal jika dilaksanakan, projek itu akan mengganggu bekalan di tempat lain. Jadi saya mohon pihak PAIP dan juga pihak KKDW dapat selesaikan perkara ini supaya masyarakat Orang Asli di Kampung Lubok Tambangan dapat manfaat bekalan air bersih. Saya juga memohon agar pihak kerajaan memberikan kebenaran khas kepada Generasi Kedua FELDA yang telah membina rumah di lot-lot peneroka. Memandangkan pindaan GSA pun, kita pun tak tahu mungkin akan dibentangkan di Parlimen bila dan bila pelaksanaan dan sebagainya. Ini impak dia besar bila kongsi paip ataupun meter ni rate dia tu berbeza bila penggunaan tu lebih jadi dalam keadaan kesusahan dan juga geopolitik hari ni. Saya mencadangkanlah kepada kerajaan untuk mempertimbangkan membenarkan memberikan kelulusan khas kepada yang telah membina ataupun sedang membina rumah di tapak kedua ni untuk beri kebenaran. *Last-last* nanti dibawa juga pindaan

untuk kebenaran tersebut. Jadi apakah salahnya kalau untuk kali ini berikan lagi sekali kebenaran khas untuk membenarkan mereka mendapat bekalan air dan juga elektrik bagi rumah kedua di tapak FELDA.

Akhir sekali, marilah kita bersatu hati memperkukuhkan perpaduan di bawah naungan ke bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah demi kemakmuran dan juga kesejahteraan negeri Pahang yang kita cintai. Akhir sekali, saya sama-sama kita berdoa agar segala perancangan yang telah dirancang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dapat dilaksanakan dengan baik demi kemakmuran negeri dan juga kesejahteraan rakyat dan dan dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahhi wabarakatuh Kemayan menyokong.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, (bahasa Arab). Terima Kasih Tuan speaker yang telah memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahas Titah... usul titah diraja sempena Pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama, Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada Jumaat lalu. Di kesempatan ini, saya ingin menyatakan sokongan kepada Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota semasa pembukaan dan perihatinan Tuanku yang menyentuh soal pembangunan negeri. Saya fikir titah Tuanku ini sangat seimbang. Ada perkara yang bersifat pujian di atas kejayaan kerajaan negeri dan kita juga merakamkan tahniah di atas kejayaan tersebut. Tak timbul soal kejayaan kita tidak hargai.

Yang kedua Tuanku juga ada buat teguran. Dalam titah baginda dan yang ketiga, Tuanku juga telah memasukkan beberapa cadangan-cadangan supaya kerajaan negeri beri perhatian kepada perkara tersebut. Jadi titah yang komprehensif ini perlu diberi perhatian serius. Bukan sahaja soal penghormatan kepada titah Tuanku tetapi melaksanakan apa yang dititahkan oleh Tuanku dalam pentadbiran kerajaan negeri. Kami bagi pihak pembangkang. Kita menjunjung kasih di atas titah tersebut kita akan menjunjung sepenuhnya titah Tuanku dan kita pun menjangka sebenarnya ingatkan sidang kali ini Tuan Speaker kita berada dewan baru tapi nampaknya masih lagi dewan lama. Kalau ikutnya dah dua kali babai dah. Bila kita nak babai kali ketiga, tak mungkinlah saya harapkan dapat perhatian sebab ini kehendak Tuanku juga supaya sidang yang akan datang ini dibuat di dewan baru. Mungkin ada maklumat, yang akan kita dengar nanti daripada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhubung dengan perkara tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya pun tertunggu tunggu juga ya.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Jangan sampai habis tamat tempoh speaker barulah tukar bangunan baru.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

gaya-gayanya.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dalam titah Tuanku, isu yang cuba diselewengkan oleh media ialah isu penjualan pasir. Apa yang kalau kita perhati tuanku titah bukan soal, soal pengambilan pasir tapi isu export pasir. Isu melibatkan pengambilan pasir yang ada effect kepada alam sekitar tu tak timbul sebab semua kelulusan pengambilan pasir mesti memenuhi peraturan undang-undang EIA, EMP dan sebagainya. Saya fikir tak timbul Media cuba, cuba pusing berita seolahnya isu ni melibatkan pengambilan pasir yang Tuanku bangkitkan isu eksport pasir bukan pengambilan pasir.

Jadi oleh kerana itu, jangan ada pihak sebab saya tengok bila perdana menteri dalam respon dia. Dia merujuk kepada isu alam sekitar tentang pengambilan pasir bukan isu eksport pasir dibangkit oleh Tuanku. Jadi saya fikir tak sepatutnya perkara itu diselewengkan. Akhirnya kita tengok komen daripada *public* macam-macam sebab isu yang Tuanku bangkit berbeza dengan apa yang diulas oleh pihak lain. Jadi ini perlu diperbetulkan supaya kita memahami hasrat Tuanku ialah kenapa Pahang tiba-tiba tak boleh eksport keluar. Pasir perlu dikeluarkan. Peraturan kita, patuhi EIA dan sebagainya. Kita ikuti. Tapi kalau pengambilan pasir ada kos. Tiba-tiba eksport pasir tak boleh dibuat. Akhirnya siapa nak tanggung kos pengambilan pasir. Namun di sebalik itu, saya juga ingin melihat tentang beberapa kajian-kajian dapatan daripada beberapa laporan-laporan sebelum ini. Kita di Pahang ini kalau kita lihat pada tahun 2020 hingga 2023 diunjurkan hasil pasir ini mencecah sampai 92.47 juta diunjuran, namun bila kita lihat daripada tempoh 2020 hingga 2023, hasil yang masuk ke kerajaan negeri ialah 39.17 juta sekitar 42.4% sahaja. Bahkan kalau kita lihat beberapa dapatan kerajaan negeri, ada beberapa syarikat-syarikat ini yang masih tertunggak membayar royalti kepada kerajaan negeri dan saya fikir saya dapat penjelasan berapakah lesen pengambilan pasir diluluskan oleh kerajaan negeri dan berapa banyak tunggakan-tunggakan oleh syarikat-syarikat tersebut dan apa perancangan pihak kerajaan bagi mengatasi tunggakan-tunggakan ini sebab dia menjejaskan pendapatan walaupun kita tak boleh *eksport* keluar tapi jualan pasir dalam negara dan dalam negara sebagainya juga menjadikan sumber pendapatan bagi negeri.

Oleh itu, saya menggesa kerajaan supaya bukan terus mempertahankan hak negeri dalam isu export pasir di peringkat persekutuan. Tapi pada masa yang sama mengambil tindakan tegas untuk menuntut tunggakan menyemak semula perjanjian konsesi dan memperketatkan mekanisme kawal selia terhadap syarikat syarikat yang menguruskan pasir di seluruh negeri Pahang ini. Saya fikir banyak kawasan-kawasan yang telahpun kita beri kelulusan dan saya mengalu-alukan kelulusan tersebut sebab mengelak berlakunya banjir dan sebagainya. Kalau boleh perkara ini tuan speaker untuk kita bincang secara lebih halus di peringkat Jawatankuasa Kira-Kira Negeri (PAC) dan kalau perlu mungkin ia boleh dibawa ke Dewan Negeri untuk kita tengok bersama dalam konteks meningkatkan hasil pendapatan negeri.

Isu yang kedua yang saya nak bangkitkan ialah isu kelestarian alam. Satu realiti yang tidak boleh dinafikan Pahang hari ini berdepan dengan tekanan alam sekitar yang perlu diberi perhatian serius. Beberapa tahun kebelakangan ini kita menyaksikan kejadian banjir berulang dan suasana banjir yang tidak menentu kerana perubahan iklim yang sangat ketara. Kawasan-kawasan yang satu masa dulu tak pernah kena banjir kini berlaku banjir. Bermakna satu program mitigasi perlu diadakan segera. Saya

ucap tahniah pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam beberapa perancangan telah dibuat tadi tentang projek tebatan banjir. Projek ini sebenarnya dah ditunda dah luluskan awal tahun 2023 lulus. Tapi bila bertukar kerajaan. Projek ditangguhkan akhirnya baru dilaksanakan. Apa yang mendukacitakan juga dan Tuanku bangkitkan dalam titah titah Tuanku ialah syarikat-syarikat kerajaan negeri, syarikat kontraktor daripada Pahang yang tidak diberi peluang untuk mengambil bahagian padahal mereka ini, syarikat yang mempunyai potensi yang ada keupayaan, tiba-tiba projek-projek besar G7 ini kebanyakannya dibolot oleh pihak luar. Dan sepatutnya, Tuanku bangkitkan sepatutnya peluang itu diberi juga kepada syarikat kontraktor dari Pahang yang mempunyai projek dalam negeri kita. Tiga billion lebih projek tebatan banjir ya tiba-tiba manfaatnya dapat dilihat, dapat kepada pihak lain.

Yang kedua, saya ingin lihat ialah tentang sejauh mana peningkatan kos yang berlaku kelulusan waktu berlaku sebelum berlakunya isu yang geopolitik yang mutakhir dan menyebabkan kos meningkat. Saya bimbang projek-projek ini akan berdepan dengan kelewatan, tergendala dan sebagainya. Salah satu puncanya kerana kos yang meningkat mendadak. Yang kedua isu besar kelewatan projek ini ialah kerana isu pengambilan tanah. Ya, kebanyakan kelewatan berpunca isu pengambilan tanah. Saya pernah mencadangkan supaya kalau boleh isu pengambilan tanah ini dikeluarkan daripada tempoh projek diselesaikan dulu sebelum projek diberi kepada kontraktor supaya kontraktor tidak berdepan dengan masalah pengambilan tanah. Sebab isu pengambilan tanah ini kadang-kadang menyebabkan kontraktor terpaksa *delay* projek. Bukan kelewatan masalah dia laksana tetapi kerana melibatkan pengambilan tanah. Isu ada pewaris yang meninggal dunia, ada pihak yang tak setuju yang bawa mahkamah dan sebagainya. Ini melambatkan proses tersebut. Kalau sekiranya proses pengambilan tanah dikeluarkan daripada projek, saya fikir dia tidak akan mengganggu kelewatan projek. Ini di antara cadangan yang boleh dipertimbangkan. Selain daripada itu, Pahang mempunyai keluasan hutan simpan kekal sekitar 1.6 juta hektar. Kira-kira 44% daripada keluasan negeri. Namun, hakikat jumlah ini tidak menjamin berkekalan. Ada dua perkara besar. Yang pertama sekali saya mencadangkan supaya pihak kerajaan negeri selain membuat pewartaan kepada tanah-tanah tersebut, Taman Negara, Taman-taman Negeri, kerajaan negeri perlu berusaha untuk mendapatkan hasil daripada hutan simpan ini. Contohnya, penjualan dalam bentuk *carbon credits* kepada hutan yang kita ada. Kalau kita simpan sahaja kerajaan pusat tak bayar, mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh dapat respon berapa banyak kerajaan pusat bayar pada kerajaan Pahang yang kita telah wakafkan? Kita beri tanah sebagai Taman Negara, Taman Negeri ya...

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato Sri Speaker, setakat ini RM73 juta. Yang kita *reserve* kan ini yang Kerajaan Persekutuan dah bayar. Tetapi kita masih menuntut, sebabnya yang dibayar dalam bentuk projek. Mesyuarat yang lepas saya bersama dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri saya bangkitkan kepada Majlis Mesyuarat Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mengatakan bahawa kerajaan negeri, terima kasih kerana bayar dalam bentuk projek. Tetapi kita minta dibayar dalam bentuk tunai. Paling-paling tidak pun separuh di peringkat awalnya dan pada mesyuarat tersebut, pengerusi bersetuju. Bersetuju dengan permintaan kerajaan negeri dan saya minta ditingkatkan lagi kerana bayaran sehingga hari ini bermula daripada tahun 2022 kalau tak silap saya. Cuma kita mendapat 72. *something-something* saya tak ingatlah. Tapi saya bulatkan kepada RM73 juta dan usaha ini berterusan. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka saya tidak berhenti. Bila ada peluang bermesyuarat dengan Majlis Kewangan

Negara saya akan bangkitkan perkara ni. Saya dah bangkit daripada tahun 2021 akhirnya tahun 2022 kita dapat. Tetapi yang diberi pada tahun 2022, saya masih ingat jauh berkurangan, sangat sikit. Sepatutnya kita reservekan hutan ni hutan simpan ni banyak dan manfaatnya bukan kepada rakyat negeri Pahang sahaja kepada negeri-negeri lain. Tidak sepatutnya kita mendapat tempat yang kelapan selepas pada masa itu, Kedah nombor satu yang paling banyak dapat. Saya bangkit Yang Berhormat Speaker, saya kata Yang Amat Berhormat Dato' Sri Pengerusi ini sudah tidak adil. Ini bahasa speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini bahasa P. Ramlee (ketawa).

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pahang yang paling banyak buat hutan tapi dapat nombor lapan. Tapi sekarang ini kedudukan itu telah menaik dan kita setiap kali mesyuarat kita akan menzahirkan bahawa kerajaan Negeri Pahang tidak berpuas hati dengan apa yang dibahagikan kepada kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Kita dua ya, satu *Carbon* untuk kita menyedut udara oksigen. Satu lagi *water catchment area* untuk kita menyimpan air-air itu untuk dibekalkan kepada Selangor ini hutan simpan kita juga sebenarnya yang menjadi hutan utama. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Teruskan perjuangan bukan mudah nak kekal RM1 billion satu tahun.

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tahniahlah hasil kita dapat RM73 juta. Nampaknya payah kerajaan pusat nak bagi, Insya-Allah kita tukar kerajaan kita akan bagi Dato' Sri, jangan bimbang. Soal *credit carbon*...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dulu... dulu Yang Berhormat jadi menteri dulu berapa bagi?

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Takpe-takpe kita runding kemudian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak... tak (ketawa) masa Yang Berhormat jadi Menteri Alam Sekitar berapa ribu bagi?

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Itu yang kita lulus 22 tu sebenarnya zaman kita kerajaan (ketawa) itu memang betul saya rasa sebab masa tu UMNO pun bersama kerajaan pada masa tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita sama-sama bagi pada masa itu ya.

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kita bagi masa itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh. Boleh.

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Masa itulah kita mula bagi kepada negeri-negeri yang ada *reserve* dan yang kedua yang dibangkitkan juga ialah tentang *carbon credits*. Saya fikir kita boleh teroka. Ada cabaran sikit tentang REE di mana sebahagian besar rizab REE berada di hutan simpan dan ini di antara cabaran dan saya fikir oleh kerana perlunya satu mekanisme dibuat supaya Kerajaan Pusat ini buat polisi tak boleh eksport *RAW* REE ini ke luar negara. Okay kita akui dan kita ucap terima kasih. Tapi kalau prosesnya tak di buat pengilanganya tak dimulakan akhirnya kerajaan negeri, walaupun ada hasil tak dapat apa-apa sebab perlombongan ada tapi pelombong-pelombong pengusaha kata kami nak jual di mana?

Jadi selagi tak dimulakan proses untuk memproses REE ini negeri-negeri ada *reserved* REE ini hanya ada data je lah. Kami ada berapa billion reserved REE tapi nak keluar tak boleh kenapa tak ada pembeli? Kenapa tak ada pembeli? kerana proses kilang belum dibuka kecuali Lynas. Lynas pun letak syarat yang agak ketat sebab dia proses daripada Australia. Walaupun dibuka satu *line* baru, tetapi diletak syarat bahawa proses tu mesti Lynas mengusahakan di peringkat perlombongan sampai peringkat penguraian. Jadi, saya fikir ini tidak adil bagi negeri-negeri yang ada reserve REE yang banyak sebab kita tak dapat tak dapat hasil. Jadi, saya cadangkan selain daripada itu, untuk menjaga kelestarian alam ini, kalau boleh satu mekanisme yang telah pun diteroka oleh beberapa universiti untuk menguruskan konsep dipanggil wakaf hutan supaya konsep wakaf hutan ini ialah supaya hutan-hutan yang kita ada ini tidak di diceroboh atau dibuat sesuatu hingga akhirnya akan mendatangkan kesan besar kepada alam sekitar. Isu yang ketiga saya nak bangkitkan ialah isu tentang isu Tanjung Agas sedikit. Ya, kalau kita lihat dalam er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung Yang Berhormat. Ya saya bagi tambahan sikit la pasal saya campur Yang Berhormat pun kita bagi dua minit lagi.

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Lima minit ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Empat minit setengah.

(ADUN CHKEA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kita lama dah bersama-sama, lima minit (ketawa). Isu Tanjung Agas ni ialah tentang di mana melibatkan kawasan sekitar lebih kurang 4,225 ekar yang pada asalnya dipajak kepada Perbadanan PKNP kepada Tanjung Agas Solutions Sdn. Bhd. Terkini, projek Kompleks *Hybrid Shipyard* seluas lebih kurang 408 hektar pula dilaksanakan melalui kerjasama Pahang State Secretary Corporation PSK dan Teroka Majubina dengan perjanjian pajakan dimeterai tahun sehingga tahun 2025. Jadi soalan yang saya ingin dapat penjelasan ialah sejauh mana projek ini berjalan? dan apakah mekanisma perjanjian supaya tanah yang kita ada dapat kita pelihara? atau dalam bentuk leasehold ke? ataupun bagaimana dengan syarikat ini? Supaya apa yang dirancang di secara fizikal di projek Tanjung Agas dapat kita laksanakan. Kita mendoakan supaya projek-projek ini dapat laksanakan dengan baik dapat hasil bagi pulangan negeri dan dapat menjana peluang-peluang pekerjaan pada negeri.

Akhir sekali, oleh kerana masa tak begitu mengizin saya nak bangkitkan beberapa perkara dalam kawasan saya sendiri di dalam DUN Cheka. Diantaranya ialah tentang dengan Lipis *Geopark*. Saya melihat usaha promosi dan pemasaran masih berada pada tahap yang minima khususnya untuk sektor pelancongan. Persoalannya, apakah perancangan strategik kerajaan negeri bagi jangka masa sederhana dan panjang untuk menjadikan Lipis *geopark* ini sebagai destinasi utama, destinasi utama yang mampu menarik pelancong domestik dan antarabangsa? Saya mencadangkan agar satu kerjasama dengan institusi pendidikan, agensi pelancongan serta platform digital agar dapat menjadi pemangkin ekonomi setempat. Kita ada pengaruh influencer anak seni daripada Pahang yang boleh dilibatkan dalam promosi Lipis *Geopark*. Selain pada itu, saya tengok di Lipis ni, contohnya Ibu Pejabat Polis IPD Lipis ni sangat uzur dah lama sangat dan sangat tidak begitu selesa untuk kegunaan. Saya cadangkan supaya perkara ini dapat di beri perhatian untuk kita membina suatu IPD baru daerah Lipis.

Demikian juga Hospital Lipis, kalau tengok Hospital Lipis ni masalah parking memang kritikal sangat kritikal dan saya difahamkan dah ada satu tapak yang dicadangkan untuk dibina hospital baru dan saya boleh dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, Sejauh mana perkara itu dapat dilaksanakan supaya kita atasi masalah kesesakan yang melampau di hospital daerah Lipis ni. Akhir sekali tentang beberapa lokasi berkaitan keselamatan jalan raya. Terdapat beberapa lokasi yang kritikal berlaku kemalangan seperti selekoh tajam di Kampung Pasu, kawasan Kampung Lintang, Batu 9. Dan saya punya kawasan Bukit Geleng, Gelenggang ini kawasan dia sangat tinggi tiba-tiba sahaja. Untuk makluman banyak kali kemalangan berlaku kerana bukan lori yang bawak muatan itu tak lepas kerana bukit itu terlalu tinggi. Mungkin ada perancangan pada Kerajaan Negeri yang perlu dibentang, dimaklumkan pada kita semua supaya kita dapat mengatasi masalah ini dan banyak kenderaan yang terbalik pun. Saya sendiri dan pengalaman ulang-alik ini pun banyak kali berjumpa dengan lori yang terbalik. Lori lebar kontena yang besar ni kadang-kadang tak lepas kerana jarak *speed* itu sangat singkat, sangat dia tak, tak boleh speed dalam, dalam jarak yang betul-betul. Oleh kerana itu, sama ada mekanisme untuk menyediakan satu ruang untuk mereka *parking*, rehat dulu supaya dapat diberi ruang supaya kenderaan yang bersusun di belakang ini tidak ada masalah. Sebab bila bukit tinggi ini kita ikut belakang lori ini pun risiko. Takut dia tak sempat tak boleh lepas. Akhirnya terundur ke belakang dan risiko kepada kenderaan lain. Kalau boleh disediakan, satu ruang er...dan bentuk er...lebih selesa, dua hala boleh membantu kenderaan kita dan kenderaan pengguna yang lain. Dato' Yang di-Pertua, Tuan Speaker saya rasa itu ucapan saya dan saya menyokong titah Tuanku. Terima kasih, Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Cheka. Seterusnya wakil daripada Tras. Wakil daripada Tras ini Yang Amat Berhormat nampak makin handsome lah.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PURI
(ADUN TRAS - N.07)

Terima kasih Dato' Sri Tuan Speaker, lepas ini kita boleh minum dekat luar. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam kerajaan perpaduan, salam Malaysia Madani, Salam Pahang 1st. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Dato' Sri kerana bagi kesempatan pada petang ini. Di kesempatan ini juga, patik ingin menjunjung kasih di atas titah diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada hari Jumaat lepas. Tengah hari yang mulia ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Sebelum itu dikesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah sebagai Ketua Pentadbir Negeri yang terbaik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan terima kasih juga di atas keperhatian tambahan peruntukan makanan sebanyak 15 ribu seminggu untuk setiap DUN. Boleh saya tabik sekali.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh Yang Berhormat, saya tak tabik.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PURI
(ADUN TRAS - N.07)

Semoga Dato' Sri boleh tambah lagilah tabik itu, untuk tambah lagi. Dato' Sri Yang Di-Pertua, Dato' Sri Speaker, saya ingin menyentuh *point* ke 56 ya. Titah Diraja berkenaan keci, kekecewaan Baginda Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim merujuk kepada Kerajaan Pusat yang tidak meluluskan usaha kerajaan negeri Pahang untuk menambah hasil negeri seperti eksport pasir sungai. Memandangkan negeri Pahang memiliki sungai terpanjang di semenanjung Malaysia yang sudah tentu banyak mendapan pasir yang perlu dikeluarkan agar kelancaran pengaliran air sungai bagi mengelak banjir. Dato' Sri Yang di-Pertua sebagai mantan Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli serta sebagai Ahli Undangan Negeri Pahang. Saya ingin memberi pandangan menang-menang, *win-win situation* seperti yang disebut oleh ADUN Kemayan sebentar tadi.

Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan. Jadual Ke-9 telah memperuntukkan bahawa perkara yang berkaitan tanah, hutan serta sumber asli adalah di bawah bidang kuasa negeri kecuali permit eksport (AP) di bawah kuasa Kerajaan Pusat. Jadual 9 ini jelas menunjukkan pengasingan kuasa diantara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Dalam titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota ada menyebut secara spesifik berkenaan kelulusan eksport pasir sungai Negeri Pahang merujuk kepada mendapan pasir supaya kelancaran pengaliran air sungai berlaku seterusnya mengalir mengelakkan banjir. Di dalam erti kata lain, ia adalah satu cadangan tindakan mitigasi banjir yang boleh menambah hasil negeri. Saya yakin masalah ini boleh diselesaikan dengan secara baik dengan kefahaman yang betul. Hak bersuara untuk kita mendapatkan balik kebenaran eksport pasir sungai ini jika

ianya dapat menambah pendapatan negeri. Lebih-lebih lagi Dato' Speaker ya, ke, kedudukan Ringgit Malaysia ini sekarang agak kukuh iaitu 1 *US Dollar* bersamaan RM3.91 Ringgit Malaysia, terima kasih PMX. Justeru itu, saya berpendapat jawapan yang tepat biarlah dijawab oleh Kerajaan Pusat itu sendiri. Skop perbahasan kita di dalam Dewan Yang Mulia ini hanyalah terbatas kepada hak Kerajaan Negeri dan dasar Kerajaan Negeri seperti Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9 pengasingan kuasa antara Kerajaan Negeri dan Pusat. Dato' Sri Speaker, saya amat tidak menyokong komen-komen atau penghinaan terhadap titah diraja baru-baru, baru ini yang terdapat di media elektronik. Kita sebagai orang timur dan Malaysia, kita mestilah lebih beradab di dalam memberi pendapat. Tidak salah memberi pendapat tapi janganlah sampai menghina institusi diraja. Dato' Sri Speaker serta Ahli-ahli Dewan Yang Dimuliakan, Tuanku menyampaikan titah dalam bahasa yang amat mudah difahami, malah bukan secara teknikal.

Sebagai mantan Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli dan Ahli Undangan Negeri Kerajaan serta saya seorang jurutera dan juga ahli PAC Pahang memahami serta mengerti apa yang Tuanku ingin sampaikan? Isu ini sensitif dan ada *conflict of interest* sikit kerana ianya perlu penjelasan secara teknikal dengan data-data serta pengalaman. Apa yang Tuanku titah itu tidak menggunakan bahasa yang susah, bahasa yang mudah, korek *sedimen* pasir bagi mengelakkan bencana banjir dan pasir itu boleh dijual untuk hasil negeri. Ianya bahasa yang amat mudah difaham oleh rakyat biasa. Jika kita berkomunikasi di dalam bahasa kejuruteraan sungai dengan izin *Rivers, River Engineering*. Banyak perkara yang perlu kita tahu daripada sudut kejuruteraan sungai. *River Engineering* ada beberapa parameter yang perlu diambil sebelum penggorekan dibuat. Di sini saya sertakan secara ringkas kajian *hidrolik analisis* pengangkutan mendapan. *Dinamic Analysis Flight Simulation (EIA), Independent Technical Review* dengan izin guna bahasa Inggeris ya, monitor ataupun pemantauan data sebelum dan selepas projek. Untuk sungai-sungai yang panjang seperti Sungai Pahang, beberapa kajian tambahan perlu dibuat *seperti Casement Management, Upstream Detection, Flight Plain Restoration, Erosion Control Enforcement, Integrated River Basin Management* itu adalah dari segi teknikal.

Dato' Sri Speaker, saya pernah menyelesaikan masalah *stock file bauxite* pada tahun 2019 dahulu. Melalui pengalaman ini, saya menawarkan diri untuk bersama-sama Kerajaan Negeri untuk berbincang dengan pihak Kementerian Pusat bagi menyelesaikan masalah ini supaya diselesaikan dengan cara menang-menang seperti yang diucapkan oleh ADUN Kemayan tadi. Dato' Sri Speaker serta Ahli Dewan Yang Dimuliakan, kita bukan hanya bercakap berkenaan kedaulatan negeri Pahang sahaja, akan tetapi juga kedaulatan Malaysia itu sendiri. Contohnya, pasir ini dijual ke mana. Ia juga bukan sahaja membabitkan keuntungan negeri tetapi juga peruntukan pusat di dalam menghadapi bencana alam, hakisan, keselamatan aliran air hidraulik serta sumber air bersih. Contohnya di dalam *Rolling* Malaysia *Plan*. Ia juga bukan semata-mata prerogatif hak negeri tetapi integriti, ketirisan, penguasaan serta pengurusan sumber negeri negara. Sebagai contoh, saya membawa rujukan Ketua Audit Negara. Buku 3/2024 Oktober 2024 muka surat 21, 22, 23, 24 dan 25 yang mana yang diterangkan oleh ADUN Cheka sebentar tadi yang dibaca sekali dengan jadual penyata kewangan Negeri. Dia kena baca dua-dua sekali. tak boleh baca satu-satu je. Jadual 4 Penyata Kewangan Negeri Pahang bagi tahun 2020 sehingga 2023. Prestasi kutipan hasil royalti pasir sungai berbanding sasaran dalam tempoh 2020 sehingga 2023. Sasaran targetnya adalah kurang lebih RM92.4 juta tetapi pendapatan sebenar kurang lebih RM39.1 juta sahaja. Hutang tertunggak dari 2020 hingga 2023 lebih kurang RM10.77 juta. Untuk takut kesilapan tersebut saya merujuk pula Buku Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 muka surat 49 jadual 28 sehingga 2024 ABT, Akaun Belum

Terima adalah RM10.67 juta. Ini adalah sedikit info yang berguna bagi Ahli Dewan sekalian.

Dato Sri Speaker, saya ingin juga menyentuh berkenaan kesan geopolitik daripada konflik tenaga Timur Tengah yang juga memberi kesan kepada harga minyak yang berasaskan *fossil fuel* pada negara kita. Justeru itu, saya ingin mencadangkan beberapa pendekatan supaya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan bagi menambah baik lagi ekonomi negeri Pahang mempercepatkan lagi R&D serta kerjasama penggunaan tenaga hijau boleh diperbaharui yang berasaskan komoditi pertanian seperti menghasilkan *Biofuel* bagi mengimbangi krisis minyak yang berasaskan *Fossil fuel*. Di sini saya pecahkan kepada dua. Satu komoditi getah dan satu lagi komoditi kelapa sawit. Mempercepatkan kajian serta kerjasama UMPSA, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dengan RISDA dan agensi bagi Kajian Bahan Bakar *Bio Fuel* yang berasaskan skrap getah. Ia juga dapat membantu 500 ribu pekebun getah di seluruh negara serta mewujudkan peluang pekerjaan baru ke atas produk hiliran ini, komoditi kelapa sawit (CPO). Pihak Kerajaan Negeri Pahang juga disarankan melalui anak syarikat PKNP atau yang berkaitan untuk bekerjasama dengan pihak RISDA bersama-sama dengan FGV Holding untuk menghasilkan biodiesel B100 yang diproses sepenuhnya guna minyak kelapa sawit tempatan. Teknologi ini menggunakan 100 % minyak yang berasaskan kelapa sawit tanpa dicampur dengan *diesel fossil fuel* seperti yang kita gunakan sekarang B10, B15 dan B20.

Di negeri Pahang juga mempunyai rancangan-rancangan FELDA yang terbanyak di Malaysia iaitu ada 115 saya rasa ini pun memudahkan Kerajaan Negeri untuk berbincang atau berkomunikasi dengan RISDA. Walaupun ada sekatan pengeksportan pasir sungai ketika ini daripada Kerajaan Pusat, kerajaan Pahang boleh memohon untuk bekerjasama dengan Felda Pusat di mana Kerajaan Negeri mempunyai tanah yang luas boleh dikomersialkan. Dikesempatan masa yang terhad ini juga ingin saya mencadangkan Kerajaan Negeri Pahang agar supaya dapat memanfaatkan kawasan terbiar yang luas termasuk kawasan yang dikendalikan oleh ORACO disewakan atau diusaha sama dengan pihak swasta atau pelabur menukar dari perladangan sawit yang tidak terurus kepada pusat data AI dan ladang tenaga solar.

Ini juga akan menambah pendapatan untuk Orang Asli. Kerajaan Pusat telah memperuntukkan di bawah Pemudah Peralihan Tenaga Nasional (NETR) daripada RM100 juta kepada RM300 juta untuk tahun 2025 berskala besar tanpa bergantung sepenuhnya kepada grid konvensional itu yang TNB. Kerajaan Pusat juga melanjutkan Skim Teknologi Hijau (GTFS) dengan nilai pembayaran RM1bilion sehingga 31 Disember tahun 2026. Dan Kerajaan Negeri Pahang pun sudah mempunyai rujukan projek di Pahang Teknologi Park Gambang dengan usahasama PKNP dengan *Fire Phoenix International*. Nilai ini bernilai RM450 juta. Di sini saya juga ingin bagi perbandingan secara umum di mana ladang solar dan pusat data ini boleh mendatangkan keuntungan lebih daripada 54 kali ganda daripada perladangan sawit biasa. Setiap 1 *gigawatt* (GW) kapasiti tenaga boleh diperbaharui dengan menggunakan kawasan 1.5 ribu hingga 1.7 ribu hektar boleh menjana pendapatan lebih kurang antara 134 juta hingga 266 juta setahun.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung?

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Memang nak gulung pun. Sebelum gulung tu, saya pun minta jugalah izin untuk pantun juga.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila la pantun. Hari pantun negeri Pahang.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Burung Merpati, terbang sekawan,
Hinggap seekor pohon jati,
Budi yang baik jadi kenangan,
Harum namanya sampai ke mati.

Anak Merpati terbang ke hulu,
Hinggap sebentar di Pohon Sena,
Titah diraja dijunjung selalu,
Panduan rakyat sepanjang masa.

Pergi ke bendang menanam padi,
Padi menguning indah berseri,
Titah baginda penuh berbudi,
Membawa negeri aman Harmoni.

Saya berharap Kerajaan Negeri meneliti semula tentangan dan pandangan yang saya kemukakan demi kesejahteraan rakyat Pahang. Saya pohon menyokong titah diraja. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Tras. Seterusnya wakil daripada Lepar.

(ADUN LEPAR – N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

15 minit.

(ADUN LEPAR – N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pada Jumaat yang lepas Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang telah merasmikan Pembukaan Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Lepar tak kena gantung la?

(ADUN LEPAR – N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Tak ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Belum lagi. [ketawa]

(ADUN LEPAR – N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Potong stim. [Ahli Dewan ketawa] Di dalam titah Tengku Mahkota Pahang Kebawah Duli Paduka Mulia telah menyenaraikan lima perkara penting iaitu pertama, memperkukuhkan daya tahan ekonomi negeri melalui pelbagai sektor agar tidak bergantung kepada satu sumber dominan semata mata. Kedua, memperhebatkan usaha menarik pelaburan berpotensi tinggi khususnya dalam sektor teknologi dan tenaga baharu. Ketiga, memperkukuhkan rantaian bekalan dan ekosistem industri tempatan bagi mengurangkan kebergantungan pada faktor luar yang tidak menentu. Keempat, laksanakan dasar-dasar yang responsif terhadap kenaikan kos sara hidup. Kelima, manfaatkan peluang daripada perubahan global termasuk peningkatan permintaan tenaga, sumber tenaga, komoditi dengan pengurusan yang lestari dan berintegriti.

Pada muka surat 16 bilangan 40, Tengku Mahkota Pahang telah menyatakan Kerajaan Negeri telah menerima kelulusan sebanyak 133 projek baru dan 434 projek sambungan dengan nilai peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.388bilion. Cuma apa yang ingin saya tanya tanyakan di Dewan Yang Mulia ini adalah, apa telah jadi pada permohonan projek dari projek jalan dari Felda Lepar Utara ke Sungai Lembing? Projek ini telah dimohon berbelas, berbelas tahun dahulu. Namun hingga kini tidak terzahir hitam putih tentang projek ini. Apakah kerajaan Pusat tiada peruntukan ataupun tidak mahu melayani bagi meluluskan permohonan projek ini dan bagi pandangan saya, Kerajaan Negeri Pahang perlu meminta penjelasan kenapa projek ini masih tertangguh hingga kini. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Pada tahun 2023, Ahli Parlimen Kuantan telah mengutarakan tentang projek ini di Parlimen dan Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjawab bahawa ianya adalah proses… dalam proses penyemakan dan perbincangan harga tender. Namun, pada Februari 2025 baru dikeluarkan tender kajian dan reka bentuk awalan. Kajian lagi. Tak habis-habis dengan kajian berpuluh-puluh tahun Kerajaan Pusat jadikan negeri kita, Negeri Pahang ni macam makmal uji kaji.

Semua sedia maklum apakah kepentingan projek jalan ini? Selain daripada memudahkan urusan penduduk Lepar Utara yang berada di dalam DUN Lepar untuk berurusan di daerah Kuantan. Namun, faktor yang lebih penting lagi adalah ianya untuk merancakkan lagi perkembangan ekonomi dari Pahang Barat ke Ibu Negeri Kuantan. Semuanya akan lebih cepat. Sektor pertanian, penternakan, perlombongan juga akan lebih berkembang dari masa ke semasa. Banyak peluang pekerjaan akan dicipta serta negeri Pahang turut juga dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan bekalan makanan negara dari hasil pertanian dan penternakan. Saya sebagai Wakil Rakyat telah pun menyampaikan hasrat rakyat berkaitan dengan projek

ini sebanyak dua kali di Dewan Yang Mulia ini dan selebihnya adalah tugas EXCO yang berkenaan untuk memastikan agar kerajaan MADANI memandang serius tentang keluhan rakyat negeri Pahang. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa panjang jalan itu Yang Berhormat. Saja nak tahu.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Dia orang kata 30km, dekat je kalau daripada Sungai Lembing ke Lepar Utara. Dekat je.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Dekat, dekat.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Dekat dah, cuma tak tahulah berapa jumlah projek dia. Yang Berhormat, baru baru ini kita dikejutkan dengan pemergian arwah adik Mohd Luqman Kamil yang meninggal dunia akibat lemas semasa mencari kepah di Pantai Balok. Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang telah mencemar duli hadir bertemu keluarga arwah dan juga menghadiri majlis tahlil di Masjid Felda Lepar Hilir Tiga. Patik mewakili rakyat Lepar, terutamanya peneroka-peneroka di Felda Lepar Hilir Tiga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Paduka Mulia. Walaupun dalam kesibukan tugas harian, beliau tetap menjadikan rakyat sebagai keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, arwah adik Muhammad Luqman Kamil bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan yang juga dikenali dengan nama singkatannya SABS. Saya juga bersekolah di SABS dari tahun 1983 hingga 1987. SABS juga adalah sekolah, satu sekolah yang hebat di negeri Pahang. Cemerlang dalam akademik dan juga bidang sukan. Saya rasa mungkin ramai juga ahli-ahli politik lahir daripada SABS. Arwah adik Muhammad Luqman Hakim bersama rakan-rakan beliau seramai tujuh orang telah menaiki kenderaan pacuan empat roda. Ada yang kata *single cam* yang dipandu oleh suami kepada warden asrama. Seterusnya mereka sampai di Pantai Balok. Mengikut kata penduduk di situ, arwah bersama rakan-rakan beliau mula mengutip kepah lebih kurang jam 4.45 petang. Mengikut apa yang dinyatakan oleh keluarga arwah apabila air mula pasang. Beliau bersama rakan-rakan beliau telah berusaha naik ke kawasan yang lebih tinggi. Namun, dua rakan beliau tidak berjaya naik. Arwah adik Muhammad Luqman Hakim…Luqman Kamil di antara salah seorang EXCO di asrama SABS. Empat orang kakak…empat orang kakak dan abang beliau juga pernah bersekolah dan tinggal di asrama tersebut. Arwah juga adalah seorang jurulatih silat. Arwah seorang remaja yang cerdik, sentiasa tenang dan sering mengutamakan kepentingan rakan-rakan dalam semua keadaan berdasarkan pergaulan beliau.

Pada hari kejadian apabila dua rakan beliau tidak berjaya naik ke tebing, arwah dengan tidak berfikiran panjang terus terjun kembali cuba menyelamatkan kedua-dua rakan beliau. Seorang rakan berjaya ditolak ke tebing, seorang lagi berjaya ditarik kakinya lalu ditolak ke tebing juga oleh arwah. Namun arwah tewas apabila paras air semakin tinggi dan arwah hilang ditarik ombak. Pelbagai versi yang kita dengar

dengan kematian arwah adik Muhammad Luqman Hakim, namun beliau adalah seorang *unsung* hero atau wira…wira yang tidak didendangkan. Walaupun arwah telah meninggalkan kita, namun pada pandangan saya mungkin dengan sedikit penghargaan kepada arwah di atas jasa keberanian beliau akan terubat sedikit kesedihan yang dirasai oleh ayah, ibu dan keluarga beliau. Semoga arwah tenang di sana dan roh beliau dicucuri rahmat serta ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Insya-Allah. Marilah kita bertafakur sebentar dan menghadiahkan bacaan surah Al Fatihah kepada beliau. Al-Fatihah. Alhamdulillah. Amin, Amin.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kita di Dewan Yang Mulia ini semua pernah melalui rasa cemas…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung, ya.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Masa nak gulung. Masa cemas… tapi ada lagi. Baru 8 minit, saya ambil masa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, saya ada penjaga masa di sini. (Ketawa)

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Err…okay. Kita di Dewan Yang Mulia ni semuanya pernah melalui rasa cemas semasa menaiki kapal terbang apabila terlibat dengan cuaca buruk yang mengganggu fokus serta ketenangan… ketenangan kita sepanjang kita berada di dalam pesawat. Sebelum saya menamatkan perbahasan saya pada hari ini, izinkan saya menceritakan satu kisah yang diceritakan oleh arwah ibu saya iaitu Hajjah Zaharah binti Saidin sebagai teladan untuk kita bersama. Kisahnya bermula dari seorang lelaki dalam lingkungan umur 40an telah menaiki pesawat dari Kuala Lumpur ke London. Semasa dalam perjalanan, pesawat tiba-tiba dilanda ribut petir. Keadaan dalam pesawat menjadi huru hara dan tidak tenang. Ada yang dalam ketakutan, ada yang menjerit serta menangis. Ada yang berdoa walaupun sudah lama tidak berdoa. Encik Malik lelaki yang berumur 40an tersebut yang sudah lama tidak berdoa telah berdoa dengan bersungguh-sungguh hingga menitis air mata. Namun sepanjang ribut tersebut berlaku, Encik Malik sempat melihat seorang kanak-kanak perempuan dalam lingkungan umur 12 tahun yang berada di seberang tempat duduk beliau. Kanak-kanak tersebut fokus memegang buku lukisan, mewarna lukisan tersebut sepanjang ribut petir berlaku. Tiada perasaan cemas atau takut dan kanak-kanak tersebut kelihatan sentiasa tenang. Alhamdulillah, ribut yang melanda akhirnya menghilang dan keadaan menjadi tenang kembali. Pesawat telah sampai mendarat di *Heathrow*, London. Kanak-kanak perempuan tersebut bergegas keluar daripada pesawat dan Malik cuba mengejar kanak-kanak tersebut.

Akhirnya, beliau dapat berjalan keluar bersama kanak-kanak tersebut. Encik Malik memulakan perbualan dan bertanya kepada kanak-kanak tersebut. Mengapa kanak-kanak tersebut tenang dan hanya fokus mewarna sepanjang ribut berlaku serta tiada sedikit pun perasaan takut. Kanak-kanak tersebut memberitahu jurutera…juruterbang

tersebut adalah ayahnya. Dia yakin kepada kebolehan ayahnya dan selagi ayahnya yang menerbangkan pesawat tersebut, tiada siapa yang perlu risau.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini...ini...apa ni, ayah dia ni orang putih ke orang Melayu?

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Hahaha…Orang Melayu…Orang Melayu. Okay, moral daripada cerita tersebut adalah kita perlu yakin sentiasa…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini cerita betul ke? (Ketawa)

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Cerita…cerita daripada *Tiktok*. Moral dari cerita tersebut adalah kita perlu yakin, sentiasa menghormati orang tua…orang tua kita. Kita juga sebagai pemimpin atau Wakil Rakyat perlu menunjukkan teladan dengan memberi keyakinan yang tinggi agar rakyat di luar sana merasa yakin bahawa kitalah tempat mereka bergantung. Mereka akan merasa selamat kerana kita yang akan menegakkan undang-undang, merasa gembira kerana kitalah yang akan memastikan makanan sentiasa terhidang di meja setiap keluarga dan berasa yakin bahawa keharmonian serta kesejahteraan sentiasa diutamakan sepanjang masa. Tidak perlu kita berjanji bulan dan bintang kerana akhirnya rakyat dapat melihat adakah janji-janji Kerajaan Pusat tersebut akan dikota atau tidak.

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Rakyat Pahang sentiasa bersabar,
Namun janji sering tidak ditepati.

Dengan ini, saya menyokong dan menjunjung kasih atas titah diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dua belas minit. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, kalau tak ada pantun tak standard untuk kali ini. Seterusnya Wakil daripada Semambu. Lima belas minit.

(ADUN SEMAMBU – N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker kerana beri peluang untuk saya membahas usul titah diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Kerajaan Negeri Pahang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dengan Exco-Exco serta barisan Pegawai-Pegawai Kerajaan telah mencatat prestasi ekonomi negeri yang

sangat memberangsangkan dari sehingga, masuk tahun ke-4 mencapai melebihi RM1 billion pendapatan negeri. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang dan barisan kepimpinan atas pencapaian tersebut. Usaha bagi memperkukuhkan ekonomi dan sosial negeri perlu diteruskan dan dipergiatkan lagi agar kesejahteraan rakyat Pahang dapat terus dipelihara.

Dato' Sri Speaker, konflik berlaku di Asia Barat juga telah menjejaskan semua lapisan masyarakat dan ianya membawa kepada ketidaktentuan kepada ekonomi semestinya kesan juga dirasai oleh kami semua. Peningkatan harga dalam barangan import, minyak diesel, petrol dan banyak lagi. Jika ianya berterusan, saya yakin ia mempunyai impak yang lagi mendalam. Terima kasih atas inisiatif Kerajaan Negeri dalam memperuntukkan bakul makanan setiap minggu bagi setiap kawasan Dewan Negeri untuk membantu keluarga-keluarga yang memerlukan. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga-peniaga IKS dengan memberikan diskaun atau pemotongan ke atas cukai taksiran, cukai tanah ataupun lesen perniagaan bagi tahun ini. Konflik ini juga menunjukkan bahawa kebergantungan ke atas ba.. bahan fosil seperti petrol, diesel dan batu arang masih sangat tinggi. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi galakan atau insentif kepada pemilik rumah dan premis yang memasang solar panel atau *ev charger* melalui potongan cukai taksiran ataupun cukai tanah.

Kami tidak boleh hanya berbicara tentang soal ekonomi hijau di seminar tetapi mesti sampai ke rakyat. Selangor telah mula memperkenalkan insentif seperti ini. Sarawak juga turut menawarkan insentif bagi premis yang memasang dan saya yakin Kerajaan Negeri Pahang juga boleh bergerak ke arah yang sama demi persekitaran yang lebih mampan dan mesra alam. Krisis tenaga turut menyebabkan kenaikan kos bahan binaan yang turut memberi kesan besar kepada pelaksanaan projek pembangunan negeri, di negeri Pahang. Susulan situasi ini, terdapat projek pembangunan kerajaan dan juga projek rumah mampu milik serta Rumah Rakyat Pahang kini berdepan dengan peningkatan kos yang ketara. Keadaan ini menyebabkan terdapat projek yang berisiko gagal disiapkan mengikut jadual. Malah, ada juga projek yang tidak mendapat sambutan daripada kontraktor kerana kos semasa yang terlalu tinggi dan tidak lagi selari dengan harga kontrak asal. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, ia bukan sahaja akan menjejaskan agenda pembangunan negeri, malah turut memberi kesan langsung kepada kebajikan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah yang amat memerlukan rumah mampu milik. Oleh itu, saya ingin menyarankan, menyarankan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan pelaksanaan mekanisme syarat perubahan harga atau *Variation of Price* (VOP) secara lebih menyeluruh dan fleksibel bagi projek-projek yang terkesan. Mekanisme ini penting supaya kontraktor dapat meneruskan projek seterusnya memastikan projek disiapkan tepat pada masanya. Saya percaya dengan pendekatan yang pragmatik dan responsif ini, Kerajaan Negeri dapat memastikan pembangunan negeri tidak terjejas serta kebajikan rakyat Pahang terus terjamin.

Dato' Sri Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan isu masyarakat menua di negeri Pahang. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2 Oktober 2025, Jerantut dan Kuantan disenaraikan sebagai 2/10 daerah baru menuju ke penuaan dengan 7.3% dan 7.2% masing-masing daripada jumlah populasi adalah 60 tahun ke atas selain daripada Raub, Bentong dan beberapa daerah yang telah mencapai 8%. Ini bermakna Kerajaan Negeri Pahang perlu bersiap sedia dari segi fasiliti kesihatan, sistem pengangkutan dan penjagaan warga emas. Oleh itu, saya amat berharap program seperti Khidmat Bantu di rumah *Home Help Service* yang diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bertujuan membantu warga emas dan Orang Kurang Upaya di rumah dapat terus

diperkasa dengan kerjasama NGO dan pihak swasta supaya masyarakat menua dapat ditangani dengan lebih tersusun dan bermaruah. Saya juga ingin tahu tentang bilangan sukarelawan yang aktif di setiap daerah dan dalam Pahang dan berapa keluarga yang dibantu setiap hari mengikut daerah.

Saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan Bandar Kuantan. Berdasarkan Laporan DOSM Jabatan Perangkaan Malaysia 2025, daerah Kuantan terus menjadi daerah dengan populasi yang tinggi di mana 34.4% bersamaan dengan 576.6 ribu orang yang menetap di Kuantan ini, dan menetap di Kuantan dan mempunyai kepadatan yang paling tinggi di negeri Pahang. Proses urbanisasi yang pesat menyebabkan permohonan berlaku dengan pantas tetapi infrastruktur tidak berkembang pada masa yang sama. Oleh itu, saya berpandangan bahawa sistem pengangkutan awam di Kuantan perlu diperkasakan secara serius dan disegerakan. Jika sistem pengangkutan awam yang efisien dapat diwujudkan dengan segera, Kuantan mungkin tidak perlu bergantung kepada pembinaan *fly over* untuk menyelesaikan kesesakan trafik. Saya memohon supaya kajian pengangkutan awam Pahang yang sedang dijalankan oleh PLANMalaysia dapat dipercepatkan dan dibentangkan kepada Ahli Dewan Negeri apabila siap nanti.
Dato' Sri Speaker, menurut Laporan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia juga, Pahang kekal sebagai antara negeri pertanian utama negara dengan kekuatan besar dalam sektor tanaman dan penternakan. Namun begitu, cabaran utama yang sedang kita hadapi hari ini ialah sektor pertanian masih terlalu bergantung kepada pengeluaran bahan mentah di samping semakin kurang penglibatan generasi muda, generasi muda dalam bidang agro. Jika keadaan ini tidak ditangani secara serius, kita berdepan risiko kekurangan tenaga kerja pertanian dan kelewatan dalam proses modenisasi, sektor makanan negeri. Sehubungan itu, saya melihat perancangan RMK-13 untuk menjadikan Pantai Timur termasuk Pahang sebagai Hab Agromakanan Negara merupakan satu langkah yang amat strategik dan perlu diterjemah kepada tindakan yang lebih menyeluruh di peringkat negeri. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperkenalkan Pelan Agro Tech Pahang yang beri fokus kepada *Smart Farming*, penggunaan *drone* dan juga teknologi AI dalam pertanian disamping memperluaskan industri hiliran dan hab pemprosesan makanan supaya lebih banyak nilai ekonomi dapat dikekalkan di negeri ini. Pahang tidak boleh sekadar menjadi pengeluar bahan mentah semata-mata, saya percaya jika langkah ini dilaksanakan secara serius, Pahang bukan sahaja mampu menjadi pengeluar makanan utama negara tetapi juga peneraju agroteknologi dan ekonomi makanan masa depan Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah atas usaha Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan ke Pahang Technology Park dengan *Synapse Network* yang melabur RM200 juta dan juga PKNP yang akan memulakan *data center* berasaskan pertanian. Ianya adalah langkah strategik untuk menjadikan Pahang khususnya Kuantan sebagai hub ekonomi digital baharu di Pantai Timur agar pembangunan industri teknologi tinggi di negara tidak terus tertumpu di pantai Barat sahaja. Saya juga ingin lontarkan soalan kepada Kerajaan Negeri berkenaan tentang status pelaburan di Pahang *Technology Park* dan berapa syarikat yang telah bertapak di kawasan tersebut yang telah mula pembinaan. Pahang mempunyai kelebihan strategik melalui pelabuhan Kuantan, Jaringan ECRL akses lebuh raya utama, tanah industri yang luas dan juga sambungan kepada beberapa Major Submarine Cable Networks seperti MIST APCN-2, SKR1M, dan SEAX. Semua ini merupakan elemen penting yang dicari oleh pelabur *Data Center*, *Cloud Computing* dan industri kecerdasan buatan A.I. Kelebihan ini memberi potensi besar kepada Pahang muncul sebagai hab ekonomi digital baharu di Semenanjung Malaysia. Namun demikian, Kerajaan Negeri perlu memastikan kesiapsiagaan utiliti seperti bekalan air, elektrik dan kapasiti grid supaya pelaburan

berskala besar ini tidak menjejaskan keperluan tempatan di mana AI dan Hyper Skill Data Center memerlukan penggunaan elektrik dan air yang sangat tinggi. Saya berharap satu pelan jangka panjang dapat dirangka bersama Kerajaan Persekutuan, TNB, PAIP dan pihak industri bagi menjadikan Pahang sebagai *East Coast Digital Corridor* yang mampan, yang mampan, berdaya saing dan mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak-anak muda di negeri ini.

Dato' Sri Speaker, saya ingin menyentuh isu berkaitan dengan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang, khususnya berkaitan status penempatan dan tanah yang didiami oleh komuniti tersebut sejak sekian lama. Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 2 ribu, 20 Februari 2026 di Kuala Rompin bahawa tiada istilah tanah adat tanpa pewartaan yang sah di sisi undang-undang. Saya berpandangan bahawa Titah tersebut juga memberi satu peringatan penting kepada Kerajaan Negeri supaya proses pewartaan tanah penempatan Orang Asli dapat dipercepatkan dan diselesaikan secara lebih tersusun. Realiti hari ini masih terdapat kampung Orang Asli di negeri Pahang yang telah diduduki lama, namun masih belum mempunyai status pewartaan yang jelas. Keadaan ini akhirnya mewujudkan ketidakpastian kepada komuniti tersebut termasuk daripada sudut tempat tinggal, sumber pendapatan, akses pembangunan dan hubungan mereka dengan pihak berkuasa.

Dato' Sri Speaker, dalam masa yang sama, kita juga perlu mengakui bahawa terdapat beberapa keputusan mahkamah di negara ini termasuk di Pahang yang telah memberi tafsiran penting berkaitan dengan hak masyarakat Orang Asli terhadap tanah yang mereka duduki secara tradisi. Sebagai contoh, dalam kes Kampung Bukit Rok dan Kampung Ibam di Bera pada tahun 2012, Mahkamah Tinggi Kuantan memutuskan bahawa hak masyarakat Orang Asli Suku Semelai terhadap tanah yang mereka duduki adalah lebih utama dan mengarahkan kawasan lebih 2,000 hektar diwartakan sebagai tempat Orang Asli, dan juga beberapa kes mahkamah yang terlibat juga. Saya membangkitkan perkara ini bukan untuk mempertikaikan mana-mana pihak tetapi kerana saya percaya Kerajaan Negeri perlu mengambil pendekatan yang lebih proaktif dan tersusun supaya isu ini tidak terus berulang di mahkamah dari tahun ke tahun. Sekiranya sesuatu kawasan telah lama diduduki, mempunyai rekod penempatan kubur, dusun dan kawasan adat dan juga sumber kehidupan komuniti, maka Kerajaan Negeri wajar mempertimbangkan satu mekanisme yang lebih cepat dan jelas untuk menentukan status kawasan tersebut sebelum konflik berlaku. Justeru, saya ingin mencadangkan beberapa perkara. Pertama, kerajaan negeri menetapkan garis masa yang jelas bagi proses semakan dan pewartaan penempatan Orang Asli yang telah dikenal pasti. Kedua, proses pemetaan dan pengukuran sempadan dipercepatkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan komuniti setempat. Ketiga, satu jawatankuasa tetap diwujudkan melibatkan kerajaan negeri, agensi berkaitan dan wakil komuniti Orang Asli bagi menyelesaikan isu pertikaian tanah sebelum ia berakhir di mahkamah. Pahang merupakan negeri yang mempunyai komuniti Orang Asli antara terbesar di Semenanjung Malaysia. Maka, saya percaya penyelesaian isu ini secara bijaksana amat penting demi memastikan pembangunan negeri berjalan dengan baik. Kelestarian alam sekitar terus dipelihara dan kebajikan masyarakat Orang Asli terus terbela secara adil dan bermaruah.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, izinkan saya membangkit dua isu di kawasan saya. Yang pertama, berkaitan dengan projek rumah makmur di Kampung Tiram. Saya menghargai usaha Exco Kerajaan dan LPHP dalam menyelesaikan isu kelewatan yang membabitkan rumah makmur tersebut. Saya melihat banyak kali pertemuan telah diadakan dengan pembeli dan juga pemaju dalam menyelesaikan isu ini. Tahun lepas ketika pemaju telah memberi jaminan untuk siap pada Jun 2026 tetapi sehingga

ke hari ini, kerja masih sangat minimum. Walaupun usaha menyelesaikan isu ini sedang giat dijalankan oleh pihak kerajaan negeri. Namun projek ini akan menjejaskan imej kerajaan negeri Pahang. Dengan itu, saya sekali lagi ingin mencadangkan agar bantuan kewangan dapat diberikan kepada semua pembeli rumah makmur yang memerlukan agar beban kewangan yang terpaksa membayar ansuran rumah dan sewa rumah dapat dikurangkan. Kedua, isu pembekalan air di Kampung Padang Tradisional, Jalan Sungai Lembing. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PAIP dan juga pasukan PAIP Kuantan dari Kuantan yang sentiasa membantu pihak saya untuk menyelesaikan isu air di kawasan.

Namun, saya juga ingin menarik perhatian kepada kerajaan negeri dan pihak PAIP berkenaan dengan isu pembekalan air di Kampung Padang Tradisional khususnya di Lorong Daud, Lorong Ibrahim, Lorong Tojid, Lorong Mahmud 1 dan Lorong Mahmud 2. Penduduk-penduduk di keempat-empat lorong ini menghadapi masalah air yang berterusan di mana mereka hanya dapat air pada 3 pagi sehingga subuh pada masa dan pada masa yang lain gagal mendapat air disebabkan rumah berada di kawasan yang lebih tinggi berbanding dengan kawasan yang lain. Saya turut difahamkan oleh Pengurus Daerah Pahang, Pengurus Daerah Kuantan, Tuan Ir. Hisham bahawa proses penyediaan tender telah bermula dan akan memasang paip baru di kawasan tersebut. Tetapi saya harap tindakan segera dapat bahawa projek ini dapat disalurkan untuk menjaga kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut. Dato' Sri Speaker, Pahang hari ini bergerak pantas sebagai negeri, pelaburan negeri, industri dan negeri pertumbuhan baru dari Pantai Timur. Saya amat berharap kerajaan negeri terus memberi perhatian dalam isu kos hidup, pengangkutan awam, masyarakat menua, keselamatan dan juga kebajikan rakyat agar pembangunan negeri Pahang benar benar inklusif, mampan dan berdaya tahan untuk generasi masa datang. Dengan itu, Semambu menyokong, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, tepat pada masanya Semambu. Seterusnya kita menjemput wakil daripada Jengka. 15 minit.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum WBT dan Selamat tengah hari. Alhamdulillah [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih, YB Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah diraja. Terlebih dahulu, saya merafak sembah menjunjung kasih atas titah yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang sarat dengan peringatan, teguran serta harapan terhadap hala tuju pentadbiran negeri dan kesejahteraan rakyat. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Penjawat Awam serta seluruh pihak yang terlibat dalam pentadbiran negeri sehingga berjaya merekodkan kutipan hasil negeri melebihi RM1 bilion pada tahun 2025. Pencapaian ini sememangnya wajar dihargai, namun pada masa yang sama, kejayaan tersebut juga datang bersama tanggungjawab yang besar untuk memastikan hasil dan pertumbuhan ekonomi negeri benar-benar dapat dirasai manfaatnya oleh seluruh rakyat di negeri Pahang. YB Speaker, saya mengambil maklum beberapa pencapaian ekonomi negeri yang disebut dalam titah, antaranya pertumbuhan KDNK negeri sebanyak 5.7% pada tahun 2024 dengan nilai ekonomi mencecah RM68 bilion.

Peningkatan ekonomi negeri sebanyak 23% sejak tahun 2019. Kejayaan menarik pelaburan komited RM18.04 bilion serta sumbangan syarikat berkaitan kerajaan negeri sebanyak RM3.16 bilion kepada ekonomi negeri. Namun, persoalan yang perlu dijawab oleh pihak kerajaan ialah mengapa disebalik angka-angka yang begitu membanggakan ini. Laporan Audit Tahun 2024 masih menunjukkan negeri mengalami defisit sekitar RM128 juta. Inilah yang dibimbangi rakyat. Takut-takut kita terlalu ghairah meraikan angka pertumbuhan ekonomi tetapi gagal memperkukuhkan asas kewangan negeri. Kalau ekonomi berkembang, pelaburan meningkat dan GLC turut mencatat sumbangan berbilion ringgit, maka rakyat sudah tentu mengharapkan kedudukan kewangan negeri menjadi lebih sihat. Hutang dapat dikurangkan dan rizab negeri dapat diperkasakan. Jangan nanti, kerajaan hanya pandai mengumumkan angka besar di pentas sidang tetapi akhirnya rakyat tetap melihat defisit terus berlaku dari tahun ke tahun. Sebab itu, saya ingin mengingatkan bahawa ukuran sebenar kejayaan kerajaan bukan sekadar angka pertumbuhan ekonomi tetapi sejauh mana hasil pertumbuhan itu diterjemahkan kepada kekuatan kewangan negeri dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Kita tidak mahu tahun 2025, mengulangi defisit 2024 YB Speaker, saya tidak menafikan bahawa ada bantuan yang disalurkan di kawasan pembangkang melalui penyelaras DUN termasuk peruntukan bakul makanan sebanyak RM15,000.00 seminggu yang disebut dalam titah Tuanku.

Namun, persoalannya ialah mengapa wakil rakyat yang dipilih secara sah oleh rakyat melalui pilihanraya diketepikan daripada saluran rasmi bantuan kerajaan negeri. Penyelaras DUN bukan wakil yang dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya sedangkan Ahli Dewan Negeri dipilih secara langsung oleh rakyat untuk mewakili kawasan mereka di dewan yang mulia ini. Sebab itu, saya berpandangan bahawa pendekatan yang lebih matang dan demokratik ialah kerajaan menyalurkan peruntukan secara adil ke semua wakil rakyat tanpa mengira politik. Tak boleh RM15,000.00 pun boleh RM5,000.00 pun okaylah juga insya-Allah. Ini bukan soal kepentingan politik mana-mana pihak tetapi soal menghormati mandat rakyat dan memastikan bantuan dapat disampaikan dengan lebih tersusun, telus dan berkesan. Kalau kerajaan benar-benar yakin dengan prinsip keadilan dan demokrasi, maka tidak ada sebab wakil rakyat pembangkang terus diketepikan dalam soal peruntukan dan bantuan rakyat. Allah peringatkan [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Berlaku adillah kerana ia lebih dekat kepada taqwa.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, mohon mencelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, okay.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak habis cakap lagi bangun dah.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita bersetuju dengan firman Allah SWT [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Bersikap adillah kerana ia sangat dekat dengan nilai-nilai ketaqwaan kepada Allah SWT. Isu

apabila Kerajaan Negeri menyediakan sesuatu peruntukan kepada rakyat adalah untuk rakyat. Siapa yang menyampaikan itu tidak menjadi isu pertikaian sebenarnya. Tok Empat ke nak menyampai, Tok Penghulu ke nak menyampai ataupun Syed Ibra ke nak menyampai. Terserah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau Speaker?

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Selaku wakil Kerajaan Negeri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau Speaker menyampai boleh?
(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kalau Speaker berminat. Dan kalau Yang Amat Berhormat…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker tak berminat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dia, dia sekarang ni Yang Amat Berhormat Dato' Sri, yang bertanggungjawab adalah ketua kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kemudian dia nak wakil ke sapa. Kita tak boleh nak pertikaikan. Itu hak yang ada pada tangan dia. Yang penting barang tu sampai dok [Ayat Al-Quran] yang nak dihantar kan. *deliver* ke tak *deliver*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ayat al-Quran]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sama erti dengan *deliver* ke tak *deliver* barang tu. Sampai ke tak sampai dengan izin Dato' Sri Speaker. Rakyat dapat nak menjamah nikmat kemakmuran negeri ini. Rakyat dapat dok merasai. Bukan Syed Ibra tu dapat nak menyampai. Apa pentingnya Syed Ibra segera menyampai kalau barang tu tak sampai ke orang. Ataupun Syed Ibro menyampai Syed Ibra sibuk-sibuk mengata inilah barang saya. Saya letak pulak gambar saya besar-besar situ takde makna.

Dato' Sri Speaker,

Kita bincanglah. Benda yang lebih memakmurkan rakyat daripada benda yang memikirkan tentang kepentingan kita, popular atau tak popular. Jadi benda ini yang dimaksudkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Supaya pembangkang menjadikan keseimbangan Dewan ini untuk memikirkan kepentingan

orang ramai. Bukan kepentingan kita tak sampai kepada orang. Orang Jengka tu merasa, merasa. Lepas tu pergilah pulak ADUN Jengka. Sekarang ni rungut orang dapat…dapat…dah tak dapat, tak dapat baru sedap cerita dalam Dewan ni. Kalau orang tu tak dah dapat kita nak cerita benda orang dah dapat. Sampai bila? Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh sambung? Wakil daripada Jengka. Ayat tak habis lagi dah masuk dah.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ayat tak habis lagi dia bangun tak minta kebenaran.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi itu, itu kuasa Speaker.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Yalah. Takdalah kita tengah berucap tak dan habis berucap lagi bangun dah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nanti Kalau Yang Berhormat macam tu pun kalau saya benarkan Yang Berhormat pun boleh juga.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ya, okay.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya ingat Kerdau silap memahami ucapan saya. Saya persoalannya mengapa wakil rakyat yang dipilih secara sah oleh rakyat melalui pilihan raya diketepikan daripada saluran rasmi.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker sebab wakil rakyat daripada Jengka mengenepikan diri daripada kerajaan. Dia tak masuk kerajaan. Macam mana kita nak ketengahkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nanti biar suruh dia sembahyang istikharah.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

[Ayat Al-Quran] tanya diri awak. Kenapa awak ke tepi? Awak yang duduk ke tepi. Nasib baik rakyat tak tumpil.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat berdua ni boleh cakap Arab, sila berbahas dalam bahasa Arab. Speaker benarkan. [Ahli Dewan Ketawa].

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ok. Saya terus ya. Saya bukan pertikai pemberian tu. Saya sokong pemberian RM15,000.00 seminggu kepada rakyat. Yang saya pertikai kenapa tak beri kepada wakil rakyat yang sah dijawab oleh Kerdau, pasal tak duduk dalam kerajaan, okay saya terus.
YB Speaker,

Saya turut merafak sembah menjunjung kasih atas titah diraja yang menyentuh bahawa di bawah Rolling Plan Pertama dalam Rancangan Malaysia Ke-13, negeri Pahang telah menerima kelulusan 133 projek baru dan 434 projek sambungan dengan nilai keseluruhan RM3.386 bilion. Perkara ini menunjukkan bahawa negeri Pahang terus diberikan perhatian dalam agenda pembangunan negara. Namun, di peringkat akar umbi masih terdapat keperluan mendesak yang dibangkitkan oleh rakyat khususnya melibatkan infrastruktur jalan raya luar bandar dan kemudahan asas rakyat. Antaranya, Bebar ye. Antaranya ialah Jalan Persekutuan FT 83, dari Bandar Pusat Jengka ke Jengka 11 yang dilaporkan sempit tidak rata dan kerap berlaku kemalangan. Begitu juga laluan dari Bandar Pusat Jengka ke Jengka 13 hingga ke Rumpun Makmur yang masih dalam keadaan kurang selamat dan tidak sesuai dengan peningkatan jumlah pengguna.

Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada permohonan-permohonan naik taraf bagi laluan-laluan ini telah dikemukakan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kerja Raya dan apakah statusnya dalam senarai projek di bawah *rolling-rolling plan* tersebut. Jika belum, apakah justifikasi kelewatan tersebut sedangkan ia melibatkan keselamatan dan keperluan asas rakyat di kawasan luar bandar. Bebar jawab dalam penggulungan, bukan sini. Ya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Minta Dato' Sri Speaker,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat Jengka. Kalau sekiranya dia nak bagi penjelasan saya benarkan. Sebab itu tujuannya ada kerajaan. Kalau tak Yang Berhormat cakap sorang kerajaan ni semua keluar. Dia nak bagi penjelasan ketika itu. Sebab kadang-kadang apabila beri penjelasan semasa penggulungan orang pun dah lupa isu tersebut. Sila jawab Wakil Kerajaan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya nak menjernihkan keadaan je, bukan nak gaduh. Jengka tak yah takut. Ni yang, yang sebenarnya, tadi saya dengar duduk diam-diam tu dia tunjuk ke saya Bebar. Pasal apa pula ni? Tak pasal-pasal kita tengah syok sendiri ni kan duduk dengar orang tengah kusyuk dengar Jengka bercakap. Tapi tiba-tiba Bebar. Terkejut saya. Tapi saya nak tahu pasal apa ke saya tu? Cuba, cuba beri penjelasan sikit. Jalan, Jalan bende FT tadi. Beri sikit.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ok ye. Saya ingat Bebar pegang bahagian JKR ni.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Kalau macam tu jadi, benda ni dah terlepas semua orang tahu dah dalam Pahang semua tahu sebab *live.* mintak maaf sikit. Mohon maaf sikit je.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Mohon maaf.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dah cakap la tu.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ok salah ye. Ha… Sorry.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Maaf diterima. [Ahli Dewan ketawa]
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh tahan juga lawak ye. Kita nak makan nasi ni.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya terus ye. Saya juga ingin membangkitkan keperluan-keperluan kemudahan kesihatan yang lebih lengkap di kawasan Jengka. Khususnya di Bandar Pusat Jengka yang menjadi tumpuan penduduk dari kawasan sekitar, dengan pertambahan penduduk dan peningkatan keperluan rawatan kesihatan, ramai rakyat berharap agar kemudahan kesihatan sedia ada terus diperkasa dan ditambah baik supaya rakyat tidak perlu bergantung kepada hospital yang jauh di Kuantan dan Temerloh bagi mendapatkan rawatan tertentu. Dalam masa yang sama, kerajaan juga boleh melihat potensi pembangunan kemudahan rawatan pakar atau pelaburan sektor kesihatan swasta di kawasan Jengka, sebagai sokongan tambahan kepada sistem kesihatan sedia ada. Ini kerana semakin ramai penduduk yang mempunyai perlindungan insurans kesihatan dan memerlukan akses rawatan yang lebih dekat tanpa perlu ke bandar besar. Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan, sama ada terdapat sebarang perancangan berkaitan penambahbaikan kemudahan kesihatan dan pembangunan perkhidmatan rawatan pakar di kawasan Bandar Pusat Jengka pada masa akan datang. Saya berpandangan bahawa projek-projek besar yang diumumkan perlu benar-benar diterjemahkan kepada keperluan rakyat di lapangan, bukan sekadar angka dalam perancangan pembangunan.

YB Speaker,

Titah Diraja juga menegaskan bahawa, setiap wakil rakyat yang diberi mandat oleh rakyat perlu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan integriti. Serta tidak hanya muncul menjelang pilihan raya, sebaliknya perlu aktif turun padang berurusan dengan jabatan kerajaan dan memastikan masalah rakyat diselesaikan dengan segera, cekap dan berkesan. Titah ini sangat jelas, bahawa semua wakil rakyat tanpa mengira parti politik mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap rakyat di kawasan masing-masing. Namun saya ingin membawa perhatian dewan ini kepada beberapa kekangan pentadbiran yang sedang berlaku di peringkat pelaksanaan. Setahun lalu terdapat situasi dimana wakil rakyat pembangkang tidak lagi dilibatkan dalam beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) serta terdapat kesukaran untuk mendapatkan akses secara langsung kepada beberapa agensi dan jabatan Kerajaan Negeri. Keadaan ini, sedikit sebanyak menjejaskan keberkesanan wakil rakyat dalam menyampaikan isu rakyat, yang dititahkan oleh Tuanku termasuk hal-hal asas seperti infrastruktur keselamatan dan kebajikan setempat. Sedangkan dalam titah Tuanku sendiri, wakil rakyat digesa untuk turun padang, berhubung terus dengan Jabatan dan memastikan masalah rakyat diselesaikan tanpa berlengah. Oleh itu saya berpandangan bahawa semua dasar dan amalan pentadbiran perlu diselaraskan semula agar selari dengan semangat titah diraja supaya wakil Rakyat

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

saya mohon izin sekali lagi

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

saya benarkan

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, apa isu nya? Bangkit la ni dalam dewan hal-hal rakyat ni

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Betul-betul

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bangkit la. Longkang ke? Masjid bocor ke? Apa namanya.. Api elektrik tidak ada ke? Hari raya kelmarin air tidak sampai ke? Cerita lah. Sebut je tidak boleh mesyuarat. masalah nya tidak ada juga. Cerita masalah nya, jangan berbangkit ungkit begitu. Jadi macam bisa tidak pecah. Dato' Sri Speaker. Dia jadi bisu. Cerita apa isu nya yang nak dibangkitkan dalam tindakan itu. Ini tindakan negeri bukan tindakan daerah ni. Lagi berkesan kalau kita sebut dalam ni. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ok. Boleh saya mencelah sikit Dato' Sri Speaker. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh wakil Kerdau ini tidak tepat. Apa yang dimaksudkan adalah Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah ini adalah berkaitan dengan pembangunan setempat. Jadi kalau ada perkara yang perlu diselesaikan segera, nak tunggu sidang kita setahun dua kali. Jadi, macam mana kita nak bangkit disini. Sebab itu kita harap supaya diberikan akses kepada kami secara ruang yang baik supaya kami boleh menyuarakan segera

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, akses tidak semestinya hadir ke dalam mesyuarat. Dato' Sri Speaker, akses kita boleh hantar secara surat menyurat, boleh juga jumpa secara bersemuka. Saya Dato' Sri Speaker.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

salah fahaman.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya Dato' Sri Speaker, banyak kali tidak hadir Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah kerana banyak terlibat peringkat Negeri. Bila ada isu di kawasan, saya jemput. Berkaitan dengan longkang, saya jemput JPS. kalau berkaitan dengan api saya akan jemput TNB datang ke kawasan saya untuk tolong tengok apa yang sepatutnya

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tapi kami tidak boleh Dato' Sri Speaker. Masalahnya kami tidak ada akses diberi ruang berhubung.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Hantar secara bersurat. Dalam dewan ini boleh sebut.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dewan dua kali setahun.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dok. tidak ada masalahnya. Kami orang pun sendiri kadang-kadang bangkit dalam Dewan tengok tadi dari Jenderak

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dok masalahnya sekarang ni Dato' Sri Speaker.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bangkitkan je isu tu dalam dewan

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Rasa wakil Kerdau cuba mengelirukan. Pandangan kita lain. Apa yang dimaksudkan.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tidak. Tidak semestinya kena hadir dalam Mesyuarat Tindakan semata-mata, kita baru boleh meluahkan isu.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya betul. Apa yang dimaksudkan, cuba beri kami ruang untuk akses mengemukakan aduan dan isu.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dok. Ruang Dato' Sri Speaker. Bukan satu ruang. Macam-macam ruang.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Itulah ruang yang kami ada.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Melalui media, mesej, bagitahu. Saya kawan-kawan saya.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebab itu dalam Titah Tuanku sebut, jangan sampai aduan longkang pecah pun sampai kepada Baginda. Kenapa berlaku? Kerana aduan tidak dilayan di peringkat bawah.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ha itu. Tidak ada, Tidak timbul masalahnya.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kalau nak tunggu dewan, dua kali setahun.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Banyak lagi isu-isu yang dibangkitkan Dato' Sri Speaker sama ada berkaitan dengan air.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Sri Speaker yang ini mengelirukan.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Contohnya di Jengka, hari raya kelmarin air tiada. Pihak PAIP turun padang. Tidak ada masalah Jengka.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Salah tu Dato' Sri Speaker. Saya rasa dia mengelirukan dewan

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tidak keliru. Di Jengka kelmarin, ada CEO PAIP ada ni. Hari tu terputus bekalan air, petang itu juga pihak PAIP datang membantu dan menyelesaikan dengan secara yang terbaik.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Habis masa saya ni.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dok bukan. Sebab itu bangkit teruskan isu yang berkait dengan rakyat. Jangan isu-isu benda-benda yang tidak bermakna ini Dato' Sri Speaker. Akhirnya kita habis masa begitu saja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ok Yang Berhormat. Kita bagi Jengka.
(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ok tambah masa ye.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Habiskan. Kalau lewat habis, lewat kita makan. Itu je.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ok. Saya ingat lagi kata-kata keramat daripada Menteri Besar Pahang. Benda yang boleh diselesaikan di daerah, selesaikan di daerah. Tak perlu bawa ke negeri. Isunya sekarang, kami tidak dijemput untuk hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah. Itu je.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Berhormat Jengka ni cuba mengelirukan. Isu dia, yang tadi dia bangkit mengatakan untuk menyalurkan sesuatu masalah tu tidak ada tempat. Saya faham kat situ. Lepas tu pulak, tadi dia kata saya mengatakan daerah memang betul. Sebabnya nak menyelesaikan isu ni banyak cara. Contohnya PAIP. Dia ada aduan dia 24 jam. Rakyat biasa pun boleh telefon. Lepastu banyak lagi media social, *complaint* dan sebagainya. yang penting segala permasalahan tersebut kita tahu dan kita cuba ambil tindakan untuk selesaikannya. Tidak semestinya kena duduk dalam mesyuarat tu baru nak diselesaikan.

Macam saya sendiri pun walaupun Mesyuarat EXCO seminggu sekali, saya beritahu kawan-kawan EXCO kalau boleh jangan tunggu mesyuarat EXCO baru nak dibangkit sesuatu isu tu. Kita ada nombor *handphone* dan sebagainya yang penting kita nak bantu rakyat. Tetapi setakat hari ni Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya bagi jaminan bahawa apa jua yang dibangkitkan oleh rakyat Negeri Pahang ni, kita ambil tindakan. Cuma boleh selesai atau tidak. Itu je. Baru ni kita pergi kepada KKR, Kementerian Kerja Raya. Saya bersama dengan Dato' IR., kita jumpa menteri, kita bagitahu masalah satu demi satu jalan berlubang. Rakyat bangkit dalam *facebook* dan sebagainya. Saya panggil Pengarah JKR. Saya tanya pasal apa masalah ni berterusan. Dia bagitahu pada saya. Dia kata Dato' Sri, saya minta 500 juta. Kerajaan

Negeri pun sokong 500 juta. Tetapi kelulusan 200 juta. Jadi ada *backlog* 300 juta yang tidak dapat diselesaikan. Jadi kita tak boleh salah kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri juga tidak menyalahkan Kerajaan Persekutuan kerana peruntukan Kerajaan Persekutuan pun nk beri kepada negeri yang lain. Semua itu adalah dalam tindakan kita.

Jadi baru ni selain daripada jalan, kita juga bagitahu kepada menteri banyak yang Kerajaan Negeri Pahang minta *wishlist* yang kita minta diberi keutamaan. Sebenarnya adalah satu proses yang tidak habis Yang Berhormat ADUN Jengka. Jadi jangan bimbang. Pasal akses tu kalau nak jadikan alasan, itu memang alasan. Tetapi untuk menyampaikan permasalahan rakyat, banyak cara yang kita boleh buat. Lebih-lebih lagi dengan teknologi moden sekarang ni, dengan AI dan sebagainya. Insya-Allah Kerajaan Negeri akan ambil perhatian. Malahan masalah yang dikemukakan dalam ini pun kadang-kadang ada pegawai saya hantar kepada saya. Itupun kita ambil tindakan. Tetapi ada benda yang kadang-kadang Yang Berhormat minta dengan saya RM1,000.00 mungkin saya tidak boleh bagi tetapi kalau Yang Berhormat minta RM50.00, hari ni saya boleh bagi. Ha jadi maksudnya macam tu lah. Ada yang dalam kawalan, ada yang diluar kawalan. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Lapar ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya nak tambah sikit. Saya rasa Mesyuarat Tindakan Daerah ini adalah tempat yang paling efektif untuk kami ni wakil-wakil rakyat untuk menyelesaikan masalah di kawasan. Sebab setiap kali kita bermesyuarat, kita ada catit minit mesyuarat kan? Jadi minit mesyuarat ni boleh dibawa ke mesyuarat akan datang. Jadi kalau masalah tak selesai, pihak Kerajaan boleh mengambil tindakan seterusnya. Banyak perkara yang, sebagai contoh, saya mengutarakan masalah di kawasan saya lah Yang Amat Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini masa Yang Berhormat berucap lah

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak. saya nak bagitahu tu lah. Mesyuarat Tindakan Daerah ini adalah paling efektif untuk menyelesaikan masalah rakyat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ok baik. Pihak kerajaan ambil maklum. Wakil dari Jengka sambung dan habiskan.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tinggal 1 *point* lagi

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab 1.07 masuk Zohor

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ya. Ya. Nanti lepas ni saya mesej Yang Amat Berhormat. Antara isu besar yang disentuh dalam titah diraja ialah usaha Kerajaan Negeri untuk menambah hasil negeri melalui aktiviti seperti *export* pasir sungai yang pada ketika ini tidak lagi dibenarkan oleh Kerajaan Pusat. Apabila perkara ini dizahirkan sendiri dalam titah diraja, saya melihat ia sebagai satu perkara yang wajar diberikan perhatian serius oleh Dewan ini. Saya memahami bahawa Kerajaan Persekutuan tentunya mempunyai pertimbangan tertentu termasuk aspek kawalan sumber alam… sumber alam, alam sekitar dan pengurusan sumber negara sehingga menyebabkan aktiviti tersebut tidak lagi dibenarkan seperti sebelum ini.
Dalam masa yang sama, saya memahami kebimbangan yang dizahirkan oleh Titah Tuanku bahawa negeri Pahang mempunyai potensi sumber yang boleh membantu menambah hasil negeri jika diurus secara terkawal dan bertanggungjawab. Namun, saya berharap Kerajaan Negeri mengambil serius segala teguran berkaitan ketirisan, penguatkuasaan, hakisan sungai dan keselamatan sumber air seperti yang pernah dibangkitkan dalam laporan audit supaya pengurusan sumber negeri benar-benar dilakukan secara telus, berhemah dan lestari.

Apa yang menjadi persoalan rakyat ialah dari Jun 2024 hingga sekarang, isu ini masih belum menemui penyelesaian sedangkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada hari ini mempunyai ruang rundingan yang lebih baik, Insya-Allah. Sebab itu rakyat mengharapkan agar perkara yang dizahirkan dalam titah diraja ini benar-benar diterjemahkan kepada tindakan dan keputusan yang lebih berkesan demi kepentingan negeri Pahang. Saya tutup perbahasan ini dengan merafak sembah menjunjung kasih serta menzahirkan sokongan penuh terhadap titah diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli daripada Jengka. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempoh persidangan di sebelah pagi ini dan kita akan menyambung semula persidangan pada pukul 2.30 petang. Sebelum itu, saya nak memaklumkan bahawa sekali lagi pihak Dewan Negeri ada menyediakan sarapan pagi mula daripada pukul 8.30 pagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Bilik Rehat ADUN, manakala untuk Ketua-Ketua Jabatan disediakan di ruang kanopi.

Jadi, Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan boleh mula menikmati 8.30 pagi besoklah. Maknanya kita tak payahlah singgah kat kedai mana-mana sebab kita tak ada minum pagi pukul 10, kita sediakan pada pagi er… sarapan pagi supaya Yang Berhormat sekalian berada dalam Dewan ni dalam keadaan perut yang… yang tidak kosonglah. Jadi… jadi untuk itu, persidangan ditangguhkan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat : Sambungan perbahasan usul menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam sejahtera dan selamat petang persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat kita masih lagi di atas usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Pada petang ini, kita menyambung semula perbahasan atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini.

Saya ingin memaklumkan juga bahawa berdasarkan jadual perbahasan yang diedarkan bagi aturan urusan mesyuarat petang ini, seramai 8 orang ahli yang akan mengambil bahagian. Tetapi sekiranya masih mempunyai masa, maka kita akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berbahas. Diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat berikutnya bersedia untuk mengambil bahagian perbahasan. Baiklah, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari ADUN yang dilantik. Sila. Er…

(AHLI YANG DILANTIK 3)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAJI HAMZAH

(Bacaan dalam Bahasa Arab) Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi rabbil alamin Wassolatu Wassalamu ala Israfil Ambiya wal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain, Assalamualaikum WBT salam sejahtera dan salam Pahang 1st. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Dewan sekalian. Terlebih dahulu, dengan penuh takzim, saya merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam, Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah atas titah diraja yang penuh hikmah. Titah baginda bukan sekadar amanat rasmi tetapi merupakan sebuah blueprint kesejahteraan yang menuntut kita untuk meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-galanya [batuk].

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang di bawah nakhoda beliau. Pahang bukan sahaja mencatat kutipan hasil melebihi RM1 bilion selama 4 tahun berturut-turut, malah kita melihat bagaimana hasil ini bernyawa melalui pelbagai inisiatif kebajikan. Slogan Tiada Janji Lihat Bukti, kini menjadi saksi hidup di setiap pelosok daerah. Bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang bekerja. Bukan sekadar bercakap Yang Berhormat Timbalan Speaker. Kemakmuran sesebuah negeri tidak dinilai pada Gedung-gedung yang tinggi semata-mata. Tetapi pada sejauh mana kebajikan rakyat di akar umbi terjaga. Di sinilah letaknya kehebatan inisiatif Makmur Pahang yang diilhamkan dan dilaksanakan dengan penuh bermakna kepada segenap lapisan masyarakat Pahang. Ini merupakan sebuah ekosistem bantuan yang komprehensif mencakupi bantuan dan bantuan kepada komuniti belia serta pemerkasaan jentera kepimpinan setempat. Melalui IM Pahang, kerajaan memastikan rantaian bantuan sampai terus kepada rakyat tanpa birokrasi yang membebankan. Begitu juga dengan program Bakti Negeri Pahang, saya ingin menegaskan di dewan yang mulia ini bahawa bakti negeri adalah simbol keprihatinan kerajaan negeri dalam mendepani isu kos sara hidup disaat situasi global yang tidak menentu. Ia merupakan bantuan bakul makanan yang dibekalkan kepada golongan yang memerlukan. Apabila rakyat kita rungsing memikirkan barang dapur yang kian meningkat harganya. Kerajaan hadir melalui Bakti Negeri Pahang untuk

memastikan dapur di rumah rakyat kita terus berasap dan perut anak-anak kita terus diisi. Inilah manifestasi kerajaan yang mempunyai jiwa dan perasaan. Sebuah kerajaan yang tahu bahawa bantuan makanan adalah asas kepada ketenangan sesebuah keluarga. Timbalan Yang di-Pertua berbicara soal maruah rakyat. Saya ingin menyentuh mengenai rumah rakyat Pahang.

Kita harus bangga kerana hanya di negeri Pahang, kerajaan mampu memberikan sebuah kediaman bernilai hampir RM 80,000.00 secara percuma kepada golongan sasaran yang memerlukan. Ini bukan sekadar binaan konkrit. Ini adalah usaha kerajaan memberikan tempat berteduh yang selamat dan bermaruah. Sehingga kini, sebanyak 1,281 unit telah terbina di negeri Pahang dan bagi daerah Jerantut, khususnya sebanyak 66 unit telah didirikan sejak tahun 2020 pelaksanaan program ini. Namun, selari dengan permintaan yang tinggi, saya memohon agar kerajaan negeri meneliti pertambahan kuota unit RRP ini serta meneliti semula syarat dan kelayakan pemohon. Kita mahu lebih banyak keluarga di kawasan pedalaman dapat memiliki syurga sendiri hasil kemakmuran negeri yang kita kecapi pada hari ini. Timbalan Yang di-Pertua slogan Pahang 1st menuntut kita memastikan tiada daerah yang tertinggal. Saya ingin membawa suara penduduk dari beberapa buah kampung dalam daerah Jerantut di Kampung Sempadan, Kampung Batu Balai, Kampung Paya Rajin, Kampung Sungai Putat, Kampung Sungai Siam, Kampung Perlok dan beberapa buah lagi kampung di daerah Jerantut, yang mana kawasan-kawasan ini memerlukan pembangunan infrastruktur yang lebih progresif sama ada dari segi jalan perhubungan, sistem pembekalan air, sistem perparitan mahupun kemudahan awam seperti dewan dan sebagainya.

Begitu juga dengan kampung-kampung di mukim Hulu Tembeling, destinasi khazanah yang menjadi kebanggaan kita. Kita mahukan setiap rakyat di sana merasai bahawa mereka adalah sebahagian daripada denyut-denyut nadi kemakmuran 1 bilion hasil negeri ini [batuk]. Timbalan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh berkaitan potensi pembangunan ekonomi warga FELDA yang perlu terus diberi perhatian oleh kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan. Kita semua sedia maklum bahawa FELDA bukan sekadar penempatan peneroka tetapi merupakan asas kekuatan ekonomi luar bandar serta benteng sosial masyarakat melayu di negeri ini. Oleh itu, pembangunan generasi muda FELDA mesti dijadikan antara agenda utama dalam merancang masa depan negeri Pahang. Hari ini ramai anak muda FELDA mempunyai potensi besar dalam bidang kemahiran, keusahawanan, pertanian moden, ekonomi digital, dan industri teknikal. Namun, mereka memerlukan lebih banyak peluang latihan serta ekosistem yang mampu membantu mereka membina masa depan di tanah rancangan sendiri. Saya mencadangkan agar Majlis Belia FELDA Malaysia, MBFM dan kami anak FELDA dengan kerjasama FELDA sendiri dapat membangunkan akademik TVET FELDA di setiap wilayah FELDA di negeri Pahang. Saya percaya jika pembangunan belia FELDA diberi fokus secara menyeluruh, kawasan FELDA bukan sahaja mampu melahirkan tenaga kerja mahir, malah boleh muncul sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baru luar bandar.

Timbalan Yang Di-pertua.

Sektor kesihatan adalah tiang seri kesejahteraan. Saya ingin mengutarakan di sini keperluan mendesak di beberapa kawasan khususnya di kawasan Kampung Bukit Rang, Kampung Perian, dan Kampung Kedondong di Pulau Tawar yang mempunyai anggaran kepadatan penduduk melebihi 2,000 orang. Saat ini, mereka terpaksa ke Klinik Kesihatan Jerantut Feri, Poliklinik Jengka 8, Poliklinik Jengka 8 yang terletak sedikit jauh hanya untuk mendapatkan rawatan asas dan pemeriksaan kesihatan. Bagi golongan warga emas, sakit kronik, ibu mengandung serta kanak-kanak, perjalanan

yang mengambil masa 15 minit dalam keadaan kecemasan adalah satu bebanan dan halangan yang sangat besar. Di sini saya mencadangkan agar kerajaan negeri dapat membawa permintaan masyarakat di ketiga- tiga kampung untuk pembinaan sebuah klinik Kesihatan di Kampung Bukit Rang. Inilah keadilan kesihatan yang mereka dambakan dalam usaha memastikan rawatan yang dekat, pantas dan efisien dapat diakses oleh semua tanpa mengira lokaliti. Timbalan Speaker [batuk] di sebalik angka ekonomi yang hebat. Ada cerita menyentuh hati di akar umbi, saya ingin merakamkan penghargaan daripada penduduk mukim Hulu Tembeling, khususnya dari Kampung Bantal, Kampung Gusai dan Kampung Mat Daling. Pada 14 Mac 2026 yang lalu atas inisiatif dan kerjasama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri.

Program Jualan Rahmah telah dianjurkan buat julung kalinya di perkarangan Klinik Desa Kampung Bantal Seberang. Keprihatinan kerajaan negeri sehingga ke hulu sungai ini membuktikan kepimpinan kerajaan negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak pernah meminggirkan sesiapa walau di mana rakyat Pahang berada. Suka saya maklumkan bahawa program ini akan kembali lagi pada 23 Mei 2026 di lokasi dan tempat yang sama bersempena umat Islam menyambut Hari Raya Aidil-Adha. Harapan saya agar pembekal dapat membawa barangan lebih yang lebih agar dapat memenuhi keperluan masyarakat bukan sahaja di Kampung Bantal, malah kampung-kampung berhampiran yang juga datang untuk membeli barangan pada harga yang murah. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sentiasa hadir pada saat rakyat memerlukan. Inilah semangat Pahang Darul Makmur yang sebenar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Sebagai penutup, biarlah kita terus mengukuhkan perpaduan dan menolak politik kebencian. Rakyat mahupun mahukan kestabilan dan kerajaan yang bekerja dengan kepimpinan yang berwibawa, saya yakin dan percaya Pahang akan terus muncul sebagai negeri yang terbaik, maju dan makmur di Malaysia. Saya ingin menyampaikan dua rangkap pantun, YB Timbalan Speaker.

Tanam pinang rapat-rapat,
Biar susah puyuh lari,
Titah Tuanku sangat tepat,
Keresahan rakyat menjadi prioriti.

Dua tiga kucing berlari,
Manakan sama si kucing belang,
Menteri Besar bijak memimpin negeri,
Pahang maju rakyat cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Ucapan yang ringkas. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Damak.

(ADUN DAMAK - N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih YB Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar

Pahang, barisan Exco dan rakan-rakan yang dirahmati Allah sekalian. Di kesempatan ini saya ingin menjunjung kasih atas titah diraja yang penuh bernas, tegas dan berwawasan yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang bersempena Majlis Perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15. Titah Diraja tersebut jelas mencerminkan keprihatinan yang amat mendalam Tuanku Sultan yang disampaikan oleh Tengku Mahkota Pahang terhadap kesejahteraan rakyat, kemajuan negeri serta kepentingan tadbir urus yang lebih cekap, berintegriti dan berdaya saing yang mana semua ini adalah sudah pasti bagi memastikan Pahang terus makmur dan sejahtera.

Di kesempatan ini juga saya mewakili seluruh rakyat ya khususnya di kawasan DUN Damak ingin merafakkan setinggi-tinggi junjungan kasih ke hadapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan atas limpah perkenan telah berangkat mencemar duli merasmikan masjid baru er... Kampung Simpang Tebing Tinggi pada 11 Mac 2026 bersamaan dengan 21 Ramadan 1447 Hijriah. Sesungguhnya keberangkatan Tuanku amat besar maknanya buat seluruh rakyat khususnya di DUN Damak kerana ia adalah menjadi lambang kasih dan keprihatinan institusi diraja terhadap pembangunan syiar Islam serta kebajikan rakyat di negeri ini dan kehadiran Tuanku bukan sahaja memuliakan majlis, bahkan menyuntik semangat kepada masyarakat untuk memakmurkan terus beribadah memakmurkan rumah Allah SWT. Di samping itu, dapat memupuk persaudaraan di kalangan ahli jemaah. Patik juga ingin menzahirkan rasa syukur ya kerana penduduk Simpang Tebing Tinggi sebelum ini memiliki masjid yang terdedah dengan banjir saban tahun khususnya er... apabila berlakunya banjir besar. Tetapi dengan siapnya masjid ini, Alhamdulillah, isu yang berkaitan dengan banjir ini yang melanda masjid ini akan selesai dan akan menjadi pusat penyebaran ilmu pembinaan akhlak dan melahirkan generasi yang cintakan agama. Allah SWT berfirman, [Bacaan dalam Bahasa Arab] yang bermaksud Sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, surah At-Taubah ayat 18.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri ya khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja dan juga khususnya kepada YB Exco ya kerana dapat memastikan masjid ini siap. Dan di sini saya ingin memohon daripada pihak kerajaan agar melihat dan juga memastikan permohonan pembinaan masjid baru di Kampung Damak dan juga Kampung Lata Kasah dapat diberikan perhatian. Saya juga sangat berterima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mohon izin, Speaker. Ini cara contoh membawa isu dengan baik. Ada Muqaddimah Sughra, ada Muqaddimah Kubra, ada Akar Al-Muhimmah dan ada natijah. Cantik, tersusun atur. Terima kasih Damak. Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya. Ya.

(ADUN DAMAK - N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih YB Exco di atas ulasan tadi dan Insya-Allah bagi pihak Damak akan terus bekerjasama ya memastikan perkara-perkara yang baik dapat dilaksanakan khususnya di dalam DUN Damak.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada titah diraja berhubung isu penghinaan terhadap agama dan tindakan melampau seperti memijak al-Quran yang telah berlaku. Perkara ini sudah berlaku dan kita tidak dapat elakkan. Namun, Damak berharap agar perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku lagi dan kita dapat meningkatkan usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat walaupun kita berbeza pandangan, berbeza agama dan berbeza bangsa, ya namun sekiranya kita saling hormat-menghormati, faham-memahami, sudah pasti perkara-perkara yang sensitif ini tidak berlaku. Bagi kami umat Islam, Al-Quran adalah merupakan sumber rujukan utama. Ia adalah wahyu daripada Allah SWT dan penghinaan terhadap al-Quran tidak boleh diterima sama sekali.

Seterusnya YB Tuan Speaker, dalam usaha merancakkan ekonomi setempat, saya mencadangkan agar sektor pelancongan khususnya di DUN Damak diperkasakan kerana kawasan ini mempunyai potensi besar dari segi keindahan alam semula jadi, warisan budaya dan agropelancongan. Antara yang boleh diketengahkan ialah kawasan rekreasi sungai dan air terjun yang perlu ditambah baik dari segi kemudahan asas seperti laluan, *parking* dan kemudahan pelancong. Selain itu, sektor agropelancongan seperti dusun buah-buahan, yang mana Damak ini terkenal dengan buah durian, perlulah dipertingkatkan dengan mengadakan program seperti aktiviti lawatan kebun dan pesta buah-buahan juga boleh dibangunkan bagi menambah pendapatan masyarakat setempat. Warisan budaya serta makanan tradisional juga wajar dipromosikan seperti produk pelancongan tempatan melalui program kebudayaan dan sokongan kepada usahawan-usahawan kecil.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara lokasi yang wajar diberikan perhatian di dalam DUN Damak ini secara khususnya ialah Pusat Rekreasi Lata Meraung. Jadi saya tak pastilah kenapa orang kurang datang sini mungkin namanya tu Lata Meraung, jadi mungkin orang takut sikit. Kalau Lata Bersuka mungkin orang datang. Tapi mungkin ada sejarah di sebaliknya. Jadi Lata Meraung ini adalah kawasan yang sangat terkenal sebagai salah satu lokasi rekreasi dan pelancongan alam semula jadi yang menarik di kawasan ini. Keindahan air terjun, suasana hutan semula jadi dan persekitaran yang nyaman mempunyai potensi yang cukup besar untuk dibangunkan sebagai destinasi *ecotourism* yang lebih tersusun dan berdaya maju. Namun begitu, aspek infrastruktur perlu diberikan keutamaan khususnya jalan menuju ke Lata Meraung yang perlu di tambah baik demi keselesaan dan keselamatan para pengunjung. Secara keseluruhannya, pembangunan ini bukan sahaja dapat merancakkan ekonomi setempat malah membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada belia serta memperkenalkan Damak sebagai salah satu destinasi pelancongan luar bandar yang berpotensi di negeri Pahang.

Selain itu, Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan keperluan naik taraf iaitu jalan Sungai Lekuk ke Sungai Kiol dan bersambung ke Lata Meraung yang merupakan jalan utama penduduk setempat khususnya masyarakat orang asal di kawasan berkenaan dan saya rasa ini kali ke-2 saya bangkitkan perkara ini di sini...dan harapan saya agar keadaan jalan yang rosak dan kurang memuaskan dapat dibaiki dan dibesarkan supaya ia menjadi laluan yang selesa er… untuk penduduk kampung dan juga laluan ke Pusat Rekreasi Lata Meraung.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Di kesempatan ini juga saya ingin menyebut beberapa isu yang berkaitan projek-projek pembangunan yang umpama gajah putih… saya tak sebutlah projek ini projek gajah putih tapi umpama yang berlaku di kawasan Taman Eko Rimba Kampung Som. Kita semua memahami bahawa pembangunan itu penting er… namun demikian apa yang berlaku yang saya lihat ialah projek-projek pembangunan seperti rumah kakitangan, er…tempat perniagaan dan sekarang dibina pula surau di… dibaik pulih surau sedangkan baik pulih surau berlaku kemudian rumah kakitangan sudah naik semak ya dan RNR yang apa nama pusat er… rawat dan rehat ataupun er… gerai yang telah dibina juga ia sudah naik semak dan samun. Jadi harapan saya agar projek ini dapat dilihat kembali ia supaya ia dapat dimanfaatkan dan bukan sekadar kita memberikan projek ini sekadar untuk er… membangun membina bangunan tapi dibiarkan begitu saja. Kawasan Pusat Rekreasi Eko Rimba ini dulu adalah merupakan kawasan persinggahan orang ramai tetapi selepas er… projek menebang kayu-kayu di kiri kanan jalan ini berlaku maka kawasan ini telah terbiar semak dan samun sedangkan ia adalah merupakan kawasan yang cukup berpotensi untuk menjadi pusat rekreasi masyarakat setempat.
Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga saya ingin membawa satu isu yang cukup membimbangkan yang berlaku di kawasan DN Damak yang khususnya di kawasan Kampung Baru iaitu yang berkaitan dengan aktiviti kuari dan perlombongan yang mana aduan demi aduan telah diterima. Penduduk mengadu er… apa kuari ataupun perlombongan di sini telah mengeluarkan asap dan bau diesel yang menyebabkan penduduk sangat tidak selesa dan juga pencemaran bunyi yang berlaku dan kadang-kadang aktiviti kuari ini berlaku sampai ke waktu pagi. Jadi harapan saya agar perkara ini dapat dipantau dan dimaklumkan kepada saya bahawa pihak JAS dan Pihak Berkuasa Tempatan telah turun ke kawasan ini setelah berlaku banyak aduan dan diharap perkara ini dapat dipantau daripada masa ke semasa supaya ia tidak berulang lagi dan saya juga mendapat aduan ya bukan sahaja berlaku pencemaran udara dan bunyi malah penduduk-penduduk yang menanam durian juga memaklumkan ya bahawa bunga-bunga durian yang sebelum ini lebat tetapi kali ini ada yang tidak berbunga dan ada yang berbunga dalam skala yang cukup kecil akibat pencemaran yang berlaku er… kita melihat Nabi Muhamad SAW sendiri telah bersabda [Bacaan dalam Bahasa Arab] kita tidak boleh membuat perkara yang mudarat dan kita tidak boleh membalas kemudaratan dengan kemudaratan er… hadith mengingatkan kepada kita er… supaya sentiasa menjaga alam ataupun kelestarian alam ini supaya tidak menjejaskan kehidupan warga kampung kita di Kampung Damak ini.

Selain itu, berkaitan dengan pencemaran ini juga saya ingin menarik perhatian berhubung keadaan Sungai Kiol er… ini saya sebut ini Sungai Kiol yang khususnya di er… kawasan Simpang Tebing Tinggi dan juga hingga ke Bukit Dinding dan sampai ke Kampung Jerangsang dan ke Sungai Pahang yang mana apabila saya turun semalam semalam er… pagi semalam sempat saya turun kawasan ini er… keadaan sungai ini dalam keadaan yang er… saya tidak pandai untuk *check* sungai ini er… tapi saya ambil gambar dan keadaan sungai ini memang hitam dan berkeladak er… Jadi saya harap pihak JAS dapat kembali turun ke kawasan ini kerana pihak kami telah membuat… pernah buat aduan dan pihak Jabatan Alam Sekitar telah turun dan juga mengambil tindakan ya tetapi perkara ini berulang kali berlaku dan kelmarin saya pergi dan penduduk menyatakan kawasan ini dulu adalah kawasan mandi-manda dan kawasan untuk mencari ikan dan sekarang ini hanya ikan-ikan yang orang kata er… ikan apa er… ikan duyung [ketawa] er… ikan-ikan yang orang kata kuat, gagah er… boleh hidup itu baru boleh… yang lain- lain ikan sebarau, ikan apa semua dah pupus. Ikan sepat ataupun ikan puyu mungkin bertahan lamalah di kawasan ini. Jadi harapan saya harap er… pihak kerajaan dapat memantau dan mengambil tindakan yang tegas

supaya perkara ini tidak terus berlaku dan dimaklumkan ia telah berlaku begitu lama er… jadi harapan saya mungkin kita dapat mewujudkan pejabat alam sekitar di daerah Jerantut supaya tindakan dan aduan dapat di er… dilaksanakan dengan segera dan mungkin melalui Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) dan juga Badan Kawal Selia Air Negeri er… supaya sungai-sungai ini dapat dipelihara.

YB Speaker,

Berapa minit lagi YB?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dua minit lagi. Oleh er… oleh kerana YB Exco memuji…

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN ZURIDAN BIN DAUD

Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

er… saya panjang sedikit lagi kepada YB.

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN ZURIDAN BIN DAUD

Terima kasih er…

(ADUN CHEKA – N. 04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

YB Damak, sekejap ya. Saya er… saya nak menyokong kenyataan yang dibuat oleh YB Damak ialah isu penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar. Saya setuju bahawa satu pejabat Jabatan Alam Sekitar perlu diwujudkan di Damak er… *sorry* di Jerantut sebab kita di Pahang ini jauh jarak dan bila sampai di kawasan lokasi kejadian kadang-kadang bahan pembuktian itu dah hilang yang menyebabkan tak boleh buat kes, tak boleh buat pendakwaan ke mahkamah. Jadi, Jabatan Alam Sekitar ia perlu segera bila berlaku kena sampai tempat itu, kalau boleh ambil bukti dan boleh buat pendakwaan tapi bila jauh sangat er… saya faham perjalanan daripada Raub rasanya terpaksa datang ke Jerantut jarak sangat jauh jadi saya fikir perkara ini boleh dipertimbangkan oleh pihak er… pihak kerajaan untuk wujudkan pusat Jabatan Alam Sekitar di daerah Jerantut khususnya. Terima kasih.

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN ZURIDAN BIN DAUD

Terima kasih kepada ADUN Cheka seterusnya YB Tuan Speaker saya ingin membawa masalah berkaitan dengan kekurangan voltan elektrik yang berlaku di sekitar Kampung Konggo Batu Balai. Isu ini bukan perkara baru bahkan telah lama membelenggu penduduk setempat. Keadaan bekalan elektrik yang tidak stabil dan voltan yang rendah menyebabkan kesulitan yang berlaku dan banyak berlaku kerosakan barangan elektrik ya seperti kipas, er… mesin basuh, televisyen dan seumpamanya. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan melalui TNB mempertimbangkan pembinaan sebuah pencawang elektrik baru di Kampung

Konggo bagi memastikan bekalan elektrik di kawasan tersebut. Saya berharap isu ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dan dikesempatan ini saya ingin merakamkan juga ucapan terima kasih ya kepada pihak TNB atas tindakan segera menyelesaikan masalah yang sama iaitu di Kampung Sungai Balang, Damak yang pernah dibangkitkan dalam sidang DUN yang lepas. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan.

Akhir sekali YB Speaker, saya ingin bangkitkan satu isu yang disuarakan oleh penduduk kepada saya untuk disampaikan disini iaitu gangguan anjing liar yang Tuanku pun er… Tuanku Tengku Mahkota pun ada menyebut isu ini iaitu khususnya di kawasan Kampung Lata Kasah dan Kampung Temin, kampung saya sendiri er… ini kampung pak mertua Exco Agama ini, saya sebenarnya kawan baik dengan dia [batuk] iaitu masalah anjing liar yang tidak terkawal dan di sini saya ingin juga sampaikan aduan daripada penduduk khususnya di Taman Saujana Utama semalam juga ini dimana binatang-binatang ternakan dan peliharaan telah terancam dan dibunuh ya oleh anjing-anjing liar ini. Jadi sini saya membawa gambar er… arnab yang dipelihara di dalam kawasan rumah dan kucing dibunuh oleh anjing-anjing ini dan hingga menyebabkan penduduk-penduduk di kawasan Kampung Temin khususnya tidak boleh membuka pagar kerana anjing-anjing ini masuk dalam kawasan pagar rumah dan yang menternak er… kambing biri-biri dan seumpamanya terancam kerana ternakan mereka dibunuh oleh anjing-anjing ini. Sehubungan itu, saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan bersama agensi berkaitan dapat melaksanakan pemantauan dan operasi kawalan secara berkala di samping menyediakan saluran aduan lebih cepat dan berkesan.

YB Speaker,

Akhir sekali… tadi akhir pertama, ini akhir kedua Damak menjunjung kasih Titah Diraja berkaitan peranan pembangkang sebagai semak dan imbang. Bagi Damak, halangan-halangan yang berlaku seperti mana disebut oleh ADUN er… ADUN Jengka tadi bagi Damak kita er… kita melihat ini perkara ini secara positif dan sekiranya kita tidak dapat menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Daerah, maka kita boleh berhubung dengan pihak pegawai-pegawai er… pegawai-pegawai kerajaan yang berada di kawasan setempat dan Alhamdulillah saya rakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang memberikan respons segera terhadap aduan-aduan yang dibuat. Namun demikian, selepas ini kalau dimasukkan Alhamdulillah lagi molek sebab apa er… sebab ada benda-benda yang mungkin contohnya berkaitan dengan isu-isu pembangunan setempat yang mungkin kami ini tercicir er… bila ditanya, kita akan jawab tak tahulah er… sebab kita tidak ber…Sama dalam mesyuarat. Dan kemudian saya juga berharap kalau dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah ni, kita tidak wujud tidak hadir. Saya harap kami dimasukkan dalam Jawatankuasa Bencana Daerah kerana jawatankuasa Bencana daerah ini, setakat ini saya rasa tidak ada mesyuarat. Cuma kami akan dapat maklumat segera sekiranya berlaku kebakaran ataupun pokok tumbang ataupun banjir dan di situ kita akan dapat mengambil tindakan segera bekerjasama dengan pegawai-pegawai kerajaan dan juga Alhamdulillah, saya rasa cukup syukur kerana di Jerantut ni ada seorang wakil rakyat lagi iaitu ADUN ADUN, Ahli Dewan Negeri Pahang

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

adun dilantik

(ADUN DAMAK - N.10)
YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Adun lantikan. Jadi makna di maknanya di Jerantut ini kita orang ada ada empat wakil rakyat yang menyuarakan isu-isu yang berkaitan dengan Jerantut dan Insya-Allah Jerantut akan kekal menjadi bandar paling sejahtera Insya-Allah. Jadi dengan itu saya Damak ingin menyokong Titah Diraja. Sekian terima kasih. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Yang Berhormat daripada Damak. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Jenderak. Sila.

(ADUN JENDERAK N.27)
YB. DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan. Saya dengan rasa penuh hormat dan takzim ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah serta menzahirkan setinggi-tinggi ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Tuanku atas limpah perkenan Tuanku Berangkat Sempurnakan Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang. Daulat Tuanku. Titah ucapan diraja Tuanku Jumaat lepas amat jelas padat dan penuh dengan nasihat serta pedoman yang amat bernilai. Titah Tuanku menjadi panduan dan suntikan semangat kepada saya untuk terus berkhidmat dengan penuh amanah Ikhlas dan bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Pahang Darul Makmur. Di sini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Nakhoda Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang berjaya mencapai kutipan hasil negeri tahun 2025. Mencatat kutipan melebihi 1 bilion 4 tahun berturut-turut. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar sebanyak 5.7% dengan nilai ekonomi mencecah 68 bilion ringgit, sekali gus meletakkan Pahang dalam kalangan 4 negeri terbaik pada tahun 2024.

Pelaburan meningkat sebanyak 18.04 bilion pada tahun 2025. Syarikat Kerajaan Negeri turut menyumbang 3.16 bilion kepada ekonomi negeri. Pencapaian dan pelaburan ini dapat mempertingkatkan ekonomi negeri dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak muda. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas keprihatinan kerajaan negeri meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan jalan negeri dan persekutuan di dalam kawasan DUN Jenderak. Peruntukan ini amat bermakna buat rakyat yang menggunakan laluan tersebut setiap hari untuk ke kebun ke sekolah dan ke bandar. Termasuk juga di seluruh pelusuk perkampungan masyarakat Orang Asli. Antara projek yang sedang dilaksanakan iaitu Jalan Persekutuan antara Laluan Temerloh, Jerantut 1.4 km. Jalan Turapan Baru di Jambatan Kuala Mai sedang dilaksanakan dan juga termasuk pembentungan jalan utama yang berhampiran di Kampung Datuk Sari Ahmad sedang dilaksanakan oleh pihak JKR. Ianya dapat mempertingkatkan keselamatan pengguna. Saya mohon agar pemantauan dan juga peruntukan penyelenggaraan berkala untuk jalan perhubungan desa terus diberi keutamaan. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan terutamanya berkenaan dengan tebatan banjir yang melibatkan Sungai Krau di dalam DUN Jenderak bernilai 74 juta yang sudah ada kontraktor. Dan seterusnya juga klinik kesihatan sedang pembinaan balai polis sudah

siap dibina surau di Kampung Pasu. Kenapa kerana apa saya mempersoalkan ini? Ini ada sesetengah pihak memperlekehkan usaha-usaha pihak kerajaan negeri dan juga usaha-usaha kerajaan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Selaku ADUN Jenderak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan keprihatinan dan sumbangan bakti Pahang. Peruntukan sebanyak 15 ribu seminggu yang telah disalurkan. Saya percaya inisiatif ini bukan sahaja dapat meringankan beban dapur rakyat tetapi juga menjadi bukti jelas bahawa Kerajaan Negeri Pahang sentiasa mendengar denyut nadi rakyat dan bertindak pantas dalam membantu mereka yang terkesan. Justeru, saya bersama seluruh warga Jenderak menzahirkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri atas keikhlasan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi ini. Semoga usaha murni ini diberkati Allah Subhanahu wata'ala dan menjadi asbab kesejahteraan rakyat Pahang keseluruhan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Saya juga ingin membawa perhatian dewan kepada isu di kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli Kuala Krau DUN Jenderak. Penduduk di kampung ini masih menggunakan penyambungan bekalan elektrik dari rumah ke rumah tanpa meter kekal TNB. Keadaan ini berbahaya dan boleh menyebabkan kebakaran serta renjatan elektrik. Satu meter berkongsi tiga rumah. Saya mohon jasa baik pihak berkuasa, JAKOA atau ORACO untuk mengambil tindakan segera membuat bancian rumah ke rumah di kawasan perkampungan Orang Asli ini. Menyediakan peruntukan wiring dan juga pemasangan meter TNB contoh di kampung Berdot ada 23 biji rumah yang tiada wiring dan sambung menyambung antara satu sama lain. Seterusnya di kesempatan ini juga berkenaan dengan lesen pendudukan sementara. Sangkar ikan Sungai Pahang. Permohonan 129 lulus, hanya 11 permohonan dari peringkat negeri. Permohonan terlalu lama untuk diluluskan. Paling banyak tersekat di peringkat PBT. Kadar lulus rendah setakat ini. Hanya 11 permohonan atau 8.5% yang dah lulus dari Pihak Berkuasa Negeri. Kadar tolak sangat kecil cuma 2 permohonan atau 1.5% ditolak setakat ini. Permohonan lesen pendudukan sementara untuk kegunaan kawasan sungai tanah kerajaan secara sementara. Proses ini agak panjang sebab kena lalu banyak jabatan, PBT, agensi teknikal, JKPT, PTG baru ke Pihak Berkuasa Negeri.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon jasa baik pihak yang berkenaan khususnya Pejabat Tanah dan Galian serta semua agensi teknikal yang terlibat agar dapat memberi perhatian dan menyegerakan proses kelulusan bagi 129 permohonan. Lesen Pendudukan Sementara Seksyen 65 Kanun Tanah Negara yang masih dalam berbagai peringkat. Ini penting bagi memastikan aktiviti ekonomi termasuk pengusaha sangkar ikan di Sungai Pahang dapat berjalan tanpa kelewatan yang membebankan dan ada sesetengah penternak ingin memohon pinjaman dengan pihak bank dan sebagainya. Dan juga kemasukan bekalan air dan Tenaga Nasional.

Yang Berhormat, Timbalan Speaker. Di sini, saya ingin mencadangkan berkenaan dengan pembinaan atau pengusaha reban ayam. Saya mohon pihak berkuasa yang berwajib Ketua Pejabat Daerah dan Tanah, pihak berkuasa kerajaan tempatan, pejabat haiwan atau veterinar mengkaji semula reban ayam tradisional yang menggunakan kaedah lama dan ianya mengganggu persekitaran dan keselesaan

penduduk dan juga pembangunan setempat menggunakan kaedah yang lebih moden dan berteknologi tinggi secara tertutup. Ianya boleh menjamin mengurangkan gangguan bau lalat atau wabak penyakit dan sebagainya. Akhir kata, saya selaku ADUN Jenderak akan terus membawa suara rakyat dan memperjuangkan setiap keperluan masyarakat tanpa mengira latar belakang demi pembangunan dan kesejahteraan seluruh warga DUN Jenderak. Yang Berhormat Timbalan Speaker saya mohon menyokong. Sekian Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ADUN. Seterusnya saya menjemput ADUN dari Pulau Manis. Sila.

(ADUN PULAU MANIS – N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Auzubillahiminasyaiton nirrojim Bismillahhirrahmanirrahim. (Bahasa Arab) Yang Berhormat Speaker, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya serta Inayahnya, kita semua dapat lagi bersama-sama di dalam dewan yang mulia ini bagi menjalankan tanggungjawab kita tidak lain tidak bukan ialah mewakili rakyat yang telah memilih kita pada pilihanraya yang lepas. InsyaAllah. Tidak lupa juga memanjatkan syukur dan selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana di atas usaha dan kesungguhan baginda serta para sahabat dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT menyampai dakwah sehingga ke hari ini, kita dapat mencapai nikmat mengecapi nikmat iman dan Islam.

Yang Berhormat Speaker, Pulau manis menjunjung Titah Diraja ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah sempena Istiadat Pembukaan Dewan Penggal yang Ke-5 Dewan Negeri Pahang yang Ke-15 pada hari Jumaat yang lalu. Segala titah Tuanku sedia patik junjungi dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat yang telah ku kasihi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi ruang kepada pulau manis pada petang ini untuk membahas ucapan titah diraja. Tidak lupa juga ucapkan jutaan terima kasih saya mewakili seluruh rakyat DUN Pulau Manis kepada seluruh kakitangan kerajaan dan agensi-agensi di bawah kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan seluruh kawasan Pulau Manis ini terbela kebajikan dan keselesaan. Yang Berhormat Speaker di dalam titah Tuanku, baginda ada menyebut memastikan anak muda memilih untuk membina kerjaya di negeri sendiri, sekali gus membantu mengimbangi struktur demografi negeri. Menjunjung kasih Tuanku kerana kecaknaan Tuanku dalam hal ini. Kita sedia maklum, kerajaan negeri ada menyediakan beberapa inisiatif untuk membantu anak muda dalam hal ini.

Cuma apa kaedah penerangan kepada mereka supaya mereka tahu adanya geran-geran tertentu. Inisiatif-inisiatif serta bantuan yang membolehkan mereka memulakan perusahaan mereka sendiri bagi melangsungkan ekonomi diri sendiri. Begitu juga dengan kursus-kursus yang ditawarkan kepada golongan-golongan sasar. Pemakluman yang lebih efisien adalah amat perlu ditekankan supaya segala maklumat berkenaan inisiatif-inisiatif geran geran-geran yang kerajaan sediakan sampai maklumat ini kepada mereka. Anak muda perjalanan mereka masih jauh dan kita seharusnya meletakkan harapan kepada mereka untuk membantu pertumbuhan ekonomi negeri, negeri kita ini. Cuma adakah mereka tahu mereka layak memohon dan layak menerima inisiatif-inisiatif dan juga bantuan yang selayaknya mereka dapat. Kalau tidak kepada mereka, siapa lagi perlu kita harapkan. Kita risau, anak muda akan

terus berhijrah ke daerah lain bahkan lebih merugikan ke negeri yang lain demi membentuk ekonomi keluarga sendiri. Ini sangat merugikan kita merugikan kita sekiranya bakat mereka, mereka tidak berpeluang untuk bantu ekonomi negeri sendiri iaitu Pahang yang dicintai. saya ambil contoh di Kampung Belimbing di kawasan saya. Kampung ini terletak di persisiran Sungai Pahang. Ada beberapa jenis perniagaan yang boleh dijalankan di situ. Antaranya rumah rakit, pengusahaan penternak ikan sungai, bahkan ada tempat yang dijadikan penghubung pelancong iaitu jeti untuk ke Tasik Chini di mana tidak lagi semegah berbanding suatu ketika dahulu.

Kampung ini tidak ramai anak muda yang masih menetap di situ, kebanyakannya mereka yang telah keluar mencari rezeki. Hal ini perlu dipandang serius kerana implikasi yang bakal berlaku adalah kampung ini berhadapan dengan tiada tidak ada lagi penduduk kerana tinggal hanya warga tua sahaja yang masing masing sudah uzur dan tidak lagi berupaya untuk membangunkan ekonomi setempat. Yang Berhormat Speaker, dalam titah Tuanku juga ada menyebut berkenaan pembangunan aplikasi, aplikasi digital seperti AI. Hal ini selari dengan perkembangan teknologi semasa. Dunia sekarang bergerak ke arah *Digital Governance*. Tuanku juga mengambil contoh carian atau semakan, permohonan tanah menerusi aplikasi PahangGo. Kita sedia maklum tahniah diucapkan kepada kerajaan negeri kerana ada sistem yang komprehensif cuma perlu ditambah baik seperti yang dititah oleh Tuanku. Saya kira kerajaan pasti menyambut baik serta akan melaksanakan titah Tuanku ini demi, demi kemudahan rakyat. Banyak perkara yang kita dapat permudahkan antaranya memudahkan rakyat di mana tinggal jauh dari bandar.

Mereka tidak perlu ulang alik ke Pejabat Tanah dan apa yang kita dapat penjimatan kos, minyak, masa dan mereka tidak perlu cuti sehari untuk menguruskan hal-hal ini. Selain daripada pengurusan tanah boleh juga melibatkan permohonan lain-lain seperti zakat, kebajikan masyarakat dan di mana mereka yang memohon terdiri daripada golongan orang, orang yang golongan rentan agak menyukarkan mereka untuk bergerak ke pejabat agensi untuk, menguruskan apa yang mereka hajati. Rasulullah ada bersabda (Bahasa Arab) permudahkanlah jangan menyulitkan. Saya juga ingin menyentuh berkenaan pengurusan PPS, Pusat Pemindahan Sementara ketika banjir baru-baru ini. Akhir tahun lepas, sebahagian kawasan di dalam DUN Pulau Manis ini terjejas dengan banjir.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya nak celah sikit. Terima kasih. Saya nak maklum pada sidang dewan lah PahangGO ni dia peneraju digital Negeri Pahang. Dan baru-baru ni. Alhamdulillah PahangGO telah dianugerahkan Malaysia *Book of Records* berbanding dengan Sarawak. Maknanya kita mengatasi Sarawak lagi dalam bidang aplikasi digital dan banyak urusan-urusan yang telah kita buat. Banyak aplikasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk memudahkan rakyat untuk berurusan dengan pejabat kerajaan. Sebagaimana kata ADUN daripada Pulau Manis tadi. Zakat pun boleh dibayar melalui aplikasi PahangGO. Terima kasih.

(ADUN PULAU MANIS – N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih wakil kerajaan. Maksud saya permohonan zakat yang ada di Pahang GO tu nak bayar zakat. Yang ini nak mohon zakat. Nak bayar zakat tu orang senang dia banyak duit. Dia nak pergi bergerak ke pusat zakat pun tak ada masalah. Ini cerita dia orang yang golongan yang memerlukan zakat. Permohonan. Ok. Terima kasih.

Walaubagaimana pun, tahniah diucapkan kepada wakil kerajaan. Sambung balik. InsyaAllah. Tahniah dan jutaan. Berkenaan banjir tadi sebahagian besar dalam kawasan Pulau Manis terjejas dengan banjir dan saya sempat turun ke semua PPS yang dibuka. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada agensi-agensi yang terlibat membantu memudahkan urusan penduduk yang terkesan banjir seperti NADMA, JPA, Bomba, PDRM, ATM, JKM, KKM dan NGO-NGO yang hadir memberi pelbagai bantuan kepada penduduk yang terkesan banjir dan banyak lagi pihak yang terlibat.
Maaf sekiranya tidak menyebut tidaklah mengurangkan rasa hormat dan terima kasih saya kepada semua. Namun, saya ada menerima aduan dari penduduk yang menghuni PPS iaitu dalam keadaan mencemaskan itu berlaku juga beberapa masalah dari sudut penyelarasan bekalan makanan. Ada mangsa di PPS yang terlewat menerima makanan, malah ada yang tidak menerima makanan pada waktu sepatutnya akibat masalah penghantaran dan kesilapan pihak tertentu. Bila disiasat dikhabarkan tersalah hantar bekalan ke PPS yang lain. Bagi saya, perkara seperti ini tidak boleh dipandang ringan kerana ketika rakyat berada dalam keadaan tertekan, Kebajikan asas seperti makanan mestilah menjadi keutamaan. Saya ingin membawa satu cadangan penambahbaikan pengurusan bencana khususnya berkaitan pusat pemindahan sementara di negeri Pahang. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mempertimbangkan agar kantin sekolah di PPS tersebut terlibat yang terlibat dijadikan penyediaan makanan utama kepada mangsa banjir sekiranya PPS itu adalah sebuah sekolah.

Cadangan ini mempunyai beberapa kelebihan. Pertama, kantin sekolah memang sedia mempunyai dapur, peralatan dan tenaga kerja asas untuk menyediakan makanan secara besar-besaran. Kedua, ia dapat mempercepatkan penyediaan makanan tanpa terlalu bergantung kepada penghantaran luar. Ketiga, pengusaha kantin sekolah lebih arif dengan lokasi setempat dan lebih mudah diselaras oleh pihak sekolah serta jawatankuasa PPS. Keempat, ia juga dapat membantu ekonomi pengusaha kantin terutama ketika musim sekolah terjejas banjir tutup akibat banjir dan pihak kantin sekolah tidak tiada isu berkenaan kebersihan, keselamatan er... keselamatan makanan dan pengendalian makanan kerana kita sedia maklum pihak KKM sentiasa memantau melalui bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. Saya percaya dengan penyelarasan yang baik antara pihak sekolah, Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NADMA, kaedah ini mampu menjadikan pengurusan PPS lebih cepat, tersusun dan mesra rakyat. Apa yang paling penting, jangan sampai ada penghuni PPS yang sudah kehilangan harta benda terpaksa pula menanggung... menunggu makanan dalam keadaan lapar dan keletihan. Semoga cadangan ini dapat dipertimbangkan demi meningkatkan kecekapan pengurusan bencana di negara kita.

Yang Berhormat Speaker, Kebawah Duli Paduka Mulia juga ada menyentuh berkenaan insiden memijak al-Quran di UMPSA dan juga ada menyatakan tiada kompromi di dalam sebarang cubaan mengganggu gugat keharmonian negara negeri melalui isu 3R. Saya ingin menyentuh satu perkara yang amat penting iaitu soal adab terhadap Institusi Diraja serta kebijaksanaan dalam menangani isu 3R. Kita di negeri Pahang sangat beruntung kerana sentiasa dipayungi Institusi Kesultanan yang menjadi teras perpaduan rakyat. Sebab itu saya ingin... saya menjunjung tinggi Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang mengingatkan supaya isu kaum, agama dan Institusi Diraja tidak dijadikan bahan politik murahan. Namun, malangnya mutakhir ini kita melihat ada segelintir pihak di negeri lain seolah-olah semakin berani mempertikaikan pendirian dan Titah Institusi Diraja atas nama hak demokrasi dan kebebasan bersuara. Bila titah yang tidak selari dengan kehendak mereka, maka mulalah perlembagaan dijadikan alasan untuk menormalisasikan sikap biadab terhadap Institusi Raja-Raja Melayu. Saya ingin tegaskan dalam negara kita

boleh berbeza pandangan politik kita boleh berbahas dasar tetapi jangan sampai hilang adab dan rasa hormat terhadap institusi yang menjadi payung negeri dan negara. Kalau hari ini titah sultan pun sudah mula dipersoalkan secara terbuka dalam dewan, maka rakyat sedang memerhati. Apakah ini budaya politik baharu yang mahu dibawa politik tanpa adab, demokrasi tanpa batas. Sebab itu saya berpandangan semua pihak tanpa mengira parti mesti mengambil pendirian jelas bahawa isu melibatkan Institusi Diraja bukan medan mencari publisiti politik. Harap budaya ini tidak merebak ke Pahang. Saya menyeru supaya kita semua...

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Mohon mencelah. Yang Berhormat, apa yang berlaku di sidang Dewan Negeri lain dan tiada keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertua Dewan di negeri tersebut bahawa kenyataan itu telah mempersoalkan Titah Diraja. Tidak ada sebarang keputusan, jadi mana bukti itu? Sila buktikan. Sila jawab di sini. Kalau tak ada, saya rasa Speaker tak perlulah kita bincangkan perkara di negeri lain. Kita fokuskan kepada negeri sendiri. Kalau ada jawab sekarang, kalau tak ada, saya rasa *move on* lah. Terima kasih.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Zaman sekarang zaman teknologi. Boleh tengok sendiri boleh cari sendiri.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Ya lah cari sekarang, tunjukkan kepada dewan. Apa bukti dia? Adakah Yang Dipertua Dewan negeri tersebut telah buat keputusan? ataupun sesiapa yang telah buat keputusan tersebut. Mana bukti dia? tunjukkan. Kalau tak ada, saya rasa lebih baik tarik balik. Tarik balik.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Boleh tengok benda ni.

(ADUN CHEKA - N04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Speaker, perkara ini sebenarnya semua orang tahu. Kenyataan dikeluar supaya kita bawa kes ini ke mahkamah untuk mahkamah buat keputusan sama ada boleh ke tak boleh. Jadi ini bukan isu dalam Dewan nak diputuskan di peringkat negeri ini keputusan pandangan parti di luar dari dewan. Jadi soalan ini bukan berlaku dalam Dewan Selangor berlaku di luar dewan. Jadi semua orang baca kenyataan tersebut. Saya fikir tak ada siapa yang tak tahu pun. Kalau tak tahu tu sengaja untuk tidak tahu. Jadi saya ingat apa dibangkitkan itu positif supaya Pahang kita kita menghormati Institusi Diraja dan mendokong titah Tuanku. Saya fikir tak ada isu pun. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua, kita di Pahang ni dah elok dah. Malahan kita telah mendapat negeri nombor satu Indeks Perpaduan Nasional di negeri

Pahang (Ahli Dewan menepuk meja). Saya ingat kita tak... saya pun tak faham tujuan YB daripada Sungai Lembing ni bangkit ini nak tuju kepada siapa? Nak tuju kepada Ahli Dewan? Saya ingat Ahli Dewan tak ada pun yang menyentuh isu 3R ni. Jadi lebih baik kita kekalkan perpaduan yang ada, kita *move on* kita tambah baik lagi. Jadi, saya harap Yang Berhormat teruskanlah dengan ucapan tanpa kita bincang lebih lanjut berkenaan dengan isu 3R ini. Terima kasih timbalan.

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat sila rujuk ke perkara dalam negeri Pahang ini dan juga luar sana apa-apa yang perbincangan di luar sana mereka akan menilai sendiri.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Okey terima kasih Yang Berhormat Speaker, cuma sedikit nasihat itu je. Kalau tak terima terpulang. Okay terus pada ucapan saya, sebelum saya mengakhiri ucapan sudah menjadi tanggung jawab saya membangkitkan isu di kawasan saya sendiri pada sidang dewan pada kali ini. Kebawah Duli Paduka Mulia ada bertitah berkenaan Tourism Pahang perlu proaktif di dalam mempelbagaikan destinasi pelancongan di Pahang. Di sini saya ingin mengetengahkan di kawasan saya di Kampung Felcra Sri Makmur, ada terdapat dua litar dua buah litar motor motorcross iaitu motor lasak. Litar-litar ini di mana suatu ketika dahulu cukup terkenal dan pernah menjadi lokasi penganjuran pelbagai kejohanan berskala kebangsaan.

Ketika itu, kawasan tersebut bukan sahaja menjadi tumpuan peminat sukan permotoran seluruh negara, malah turut memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat melalui sektor makanan, penginapan dan perniagaan kecil. Namun hari ini kita melihat aktiviti dan penganjuran acara di trek tersebut semakin berkurangan sehingga potensinya seolah-olah tenggelam begitu sahaja. Hal ini perlu di beri perhatian kerana selari dengan titah Tuanku secara langsung dapat menarik pelancong-pelancong luar datang ke Pahang untuk sertai program seperti ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak Tourism Pahang dan juga Belia Sukan bersama agensi berkaitan melihat semula potensi trek *motorcross* ini di Sri Makmur untuk diangkat kembali sebagai lokasi pelancongan sukan, pelancongan sukan dan hub permotoran negeri sekali gus dapat mengembalikan kegemilangan sukan ini seperti dahulu. Antara usaha yang boleh yang boleh dipertimbangkan menganjurkan semula Kejohanan *Motocross* peringkat Negeri dan Kebangsaan, menambah baik fasiliti trek dan kemudahan asas, menjadikan lokasi tersebut sebagai pusat latihan belia dan dalam sukan permotoran, mengadakan festival permotoran dan program belia secara berkala bagi menarik kehadiran pelancong domestik. Saya percaya jika diberi perhatian dan promosi yang sewajarnya, trek ini mampu kembali hidup dan menjadi antara tarikan sukan permotoran utama di negeri Pahang. Dalam keadaan ekonomi semasa yang mencabar, sektor pelancongan sukan seperti ini bukan sahaja mampu menarik pengunjung malah boleh membuka peluang ekonomi kepada anak muda dan komuniti setempat. Saya juga ingin menyentuh satu isu yang sangat dekat dengan rakyat khususnya generasi muda iaitu berkaitan masalah pemilikan tanah di negeri Pahang.

Isu tanah juga tidak ketinggalan bagi penduduk DUN Pulau Manis. Saya harap semakan permohonan tanah bagi tujuan pertanian khususnya bagi anak-anak muda yang tertangguh lama ini patut diberi perhatian yang sewajarnya. Hari ini kita melihat ramai anak muda yang mempunyai keinginan untuk membina kehidupan, kehidupan

sendiri mengusahakan pertanian, membina rumah atau memulakan perniagaan kecil. Namun, malangnya proses pemilikan tanah sering menjadi cabaran yang besar kepada mereka seperti di sekitar Kampung Teluk, Pulau Rusa dan Ganchong. Mereka bukan memohon berekar-ekar tanah. Mereka hanya memohon tanah untuk mereka usahakan bagi menampung pendapatan keluarga sahaja. Sehingga ke hari ini, permohonan mereka masih tidak diketahui statusnya. Selain daripada itu, antara rungutan yang sering diterima ialah proses pemohonan yang terlalu lama. Status permohonan perlu, yang sukar disemak kekurangan maklumat yang jelas serta kekeliruan prosedur antara jabatan dan agensi berkaitan. Saya percaya Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membaiki sistem sedia ada, namun sudah tiba masanya untuk melakukan pembahbaik, penambahbaikan yang lebih menyeluruh dan mesra rakyat. Apa yang rakyat mahukan? sebenarnya bukan layanan istimewa tapi proses yang jelas, telus, cepat dan mudah difahami. Sedikit isu di Kampung Sri Damai iaitu berkaitan longkang di hadapan Sekolah Kebangsaan Jaya Gading. Kawasan ini adalah kawasan yang kerap dinaiki air. Puncanya adalah sistem perparitan yang tidak betul alirannya. Sekiranya hujan lebat sedikit saja, air sudah mula melimpah sehingga menjejaskan kawasan sekolah. Sepatutnya kawasan sekolah adalah kawasan yang paling selamat dari bencana banjir tetapi situasi di sini berbeza. Diharap Jabatan Pengairan dan Saliran mengambil maklum dengan isu ini dan tindakan selesai masalah, menyelesaikan masalah ini dapat dilakukan dengan segera.

Kesekian kalinya, saya juga ingin menyebut berkenaan anjing liar. Isu ini dilihat semakin membimbangkan memerlukan tindakan yang lebih serius serta berterusan daripada pihak berkuasa tempatan iaitu khususnya Majlis Bandaraya Kuantan. Saya difahamkan memang ada kerja-kerja untuk menghapus anjing ini tapi nampaknya di sini perlu lebih cari kaedah yang lebih efektif. Macam anjing ni memang masalah yang bukan lagi sekadar isu gangguan awam, malah telah melibatkan aspek keselamatan rakyat apabila terdapat kes kemalangan dan kecederaan parah akibat pengguna jalan raya terjatuh terbabas kerana cuba mengelak anjing liar di jalan raya. Penduduk di beberapa kawasan terutama di Jaya Gading, Sri Damai dan Indera Sempurna semuanya telah lama menyuarakan kebimbangan mengenai jumlah anjing liar yang semakin bertambah. Namun sehingga hari ini, ramai merasakan tindakan yang diambil masih belum cukup efektif. Pihak Majlis Bandaraya Kuantan seharusnya memainkan peranan lebih proaktif dengan melaksanakan operasi kawalan dengan lebih kerap. Memperbanyakkan pasukan pemantau supaya dapat mengambil tindakan segera terhadap aduan penduduk. Selain itu, program pengawalan populasi, pengurusan haiwan terbiar dan kempen kesedaran kepada masyarakat juga perlu diperkasakan supaya isu ini dapat ditangani dengan lebih menyeluruh dan keberkesanan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat minta gulung ya.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN
(ADUN PULAU MANIS - N.20)

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya mewakili seluruh rakyat DUN Pulau Manis kepada kakitangan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan di mana telah memberi perkhidmatan yang terbaik demi memastikan kelangsungan rakyat. Saya akhiri dengan pantun ke Bukit Timah mencari kuda, terjumpa sungai airnya bersih, raja dan rakyatnya berpisah tiada, rakyat disayangi raja dikasih. Turun ke tanah keris terbuka, memburu pengkhianat memang tugasnya, jangan kita jadi derhaka, sanggah Tuanku buruk padahnya. Sekian Pulau Manis menjunjung titah. Allahu'alam, assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih yang Berhormat Pulau Manis. Seterusnya saya menjemput Ahli daripada Mentakab.

YB TUAN WOO CHEE WAN
(ADUN MENTAKAB - N.30)

Salam sejahtera dan salam Pahang 1st. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menjunjung kasih dan membahaskan Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam, Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Dewan Yang Mulia ini. Seperti anda semua sedia maklum, serangan Amerika Syarikat dan Israel ke atas Iran pada bulan Februari 2026 telah mencetus konflik di Asia Barat yang telah berlarutan sehingga hari ini. Susulan daripada krisis tersebut, Iran telah mengambil tindakan untuk menutup Selat *Hormuz* yang merupakan satu laluan maritim yang amat kritikal dalam pengangkutan minyak dan gas ke seluruh dunia. Penutupan tersebut telah menyebabkan bekalan minyak dan gas dunia berkurangan secara mendadak, sekali gus mengakibatkan harganya melambung tinggi berkali ganda. Kita turut menyaksikan sesetengah negara jiran dirantau ASEAN terpaksa menutup stesen minyak akibat kekurangan bekalan. Malah harga minyak di negara jiran mencecah sehingga RM10.00 seliter. Meskipun berhadapan dengan cabaran yang amat besar ini, kita bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan beban kehidupan rakyat dalam mengharungi krisis ekonomi yang melanda.

Susulan krisis tersebut, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak ringgit Malaysia RM7 bilion untuk subsidi minyak dan gas iaitu peningkatan hampir 10 kali ganda berbanding jumlah asal sebanyak RM700 juta. Langkah ini membolehkan rakyat Malaysia terus membeli petrol RON95 pada harga RM1.99 seliter dengan had kuota 200 liter sebulan di bawah inisiatif BUDI95. Secara tidak langsung, usaha ini juga dapat mengawal kadar inflasi di Malaysia bagi mengelakkan kenaikan harga barangan asas secara mendadak. Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang atas inisiatif Program Khas Agihan Bakul Makanan Asas. Inisiatif ini membolehkan sebanyak 300 bakul makanan diagihkan setiap minggu kepada golongan sasar yang memerlukan. Usaha murni ini secara langsung membantu rakyat Pahang dalam menghadapi cabaran kos sara hidup serta meringankan beban kewangan mereka yang terkesan akibat krisis tenaga global memandangkan krisis ini dijangka akan berpanjangan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri Pahang berkenaan langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam masa terdekat bagi menghadapi krisis tenaga ini. Seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pahang sememangnya telah melaksanakan inisiatif bekerja dari rumah (BDR) yang dapat mengurangkan penggunaan petrol serta tenaga elektrik di pejabat.

Justeru, saya ingin menyarankan agar kita semua mengambil langkah perbelanjaan yang lebih berhemat dan cermat bagi mengelakkan sebarang pembaziran. Selain itu, penggunaan teknologi terkini juga boleh dipertimbangkan sebagai kaedah penjimatan tenaga dalam mendepani krisis ini. Misalnya, penggunaan kenderaan elektrik *(EV)* dapat mengurangkan kebergantungan kepada petrol sekaligus mengurangkan pencemaran udara. Lebih banyak fasiliti pengecasan kenderaan harus diwujudkan di negeri Pahang bagi menggalakkan penggunaan *EV* yang lebih luas dalam kalangan

rakyat. Saya juga ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menerokai penggunaan tenaga boleh baharu serta memberikan insentif kepada pemilik rumah dan pengusaha industri kecil dan sederhana IKS yang beralih kepada tenaga solar dalam operasi harian. Kerajaan boleh mempertimbangkan potongan cukai dan pinjaman berkadar rendah sebagai inisiatif menggalakkan penggunaan tenaga solar kepada rakyat tempatan.

Penggunaan solar bukan sahaja lebih mesra alam dan bersifat mampan malah mampu mendatangkan penjimatan besar kepada pengguna. Sumber tenaga ini amat sesuai di Malaysia memandangkan negara kita menerima sinaran matahari yang mencukupi sepanjang tahun sejak kebelakangan ini. Pemasangan lampu & kemudahan berasaskan solar semakin meluas diseluruh Malaysia. Perkembangan positif tersebut wajar dicontohi dan diperkasakan lagi di negeri Pahang memandangkan Kerajaan Persekutuan turut menyarankan agar transformasi tenaga dilaksanakan segera bagi memastikan kestabilan bekalan tenaga negara. Maka kerajaan Negeri sewajarnya menyahut seruan tersebut dengan melaksanakan inisiatif yang telah dikemukakan itu. Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada rakyat Pahang kerana projek ECRL dijangka mula beroperasi pada awal tahun 2027. Salah satu stesen utama adalah terletak di daerah Temerloh dan dijangka akan memberi manafaat besar kepada seluruh penduduk setempat. Ia bukan sahaja mempercepatkan pergerakan dari pantai timur ke ibu kota, malah dilihat sebagai langkah yang berkesan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada hujung minggu dan musim perayaan.

Difahamkan, stesen ECRL akan berfungsi sebagai stesen pertukaran *interchange* ke rangkaian Keretapi Tanah Melayu Berhad. Justeru, saya menyarankan agar Kerajaan Negeri meningkatkan infrastruktur di stesen Mentakab bagi memastikan ia lebih mesra pengguna serta mampu menampung jumlah pelancong yang akan semakin meningkat. Kedudukan strategik daerah Temerloh di titik tengah antara Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Kuantan berpotensi menjadikannya sebagai hab transit pengangkutan bagi merancakkan aktiviti perdagangan serta perkilangan. Pusat Perindustrian Mentakab juga mampu menarik minat pelabur memandangkan kemudahan logistik kereta api yang lebih laju dan berupaya membawa kargo bersaiz besar. Saya berharap kerajaan Pahang dapat memberikan perhatian serius dan melakukan perancangan strategik demi membangunkan daerah Temerloh sebagai pusat perdagangan utama di Pahang. Selain itu, infrastruktur lain seperti jalan raya dan kemudahan awam di destinasi pelancongan perlu dipertingkatkan bagi menarik lebih banyak pelancong tempatan mahupun antarabangsa. Dengan inisiatif ini, Bandar Mentakab dan Temerloh boleh dipromosikan sebagai destinasi pelancongan berasaskan landasan kereta api seperti model yang dipraktikkan di luar negara. Dengan keindahan alam semula jadi yang sedia ada di daerah Temerloh pasti menjadi pilihan utama bagi ekopelancongan seterusnya merancakkan lagi pembangunan ekonomi di kawasan ini.

YB Speaker, Kampung Paya Siput yang terletak di Temerloh merupakan titik tengah Semenanjung Malaysia. Berdasarkan hasil kajian Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, JUPEM sebuah taman dan mercu tanda yang indah telah dibina di kawasan tersebut yang kini berjaya menarik kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara. Meskipun ramai telah mengenali Temerloh secara umum sebagai titik tengah Semenanjung Malaysia, masih ramai yang belum menyedari bahawa Kampung Paya Siput merupakan titik geografi yang sebenar. Kemudahan taman yang disediakan di sini adalah sangat sesuai untuk aktiviti riadah keluarga dan rekreasi. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperkasakan promosi Kampung Paya Siput sebagai destinasi pelancongan utama terutamanya sempena Tahun

Melawat Malaysia 2026. Lokasi ini berpotensi besar menjadi daya tarikan bagi mereka yang ingin menerokai keunikan geografi daerah Temerloh. Selain itu, memandangkan perkara ini telah disahkan melalui kajian saintifik, saya menyarankan agar fakta ini dimasukkan ke dalam kurikulum buku teks khususnya mata pelajaran Geografi. Langkah ini penting bagi memastikan generasi muda mengenali serta menghargai keistimewaan kampung tersebut. Saya percaya dengan promosi yang telah yang lebih meluas, lebih ramai pengunjung akan singgah untuk melawat sekaligus memberikan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat.

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada YB Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian yang diberikan. Saya amat berharap agar kesemua perkara yang telah dibangkitkan ini mendapat pertimbangan dan tindakan sewajarnya daripada pihak kerajaan demi memastikan kesejahteraan serta kebajikan rakyat sentiasa terjamin. Sekian sahaja daripada saya. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Seterusnya saya menjemput Ahli dari Bukit Ibam.

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih. Yang Berhormat Speaker (Bacaan ayat al-Quran) Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. (Bacaan ayat al-Quran). Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Para Pentadbir Daerah dan Para Pemerhati sekalian.

Yang Berhormat Speaker, Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, Tengku Mahkota Pahang ketika Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 Ahad lalu sarat dengan panduan, nasihat dan teguran demi kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang yang tercinta ini. Bukim Ibam menjunjung kasih atas keprihatinan, kecaknaan dan ketegasan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku.

Pisang emas di tepi perigi,
Warnanya kuning sedap rasanya,
Pemimpin yang baik, berakhlak tinggi,
Orang berbudi, dia berbahasa.

Bukit Ibam Menjunjung Kasih Titah Diraja bermula dari perenggan ke 53 yang menyentuh tentang hak negeri Pahang yang sewajarnya diberikan oleh Kerajaan Pusat hasil pengorbanan yang tidak sedikit negeri ini demi kelestarian alam sekitar seperti mengekalkan keluasan hutan dan kawasan tadahan hujan termasuk memberikan hak kepada negeri Pahang untuk mengeksport pasir sebagaimana negeri negeri lain. Ia sangat membantu usaha memelihara dan memulihara sungai di negeri ini yang sudah tentu penyelenggaraannya menelan kos yang sangat besar. Dalam masa yang sama, kerajaan perlu mengetatkan penguatkuasaan undang-undang melalui agensi terbabit bagi mengelakkan ketirisan hasil.

Yang Berhormat Speaker, kediaman dan tempat tinggal merupakan keperluan asas yang paling utama kepada setiap individu dan keluarga. Mana-mana kerajaan pun

yang memerintah bertanggungjawab menyediakan keperluan ini kepada rakyat. Terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah mewujudkan pelbagai inisiatif perumahan seperti rumah Ru'RASA, Rumah Rakyat Pahang (RRP), Prima Pahang dan lain-lain termasuk Skim Tanah Rakyat Felda Pahang (STRFP) iaitu inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama FELDA menyediakan lot tapak rumah kepada generasi baharu FELDA. Namun antara masalah yang timbul ialah usaha dan tindakan yang sangat perlahan seperti yang berlaku di Felda Selancar 1. Sudah lebih 3 tahun berlalu, namun tiada apa-apa kemajuan sehinggalah baru-baru ini para peserta dan penduduk berpakat untuk membuat jalan masuk sendiri ke kawasan tapak-tapak lot tersebut dengan masing-masing menyumbang bagi menampung kos. Ia juga atas permintaan pihak PAIP dan TNB kepada peserta sewaktu mereka memohon bekalan air bersih dan elektrik ke kawasan tersebut. STRFP adalah satu inisiatif yang baik, namun Kerajaan Negeri dan FELDA seharusnya menyediakan terlebih dahulu prasarana asas seperti jalan raya dan sistem perhubungan, sistem saliran dan kumbahan serta kemudahan awam bagi membantu para peserta membina rumah idaman masing-masing. Bukan hanya menyediakan lot tapak rumah semata-mata yang akhirnya timbul pelbagai masalah di kemudian hari. Yang Berhormat Speaker, kelas al-Quran dan Fardu Ain atau ringkasnya KAFA merupakan Sistem Pendidikan Islam Asas untuk kanak-kanak muslim di negeri dan di negara ini. Satu sistem pendidikan berteraskan agama yang sangat memberi manafaat kepada masyarakat Islam sejak.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Speaker, boleh saya mencelah sikit Bukit Ibam?

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Sila.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Jadi *statement* minta maaf Bukit Ibam saya mungkin terlepas pandang sedikit mengatakan program STRFP betul? Untuk makluman, skim ni belum lagi sampai ke tahap untuk pergi lagi bagi ke geran, belum lagi. *So*, bagaimana boleh peneroka pula ataupun anak peneroka pergi buat laluan sendiri, jalan sendiri sedangkan perkara ini tidak dilaksanakan lagi oleh pihak PTG dan juga pihak Felda. 21 Mei nanti adalah satu penyelarasan untuk mapping kita. Saat… saat… saat… saat terakhir. *So* bagaimana Bukit Ibam boleh dapat data tersebut mengatakan ini salah satu faktor yang boleh mengelirukan masyarakat di luar sana. Itu mungkin skim yang lain. Bukan Skim Tanah Rakyat FELDA. Saya nak maklumkan lagi. Bukan Skim Tanah Rakyat FELDA, kalau jika perkara itu berlaku. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat. (Berdehem)

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Speaker…

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Namun, maklumat yang …
(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya nak mencelah sedikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Apa yang dimaksudkan oleh sahabat saya YB. Ibam tadi, YB EXCO. Sama seperti projek STF di Jengka 2, Kuala Sentul yang tak termasuk dalam program STRF Pahang yang YB EXCO katakan. Jadi itulah, sebab tu banyak masalah sebelum ni. Saya dah bangkitkan sebelum ni.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Boleh bagi saya *detail* supaya saya boleh jelaskan perkara tu dengan lebih baik, sempurna sebab sekarang kita tengah susun semula apa yang sedang disusun oleh pihak Kerajaan Negeri untuk penyusunan semula bagi memudahkan anak-anak peneroka ni untuk mendapatkan dengan lebih sesuai ya. *So*, jangan kita memutarkan supaya nanti golongan di luar sana akan salah faham, apa yang kita laksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta sikitlah supaya kita jelas, *clear* sebab saya rasa projek STR ni dia perlu ke bawa ke Parlimen. Kena lulus dulu, ubah Akta GSA kan? Baru boleh di peringkat negeri bagi geran. Baru boleh bina perumahan. Kalau tidak dia…dia masih terikat dengan Akta GSA. Mungkin itu dapat penjelasan kalau…kalau betul proses itu yang terpaksa kita tunggu dulu.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat. Speaker saya nak mencelah sikit. Terima kasih banyak Yang Berhormat Cheka. Baru-baru ni kita ada satu mesyuarat daripada Kerajaan Negeri. Kita telah memutuskan ada satu pindaan akta. Selain kita menunggu, ni pengorbanan kita ni, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Kita nak membantu anak-anak peneroka kat luar ni. Kita telah pun meminda sedikit akta supaya pihak PTG dan Kerajaan Negeri kita nak

mempercepatkan proses ni. Kalau nak menunggu Akta GSA dibentangkan di Parlimen, kita tunggu lama. Sebab itu di bawah Kerajaan Negeri kita ingin meminda sedikit Akta Tanah supaya anak-anak peneroka ni dapat. Itu yang dia kata tadi lambat STRF tu sebab apa, dia mungkin di luar bidang kuasa. Kita meminda sedikit akta supaya membolehkan mempercepatkan proses untuk pengambilan tanah tersebut. Insya-Allah, Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Bukit Ibam.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Apa-apa pun saya akan berhubung dengan Yang Berhormat Pelangailah selepas daripada ini kerana konsepnya sama memberikan lot tanah kemudiannya berada di kawasan rezab FELDA. FELDA Selancar 1. Nanti saya akan bagi maklumat detail.

Yang Berhormat Speaker, Kelas Al-Quran dan Fardu Ain atau ringkasnya KAFA merupakan Sistem Pendidikan Islam Asas untuk kanak-kanak Muslim di negara dan di negeri dan di negara ini. Satu sistem pendidikan berteraskan agama yang sangat memberi manafaat kepada masyarakat Islam sejak sekian lama. Namun, antara cabaran yang dihadapi di sesetengah Sekolah Agama Rakyat ialah kekurangan guru. Contohnya, Sekolah Agama Rakyat FELDA Keratong Satu, ada kelas yang terpaksa menempatkan 60 orang pelajar dalam satu kelas. Jauh daripada jumlah nisbah yang sesuai untuk pembelajaran yang berkesan iaitu sekitar 25 orang untuk satu kelas. Justeru, Bukit Ibam mengharapkan isu ini akan mendapat perhatian pihak berwajib demi melahirkan generasi yang berilmu dan berpendidikan.

Yang Berhormat Speaker, memetik Titah Diraja di perenggan 74 hingga 76 yang menyebut bahawa usaha merancakkan sektor pelancongan jangan sekadar bergantung harap kepada Genting Highlands dan Cameron Highlands sedangkan Pahang memiliki pelbagai destinasi yang menarik. Bukit Ibam ingin menarik perhatian Dewan bahawa Rompin juga antara daerah yang kaya dengan tempat-tempat indah dan mampu menjadi tarikan pelancong. Tidak keterlaluan kalau saya katakan, Rompin adalah gerbang masuk pelancongan bagi negeri-negeri Pantai Timur. Selain Pulau Tioman dan Taman Negeri Endau Rompin yang terkenal sebagai antara hutan tertua di dunia. Tempat-tempat lain yang boleh dinaiktaraf sebagai tarikan pelancong ialah Tasik Biru, Air Terjun Leleh dan Bukit Sembilan yang terletak di dalam DUN Bukit Ibam. Saya pernah bangkitkan perkara ini dalam Persidangan DUN pada tahun 2023 yang lalu dan kalaupun Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menaiktaraf tempat-tempat ini, sekurang- kurangnya dapat menganjurkan aktiviti riadah dan rekreasi sebagai usaha merancakkan aktiviti pelancongan di kawasan yang berpotensi seperti ini. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan ketidakseimbangan sektor ekonomi yang sangat ketara antara daerah-daerah dalam negeri Pahang. Yang mana daerah Kuantan dan Bentong jauh meninggalkan daerah- daerah lain di negeri ini dalam sektor…sektor ekonomi.

Yang Berhormat Speaker, isu keselamatan jalan raya antara perkara yang Bukit Ibam akan sentiasa bangkitkan setiap kali perbahasan. Tahniah dan terima kasih kepada pihak EXCO dan pihak JKR yang telah menyediakan lampu solar di beberapa simpang jalan seperti di simpang masuk Kampung Gadak dan RPS Bukit Serok. Soalan saya, berapakah kos yang terpaksa ditanggung untuk memasang sebatang lampu solar ini

dan adakah pihak berwajib berhasrat untuk meletakkan lampu solar ini di beberapa lagi simpang jalan yang gelap seperti di simpang masuk ke Bandar Melati, simpang ke Kampung Lubok Batu, simpang Kota Bahagia dan beberapa jalan dalam Gugusan Felda Keratong.

Yang Berhormat Speaker yang terakhir, pesanan yang sangat baik dalam Titah Diraja pada perenggan ke 115 yang mana baginda mahu setiap Wakil Rakyat yang diberi mandat melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan penuh dedikasi dan berintegriti. Bukannya tunjuk muka menjelang pilihan raya sahaja. Rajinkan diri turun naik ke jabatan kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan segala masalah rakyat dapat diselesaikan dengan cepat, cekap dan berkesan. Justeru, Bukit Ibam mengharapkan Kerajaan Negeri bersikap lebih demokratik dengan membenarkan Wakil Rakyat Pembangkang menghadiri Mesyuarat Tindakan Pembangunan Daerah dan berurusan dengan agensi-agensi kerajaan. Sebagai menjunjung Titah Diraja Tuanku dan bagi kita sama-sama berganding bahu membangunkan negeri Pahang yang tercinta ini. Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat. Yang Berhormat Speaker, dengan ini Bukit Ibam mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Terima kasih.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Bukit Ibam. Seterusnya, saya menjemput Wakil Batu Talam. Sila.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih YB. Speaker. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera dan Salam Pahang 1st. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih Yang Berhormat Speaker, yang beri laluan kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-5 DUN Pahang yang Ke-15.

Yang Berhormat Speaker, mengadap Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota, patik terlebih dahulu merafak sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang atas titah dan amanat yang telah dizahirkan Sempena Pembukaan Mesyuarat Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang ke 15 pada kali ini. Sesungguhnya, titah tersebut mencerminkan keprihatinan institusi diraja terhadap kebajikan, kesejahteraan rakyat, kemajuan negeri serta masa depan pembangunan Pahang yang lebih mampan dan inklusif. Semoga kita sama-sama dapat menjagalah negeri Pahang yang berdaulat dan menjaga jugalah mengenai isu 3R ini. Saya ni ada…ada pantun sikit.

Burung Merbah terbang ke Jelai,
Hinggap Merbah di tepi paya,
Keberangkatan Tuanku sungguhlah damai,
Sidang Dewan berseri, ada sejuk ada panas suasananya.

Dari Raub membawa Cenderawasih,
singgah berteduh di hujung laman,
Daulat Tuanku kekal di kasih,
Payung negeri sepanjang zaman.

Yang Berhormat Speaker, sekalung ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kepimpinan negeri di atas pengurusan, kecaknaan dan kecekapan tadbir urus kerajaan, Kerajaan Negeri. Alhamdulillah, hasil daripada kecekapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, negeri yang makmur ini dapat mencapai banyak rekod-rekod. Semoga ianya dapat dipertahan dan juga dapat dipertingkatkan, seperti hasil yang bukan hanya sekejap tetapi secara konsisten. Dah 4 tahun dah mengekalkan kutipan. Dari segi pelaburan, dari segi KDNK…KDNK dari segi sudut nilai ekonominya, telah mencecah kepada RM68 bilion yang mana negeri yang keempat terbaik dari tahun 2019 hingga 2024. Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri juga telah menyumbang lebih daripada RM3 bilion dan dari segi pendidikan kita berada di tangga yang kedua termasuklah maahad-maahad tahfiz ini kan, menjadi *top five* di dalam negara kita. Dan tidak kurang juga dari segi indeks perpaduan, kita juga berada di tempat pertama di Malaysia termasuklah di bandar bahagia yang telah dinobatkan kepada daerah Lipis dan juga Raub. Jadi, saya cukup yakin negeri Pahang ini boleh terus ke depan dan berdaya saing dan negeri Pahang juga dapat merealisasikan hasrat, ini, Pahang 1st ini, Pahang nombor 1, Pahang 1st Pahang nombor 1 di dalam negara kita, dan negeri kita juga adalah di antara, ini, negeri yang berdaulat.

Yang Berhormat Speaker, sebagaimana maklum, krisis Asia Barat berlaku keadaan ekonomi global tidak stabil. Kesannya dirasai oleh dunia serta negara jiran. Rakyat negeri ini juga tidak terkecuali, kesan dari kos khususnya kos sara hidup yang terus berubah ataupun naik. Namun, atas keprihatinan Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melaksanakan pelbagai inisiatif bantuan kepada rakyat negeri. Saya pun nak mengingat pun payah juga. Mula daripada pelbagai bantuan daripada Bantuan Prihatin Pahang (BPP) lepas itu tukar kepada Inisiatif Makmur Pahang, sekarang ini BN Pahang, BN ini Bantuan Negeri Pahang. Dan juga baru-baru ini, sepertimana yang kita alami semasa Covid, kita juga ada memberi sedikit sebanyak bantuan kepada ketua-ketua isi rumah dan Kerajaan Negeri mengambil kesempatan memberi RM15,000.00 seminggu tapi sebulan RM60,000.00 kepada setiap Wakil Rakyat. Jadi ini dapat meringan, membantu ketua-ketua isi rumah di dalam ini, negeri Pahang. Dan selain itu, semasa Hari Raya Cina ada juga baucar, dan semasa hari raya, ada juga baucar, Baucar "Moh Balik Negeri" (BN) Balik Negeri, Balik Negeri (BN) untuk anak rantau. Dan ia juga, baru-baru ini, kita juga telah memberi sebenarnya ianya diberi kepada rakyat negeri Pahang tanpa menengok pelbagai kaum, agama dan juga parti. Bagi kawasan saya, saya bagi semua, kecuali yang, kalau ada yang tak minat itulah, tak minat itu kita nampak juga kan, mungkin dia, dia tengok bantuan dia sikit bagi orang yang dah kaya. Tapi bagi masyarakat ketua isi rumah, saya rasa ianya adalah satu bantuan yang begitu bermaknalah kepada kita sempena dapat membantu dalam isu ekonomi dunia ini. Jadi kita haraplah bantuan-bantuan ini tak kiralah mungkin kita ini dekat dengan pilihan raya, tetapi kita mengalami masalah, isu ekonomi, mungkin juga dapat diteruskan, dan mungkin juga kalau kemurahan hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ditambah lagi, makna hari ini RM50.00, mungkin kalau lama lagi, lagi banyak beri, RM100.00 ke bakul makanan. Jadi inilah kita harapkan supaya ia sedikit sebanyak dapat memberikan makna kepada rakyat negeri Pahang dan juga dapat memberi kesan kesejahteraan khususnya rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker, sempena dengan kesempatan ini, saya juga ingin membawa beberapa cadangan dan pandangan daripada rakyat di kawasan saya. Pertama, sebagaimana kita maklum, Malaysia kini sedang bergerak pantas menuju status negara menua, tua. Mengikut data rasmi kerajaan dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030 apabila lebih 15% penduduk terdiri daripada warga emas berusia 60 tahun ke atas 2030 dan 2026. Saya rasa dalam, dalam Dewan pun ramai kan, jadi, apa warga emas ini, dan

Semambu pun ada menyebut di negeri Pahang ini, dijangka, keadaan sekarang ini hampir 7% adalah warga, warga tua. Itu rekod daripada Semambulah. Jadi, keadaan ini mungkin juga memberi sedikit sebanyak cabaran kepada sistem sosial dan juga apa, kesihatan negara. Jadi, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan, menubuhkan sebuah rumah penjagaan dan rawatan warga emas yang agak moden di, khususnya di daerah Raublah. Kerana pengalaman saya selaku Wakil Rakyat, memang susah nak menjaga orang tua ini. Ada di kawasan saya satu kes, kadang-kadang mereka tua sama tua ini dia menjaga, tapi akhirnya yang menjaga pun tak sanggup nak jaga kerana hok tua itu pun payah nak menjaga dan dia pun dah jadi tua, jadi dua-dua tua. Ke mana dia nak letak? Jadi sebab itulah apa yang saya nilai, kemudahan bagi orang-orang tua ini sebenarnya tak banyak di negeri Pahang. Saya yang tahu di Pahang ini ada satu je, iaitu Rumah Ibadah dekat Raub itu. Tapi bagi kaum Cina di Raub sahaja, nak 3, 4 rumah, rumah orang tua ini. Jadi saya berharaplah kerajaan dapat memikirkan untuk menubuhkan sebuah rumah penjagaan dan rawatan kepada masyarakat ataupun kumpulan warga emas.

Kemudahan ini, kalau boleh biarlah apa lengkap sikit. Mempunyai kemudahan rawatan kesihatan asas, pusat rehabilitasi dan juga fisioterapi, Pusat Aktiviti Warga Emas, program-program kerohanian serta penjagaanlah untuk warga emas. Dia warga emas ini ada yang boleh menguruskan diri sendiri, ada yang tak mampu dah. Yang ini terpaksalah, ini hospital menjaganya. Jadi kita haraplah pihak kerajaan bersama-sama dengan kementerian atau jabatan yang ada seperti JKM ini dapat memikirkan dan kalau saya lihat pun tak heran juga kalau kita tengok di, di daerah-daerah ini kita ada PUSPEN, pusat pemulihan dadah ini. Jadi saya tengok kawasan itu pun ada asrama, ada dewan ada apa termasuklah ada klinik dia. Jadi kita masalah kan yang tua ini klinik dia nak juga, supaya mudah kita nak menguruskan orang tua ini yang tidak mampu menguruskan diri sendiri. Jadi, dengan itu kita boleh sedikit sebanyak bercakap soal pembangunan fizikal tetapi perlu juga kita memastikan golongan yang, yang telah membina negara kita, ini warga emas satu ketika dulu ini dapat dibela dengan penuh ini, maruah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Keduanya, isu kesihatan mental hari ini semakin membimbangkan. Tekanan hidup, kemurungan, masalah kebimbangan melampau, penyalahgunaan dadah dan tekanan emosi semakin meningkat khususnya dalam masyarakat hari ini. Saya sendiri pun kadang-kadang ada satu keluarga itu, yang kebetulan, ini, keluarga itu dia, maknanya adik beradiknya perempuan, apa, ketua keluarganya yang lelaki dah takde tinggal perempuan. Tapi...Kebetulan anaknya tak berapa sihat, mental. Jadi kita hantar ke hospital. Di hospital pun dia nak penyakit orang telah kalau dia balik ke rumah tu macam-macam yang berlaku di rumah. Jadi sebab itulah hari ini ada sesetengah keluarga tu amat bimbang dengan keadaan yang berlaku yang terjadi kepada sesetengah pihak. Jadi laporan serta kajian mutakhir menunjukkan jutaan rakyat Malaysia banyak mengalami masalah kesihatan mental. Kita punya speaker pun Speaker juga speaker yang betul selalu mengingatkan kita pagi-pagi makan ubat dulu. Kalau tak makan ubat meragam. Jadi inilah juga masalahnya bagi pesakit-pesakit mental ini. Jadi mereka ini kalau dibiar di luar ni mereka tidak dapat menjalani proses perubatan dengan sempurna. Kadang selalunya betullah kita jaga. Tapi macam mana kita nak menjaga hari-hari dia nak makan ubat tu. Jadi inilah di antara kita yang perlu kita wujudkan, institusi ini supaya ada pakar-pakar kaunseling, Fasiliti rawatan yang sesuai. Jadi kalau saya pun ada melihat kepada sesetengah negara maju seperti di Eropah, di Jepun, di Australia, kaedah mereka ini menyerah kepada masyarakat. Tapi hari ini Malaysia saya rasa tak boleh lagi.

Kita kena pastikan supaya ada sebuah institusi untuk nak menjaga ini masyarakat mental ini tadi. Tadi yang 60 tahun ke atas tapi mental tak tentu. Orang muda pun ada mental juga tekanan. Jadi sebab itulah saya ingin mencadangkan pihak kerajaan bersama jabatan agensi ini sama-sama dapat mempertimbangkan mewujud sebuah mana hospital bagi rawatan mental di negeri ini. Yang saya tahu dulu masa kecil dulu, ada mendengar jugalah Tanjung Rambutan. Tapi hari ini bila ada masalah selaku YB ni saya nak hantar ke Tanjung Rambutan pun tak lepas dah jadi tak tahu ke mana nak hantar. Jadi kita haraplah kerajaan dapat memikirkan bersama juga dengan apa jabatan-jabatan seperti termasuklah kebajikan masyarakat. Mungkin juga AADK kerana sebahagian ni ada yang.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

YB Speaker, saya nak tanya rakan saya Batu Talam ni, di kawasan YB banyak tak yang sakit mental?

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Saya banyak tidaklah. Tapi ada yang saya bimbang, ada yang jenis tak nak pakai baju ni. Haa. Ada yang berjalan kulu kilir gitu. Puas pula kita mencari benda nak menutup nak menangkap dia tu. Selalunya kita panggil polis Maksudnya bukan ramai tapi ada. Tapi tidak mustahil juga di daerah lain tu ada juga. Sebab hari ni kadang-kadang pelajar-pelajar sekolah pun ada juga yang jenis penyakit murung ataupun penyakit-penyakit yang kadang-kadang kita dengar ni ada yang nak mengores tangan ini banyak penyakit yang mendengar bisik-bisik ni bisik-bisik ni. Kadang-kadang dia kata dia bisik-bisik suruh kerat tangan ni tadi. Ini ada dua tiga kes di daerah saya ni, yang saya nampak memang adalah penyakit apa, apa mental ni dia bukanlah maksudnya berat sangat yang dipanggil gila tu. Tapi kemurungan ni pada peringkat awal yang memula ini ada masalah kecil. Tapi akhirnya gila tu lah nanti yang besarnya kan. Tapi yang tekanan ni special ni tadi ianya bermula daripada bawah. Jadi kita harus jugalah memikir kepada perkara ni. Jadi sebab itulah kemudahan yang ada tu mesti ada wad-wad psikiatri *modern* ini. Pusat rehabilitasi ini pemulihannya dan juga terapi pekerjaan dan juga kita mengharapkan sokongan daripada komuniti. Jadi inilah di antara perkara yang perlu difikir bagi mewujudkan institusi ini agar kita dapat jugalah menjaga apa kumpulan-kumpulan yang sakit mental tadi.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Yang Berhormat mencelah sikit, terima kasih, boleh Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi saya tertarik dengan isu mental *health* ni tadi. Kalau kita tengok hari ini, pertama kes-kes yang melibatkan kes jenayah di mahkamah, ada banyak kes yang disebabkan oleh mental *health* menyebabkan berlaku kes bunuh dan sebagainya yang pertama. Yang kedua, kalau kita dapat kongsi bahawa golongan muda pada hari ini banyak sangat terdedah dengan masalah-masalah mental di peringkat awal seperti *anxiety*, *skizofrenia* yang tidak sampai ke tahap gila tadi. Jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa sudah sampai masa kita di Pahang ni khususnya di bawah portfolio Exco ni supaya dapat kita cari satu jalan bagaimana untuk kita menangani masalah mental ni. Sebelum sampai tahap jalan sorang tak pakai baju ni tadi. Terima kasih, Yang Berhormat.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebelum tu mintak saya sikit. Kalau ikut laporan daripada Kementerian Kesihatan, 4.6% rakyat Malaysia terlibat dengan kemurungan bererti hampir sejuta rakyat Malaysia kemurungan daripada 2019 kali data yang ada peningkatannya sekali ganda daripada sebelum itu. Dan apa yang membimbangkan kita bangkitkan oleh ADUN lantikan tadi ialah kadar mereka terlibat ni purata pada usia 16 hingga 19 tahun. Dia mula terlibat dengan kemurungan, ada faktor, kata gajet dan sebagainya. Tapi faktor-faktor ini mempengaruhi perlakuan dia. Kita bimbang dia bertindak agresif tiba-tiba kerana kemurungan. Dia gantung diri, dia bunuh diri, dia bunuh kawan dia yang baru ini dia tikam sampai 60 kali tikaman, di sekolah baru ni sampai berpuluh kali tikaman itu sangat luar biasa. Jadi, saya fikir apa dicadangkan tadi, satu benda yang mungkin boleh kita lihat bersama dalam konteks bagaimana untuk kita menangani isu kemurungan sebelum sampai tahap yang kritikal. Terima kasih.

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih kepada ahli yang lantik dan juga wakil Cheka. Sebenarnya saya rasa masalah ini sama ada di daerah ini cuma tak nak mengabar je. Ia kalau sebut gila tu memang la sikit hok yang telanjang, tetapi yang depression ni yang stress ni yang murung ni ha itulah memang berumur bukan hanya 16. Tapi di peringkat sekolah rendah pun kita berjumpa hok kes-kes yang begini. Ini masalahnya sekarang. Contoh saya kalau ada pesakit di Raub, kalau Raub tu tak boleh buat apa. Dia beri ubat penenang dan sebagainya dia hantar ke hospital.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, baru-baru ni kita ada mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Negeri. Daripada taklimat yang diberi itu, SS pun ada, Dato' IR pun ada. Penyakit mental sangat tidak dibangkitkan dalam mesyuarat tersebut. Yang membimbangkan kita ada dua perkara di Pahang ni yang paling tinggi iaitu penyakit bantut kita nombor satu, bantut. Yang kedua, denggi ini dua perkara yang dibangkitkan semasa taklimat oleh Pengarah Kesihatan Negeri Pahang. Mental ni tak ada, maknanya setakat hari ni saya ingat orang Pahang ni okaylah, tak ada lagilah yang yang berjalan tak pakai baju tu. Saya pun tak pernah jumpa lagilah setakat ni. Di Batu Talam dah ada ni tapi lalu masa nak balik ke Koyan tu. Kalau boleh tak naklah jumpa. Jadi jangan bimbang sangatlah ye mental ni. Cuma, tapi yang penyakit bantut dengan denggi tu memang tinggi di Pahang. Harap kita semua ambil perhatian. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh gulung.

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Boleh gulung. Er... sikit lagi Yang Berhormat Speaker, tak nak menjawab soalan MB. Sebab orang di Jalan Jerantut tu ada yang tak sihat tu. Jadi kita lalu dua tiga kali. Ada orang sebut hantu tapi sebenarnya dia suka berjalan tu. Kepala dia memang suka masuk dalam badan tu, dia nampak macam tak ada kepala. Ni tanya orang Jerantut selalu balik tu hari ni sampai berhenti tengok betul rupa ada kepala dia. Dia masuk

dalam tu. Itu maknanya bukan hantu tetapi pesakit mental. Hah gitu. Jadi itulah saya harapkan supaya kerjasama sebab isunya kadang-kadang ada pertelingkahan di antara hospital. Hospital ni hanya merawat yang sakit dan yang mental tak rawat. Yang mental dia hantar ke Bentong, Bentong ni dia tak simpan. Lepas dia dah siap, Bentong dia hantar balik kita. Jadi kita pula kena menjaga orang mental ni. Kalau YB tu mental juga apa lah sama-sama mental kan? Haa inilah yang saya nampak. Ni ada dua tiga kes. Jadi ada tiga lagi saya terus lah. Selain daripada menubuhkan pusat tadi, saya nak beritahu juga bahawa di daerah Raub ini memang terkenal dengan hasil buah durian dan juga pertanian lain.

Jadi kita haraplah supaya hari ini yang kita kita war-warkan mewujudkan pendidikan TVET. Jadi kita haraplah, Kerajaan juga dapat memikirkan di daerah ni menubuhkan sebuah pusat pendidikan TVET berasaskan pertanian dan ternakan. Jadi saya nampak contohnya di pusat pertanian di Raub itu, saya rasa dah lama dah lengang. Jadi inilah perkara-perkara yang boleh difikirkan untuk kita menjadikan Tvet pertanian ni bagi daerah Raub. Dan seterusnya ialah ini mengadakan Pusat Mini *convension* dan e*xibition*. Sebab saya dimaklumkan MAHA pun nak di adakan di Raub, untuk peringkat nasional ni. Apa yang saya nampak banyak program-program kita berbentuk *one-off*. Dah habis berbelanja banyak, tapi akhirnya kesinambungan kepada program itu, tak ada. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya ini termasuklah PLANMalaysia ini ada belakang saya ni. Banyak juga perancangan- perancangan ni, dapat memikirkan membina satu pusat, basicnya pada Mini Konvensyen dan pameran di daerah Raub ni. Jadi kalau ada MAHA ni boleh *start* lepas tu besok kita bersambung lagi, mewujudkan *exibition* dan *convention*.

Jadi dapatlah perkara ini kita hebahkan. Dan yang akhirnya, yang akhirnya ialah er... kita harap pihak kerajaan dapat memikirkan bagi membangunkan konsep Mini Agrotourism ni yang mana pertanian ni boleh dijadikan ni pelancongan Agro-Agrotourism ni. Ni maksudnya contoh di Raub dengan Cameron Highlands KDNK. Dia ialah sebanyak 1 bilion. Cameron Highlands pun KDNK dia nilai ekonomi adalah sebanyak 1 bilion. Sebenarnya di Raub pun 1 billion juga. Apa, ini KDNK juga? Jadi dengan kedudukan ini, ianya juga sedikit sebanyak berasaskan pertanian dan juga ekosistem alam semula jadi yang, yang cantik di Raub ni. Jadi bolehlah kita memikirkan bagaimana membangunkan aktiviti di dalam konteks Agrotourism. Jadi sesuai dengan Tahun Melawat Pahang. Apa 2026 ni, Agrotourism ye. Jadi dapatlah pihak kerajaan memikirkan apakah diantara perkara-perkara yang boleh kita menafaatkan dan harap menjadi ianya membantu ekonomi setempat khususnya di daerah-daerah ni. Akhirnya, saya cukup yakinlah dengan kepimpinan kerajaan serta dokongan Institusi Diraja, sebenarnya Pahang ni, mampu muncul sebagai negeri bukan sahaja maju dari sudut ekonomi, tetapi juga unggul dari segi kesejahteraan, rakyat dan juga pembangunan sosial serta kemakmuran di negara kita. Dengan ini, saya menyokonglah titah Tuanku yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan Tepuk Meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Batu Talam. Seterusnya saya menjemput wakil dari Kuala Semantan, sila.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Salam sejahtera dan salam hormat. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, syukur ke hadrat

Allah SWT dan terlebih dahulu saya merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas titah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada Jumaat, 8 Mei yang lalu. Sesungguhnya titah yang dizahirkan sarat dengan peringatan, harapan dan panduan, kepada seluruh kepimpinan negeri agar senantiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dalam mengurus tadbir negeri Pahang yang dicintai ini. Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku dipenuhi dengan nasihat, panduan dan peringatan kepada kita semua terutama kepimpinan kerajaan negeri, agar terus memelihara kestabilan, memperkukuh ekonomi negeri dan rakyat serta memastikan kesejahteraan sosial terus menjadi keutamaan. Sesungguhnya titah tersebut bukan sekadar istiadat tahunan, bahkan merupakan amanah besar, untuk kita laksanakan dengan penuh tanggungjawab.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk membahaskan titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota ini, yang mengait beberapa persoalan yang sedang dihadapi oleh negeri Pahang, yang kita cintai pada hari ini. Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia. Kaya dengan hasil bumi, mempunyai sumber air yang luas, kawasan pertanian yang besar, sektor pelancongan yang berkembang serta kedudukan yang strategik di Pantai Timur. Namun, persoalan asasnya ialah sejauh manakah kekayaan negeri ini benar-benar dapat dirasai oleh rakyat di bawah. Pemusatan ekonomi negeri terlalu tertumpu di kawasan bandar terutama di ibu negeri Kuantan. Dan mematikan potensi wilayah-wilayah pedalaman seperti Lipis, Raub, Bera dan Maran. Data agihan keluaran dalam negeri kasar mengikut sektor ekonomi dan daerah negeri Pahang pada tahun 2024, menunjukkan daerah Kuantan dengan nilaian 29.154 bilion iaitu 42%. Jauh mengatasi daerah-daerah lain di negeri Pahang. Manakala daerah Lipis, daerah yang paling pedalaman, hanya 2.191 bilion, iaitu hanya 3% daripada nilaian KDNK tersebut. Kesannya dapat dilihat pada taburan kepadatan penduduk negeri Pahang, yang juga tertumpu di Bandaraya Kuantan. Sebagai pusat ekonomi, di mana sejumlah 69% iaitulah 574,749 orang, menghuni daerah Kuantan berbanding hanya 44,769 orang yang menghuni di daerah Kuala Lipis. Daerah-daerah yang ketinggalan mengalami penuaan populasi, pengangguran dan kemerosotan nilai perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Justeru, kerajaan negeri perlu lebih giat berusaha agar pembangunan ekonomi negeri, tidak hanya tertumpu di pusat bandar seperti Kuantan, tetapi lebih menyeluruh sehingga ke kawasan pedalaman bagi memastikan pembangunan negeri lebih menyeluruh dan seimbang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Dalam titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Baru-baru ini juga Tuanku telah memberikan suatu teguran, yang jelas *dan signifikan* berkaitan keperluan mempercepat serta memudahcara urusan kemasukan pelaburan ke negeri Pahang. Titah tersebut perlu dipandang serius oleh seluruh jentera pentadbiran negeri, kerana pelaburan adalah nadi penting kepada pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan peningkatan hasil negeri. Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku telah menggesa supaya proses kelulusan tanah, serta urusan berkaitan pelaburan dipermudahkan khususnya kepada syarikat-syarikat, syarikat-syarikat yang berdaya saing mempunyai rekod yang baik serta mempunyai komitmen tulen untuk melabur di

negeri ini. Saya berpandangan teguran tersebut amat tepat pada masanya. Hari ini persaingan antara negeri-negeri dalam menarik pelabur sangat sengit. Pelabur akan memilih negeri-negeri yang mempunyai sistem pentadbiran yang cekap, proses yang jelas, pantas serta mesra pelaburan. Sekiranya proses terlalu panjang, birokrasi terlalu rumit atau keputusan mengambil masa yang lama, kita bimbang pelabur akan beralih ke negeri lain, walaupun hakikatnya Pahang mempunyai kelebihan besar dari sudut keluasan tanah, sumber asli, logistik dan kedudukan yang strategik.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Namun dalam keghairahan menarik pelaburan, saya juga ingin menegaskan bahawa proses pemudahcara ini, mestilah dilaksanakan dengan penuh integriti dan ketelusan. Kita tidak mahu tanah negeri diberikan kepada pihak, yang hanya mahu membuat spekulasi memegang tanah tanpa pembangunan sebenar ataupun menjadikan kelulusan tanah hanya sebagai *instrumen* keuntungan jangka pendek semata-mata. Sebab itu, titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku sangat jelas. Keutamaan perlu diberikan kepada syarikat, yang benar-benar mahu melabur, mencipta peluang pekerjaan, membawa teknologi baru serta memberi manafaat langsung kepada rakyat negeri Pahang. Kerajaan negeri perlu mewujudkan mekanisme pemantauan yang lebih tegas supaya mana-mana syarikat yang gagal memulakan projek dalam tempoh yang munasabah boleh dikenakan tindakan sewajarnya termasuklah penilaian terhadap kelulusan yang telah diberikan. Selain itu, saya mencadangkan supaya diwujudkan satu sistem *fast track* yang telus bagi pelaburan strategik yang memberi impak tinggi kepada negeri khususnya dalam sektor

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Boleh saya minta laluan untuk temuan rakan saya sebenarnya Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu proses *fast track* untuk pelaburan yang bernilai tinggi. Kami ada kriteria untuk mengukur sama ada pelaburan tersebut layak untuk menerima layanan *fast track* iaitu antara kriterianya jumlah pelaburan, pemindahan teknologi dari segi peluang perkerjaan dan sebagainya sudah ada dan sehingga kini 42 projek telah dikenalpasti sebagai projek besar yang layak untuk menerima layanan *fast track* untuk makluman rakan-rakan.

(ADUN KUALA SEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Kerajaan, saya sekali lagi saya ulang balik terima kasih lah walaupun kita dah ada apa yang saya sebutkan tadi, jadi sistem fast track ini perlu bagi pelaburan strategik untuk memberi impak tinggi kepada negeri khususnya dalam sektor teknologi hijau, industri hiliran, agro-makanan moden, tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi digital. Sekiranya perkara ini telah dilaksanakan dengan baik saya yakin Pahang mampu muncul sebagai destinasi pelaburan utama di Pantai Timur malah antara negeri yang terbaik di Malaysia. Yang paling penting manfaat pelaburan tersebut mesti akhirnya dirasai oleh rakyat melalui peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan pembangunan kawasan setempat yang lebih menyeluruh dan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar-bandar utama seperti di Kuantan sahaja. Yang Berhormat Timbalan yang Dipertua, saya beralih kepada beberapa isu setempat di kawasan saya N.32 Kuala Semantan. Sebagai kawasan yang mempunyai potensi besar dan sedang berkembang. namun rakyat masih berhadapan dengan beberapa masalah yang memerlukan perhatian berterusan daripada kerajaan Negeri.

Yang Pertama infrastruktur jalan. Masih terdapat jajaran jalan raya, jalan kampung dan jalan perhubungan yang memerlukan naiktaraf dan penyelenggaraan segera dan berkala. Ada yang rosak, berlubang dan berbahaya terutama ketika musim hujan. Antaranya jajaran jalan raya C125 dari Simpang Kampung Charuk Puting melalui Pamah Kasih terus ke Jambatan Al-Sultan Abdullah menyeberang ke Daerah Bera. Jalan ini telah menjadi laluan utama ramai pengguna kerana terdapatnya jambatan baru tersebut. Begitu juga jajaran jalan raya C119 yang ni saya acap kali ulang dalam beberapa sidang yang lalu dari Bandar Temerloh melalui Kampung Bangau Tanjung, Kampung Lubuk Kawah, Kampung Bukit Tingkat sehingga ke Simpang Lubuk Kawah dan jalan-jalan susur di tepian Sungai Pahang di Kampung Tebal, Kampung Tanjung Batu, Kampung Bangau Parit, Kampung Teluk Mengkuang, Kampung Teluk Ira sehingga bersambung ke Jalan 1533 yang menghubungkan ke Berhala gantang Kampung Bintang hingga ke Kampung Sanggang Seberang.

Jajaran jalan jalan yang disebutkan ini sering kali rosak dan berlubang akibat paip pecah menyebabkan yang permukaan jalan menjadi berlubang dan berlekuk lekir akibat penyelenggaraan yang agak lewat dan masalah penyelarasan di antara agensi yang terlibat. Bila paip pecah di bawah jalan, jalan rosak selepas paip dibaiki, berlaku tarik tali di antara agensi. PAIP kata di bawah pengawasan JKR. JKR kata ianya adalah di bawah PAIP. Yang menanggung kesan adalah penduduk setempat yang merupakan pengguna harian di jalan jalan tersebut. Masalah yang kedua, masalah paip uzur dan sering pecah yang mengakibatkan terputus bekalan air kepada penduduk sekitar. Ini sering berlaku di jajaran jalan-jalan yang saya sebut kan tadi dan semakin kerap berlaku sejak akhir-akhir ini, kerana paip ini makin uzur dan semakin tua. Adalah diharapkan pihak Kerajaan Negeri dapat menyegerakan penggantian dan penjajaran semula rangkaian paip lama dan uzur ini selain daripada dapat menyelesaikan masalah bekalan air yang terputus.

Ianya juga dapat memastikan penyelenggaraan jalan yang lebih berkesan di tempat jajaran jalan-jalan yang saya utarakan di atas. Sudah pasti dalam masa yang sama juga ia dapat mengurangkan kehilangan air terawat dengan izin non-revenew water. Masalah yang ketiga, ini masalah akhir-akhir ni banyak berlaku di kampung-kampung dan juga di taman-taman dalam kawasan Dun Kuala Semantan iaitulah masalah haiwan perosak terutamanya kera dan monyet yang begitu berleluasa di kampung-kampung menyebabkan hasil tanaman, buah-buahan seperti durian, pisang dan sayur-sayuran yang diusahakan oleh penduduk di kebun-kebun kadang kala di sekeliling rumah habis dimusnahkan dan tidak dapat dituai hasilnya oleh penduduk.
Begitu juga dengan masalah anjing liar yang begitu banyak berkeliaran di kawasan taman-taman perumahan dan kampung-kampung yang boleh mendatangkan bahaya kepada penduduk. Mohon pihak berkuasa dapat menggerakkan tindakan bagi mengatasi masalah-masalah ini terutamanya kepada pihak-pihak berkuasa berkaitan agar dapat bertindak dengan segera apabila menerima laporan daripada penduduk-penduduk terbabit di satu-satu kawasan penempatan yang terlibat. Yang Berhormat Timbalan yang Dipertua, dalam Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang tempoh hari juga terdapat satu teguran yang pada saya cukup bermakna dan perlu dihayati oleh seluruh jentera pentadbiran negeri serta agensi-agensi di peringkat akar umbi.

KDPM Tuanku bertitah, jangan sehingga masalah longkang sekolah, anjing liar, benteng pecah dan tebang pokok pun sampai kepada saya. Pada hemat saya, titah tersebut membawa mesej yang sangat mendalam. ia menunjukkan betapa prihatinnya KDPM Tuanku terhadap nadi rakyat sehingga perkara-perkara kecil yang berlaku di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan dan jabatan berkaitan. Akhirnya

sampai kepada perhatian Tuanku sendiri. Sedangkan perkara seperti longkang tersumbat, anjing liar, benteng rosak dan pokok berisiko tumbang sepatutnya dapat diselesaikan lebih awal oleh agensi yang bertanggungjawab tanpa perlu menunggu aduan menjadi besar atau sampai ke pengetahuan Institusi Diraja. Titah tersebut sebenarnya merupakan peringatan tegas bahawa sistem penyampaian Kerajaan mesti lebih responsif cepat bertindak dan benar-benar turun melihat masalah rakyat di bawah. Yang Berhormat Timbalan yang Dipertua, saya melihat perkara ini dari sudut polisi pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini, kita perlu mengakui bahawa dalam keadaan sekarang ruang kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan wakil rakyat Pembangkang adalah agak terbatas. Sedangkan wakil rakyat pembangkang juga dipilih secara sah oleh rakyat melalui proses demokrasi. Mereka membawa suara rakyat di kawasan masing-masing dan menerima pelbagai aduan berkaitan isu setempat saban hari. Apabila ruang kerjasama adalah terbatas, maka banyaklah masalah rakyat menjadi lambat diselesaikan kerana saluran komunikasi dan tindakan tidak bergerak secara menyeluruh. Akhirnya perkara-perkara kecil yang sepatutnya boleh diselesaikan di peringkat daerah, pihak berkuasa tempatan atau jabatan akhirnya menjadi isu besar dan sampai ke perhatian pihak tertinggi termasuklah kepada Institusi Diraja.

Sebab itu saya berpandangan Titah KDPM Tuanku ini wajar dijadikan muhasabah bersama kepada seluruh sistem pentadbiran negeri supaya lebih terbuka dalam soal kerjasama dan rentas politik demi kepentingan rakyat. Masalah rakyat sebenarnya tidak mengenal parti politik. Longkang tersumbat tidak memilih penyokong kerajaan atau pembangkang. Anjing liar tidak melihat warna politik. Benteng pecah tidak berlaku mengikut kawasan parti politik tertentu. Maka pendekatan pentadbiran juga perlu lebih matang, inklusif dan berorientasikan penyelesaian. Penafian penglibatan kami dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, satu-satunya ruang mesyuarat pengurusan yang diberikan kepada kami untuk terlibat di awal penggal yang lalu namun akhirnya semua kami dinafikan untuk terlibat dalam mesyuarat tersebut. Saya percaya sekiranya wakil rakyat diberi ruang kerjasama yang lebih baik dengan agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui polisi negeri yang lebih terbuka, banyak masalah rakyat dapat diselesaikan lebih awal dan segera sebelum menjadi rungut…rungutan besar kepada rakyat. Akhirnya yang mendapat manafaat tentulah rakyat negeri Pahang sendiri. Selaras dengan semangat Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku yang mahu Kerajaan sentiasa peka, dekat dan cepat bertindak terhadap masalah rakyat di bawah.

Sekian ucapan saya, saya menyokong penuh dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas Titah ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Terima kasih. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, wakil dari Kuala Semantan. Memandangkan masa masih awal lagi, jadi saya memberi peluang lagi kepada 3 Wakil Rakyat… tiga…tiga Ahli untuk mengambil bahagian. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Dilantik, sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyertai perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang disempurnakan oleh Kebawah

Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Dalam Titah ucapan baginda, Baginda telah menzahirkan pandangan agar Kerajaan Persekutuan menarik balik sekatan menjual sumber pasir sungai ke luar negara. Ampun Tuanku, patik menjunjung pendirian ini kerana pengurusan pasir sungai memang merupakan hak Kerajaan Negeri secara hakiki. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan tidak seharusnya melucutkan hak ini dengan pemakaian undang-undang yang bercanggih… yang bercanggah dengan prinsip pemisahan kuasa yang disusun rapi oleh sistem federalisma.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda juga menyentuh… menyentuh tentang imbuhan yang sepatutnya ditawarkan kepada negeri Pahang kerana pengorbanan mewartakan Hutan Simpan Kekal. Pada hakikatnya, Pahang telah berkorban dan berbakti untuk menjayakan program perlindungan alam sekitar, pemeliharaan flora dan fauna serta keseimbangan ekologi dan geografi. Dalam sidang pembentangan Belanjawan Disember tahun lalu, saya telah menimbulkan isu *carbon credit* dengan izin, *Carbon credit* adalah ukuran keupayaan satu ekar Hutan Simpan Kekal menggantikan kehilangan oksigen dalam tempoh masa satu tahun. Dengan memakai kaedah ini dan membuat kiraan yang paling konservatif dengan tanda harga 5 US Dolar per *carbon credit,* jumlah Hutan Simpan Kekal dalam negeri Pahang boleh menghasilkan *carbon credit* bernilai RM77 juta setahun. Penjelasan terperinci mengenai isu ini telah dinyatakan dalam rekod hansard saya. Saya tidak perlu mengulangi penjelasan yang paling… yang panjang lebar. Walau bagaimanapun, saya perlu…. saya tetap berharap susulan ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda dalam Dewan Yang Mulia, Kerajaan Negeri dapat membentuk pasukan pakar untuk meneliti isu imbuhan Hutan Simpan Kekal secara sungguh-sungguh mengguna pakai kaedah *carbon credit*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Kita semua hidup dalam zaman yang perit dan malang akibat perbuatan rakyat Amerika mengangkat seorang Presiden yang suka mencetuskan huru hara dan pergolakan global. Setelah dilantik… dilanda tarif timbal balik akibat perbuatan Presiden Trump tidak lama dahulu, dunia ini sekali lagi diserang dan ditekan oleh krisis tenaga. Malaysia sebuah negara yang mencintai keamanan dan mendukung prinsip berkecuali dalam hubungan dunia dan serantau. Kita langsung tidak berdosa tetapi dipaksa menanggung akibat buruk daripada dasar peperangan Amerika Syarikat seperti negara-negara lain. Krisis tenaga akibat konflik ketenteraan Timur Tengah mencetuskan kenaikan kos sara hidup secara menyeluruh dan kemungkinan terus menular dan merebak. Keadaan cukup membimbangkan tetapi tiada siapa yang boleh mengkekang tingkah laku Presiden Trump bertindak mengikut nafsu dan hasad dengki semata-mata. Tingkah laku Trump menyerupai watak raja jahat dalam filem *James Bond* 007 tetapi tidak wujud watak *James Bond* untuk memusnahkan *Trump*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Krisis tenaga telah mencetuskan perbincangan hangat mengenai Keselamatan Tenaga atau *Energy Security*. Kerangka Dasar Tenaga Negara paskal krisis tenaga hendaklah diolahkan secara rapi untuk memastikan bekalan serta harga tenaga sentiasa stabil dan mencukupi. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan Kerajaan terus mempromosikan pemilikan kereta elektrik untuk mengurangkan pergantungan diesel dan petrol. Di samping itu, sumber-sumber tenaga alternatif

khususnya penjanaan tenaga solar, biodiesel wajib diangkat dan diperhebatkan dengan dasar-dasar pakej insentif dan potongan cukai yang lebih menarik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima aduan daripada penduduk Kampung Baru Cina yang sedang memohon pelanjutan hak milik Pajakan kepada 99 tahun. Dalam satu kes yang yang diterima, seorang pemohon yang memohon pelanjutan tempoh tapak rumah seluas 1,230 kaki persegi diminta membayar harga tanah sebanyak RM6,636, kompaun sebanyak RM28,800 sebelum permohonan boleh dipertimbangkan. Apabila kesemua bil bayaran diambil kira, maka satu kaki persegi tapak rumah bernilai RM28.45. Harga keseluruhan melambung sehingga RM35,000. Perlu ditegaskan ini tapak rumah seluas 1,230 kaki persegi bukan tanah komersial. Saya berpendapat ianya sangat membebankan para penduduk. Oleh yang demikian, saya ingin memohon jasa baik dan simpati Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melihat semula bayaran yang dikenakan dan mengurangkan bayaran mereka… premium pelanjutan tempoh kepada tahap yang lebih melegakan rakyat ramai. Mereka sangat dahagakan sekeping tapak rumah sekian lama. Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mereka menaruh harapan penuh.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Rakyat Pahang tidak sabar-sabar menunggu pembukaan Rel Kereta Api Pantai Timur atau ECRL tidak lama lagi. Sementara itu, berita melaporkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang mengusahakan kuota penumpang yang lebih banyak bagi menampung keperluan rakyat negeri Pahang. Saya ingin memuji tindakan awal Yang Amat Berhormat Menteri Besar memperjuangkan kuota perkhidmatan penumpang bagi rakyat Pahang. Mengikut jangkaan umum, pasaran laluan Kuantan - Kuala Lumpur akan menjadi titik fokus penumpang khusus… khususnya pada tempoh kemuncak permintaan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kekerapan perkhidmatan laluan Kuantan-Kuala Lumpur dipertingkatkan sewaktu kemuncak permintaan harian dan juga musim bercuti. Tambahan lagi, perkhidmatan laluan pendek pantas antara Kuala Lumpur - Bentong harus disediakan mengikut keperluan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman krisis tenaga, ECRL boleh bertindak mengurangkan kos pengangkutan penumpang dan kargo, jika struktur caj direka bentuk dengan baik dan berpatutan. Dalam persidangan Dewan bulan April tahun yang lalu, saya pernah menimbulkan isu struktur tiket penumpang dan caj kargo. Walau bagaimanapun, belum mendapat apa-apa jawapan yang jelas. Oleh yang demikian, saya berpendapat sudah tiba masanya penetapan struktur tiket penumpang dan caj kargo disegerakan dan mudah- mudahan keputusan akhir boleh memuaskan citarasa semua pemegang taruh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lalu, Pahang telah menarik perhatian ramai apabila menjuarai Indeks Perpaduan Nasional atas kejayaan melaksanakan dasar pemerintahan paling muhibah mengikat hubungan rentas kaum, harmoni dan seimbang. Tidak ramai yang menjangka Pahang dapat mengatasi negeri-negeri pantai barat yang lebih majmuk, demografi dan maju ekonominya. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Exco yang bijaksana.

Saya berharap kita boleh mengekalkan tingkah laku pemerintahan dasar pentadbiran untuk terus menjuarai Indeks Perpaduan Nasional pada tahun-tahun akan datang. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pemilik kenderaan komersial di sekitar

Temerloh, Bera dan Jerantut kerap menyuarakan rungutan Puspakom yang sedia bersaiz kecil dan tidak boleh mengendalikan pemeriksaan bagi kenderaan melebihi muatan 7.5 metrik ton melebihi (3.5) 7500 kg la. Tambahan lagi, temujanji pemeriksaan kenderaan boleh menelan masa melebihi 1 minggu, kadang- kadang 2 minggu, 1 tempoh yang boleh mengganggu kelancaran perniagaan, saya telah meneliti aduan ini secara dekat dan mendapati rungutan mereka perlu dilayan dan diselesaikan. Oleh yang demikian, saya ingin memohon jasa baik, Yang Amat Berhormat Menteri Besar memajukan permintaan kepada Kementerian Pengangkutan agar satu pusat Puspakom baru dengan *spec* spesifikasi penuh dibina di sekitar Temerloh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata di atas saya ingin menjunjung kasih dan menyokong titah ucapan diraja yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Ahli yang dilantik. Seterusnya saya menjemput ahli dari Pulau Tawar. Sila.

(ADUN PULAU TAWAR – N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. (Dalam Bahasa Arab) Alhamdulillahi Rabbi Alamin Wassolatu Wassalamu ala Israfil Ambia hiwa ala alihi Wasohbihi Ajmain. Pertama, terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker di atas kebenaran untuk saya berbahas pada petang ini. Pertamanya, patik menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang di atas sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang ke-15 Yang Berhormat Speaker,Err… pertamanya saya menyentuh perkara berkait dengan Er… dalam titah Tuanku ada menyebut peranan pembangkang Err… sebagai semak dan imbang secara konstruktif. Ini adalah satu pengiktirafan kepada pembangkang sebagai kedudukan yang berperanan jelas. Antara peranan pembangkang dalam dewan ini. Pertamanya, pembangkang memantau dasar dan tindakan kerajaan dan pastikan ianya berjalan dengan telus. Yang Ke-2 kritikan yang membina dan berfokus kepada isu rakyat dan ekonomi. Ke-3, mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu yang berbangkit. Ke-4 memastikan kepentingan rakyat diutamakan dalam setiap perbincangan. Dan inilah yang sedang telah dan sedang kami buat dan saya kira kami ni pembangkang yang cukup beradab dan sangat menjaga tutur kata dalam setiap perbahasan yang kami utarakan. Insya-Allah setelah kami biasa dengan perkara ini 1 hari nanti, kami pula yang akan memimpin kerajaan satu masa nanti. Insya-Allah.

Yang Berhormat Speaker. Perkara Ke-2 yang saya nak sentuh adalah, berkaitan dengan Err… persekitaran digital yang selamat khasnya khasnya buat kanak-kanak. Kanak- kanak terdedah mengikuti pencipta kandungan yang menyebarkan maklumat palsu atau pencipta kandungan yang menggalakkan tingkah laku berisiko bahaya dan tidak sihat. Kanak- kanak juga terdedah kepada kandungan berbahaya seperti penipuan, keganasan, buli siber dan sebagainya. Pendedahan berlebihan video pendek dan kandungan yang melibatkan pelbagai deria juga menimbulkan kebimbangan tentang masalah tumpuan bagi kanak-kanak kecil dan lebih menggusarkan kita adalah jumlah masa yang semakin banyak dihabiskan dalam talian oleh anak-anak. Kadang-kadang, anak kecil ini seusia 2 tahun ataupun 3 tahun mereka dah banyak menghabiskan masa dengan dalam talian. Yang Berhormat Speaker, kita sekarang ini hidup dalam 2 keadaan iaitu zaman keadaan fizikal dan maya. Dulu kita hidup keadaan fizikal sahaja. Kini kita berada di 2 keadaan fizikal dan

maya. Walaupun fizikal kita tidur rehat pada malam hari, tapi alam maya ini tidak pernah rehat dan tidak tidur. Justeru, kerajaan perlu bertindak mendidik masyarakat tentang keselamatan digital khasnya kepada kanak-kanak kecil ini manakala ibu bapa juga perlu memupuk tabiat digital sihat dalam diri anak-anak mereka.

Dari segi perundangan, kita ada undang undang dan dasar keselamatan digital utama seperti yang pertama Akta Keselamatan Dalam Talian tahun 2025. ONSA, Ke-2 Akta Keselamatan Siber tahun 2024, yang Ke-3 Akta Perlindungan Data Peribadi tahun 2010. Namun, walaupun kita ada akta-akta terbabit tetapi pendidikan awam juga perlu dititikberatkan. Justeru, kerajaan harus terus memperkasakan pendidikan keselamatan digital ini seperti berikut. Melengkapkan individu dengan tabiat digital yang sihat, selamat dalam talian secara proaktif mendekati ibu bapa membangunkan program bersemuka seperti bengkel, bekalkan ibu bapa dengan kemahiran membimbing anak yang, Ke-3 mencetuskan usaha seluruh masyarakat untuk menyokong keibubapaan dalam era digital. Inilah cabaran yang kita ibu bapa dan juga anak- anak era ini hadapi pada ketika ini. Kita tidak menolak digital tetapi keselamatan kepada keselamatan kepada anak-anak kecil ini perlu kita pandang serius kerana mereka membesar zaman ini dan 5 atau 10 tahun lagi mendatang kita tak tahu bagaimanakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh anak-anak ini? Justeru, kerajaan perlu serius dan memberi tekanan yang cukup, cukup kuat kepada perkara ini supaya dalam masa kita sama membangun negara kita taknak dalam masa sama anak-anak kita ini dibebankan dengan cabaran cabaran yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Speaker. Perkara yang seterusnya saya nak sentuh adalah perkara yang berkait rapat dengan isu-isu setempat. Yang pertama adalah pada tarikh 2 April 2026. Saya ada berhubung dengan pihak JKR mengadu tentang masalah jalan di Jalan Persekutuan Utama, Jengka Utara Barat FT0083 iaitu jalan berhampiran dengan jambatan Felda Jengka 8. Jalan daripada Jengka 8 ke Bandar Pusat Jengka. Jalan ini sangat membahayakan pengguna kerana ia telah rosak teruk di sebelah kiri dan khususnya pada pengguna motosikal yang menggunakan jalan ini seharian. Maka, saya telah maklumkan masalah ini pihak terbabit dan jawapan yang diterima adalah kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan setelah peruntukan diterima. Tetapi buat masa ini hanya dipasang papan tanda amaran di kawasan tersebut. Mungkin Yang Berhormat Exco boleh meneliti perkara ini untuk dipercepatkan peruntukan bagi menyelesaikan masalah jalan rosak di berhampiran dengan Jalan Felda Jengka 8 terbabit.

Yang ke-2 isu setempat yang saya nak utarakan di sini adalah, baru-baru ini pada 1 Mei, pagi, 1 Mei berlaku satu insiden iaitu isu gajah liar yang masuk menceroboh di kawasan sekitar Kampung Bukit Rang, memusnahkan ladang kelapa sawit. Sebahagian penduduk di situ mengadu dan juga merosakkan ladang nenas kontan yang diusahakan oleh penduduk kampung dan ini mengakibatkan penduduk rasa risau kerana gajah yang berkeliaran itu berisiko pergi ke perumahan mereka dan membahayakan nyawa mereka yang seharian berada di kampung terbabit. Ini 2 isu yang saya kira mungkin menjadi perhatian pihak kerajaan. Mudah-mudahan isu ini boleh diselesaikan di peringkat kerajaan dengan lebih cepat dan saya kira 2 isu yang saya bangkitkan tadi adalah mungkin mendapat perhatian yang cukup segera oleh pihak kerajaan. Cuma saya nak bertanya kepada Yang Berhormat yang akhirnya lah, Exco FELDA. Adakah adakah terdapat kalangan anak peneroka ini yang telah diberikan diberikan nama sebagai peserta STRF tadi? Adakah mereka telah membayar premium ke pejabat tanah? Adakah mereka telah membayar premium ke pejabat tanah dengan amaun tertentu dan jika mereka telah membayar premium ke pejabat tanah, bilakah proses seterusnya untuk mereka dapat notis yang sepatutnya

dan mungkin pihak Yang Berhormat Exco boleh menjawab isu tersebut dalam penggulungan nanti. Baik, sekian sahaja ucapan saya pada petang ini. Er... Pulau Tawar menjunjung titah Tuanku. Sekian, Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tawar. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Tanah Rata. Sila.

(DUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat - Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, salam sejahtera, salam Pahang 1st. Saya merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas titah diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang.

Pertama sekali, izinkan saya merakamkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mencatat pencapaian yang membanggakan dengan memperoleh kutipan hasil negeri sebanyak lebih daripada 1 billion untuk 4 tahun berturut-turut. Dengan adanya pencapaian yang membanggakan ini, pelbagai inisiatif boleh disalurkan dan membantu rakyat. Yang terbaru ini, Yang Amat Berhormat juga telah er... mengumumkan bahawa RM15,000.00 disalurkan kepada setiap DN bagi tujuan mengagihkan bakul makanan kepada keluarga yang terkesan terutamanya akibat daripada konflik Timur Tengah. Saya berpendapat bahawa inisiatif sebegini sangat bermakna dan membantu. Dan ia juga menunjukkan bahawa kerajaan perpaduan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat komited untuk membantu mengurangkan beban rakyat dan bersama-sama mengharungi cabaran geopolitik yang luar biasa ini.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa isu penting yang dekat dengan denyut nadi rakyat. Pertama sekali, izinkan saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini isu pertanian dan keterjaminan makanan yang juga menghadapi cabaran yang besar akibat daripada konflik geopolitik. Kita sedia maklum bahawa sektor pertanian merupakan antara tulang belakang ekonomi negeri Pahang termasuk kawasan Cameron Highlands yang merupakan pengeluar utama sayur-sayuran dan hasil pertanian. Namun begitu, para pekebun kini berdepan dengan peningkatan kos operasi yang semakin meningkat terutamanya melibatkan penggunaan diesel. Keadaan ini sebenarnya juga bertambah membimbangkan apabila harga baja kimia juga meningkat. Malahan ada laporan yang mengatakan bahawa walaupun konflik Timur Tengah berhenti sekarang pun, harga baja kimia mungkin akan kekal tinggi sehingga tahun 2027. Hal ini demikian kerana kawasan Timur Tengah sebenarnya adalah amat strategik dan tidak boleh diganti dengan er... tidak boleh diganti dalam perdagangan baja global. Contohnya bagi *urea*, eksport dari rantau tersebut menyumbang lebih 33 ribu, 33% daripada jumlah global. Bagi ammonia hampir 25%. Bagi sulfur iaitu bahan mental kritikal untuk pengeluaran baja fostat fosfat dengan kira-kira 50% daripada perdagangan global juga perlu melalui *Strait of Hormuz*.

Bagi penggunaan diesel dalam sektor pertanian. Ia bukan sahaja melibatkan kenderaan pacuan 4 roda 4x4 tetapi juga penggunaan mesin dan jentera pertanian moden. Saya sendiri baru-baru ini telah melawat ke beberapa kebun yang sebenarnya telah mula menggunakan teknologi moden iaitu teknologi *steamer*. Tujuannya adalah

untuk mensterilkan tanah dan juga sabut kelapa ataupun *coconut coir* untuk tujuan membasmi kuman. Teknologi ini adalah sangat baik dan sangat canggih. Ia adalah sangat mesra alam kerana membantu mengurangkan kebergantungan kepada racun serangga serta mengelakkan pembaziran sabut kelapa. Namun begitu, penggunaan diesel bagi mesin ini sebenarnya adalah amat tinggi. Saya dimaklumkan bahawa kos penggunaan diesel bagi jentera tersebut boleh mencecah lebih daripada RM1,500.00 sebulan. Kerana penggunaan diesel sekali adalah 100 liter bagi 2 jam dan digunakan 2 hingga 3 kali seminggu. Walaupun kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian telah memperkenalkan Bantuan Budi Diesel sebanyak RM400.00 sebulan, ia sangat membantu tetapi saya juga ingin mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri Pahang boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan bantuan yang bersasar tambahan dan diberikan kepada petani berdasarkan penggunaan sebenar jentera dan mesin pertanian yang lebih moden.

Langkah ini saya percaya sangat penting kerana ia dapat membantu untuk memperkenalkan teknologi pertanian moden, mesra alam dan juga boleh terus membantu untuk meningkatkan tahap keterjaminan makanan. Kedua, Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri untuk menawarkan pakej rangsangan ekonomi dan khas bagi sektor pertanian demi mengharungi cabaran yang dibawa oleh konflik Timur Tengah ini. Antara nya saya mohon Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan *moratorium* bagi bayaran sewa tanah Pahang *Corporation* serta memberi pengecualian kepada denda yang disebabkan oleh bayaran yang lewat bagi membantu para pekebun yang terkesan dalam beberapa bulan ini. Pada masa yang sama, kadar sewa tanah pertanian Pahang Corporation sebanyak 4,500 ekar ditambah dengan faktor-faktor seperti kos baja yang meningkat, bekalan baja yang berkurangan dan harga diesel yang melambung tinggi. Ramai pekebun berdepan dengan tekanan kewangan yang semakin serius. Jadi, saya berpandangan bahawa pengurangan kadar sewaan tanah ataupun *moratorium* sementara ini boleh dilihat sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi. Ia juga akan membantu meringankan beban pekebun dan juga menjadi sokongan institusi supaya pekebun terus menghasilkan bekalan makanan demi keterjaminan makanan negeri Pahang dan negara.

Yang Berhormat Speaker, ketiga, saya ingin mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan dari sudut tatakelola pentadbiran Kerajaan Negeri supaya sistem penyampaian kerajaan terus diperkukuh. Pertamanya, kita lihat bahawa syarikat berkaitan Kerajaan Negeri *State* GLC sebenarnya mencatat pencapaian yang sangat membanggakan dan turut menyumbang kepada hasil Kerajaan Negeri dan juga pembangunan ekonomi negeri Pahang. Saya cadang bahawa laporan tahunan bagi *state* ini seperti Pahang *Corporation* dan sebagainya wajar diberi *access* yang lebih meluas kepada Ahli Dewan Negeri sama ada melalui pembentangan di Dewan, penyediaan salinan rasmi kepada ADUN ataupun dibuka secara atas talian. Langkah ini akan membantu Wakil Rakyat dan masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam operasi hala tuju, pelaporan, prestasi kewangan serta cabaran yang dihadapi oleh *State GLC* ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan agar Ahli Dewan Negeri kawasan diberikan ruang untuk terlibat sebagai ahli mesyuarat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah. Melalui penglibatan ADUN dalam jawatankuasa, pandangan dan maklum balas rakyat boleh disampaikan dengan lebih telus dan tersusun kepada pihak pentadbiran daerah dan juga memastikan bahawa keputusan yang dibuat mengambil kira realiti dan keperluan sebenar masyarakat di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Speaker,

Keempat, saya ingin menyentuh isu sektor pendidikan di daerah Cameron Highlands. Saya ingin menyatakan sokongan penuh terhadap cadangan dan permohonan yang dibuat oleh Pejabat Pendidikan Daerah Cameron Highlands untuk membina sebuah kolej vokasional di Cameron Highlands. Saya percaya bahawa kewujudan kolej ini akan membuka peluang yang lebih banyak kepada anak muda untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran dan teknikal sekaligus meningkatkan mutu pendidikan serta kebolehpasaran graduan tempatan. Saya juga menyeru agar kerajaan mempertimbangkan dan mengkaji untuk membina Sekolah K9 dan K11 di Cameron Highlands. Langkah ini semestinya akan menggalakkan murid khususnya daripada masyarakat Orang Asli untuk terus belajar menimba ilmu dan mengurangkan kadar keciciran pendidikan.

Yang Berhormat Speaker,

Kelima, saya ingin menyentuh mengenai keputusan er… taksiran ganti rugi bagi kes banjir Lembah Bertam, Cameron Highlands yang baru diumumkan pada 5 Mei 2026. 13 tahun selepas tragedi banjir berlaku di Lembah Bertam, Cameron Highlands. Akhirnya, Mahkamah Tinggi telah memus er… memutuskan taksiran ganti rugi sebanyak RM4.74 juta oleh TNB kepada er… kepada 100 orang mangsa tragedi banjir tersebut. Saya merakamkan rasa syukur kerana akhirnya keadilan dapat ditegakkan buat mangsa-mangsa yang sekian lama telah menanggung penderitaan walaupun masih terdapat ruang untuk rayuan, saya berharap bahawa semua pihak termasuk er…TNB boleh mengambil pendekatan yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan memandangkan mangsa-mangsa telah kehilangan harta benda dan juga nyawa ahli keluarga akibat daripada tragedi tersebut dan saya berharap segala proses dan prosedur dapat dipercepatkan demi kebajikan mangsa dan kesejahteraan masyarakat tempatan. Pada masa yang sama saya percaya bahawa kes ini seharusnya menjadi iktibar kerana ia adalah *landmark* kes dengan izin, bahawa aspek pengendalian dan pengawasan infrastruktur awam khususnya empangan amat penting demi menjamin keselamatan awam er… nyawa rakyat. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mengkaji keperluan untuk menggubal satu undang-undang khas berkaitan dengan pengendalian dan keselamatan empangan supaya tragedi seumpama ini tidak berulang lagi.

Keenam, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Atlet Cameron Highlands Berenang kerana telah berjaya menduduki tempat ketiga keseluruhan dalam Pertandingan Renang MSSP lebih membanggakan, empat orang atlet dari Cameron Highlands telah dipilih untuk mewakili Negeri Pahang ke er… pertandingan MSSM. Ini membuktikan bahawa sukan renang di Cameron Highlands semakin berkembang dan berjaya melahirkan atlet-atlet yang kompeten. Kedudukan Cameron ketiga, er… selepas itu er… Temerloh dan selepas itu Kuantan. Sehubungan itu, saya sekali lagi memohon agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan pembinaan kolam renang di Cameron Highlands. Sebelum ini, Jabatan Belia dan Sukan bersama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands pernah mencari tapak yang berpotensi namun lokasi tersebut akhirnya didapati kurang sesuai. Jadi, saya berharap bahawa inisiatif ini tidak dihentikan begitu sahaja dan boleh diteruskan demi bersama-sama membangunkan sukan tersebut di Cameron Highlands untuk mencungkil lebih ramai anak muda yang mampu mengharumkan nama negeri Pahang pada masa depan.

Yang Berhormat Speaker,

Ketujuh, saya merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah dinobatkan sebagai negeri tempat pertama dalam indeks perpaduan nasional yang membuktikan dengan jelas bahawa negeri Pahang adalah negeri paling kukuh dalam menjamin perpaduan dan keharmonian rakyat di Malaysia. [Ahli Dewan menepuk meja] Oleh itu, saya percaya bahawa semua pihak sama ada kerajaan atau pembangkang harus sangat berbangga dengan pencapaian ini dan juga mengelakkan daripada sebarang tindakan atau kenyataan yang berpotensi merosakkan perpaduan dan menjahanamkan keharmonian masyarakat majmuk contohnya, kenyataan janggal yang dikeluarkan oleh seorang Ahli Parlimen daripada sebelah sana seperti Lim Kit Siang merupakan sepupu kepada Lee Kuan Yew dan juga Chin Peng yang ini adalah satu kenyataan yang sangat berniat jahat dan menimbulkan rasa tidak puas hati juga ketegangan antara kaum. Kenyataan ini saya ada bukti kerana telah dibuktikan bersalah, adalah fitnah dan er… mahkamah telah memutuskan bahawa rayuan Ahli Parlimen tersebut gagal. Kos dan ganti rugi berjumlah RM800,000.00 lebih perlu dibayar kerana memfitnah pemimpin-pemimpin berkenaan. Baru-baru ini kita menyaksikan bahawa Menteri Kanan Singapura, Lee Hsien Loong mengadakan lawatan rasmi ke beberapa negeri termasuk Pahang dan juga Terengganu yang turut disambut baik oleh Menteri-Menteri Besar termasuk Yang Amat Berhormat. Tetapi kalau ikut logik Ahli Parlimen tersebut disebabkan Lee er… Lee Hsien Loong adalah anak kepada Lee Kuan Yew. Jadi Lee Hsien Loong mungkin adalah anak saudara kepada Chin Peng tetapi kerajaan sebelah sana juga menyambut Lee Hsien Loong dengan begitu baik dan meriah sekali.

Kita tidak nampak ada sebarang isu ataupun tentangan yang kuat daripada sebelah sana. Jadi saya rasa bahawa apabila kita membuat sebarang kenyataan, kita kena berhati-hati. Jangan sesekali memfitnah. Oleh itu, saya menyeru agar kita semua terus mempertahankan budaya politik yang profesional, menghormati kepelbagaian masyarakat dan bersama-sama kita memelihara keharmonian yang menjadi kekuatan utama Negeri Pahang. Keamanan dan perpaduan yang kita kecapi hari ini bukanlah sesuatu yang datang dengan mudah dan ia mesti dipelihara demi masa depan generasi yang akan datang. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Tanah Rata. Seterusnya, saya menjemput perbahasan yang terakhir pada petang ini wakil dari Luit, sila.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABDUL JALIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera Yang Berhormat er… Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dikasihi. Dalam perbahasan ini, pertamanya saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat terus bersama hadir er… dalam Sidang Dewan kali ini. Saya sepatutnya giliran saya hari esok, jadi minta petang ini. Patut pagi esok saya makan ubat suara sedap. [Ahli Dewan ketawa] Jadi suara tak berapa sedaplah, terpaksa jugalah demi rakyat cakap jugalah. [ketawa]

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan untuk er… ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas Titah Diraja pada 8 Mei yang lepas. Jadi saya nak terus merujuk kepada DN Luit saya la dan saya juga terutama merasa gembira dan berterima kasih kepada kakitangan kerajaan yang diketuai oleh Tuan Pegawai Daerah yang sedia er… baru juga ke Maran itu [batuk], kakitangan kerajaan, para kontraktor, pekerja swasta, pekerja-pekerja kebersihan, keselamatan dan lain-lain yang gigih melaksanakan tugas di kawasan saya yang menjadikan kawasan kita sebuah daerah yang sentiasa sejahtera dengan khidmat bakti mereka. Kita doakan menjadi ibadah di sisi Allah SWT.

Sejahtera ini Yang di-Pertua er… kita er… saya tengok dalam empat perkara sahaja sejahtera ini. Yang pertamanya, kita penduduk masyarakat ini kena berilmu er… kalau orang Islam itu, dia ilmu dunia ilmu akhiratlah. Yang keduanya, kena sihat er… ini faktor-faktor sejahtera dan yang ketiganya ada kerjaya. Orang kena ada kerja tempat kita ini kalau tak ada kerja itu yang panjat rumah orang tu. Dan yang keempatnya bersatu padu. Namun perbahasan saya kali ini saya ada dua tiga perkara nak sebut. Biasa saya sebut ucapan terima kasih je banyak. Tapi kali ni saya nak sebut perkataan lama sangat ye. Jadi saya nak mohon perhatian, pertimbangan dan tindakan dan jawapan yang tuntas daripada pihak kerajaan mengenai beberapa perkara berkaitan dengan kepentingan orang ramai di Luit. Yang pertamanya, bandar terbengkalai ataupun saya dalam dewan ini sebut bandar purba. Sebut lagi ya. Jadi perkara ini memang disebut beberapa kali dalam dewan dalam sidang yang lepas, cuma lama sangat untuk kami di Maran ini untuk melihat perkembangan dan hasil tindakan daripada pihak kerajaan. Kalau kita sebut dah naik hutan, tak tahulah ada dinosaur tak ada dalam itu pasal lama sangat.

Dan saya mengulangi perkara ini kerana kawasan tersebut sangat strategik dan terletak di pusat bandar Maran yang boleh dimanfaatkan untuk untuk pembangunan yang lain. Yang keduanya aduan-aduan dari pejabat ADUN Luit melalui surat yang saya kira lama sangat tidak mendapat maklum balas daripada pihak yang sepatutnya. Saya sebutkan sini dua tiga surat surat yang bertarikh 5 Februari yang baru 3 4 bulan lepas. Perkara permohonan baik pulih cerun berbahaya akibat tanah runtuh berhampiran atau di atas Lot 30713 Kampung Sentosa. Jadi, saya mohon perhatian, pertimbangan dan tindakan segera daripada pihak kerajaan kerana kawasan ini berisiko. Ada runtuhan tanah ini berisiko merebak ke kawasan kediaman yang berdekatan.

Yang keduanya ada dua surat kita buat dulu surat pertama bertarikh 20 November tahun 2023 sekarang 26 tiga tahun dan surat kedua 4 Ogos tahun 2025 perkaranya permohonan menaik taraf dan naik aras jalan di Kampung Luit iaitu kawasan ini berdekatan dengan Surau Hasanul Abrar, Hasanat Al-Abrar. Terdapat lebih 9 buah rumah yang berisiko putus hubungan bila hujan lebat dan air melempah ke atas jalan. Dan surat yang ketiganya 8 bulan November. Perkara perkara ini ialah status pendapatan rumah kilang dan kampung Bintang. Surat ini adalah suara kekuatiran lebih 25 keluarga yang nak tahu tentang status masa depan mereka.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ada beberapa perkara lagi saya nak ulang lagi dalam perbahasan kali ini. Pertamanya, projek tangki air di Kampung Pejing untuk bekalan air dari Kampung Pejing ke Kampung Kuala Wau dalam kawasan saya nak tahu status dia. Yang keduanya pembinaan sebuah tangki air jenis *reinforced konkrit reservoir* berkapasiti

2272 entry ataupun meter padu di pekan Sri Jaya. Sebab kalau merujuk pada sidang lepas baru *Design* Status *design stage*. Dan yang ketiganya Kampung Ulu Luit, kita nak tahu status tanah Masjid Kampung Ulu Luit. Kita mohon segerakan keluar geran bagi membolehkan pihak masjid membuat pagar kawasan tersebut dan berurusan dengan JAIP atau MUIP. Juga sama isu di Kampung Serengkam. Status tanah masjid di Kampung Serengkam yang bertindih dengan tanah sekolah telahpun kita rungkaikan. Jadi kita mohon agar percepatkan keluar geran bagi pihak berkenaan untuk mengambil tindakan seterusnya.

Seterusnya, Kampung Sentosa juga saya nak sebut sekali lagi. Kita mohon penambahbaikan persimpangan jalan besar di Kampung Sentosa yang mempunyai rekod sejarah kemalangan maut di kawasan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya nak merujuk juga kepada titah diraja. Titah yang titah diraja No. 10. Saya baca semulalah. Usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya golongan muda dan disambung dengan titah diraja yang nombor 11. Langkah ini penting bagi memastikan anak muda memilih untuk membina kerjaya di negeri sendiri, sekali gus membantu mengimbangi struktur demografi negeri. Jadi untuk itu, sehubungan dengan titah diraja di atas, saya mengharapkanlah dan memohon pihak kerajaan agar dapat membawa pelabur sama ada tempatan atau pelabur luar negara ke negeri Pahang khusus ke kawasan Maran.

Usaha ini bukan sahaja membuka peluang kepada pekerjaan, peluang pekerjaan kepada anak muda tetapi lebih utama adalah mewujudkan zon industri Pahang Tengah. Ini pun kita pernah sebut juga. Namun, cadangan saya jangan bawa industri Inilah yang berkaitan dengan ternak babi. Industri lain boleh masuk. Sebab saya rasa ada limpahan daripada negeri-negeri lain ke Pahang sebab, babi pun banyak jenis. Saya baca tadi ada berbelas belas jenis babi ni kena cat negara, satu negara lain jenis-jenis dia. Dan antara spesifikasi dia tu puting kopek tu ada 5, ada 10 ada 8 iaitu jenis-jenis tak payah cerita panjang sebab exco pertanian tak ada kang dia marah kita. Jadi kita mohon supaya pelabur-pelabur dapat bawak ke Maran dan usaha ini err... kerana ini kerana saya percaya industri babi di Pahang sudah cukup. Pada tahun 16, saya ada rekod 4360 ekor. Mana dah sepuluh tahun kalau sekali ganda maknanya banyaklah cukuplah untuk orang Pahang ni nak makan. Itu tak campur babi hutan tu babi hutan sangat banyak lagi. Tapi tak apalah. Mana bekalan cukup. Tak ada isu lah.

Kemudian Yang Dipertua hari ini, hari ini kalau kita lihat zon industri ini banyak tertumpu di di Kuantan, Pahang Timur. Lebih kurang 7 8 ribu ekar ada dan sedikit 100 ekar lebih dari Pekan dan Gambang. Manakala di Pahang Barat, khususnya di Bentong, 400, 500 ekar serta sedikit di kawasan Temerloh dan Lipis. Tiada zon industri di tengah ataupun di Maran lah, bahasa yang mudahnya. Saya khuatir jika tiada usaha mewujudkan peluang pekerjaan di zon ini khususnya kepada anak muda. Akhirnya, Maran akan menjadi bandar atau daerah orang tua. Sebab ada tu ada dah ada fenomena tu orang muda dah keluar Maran dah. Jadi bimbang sikit.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Hari tu. Yang Amat Berhormat ada Janji Buka Zon *Industry* di Maran terutama sekali di Kuala Sentul dah. Letak status.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Timbalan Speaker memang kita nak wujudkan semua zon industry di semua daerah. Kita dah bagi arahan lah. Mungkin kalau belum lagi tengah cari tempat lah tu. Jadi Yang Berhormat Kuala Sentul sabarlah sikit.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Maran jangan lupalah Kuala Sentul Kuala Sentul juga. Terima kasih. Ni citer bandar orang tua tadi, kemungkinan kalau semua dah lari ke Bentong lagi ke Kuantan. Saya ada anak 6 Yang di-Pertua, 5 daripadanya dah keluar, buka keluar pada Maran keluar pada Pahang. Cari kerja tempat lain tinggal seorang. Itu pun kurang upaya. Jadi kalau macam itu dia punya *trademark*, dia memang Maran sebab ada orang tua ada OKU tinggal orang muda semua tak ada. Jadi saya tua anak seorang yang tinggal. Orang rumah pun tua jugak dah itu pun salah jugak yek. Jadi orang tua-tua je tinggal. Jangan suka marah, isteri saya. Ada usaha nak ambik yang muda tapi dia lagi Kuantan tu masalahnya. Okay jadi saya mohon la kerajaan beri perhatian kepada pentingnya zon industri juga sesetengahnya khususnya di Maran.

Sebab sehubungan dengan cadangan ini, saya ucapkan jutaan terima kasih juga kepada pihak Kerajaan Negeri dan kerajaan Pusat, khususnya yang meluluskan pembinaan sebatang jambatan yang menyeberangi Sungai Pahang di DUN Luit. Bertepatan dengan titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Nombor 12 tu disebut dalam hal ini, proses pelaburan baru perlu dipermudahkan dengan mengurangkan kerenah birokrasi, mempercepatkan kelulusan serta memastikan kesediaan tanah dan infrastruktur yang mencukupi. Percayalah, jambatan ini adalah satu faktor infra yang yang diperlukan. Jadi bertepatan dengan titah diraja dan adanya jambatan di daerah ini bolehlah pihak kerajaan mengira ngira, memikir dan merancang dan strukturkan sistem jalan raya merentasi negeri Pahang dari utara ke selatan melalui bandar Maran. Dan helaian saya yang terakhir dah. Ni saya ada lirik lagu ni boleh speaker tapi saya tak menyanyi, saya baca je

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila nak nyanyi pun boleh nyanyi pun takpe.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Lagu ni popular masa penggal lepas. Bersatulah wahai kaum muslimin dengan semangat dan roh kebenaran. Berjihadlah wahai kaum muslimin, walau susah menempuh cabaran bersatulah Wahai kaum muslimin dengan obor sinar kebahagiaan berjihadlah. Wahai kaum Muslimin, biar syahid ataupun kemenangan berjuanglah wahai Ansorullah dengan matlamat Daulah Islamiah. Berkorbanlah wahai yang beriman dengan harta dan segenap kepunyaan. Bergeraklah ke gerbang jasa, kalah menang bukan alasan. Sucikanlah niat di hati hingga nyata benarnya janji Robbi. Dan juga satu pantun peringatan mesra, pantun simple je ni.

Kita orang Melayu,
Kita adalah puak beraja,
Jangan pelekeh titah Tuanku,
Bimbang di akhir kisah menyesal jua.

Daulat Tuanku, Luit menyokong titah diraja. Terima kasih. (Ahli Dewan menepuk meja).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Luit. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini, saya perhatikan seramai 18 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai tanda ukhwah, program kita pada malam ini ialah Sukan Mesra ADUN iaitu Sukan Bowling yang akan diadakan pada pukul 8.00 malam bertempat di Playground Nombor 6 Sports Centre, Semambu. Pihak Dewan Negeri telah mengedarkan T-Shirt yang diletakkan di dalam beg Ahli-ahli Dewan. Adalah diharapkan kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengesahkan kehadiran untuk bersama-sama pada malam ini bagi menjayakan program tersebut. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita akan disambung semula pada hari Rabu, 13 Mei 2026 bersamaan 25 Zulkaedah 1447H bermula pada pukul 9 setengah pagi. Terima kasih. Mesyuarat ditempohkan. Insya-Allah.

[Persidangan Dewan Negeri ditempohkan]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KETIGA
13 MEI 2026 (RABU)

KANDUNGAN

HARI KETIGA: 13 MEI 2026 (RABU)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 35
4.	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG – SESI PAGI	35 - 70
5.	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG – SESI PETANG	70 - 123
6.	PENEMPOHAN	123

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 13 MEI 2026 (RABU)

MASA : 9.34 PAGI

HADIR

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - Jelai
1. **Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan**
2. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad,SSAP., DIMP., AMP., AMN. - Kerdau
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. - Bebar
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. - Pelangai
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang

YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan

YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri AsasTani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan

Hari Kedua (Rabu)	:	13 Mei 2026 (Rabu) Bersamaan 25 Zulkaeddah 1447 Hijrah
Masa	:	9.34 pagi

DOA

Perkara Pertama: Bacaan Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirahmanirrahim, assalamualaikum WBT, Salam sejahtera, salam perpaduan, Salam Pahang 1st. Marilah kita sama-sama mulakan mesyuarat kita pada pagi ini dengan membaca Ummul kitab Al-Fatihah. Alhamdulillah [Bacaan al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka mesyuarat Dewan Negeri. Dengan menyebut nama Allah yang maha pemurah, yang maha mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan. Mudah- mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkatMu ke atas, kami berhimpun dipohon anugerahkan TaufikMu dipohonkan menyuluh, memandukan ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan Amin Ya Rabbal Alamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan - Pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Menteri Besar Pahang. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allal SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita pagi, pada pagi ini. Alhamdulillah, semalam saya lihat pada pagi ini semuanya sihat-sihat belaka kerana telah pun menikmati jamuan pagi yang disediakan. Ini kaedah baru yang kita buat dan ternyata kaedah ini sangat memberikan kesan yang baik terutama sekali bagi menjimatkan masa. Jadi, saya akan meneruskan sistem ini di mana kita tidak ada lagi rehat selepas pertanyaan soalan. Kita akan terus kepada perbahasan dan kita akan berehat er...iaitu selepas iaitu pada masuk waktu zohor atau pada pukul 1 tengah hari.

Semalam, kita telah mengadakan pertandingan boling. Peringkat er...iaitu individu dan juga pasangan. Alhamdulillah, tempat pertama, tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Kerajaan er...Perpaduan. Walau bagaimanapun, tempat kedua,

tempat ketiga terakhir, tempat kedua terakhir dan tempat pertama terakhir pun Kerajaan Perpaduan juga. [Ahli Dewan ketawa] jadi *very balance*. Alhamdulillah, kita semalam, kita bertanding dalam keadaan penuh kemesraan, penuh perpaduan dan saya yakin dan percaya semangat ini kita harus kekalkan dan kita harap supaya semangat ini dapat kita terjemahkan di luar, juga di luar dewan ini. Kita tahu pada hari ini sebenarnya 13 Mei, 13 Mei. Kalau kita ingat lagi peristiwa 13 Mei, saya masih ingat lagi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja masih ingat lagi, Yang Berhormat Cheka masih ingat lagi, Yang Berhormat ini Ketari, saya ingat, ingat lagi ya sebab masa tu kita dah ada dah. Yang Berhormat-Yang Berhormat Luit, dia dah besar dah, dah pegang senapang. Maknanya dah jadi kepada kita yang mengingati peristiwa ini adalah merupakan peristiwa yang sangat pedih di dalam sejarah pembangunan negara kita dan selepas itu Yang Amat, Yang Amat Al-marhum Yang Amat Berhormat Tun Razak telah mengambil alih kepimpinan negara telah menyusun dasar ekonomi baru memperkenalkan ini.

Apa namanya ini? Apa yang kita sebutkan memperkenalkan rukun Negara dan sebagainya untuk kita menjadikan Malaysia ini sebuah negeri sebuah negara yang dihormati disegani dan dalam masa yang sama dapat memacu kejayaan. Alhamdulillah, berkat daripada itulah perpaduan di negeri Pahang ini kita kekalkan. Kerana itulah kita telah pun dinobatkan sebagai Negeri Perpaduan yang terbaik di Malaysia. Nombor satu. Alhamdulillah, [Ahli-ahli Dewan tepuk tangan] Ahli-Ahli Berhormat sekalian, saya kita teruskan aturan urusan mesyuarat kita pada pagi ini. Saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Tahan untuk mengemukakan pertanyaan pertama.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Assalamualaikum WBT Yang Berhormat Speaker. Soalan saya Nombor 1.

> [Berapakah keluasan kawasan hutan simpan di negeri Pahang yang masih kekal sehingga kini? Apakah dasar kerajaan negeri bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar?]

(ADUN JELAI - N. 02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera, salam Maju Terus Pahang, salam Pahang 1st. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada ADUN Tahan yang bertanyakan soalan mengenai keluasan Hutan Simpan Negeri Pahang yang masih kekal sehingga kini. Maknanya angka terkini dan dasar-dasar kerajaan negeri untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tahan. Keluasan Negeri Pahang keseluruhannya berjumlah 3.60 juta hektar. Manakala keluasan hutan simpan kekal ataupun HSK Negeri Pahang sehingga kini adalah lebih kurang 1.589 juta hektar iaitu 44.13% daripada keseluruhan keluasan negeri Pahang.

Manakala berkenaan dengan dasar kerajaan negeri untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar. Antaranya ialah kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri mengamalkan konsep pengurusan hutan secara berkekalan dengan izin Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, s*ustainable forest management* dalam pengurusan hutan. Yang kedua mengekalkan keluasan kawasan Hutan Simpan Kekal Negeri Pahang. Yang ketiga mengenal pasti kawasan berhutan lain di atas tanah kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang untuk

dicadangkan sebagai hutan simpan kekal yang baru dari masa ke semasa. Sebagai contohnya, baru-baru ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Kali Yang ke-14 tahun ini bertarikh 22 April telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pewartaan hutan tanah kerajaan dalam rangkaian ekologi *Central Forest Spine.* Iaitu Hutan Simpan er...Bera dan Rizab Ramsar Bera sebagai hutan simpan kekal. Di Mukim Bera Daerah Bera seluas 524 hektar.

Yang akhirnya antaranya ialah memastikan kawasan hutan simpan kekal yang dinyah wartakan bagi tujuan pembangunan ekonomi dan kepentingan awam diganti dengan kawasan tanah kerajaan berhutan yang lain yang mempunyai nilai yang setara. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan? Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar. Saya nak er...saya nak tahu dan nak tanya berkenaan dengan er...untuk tahun 2025. Berapakah keluasan hutan simpan sementara dan kekal yang telah diluluskan untuk pembalakan? Dan berapakah hasil yang diperolehi. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tidak ada angka tepat berkenaan dengan soalan daripada ADUN Tahan tetapi apa jua kelulusan yang dikeluarkan untuk simpan kekal ini, kita tidak melebihi daripada 11,500 hektar setahun. Ini yang dibenarkan oleh Majlis Tanah Negara. Setahun 11,500, maknanya kalau kita keluar tidak lebih daripada itu dan premium balak apa semua ni telah ditetapkan. Jadi yang hanya saya boleh jawab pada tahun 2025, Jabatan Perhutanan Negeri menyumbang kepada Kerajaan Negeri lebih kurang RM100 juta, yang RM1 bilion yang kita dapat itu… RM100 juta lebih adalah sumbangan daripada Jabatan Perhutanan Negeri. Dan sehingga hari ini, Alhamdulillah semua urusan pembalakan ni kita ikut peraturan kerana kita dipantau oleh pihak-pihak tertentu sebagai contohnya dipantau oleh Malaysia Timber Certification Counsel ataupun MTCC.

Kita tidak boleh buat sewenang-wenangnya kerana urusan pembalakan ini kecuali yang buat secara haramlah yang itu kita akan ambil tindakan dan yang lebih pentingnya Yang Berhormat daripada Tahan saya ingin nyatakan di sini bahawa kita berjaya mendapat pengurusan hutan yang terbaik kerana kita telah mendapat Sijil Pengurusan Hutan berdasarkan Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management, di mana kita dapat sijil. Sijil ini diiktiraf dan bukan semua negeri dapat tetapi negeri Pahang dapat. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri dan pegawai serta kakitangannya. Dan hari ni saya pun pakai *tie* Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sebab saya tahu ada soalan bersabit dengan hutan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Hormat Pengarah, jangan bagi ke MB sorang je. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi kalau kita dapat pengiktirafan tu, jadi ADUN Yang Berhormat ADUN Tahan jangan bimbanglah semuanya *in order* dalam keadaan baik. insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Daripada Beserah kemudian daripada daripada Tioman

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Baik.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kemayan nak tanya tu kita boleh tanya takde hal.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya ucap tahniahlah kepada kerajaan di atas usaha dan iltizam untuk mengekalkan hutan simpan ini dan ianya sangat penting bukan sahaja untuk negeri kita, seluruh rakyat Malaysia bergantung kepada kita punya usaha untuk mengekalkan hutan simpan ini. Saya masih ingat dalam kita berbincang dalam Dewan ini beberapa tahun yang lepas bahawa kita cuba untuk menuntut dengan Kerajaan Persekutuan macam caj atau hasil kita menyimpan hutan ini, usaha ini. Adakah ianya telah mendapat kelulusan? saya ingat kita pernah dapat RM20 juta ke berapa juta yang lepas hasil daripada usaha kita, adakah ianya berterusan sampai ke hari ini? dan berapa jumlah yang kita terima pada tahun lepas? terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, semalam kita ada sentuh sedikit berhubung dengan hutan yang kita simpan ni. Mesyuarat yang terkini Majlis Fizikal Negara turut hadir Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, saya masih membangkitkan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita, saya bangkitkan ketika pada tahun 2021, saya selalu nyatakan kos melepas kalau kita masih ingat saya katakan bahawa kalau kita balakkan kawasan hutan simpan ni kita ambil mineralnya kita dapat lebih kurang hampir RM20 bilion, kiraan kasar. Tetapi sebab kita ada tanggungjawab bahawa *water catchment area* ni dengan izin kawasan tadahan air ni

boleh memberi manfaat bukan kepada negeri Pahang sahaja kepada negeri-negeri lain. Kita *supply* air bayarlah ya. Baru ni Alhamdulillah daripada 10 sen naik ke 13 sen Kerajaan Negeri Selangor bayar. Ekoran daripada itu, pada tahun 2022 Kerajaan Persekutuan ada bagi kita duit sebab kita daripada kos melepas tersebut tetapi bukan kepada Pahang sahaja ekoran daripada percakapan saya tu, semua negeri dapat Kedah pun *claim* juga dan ketika itu yang paling banyak negeri Kedah. Kita nombor 8 yang Kerajaan Persekutuan bagi saya bangkit. Saya masih ingat ayat saya, saya kata Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberi *respons* dan bagi wang hasil daripada hutan simpan tersebut tetapi saya harap ianya hendaklah lebih saksama saya kata. Pahang yang paling banyak hutan simpan untuk negeri-negeri lain tetapi di tangga yang ke 8. Saya tak ingat berapa tapi nombor 1 Kedah, nombor 2 Perak macam tulah. Dan saya harap ianya diberikan secara saksama untuk di tahun-tahun mendatang.

Alhamdulillah, diambil kira 2022 sehingga sekarang ada kita dapat bernilai RM72 juta lebih kurang daripada dulu sampai sekarang RM70 lebih RM70 juta kalau tak silap saya tetapi tidak diberi dalam *cash*. Ini pun saya bangkitkan juga dalam mesyuarat baru-baru ni. Saya kata saya minta Kerajaan Persekutuan bagi dalam bentuk *cash* Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua jangan bagi dalam bentuk projek. Sekarang ini diberi dalam bentuk projek nampak susah sangat ketika itu, Menteri Kewangan pun punya alasan. Akhirnya saya kata tak apa kalau tak boleh bagi 100% saya minta 50%. Maknanya kalau dia bagi RM20 juta untuk tahun ni, RM10 juta *cash*, RM10 juta dalam projek. Nampak macam setuju. Nampaklah tengok gaya *body language* daripada Yang Amat Berhormat Pengerusi Perdana Menteri nampak macam bersetuju tetapi sehingga kini masih dalam bentuk projek. Sehingga kini masih dalam bentuk projek dan insya-Allah apabila ada Mesyuarat Kewangan Negara, saya akan bangkit lagi sekali. Dan setiap kali mesyuarat, saya tidak jemu-jemu membangkitkan perkara ini. Malahan saya kata malahan saya kata mungkin kalau sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak mengendahkan apa yang kita minta ini, tidak mustahil Kerajaan Negeri satu hari nanti Exco akan buat keputusan kawasan hutan simpan ni daripada 57% kita akan usahakan supaya ianya mendatangkan hasil pada akhirnya sampai ke tahap itu. Tapi bila menteri tak bagi tapi kalau dah tak ada pilihan, kalau dia minta tak bagi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik kita berbahagi. [ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kita berbahagi untuk rakyat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Untuk rakyat

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Untuk rakyat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Untuk rakyat la bukan untuk kita.

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi itulah kedudukan Yang Berhormat daripada Beserah. Terima kasih di atas soalan yang dibangkitkan. Maknanya ada kita dapat RM70 juta lebih setakat hari ini masih tidak mencukupi dan kita akan perjuangkan. kita sama-sama perjuangkan untuk negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Hormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Dato' Tioman, Yang Berhormat dah Assalamualaikum WBT nak tanya lagi? Silakanlah.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Sebab saya rasa teruja dengan jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kita sebab soalan tambahan ADUN Beserah itu berkitar dengan soalan tambahan saya hampir-hampir sama. Jadi oleh kerana saya dah semangat nak bertanya tu saya nak tanya juga kita merujuk kepada titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku baru-baru ini memang ada sebut tentang kelebihan Kerajaan Negeri berkorban untuk negeri-negeri yang lain. Jadi apalah kiranya Kerajaan Persekutuan membayar balik pengorbanan tersebut dalam bentuk kos-kos yang melepas di dalam negeri Pahang tadi. Sebagai contoh ya sebagai contoh sebelum soalan tambahan saya ni bagi contoh 57% keluasan tanah ataupun hutan simpan tadi kalau dibalakkan sebagaimana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja sebut tadi akan dapat RM20 bilion. Banyak tu maknanya semua daerah boleh bangun macam Kuantan ataupun Lipis. Jadi soalan saya, selain daripada hutan simpan ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kenapa sebut Kuantan dan Lipis je?

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Tak, maknanya hari ini Lipis dengan Kuantan ni macam mana sahabat kita sebut daerah ni membangun tak seimbang sedangkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay. Okay.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Pahang Barat nak mengimbangi lah tu perlahan-perlahan kan. Jadi soalan saya selain daripada kos melepas hutan simpan ni kita ada kos-kos lain seperti taman laut pun di Pahang yang terbesarnya taman laut dan hasilnya balik kepada Kerajaan Pusat. Jadi saya kira mungkin satu masa Kerajaan Negeri juga atas inisiatif Yang Berhormat Dato' Sri Diraja melihat perkara ni untuk menimbal balik supaya Kerajaan Persekutuan ni bukan setakat dalam bentuk projek insya-Allah tu pun dah bagus dah. Mungkin dalam bentuk bajet.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Kewangan. Dalam bentuk kewangan.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang boleh kita gunakan benda-benda lain.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Ibarat kita macam ni la, katanya Exco Agama kita bayar zakat ada masa kita guna beras ada masa kita perlu guna duit yang lebih fleksibel dan *adjustable.*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Beras pula ada pilihan juga basmathi ke beras pecah seribu ke.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Kerajaan Negeri Pahang punya inisiatif bagus sekali. Jadi saya mohon kalau boleh dalam soalan tambahan saya ni bukan setakat hutan Simpan sahaja. Tapi taman lautnya. Er... dengan hutan perhilitannya. Ini semua kos melepas ni. Kalau di Tioman tu boleh katakan 70% mergastua. Makna tak boleh buat apa dah. Nak sewa nak buat rekreasi tak boleh. Contoh kalau Jabatan Hutan ni boleh buat rekreasi dapat juga. Kalau pelaburan kepada Kerajaan Negeri. Begitu juga Taman Laut, tak boleh buat apa semua balik kepada Kerajaan Pusat apabila berlaku sebarang masalah pembangunan. Nak buat *toilet* pun kita kena EIA. Padahal harga *toilet* baru 100... 100 ribu je. Tetapi ambil masa sampai 2 tahun. Sebagai contoh di Pulau Tioman ni.

Kemudian, er... Dato' Speaker saya ingat Kerajaan Negeri juga dalam masa yang samalah saya ambil kesempatan ni tengok balik tentang petroleum ni. Ya, kita tengok petroleum ni kalau boleh bukan sahaja Terengganu dan Kelantan sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan ini dah soalan lain Yang Berhormat.

(ADUN TIOMAN – N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Nak nak nak ni nak. Nak selaraskan terus ni nak selaraskan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dah melarat ke petrolium karang melarat ke bauxite karang melarat ke *iron ore*, pening kita. Kita banyak lagi soalan ni. Soalan satu ni.

(ADUN TIOMAN – N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Saya ada 4 soalan. Jadi, saya harap itulah soalan tambahan saya. Kalau boleh *petroleum* ni dibuat kajian semula sebab rasa dekat-dekat dengan besen limpahan *petroleum* tersebut. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Tioman. Sebenarnya selain daripada apa ni er... *water catchment area* tadi hutan simpan untuk tadahan air tadi. Memang ada, kita pernah bangkitkan tetapi tidak ada usaha lanjutan. Sebabnya apabila contohnya taman laut tersebut, kita bangkitkan apabila ada rungutan daripada nelayan-nelayan kita yang mengatakan kita tidak boleh pergi ke tempat yang telah ditetapkan dan ini menyukarkan mereka untuk menangkap ikan dan telah dinyatakan di dalam akta. Akta apa ni, Taman Laut dan ini menyebabkan sekatan untuk kita pergi lebih jauh. Tapi saya ambil positif pandangan Yang Berhormat daripada Tioman nanti dan Insya-Allah kita tidak akan apa jua perkara yang boleh mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri kita tidak akan biarkan begitu sahaja kerana bagi kita selain daripada untuk mendapatkan hasil ROV itu penting *return of value* tu sangat penting Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Boleh tak satu soalan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tambah satu soalan lagi kita bagi ke ni dulu bagi Kemayan.

(ADUN KEMANYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Dato' Sri Speaker dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan saya er..., berapakah keluasan yang ada ini boleh di balak berbanding dengan kawasan pelindungan dan juga saya tertarik dengan *Sustainable Concept Sustainable Forest Management* ni bagaimana dia memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan juga pemeliharaan alam sekitar di negeri Pahang.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dato' Sri Yang Dipertua. Terima kasih kepada ADUN Kemayan. Mengikut rekod yang ada pada saya, sebanyak 1.6 juta yang boleh dibalakkan yang dikategorikan sebagai hutan pengeluaran. Yang ni boleh dibalakkan iaitu bagi tujuan tersebut daripada keluasan 1.6 juta ini diperuntukkan bagi tujuan pengeluaran hasil hutan secara mampan adalah sebanyak 776 ribu hektar. Itu yang.. yang diboleh balak iaitu lebih kurang 49% daripada jumlah keseluruhan hutan simpan. Manakala kawasan yang tidak boleh disentuh tidak boleh dibalak, yang kita panggil hutan perlindungan adalah sebanyak 820 ribu hektar bersamaan dengan 51%. Yang ni tak boleh dibalak langsung. Tetapi andainya ada pembangunan. Kita boleh nyahwartakan tetapi mestilah diganti. Dasar kita sekarang ni kalau kita lulus kata boleh, kawasan yang kawasan hutan perlindungan ni katalah kita lulus 10 ekar contoh dan ianya mesti dinyahwartakan dan digantikan dengan 10 juga. Dia kena pergi *cocurrent* dulu dalam kertasnya hendaklah digantikan. Tapi sekarang takde kita dah buat keputusan. Saya pun dah pesan dengan Jabatan Perhutanan, dah ada ganti baharu keluar lesen. Kalau tak ada kawasan ganti lagi jangan keluar. Jadi kita tidak mahu atas kertas je, kata ganti, tetapi daripada segi praktikalnya tidak dilaksanakan. Itu yang kita dah buat lebih kurang 4, 5 tahun yang lalu. Dato' Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay. Soalan terakhir, sebab Yang Amat Berhormat punya soalan saya bagi peluang bagi sepuas hati kita tak nak nanti tanya di luar biar tanya di dalam.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya ialah Kerajaan Negeri Pahang juga sebagaimana negeri lain telah melaksanakan projek penanaman semula hutan dan ini satu inisiatif yang sangat positif dan tahniah. Cuma saya dapat maklumat mungkin perlu bertulis. Sebab ini data berapakah jumlah kawasan yang telah ditanam semula hutan di Pahang dalam tempoh 10 tahun kebelakangan terakhir. Sebab data ini saya fikir perlukan data. Mungkin jawapan bertulis pun tak apa, tapi mudah mudahan dapat membantu Kerajaan Negeri dalam usaha untuk melestarikan negeri Pahang. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita bagi kelulusan untuk tanam semula hutan ini, malahan mana-mana syarikat yang kita bagi lesen pembalakan. Sekiranya mereka tidak menanam semula hutan ini, kita tarik balik. Dah banyak... dah banyak. Saya tak ingatlah berapa *average* dia tetapi itu tindakan kita sekarang. Sebab ada juga yang berhasrat nak mengeluarkan balak tapi dia tak nak tanam ladang hutan. Jadi, Jabatan Perhutanan akan pergi pantau. Kiranya mereka tidak berbuat demikian, lesen akan ditarik balik. Itu tindakan kita setakat ini. Dan kebanyakannya menanam semula sepertimana yang ditetapkan dalam syarat sebelum kita mengeluarkan lesen pembalakan. Terima kasih Dato' Sri Yang Dipertua dan terima kasih ADUN Cheka. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan Nombor 2 Wakil daripada Lanchang.

(ADUN LANCHANG – N31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan Saya nombor 2.

> [Infrastruktur Orang Asli Kg Selimbar, Lanchang.
>
> Mohon pihak kerajaan membaiki serta menaik taraf jalan ke perkampungan Orang Asli di Kampung Selimbar bersebelahan FELDA Bukit Damar untuk kemudahan anak-anak ke sekolah serta urusan harian mereka.]

(ADUN KERDAU – N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Lanchang bertanya mengenai Kampung Orang Asli di Lanchang, Selimbar. Tentang keadaan infra khususnya jalan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jauh sikit tu.

(ADUN KERDAU – N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Adakah kerajaan tidak berhasrat untuk membina ataupun menyediakan jalan yang selesa kepada masyarakat Orang Asli Kampung Selimbar ni. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya yakin Yang Berhormat Dato' Sri mengenali dan mengetahui bukan sahaja kampung Selimbar hamba Allah yang duduk di kampung tu pun saya yakin Dato' Sri kenal.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salina.

(ADUN KERDAU – N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya. Betul. Yang Berhormat Datuk Sri. Er... Kampung Selimbar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya betul. Wakil Lanchang yang aktif antara lainlah.

(ADUN LANCHANG – N31)
YB TUAN HASSAN BIN OMAR

Ya betul.

(ADUN KERDAU – N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri, Kampung Selimbar ni adalah salah satu daripada beberapa buah kampung Orang Asli yang terpencil yang tidak berdaftar. Apa puncanya? Kerana mereka ini dihuni oleh penduduk Orang Asli yang asalnya daripada kampung lain. Orang Asli di Kampung Selimbar ni adalah merupakan Orang Asli daripada Kampung Gabang. Kampung Gabang ini,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kampung Bukit Gabang, Kampung Bukit Gabang.

(ADUN KERDAU – N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bukit Gabang. Duduk berhampiran dengan Felda Bukit Damar. Jadi Kampung Bukit Gabang ni di luar Felda Bukit Damar. Kampung Selimbar ni di belakang FELDA Bukit Damar. Dia orang pindah duduk di situ. Kebetulan pulak tanah yang dia orang duduk itu adalah tanah di bawah namanya jabatan rezab hutan sebagaimana yang Dato' Sri sebutkan tadi. Maknanya saudara mara kita ni di kalangan masyarakat Orang Asli ni. Dia pergi duduk di tanah orang. Walaupun demikian, pada satu ketika dulu di era. er.. Itu apa namanya ADUN di kawasan Lanchang itu daripada orang Kampung Bintang. Dia telah buat jalan situ. Cuma jalan tu rosak Dato' Sri. Kita boleh tolong tapi kita ada kampung Orang Asli yang berdaftar sebanyak 264 buah. Terpaksa kita dahulukan. Untuk kita bantuan infra mereka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia tak banyak orang duduk situ Yang Berhormat.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul cuma ada 8 keluarga. Daripada 8 keluarga tu, ada 33 individu dan ada daripada keluarga itu, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Berkahwin dengan rakan jiran negara kita, Orang Asli orang... orang Indonesia. Orang asli ni maknanya hebat orang asli Lanchang ni dia mampu menggoda orang Indonesia sehingga menjadi keluarga...

(ADUN TIOMAN – N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri ingin mencelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan setakat Orang Asli sahaja, Wakil Rakyat atau bekas Wakil Rakyat pun hebat.

(ADUN TIOMAN – N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Celah sikit. Saya ingat bukan Orang Asli Lanchang je, Orang Asli Rompin pun hebat juga. Terima kasih

(ADUN KERDAU – N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita bercerita... Tentang soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Lancang, tentang asli Lancang. Bukan soalan Rompin ni Dato'.

(ADUN ROMPIN - N.42)
YB. DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Bukan, saya nak juga Rompin tu hebat di persada dunia. Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya tunggu soalan sahabat saya daripada Tioman mengenai Orang Asli. Kita akan cerita detail pula tentang kehebatan Orang Asli di Rompin, Insya-Allah. Dato' Sri Speaker jadi Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan memang banyak jalan-jalan yang dibina dan apa nama melibatkan jutaan ringgit. Pada tahun 2024 ada 13 projek. Sebutannya 13 projek ni sikit tetapi jalan tu panjang jauh ke dalam sehingga melibatkan RM2.5 juta, kita peruntukkan untuk membina jalan. Pada tahun 2025, kita ada 9 projek pembinaan jalan kampung Orang Asli ni melibatkan RM1.5 juta. Begitu juga pada tahun 2026 sekarang ini dalam proses pembinaan, ada 8 projek melibatkan RM2.3 juta, Dato' Sri Speaker. Insya-Allah kalau takde apa aral, saya tengok baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita, berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku menteri yang menjaga mengenai Orang Asli. Salah satu permohonan Yang Amat Berhormat Dato' Sri termasuk Kampung Selimbar ni untuk dapatkan jalan. Jadi kalau lulus tu, Insya-Allah orang Kampung Selembor juga akan dapat jalan.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak dia, membaiki jalanlah.
(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Membaiki jalan ya membaiki jalan.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Dapat tu macamlah Wakil Rakyat dulu tak buat. Tak boleh juga cakap gitu.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dak itu, dak, ada jalan. Saya dah sebutkan tadi Dato' Sri ha.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya nak perbetulkan ayat je Yang Berhormat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Jadi maknanya insya-Allah benda itu dalam perhatian kerajaan. Bahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bawa permohonan ini ke Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebelum soalan ini dikemukakan Dato' Speaker. Terima kasih.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan tambahan.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB. TUAN HASAN BIN OMAR

Sikit soalan tambahan. Err…terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah menjawab. Kita sedia maklum bahawa memang kawasan tersebut memang pecahan daripada Kampung Bukit Gambang err… tetapi sekarang ini pertambahan rumah kalau tak silap saya sudah pergi sebelas…sebelas buah rumahlah. Kemudian sebahagian dari mereka sekarang ini telah pun beragama Islam. Lebih daripada 10 orang dan ada NGO telah pun membina surau dalam tu dan pihak Jabatan Agama Temerloh pun sudah mula menghantar tenaga pengajar dan juga ada sukarelawan yang masuk. Sebab itu kita kata bahawa kenapa perlu sangat jalan tersebut di bina segera. Kalau pun kita tidak dapat apa mini tar hitam dan sebagainya, tapi sekurang-kurangnya *crush run* lebih dahulu diletakkan itu. Oleh kerana waktu hujan langsung susah untuk…untuk mereka berhubunglah. Yang keduanya ialah di situ juga rasanya perlu bekalan api dan air bersihlah yang mana menjadi kegunaan harian.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, terima kasih sekali lagi kepada Lancang ni. Saya pun maknanya hormat dia, lebih berusia daripada saya. Tapi di dalam…dalam kaedah ilmu balaghah atau [Bacaan dalam Bahasa Arab]

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan, bukan, nahjul balaghah.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dengar dulu Dato' Sri Speaker. [Ahli Dewan ketawa] ya. Saya ni memberi satu kaedah balaghah supaya kita dapat manfaat. Tahu. Bercakap…bercakap berbicara berulang-ulang benda yang sama. Ada masa dia boleh memberi faedah. Contohnya di dalam Al-Quran. Tuhan sebut [Bacaan dalam Bahasa Arab] berulang ulang.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Surah Ar-Rahman.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Hah, surah Ar-Rahman. Itu ada faedah, tapi macam ini saya dah jawab, soal lagi benda yang sama. Jadi itu akan termasuk [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Maknanya membazirkan masa kita. Jadi saya dah cerita. Insya-Allah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri pergi. Tak dan ke saya. Cop dek Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu mende tu.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, bagi saya cakap sikit ya,

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sila. [Ahli Dewan ketawa]

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia sekarang ni kita *live*. Jadi Wakil-Wakil Rakyat masing-masing ni nak tunjuk bakat juga pada pengundi-pengundi dia. Kita sekarang ni Tiktok, *Facebook* dan juga ini err… Tiktok, *Facebook* dan satu lagi *YouTube*. Tiga *live* kita. Sila Yang Hormat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih atas nasihat Dato' Sri Speaker. Jadi balik kepada persoalan ini sebenarnya apa namanya kita dalam perhatian Kerajaan Negeri. Terima kasih. Tadi rakan daripada err…gaya nak ada tambahan juga.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Lepar.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Lepar.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Lepar Sila.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB. TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih, Dato' Sri Speaker. Ini soalan lain dah ni. Boleh melegakan jiwa sikit. Yang Berhormat EXCO, 2,3 hari ni saya dapati riuh sedikit mengenai Orang Asli di Pekan. Mereka buat sidang media dan mengeluh. Katanya tanah mereka diceroboh dan rumah mereka pula dirobohkan. Boleh Yang Berhormat cerita sikit apa kisahnya tentang masalah itu?

(ADUN KERDAU - N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul Dato' Sri Speaker, ada di kampung apa ke namanya Kampung Sijar. Sebenarnya, begitu juga Kampung Sijar ni. Tanah itu adalah milik PSK, Dato' Sri Speaker. Tapi saudara mara saya ni Orang Asli ni dia pergi pindah, duduk situ. PSK ni pula dia berikan tender kepada satu syarikat untuk memajukan kampung tu, tanah tu, SRS Makmur. Jadi SRS Makmur ni dia gopoh sikit. Dia gopoh. Dia cepat-cepat mengambil tindakan sebab seronok sangat dapat projek. Kita dah buat teguran kepada dia dan hari ni pun kita panggil dia. Kita minta PSK panggil dia nasihatkan dia. Dia adalah melakukan satu kegopohan yang tidak sewajarnya merobohkan rumah orang tu dan kita pun akan adakan pertemuan demi pertemuan untuk membantu masyarakat Orang Asli, sebab itulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang melalui ORACO, dia perkenalkan RRP. Tujuannya nak membina rumah bukan nak merobohkan rumah. Jadi benda-benda ini kita terpaksa didik pemaju-pemaju dan juga orang-orang di luar sana supaya mereka membuat keseimbangan apabila nak membangunkan sesuatu projek dan sebagainya. Terima kasih Dato' Sri Yang DiPertua.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, soalan nombor 3. Wakil Yang Dilantik.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB. TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Main bowling kalah sentiasa, soalan saya nombor 3. [Ahli Dewan ketawa]

> [Apakah garis panduan dan dasar Kerajaan negeri dalam menguruskan pembinaan rumah ibadat yang tidak mempunyai kelulusan rasmi dan apakah langkah yang diambil isu berkaitan dengan rumah ibadah tidak menimbulkan ketegangan antara kaum di negeri ini?]

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita *hit* nombor dua terakhir.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB. DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Maju Terus Pahang, Salam Pahang First. Terima kasih kepada rakan saya daripada ADUN Yang Dilantik mengemukakan soalan berkaitan rumah ibadat ini, tapi sebelum saya nak tanya tadi pasal apa dia pantun bowling. Saya nak tanya Dato' Sri Yang DiPertua.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia nombor 2 terakhir.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB. DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Sri Yang DiPertua semalam, nombor berapa?

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya mengekalkan pingat gangsa sahaja. Insya-Allah, saya akan berlatih lagi.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB. DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih. Untuk makluman Sidang Dewan, Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa PBT dan PDT secara jelas iaitu menjalankan siasatan tapak, menyemak status tanah dan binaan dan dibentangkan dalam Jawatankuasa Teknikal Rumah Ibadat bukan Islam di peringkat daerah yang dimohon dan seterusnya akan mengemukakan syor kepada Kerajaan Negeri dan semua permohonan isu berkaitan pembinaan rumah ibadat bukan Islam ini dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam ataupun RIBI, dengan izin Yang Dipertua. Negeri Pahang yang bersidang mengikut jadual dan ini telah dipengerusikan sendiri yang telah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan mekanisme ini memastikan setiap keputusan dibuat mestilah berasaskan undang-undang dan sensitiviti terhadap keharmonian masyarakat setempat dalam negeri Pahang ini.

Dan bagi mekanisme pembinaan RIBI ini mestilah mendapat 4 kelulusan utama; Yang pertamanya, kelulusan dasar iaitu daripada Jabatan RIBI Daerah dan juga negeri dan keduanya mesti mendapat kelulusan tanah daripada Pejabat Tanah Daerah dan juga PTG dan Pihak Berkuasa Negeri, dan ketiganya mesti mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada PBT dan juga yang keempat adalah kelulusan pelan bangunan dan kerja tanah daripada PBT. Dan untuk makluman Dewan bahawa kegagalan untuk melalui proses ini merupakan punca utama berlakunya pembinaan RIBI tanpa kelulusan dan seterusnya dikategorikan sebagai pembinaan tidak sah di sisi undang-undang dan Kerajaan Negeri menegaskan bahawa semua tindakan dan keputusan mestilah dibuat berdasarkan peraturan serta perundangan yang berkuat kuasa. Pendekatan ini semua bertujuan untuk memastikan keharmonian masyarakat, kesejahteraan rakyat serta perlindungan kepentingan semua pihak di negeri Pahang sentiasa terjaga dan terpelihara. Terima kasih Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Soalan, soalan tambahan sedikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay satu soalan tambahan.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih, Yang Berhormat Exco. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan yang saya percaya adalah merupakan satu imbangan di antara tanggungjawab Kerajaan Negeri dan juga antara kedudukan perundangan serta realiti sebenar masyarakat negara kita ini yang mempunyai kebebasan walaupun Islam sebagai agama Persekutuan, tetapi agama lain juga adalah merupakan satu kebebasan untuk diamalkan dalam negara kita. Jadi saya tertarik dengan pendekatan Kerajaan Negeri yang saya kira adalah satu pendekatan yang sangat harmoni ya untuk menyelesaikan yang disebut kadang-kadang dipergunakan sebagai satu isu sensitif yang ditunggang berulang kali terutama menjelang pilihan raya umum yang akan datang. Baik soalan saya Yang, Yang Berhormat.

Adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan dengan dengan dengan dengan cadangan saya bahawa kita sudah perlukan satu langkah proaktif yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri supaya setiap isu yang melibatkan rumah ibadat ini dapat diselesaikan secara harmoni. Maksudnya kita ada apakah langkah yang yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan sebarang pertikaian yang melibatkan, yang melibatkan RIBI dan juga rumah ibadat Islam ini sendiri tidak menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keharmonian di antara kaum dalam negeri kita. Itu sahaja Yang Berhormat.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Adun Yang Dilantik ini, dan berkenaan dengan rumah ibadat ini kita di pihak kerajaan sentiasa berbincanglah tentang perkara-perkara yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa keharmonian antara kaum di negeri Pahang ini sentiasa dijaga dengan baik. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang saya rasa sentiasa mengutarakan berkaitan perkara ini termasuklah rakan-rakan saya daripada kerajaan yang sentiasa memikirkan jalan penyelesaian yang terbaik. Sebab itu di sini kita ambil pendekatan supaya Jawatankuasa RIBI di peringkat daerah dan juga di jawatankuasa di peringkat negeri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan peringkat negeri sebagai mana, sebagai mana yang saya nyatakan tadi dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan peringkat kita juga pun contoh rakan saya daripada Teruntum baru ini, dia menceritakan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri bahawa dia telah membantu untuk menyelesaikan salah satu perkara yang boleh memastikan keadaan yang lebih baiklah tentang perkara yang berkaitan dengan RIBI yang telah dibina yang tak secara teratur ni. Tolong jelas sikit.

(ADUN TERUNTUM - N14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih. Selalunya yang masalah yang rumah ibadat ini, bukan rumah ibadatlah, rumah, tokonglah, selalunya masalah ialah tiada geran. Makna tidak ada, dia bukan buat ikut suka hati di mana. So masa kita bincang dalam MMK dan kita ambil, saya ambil keputusan kita akan *contact* siapa yang buat itu. Lepas itu kita bincang macam mana kita nak pindah. Itu saja, okay.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua, kadang-kadang masyarakat kita ini kadang-kadang dia tak tak tak tak pasti tak tak kurang memahami. Contohnya macam KM, benda KM ini? Kalau ikut ke mungkin YB untuk kilometer.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau, kalau di Sabah itu Ketua Menteri bah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ketua Menteri. Tapi KM ini adalah..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kebenaran Merancang.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kebenaran merancang. Sebab itu untuk membina satu perkara, kita mesti tertakluk kepada dasar-dasar ataupun perundangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sebab itu saya kata tadi setelah mendapat keputusan dasar, perakukan untuk boleh dibina dan seterusnya perlu mendapat keputusan kelulusan tanah atau bertukar syarat tu mesti kena lalui proses itu dan bila dah tukar syarat dan lulus tanah, barulah kerja dia boleh *submit* pulak dengan izin Yang Dipertua, menghantar permohonan Kebenaran Merancang. Bila dah Kebenaran Merancang dah mendapat ulasan-ulasan daripada jabatan-jabatan agensi-agensi teknikal yang berkaitan dan berbagai-bagai agensi teknikal, PAIP, eletrik, pejabat tanah dan lain-lain, dah dapat kelulusan baru kita hantar pula pelan bangunan dan ukur tanah. Macam mana nak buat itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kira macam nak buat masjid jugalah..

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

macam nak buat masjid..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

pun macam itu juga, sama je..

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kita kena hantar itu dah dapat itu pelan ukur dah lulus, barulah boleh dibina. Dan kita akan sentiasa memantau dan penguatkuasaan mestilah kita akan lakukan berterusan dan daripada semasa ke semasa untuk masa akan datang bagi memastikan pembangunan RIBI ini lebih terancang. Penguatkuasaan yang berterusan oleh agensi-

agensi yang berkaitan perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan. Antaranya PBT dan Pentadbir Tanah Daerah memantau pertumbuhan tempat-tempat keagamaan di atas tanah kerajaan di atas tanah milik dan tindakan perlu diambil sekiranya pembinaan bangunan tempat keagamaan melanggar syarat-syarat tanah, perancangan dan sebagainya. Itu antara perkara-perkara yang mesti dititikberatkan.

Yang keduanya, tempat-tempat pemujaan atau *shrine* dengan izin Yang Dipertua yang didirikan untuk kegunaan peribadi hanya dibenarkan di dalam kawasan hartanah peribadi dengan saiz yang tidak *prominent* dan ketiga, tempat pemujaan atau keramat atau *shrine* dengan izin Yang Dipertua, sementara, yang dibina di tapak projek pembinaan hendaklah dipasti dirobohkan mengikut tatacara agama masing-masing sebaik sahaja projek projek pembinaan siap dilaksanakan. Kadang-kadang ada dibina untuk bila nak buat projek tu dia buat yang kecil-kecil itu. Jadi sebelum itu kita mesti mungkin akan datang sebelum CCC diluluskan, pihak PBT mesti memastikan bahawa perkara ini dilaksanakan sebelum CCC dikeluarkan.

Yang keempatnya perihal keadaan konflik yang membabitkan RIBI dan urusan pemindahan dan perobohan tempat keagamaan selain Islam sedia ada perlulah dirujuk kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Islam-Islam yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tujuan berunding, perundingan bagi mengelakkan sebarang permasalahan yang tidak diingini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 4. Wakil daripada Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon mengemukakan soalan nombor 4, terima kasih.

> [Hakisan pantai di sepanjang pesisir pantai Negeri Pahang dilihat semakin membimbangkan dan ketara, khususnya ketika musim Monsun Timur Laut yang mempercepatkan kadar hakisan serta menjejaskan keselamatan penduduk, infrastruktur awam dan ekonomi setempat.
>
> 1. Adakah tindakan mitigasi yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi menangani isu hakisan pantai ini secara menyeluruh dan berkesan?
>
> 2. Apakah tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kerajaan Negeri dalam usaha membaik pulih hakisan pantai di Kuala Pontian, Kampung Parit Raja, Pontian, Rompin yang semakin teruk dan merosakkan hampir 10 Chalet, sebuah restoran, 3 buah rumah berdekatan serta 3 jeti termasuk jalan yang terhakis dan rosak yang tidak boleh dilalui hingga kini?]

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia tanya sama dia je [ketawa]. Orang Rompin. Orang Rompin tanya orang Bukit Ibam apa namanya orang Muadzam sama dia sahaja.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Dato' Sri Yang Dipertua. Yang Berhormat Tioman kemukakan soalan berkaitan dengan hakisan pantai. Dan apakah tindakan mitigasi oleh pihak kerajaan dan juga berkaitan dengan soalan hakisan pantai di Kuala Pontian. Dato Sri Yang dipertua, sebelum itu terima kasih kepada Tioman yang mengemukakan soalan berkaitan. Dato Sri Yang dipertua, Kerajaan Negeri Pahang memberi perhatian serius terhadap hakisan pantai yang agak ketara akibat perubahan iklim, dan umum diketahui bahawa kejadian hakisan pantai semakin kritikal berlaku di Malaysia termasuklah di negeri Pahang ini dan dalam Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara 2 dinyatakan terdapat 6 negeri yang mempunyai lebih daripada 10% pantai terhakis di mana di negeri Pahang, panjang hakisan pantai adalah sebanyak 61.8 kilometer ataupun 16.33%. Ini adalah sumber daripada Kajian Hakisan Pantai Negara (NCES) pada tahun 2015 dan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) giat menjalankan kajian bagi mengatasi masalah hakisan pantai di Malaysia. Dan pada masa yang sama pihak JPS juga telah melaksanakan kajian perancangan jangka masa panjang dalam mengatasi masalah hakisan bagi mengenal pasti isu-isu dan kaedah penyelesaian contohnya Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu atau dikenali sebagai *'Integrated Shoreline Management Plan'* (ISMP).

Jadi kajian SMP Pahang ini telah siap pada tahun 2025 dan kajian tersebut mengambil kira isu berkaitan hakisan, masalah muara dan juga gunatanah sepanjang persisiran pantai dan di dalam kajian ini juga, antaranya mengemaskini kategori hakisan pantai dan menyediakan garis panduan bagi cadangan pembangunan di kawasan pantai, mengemaskini jarak had anjakan pembangunan yang disarankan dan pemantauan terhadap proses perubahan morfologi, kestabilan dan kadar *sedimen* di muara-muara sungai dan antara punca berlakunya kesan pantai adalah akibat pertembungan ombak besar dan air pasang tinggi. Kesan er… *sea level rise* dengan izin. Ini isu, satu isu global dan pembuangan beting pasir/lumpur secara semula jadi, aktiviti pembangunan di marina jeti pelabuhan dan sebagainya. Pengurusan kemusnahan ekologi di paya bakau dan juga perlombongan pasir ini yang tidak terkawal.

Kawasan yang tidak dikawal dan selain itu, jenis pantai di Pahang juga yang berpasir dan tidak dilindungi dengan zon penampan seperti pokok bakau. *So*, ini menyebabkan garisan pantai terdedah secara langsung dengan faktor hakisan semula jadi seperti ombak, angin, arus dan juga pasang surut dan semasa musim tengkujuh, pantai ini akan mengalami tahap hakisan yang ketara disebabkan ombak dari laut China Selatan dan juga angin kencang dari arah timur laut dan antara projek ke pantai dan pengorekan muara yang telah diluluskan dan telah siap di Negeri Pahang ini adalah seperti berikut, satu Kerja-kerja mencegah hakisan pantai di Pantai Sepat, Kuantan, Pahang. Kemudian projek kawalan hakisan pantai di Pantai Tanjung Pahang, Rompin. Kemudian projek kawalan hakisan pantai di Pantai Kampung Mukut di Pulau Tioman. Kerja mencegah hakisan pantai Nenasi, Pekan. Kerja mencegah hakisan pantai di Kompleks Rakan Muda Air, Rompin. Projek kawalan hakisan Pantai di Kampung Tanjung Batu, Nenasi, Pekan.

Manakala projek yang dalam pelaksanaan ialah Projek Pemulihan Muara Sungai Pahang Fasa 3 di daerah Pekan. Projek kawalan Hakisan Pantai di Pantai Balok, Kuantan. Kemudian projek membina Outfall di Pantai Teluk Cempedak, Kuantan dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Balok, Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengemukakan permohonan sebanyak RM850 juta untuk mendapatkan peruntukan dan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan bagi kerja-kerja pengawalan pemuliharaan muara dan hakisan pantai di Negeri Pahang dalam Rancangan Malaysia yang Ke-13 dan antara projek tersebut termasuklah Projek Pemuliharaan Pantai Kampung Kuala Pontian, Daerah Rompin, Pahang, Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pulau Tioman, Daerah Rompin, Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Cherating, Kuantan, Pahang, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Balok, Daerah Kuantan, Pahang, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Ular, Daerah Kuantan, Pahang, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Bebar, Daerah Pekan, Pahang, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang.

Kerajaan Negeri Pahang mengharapkan kerjasama dan sokongan berterusan daripada kerajaan Persekutuan dalam usaha menangani isu hakisan pantai khususnya, di kawasan pesisir pantai semakin kritikal dan dengan menyalurkan peruntukan bagi projek-projek pemuliharaan serta memberi perkhidmatan khidmat teknikal. Manakala berkaitan dengan soalan daripada Tioman berdekatan dengan kuala Hakisan pantai di Kuala Pontian ini sebagai langkah jangka panjang kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan dalam *Rolling Plan* Pertama dan Kedua Rancangan Malaysia Ke-13 kepada kerajaan Persekutuan berjumlah RM100 juta bagi cadangan pelaksanaan kerja-kerja pemulihan muara Sungai Pontian dan hakisan pantai di Kuala Pontian. Jabatan Pengairan dan Saliran telah ataupun akan melaksanakan projek tersebut setelah menerima peruntukan tetapi sehingga kini permohonan tersebut masih lagi belum diluluskan. Jadi untuk langkah jangka pendek pula, kerajaan telah meluluskan sebanyak RM500,000.00 melalui peruntukan melalui peruntukan *Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation* (EFT) kepada Jabatan Pengairan Saliran untuk melaksanakan kerja-kerja di muara Sungai Pontian termasuk hakisan pantai di Kuala Pontian dan kerja-kerja ini dijangka dilaksanakan pada Jun 2026 setelah proses, semua proses selesai. Sekian terima kasih.

ADUN TIOMAN – (N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan tambahan Dato'.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, sila.

ADUN TIOMAN – (N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih kepada pihak kerajaan atas makluman yang telah di bacakan tadi dan saya ingat perkara ini memberi khabar gembira kepada warga pesisir pantai di Kuala Pontian dan juga Pulau Tioman. Dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan sidang Dewan. Saya sejak di bangku sekolah, lagilah selalu bermain di tepi-tepi pantai ni dan seingat saya masa tu banyak pejabat-pejabat kerajaan dan juga sekolah, sekolah ada, balai bomba ada, balai polis ada, masjid pun ada, tapi sekarang dah tak ada semua dah dimakan oleh laut daripada 500 hingga 1 kilometer ke dalam

laut. Dan hari ni kalau pergi memang tak nampak langsung bangunan tu. Dulu sempatlah kita pergi ke pejabat-pejabat kerajaan termasuk gerai-gerai orang kampung. Dan kalau kita lihat di pesisir pantai tu ada Pulau Docong Kecil, Pulau Docong Besar. Itu pun dulu kira Bukit, kira pulau jadian dan sekarang ni yang pulau yang paling hampir dalam Negeri Pahang, antaranya Pulau Docong Kecil dan Docong Besar ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan Yang Berhormat.

ADUN TIOMAN – (N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebelum itu, saya nak sebut bahawa fenomena ini kebelakangan ni sangat dahsyat, ekstrem. Dia punya hempasan ombak, aras gelombang yang memukul pantai hari ini. Jadi saya nak tanya yang wakil kerajaan. Kebetulan dia pun selalu berulang alik ke Rompin. Baru-baru ni pun dia singgah di Kuala Pontian. Dengan saya sendiri pun ada meneman yang juga Pengarah JPS datang. Terima kasihlah lulus lebih kurang RM500,000.00 untuk projek tebatan hakisan banjir di kawasan Kuala Pontian ni. Jadi soalan dia tu apa sebab dan punca? Kebelakangan ini hakisan ataupun fenomena monsun timur laut ni sangat besar berbanding masa saya kecil-kecil dulu ataupun katakan air dah 53 tahun makna dah berapa tahun dah, 40/50 tahun dulu tak macam ni dan kalau pulau Tioman pun sama. Jadi saya mohon sedikit maklumat atau penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, Terima kasih juga kepada Tioman yang mengemukakan soalan tambahan. Er... Berkaitan dengan, kalau tengok sekarang ni keadaan paras air laut. Puncanya paras laut kita meningkat. Kalau dulu air pasang tak sampai macam sekarang ni sampai ke darat dah banyak kawasan pantai yang terhakis. Kalau kita tengok dekat jalan dekat di sepanjang banyak tempat sepanjang contoh di belah-belah balok sebagainya banyak la ni. Jadi antara puncanya sebenarnya ialah isu. Er… Ini isu iklim global yang sebenarnya merupakan isu antara global antarabangsa dan perkara ini pun dah dibincang secara aktif di peringkat antarabangsa seperti United Nations Intergovernmental, panel on Climate Change dan juga dalam persidangan antarabangsa termasuklah *Conference of the Parties* ataupun OCP Jadi kalau dibincang di peringkat dunia dan antaranya disebabkan oleh perubahan suhu bumi yang semakin panas semakin meningkat di mana berlakunya apa ni. Er... Di Kutub Utara disebabkan panas ini menyebabkan ais di Kutub Utara Selatan mencair glasier daripada gunung-gunung yang tinggi pun mula cair dan cepat turun ke laut dan ini akan meningkatkan jumlah isipadu air di laut dan selain juga disebabkan oleh pengembangan haba laut.

Bila suhu laut meningkat, air laut ini akan mengembang dan mengembang ni, maknanya molekul. Molekul ini dia akan bergerak lebih laju dan susunan jarak antara molekul tu akan lebih renggang dan menyebabkan dia ni lebih teknikal sikit dan menyebabkan isipadu tu akan naik. Jadi, sebab itulah.... tengok antara punca-puncalah er... yang er... apa ni ke paras air laut naik dan selain itu juga ke tengok penambakan laut. Ini, ini juga isu, isu global. Saya tak pasti benda ni ada bincang di peringkat antarabangsa tak penambakan laut ni. Kita tengok sekarang ni banyak negara-negara besar er... menambak membuat pulau-pulau buatan di tengah laut.

Sekali tengok sekarang ni lah laut banyak lah er... laut-laut besar apa ni, pulau-pulau besar, di sini juga yang luasnya er... beratus-ratus ekar hektar. Jadi ini juga akan menyebabkan ruang yang sepatutnya kawasan tu adalah kawasan yang ada air dah tak ada air dan ruang tu dipenuhi dengan tanah dan juga paras air laut tu akan naik. Jadi, kesannya banyak, er... jadi ni dah isu di peringkat global peringkat dunia. Jadi itulah sahaja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang. Yang Berhormat wakil kerajaan dah macam cikgu Geografi dah. Seterusnya kita bagi pada soalan nombor 5. Wakil daripada Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih er... Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan nombor 5.

[Minta kerajaan negeri nyatakan status terkini pembangunan Halal Hub Gebeng, termasuk kemajuan fizikal, kemasukan pelabur, pencapaian setakat ini serta potensi sebenar projek dalam menarik pelaburan dan merancakkan sektor perindustrian negeri. Sejauh mana projek ini berjaya mencapai sasaran sebagai pemangkin pelaburan dan industri halal di Pahang?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih rakan ADUN saya, yang bertanyakan soalan seperti berikut.

Minta kerajaan negeri nyatakan status terkini pembangunan Halal Hub Gebeng termasuk kemajuan fizikal, kemasukan pelabur, pencapaian setakat ini serta potensi sebenar projek dalam menarik pelaburan dan merancakkan lagi sektor perindustrian negeri. Sejauh mana projek ini berjaya mencapai sasaran sebagai pemangkin pelaburan dalam industri halal di Pahang. Untuk makluman, dewan yang mulia ini, status terkini pembangunan Hub Halal Gebeng telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Pembangunan Industri Halal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, pada 29 Januari 2026. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 5 Tahun 2026, telah bersetuju untuk mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan peruntukan sebanyak RM500 juta. Peruntukan ini adalah bagi tujuan pembangunan infrastruktur di kawasan seluas 230 ekar. Yang ketika ini masih berstatus tanah kosong atau pun *greenfield* dengan izin. Maksudnya tidak ada apa-apa jalan raya, infrastruktur bangunan yang boleh menyokong cadangan pelaburan tersebut. Pembangunan ini dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh jangka panjang selama 15 tahun. Pihak Pelabuhan Kuantan ada membuat kajian pembangunan strategik mengenai Taman Industri Halal di Gebeng ini, dan mereka ada membuat penanda arasan dengan pembangunan zon Industri Halal ataupun Taman Industri Halal di Dubai, di Ankara, waima di Karawang, Indonesia sekali pun.

Dan didapati semua taman industri ini yang mempunyai *occupancy* dengan izin atau pun pengisian yang tinggi, mereka betul-betul membelanjakan jumlah yang besar untuk infrastruktur, taman industri jalan raya, bekalan air, elektrik dan sebagainya, termasuk kemudahan *cold chain* dengan izin, untuk untuk menyimpan apa ini

makanan halal, dan disebabkan itu pihak pelabur tertarik untuk memasuki taman industri tersebut. Jadi kita tidak boleh lari daripada kejayaan taman-taman industri ini sekiranya kita serius untuk bangunkan Taman Industri Gebeng perlu ada perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur. Lagipun pembelanjaan ni, akan di biayai untuk tempoh 15 tahun. Fasa pertama 2 tahun tu kita akan belanjakan RM70 juta sekiranya kerajaan Persekutuan bersetuju.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada pihak pelabur luar yang berminat untuk menjadi CO *investor* dengan izin, maka jumlah RM500 juta ni akan berkuranganlah mungkin separuh-separuh separuh tanjung ditanggung kerajaan dan separuh lagi *investor* luar. Dalam pada masa yang sama, kerajaan negeri seperti saya sebut tadi memang mengalukan penglibatan pihak swasta dan pelabur yang berminat untuk turut serta membangunkan Taman Industri Halal Gebeng ini, dalam menyediakan khususnya untuk penyediaan lot industri, pembinaan kilang serta fasiliti logistik seperti gudang. Antara komponen penting dalam taman industri halal ini adalah *storage* untuk *cold chain*. Ada kajian yang mengatakan kalau kita ada fasiliti *Cold Chain* yang bajetnya RM20 juta di sini. Maka, komplikasi kerumitan untuk mematuhi syarat-syarat piawaian halal tu akan jatuh sebanyak 70%. Kita ambil iktibar dari pembangunan industri taman halal di Karawang yang sebagainya, bila tak ada *cold chain*, dia kena *retrofit* balik ye dia kena ubah suai er... setelah taman industri itu telah dibangunkan beberapa tahun ia memakan jumlah yang begitu besar akibatnya.

Terkini, sebuah syarikat dari China telah menyatakan minat untuk bekerjasama dalam pembangunan serta membawa pelaburan ke dalam taman industri ini. Antara industri yang disasarkan oleh Hub Halal Gebeng merangkumi pembuatan makanan halal dan bukan makanan maksudnya ramuan dengan izin *ingredients, farmaseutikal*, produk berasaskan pertanian dan daging, logistik halal dan juga peralatan medikal. Pemilihan lokasi ini adalah strategik kerana ia melengkapkan fungsi pembangunan berorientasikan transit atau pun *transit oriented development* dengan izin, serta projek pemangkin ekonomi atau *Economic Accelerator Project* dengan kedudukannya yang berhampiran dengan jajaran dan stesen ECRL. Tanah tersebut, jaraknya kira-kira 12 km daripada Pelabuhan Kuantan. Selain itu, jarak Hub Halal Gebeng ke stesen ECRL Cherating dan tapak Lapangan Terbang Baru Kuantan adalah sekitar 4 km. Kedudukan ini memberikan kelebihan logistik yang *signifikan* kepada para pelabur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pembangunan ini juga selaras dengan inisiatif Pelaburan, maaf Pelabuhan Mesra Halal oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan. Yang bakal menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan mesra halal pertama di Malaysia. Pada masa yang sama, Hub Halal Gebeng akan berfungsi sebagai hub industri halal bersepadu di Pantai Timur. Seiring dengan itu, operasi pelabuhan mesra halal telah pun dimulakan dengan penyediaan kawasan khas bagi pengendalian kargo halal serta pelancaran konsortium perkapalan bagi kargo halal ke Sabah dan Sarawak bermula pada 2 Februari 2026. Inisiatif ini membolehkan pengintegrasian pengangkutan melalui ECRL, yang bakal bermula tahun depan Januari, udara dan laut bagi tujuan eksport dan import ke pasaran antarabangsa seperti China, Jepun dan juga Korea. Selain itu, benua Borneo dan juga negara jiran pun ada potensi besar ye Indonesia dan juga Filipina. Kadar perdagangan antara negara-negara ASEAN masih di paras 25%. Rendah sebenarnya berbanding dengan benua luar, kita berdagang dengan Eropah dan negara lain lebih daripada 40, 50%. Kesimpulannya, walaupun projek ini masih berada pada fasal awal pembangunan fizikal, asas perancangan sokongan dasar serta minat pelabur telah mula menunjukkan perkembangan yang positif dengan kelebihan lokasi, strategik integrasi logistik, pelbagai mod serta sokongan infrastruktur yang dirancang dan

perbelanjaan untuk infrastruktur itu amat kritikal. Kita yakin Hub Halal Gebeng berpotensi besar untuk menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan, pertumbuhan pelaburan dan industri halal di negeri Pahang seterusnya merancakkan pembangunan ekonomi negeri secara menyeluruh. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu soalan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima kasih wakil kerajaan di atas jawapan diberikan. Kita faham dan kita, kita bersetuju bahawa untuk membina halal, hab ini memerlukan infrastruktur yang *complete* lengkap. Namun er... bila kita lihat kepada permintaan dan juga keadaan semasa, ekonomi halal ni, *globally* kita kata er... nilainya lebih kurang 2 hingga 3 Trillion US Dollar setahun. Maknanya dia adalah merupakan satu industri yang sangat berpotensi besar dan ada ruang yang besar untuk kita. Kita dah ada dah ada tempat dan sebagainya. Cuma apa yang perlu kita buat adalah supaya, pihak kerajaan terus minta supaya seperti mana titah Tuanku tempoh hari, ada *fastrack, fast lane* untuk industri halal hab ini dengan kerajaan Persekutuan. Supaya kerajaan Persekutuan tidak banyak birokrasi dia untuk nak menjayakan kita punya hasrat membina halal hub ini. Sebab halal hub ini bukan setakat makanan sahaja. Ia banyak perkara kosmetik terutama sekali ubat-ubatan farmaseutikal. Hatta pelancongan halal patuh syariah juga boleh dikembangkan di Kawasan-kawasan Industri Gebeng dan juga persekitarannya. Fesyen pakaian ini semua adalah merupakan halal punya konsep yang diterima banyak oleh seluruh global. Maka kita harap supaya *fastrack* dan *fast lane* yang dititahkan ini dapat dilanjutkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya dia dapat memudahkan kita untuk membina dan merealisasikan halal hub ini. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN Beserah. InsyaAllah kami akan usahakan sebaik mungkin. Mungkin kekangan yang ada di peringkat persekutuan ialah di Malaysia ni ada banyak sangat taman industri halal. Kita ada 20 taman industri halal yang betul betul orang kata ada pengisian yang baik adalah sebanyak lapan taman industri yang paling berjaya di Taman Enstek di Negeri Sembilan, di mana mereka ada konsep membawa pelabur tunjang ataupun *anchor investor* seperti Coca Cola, Ajinomoto Kellogg's. Sebab itu mereka berjaya. *So anchor investor* tu juga amat penting jika kita nak membawa apa nak menjayakan Taman Industri Gebeng ini. InsyaAllah kita akan usahakan sebaik-baiknya untuk mendapatkan dana tersebut. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan No. 6 wakil daripada Jenderak.

(ADUN JENDERAK – N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Pertanyaan saya nombor 6.

> [Bagaimana Program Anggun Maju membantu meningkatkan taraf ekonomi wanita, khususnya dalam kalangan golongan B40?]

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan sahabat ADUN Jenderak yang bertanyakan soalan. Soalannya berbunyi bagaimana Program Anggun Maju membantu meningkatkan taraf ekonomi wanita khususnya dalam golongan B40. Program Anggun Maju ini diwujudkan bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi wanita khususnya dalam golongan B40 melalui pendekatan yang menyeluruh dan juga praktikal dan program ini memberi tumpuan kepada pemerkasaan ekonomi dengan menyediakan latihan kemahiran seperti keusahawanan, pengurusan kewangan serta pembangunan produk dan juga pemasaran termasuk penggunaan *platform digital*. Selain itu juga, peserta turut dibantu dari segi akses kepada modal permulaan dan peluang menjana pendapatan melalui bimbingan perniagaan serta jaringan sokongan bersama agensi kerajaan, NGO dan juga sektor swasta. Ini membolehkan wanita B40 bukan sahaja memulakan perniagaan kecil malah berupaya mengembangkan sumber pendapatan secara berterusan dan program ini juga memberi penekanan kepada peningkatan keyakinan diri dan keupayaan berdikari dalam kalangan wanita supaya mereka tidak hanya bergantung kepada bantuan jangka pendek. Dengan adanya ilmu, kemahiran dan sokongan yang berterusan, peserta dapat menjana pendapatan sendiri, memperbaiki taraf hidup keluarga dan seterusnya keluar daripada kitaran kemiskinan secara lebih mampan dan juga berkesan. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi ke soalan nombor 7 ADUN Lantikan

(ADUN LANTIKAN – AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Salam Sejahtera Yang Berhormat Dato Sri Speaker Izinkan saya mengemukakan pertanyaan nombor 7.

> [Berapa peratusan rakyat bukan melayu yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam kerajaan negeri Pahang?]
>
> [Apakah tren pengambilan rakyat bukan melayu sedang menurun, *static* atau meningkat dalam tempoh 10 tahun terakhir?]

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Salam Sejahtera. Terima kasih kepada rakan saya yang bertanya dengan perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pahang. Untuk menjawab soalan pertama berdasar rekod semasa Kerajaan Negeri Pahang, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sehingga Mac 2026, seramai 10,086 orang

pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pahang. Untuk soalan nombor 2, apakah *trend* pengambilan rakyat bukan Melayu yang menurun? Ok untuk jawab yang sekali lagi untuk soalan pertama. Untuk pengambilan dipanggil temuduga saya bagi 4 tahun dulu eh. 2022 yang dipanggil untuk temuduga adalah 1,929 orang. Jumlah hadir adalah 1,460 orang. Yang Melayu, kaum Melayu yang diambil sebagai perkhidmatan awam adalah 840 orang dan bukan Melayu 7 orang. Untuk 2023, dipanggil temuduga 839 orang. Jumlah hari adalah 619 orang. Perkhidmatan awam kaum Melayu diambil adalah 313 orang dan bukan Melayu 8 orang. Untuk 2024, dipanggil untuk temuduga adalah 1,079 orang. Jumlah hari adalah 925 orang. Perkhidmatan awam kaum Melayu diambil adalah 371 orang yang bukan Melayu 9 orang.

Untuk 2025, dipanggil untuk temuduga adalah 1,316 orang. Jumlah hari adalah 803 orang. Perkhidmatan awam kaum Melayu diambil adalah 443 orang dan bukan Melayu adalah 9 orang. Untuk makluman kawan saya, sekarang jumlah bukan Melayu yang khidmat di Pahang adalah 234 orang. Kerajaan negeri sentiasa mengamalkan prinsip peluang yang adil, terbuka dan berasaskan merit dalam urusan pelantikan ke perkhidmatan awam negeri tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan, kelayakan, keperluan jawatan serta peruntukan undang undang yang dasar yang berkuat kuasa. Komposisi perkhidmatan awam negeri juga bergantung kepada faktor penawaran calon, kesesuaian jawatan, keperluan perkhidmatan serta penyertaan permohonan dari pelbagai kaum. Sekian.

(ADUN LANTIKAN – AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

1 soalan tambahan.

(ADUN LANTIKAN – AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Adakah kempen penerangan atau langkah-langkah proaktif sedang diambil untuk menambah baik peratusan pengambilan anggota bukan Melayu?

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih. Soalan tambahan. Kerajaan sentiasa ambil berat. Yang pentingnya jika sesiapa yang ingin memohon menjadi sebagai perkhidmatan awam dia. Nanti saya bagi *link*. Ok yang dekat *link* SPA Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

SPA

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

SPA Pahang

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

SPA spa lain Yang Berhormat.

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta maaf

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Janganlah ingat spa.

(ADUN TERUNTUM – N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

SPA Pahang dan pergi sana daftar dan kita akan panggil. Kalau kita tengok kita akan panggil. Ok. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ok soalan seterusnya soalan nombor 8. Wakil daripada Chini.

(ADUN CHINI – N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Pergi ke Chini bersama Pok Tan. Saya kemukakan pertanyaan yang ke-8.

> [Apakah perancangan kerajaan negeri bagi tahun 2026 dalam meningkatkan sektor perlancongan di negeri Pahang?]

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Chini yang bertanyakan. Pelancongan. Jadi untuk tahun ini, perancangan negeri Pahang untuk merancakkan sektor pelancongan ada beberapa. Yang pertama tentang promosi pelancongan domestik dan antarabangsa. Jadi kita seperti biasa, kita juga akan menyertai eksposisi pelancongan di luar negara. Jadi di sini sila izinkan saya berkongsi kenapa pentingnya kita perlu menyertai eksposisi pelancongan ini. Jadi contoh ITB Berlin. Ini adalah salah satu *market* yang penting untuk eko pelancongan di Pahang. Jadi hasil daripada ITB Berlin kita dapat bisnes baru di mana tahun ini ada yang *confirm* pasaran baru yang akan datang ke Kuantan kita ada 30 *Group Series* dari German yang akan bermalam 3 malam. 2 *groups* Perancis bermalam 9 malam dan Groups *Scandinavian* bermalam 5 malam di Kuantan.

Kesemuanya *confirm* dan masa sekarang kita masih terima *enquiries* daripada Portugal dan Austria dan eksposisi pelancongan ini penting untuk kita memperkukuhkan jaringan kerjasama yang sedia ada untuk kita mencari bisnes baru dan untuk kita dapat bertemu secara terus dengan pemain industri untuk faham apa yang berlaku sekarang. Sebagai contoh, saya baru balik dari China di mana kita menyertai *Sales Mission* di China bersama Tourism Malaysia. Jadi ada *travel agent* dari China. Dia tunjukkan pakej-pakej memang ada pakej ke Tioman….Memang ada

pakej ke Pahang. Tapi mengikut mereka, sambutan mungkin tidak begitu menggalakkan. Jadi, dengan ini kita perlu *adjust* strategi kita di sini. Mungkin kita kena lebihkan promosi di digital, di *social* media untuk meningkatkan kesedaran produk-produk *knowledge* kita kepada orang awam kepada pelancong di luar negara. Jadi itu pentingnya kenapa kita perlu secara berterusan untuk menyertai eksposisi pelancongan dan untuk eksposisi pelancongan domestic tahun ini kita akan lebih proaktif untuk jelajah ke negeri lain. Sebagai contoh, Johor, Penang, Selangor dan juga Perak untuk menyertai *Travel Fair* dan sila izinkan saya untuk mempromosikan 3 *Travel Fair* yang akan berlangsung di Kuantan pada 3 bulan ini.

Yang pertama, MAH Tourism Fair pada 29 hingga 31 Mei di East Coast Mall, yang keduanya MATTA Fair, Pahang 19 hingga 21 Jun juga di East Coast Mall, Pahang dan ketiga Star Karnival, Cuti-cuti Malaysia 3 hingga 5 Julai juga di East Coast Mall, Pahang, Kuantan. Dan keduanya, strategi kita adalah juga termasuk pembangunan… pembangunan pakej pelancongan dan kita telah merancang untuk beberapa bengkel latihan khusus kepada pemain industri supaya kita dapat bersama membangunkan pakej pelancongan yang dapat bersaing dan dengan harga yang lebih rahmah untuk menarik pelancong domestik. Yang ketiga yang sudah ulang untuk kita nak perlu lebih lagi menggunakan platform digital dan *social* media secara lebih meluas dan efektif untuk menarik perhatian pelancong-pelancong di luar sana. Dan juga keempat untuk lebih proaktif untuk mengeratkan kerjasama antara kerajaan dan pemain industri. Ini adalah antara beberapa perancangan bagi tahun ini. Terima kasih.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Soalan tambahan.

(ADUN CHINI – N.23)
YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Chini.

(ADUN CHINI – N.23)
YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Er… Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan lebih banyak program ataupun acara tahunan seperti festival pelancongan, sukan air, kebudayaan masyarakat orang asli, pertandingan memancing serta aktiviti-aktiviti rekreasi yang mampu memberi impak ekonomi kepada penduduk setempat khususnya di kawasan Tasik Chini.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Chini. Memang kita selalu mengalu-alukan untuk penganjuran acara sebab ada sesetengah destinasi pelancongan ia memang memerlukan acara untuk merangsangkan ketibaan pelancong. Jadi dengan ini Tourism Pahang kita ada kalendar acara pelancongan. Setiap tahun kita ada kalendar acara pelancongan dan kita memang … kalendar ini akan dikemaskini dari semasa ke

semasa dan kita memang mengalu-alukan cadangan kertas kerja *proposal* bukan sahaja daripada syarikat-syarikat NGO, sekiranya YB - YB ada cadangan, ada inisiatif dapat menarik penganjuran acara di kawasan masing-masing, kita amat mengalu-alukan. Dan contoh-contoh yang dikemukakan Yang Berhormat Chini seperti Pesta Sukan Air, Kebudayaan Orang Asli, semua ini ada dalam kalendar kita dan akan datang bulan 8 kita juga akan ada Pahang *Fishing Fest…* yang… Pahang *Fishing Fest* yang juga anjuran bersama dengan Tourism Malaysia. Untuk Tasik Chini, setakat ini kita belum apa… ada *proposal*, tapi kita mengalu-alukan sekiranya ada cadangan daripada pihak YB, kita akan cuba membantu. Terima kasih.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Saya… saya ini dulu daripada wakil ADUN Lantikan. Tadi dia dah bangun.

(ADUN LANTIKAN)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Saya ingin tanya apa pendirian Kerajaan Negeri terhadap Pesta Air baru-baru ni. Itu yang soalan pertama. Yang kedua, apakah langkah seterusnya Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif untuk perkenalkan Cherating sebagaimana Titah Kebawah Duli Tuanku? Dan yang ketiga, kita di Kuantan ada satu tempat yang cukup bagus. Malam-malam kita boleh melihat kelip-kelip itu di sebelah Balok sana. Eh… Balok…bukan Balok… Cherating… di Cherating. Jadi apakah langkah untuk *promote* kan tempat-tempat seumpama ini? Sekian terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Er… Terima kasih. Berkenaan dengan pesta air. Saya rasa kita faham yang menjadi topik hangat baru-baru ini. Jadi untuk makluman semua, memang ini adalah inisiatif Tourism Malaysia untuk menganjurkan Pesta Air sempena Hari Pekerja dan Tourism Pahang telah juga digalakkan mendapat cadangan permintaan daripada Tourism Malaysia supaya sempena Hari Pekerja, pesta ini boleh dianjurkan secara serentak di setiap negeri tetapi pada masa itu kita faham bahawa penganjuran pesta ini konsepnya tidak ditetapkan. Jadi, setiap negeri boleh mempunyai kebebasan untuk merancang program ini berdasarkan er… yang bersesuaian dengan budaya negeri masing-masing. Jadi negeri Pahang memang kita ada potensi untuk eko pelancongan. Memang kita mengalu-alukan inisiatif ini, kita mungkin apa yang dirancang pada Hari Pekerja yang lalu, kita faham bahawa ada sesetengah pihak yang mengemukakan bantahan atas isu sensitiviti. Tapi kita rasa bahawa Majlis Bandaraya Kuantan telah mempertimbangkan *proposal* yang telah dihantar, mengambil kira pelbagai faktor untuk pesta ini bagi saya Kerajaan Negeri kita boleh meneruskan asalkan pengisian dia bersesuaian dengan budaya dan yang boleh diterima oleh komuniti tempatan. Sebab kita tidak semestinya nak mengikut konsep yang dianjurkan di negeri lain.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang penting Yang Berhormat, kita dapat bajet dia tu.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Yang penting dapat bajet, yang penting…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu yang paling penting.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

… dapat menarik pelancong… yang penting chalet-chalet kita, hotel-hotel kita *full*… yang penting peniaga-peniaga kecil kita dapat cari makan. Saya rasa itu yang paling penting. Yang kedua tentang Cherating. Kita bersyukur kerana baru-baru ini kita dapat kelulusan RMK sebanyak RM15 juta untuk pembangunan di Cherating. Sebab isu di Cherating adalah hotel-hotel besar di Cherating, selalu dapat bisnes tapi bagaimana kita nak membantu peniaga kecil dan chalet di Cherating. Yang itu kita perlukan acara pelancongan. Tapi untuk acara pelancongan kita hadapi kekangan tentang isu lokasi *parking*. Jadi dengan adanya kelulusan bajet ini, Majlis Bandaraya Kuantan sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses perancangan untuk *design* projek pembangunan dari bulan ini hingga September untuk… akan melibatkan tiga zon. Yang zon pertama melebarkan tempat *parking*, zon kedua akan melibatkan pembangunan dataran supaya masa kelak kalau ada acara-acara pelancongan, kita ada tempat untuk dianjurkan. Dan ketiga adalah melibatkan tempat esplane… pembinaan esplanade di zon 3 supaya kita akan ada tempat untuk *showcase* kebudayaan orang Asli. Itu adalah perancangan infrastruktur dan untuk acara pelancongan di Cherating, kita akan teruslah *engage* dengan *local* supaya kita dapat terus mengalu-alukan dan menyokong acara pelancongan di Cherating.

Yang ketiga tentang kelip-kelip, betul Hafiz Cherating ini adalah salah satu keunikan kita dan kita amat berbangga dengan produk pelancongan ini. Jadi setiap kali kalau kita ada FAM trip memang kita akan membawa *travel agents* dari luar negara atau domestik untuk melawat untuk merasai dan mempunyai pengalaman di Hafiz Cherating. Dengan ini, kita berharapkan bahawa dengan FAM, trip ini lawatan suai kenal kita dan mereka dapat membawa bisnes baru kepada untuk produk pelancongan ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, soalan terakhir untuk apa namanya… ADUN… apa namanya… wakil terakhir untuk bertanya soalan… soalan. Sila… sila Wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Err. Saya tengok pertama sekali tahniahlah di atas perancangan yang telah pun disusun. Saya tengok Pahang ni kita punya produk pelancongan *based* kepada *nature,* alam semula jadi. Berbeza dengan Kuala Lumpur, beza dengan tempat lain. Kebanyakan pelancong kita datang dia nak lihat keindahan semula jadi. Kita Pahang ni antara yang uniknya kita ada pulau, ada pantai ada tanah tinggi dan sebagainya. Saya lihat dalam konteks ini kalau sekiranya insiden yang sedang berlaku di Timur Tengah menyebabkan pelancong dah berpindah daripada Dubai dan

sebagainya ke tempat lain dan ini kesempatan yang perlu kita ambil supaya mereka dapat dipindahkan atau boleh fokus pada negeri kita.

Cuma ada satu isu, Tioman ni 10 pulau tercantik di dunia suatu masa. Hari ini Tioman berdepan dengan masalah kehadiran pelancong luar negara yang sangat merosot. Kos tambang RM60 sehala, pergi balik RM120. Kalau dia pergi, dia bawa keluarga 4 - 5 orang beerti 4 5 ratus untuk tambang sahaja. Ini di antara komplain daripada yang saya dapat maklumat. Jadi saya ingat beberapa inisiatif selain daripada itu, untuk kita beri fokus kepada er… kempen pelancong pakej daripada luar negara. Kehadiran pelancong china ke Sabah, Sarawak sangat tinggi sangat tinggi, tapi mereka tak datang ke Pahang. Pahang banyak lepas Singapore tapi sangat kurang pelancong luar. Saya mengalu-alukan juga program domestik yang telah disusun. Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Er….Cheka, seperti yang tadi saya berkongsi. Memang apabila kita berada di China, Er… fokus kita adalah untuk mempromosikan pantai dan juga pulau kita yang mana ini adalah satu tarikan yang sangat besar untuk pasaran ini. Jadi kenapa er., Tioman er… kita kurang dapat, contohnya er...er... pelancong dari negara luar? contohnya China. Jadi salah satu isu yang kita temui adalah mungkin dari segi kesedaran produk kita, kita perlu er... lebih agresif untuk mempromosikan pulau kita di pasaran ini bukan. Bukan sahaja melalui website kita travel ejen tetapi secara meluas melalui digital, platform digital, sosial media, *career* mereka dan media mereka. Ini adalah satu *adjustment* er... strategi kita yang kita er... akan melaksanakan pada tahun ini juga dan pada masa yang sama memang isu *transport* di Tioman sesuatu yang er.. menjadi er… er… salah satu faktor. Sebelum ini er…, beberapa mesyuarat telah diadakan dan er… kita er… juga bersyukur kerana pada pada asalnya kita hanya ada feri operator dan atas permintaan dan saya rasa er…atas er… pemantauan dan persetujuan. Akhirnya kita ada juga perkhidmatan *speedboat* yang dibenarkan beroperasi untuk menggerakkan untuk membawa pelancong er… dari jeti er…ke pulau. Kita berharap bahawa seterusnya akan ada usaha lain sebagai contoh, er…er… menaiktaraf jeti khususnya di Teluk Gading untuk kita dapat menampung lebih banyak feri dan menarik lebih banyak operator feri untuk berkhidmat di er…Jeti Teluk Gading.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita bagi pada soalan er.. yang terakhir iaitu soalan nombor 9 wakil daripada Bukit Ibam, ini Yang Amat Berhormat jarang-jarang.

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Er… Dato' Sri Speaker. Soalan saya Nombor 9.

> [Penyalahgunaan dadah di tanah rancangan FELDA masih menjadi cabaran besar masalah social di negeri ini, apakah usaha kerajaan dalam membendung isu ini?]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

[Ayat Al-Quran] Bismillahirrahmanirrahim. Salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang dan Er… juga terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bukit Ibam dengan persoalannya iaitu penyalahgunaan dadah di tanah FELDA masih menjadi cabaran besar masalah sosial di negeri ini dan apakah usaha-usaha kerajaan dalam membendung isu ini. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Dewan Yang Mulia kerajaan negeri memandang serius isu penyalahgunaan dadah di kawasan tanah rancangan FELDA yang masih menjadi antara cabaran sosial utama di negeri ini dan memerlukan pendekatan yang menyeluruh melibatkan aspek, pertamanya ialah penguatkuasaan iaitu pencegahan, pemulihan dan juga penglibatan komuniti dari sudut penguatkuasaan pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pahang telah pun melaksanakan Ops Tapis Khas ataupun Ops *Hawk* secara konsisten setiap bulan dengan memberi fokus kepada kawasan FELDA dan juga kawasan di luar bandar. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 13 operasi telah dilaksanakan melibatkan 3,517 kes dan 4,031 tangkapan telah pun dilaksanakan.

Manakala pada tahun 2025, sebanyak 13 operasi juga dilaksanakan melibatkan 2,888 kes dan 3,514 tangkapan telah pun dibuat. Bagi tempoh Januari hingga 31 Mac 2026 pula, sebanyak 3 operasi yang telah pun dilaksanakan telah melibatkan 629 kes dan juga melibatkan 755 tangkapan. Secara keseluruhan, sebanyak 29 operasi yang telahpun dijalankan melibatkan 7,034 kes dan juga 8,300 tangkapan telah pun dilaksanakan. Selain itu, pihak PDRM turut merekodkan data khas berkaitan tangkapan di kawasan FELDA yang melibatkan warga FELDA atau individu luar yang menjalankan aktiviti dadah di kawasan rancangan FELDA. Statistik menunjukkan sebanyak 2,792 tangkapan direkodkan pada tahun 2024, diikuti 1,824 tangkapan pada tahun 2025 dan juga 445 tangkapan bagi tempoh Januari hingga Mac 2026, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 5,061 tangkapan. Transaksi ini menunjukkan penurunan jumlah kes dan tangkapan dari tahun 2024 kepada tahun 2025, sekali gus memberi petunjuk awal bahawa pendekatan penguatkuasaan yang berterusan, operasi yang bersasar serta intervensi komuniti yang dilaksanakan oleh kerajaan bersama dengan agensi berkaitan mula menunjukkan kesan yang amat positif dalam membendung aktiviti penyalahgunaan dadah terutamanya di kawasan FELDA.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak akan berkompromi dan akan terus memperkukuh usaha pencegahan penguatkuasaan dan pemulihan secara bersepadu. Untuk Er… untuk makluman, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga ahli Dewan sekalian bahawasanya di dalam tanah rancangan ini sendiri, kita telah pun menubuhkan beberapa persatuan-persatuan termasuk NGO-NGO daripada Majlis Belia FELDA Malaysia dan juga kami anak FELDA Malaysia dan juga bersama dengan skuad Maya. Skuad Maya ini ditubuhkan dalam er.. masyarakat komuniti setempat untuk mengawal dan juga membantu dalam er.. operasi dadah yang sedang dijalankan di tanah rancangan masing-masing. Dalam masa yang sama, PDRM juga mempergiatkan pengawasan di bawah Seksyen 39C iaitu Akta Dadah Merbahaya 1952 terhadap penagih tegar yang berulang kali melakukan kesalahan. Pendekatan ini bertujuan mengasingkan penagih tegar daripada masyarakat bagi tempoh antara 5 hingga 7 tahun untuk memutuskan rantaian pengaruh negatif khususnya terhadap golongan muda. Sehingga Mac 2026 ini, seramai 1,607 individu telah diambil tindakan di bawah seksyen tersebut iaitu melibatkan 731 orang pada tahun 2024, 680 orang pada tahun 2025, dan 196 orang bagi tempoh Januari hingga Mac 2026.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, dari sudut pemulihan pula, Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pahang telah pun melaporkan sehingga Mac 2026 seramai 1,166 klient FELDA sedang mengikuti program rawatan dan juga pemulihan dalam komuniti atau pun RPDK. Mewakili 33.24 peratus daripada 3,508 klien RPDK di negeri Pahang. Bagi mengukur tindakan secara lebih bersepadu, AADK bersama FELDA Negeri Pahang telah pun membangunkan Pelan Tindakan daerah, Pelan Tindakan Dadah FELDA Pahang 2026 atau PTDFP yang kini berada di peringkat akhir sebelum dimuktamadkan pelaksanaannya. Pelan ini memberi fokus kepada 3 komponen utama iaitu pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan. Dengan pendapatan KPI dan juga garis masa yang cukup jelas. Antara tindakan utama yang akan dilaksanakan termasuk penubuhan Sekretariat Gerakan Bersepadu sebagai platform Penyelarasan Tindakan Anti dadah, Pembangunan *Profiling* komuniti berisiko di 115 rancangan FELDA melalui kerjasama Pegawai Perhubungan Sosial FELDA terutama sekali di Wilayah Kuantan, Jengka, dan Mempaga serta pelaksanaan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, RELA, JPNIN dan juga pihak berkuasa tempatan. Selain itu, kerajaan turut memperluaskan program pendidikan, pencegahan dan juga kesedaran awam melalui ceramah, kempen dan juga aktiviti gaya hidup sihat di sekolah serta komuniti FELDA bagi mendekati golongan belia dan juga remaja supaya menjauhi dadah ini.

Dalam aspek rawatan pula, dan juga pemulihan. Pelbagai program telah dilaksanakan termasuk program integrasi sosial, program kekeluargaan, psiko pendidikan, pencegahan, program keagamaan, kerohanian serta lawatan berkala dari rumah ke rumah bagi memastikan sokongan berterusan dapat diberikan kepada mereka di dalam komuniti. Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, pada 16 Mac 2026 yang lalu, telah diadakan sesi Libat urus Pelan Tindakan Dadah FELDA Pahang di Kuantan yang melibatkan hampir 200 pegawai daripada FELDA dan juga AADK seluruh negeri Pahang. Fokus ini adalah untuk memperkukuh menyelaraskan tindakan anti dadah serta memperkasakan peranan komuniti termasuk skuad Maya FELDA sebagai agen perubahan di peringkat rancangan masing-masing. Kerajaan negeri yakin bahawa pendekatan bersepadu yang dilaksanakan ini mampu membendung gejala penyalahgunaan dadah di kawasan FELDA secara lebih berkesan selaras dengan hasrat untuk memastikan komuniti FELDA di negeri Pahang terus aman, sejahtera dan bebas daripada ancaman dadah.

Hari ini kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, menyeru kepada semua lapisan masyarakat terutama sekali di dewan ini, wakil rakyat yang terlibat hari ini di kawasan masing masing terutama di kawasan FELDA untuk bersama kita membenteras dadah sehingga boleh dinoktahkan masalah ataupun menyifarkan di dalam FELDA ini dan juga di negeri Pahang. Ini juga rentetan daripada titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada salah satu program yang telah dilaksanakan pada September tahun 2025 yang lalu. Justeru itu, bermula daripada rumah hingga seluruh pelosok, kita, marilah kita bersama-sama untuk memastikan dadah terutama sekali di kawasan Felda dapat dileraikan di sini. Sekian, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, satu soalan.

(ADUN BUKIT IBAM – N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri dan juga pihak berkuasa dalam usaha pencegahan dan juga merawat ini. Namun, antara cabaran yang kita lihat hari ini ialah dadah sintetik dan juga *vape* yang ada pelbagai perisa seperti dadah juga yang kita lihat walaupun Kerajaan Negeri telah menetapkan pengharaman jualan dan seumpamanya, namun di kawasan FELDA, saya lihat seperti masih agak berleluasalah terutamanya dari kalangan remaja. Jadi apakah usaha dalam menangani masalah ini? Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Ibam. Terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan. Inilah antara salah satu pendekatan-pendekatan yang perlu kita jelaskan. Sebab itu apa yang telahpun kita bentangkan tadi, jawapan telah pun diberikan bahawasanya pendekatan ini, kita bermula daripada rumah dan sehingga bawa kepada peringkat persekolahan. Dan apa yang telahpun dilaksanakan iaitu kerjasama di antara rancangan di dalam rancangan masing-masing.

Di dalam FELDA ini, kita ada JKKR, kita ada GPW, kita ada MBFM, kita ada KAF dan ada satu lagi skuad khas yang boleh membantu iaitu Skuad MAYA yang boleh membantu dan juga membuat pelaporan terus kepada pihak-pihak yang berwajib yang pemegang kuasa. Antaranya ialah PDRM di bahan narkotik yang boleh membantu untuk kita membenteras secara terus. Sebab itu kita kena perlu bersama menggembleng tenaga bersama untuk kita meletakkan bahawasanya antara gejala-gejala yang sedang berleluasa ini ialah *vapes* yang telahpun diharamkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan memastikan perkara ini dapat dilaksanakan di bawah di peringkat akar umbi. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini, ini. Saya, saya ingat cukup, cukup. Saya nak terus ke yang akan datang. Kalau macam ini Yang Berhormat boleh tanya dia teruslah. Tengah-tengah makan karang boleh tanya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 9 pertanyaan dan jawapan. Sebagaimana aturan hari semalam, kita akan meneruskan persidangan ini dan pihak Dewan Negeri ada menyediakan jamuan pagi di bilik jamuan ADUN bagi Ahli-ahli Dewan Negeri dan di ruang kanopi bagi ketua-ketua jabatan.

Sebelum itu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran 6 orang, 6 orang daripada UMNO Bahagian Paya Besar, 4 orang daripada DUN Guai, 2 orang daripada DUN Teruntum dan 6 orang pelajar-pelajar *intern*, pelatih latihan industri yang masing masing sedang menjalani latihan industri di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Perkhidmatan Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat SUK. Ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk menikmati maknanya tadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang yang yang rasakan ingin menikmati jamuan yang disediakan secara bergilir-gilirlah keluar dan kembali semula dalam dewan. Baiklah, kita akan meneruskan dengan aturan mesyuarat aturan urusan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ke-3 sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan.

Sekarang saya kemukakan usul semula usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini, saya menjemput Ahli Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Tanjung Lumpur untuk membahaskan usul tersebut. Silakan.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Yang dikasihi, Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya pada semua Ahli-ahli Dewan, muslimin dan muslimat. Baik, terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan titah diraja. Baik, yang pertama ingin saya menyampaikan ucapan tahniah sebagaimana apa baginda mulia yang menyampaikan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan di atas pencapaian-pencapaian pihak Kerajaan Negeri. Jadi, saya juga menyampaikan ucapan tahniah dan juga terima kasih di atas kejayaan-kejayaan tersebut yang pastinya akan memberikan kebaikan kepada rakyat dan juga negeri Pahang itu sendiri. Dan saya ingin juga menyentuh sedikit daripada titah ucapan tersebut. Ayat makna di antaranya kenyataan dalam titah tersebut yang saya kira bersifat seperti arahan, titah ni seperti arahan supaya wakil-wakil rakyat ni dia turun naik ke jabatan dan juga agensi kerajaan dalam usaha untuk membincangkan ataupun menyelesaikan masalah masalah ataupun isu di kawasan masing-masing dengan jabatan dan agensi yang terlibat.

Maka apabila ini adalah merupakan titah, saya kira, ia juga merupakan satu titah juga kepada pihak kerajaan dan juga kepada pengarah, jabatan ataupun agensi kerajaan supaya bersedia untuk menerima kedatangan kami. Kami datang tak ada tujuan lain kecuali untuk menyelesaikan isu rakyat. Jadi jangan takutlah makna kalau kami datang ni tak perlu kepada untuk rasa takut bimbang sebab ni dah merupakan titah ucapan diraja kan? Kita semua faham dengan masalah-masalah politik dan sebagainya. Tetapi insya-Allah apabila pihak Sultan telahpun bertitah, maka selepas daripada ini, insya-Allah kami mengharapkan bahawa hubungan di antara wakil rakyat terutama sekali kami di pihak pembangkang ni er... menjadi lebih baik, lebih akrab dengan pihak jabatan-jabatan kerajaan untuk sama-sama kita menyelesaikan isu-isu rakyat, Insya-Allah.

Dan yang keduanya saya nak menyebut sedikit tentang isu... isu judi yang mana pada tahun 2025, er... 2025, pihak berkuasa ini dia telah mengambil tindakan memotong bekalan elektrik di 10 premis dalam DUN Tanjung Lumpur. Jadi terima kasihlah kita ucapkan di atas tindakan tersebut. Tetapi kita melihat bagaimana kegiatan ini dia masih berterusan. Dia seolah-olah tak ada siapa yang dia takut. Dia seolah-olah tuan-tuan sekalian, seolah-olah apa yang mereka buat ni tuan-tuan sekalian, tidak ada orang yang menghalang ataupun dan sebagai. Kita pun tak faham. Selepas daripada ambil tindakan sekejap, buat pula. Kemudian buat pula. Begitulah keadaan perjudian... perjudian haram. Jadi apabila kita bersembang dengan rakyat berkaitan dengan perkara ni rakyat ni tuan-tuan sekalian, dia mudah je. Dia salahkan Majlis Bandaraya. Dia salahkan pihak polis. Dia salahkan. Jadi dia mendatangkan satu keadaan yang

tidak baik. Persepsi yang buruk terhadap jabatan-jabatan kerajaan. Kesan daripada perkara ni dia berlaku secara berulang kali. Jadi, sebab itulah saya bawa lagi ke sini.

Walaupun 2 3 kali dah kita sebut tentang isu judi yang saya kira pandangan saya bahawa bukan setakat potong eletrik dia, air dan sebagainya. Dan kita merasakan bahawa perlu kepada satu hukuman yang lebih lebih berat lagi sehingga membatalkan premis, tarik balik dan sebagainya dan pemilik er… kedai bangunan dan sebagainya. Batalkan terus apa pemilikan tersebut sebagai satu tindakan undang-undang yang keras yang mudah-mudahan dapat membendung kerana ini adalah satu masalah yang sangat besar. Pada saya sangat besar melibatkan berlakunya keruntuhan kepada kepada masyarakat. Ya lah di pejabat kita, rakyat datang dan sebagainya banyak menyebut tentang isu judi dan kesan judi kepada kepada keluarga mereka. Bagailah pelbagai aduan yang kita terima daripada daripada er… daripada err..keburukan err.. judi itu sendiri. Kerana itu juga saya mengharapkan er…supaya pemantauan ini berlaku secara berterusan dan juga gerak kerja bersepadu di antara kerajaan termasuklah pihak PBT, Polis er.. dan juga libatkan wakil komuniti er..seperti er..JPKK, KRT er... selain itu, perlu juga kepada satu er.. tindakan untuk melahirkan kesedaran er..masyarakat awam er..mendidik masyarakat tentang keburukan judi dan sebagainya dan dipergiatkan er..termasuklah melalui siaran er.. radio er.. kita ada Pahang FM dan kita juga ada khutbah Jumaat pada setiap hari Jumaat. Er… mudah-mudahan dimasukkan juga perkara ini dalam teks er… khutbah Jumaat, Insya-Allah.

Kemudian perkara yang ke 3, er..saya kira Exco er..Belia Pemuda Exco Belia boleh er... mengambil perhatian terhadap er… terhadap isu ini yang mana, saya mengambil kesempatan untuk mengangkat kisah seorang er… anak muda budak lagi umur 12 tahun er..yang berada dalam DUN Tanjung Lumpur iaitu yang tinggal di Sungai Isap, Kuantan. Beliau adalah Al-Adam Mikael, Muhammad Amirul Hafiz yang tinggal di perumahan Sungai Isap. Pada usia beliau yang er… sangat muda baru berusia 12 tahun yang mana beliau ni telah membuktikan kemampuan luar biasa dalam sukan permotoran dengan menjuarai beberapa kejohanan di peringkat junior er… jadi juara di peringkat kebangsaan. Beliau juga mewakili Malaysia er… ke pentas antarabangsa iaitu di Sepanyol pada tahun lepas bagi kategori 160 cc dalam kejohanan *FIM miniGP* pada tahun er… pada tahun lepas, yang mana ini bukanlah er… merupakan pencapaian yang kecil er… tetapi ia adalah satu kebanggaan besar buat negeri Pahang. Tapi er… di sebalik kejayaan tersebut terdapat realiti yang sangat mencabar er…bagi adik Al-Adam ni dan juga keluarga dialah yang mana er..beliau terpaksa menjalani latihan di luar daripada negeri Pahang kerana negeri Pahang ni ketiadaan litar perlumbaan yang sesuai di negeri Pahang. Banyak masa dia er… dihabiskan untuk perjalanan ke tempat latihan dan ianya pasti er... sangat memenatkan, er..di samping itu, banyaklah belanja yang terpaksa dikeluarkan. Jadi banyaklah kos yang terpaksa ditanggung oleh keluarga untuk menyokong er… penglibatan beliau dalam bidang ni.

Oleh kerana kos ni dia sangat tinggi sebab dia melibatkan latihan kejohanan, penyelenggaraan jentera dan juga perjalanan ke luar negeri ni bukan satu perkara yang satu perkara yang kecil. Jadi dalam kes adik Adam ni, er… keluarga beliau ni terpaksa berkorban besarlah er… untuk memastikan supaya bakat dia itu tidak berkubur begitu sahaja. Jadi, saya dimaklumkan er… dua tiga kali kita ziarah rumah dia dimaklumkan bahawa ada 10 orang er… yang lebih kurang sebaya dengan dia er… dalam usia 10 hingga 12 tahun anak Pahang yang terlibat dalam sukan er… permotoran ni. Jadi di sini saya er… ingin er… menyebut tentang er… peranan er… dan juga usaha kerajaan negeri dalam er… dalam kita nak membantu er… bakat-bakat yang seperti ni. Kalau kita sorot sedikitlah er.. untuk rekod, bagaimana dalam sidang DUN ini, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia Sukan dan

Badan-badan bukan Kerajaan Negeri Pahang yang mana Yang Berhormat Tuan Fadzli Mohd Kamal, er… dulu dia pernah menjawab er… bagaimana dan beliau telah menyebut bahawa dua litar permotoran baru akan dibina di negeri ini. Disebut bahawa 2 er… akan dibina er… iaitu tempat yang dicadangkan satu di er... di satu di pekan dan satu lagi er... satu lagi di sebelah Pahang Barat. Pahang Barat ni mungkin di Temerloh kerana berdasarkan juga kepada er..ucapan iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa er…bahawa Yang Amat Berhormat er... menyebut untuk kaji wujudnya hab permotoran litar di Temerloh. Haa yang ni er.. ialah pada tahun 2023. Lama lah err.. cuma buka buku sejarah. Mujur tak makan di anai-anai jumpa kerana nak er… untuk menarik perhatian. Tak ada apa apa kalau mampu, tapi saya gi ziarah dia tu kesianlah kerana er… banyaklah pakai duit dia terpaksa berlatih di Pulau Pinang terpaksa berlatih di di Pulau Pinang untuk er… Ha Ha. Jadi, Insya-Allah er… saya mengharapkan bahawa isu ini dapat er… diberi perhatianlah er… beri perhatian oleh pihak oleh pihak kerajaan dan kemudian saya juga nak menyebut sedikit walaupun isu tu isu lama.

Tapi pada baru-baru ni lah baru-baru ni bukan baru ni dua tiga bulan yang lepas pada bulan Ramadhan ada rakan-rakan doktorlah daripada Kuala Lumpur ni datang nak bagi sumbangan di Flat Pak Mahat. Jadi saya bawaklah er… bawak ke flat Pak Mahat dan dibawa pulak ada seorang dua daripada Singapura datang rakan-rakan dia. Jadi kita bawaklah rumah orang miskin susah dan pada ketika tu tahap kebersihan Pak Mahat ni dan keadaan yang sangat teruk dengan sampah, dengan bau busuk dan sebagainya. Jadi, er… setelah kita pergi ni pun pergi er… sampai ke tingkat atas sekali, kat atas sekali ni kita fahamlah. Naik er… apa lif di Flat Pak Mahat. Dahlah yang salah satunye tu er… lif dia memang (ketawa) kalau orang sakit jantung mati selalu saya rasa er… Dia naik atas tu pun dia (aksi bunyi) pergi terus selalu ke 5 saya yang takde penyakit jantung ni pun nyaris-nyaris lah. Jadi, tak apalah yang tu saya tak kisah sangat er…orai.

Cuma yang bila rakan pada Singapore tu dia tanya saya. Dia kata siapa yang selenggara saya sebutlah ni majlis bandaraya. Jadi dia kata tak selenggara ke, saya kata selenggara, kat sini tetapi ini adalah masalah sikap er.. Masalah sikap. Lepas tu dia cerita kalau kat Singapore ni dia kata memang kena halau dah ni dia kata kalau macam ni saya kata kalau kalau kat Pahang ni kena halau. Kita halau dia kata er… dia tidur rumah menteri besar lagi bahaya. (Ketawa) jadi habis kata, kalaulah saya bersuara untuk halang suruh keluar tak jadi wakil rakyatlah akan datang. Makna itu sikap er... Jadi saya kira perkara ni perlu juga kita bincang daripada masa ke semasa. Berfikir daripada masa ke semasa, macam mana nak selesai masalah ni dah lama dah masa zaman er… Yang Amat Berhormat mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu pun dia cerita dia sendiri masuk, masuk masuk lif tu bau air kencing dan ada orang berak pula dalam, dalam, dalam lif dan sebagainya. Jadi, saya kira kita kena sama-sama fikirlah. Saya pun tak boleh fikir dah er… tak boleh fikir dah macam mana cara. Tapi kita sian kesianlah sebab dia orang Melayu, orang Islam dan sebagainya.

Mana cara kita nak nak ubah er… minda tu supaya jadi lebih lebih baiklah. lepas tu sikitlah cerita tentang flat Pak Mahat dan kemudian saya juga nak bertanyalah pada pihak kerajaan tentang status projek pembentungan tu, er… sebab dah lama sangat dah. Er… dah lama sangat dan kemudian kon-kon dia tu masih lagi mengganggu. Kalau mengikut taklimat kami berjumpa dulu, kami bertanya tentang jalan raya, dia kata jalan raya ni, nanti bila dah siap semua, semua er… dia akan buat, buat semula jalan jalan baru tu. Jadi kami tunggu ni, tak ada lagi jalan baru jadi letih YB hari-hari kena sumpah. Rakyat dia tak tahu apa dia maki kerajaan, dia maki YB dia maki JKR tu je kerja dia tu rakyat kan. Dia tahu bila kereta dia bergoyang. Ork tu je. Jadi er… kita tak boleh hidup selama-lamanya dimaki. (ketawa) Jadi minta saya minta kerajaan

ni apa saya nak tahu status projek tu macam mana. Saya tak jumpa dah dia punya apa dia punya kontraktor dan dia minta nak beri penerangan pun saya tak nak dah sebab dia jawab benda yang sama je. Dia tunjuk gambar lubang tu ada batu lubang tu ada air. Dia tunjuk benda yang sama je. Jadi kita minta supaya saya nak minta supaya apa status projek tu projek tu sekarang dan kalau ada status dia er…… ke kita nak tahu bila agak-agaknya siap er… projek itu dan kemudian yang terakhir er… tak banyak er… tapi cukup 15 minit dah ke ada lagi?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebenarnya dah lepas er… tapi tak apa akhirnya sila gulung.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Sebelum apa er… sebelum berpantun er… baik. Sedikitlah berkaitan dengan pantai. sebagaimana Titah Tuanku juga supaya kita mengambil berat dan er… apa tentang pelancongan di negeri Pahang kerana pelancongan ini dapat memberikan impak yang besar kepada er… kepada negeri. Jadi pelbagailah di antara disebut oleh er… oleh Tuanku ialah Cherating, Teluk Chempedak dan sebagainya. Namun begitu, kawasan Tanjung Lumpur juga mempunyai pantai yang cantik, menarik yang perlu diberikan perhatian di antaranya Kempadang er… Kempadang dan kita terima kasihlah pada pihak kerajaan yang kita lihat pembangunan di Kempadang di Pantai Kempadang itu semakin baik dan sehingga sekaranglah kita tengok pada hari cuti ribuan pelancong datang dan kita merasakan bahawa mengalahkan Teluk er… Teluk Chempedak kerana ramainya yang datang di Pantai Kempadang. Kemudian di Pantai Anak Air er… Pantai Anak Air juga mempunyai potensi yang sangat besar sebagai pusat pelancongan kan jadi kalau malam-malam itu memang ramai er… malam dan kita lihat juga Pantai Anak Air ini satu pantai yang sangat cantik, menarik, damai, tenang dan sebagainya.

Jadi kita mintalah juga pihak kerajaan ambil perhatian serius terhadap beberapa perkara untuk menyediakan prasarana di antaranya tandas awam yang saya kira tidak mencukupi ada tapi er… tapi sedikit. Kawasan *parking* yang tidak susun er… bukan tak susun memang tak ada la, dia *parking* atas pasir itulah. Kadang-kadang orang yang hendak pergi beli itu dia kena tolak kereta, kereta lekat sebab [ketawa] *parking* atas er… *parking* atas pasir. Kemudian pencahayaan yang baik sebab Pantai Anak Air ini saya mintalah kepada rakan-rakan pergi sebelah malam er… sebelah malam ini memang hebat jadi memang perlu kepada pencahayaan yang baik sekarang sebab ramai orang meniaga kedai makan di situ. Jadi perlu pada pencahayaan yang baik, kemudahan gerai dan kawasan rehat gerai ini gerai yang tersusun serta aspek kebersihan dan er… dan sebagainya. Jadi, kita mengharapkan supaya Pantai Anak Air ini menjadi lebih baik, setanding dengan Teluk Cempedak pada masa yang akan datang, Insya-Allah. Jadi saya rasa cukup sekadar itu er… saya tutup dengan pantun dua kerat.

Ikan puyu ikan emas,
Thank you very much.

Saya menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat er… Tanjung Lumpur. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Pancing. Sila.

(ADUN PANCHING – N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Assalamualaikum WBT dan er… selamat tengah hari. Bismillahirahmanirrahim. Alhamdulillah [Bacaan dalam Bahasa Arab] Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seterusnya sahabat-sahabat daripada ADUN Negeri Pahang. Saya dengan ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang pada Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang kali yang Kelima Belas.

Yang Berhormat Speaker,

Pada hari ini saya bercadang untuk menyentuh dua perkara yang pertama berkenaan dengan er… *food security* dan juga harapan anak muda kita di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Kita hari ini berada pada dalam era *the age of uncertainty* er… sejarah telah mengajar kita melalui pandemik *Covid-19* dan juga ketegangan politik hari ini di antara Iran, Israel di Asia Barat telah menghantar kita isyarat kecemasan kepada ekonomi dunia apabila pintu perdagangan kita tidak lagi boleh dilalui dengan baik, maka kita melihat harga input pertanian seperti baja, dedak import akan melonjak dan kita tidak boleh lagi meletakkan nasib perut rakyat kita kepada tangan orang luar dan saya suka mencadangkan supaya Pahang bangkit sebagai benteng pertahanan makan makanan negara.

Yang Berhormat Speaker,

Pahang adalah negara terbesar di semenanjung dengan keluasan kira-kira 3.95 juta hektar. Namun, mengikut data statistik sebahagian besar tanah kita masih tertumpu kepada tanaman komoditi seperti kelapa sawit yang seluas 856,000 hektar dan getah sekitar 196,000 hektar. Pergantungan keterlaluan kepada import makanan menyebabkan kita terdedah kepada kawalan turun harga naik pasaran dunia sedangkan tanah untuk tanaman makanan ruji masih lagi minimum di Pahang terutamanya. Kalau kita lihat tanaman untuk sayuran sahaja hanya sekitar 233 hektar. Jadi, data terkini menunjukkan bagaimana Malaysia mengimport makanan sekitar RM70 bilion setahun er… Malaysia mengimport RM70 billion produk makanan setahun dan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang luas ini adalah merupakan kerugian yang besar pada kita. Sekiranya kita dapat mengambil peluang daripada RM70 billion tadi untuk kita usahakan menjadi sebahagian daripada pengusaha, penyedia produk ataupun penyedia makanan utama dalam negara.

Yang Berhormat Speaker,

Saya suka mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pahang melaksanakan integrasi ternakan nasional iaitu mengoptimumkan er… mengoptimumkan jutaan hektar ladang sawit di Pahang. Ternakan untuk ternakan lembu secara integrasi kita perlukan insentif khas kepada GLC dan pekebun kecil untuk meningkatkan populasi ternakan di bawah kanopi sawit dan kalau kita lihat di Pahang sendiri ada tiga projek tapak kekal

pengeluaran makanan yang sedia ada yang belum ada lagi peserta dan juga jenis haiwan yang diternak.

Tuan Speaker,

Oleh demikian, tanah sawit yang luas bolehlah kita integrasikan untuk juga kita menjadikan sebagai tempat ternakan lembu ataupun kerbau yang juga menjadi sumber utama makanan dan juga menjadi bahan import utama negara juga pada hari ini.

Tuan Speaker,

Saya juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan juga zon khas bagi penternakan ayam yang dilengkapi dengan teknologi er… *close house system* bagi menjamin bekalan protein kita supaya bekalan makanan tempatan sentiasa er… sentiasa stabil dan tidak terjejas bahkan rakyat kita dapat jaminan makanan yang halal kerana produk kita mudah dikawal oleh mereka yang berwajib sekiranya kita berjaya menyediakan sumber makanan protein yang cukup.

Yang Berhormat Speaker,

Kita juga perlu melihat er… melampaui jelapang padi tradisional kita di utara. Pahang saya cadangkan supaya kita mula meneroka untuk penanaman padi secara *estate*, secara berskala besar. Ini bagi membolehkan, ini bertujuan untuk kita menggunakan benih padi yang lebih tahan lasak serta memerlukan air yang lebih er… yang er… yang kurang air sekiranya boleh kita meneroka padi huma, huma moden. Saya bagi contoh, ada dua negara di sini yang mengusahakan padi huma moden secara berskala besar *estate*. Yang pertama, Brazil yang merupakan peneraju dalam teknologi padi huma, padi darat *upland rice*. Mereka menggunakan benih padi yang telah diubah sesuai er… yang telah diubah suai dengan genetik untuk tahan kemarau dan mengusahakannya secara *estate* secara besar-besaran begitu juga Thailand. Thailand kalau kita lihat merupakan negara jelapang padi tetapi Thailand juga merupakan negara yang usahakan padi di pergunungan dan kawasan pedalaman dan Thailand berjaya memasarkan padi huma sebagai produk premium berbanding dengan produk er… di bendang sawah iaitu produk er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia er… Yang Berhormat ada satu lagi kalau kita pergi ke Sarawak, dipanggil beras Bario pun padi huma juga cuma kita tak *commercialize* sahaja Bario…Kita galakkan kalau siapa-siapa nak pergi boleh ikut dan kena naik helikopter Yang Berhormat, Yang Berhormat nak ikut.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Boleh kalau ajak Insya-Allah. Jadi err... mungkin kita boleh dengan dengan jumlah tanah yang banyak, kalau kita lihat hampir 12 ribu tanah terbiar di negeri Pahang. Mungkin produk padi huma ini boleh kita jadikan sebagai antara makanan utama dan ruji yang akan mengisi kekosongan makanan utama kita yang diimport daripada luar negara. Saya juga mencadangkan supaya pahang menjadi hab ataupun pusat penyediaan dan pengeluaran benih tanaman makanan yang bermutu tinggi untuk dibekalkan kepada petani di seluruh negara.

Yang Berhormat Speaker,

Kalau kita lihat hari ini yang mengusahakan pertanian utamanya padi banyak di masih lagi dimonopoli oleh orang lama orang tua-tua. Anak-anak muda kita sebenarnya berminat untuk usahakan bendang tetapi mungkin mereka ini tidak mahu lagi pekerjaan yang kita kata terlibat dengan 3D dan 3D *dirty, difficult* dan juga *dangerous*. 3D hari ini. Jadi dalam menghadapi krisis sekuriti makanan global, kita tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada model pertanian konvensional yang terlalu bergantung kepada tenaga buruh manual penggunaan air yang berlebihan sistem pengeluaran tidak berasaskan data. Sebagai contoh, kalau kita lihat sebuah sebagai contoh, India dan India ada satu *research* yang saya baca di sebut India mempunyai negara yang hampir sama dengan kita cabarannya. Dari sudut perubahan iklim, saiz pegangan kecil, petani dan kebergantungan utama mereka kepada sektor pertanian telah membuktikan bahawa teknologi pertanian pintar mampu meningkatkan produktiviti dan menjamin food security negara mereka.

Kajian antarabangsa yang dikeluarkan oleh jurnal *Sensors* 2025 mendapati bahawa pasaran dron India dijangka meningkat daripada 1.2 USD bilion USD 1.2 bilion pada tahun 2023 kepada USD 4.87 bilion menjelang tahun 2023. Oleh demikian, suka juga saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan dana geran padanan *matching gran* untuk kegunaan dron dan pembajaan sistem sensor atau penderia untuk pengairan automatik. Kajian tersebut juga mendapati penggunaan dron pertanian di India sangat membantu mengurangkan kos operasi ladang meningkatkan kecekapan pembajaan dan penyemburan. Mengurangkan pencemaran serta meningkatkan hasil tanaman melalui pemantauan kesihatan tanaman secara tepat. Dan dalam dalam penggunaan air pula, kalau kita lihat dan dengan teknologi dron dan IoT telah terbukti bahawa pembaziran air dapat dikurangkan secara sangat signifikan. Contoh dia bagi pada kita kajian di Hariana, India menunjukkan penggunaan dron untuk penyemburan pertanian sama ada racun atau baja, mengurangkan penggunaan air daripada 100 liter kepada hanya sekitar 5 hingga 6 liter sahaja bagi setiap ekar tanaman.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin membawa mencadangkan Kerajaan Negeri untuk melakukan anjakan dengan menjadikan Pahang sebagai hab kecemerlangan Tvet pertanian moden. Kalau kita lihat di Pahang sendiri, kita telahpun ada beberapa institusi TVET seperti PSDC mungkin Kolej Komuniti. Jadi, kita perlu wujudkan kerjasama dengan agensi seperti FELDA, RISDA untuk melatih anak muda supaya mereka cenderung minat dalam bidang *Smart Farming*, pengoperasian dron, pertanian dan juga sistem fertigasi pintar. Dan hari ini sekiranya kita hanya melatih mereka sahaja menjadi pekerja tetapi tidak membimbing mereka menjadi usahawan yang berjaya. Kita juga gagal kerana tenaga ada tapi kita tidak menyediakan tanah ataupun menyediakan program yang baik untuk mereka. Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menyediakan bank tanah ataupun land bank khusus untuk graduan TVET pertanian di negeri Pahang. Khusus untuk pertanian khusus untuk graduan TVET petanian di negeri Pahang. Dan boleh kita berikan kelebihan kepada mereka. Contohnya, memulakan projek rintis dengan sewaan tapak yang rendah serta menyediakan *fast track* atau *fast lane* kepada graduan TVET pertanian daripada institusi TVET di negeri Pahang. Dan kepada anak-anak muda ini juga kita boleh berikan bantuan dan sebagaimana yang telah pun dilakukan oleh kerajaan negeri juga untuk anak-anak muda ini mendapat sijil profesional dalam pengurusan ternakan akuakultur moden bagi memenuhi keperluan utama di wilayah-wilayah terutamanya di wilayah yang hari ini kependudukan semakin menurun.

Dan kalau kita lihat statistik bandar Kuantan terlalu tinggi hampir enam ratus ribu. Dan kalau kita lihat di Lipis, hanya 100 ribu lebih sahaja di Cameron Highlands 40 ribu orang. Jadi, jarak penduduk yang sangat jauh dengan kita mewujudkan pertanian-pertanian moden ini boleh menyediakan peluang pekerjaan dan mungkin boleh menarik kembali anak-anak muda kembali ke kampung halaman masing masing.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin membawa isu-isu tempatan di tempat saya yang pertama isu berkenaan dengan er... status tanah dan juga binaan kuil di Gua Charas. Kalau kita lihat pada 15 Mei tahun lepas, 15 Mei 2025 Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan telah mengeluarkan notis pengosongan binaan kuil dalam gua tersebut. Persoalannya, sekarang apakah status notis ini? Adakah arahan itu masih lagi berkuat kuasa ataupun telah ada sebarang penangguhan. Ataupun mungkin telah pun ada permohonan daripada mana-mana pihak untuk mendapat permohonan err... tanah digunakan untuk pembinaan rumah-rumah ibadat. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai status tanah Gua Charas tersebut. Adakah ia masih lagi tanah rezab kerajaan ataupun telah ada sebarang permohonan daripada mana-mana pihak untuk mewartakannya sebagai tapak rumah ibadat. Jadi, kita mahu isu ini diselesaikan mengikut lunas undang-undang bagi memastikan tapak warisan geologi pelancongan negara kita terjaga tanpa mengenepikan sensitiviti masyarakat setempat.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin membawa kembali satu isu yang pernah saya bangkit dahulu iaitu isu kawasan lombong di tempat saya yang tidak ada *guardrail* dan tidak ada tanda-tanda keselamatan yang boleh membahayakan mereka yang lalu lalang setiap hari di kawasan tersebut. Pernah berlaku dulu satu keluarga terbabas ke dalam lombong. Satu keluarga ni bawa pacuan empat roda terbabas dan lombong. Cuma mereka bernasib baik kerana kenderaan mereka ni timbul dan sempat diselamatkan oleh penduduk kampung. Dan saya telah bawa isu ni dalam sidang sidang yang lepas dan juga dalam pernah bawa dalam mesyuarat JKTD waktu kita dijemput dahulu, tetapi belum ada apa-apa tindakan. Jadi jangan kita tunggu sehingga ada nyawa yang melayang. Barulah kita hendak mengambil tindakan. Jadi, saya mendesak supaya pemasangan besi penghadang jalan guardrail dan pencahayaan yang baik di laluan berisiko tinggi di kawasan bekas lombong sekitar Panching.

Yang Berhormat Speaker,

Satu lagi isu yang ingin saya bawa kepada sidang dewan ialah isu tekanan air rendah iaitu antaranya di Kampung Pandan Dalam, Kampung Sungai Batu, Pancing, PKR Pancing dan juga FELDA Panching Utara. Dan antara tempat yang er... memiliki tekanan air rendah ialah di Kampung Pandan dalam di mana di sana telah pun dibina beberapa rumah-rumah kerajaan. Rumah yang dibina oleh kerajaan seperti rumah Ru'RASA dan juga Rumah Rakyat Pahang. Rumah-rumah ini telah pun siap tetapi tidak berpenghuni. Dan kalau tak silap saya rumah Ru'RASA ada 3 ke 4 unit dan rumah rakyat Pahang pun sama. Tetapi kerana mereka tidak mendapat akses air yang baik, akhirnya rumah tadi tidak didiami. Dan hari ini, rumah-rumah tersebut telah pun penuh dengan semak samun. Oleh demikian, saya mohon.

(ADUN KERDAU N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dapat apa *extra* yang baik infra ke *extra*.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Infra. Saya sebut apa tadi, Yang Berhormat.

(ADUN KERDAU N.28)
YB. DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak dengar *extra*.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Salah dengar la tu kot.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Extra ok juga tambahan.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Jadi saya mengharapkan sangat supaya...

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Boleh gulung Yang Berhormat ya.. Boleh gulung.

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Dapat di bantu untuk kita usahakan tekanan air tadi supaya yang pertama rumah-rumah yang dibina tadi tidak kosong dan dapat di isi oleh penduduknya kerana nak dapat rumah susah. Alhamdulillah, kerajaan dah buat rumah Ru'RASA Rumah Rakyat Pahang tapi tak boleh duduk sebab apa tekanan air yang sangat rendah.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Di Pancing ya? Di Pancing di kampung?

(ADUN PANCHING - N.19)
YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Saya sebut tadi di Kampung Pandan Dalam yang rumah itu di Kampung Pandan Dalam. Air itu, di Kampung Panching ada di Sungai... Batu di Sungai Kampung Sungai Batu dan juga PAKR Panching. Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya rasa itulah dapat saya sampaikan pada pagi ini. Saya dengan ini menyokong titah Tuanku. Sekian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya wakil daripada Kuala Sentul. Masih lagi okay ya? Tak ada apa-apa tindakan tak ada ya? Tak ada. Masih kekal, okay. Tak, kita kena tahu pasal apa.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya tak buat salah, jadi...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi sebab Parti Yang Berhormat, kekerapan menggantung dan yang membuang orang ni banyak sangat. Banyak kali sangat. Kadang-kadang kita *confuse* yang mana satu buang atau tidak. Okay sila Yang Berhormat. Saja usik.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Kita gantung kepada orang yang membuat salah dan melanggar disiplin Parti.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat orang yang baik sebab tu jadi johan semalam. Johan berpasangan, yang dia sendiri pun tak sangka. (Ketawa).

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih YB Dato' Sri Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan pegawai pegawai-kerajaan yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya bangkit untuk turut serta membahaskan titah Diraja ke bawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang bersempena dengan majlis perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang yang ke-15. Terlebih dahulu, saya menjunjung kasih atas limpah titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang telah menyentuh pelbagai perkara penting berkaitan hala tuju pembangunan negeri, kesejahteraan rakyat, pengurusan ekonomi, tadbir urus kerajaan serta keperluan memastikan dasar-dasar negeri benar-benar bermanfaat kepada rakyat Pahang. Saya mengambil perhatian khusus terhadap titah Baginda yang menekankan supaya kerajaan melaksanakan dasar-dasar responsif terhadap kenaikan kos sara hidup. Titah ini amat tepat pada waktunya kerana isu kos sara hidup bukan lagi sekadar keluhan biasa tetapi sudah menjadi tekanan harian yang dirasai rakyat di meja makan, di pasar, di kedai-kedai runcit dan di warung-warung seluruh negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, dalam Belanjawan tahun 2026, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan kutipan hasil kerajaan negeri berada pada tahap membanggakan kerana terus melepasi angka RM1 bilion untuk empat tahun berturut-turut sejak tahun 2022. Menurut beliau, pencapaian ini didorong oleh tadbir urus dinamik, pengukuhan kutipan hasil, keberkesanan usaha-usaha mengawal ketirisan serta lonjakkan ekonomi. Pada prinsipnya, kita tidak menolak bahawa peningkatan hasil negeri merupakan perkembangan yang baik. Negeri mempunyai hasil kukuh, mempunyai ruang fiskal yang lebih luas untuk membangunkan

infrastruktur, memperkukuhkan perkhidmatan awam, membantu rakyat miskin dan menangani tekanan ekonomi rakyat.

Namun, persoalan yang lebih besar ialah apakah makna hasil melebihi RM1 bilion ini kepada rakyat biasa? Adakah angka besar ini benar-benar diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat atau ia hanya menjadi angka yang membanggakan dalam dokumen belanjawan, sedangkan rakyat di bawah masih bergelut dengan kenaikan harga makanan dan kos kehidupan. Berdasarkan carta keseluruhan anggaran hasil dan perbelanjaan negeri pada tahun 2025, jumlah keseluruhan anggaran hasil negeri adalah sebanyak RM1.194 bilion. Daripada jumlah ini, komponen terbesar ialah hasil tanah dan galian sebanyak RM707.15 juta bersamaan 60% daripada keseluruhan anggaran hasil. Ini diikuti lain-lain hasil sebanyak RM226.02 juta atau 19%, hasil perhutanan sebanyak RM144.06 juta atau 12% dan geran persekutuan sebanyak RM103.01 juta atau 9%.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh mencelah sikit? Yang Berhormat Kuala Sentul boleh tak bersetuju dengan apa yang telah pun dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar meringankan beban rakyat ini dalam bakti negeri. Bakul makanan tu sekurang-kurangnya kita dapat meringankan beban rakyat. Bolehkah kita bersetuju dengan apa yang telah pun dibuat, dilaksanakan oleh kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Bolehkah kita bersetuju bersama? Silakan Yang Berhormat Dato' Sri.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sebelum saya menjawab tu bagi saya habiskan teks. Di sini timbul satu persoalan dasar yang penting. Jika majoriti hasil negeri datang daripada tanah galian dan sumber alam, maka rakyat berhak bertanya sejauh mana hasil daripada bumi Pahang ini dikembalikan kepada rakyat Pahang dalam bentuk benar-benar dirasai jika hasil tanah dan galian menyumbang 60% dari hasil negeri, maka pulangan yang wajar dilihat melalui bekalan air yang stabil, jalan yang lebih baik, peluang ekonomi yang lebih baik lebih luas, bantuan kos sara hidup yang lebih berkesan dan perlindungan sosial yang lebih kukuh.

YB Dato' Sri Speaker, kutipan hasil bukan *trophy* politik. Kutipan hasil ialah Amanah Rakyat. Setiap ringgit yang dikutip atas nama hasil negeri mesti dijawab dengan satu soalan mudah. Berapa banyak yang benar-benar sampai kepada rakyat? Persoalan ini menjadi lebih penting apabila kita melihat data kos sara hidup di Pahang. Berdasarkan Indeks Harga Pengguna pada Januari 2026, inflasi Pahang berada pada 1.9% lebih tinggi daripada kadar nasional 1.6%. Menjelang Mac 2026, inflasi Pahang meningkat kepada 2.5% sedangkan inflasi nasional hanya 1.7%. Ini bermakna harga di Pahang bukan sahaja meningkat tetapi meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding purata negara. Pada Januari, jurang inflasi Pahang dengan nasional ialah 0.3 mata peratus. Pada Mac, jurang itu melebar kepada 0.8% mata peratus. Dalam bahasa rakyat, kos hidup di Pahang naik lebih cepat daripada purata nasional. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, lebih membimbangkan, kenaikan ini berlaku pada makanan harian. Harga nasi lemak di Pahang meningkat daripada RM3.78 sen pada Januari kepada RM4.00 pada Mac. Nasi kosong meningkat daripada RM2.17 kepada RM2.43, Nasi goreng meningkat dari RM6.65 kepada RM7.79, Kue teow goreng meningkat daripada RM6.62 kepada RM7.45.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, boleh mencecah?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya nampak kajian yang dibuat oleh Kuala Sentul ini bias ni. Mungkin Yang Berhormat Kuala Sentul ni makan di Hotel Five Star, Four Star. Dia tak makan di kedai-kedai yang warung tu. Saya makan di kedai warung sebab saya peminat nasi lemak. Tak ada yang sampai RM6 lebih ni. Jadi kalau boleh kita pergi makan satu hari nanti kita pergi senyap-senyap. Kita tak ada tujuan lain. Masa nak bayar tu kita tengok RM6 ke atau RM2. Jadi *not fair* la kalau nak buat perbandingan, Yang Berhormat kena buat dua-dua, di restoran, di kedai warung. Ini ambil yang di hotel-hotel je memanglah mahal. Mahal tu sebab kos-kos di hotel tu. Sewa bangunan dan sebagainya ya. Saya harap Yang Berhormat boleh ada *figure* tak untuk yang kedai-kedai tepi jalan ni. Terima kasih Dato' Speaker.

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Ni Yang Amat Berhormat, kadang-kadang kan nasi lemak tu dia ada tambah kerang, tambah paru.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Betul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tambah macam-macam ayam. Tu yang mahal tu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, kalau nasi lemak dengan telur separuh…Lepas itu ada ikan bilis, kacang sikit sangat dalam seringgit lebih saja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

RM2.00 lah paling tinggi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ini mungkin Yang Berhormat Kuala Sentul ayam ada, paru ada, hati ada tapi badan [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Baik, sebenarnya data-data ni bukan saya ambil daripada tepi jalan ini Yang Amat Berhormat. Dia daripada indeks harga pengguna pada tahun 2026. Betullah nasi lemak ini dia berbeza harga. Kalau di hotel itu RM20.00. Kalau tepi jalan nasi lemak RM1.00 adalah sebungkus tapi kecik, telur pun potong 8. Jadi data-data ini perbandingan daripada indeks pengguna yang ada sekarang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

It's good for diet.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya sambung ya, YB Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila-sila Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ya, ini bukan barangan mewah. Ini bermakna Ini makanan biasa rakyat. Ini makanan, pekerja, pelajar, pemandu lori, penjawat awam rendah, peniaga kecil, keluarga B40 dan M40 rendah, YB-YB sini pun makan makanan harian yang sama… di sebelah sinilah, di sebelah sana saya tak tahu. Kalau nasi kosong pun meningkat, kalau nasi goreng semakin mahal, kalau roti canai dan minuman harian turut naik, maka kerajaan tidak boleh lagi berpuas hati dengan jawapan bahawa keadaan masih terkawal.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih YB.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Exco Pengguna.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Oh ya. Senang saja, kalau sesiapa kalau dapati harga itu mahal. Buat aduan kepada KPDN. Kalau YB *text* saya, saya terus boleh, tak ada masalah. Kita akan siasat okay.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Baik-baik. YB dah berapa kali bagi nombor telefon saya tahu. YB Dato' Sri Speaker, di sinilah wujudnya jurang antara naratif kejayaan fizikal kerajaan dengan realiti kehidupan rakyat. Kerajaan boleh berbangga apabila hasil negeri melepasi RM1 bilion tetapi rakyat akan bertanya kalau hasil negeri begitu kukuh, mengapa tekanan hidup mereka masih tidak reda? Kita tidak menafikan usaha kerajaan meningkatkan hasil tetapi hasil yang besar hanya bermakna jika ia mampu mengurangkan beban rakyat. Hasil yang tinggi hanya bernilai jika ia diterjemahkan kepada dasar yang tepat, pantas dan bersasar. Jika angka belanjawan meningkat tetapi harga makanan tetap naik. Jika kutipan hasil membanggakan tetapi rakyat masih berkira-kira untuk membeli sarapan. Maka ada masalah dalam keutamaan dasar. Maka saya ingin membangkitkan beberapa persoalan.

Pertama, daripada hasil negeri yang melepasi RM1 bilion, berapa banyak yang diperuntukkan secara langsung untuk menangani kos sara hidup rakyat Pahang. Kedua, memandangkan 60% hasil negeri datang daripada tanah dan galian, apakah mekanisma khusus untuk memastikan hasil sumber bumi Pahang dikembalikan kepada rakyat secara adil? Ketiga, adakah kerajaan mempunyai pemantauan harga secara mikro mengikut daerah seperti Kuantan, Temerloh, Bentong, Jerantut, Rompin, Raub, Lipis dan Cameron Highlands? Keempat, adakah bantuan sedia ada benar-benar mengurangkan beban rakyat atau hanya bersifat sekali beri tanpa menyelesaikan punca kenaikan kos?

YB Dato' Sri Speaker, nak jawab sikit, YB tadi yang.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

YB boleh minta laluan tak.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Nanti-nanti.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

YB, boleh minta-minta laluan tak.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

jap-jap.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Boleh, boleh minta laluan tak.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak boleh, tak boleh sekejap. Saya nak jawab, baru nak jawab nanti saya lupa.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Mintalah tak apa lepas ni boleh jawab. Saya minta laluan sajakan. Pada pandangan YB ya, apa faktor kenaikan harga atau inflasi yang berlaku dalam negeri kita ni?. *So* YB dah buat kajian ini *so* saya nak tahu pada pandangan YB apa faktor atas apa kenaikan harga barang dan juga inflasi.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker, ini seolah mengganggu untuk saya menghabiskan teks saya ya. Saya, saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa saya boleh bagi masa.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya akan jawab lepas ini. Kalau saya tak boleh jawab saya bagi jawapan bertulis. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tak boleh jawab ataupun tak tahu nak jawab apa? Terima kasih YB Speaker.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya dah jawab tadi yang YB Exco FELDA tanya pasal bakul makanan itu apa? Membantu ke tak? Betul er...

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Speaker,

Adakah kita bersetuju apa yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar dan Kerajaan Negeri iaitu kita meringankan beban. Antara salah satunya kita berikan bakti negeri ini berupa bakul makanan yang kita berikan

kepada mereka yang berkelayakan sekurang-kurangnya mereka. Adakah kita bersetuju? Itu salah satu yang boleh meringankan beban rakyat. Silakan, terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Er... pemberian itu, saya bersetuju sebab kita pun ada memberi bakul makanan kepada penduduk. Jadi itu meringankan beban keperluan seharian tapi tidak memberi pendapatan kepada mereka dan mengurangkan beban mereka dalam kehidupan sehari-harian untuk kehidupan mereka. Saya setuju. Sebab kita pun ada bagi er... mungkin daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Kerajaan Pahang banyaklah. Kami ini peruntukan tak ada tak dapat peruntukan untuk memberi lebih kepada mereka itu.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Maksudnya kita bersetuju ya. Maksud apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mampu meringankan beban rakyat negeri Pahang, setuju.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya dah cakap tadi.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Ya, bersetuju ya.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Untuk kehidupan seharian. Kalau setakat RM50.00 sehari, RM50.00 - 1 kotak itu mungkin sehari dua bolehlah. Tapi kos sara hidup ini nak hidup ini macam YB hidup dah 50 lebih tahun. Okay, saya sambung ya.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Mohon celah-celah sikit Yang Berhormat, boleh sikit belakang-belakang Yang Berhormat. Yang ini boleh, sikit saja.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB lambat ini.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Sikit-sikit saja Yang Berhormat. Baik, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab itu Yang Berhormat jangan buat kontro, kerajaan apa *statement* yang kontroversi. Jadi orang akan celah.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sedar tak dalam keadaan sekarang ini bila kita sebut harga barang mahal Yang Berhormat tahu tak sewaktu parti Yang Berhormat jadi kerajaan dulu harga minyak masak sebotol dekat RM50.00. Yang Berhormat sedar tak pada waktu itu bukan itu saja telur tak ada, ayam tak ada. Jadi, saya rasa sekarang ni bila sebut begitu seolah-olah menggambarkan bahawa hari ini lebih mahal pada sedangkan pada zaman Yang Berhormat jadi kerajaan dulu suasana jauh lebih mahal daripada sekarang.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya tak mempersoalkan harga barang. Saya ini bercakap pasal responsif kerajaan kepada kos sara hidup.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Tadi yang baca

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang dititah.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Harga tadi.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang dititahkan oleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Eloklah Yang Berhormat berdua itu *lawyer.*

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Kebawah Duli

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Silakan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB Dato' Sri Speaker, kacau dia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, teruskan Yang Berhormat kita nak bagi Yang Berhormat daripada Kuala Sentul selesaikan kita nak panggil yang nombor 2 er...

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

10 minit lagi, YB Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

3 minit.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sempena Menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang menekankan keperluan dasar responsif kepada kenaikan kos sara hidup, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil beberapa langkah segera. Pertama, laksanakan audit kos sara hidup negeri Pahang yang meneliti kenaikan harga makanan, kos logistik, bekalan bahan mentah dan perbezaan harga mengikut daerah. Kedua, wujudkan dana intervensi kos sara hidup yang boleh dibiayai sebahagiannya daripada hasil tanah, galian dan perhutanan untuk membantu kumpulan paling terkesan. Ketiga perluaskan program jualan murah dan bekalan makanan asas secara berkala bukan sekadar bermusim atau ketika acara rasmi. YB, YB Teruntum. Keempat, bantu peniaga kecil mendapatkan bahan mentah dengan harga lebih stabil melalui pembelian pukal, koperasi atau rangkaian pembekalan yang lebih tersusun.

YB Dato' Sri Speaker,

Kesimpulannya kita boleh berbangga apabila hasil negeri melepasi RM1 bilion, tapi kebanggaan itu tidak boleh berhenti di dalam dewan ini sahaja. Ia mesti sampai ke meja makan rakyat. Ia mesti dirasai oleh ibu bapa yang membeli sarapan anak, pekerja yang membeli makanan tengah hari, peniaga yang menanggung kos operasi dan keluarga biasa yang semakin terhimpit dengan harga makanan harian. Kerajaan tidak boleh hanya bertanya beberapa banyak, berapa banyak hasil berjaya dikutip. Kerajaan juga mesti bertanya berapa banyak beban rakyat yang berjaya dikurangkan. Jika hasil negeri meningkat tetapi kos sara hidup rakyat juga meningkat, maka kejayaan fisi, fisikal itu belum cukup bermakna. Yang rakyat mahu bukan sekadar negeri kaya atas kertas tetapi kehidupan yang lebih mampu. Harga yang lebih munasabah dan dasar yang benar-benar berpihak pada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga ada beberapa isu yang perlu dibangkitkan daripada kawasan terutama sekali STRF yang kita bincangkan semalam. Saya menerima surat daripada wakil anak peneroka FELDA. Saya bacakanlah senang. Rayuan semak dan imbang status pelaksanaan STR FELDA Pahang di Wilayah Jengka termasuk Kuala Sentul lah. Untuk makluman YB, saya merupakan salah seorang daripada ratusan anak muda Jengka yang telah lama memohon lot Perumahan Generasi Kedua FELDA. Pengumuman Kerajaan Negeri Pahang pada 20 September 2023 berhubung kelulusan tapak Skim Tanah FELDA Pahang Jengka telah memberi harapan besar pada kami pada merekalah. Namun, kami masih belum menerima sebarang maklumat rasmi berhubung lokasi sebenar tapak STRF yang diluluskan. Bilangan lot diperuntukkan khusus untuk DUN Kuala Sentul. Kriteria pemilihan dan tarikh pengumuman senarai dan senarai penerima dan jadual pelaksanaan fizikal projek di tapak. Saya memohon jasa baik YB untuk memastikan kelulusan penuh dalam proses ketelusan, ketelusan penuh dalam proses pelaksanaan STRF di Jengka dan Kuala Sentul.

Kami bimbang projek ini akan mengalami nasib sama seperti Projek Perumahan Generasi Baru FELDA yang pernah YB bangkitkan sebelum ini di mana isu pelaksanaan dan ketelusan menjadi persoalan besar. Untuk makluman YB Bebarlah, saya tak sentuh dah. Jadi er… sehubungan itu, saya dengan rendah diri memohon pertimbangan YB untuk... ni saya bawa kepada YB Exco FELDA sebab 21 hari bulan Mei kan ada ada *final countdown*lah. Membawa isu kelewatan pengumuman maklumat ke sidang DUN dah bawa. Menuntut Kerajaan Negeri dan FELDA membentangkan pelan susun atur dan kebenaran merancang yang telah diluluskan PBT untuk tatapan mereka. Mendesak agar jawatankuasa pemilihan penerima di dianggotai oleh wakil peneroka dan proses pelantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka. Mengadakan sesi libat urus bersama anak-anak peneroka Jengka, Kuala Sentul bagi menjelaskan status terkini projek libat urus yang penting sama juga PGBF.

Saya rasa LPHP buat libat urus dengan pembeli pada minggu lepas dan saya berjumpa dengan selesai tadi STRF. Er… jumpa dengan beberapa orang pembeli di Jengka yang membeli rumah yang masih belum siap. Jadi, mereka telah mendapat pinjaman *loan* dan perlu membayar bermula daripada bulan Disember tahun ini. Jadi, permohonan mereka ini mohon pihak kerajaan, pihak YB Exco Perumahan kalau boleh dapat tangguhkan pembayaran bulan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh cepat sikit tak YB?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tapi tadi bagi 30 minit?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

2 minit.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okay. YB Dato' Sri Speaker, ni kawasan saya DUN Kuala Sentul. Peruntukan penyelenggaraan jalan di DUN Kuala Sentul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak payahlah *elaborate* panjang sangat bagi tahu jalan, jalan mana 1. Okay longkang, longkang mana 2.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya buat ringkas je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

3 ataupun terus je bagi surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Selesai masalah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tak saya nak bagi tau Kuala Sentul tak dapat peruntukan penyelenggaraan jalan pada tahun lepas dan tahun ni tahun ni bulan 5 masih lagi belum ada. Jadi ada status statistik kemalangan daripada PDRM daerah Maran yang jalan-jalan ni jumlah kemalangan pada 2025 ada 190 kemalangan. Tahun ni sahaja 89 kemalangan dan kemalangan maut pada tahun 2025, 52 kemalangan dan 14 kemalangan maut pada Januari sampai April 2006. Jadi dan saya juga nak mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, puji juga ni kerana menyediakan lampu jalan di Bukit Gajah. Jalan di antara Kuala Sentul ke Bandar Pusat Jengka yang digunakan oleh penduduk Kuala Sentul. Hasil daripada perbincangan dan mesyuarat di Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah pada 2, 3 tahun lepas dan juga dibangkitkan di Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengambil tindakan. Sekian, saya menyokong Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota. Terima Kasih. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya wakil daripada ADUN Lantikan. Dato' sila. 15 minit... Yang Berhormat patut kena *ready* dah tau giliran.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH

Dalam jadual saya, ada seorang lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormatlah.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH

Inderapura?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak ada. Yang Berhormat. Tak ada. Inderapura dia tak bercakap.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terlebih dulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya turut ambil bahagian untuk bahas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang. Patik merafakkan setinggi-tinggi sembah taat setia ke hadapan Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas Titah ucapan yang telah dizahirkan pada 8 hari bulan Mei 2026 dengan penuh hikmah, berpandangan jauh serta sarat dengan roh kasih sayang terhadap rakyat dan negeri Pahang Darul Makmur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ingin merujuk kepada Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, nombor 106. Titah ini merupakan satu Titah yang sangat penting dalam menjaga kestabilan negeri dan keharmonian rakyat khususnya ketika suasana politik semakin memanas menjelang pilihan raya. Titah ini membawa mesej bahawa politik tidak boleh dijadikan medan memecahbelahkan rakyat, menanam kebencian, menghasut permusuhan atau merosakkan keamanan masyarakat demi meraih sokongan. Sebaliknya, politik mesti menjadi medan membawa idea, menawarkan penyelesaian, membela rakyat dan membina masa depan negeri serta negara. Maksud tidak memainkan isu yang boleh menggugat perpaduan. Ini bermaksud semua pihak ahli politik, penyokong parti, penceramah, pengguna media sosial dan masyarakat hendaklah berhati-hati supaya tidak meniup sentimen perkauman memprovokasi isu agama secara melampau, menghina institusi raja, menyebarkan fitnah dan kebencian, melaga-lagakan rakyat demi kepentingan politik kerana apabila politik menjadi terlalu emosional dan melampau, rakyat akan berpecah, masyarakat menjadi tegang dan kestabilan negara akan tergugat. Sedangkan perpaduan adalah asas keamanan negeri.

Maksud Titah mengamalkan kematangan dalam berpolitik. Inilah inti utama Titah tersebut. Politik matang bermaksud berbeza pendapat tanpa permusuhan, berhujah dengan fakta dan adab menerima kritikan secara terbuka, menghormati undang-undang dan institusi negara, mengutamakan kepentingan rakyat melebihi dendam politik, boleh bertanding, boleh berkempen…...boleh mengkritik tetapi jangan sampai meruntuhkan perpaduan rakyat. Contoh politik matang mengkritik dasar dengan fakta. Contohnya, kami menghormati usaha Kerajaan Negeri, namun kami mencadangkan penambahbaikan dalam isu peluang pekerjaan anak muda dan proses permohonan tanah. Ini matang ada teguran, ada cadangan, ada adab, tidak menghina peribadi atau institusi. Politik matang tidak menggunakan makian, penghinaan keluarga, fitnah, penghinaan raja atau bahasa kesat. Kerana rakyat mahu melihat kepimpinan bukan permusuhan menawarkan solusi kepada rakyat. Politik bukan sekadar mencari salah lawan, sebaliknya parti politik perlu membawa pelan ekonomi, cadangan pendidikan, agenda anak muda, pembangunan rakyat dan kebajikan masyarakat. Dan politik matang ini telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang yang kita dapat lihat dan telah diperakui oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Mulia Tengku Mahkota Pahang, dalam titahnya, nombor 3 hingga 8, nombor 95 hingga 99, nombor 100 hingga 103. Tidak perlu saya ulang lagi kerana masa tidak mencukupi.

Ini semua boleh jadikan contoh apakah itu politik matang. Dalam menjaga kebajikan rakyat pelbagai inisiatif Pahang. IM Pahang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri dan inilah impak daripada kutipan hasil kutipan RM1 bilion lebih pulang kepada dan kembali kepada manfaat rakyat. Kalau ada yang mengatakan masih belum merasa apa faedahnya. Wallahu a'alam. Contoh politik tidak matang menggunakan sentimen kaum untuk menakutkan rakyat, menuduh semua pihak lawan sebagai musuh agama, menyebarkan berita palsu demi sokongan politik, menghasut rakyat membenci institusi negara, menggunakan media sosial untuk maki hamun. Ini semua boleh menggugat perpaduan masyarakat dari sudut Islam.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Islam sangat menitikberatkan perpaduan umat dan melarang perpecahan. Allah SWT berfirman. [Bacaan ayat al-Quran] Dan berpegang teguhlah kamu semuanya kepada tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah. Begitulah sabda Rasulullah SWT [Bacaan ayat al-Quran] Seorang Muslim itu saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya dizalimi. Maka politik yang menanam kebencian dan perpecahan jelas bertentangan dengan akhlak Islam.
Dalam konteks negeri Pahang, titahnya sangat signifikan kerana negeri Pahang terkenal dengan kestabilan kesederhanaan rakyat. Penghormatan kepada institusi raja dan budaya masyarakat yang cintakan keamanan. Maka Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang mengingatkan bahawa musim pilihan raya jangan sampai merosakkan keharmonian rakyat. Jangan kerana politik masyarakat bermusuhan. Jangan kerana kuasa perpaduan negeri tergadai. Sebaliknya, pilihan raya hendaklah menjadi medan persaingan sihat demi mencari kepimpinan terbaik untuk rakyat. Kesimpulannya, Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota 106 adalah matang dalam berpolitik. Beradab ketika berbeza pandangan. Menjaga perpaduan masyarakat dan meletakkan kepentingan negeri melebihi kepentingan politik sempit. Kerana akhirnya pilihan raya hanya sementara, tetapi keamanan negeri dan perpaduan rakyat mesti dipelihara selama-lamanya.

Anak seluang di dalam perigi,
Jernih air tempat bersiram,
Berbeza pandangan jangan dibenci,
Negeri aman rakyat tenteram.

Adapun merujuk kepada Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang 107 iaitu dalam sistem demokrasi berperlembagaan, pembangkang bukan musuh negara. Mereka adalah sebahagian daripada mekanisma menjaga amanah pemerintah supaya kerajaan sentiasa telus, cekap dan tidak lalai. Maksud semak dan imbang, semak bermaksud memeriksa, menilai dan menegur dasar atau tindakan kerajaan. Imbang pula bermaksud memastikan kuasa tidak digunakan secara melampau atau berat sebelah. Sebagaimana Islam sendiri mengajar konsep ini melalui prinsip ad-Din nasihah, agama itu nasihat. Sayyidina Umar al-Khattab RA juga pernah berkata tiada kebaikan pada kamu jika kamu tidak menegur kami. Dan tiada kebaikan pada kami jika kami tidak mendengar teguranmu. Maknanya pemerintah dan pihak yang menegur saling melengkapi demi maslahat rakyat. Pembangkang yang konstruktif akan akui kejayaan kerajaan jika memang baik, tegur kelemahan dengan adab bahawa cadangan alternatif utamakan rakyat melebihi politik. Bukan menolak semua perkara hanya kerana berlainan parti. Mempolitikkan semua isu mencetuskan kebencian terhadap institusi negeri memainkan sentimen secara melampau.

Contoh semak dan imbang secara konstruktif. Contoh baik iaitu Kerajaan Negeri berjaya meningkatkan hasil negeri dan menarik pelabur. Namun, saya mencadangkan agar proses permohonan tanah dipermudahkan kerana rakyat di kampung masih menghadapi birokrasi yang panjang. Ini contoh matang, ada pengiktirafan, ada teguran, ada cadangan. Contoh tidak konstruktif kerajaan ini gagal semuanya tak ada satu pun yang betul. Ini bukan semak imbang, ini hanya retorik politik tanpa fakta dan penyelesaian. Contoh dalam isu rakyat jika berlaku banjir, pembangkang konstruktif akan turun membantu rakyat. Bangkitkan kelemahan sistem saliran, cadangkan peruntukan-peruntukan tambahan, minta audit projek tebatan banjir. Bukan sekadar membuat video menghina menyalahkan semua pihak atau menjadikan musibah sebagai bahan politik. Dalam konteks negeri Pahang, titah seperti ini menunjukkan Tuanku mahukan budaya politik matang di negeri Pahang.

YB Dato' Sri Speaker,

Dewan menjadi medan hujah bukan medan permusuhan. Rakyat mendapat manfaat kestabilan negeri terpelihara dan Institusi Raja dihormati. Budaya politik matang sangat penting kerana Pahang sedang bergerak dalam banyak agenda pembangunan pendidikan, kebajikan dan kestabilan ekonomi. Maka semak imbang perlu membantu perkukuhkan negeri bukan melemahkan keyakinan rakyat terhadap institusi negeri.

Kesimpulannya, Titah Tuanku 107 mengajar bahawa pembangkang yang baik ialah pembangkang yang berani menegur tetapi tahu adab. Tegas mempertahankan rakyat tetapi tidak meruntuhkan kestabilan negeri. Kritikan terhadap kerajaan tetapi masih menjunjung raja dan kepentingan negeri.

Pucuk pauh di tepi perigi,
Tempat musafir berteduh redup,
Menegur jangan hilang budi,
Berbeza pandangan negeri tetap diutamakan hidup.

Akhir kata, saya ucap tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Diraja kerana telah berjaya memimpin negeri Pahang ini ke arah yang lebih maju yang telah diperakui oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dan juga syabas kepada para kakitangan kerajaan yang bertungkus-lumus memastikan setiap keperluan rakyat diambil berat dan ditunaikan hajat mereka. Dengan ini, saya memohon untuk menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Tengku Mulia Tengku Mahkota Pahang. Sekian wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat ADUN Lantikan. Ucapan yang baik. Seterusnya Wakil daripada ADUN Sungai Lembing. 15 minit.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama berbahas pada hari ini.

Yang Berhormat Speaker,

Terlebih dahulu saya menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15. Sesungguhnya, titah baginda sangat jelas bahawa pembangunan negeri mesti berpaksikan kesejahteraan rakyat, kecekapan pentadbiran, integriti dalam pengurusan serta keadilan pembangunan untuk seluruh rakyat Pahang. Baginda telah menyebut tentang pencapaian kutipan hasil negeri yang melebihi RM1 bilion. Pertumbuhan ekonomi negeri sebanyak 5.7% dengan nilai ekonomi mencecah RM68 bilion serta pelaburan komited sebanyak RM18.04 bilion. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Namun di sebalik angka besar ini, tanggungjawab kita ialah memastikan kejayaan ekonomi benar-benar sampai kepada rakyat biasa. Sebagai ADUN Sungai Lembing, saya berdiri menyokong titah tersebut dengan membawa realiti sebenar yang sedang dirasai rakyat di lapangan. Saya ingin menyentuh isu ketidakseimbangan wilayah dalam konteks DUN Sungai Lembing walaupun ada ADUN lain telah bangkitkan.

Yang Berhormat Speaker,

Pembangunan hari ini masih terlalu tertumpu di Kuantan sehingga kawasan pedalaman seperti Sungai Lembing semakin… semakin tertinggal. Data ekonomi menunjukkan Kuantan mencatat nilai ekonomi sekitar RM29 bilion, jauh meninggalkan daerah lain seperti Lipis sekitar RM2.9 bilion dan Maran sekitar RM2.2 bilion. Bilangan penduduk juga sangat tidak seimbang. Kuantan mencatat sekitar 574,749 orang, Temerloh sekitar 178,971 orang, Pekan sekitar 128,737 orang, manakala Cameron Highlands hanya sekitar 4,769 orang. Jumlah ini memberi kesan besar kepada peluang pekerjaan, kemasukan pelaburan dan pembangunan infrastruktur. Akibatnya, anak muda berhijrah ke luar. Peluang pekerjaan semakin sempit dan ekonomi tempatan semakin perlahan. Rakyat bertanya adakah pembangunan besar negeri ini benar-benar sampai kepada mereka. Apakah jaminan projek besar seperti ECRL benar-benar membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan bukan sekadar menjadi laluan ekonomi untuk pihak luar. Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri menyediakan pelan limpahan ekonomi khusus untuk kawasan Sungai Lembing termasuk peluang pekerjaan tempatan, latihan kemahiran, sokongan pelancongan serta penyertaan anak muda dalam ekonomi baharu.

Yang Berhormat Speaker,

Isu keselamatan jalan raya bukan perkara yang wajar dipolitikkan. Ia merupakan perkara asas yang wajib diberi perhatian serius kerana melibatkan keselamatan nyawa pengguna serta harta benda mereka. Bagi rakyat bandar, jalan rosak mungkin sekadar isu keselesaan tetapi bagi rakyat kampung dan kawasan pedalaman. Jalan rosak bermaksud hasil pertanian lambat dibawa keluar, pelajar lambat ke sekolah, ambulans lambat sampai malah keselamatan nyawa menjadi taruhan. Bagi Sungai Lembing yang juga tempat tumpuan pelancong suatu masa dahulu. Pelancong tidak lagi berminat kembali datang ke Sungai Lembing menyebabkan peniaga kecil kehilangan pelanggan.

Yang Berhormat Speaker,

Negara kita kaya dengan hasil bumi dan pertanian di samping pelbagai bentuk cukai yang dikutip daripada rakyat. Maka sewajarnya perkhidmatan asas kepada rakyat khususnya infrastruktur seperti jalan raya ini diberikan keutamaan dan diselenggara dengan baik. Hakikatnya, rakyat tidak menuntut perkara yang berlebihan. Mereka hanya mahukan jalan yang selamat dan selesa untuk digunakan setiap hari.

Yang Berhormat Speaker,

Janganlah kita hanya bertindak selepas berlakunya tragedi. Pendekatan reaktif seperti ini bukan sahaja merugikan malah boleh mengorbankan nyawa yang tidak berdosa. Saya mendesak kerajaan… agar kerja-kerja pembaikan dan penampalan dilaksanakan dengan segera, menyeluruh dan berkualiti. Bukan sekadar penyelesaian sementara yang berulang khususnya lubang-lubang yang besar dan dalam. Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf jalan tidak seharusnya bersifat bermusim. Persepsi rakyat bahawa kerja-kerja ini hanya dipergiatkan menjelang pilihan raya perlu ditangani dengan tindakan yang konsisten dan telus sepanjang masa. Izinkan saya bertanya berapakah sebenarnya peruntukan tahunan yang disediakan untuk penyelenggaraan jalan di kawasan Sungai Lembing. Mengapa tampalan dibuat berkali-kali tetapi masalah tetap berulang. Siapa yang memantau mutu kerja kontraktor? Dan mengapa aduan rakyat mengambil masa yang lama untuk tindakan.

Yang Berhormat Speaker,

Keselamatan rakyat di atas jalan raya tidak boleh dikompromi. Saya berharap jangan ada kerenah birokrasi terhadap keselamatan rakyat ini. Ia bukan soal politik tetapi soal tanggungjawab dan keutamaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara.

Yang Berhormat Speaker,

Sedikit berkenaan isu perumahan. Baginda bertitah bahawa tekanan inflasi yang dirasai rakyat menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh…, berkesan dan responsif. Harga barang, harga rumah, kos pengangkutan semua naik, tetapi pendapatan rakyat tidak naik seiring. Inilah denyut sebenar rakyat hari ini. Pada hujung tahun 2023 terdapat 93 projek perumahan bermasalah di Pahang melibatkan 77 projek sakit, 9 projek lewat siap dan 7 projek terbengkalai. Ada pembeli rumah yang terpaksa membayar ansuran bank walaupun rumah belum dapat diduduki. Mereka juga perlu menyewa atau tinggal di tempat lain. Ini bermaksud rakyat menanggung 2 beban serentak.

Masalah yang sama turut berlaku di FELDA. 7 projek… 7 daripada 10 projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) ditamatkan kerana gagal memenuhi syarat dan tiada kemajuan. Ini termasuklah PGBF di FELDA Bukit Sagu, di kawasan FELDA saya sendiri. Apa yang lebih mendukacitakan rakyat di FELDA Bukit Sagu bukan sahaja berdepan kelewatan tetapi juga ketidakpastian. Mereka tidak tahu bila rumah mereka akan siap. Siapa yang bertanggungjawab secara langsung dan dan apakah status sebenar projek tersebut. Antara punca masalah adalah kelemahan pelaksanaan oleh kontraktor. Baginda sendiri telah bertitah bahawa jika prestasi kontraktor sudah masuk *yellow zone*, tindakan awal mesti diambil, jangan tunggu projek menjadi sakit, baru mahu diselamatkan. Saya ingin bertanya berapakah unit rumah mampu milik sebenar yang telah siap dan diserahkan kepada rakyat Sungai Lembing.

Yang Berhormat Speaker,

Saya mencadangkan supaya, pertama, Kerajaan Negeri Pahang memberikan memberikan garis masa yang jelas bagi menyiapkan projek-projek terbengkalai di FELDA Bukit Sagu ini. Kedua, satu laporan status terkini didedahkan secara telus kepada rakyat supaya mereka tahu perkembangan sebenar projek. Ketiga,

memastikan pendekatan baharu digunakan agar projek ini benar-benar dapat disiapkan tanpa penangguhan lagi.

Yang Berhormat Speaker,

Baginda bertitah bahawa proses pelaburan perlu dipermudah. Kerenah birokrasi dikurangkan dan keluar kelulusan tanah dipercepatkan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat, minta laluan.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat. Sila, Wakil Kerajaan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya nak berterima kasihlah kepada Sungai Lembing kerana membangkitkan isu berkaitan dengan rumah. Terutamanya rumah PGPF, dan rumah PGBF ini sebagaimana kita semua maklum bukanlah rumah yang telah dilaksanakan Skim Rumah Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri memandang tentang projek yang terbengkalai yang telah dilaksanakan dalam negeri Pahang. Sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada Kerajaan Negeri satu ketika dulu dan hari ini Kerajaan Negeri mengambil alih tugas untuk menyiapkan projek tersebut dan untuk makluman Sungai Lembing daripada keseluruhan projek PGBF ini, 7 sebagaimana yang telah dikatakan tadi telah pun ditamatkan, dan pihak LPHP dalam proses untuk melantik untuk memastikan projek ini dapat diteruskan dan dipastikan siap untuk diberikan kepada generasi kedua perumahan PGBF termasuklah di kawasan saya ini, sahabat saya di Chini. Kita bantu untuk terus meneruskan projek PGBF tersebut dan ada lagi soalan yang berkaitan dengan rumah tadi. Sila. [Wakil Kuala Sentul berdiri] Dak, dak, bukan, bukan Kuala Sentul. Itu Sungai Lembing. Kuala Sentul *relax* dulu. Sungai Lembing... Sungai Lembing dia… dia ada soalan tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Sentul. Sekarang ni Wakil Kerajaan menjawab daripada yang sedang bercakap. Kalau Yang Berhormat nak menyampuk, menyampuk, duduklah sini.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dia... dia tak sabar. Dia… dia ada sikit ni. Dia ada. Okay saya nak beritahu tentang projek rumah terbengkalai di Pahang ni. Untuk makluman, Sungai Lembinglah di bawah LPHP kita ada 19 projek yang sebelum ini dinamakan terbengkalai. Dikategorikan terbengkalai, tetapi kita dah baik pulih 11 daripada projek tersebut dan telah diberikan, untuk diberikan CCC, dan ada 7 lagi yang kita akan laksanakannya termasuk yang PGBF tadi. Jadi ini bawah LPHP, mungkin 77 ni yang dilaksanakan ni adalah projek di bawah swasta dah termasuk swasta. 77 tu Yang Berhormat dapat daripada mana? 77.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Dalam ini tapi bagi masa lah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Nanti bagi jawapan secara bertulis kepada saya.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tak, nak sekarang boleh.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak apa, tak apa. Terus, terus, terus, terus cakap. Jadi untuk.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat.

Kita ada seorang lagi.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Untuk makluman Sidang Dewan, LPHP ada 19 projek terbengkalai sebelum ini dan 11 telah dibaikpulihkan dan untuk diberikan serahkan pada CCC untuk makluman semua…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, teruskan. Bagi ini… bagi…

(ADUN KUALA SENTUL - N25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sikit boleh ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak bagi, bagi...

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Speaker…
(ADUN KUALA SENTUL – N25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sungai Lembing teruskan Sungai Lembing. Saya minta Yang Berhormat daripada Kuala Sentul duduk. Sungai Lembing, teruskan. Sila duduk.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, terima kasih pencerahan daripada Yang Berhormat Exco. Cuma ialah penduduk Bukit Sagu khususnya anak muda, mereka telah lama menantikan rumah ini untuk disiapkan. Rumah ini dah tahun 2014 dimulakan sehinggalah…

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat, minta maaf…

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tidak...

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Sungai Lembing tidak bukan apa saya nak bagi pengesahan.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Speaker.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya, saya saya amat terharulah. Saya mengambil maklum tentang keresahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Lembing. Jadi kita pihak kerajaan, kita akan sentiasa memasti, ingin memastikan, bukanlah saya nak bertekak ini, tak, nak menjelaskan kepada Yang Berhormat, bahawa LPHP ini dia sentiasa bekerja untuk memastikan setiap masalah perumahan ini, Insya-Allah akan sedaya upaya diatasi untuk memastikan bahawa projek rumah ini dapat mampu dimiliki ini diberikan kepada mereka-mereka yang betul-betul memerlukan. Ini bukan perkara main-main Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua ya. Rumah ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Rumah. Sila,

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

… Yang Berhormat..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila gulung.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

YB Speaker. Okay okay sikit lagi. YB Speaker Baginda bertitah bahawa proses pelaburan perlu dipermudah, karenah birokrasi dikurangkan dan kelulusan tanah dipercepatkan. Baginda juga menyebut bahawa bagi pelabur berkualiti, proses yang biasanya mengambil masa 18 hingga 24 bulan, 24 bulan perlu cuba diselesaikan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan. Saya menyokong hasrat mempercepatkan pelaburan, namun rakyat mampu, kampung biasa juga bertanya, jika tanah untuk pelabur boleh dipercepatkan, mengapa tanah rakyat biasa masih mengambil masa bertahun-tahun. Di Sungai Lembing rakyat masih berdepan isu status kampung tradisi, geran tanah, pemilikan tanah, rakyat tidak meminta tanah baharu, mereka hanya mahu kepastian terhadap tanah yang telah mereka duduki sejak dahulu. Yang Berhormat Speaker hari ini saya ingin membangkitkan satu kes menimbulkan keresahan rakyat berkaitan urus tadbir tanah kerajaan yang melibatkan hubungan antara entiti tempatan iaitu JKK Kampung Batu Enam serta syarikat yang diberi peranan membangunkan tanah tersebut. Sedikit saya ceritakan kronologi, kronologinya.

Yang Berhormat Speaker,

Pada tahun 2014, JKK Kampung Batu Enam telah memohon kelulusan tanah kerajaan seluas kira-kira 696 ekar untuk tujuan pertanian. Secara jelasnya, ia bukan tanah milik JKK, tetapi ia adalah tanah kerajaan yang boleh diperuntukkan dengan syarat. Namun pada tahun 2015, satu perjanjian usahasama selama 60 tahun, 60 tahun Yang Berhormat Speaker, satu tempoh yang terlalu panjang bagi sebuah Jawatankuasa Kampung yang sifatnya sementara dan sukarela. Lebih mengejutkan dalam perjanjian tersebut, JKK telah memberikan *Revocable Power of Attorney* kepada syarikat tersebut. Apa maksudnya? Maksudnya syarikat itu tidak boleh, syarikat itu boleh bertindak atas nama JKK dalam urusan tanah tanpa perlu merujuk semula kepada JKK. Dan lebih teruk, kuasa itu tidak boleh ditarik balik. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah Pejabat Tanah mengetahui dan meluluskan penggunaan tanah ini dan pemberian kuasa sebesar ini.

Yang Berhormat Speaker,

Perjanjian menyatakan JKK sepatutnya menerima 30% daripada pendapatan bersih bermula tahun keenam. Tetapi apa yang berlaku? Bayaran yang yang diterima hanyalah sekitar 15% daripada hasil kasar, bukan seperti yang termaktub dalam perjanjian. Ini bukan sekadar perbezaan angka. Ini perubahan, perubahan asas perjanjian. Persoalannya, di mana laporan audit tahunan yang sepatutnya diserahkan kepada JKK? Siapa yang mengesahkan kiraan pendapatan bersih? Atau adakah JKK hanya menerima apa sahaja angka yang diberikan tanpa semakan?

Yang Berhormat Speaker,
Keadaan menjadi lebih pelik apabila kita dapati bukan satu tetapi tiga syarikat terlibat dalam mengusahakan tanah ini sedangkan perjanjian asal hanya melibatkan satu syarikat. Lebih menghairankan, jumlah keluasan yang dibayar oleh syarikat-syarikat ini melebihi keluasan tanah asal, 696 ekar. Jika dikira, ia melibatkan keseluruhan kawasan sehingga 1,884 ekar. Ia menimbulkan persoalan besar. Adakah tanah, terdapat tanah lain yang turut terlibat tanpa pengetahuan awam.

Yang Berhormat Speaker,

Akhirnya tanah ini telah disita oleh pihak berkuasa. Operasi dihentikan. Bayaran kepada JKK juga terhenti. Tetapi penduduk kampung yang sepatutnya menerima manfaat langsung tidak dimaklumkan secara rasmi. Ini yang paling menyedihkan. Sepanjang tempoh perjanjian ini, tiada jaminan pekerjaan kepada penduduk kampung. Tiada mekanisme agihan manfaat kepada komuniti. Tiada ketelusan bagaimana wang digunakan. Jadi saya ingin bertanya siapa sebenarnya yang mendapat manfaat daripada perjanjian ini? Dan berapakah hasil sebenar yang telah dibayar kepada JKK?

Yang Berhormat Speaker,

Saya berpandangan bahawa isu ini bukan hanya berlaku di Sungai Lembing. Kemungkinan besar perkara yang sama juga sedang berlaku di banyak DUN lain di seluruh Pahang khususnya kawasan luar bandar yang melibatkan tanah kerajaan, tanah kampung tradisi, tanah, pertanian, pertanian dan kawasan pembangunan baru. Saya ingin mengemukakan beberapa tuntutan dan cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri. Pertama, dedahkan secara penuh semua rekod bayaran yang diterima oleh JKK Kampung Batu Enam daripada semua syarikat terlibat sejak tahun 2015. Kedua tubuhkan siasatan bebas atau bawa perkara ini ke Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam PAC negeri untuk disemak secara telus.

Ketiga, Kerajaan Negeri perlu menggubal garis panduan standard bagi perjanjian melibatkan JKK, termasuk larangan pemberian *Revocable Power of Attorney* tanpa kelulusan pihak berkuasa. Keempat, wujudkan satu unit sokongan undang-undang khas untuk membantu JKK supaya mereka tidak lagi terdedah kepada perjanjian yang berat sebelah. Kelima, satu kajian menyeluruh dibuat di seluruh DUN Pahang berkaitan urus tadbir tanah kerajaan dan hubungan dengan JKK serta entiti pengurusan tanah. Keenam, audit khas diwujudkan bagi memastikan tanah kerajaan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat tempatan bukan hanya kepada pihak berkepentingan tertentu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lama lagi tak Yang Berhormat?

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Ada satu lagi Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Cepat sikit, saya nak bagi seorang lagi.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Ketujuh, Peranan JKK diperkukuh sebagai institusi kebajikan rakyat kampung dalam urusan tanah, bukan sekadar struktur pentadbiran formal. Kelapan, semua projek tanah yang melibatkan syarikat luar perlu penjelasan terbuka kepada rakyat setempat termasuk status pemilikan, manfaat ekonomi dan penduduk, hak dan hak penduduk

asal. Yang Berhormat Speaker, ini bukan soal menyalahkan sesiapa secara membuta tuli.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, JKK ini takde kuasa nak bagi tanah sebenarnya. Jadi biar Kerajaan jawab. Itu je lah. Yang Berhormat buatlah macam-macam JKK tak ada kuasa.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tak apa, saya..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Benda *itu non-avoid* itu ini saya nak bagitau itu. JKK tak ada kuasa. Yang Berhormat buatlah tuntutan macam mana, yang ada kuasa adalah pihak negeri.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Ini..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

JKK takde kuasa dan itu memang *non-avoid*. Ini saya nak bagi tau sila terus.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak, tak perlulah nak bagi senarai itu sebab memang diorang takde kuasa apa pun.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Tak ini cadangan kepada pihak kerajaan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Iyalah, Bukan pihak kerajaan. JKK dia tidak ada kuasa. Yang dibuat itu adalah ianya tidak sah. Itu saya bagi tau.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay Yang Berhormat Speaker. Ini bukan soal menyalahkan sesiapa secara membuta tuli. Ini soal untuk memperbetulkan sistem supaya perkara seperti ini tidak berulang. Tanah komuniti bukan untuk diperdagangkan secara senyap. Ia amanah untuk rakyat. Jika urus tadbir tanah gagal dijaga, maka kita bukan sahaja kehilangan hasil negeri, tetapi kita juga kehilangan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan. Sebagai penutup

Yang Berhormat Speaker, saya menyokong penuh Titah Baginda bahawa setiap wakil rakyat yang diberi mandat mesti melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan penuh dedikasi dan integriti, bukan sekadar menunjukkan muka menjelang pilihan raya. Pihak Kerajaan jangan mewujudkan benteng kepada Wakil Rakyat pembangkang untuk berkomunikasi dengan pihak agensi kerajaan secara lebih berkesan. Biarlah rakyat sendiri menilai tahap kerja semua Wakil Rakyat setelah ruang kerjasama ini dibuka dengan seluasnya, yang mana akhirnya rakyatlah yang akan dapat manfaat secara keseluruhan. Saya dengan ini menyokong Titah ucapan Diraja. Sekian Assalamualaikum.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita, sila, terima kasih daripada Sungai Lembing. Cuma saya nak bagi tahu ya. Tidak ada satu JKK pun yang mempunyai kuasa untuk memberi tanah. Yang ada kuasa untuk memberi tanah ini, perjanjian sebenarnya adalah pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Jadi, itu sebenarnya, benda itu agak serius boleh dibuat siasatan boleh diajukan kepada pihak-pihak berkenaan. Sila wakil daripada Sungai Lembing eh… daripada, daripada Chini, yang terakhir. Jangan lama-lama.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT...Salam sejahtera dan salam Pahang 1st. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini yang penuh bermakna. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan Negeri dan daerah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat terus je.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Dan juga saya mengalukan 4 pemerhati daripada DUN Chini, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pekan. Boleh Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila... sila Yang Berhormat. Saya tak ada cakap apa. Yang Berhormat teruskanlah.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Burung merpati terbang sekawan,
Hinggap sebentar di pohon sena,
Daulat Tuanku payung keamanan,
Pahang maju rakyat terbela.

Terlebih dahulu, patik merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibrahim ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas limpah perkenan berangkat

merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 serta menyampaikan Titah Diraja yang sarat dengan amanat, panduan dan nasihat demi memastikan negeri Pahang terus stabil dan sejahtera.

Saya juga, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga ucapan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang serta seluruh barisan pentadbiran Kerajaan Negeri atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan negeri Pahang terus berada di landasan pembangunan yang kukuh, stabil dan diyakini rakyat. Alhamdulillah, hasil pentadbiran yang cekap, berintegriti dan berpandangan jauh. Negeri Pahang berjaya mencatat hasil negeri melebihi RM1 bilion selama 4 tahun berturut-turut. Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan dan membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pahang hari ini mempunyai perancangan yang jelas serta hala tuju yang tepat dalam memperkukuhkan ekonomi negeri dan menjaga kebajikan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya amat tertarik dengan Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang menekankan kepentingan memperkukuhkan ekonomi negeri, memperhebatkan usaha menarik pelaburan, memperkukuhkan rantaian bekalan, melaksanakan dasar yang responsif terhadap kenaikan kos sara hidup serta memanfaatkan perubahan global demi masa depan negeri Pahang. Sesungguhnya Titah tersebut amat tepat dengan keadaan semasa yang memerlukan kerajaan sentiasa bersedia menghadapi cabaran ekonomi dunia yang semakin mencabar. Dalam masa yang sama, saya juga menyokong penuh Titah Tuanku berkaitan menambah hasil negeri melalui pengurusan eksport pasir sungai dan juga penjagaan alam sekitar. Di kawasan saya khususnya di Sungai Pahang. Keadaan sungai kini semakin cetek akibat pengumpulan pasir yang membentuk pulau-pulau kecil serta pertumbuhan anak-anak pokok di tengah sungai yang semakin membesar. Keadaan ini menyebabkan laluan sungai semakin sempit dan dikhuatiri memberi kesan terhadap aliran sungai serta meningkatkan risiko banjir pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Cadangan mewujudkan Pejabat PERHILITAN Daerah, Daerah Pekan amat wajar dipertimbangkan bagi memudahkan rakyat membuat aduan berkaitan gangguan hidupan liar seperti monyet, kera dan haiwan liar yang lain yang semakin kerap di kawasan kampung tradisi dan juga penempatan penduduk di bandar Pekan. Ketika ini banyak aduan melibatkan kacau ganggu monyet dan juga kera yang menimbulkan keresahan kepada penduduk termasuk merosakkan tanaman, memasuki rumah serta mengancam keselamatan terutama kanak-kanak dan warga emas. Dengan kewujudan pejabat PERHILITAN di daerah Pekan, tindakan pemantauan dan juga operasi dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan tanpa perlu bergantung kepada daerah luar. Malah, ia juga dapat memudahkan urusan penyelarasan bersama pihak berkuasa tempatan serta agensi berkaitan dalam menangani isu hidupan liar secara sistematik. Saya berharap cadangan ini dapat diberi perhatian demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di daerah Pekan sentiasa terpelihara. Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan masyarakat di FELDA kawasan DUN Chini. Pertamanya, saya berharap pihak FELDA membuat kajian menyeluruh berkaitan pendawaian elektrik rumah-rumah peneroka FELDA yang kini kebanyakan telah lama dan memerlukan perhatian serius demi faktor keselamatan penduduk. Kita bimbang sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian sewajarnya, ia boleh mengundang risiko kebakaran serta membahayakan keselamatan keluarga peneroka. Selain itu, saya juga ingin mengetahui status pembekalan elektrik dan air

bagi rumah-rumah tambahan di tapak rumah peneroka yang masih berdepan dengan beberapa kekangan kemudahan asas. Perkara ini amat penting kerana ia melibatkan keselesaan, kesejahteraan serta kehidupan harian rakyat di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dalam masa yang sama, saya amat berharap pihak pengurusan FELDA Wilayah Kuantan dapat terus memperkukuhkan komitmen dan kerjasama dengan kepimpinan di peringkat daerah Pekan. Saya melihat kehadiran pihak pengurusan FELDA dalam mesyuarat pembangunan daerah amat penting bagi membantu menyelesaikan isu-isu rakyat di kawasan rancangan FELDA Chini. Kadangkala banyak perkara dibangkitkan dalam mesyuarat, namun tanpa kehadiran pihak FELDA, penyelarasan tindakan menjadi kurang berkesan. Saya berharap pihak pengurusan FELDA lebih cakna dan dapat memberikan komitmen yang lebih baik demi memastikan segala isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan secara bersama. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan juga terima kasih kepada kerajaan melalui pihak JKR Daerah Pekan atas penyediaan 22 lampu solar di jalan utama Chini yang sering berlaku kemalangan melibatkan ternakan. Usaha ini amat dihargai oleh penduduk setempat dan secara tidak langsung membantu meningkatkan aspek keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Saya juga ingin menyentuh berkaitan penggunaan sistem digital dalam memudahkan akses rakyat terhadap perkhidmatan kerajaan. Hari ini, rakyat mahukan sistem penyampaian cepat, mudah dan efisien. Kerajaan perlu terus memperkukuhkan penggunaan sistem digital termasuk urusan bantuan rakyat, semakan permohonan aduan awam dan akses kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan. Usaha pendigitalan ini amat penting supaya rakyat di kawasan luar bandar tidak tercicir daripada arus pembangunan teknologi.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga merakamkan penghargaan atas pencapaian pendidikan negeri Pahang yang berjaya berada di kedudukan nombor 2 terbaik dalam keputusan SPM. Manakala Daerah Pekan pula berjaya muncul tempat pertama antara daerah di negeri Pahang. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan hasil kerjasama semua pihak termasuk guru-guru, ibu bapa, pelajar serta sokongan berterusan Kerajaan Negeri terhadap agenda pendidikan. Saya percaya pelaburan pendidikan merupakan pelaburan jangka panjang yang amat penting dalam melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak, berkemahiran dan mempunyai jati diri yang tinggi. Selain itu, negeri Pahang juga berjaya mencatat indeks perpaduan terbaik yang membuktikan rakyat negeri ini hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menghormati.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga ingin mengingatkan agar isu 3R iaitu agama, kaum dan juga institusi diraja tidak dimainkan secara melampau, lebih-lebih lagi apabila negara menghadapi suasana politik menjelang PRU Ke-16. Jangan kerana kepentingan politik, kita merosakkan perpaduan serta keharmonian yang telah lama terbina di negeri ini. Kita perlu sentiasa menghormati institusi diraja, menjaga perpaduan kaum serta memastikan politik yang dibawa adalah politik matang dan membawa manfaat kepada rakyat. Sebagai pemimpin, kita perlu menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat dalam menjaga adab, tutur kata dan perpaduan.

Yang Berhormat Speaker,

Sesungguhnya kepimpinan bukan sekadar tentang jawatan atau kuasa tetapi tentang keberanian membuat keputusan yang betul serta memberi manfaat kepada rakyat. Sabda Rasulullah SAW, sebaik-baik manusia adalah manusia yang paling memberi manfaat kepada manusia lain. Hadis Riwayat Ahmad.

Gunung Tahan megah berdiri,
Menjadi lambang bumi bertuah,
Bersatu hati membina negeri,
Pahang maju rakyat sejahtera.

Dengan ini, Chini mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, wakil dari Chini yang merupakan pembahas ataupun wakil kita yang terakhir. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, er... di sebelah pagi ini, seramai 6 orang telah pun mengambil bahagian. Jadi, saya akan menempohkan persidangan ini pada sebelah petang untuk kita sama-sama menikmati jamuan makan tengah hari yang telah disediakan dan persidangan kita akan disambung semula pada pukul 2.45 petang. Persidangan ditempohkan Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan perbahasan Usul menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam sejahtera dan selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi di atas usul yang berbunyi bahawa:

> **"Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang."**

Pada sebelah petang ini, kita menyambung semula perbahasan atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini, dan setiap Ahli diberi peruntukan sebanyak 15 minit. Baiklah, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lanchang. Sila Yang Berhormat.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Alhamdulillah, [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-15 tahun 2026 ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang ini. Titah Tuanku telah mencakupi atas semua aspek, bermula daripada keagamaan, adab, ekonomi, sosial dan kebudayaan Pahang ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, yang telah berusaha memacu ekonomi negeri ini dengan mengekalkan prestasi dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Speaker,

Akibat ketidaktentuan global pasca konflik di Asia Barat, sektor ekonomi dunia mula merasai tekanan dan masalah berangkai. Kenaikan bahan api telah menyebabkan peningkatan kos bagi industri berbagai industri, pengilangan, pertanian, penternakan dan lain-lainnya. Peningkatan kos logistik, gangguan rantaian bekalan, kekurangan bahan mentah serta tekanan aliran tunai, lebih membimbangkan. Terdapat syarikat yang mula mengurangkan pengeluaran. Membekukan pengambilan pekerja dan ada yang pertimbangkan langkah pemberhentian. Ada syarikat yang telah atau sedang merancang pelarasan tenaga kerja kerana tekanan kos dan permintaan. Akibatnya, syarikat-syarikat mula mengambil tindakan-tindakan mengurang kos mereka, antaranya mengurangkan tenaga kerja lebih masa… mengurangkan kerja lebih masa. Pembekuan pengambilan pekerja dan ada setengah-setengah kes yang mula memberhentikan pekerja-pekerja mereka… sebahagian kecilnya.

Yang Berhormat Speaker,

Masalah ini juga mula dirasai oleh pengusaha-pengusaha di sektor pertanian, petani, pesawah, penternak dan sebagainya. Ada yang berkira-kira untuk berehat buat sementara, atau mengecilkan saiz pengusaha tanaman, akibat kos melambung dan *margin* pulangan yang rendah dan ada yang terus rugi. Ada juga yang ingin menukar jenis tanaman sepertimana daripada tanaman padi kepada kelapa sawit. Ada yang ingin terus berhenti. Maka, semua faktor- faktor ini akan menyebabkan negara dan negeri ini akan berdepan dengan masalah besar seperti pengangguran makin bertambah, pendapatan isi rumah makin berkurangan, komuniti asnaf makin bertambah. Maka bertambahlah senarai di di Jabatan Kebajikan Masyarakat juga di pejabat-pejabat zakat dan sebagainya. Dan sektor hasil pula, sektor makanan makin berkurangan. Harga menjadi lebih tinggi di pasaran serta *import* makin tinggi.

Pemberhentian pekerja dan pengurangan gaji itu jugak, akan menyebabkan isi jabatan rumah akan berkurangan. Hakikatnya, apabila sektor industri lemah, yang menanggung akibat paling awal ialah pekerja biasa, vendor-vendor, kontrak tempatan dan peniaga kecil yang bergantung kepada kuasa beli, pekerja kilang dan sebagainya. Maka saya ingin bertanya, apakah pelan tindakan segera Kerajaan Negeri bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan tersebut. Maka saya harapkan insya-Allah,

ada sesuatu yang kita akan keluarkan akan datang bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya Lanchang ingin membahaskan, beberapa isu mengenai kepelbagaian sektor ekonomi yang lebih meluas. Yang pertama ialah tentang pertanian khususnya. Dalam keadaan dunia hari ini yang sering yang kita yang telah saya sebutkan tadi bahawa, kegawatan ekonomi ini telah pun melanda seluruh dunia. Maka kita juga tidak lari daripada masalah-masalah tersebut. Kepada yang sama, oleh kerana itulah orang yang sama, pengeluaran makanan turut terkesan akibat jugak perubahan cuaca yang tidak menentu. Kadangkala cuaca terlalu panas dan kadangkala hujan terlalu lebat. Sekaligus menjejaskan hasil pengeluaran makanan negara. Golongan petani mula mengeluh dengan peningkatan kos pengeluaran yang semakin tinggi. Harga *input* pertanian meningkat mendadak, begitu juga kos bahan api. Keadaan ini menyebabkan para pesawah, penternak, peladang dan nelayan mula berfikir berkali-kali untuk meneruskan aktiviti pertanian, serta pengeluaran makanan secara berskala besar. Malah, ada juga yang mula mempertimbangkan untuk menghentikan sementara operasi mereka.

Sekiranya perkara ini berterusan, ia akan memberi kesan besar kepada *produktiviti* makanan serta keperluan pengguna khususnya negeri Pahang. Oleh itu, Lanchang menyarankan agar Kerajaan mengambil isu ini sebagai satu perkara yang serius dengan merancang serta melaksanakan tindakan segera bagi mengatasinya. Semua pihak berkaitan khususnya peringkat pembuat dasar, pelaksana perlu memainkan peranan secara lebih *proaktif* dalam membantu mempercepatkan meningkatkan produktiviti makanan negara. Hari ini kita sedang berdepan dengan krisis kekurangan bahan api kerana terlalu bergantung pada sumber luar. Maka kita tidak mahu perkara yang sama berlaku dalam sektor makanan akibat kebergantungan keterlaluan kepada import luar negara, sedangkan kita mempunyai ruang dan kemampuan untuk mengeluarkan bahan makanan kita sendiri. Negeri kita punyai tanah yang luas untuk pertanian. Iklim yang sesuai serta tenaga kerja yang mencukupi.

Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan beberapa perkara penting yang perlu disegerakan. Yang pertama. Yang pertama. Mengatasi masalah asas seperti terus-menerus menyediakan tanah-tanah yang sesuai atau kawasan yang sesuai untuk pengeluaran produk pertanian tertentu. Memulihkan semula tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk sektor pertanian. Menyelesaikan masalah hak milik tanah, kepada para pemohon dengan kadar segera, supaya mereka dapat mengusahakan tanah dengan penuh bersemangat, tanpa rasa ragu-ragu tanpa rasa takut terhadap status pemilikan mereka. Ini adalah kerana masih terdapat banyak permohonan tanah yang telah pun diusahakan, namun status permohonannya masih tergantung walaupun telah lama dimohon. Kemudian ialah bantuan-bantuan *input* pertanian diteruskan dalam bentuk skala yang lebih besar, kepada petani-petani yang sedia ada.

Yang keduanya, saya ingin teruskan tentang isu pelancongan. Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku ada menyebut, beberapa isu berkaitan sektor pelancongan, pelancongan serta keperluan menambah baik beberapa pusat pelancongan bagi merancakkan lagi industri tersebut. Saya ingin menyatakan sokongan penuh terhadap cadangan tersebut iaitu pertamanya, Pemulihan warisan rumah tradisional yang saya lihat bagi merancakkan ekonomi negeri melalui pelancongan saya melihat negeri Pahang mempunyai banyak nilai sejarah dan warisan yang boleh diketengahkan.

Terdapat rumah-rumah tradisional lama, yang dibina oleh orang-orang yang terdahulu, menggunakan kayu-kayan tempatan negeri Pahang dan sebahagiannya telah berusia ratusan tahun, di kawasan Lanchang sendiri antaranya terdapat di seperti mana di Kampung Lana, di Kampung Tedong, di Kampung Cempaka masih terdapat rumah-rumah tradisional yang mempunyai nilai sejarah dan warisan yang tinggi. Saya yakin dan percaya bahawa daerah-daerah lain di negeri Pahang juga mempunyai aset yang sama khususnya penempatan kampung tradisional Melayu yang masih mengekalkan ciri-ciri warisan budaya negeri ini. Malah, mungkin juga terdapat rumah-rumah tokoh pejuang kemerdekaan Melayu yang lahir di kawasan tersebut. Persoalan saya, adakah kerajaan menyediakan satu skim khas?

Exco Pelancongan belum hadir atau dana tertentu bagi memulihara rumah-rumah tradisional ini untuk diwariskan kepada generasi seterusnya khazanah sejarah ini. Dalam masa yang sama, rumah-rumah tersebut juga boleh didiami oleh waris sambil memelihara aset warisan budaya rakyat Pahang. Sekiranya belum ada, saya ingin mencadangkan agar diwujudkan satu peruntukan khas bagi tujuan tersebut. Dengan terlaksananya usaha ini, saya percaya lebih ramai pelancong akan menjadikan lokasi-lokasi tersebut sebagai satu tempat destinasi pilihan dalam kalendar pelancongan mereka kelak. Yang keduanya ialah tentang penambahbaikan infrastruktur pelancongan. Terdapat beberapa infrastruktur pelancongan yang perlu ditambah baik. Sebagai contohnya, kawasan Titik Tengah Semenanjung yang telah pun terkenal seluruh negara, malah di luar negara. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang telah pun lama berkhidmat di situ atas usaha membangunkan kawasan tersebut. Namun begitu, ada kekurangan yang perlu diberi perhatian ialah masalah kekurangan tapak parkir atau letak kereta. Keadaan pelancong dan pengguna jalan raya yang terpaksa berhenti di bahu jalan amat berbahaya. Situasi ini menyebabkan pengunjung terpaksa memilih sama ada sekadar singgah mata atau berhenti. Maksudnya sambil naik kereta cuma pandang dan meletak atau berhenti dan meletakkan kenderaan dalam keadaan yang boleh mengundang risiko kemalangan. Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan penambahan kawasan parkir yang lebih selamat dan teratur demi keselesaan serta keselamatan pengunjung.

Seterusnya ialah masih lagi tentang ekonomi semasa yang terdapat di negeri Pahang. Tuan Speaker, kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat dari masa ke semasa terus memberi kesan kepada semua pihak. Oleh itu, usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk ketua keluarga bagi menampung beban kehidupan yang amat penting yang perlu diberi perhatian memandangkan negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber mineral khususnya emas di beberapa kawasan tertentu. Perkara ini dilihat sebagai satu sumber rezeki yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat dan kerajaan sendiri. Terdapat juga tanah-tanah milik persendirian yang dipercayai mempunyai simpanan emas di dalam perut bumi di tanah mereka. Namun, pemilik tanah tidak dapat memanfaatkan sumber tersebut secara sah dan teratur. Jadi soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen mendulang emas atau permit individu kepada individu kepada masyarakat setempat bagi membolehkan mereka menjalankan kegiatan tersebut secara sah dan terkawal sebagaimana yang dilaksanakan beberapa negeri lain. Secara tidak langsung, semua pihak akan mendapat manfaat daripada persamaan ini. Penduduk akan mendapat pendapatan keluarga. Agensi atau syarikat kerajaan contohnya berkaitan boleh membeli emas mentah manakala Kerajaan Negeri pula mendapat meningkatkan hasil cukai atau daripada pengeluaran media tersebut. Dengan lain juga boleh disebut dengan itu konsep kongsi rezeki dapat dilaksanakan.

Seterusnya ialah tentang mengenai aktiviti pasir. Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku juga ada menyebut bahawa negeri Pahang mengalami kerugian kerana sumber pasir tidak dapat dikeluarkan secara optimum dan teratur. Lanchang melihat terdapat beberapa elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam isu ini. Kerajaan Negeri perlu menilai, pertama kuantiti pengeluaran kuantiti pengeluaran pasir perlu dipertingkatkan secara terkawal agar hasil yang diperolehi dapat dimaksimumkan. Yang kedua, Kerajaan Negeri perlu menilai semula kadar premium atau bayaran yang dikenakan kepada pengusaha pasir supaya lebih munasabah dan seimbang mengikut semasa sekaligus memastikan kerajaan memperolehi pulangan hasil yang sewajarnya daripada aktiviti tersebut. Dalam masa yang sama, aktiviti perlombongan pasir ini perlu dilaksanakan secara lebih tersusun berhemah mengikut garis panduan yang ketat supaya manfaat maksimum dapat diperolehi oleh semua pihak. Antaranya ialah memelihara kedalaman sungai bagi membantu mengurangkan risiko kesan banjir. Yang kedua, menjaga kelestarian alam sekitar serta sosio ekonomi, penternak ikan sungai yang mempunyai sangkar-sangkar dan juga komuniti-komuniti setempat yang mengusahakannya. Yang ketiganya ialah meningkatkan hasil pendapatan kerajaan sendiri melalui aktiviti-aktiviti pasir tersebut iaitu perlombongan yang telah pun dikawal selia dengan baik.

Seterusnya saya ingin menyebut tentang perkara yang sama yang telah disebutkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku iaitu mengenai akses wakil rakyat dengan jabatan. Lanchang menyokong penuh supaya semua wakil rakyat mempunyai akses dengan jabatan dan agensi. Alhamdulillah, setakat ini saya mengucapkan tahniah kerana masih terdapat jabatan-jabatan yang memberi kerjasama walaupun kita tidak bersama dalam mesyuarat. Tapi kalau menghadiri mesyuarat lebih penting kerana kita dapat menyelesaikan banyak masalah iaitu seperti terlibat dalam mesyuarat tindakan daerah contohnya. Mesyuarat peringkat daerah ini dihadiri oleh hampir keseluruhan ketua-ketua jabatan di peringkat daerah, penghulu, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Maka sudah tentu ia menjadi lebih mudah apabila masalah timbul di sesuatu tempat, dapat berjumpa dan berbincang di dalam mesyuarat ataupun di luar mesyuarat kepada khusus kepada jabatan-jabatan berkenaan, lebih-lebih lagi isu yang timbul melibatkan kepelbagaian agensi.

Dalam isu yang sama untuk diselesaikan isu yang berlapis-lapis yang menyebabkan agensi tidak tolak menolak antara satu sama lain. Maka kata putus akan dapat dimaklumkan dan diputuskan, maka wakil rakyat dapat memaklumkan pada pihak yang bawah dengan berita yang betul, berita yang benar. Untuk menjadikan Pahang 1st ini sudah tentu cara kerja kita perlu berubah. Niat untuk menjadikan yang terbaik kerja, usaha, strategi perlu luar biasa supaya yang kita capai tu luar biasa. Menidakkan pihak pembangkang dalam satu-satu program penting adalah *style* lama dan ia sudah *style* biasa sebenarnya yang telah disarankan. Tapi jika kita mengubah cara kita bekerja dengan melibatkan pihak-pihak semua pihak termasuk pihak pembangkang sebagai rakan dalam satu program, rakan dalam gerak kerja strategi itu memang satu yang luar biasa, maka sudah. Maka saya amat yakin bahawa apabila satu kerja yang luar biasa, dia akan menghasilkan keputusan yang luar biasa. Maka itulah cara kita iaitu Pahang *Style*, yang mana telah pun disebut sebagai sebuah negeri yang berdaulat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker,

Saya pelik yang ADUN Lanchang sebutkan ini pendekatan kita di Pahang. Kalau kita buat cara maknanya cara harmonilah kan? Saya teringat dulu Yang Berhormat Speaker, tak berapa lama dululah kita pernah didengarkan dengan program Hogoh Jelai. Sebenarnya program tu kita pun fikir tak masuk akal. Yang Amat Berhormat Datuk Sri Menteri Besar Dato' Sri Diraja Menteri Besar memberi ruang yang seluas-luasnya berjumpa dengan wakil-wakil rakyat, berjumpa dengan apa nama masyarakat orang ramai. Malah, pendekatan yang dibuat memang takda langsung menganaktirikan kawasan mana-mana. Nak bagi tahu ni walaupun pihak kerajaan kita mewakili 25 kawasan DUN daripada 42 tak pernah langsung kawasan-kawasan lain tercicir. Ini bukti kita ada bukti. Tapi dia tak senadalah tu. Kita cakap mengapa tidak libatkan pihak pembangkang. Pihak pembangkang pun sepatutnya kawasan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kawasan Jelai yang telah pun dikenal pasti sebagai satu kawasan yang memang dijaga rapi oleh wakil rakyatnya. Yang itu pun pihak pembangkang nak hogoh. Jadi kita boleh tengok cara begitu. Cara macam itu kita bekerja dengan ikhlas dan baik. Pihak pembangkang masih lagi mengambil pendekatan yang cara agresiflah, provokatif.

Sebab itu saya lihat Lanchang kena bincang dulu sama kerana dalam, nanti saya nak sentuh ni. Sebenarnya kita kena tengok Titah Diraja ni bukan maknanya mengatakan bahawa pihak kerajaan menafikan hak pihak pembangkang. Tidak. Yang Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang menitahkan supaya kita memainkan peranan masing-masing. Pihak kerajaan memainkan peranan pihak kerajaan dan pihak pembangkang main peranan sebagai pembangkang yang konstruktif. Itu kena difahamkan. Saya tak nak nanti naratif tu seolah-olah macam selama ni pihak kerajaan bertindak ini apa nama. Seolah-olah di luar pada orang kata apa nama jajaran…Tidak, sebenarnya kita bertindak sepertimana yang telah memberi manfaat kepada rakyat jelata. InsyaAllah.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Saya sambung Tuan Speaker. Terima kasih kepada…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Minta gulunglah kerana dah ni…

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Saya cuma ada 2, saya habiskan. Er… saya bagi laluanlah sebab Benta tak ada banyak hari. Jadi terima kasihlah atas ni. Salam sampai ke tanah air. Er.... Tuan Speaker er… er… seterusnya saya ingin ada pertanyaan err... Pertamanya ialah tentang Skim Tanah Rancangan FELCRA. Kita sedia maklum bahawa ia ditubuhkan untuk memajukan tanah terbiar dan juga tanah kerajaan bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat miskin. Ladang-ladang yang telah berhasil akan diberikan kepada peserta yang layak atau dalam bentuk saham. Sehubungan itu, saya ingin bertanya dan penjelasan mengenai FELCRA Sementih di Lanchang ribuan ekar. Adakah sudah dipilih atau diambil peserta-peserta yang layak, sebabnya kerana

terdapat rungutan bahawa sebahagian besar sudah pun ditemu duga tetapi belum er… mendapat er… keputusan. Atau adakah kerajaan mempunyai satu polisi baru atau dasar baru mengenai Skim Ladang FELCRA tersebut dalam perjalanan hasil. Er… akhirnya ialah Lanchang juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco yang berkenaan serta pegawai-pegawai daerah Temerloh… serta pegawai… Dato' Pegawai Daerah Temerloh serta agensi yang berkaitan iaitu mengenai 2 projek sedang dilaksanakan yang telah lama… satu dah lama dipohon, yang baru… yang… yang satunya ialah baru, tetapi sudah pun dilaksanakan iaitu projek jambatan gantung di Kampung Dala.

Dan keduanya, Kampung Kelubi yang dalam proses saya kira hampir siaplah. Maka saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasihlah di atas kecepatan membuat keputusan dan juga projek yang telah pun di… dilaksanakan. Maka apabila siap nanti dapatlah memberi manfaat baru, nafas baru kepada penduduk setempat menjalani kehidupan harian dengan lebih selesa yang selama ini menjadi masalah mereka untuk er… menjalani aktiviti seharian. Akhirnya, Lanchang ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan atas pelaksanaan bantuan sara hidup RM15,000.00 seminggu kepada pihak-pihak yang memerlukan melalui ADUN Kerajaan dan Penyelaras DUN. Walau bagaimanapun, diharapkan bantuan tersebut hendaklah diagihkan kepada golongan yang benar-benar layak menerimanya supaya menerima maklumat… matlamat membantu rakyat memerlukan dapat dicapai dengan berkesan.

Dan saya juga nak ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri… Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Diraja di atas pengumuman bahawa RM15,000.00 itu disalurkan kepada YB ADUN Kerajaan dan juga penyelaras makna... maknanya ia menjawab teka-teki selama ini bahawa di bawah sana sentiasa bertanya, betulkah pembangkang tak dapat peruntukan? Betulkah tiada peruntukan? Maknanya bila… apabila Dato' Menteri Besar menjawab begitu maka jalan itu bahawa fakta itu benar, maka lapanglah dada kami bahawa benda yang menjadi masalah pada kami terjawab akhirnya. Jadi saya ucapkan terima kasihlah. Akhir sekali…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Maknanya ni Dato' Sri Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.
(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

… ADUN Lanchang, tak bertandinglah kat PRU 16 ni.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Er… itu…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dah semuanya… agenda… semua… semua… semua perjuangan dah selesai. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Akhir kata, Lanchang menyokong penuh Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku sempena Istiadat Pembukaan Dewan yang berlangsung pada hari Jumaat yang lalu. Sekian wallahu a'alam. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ADUN dari Lanchang. Seterusnya saya menjemput ADUN dari Sabai, sila.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Baiklah. Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama sekali, patik menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang berangkat menyempurnakan Perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Sidang Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-15. Baginda bertitah menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas kejayaan membawa Pahang ke tahap ekonomi yang cemerlang.

Pencapaian kutipan hasil negeri bagi tahun 2025 sekali lagi jelas membuktikan dan melebihi RM1 bilion, sekali gus mengekalkan rekod cemerlang bagi tahun keempat berturut-turut sejak 2022. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri… Negeri Kasar Negeri sebanyak 5.7% dengan nilai ekonomi mencecah RM68 bilion, telah meletakkan Pahang dalam kalangan 4 negeri terbaik di Malaysia pada tahun 2024. Ini mencerminkan keupayaan negeri ini untuk bangkit dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran global. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri atas kejayaan dan pencapaian cemerlang ekonomi negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]. Titah Paduka Baginda agar Kerajaan Persekutuan lebih cakna dan menghormati hak-hak negeri Pahang khususnya dalam aspek perundangan hasil negeri serta pelaksanaan projek pembangunan juga amat signifikan.

Tuanku Baginda telah menzahirkan kekecewaan terhadap tindakan Kerajaan Pusat yang tidak meluluskan usaha negeri Pahang untuk menambahkan hasil eksport negeri… er… eksport pasir sungai memandangkan negeri Pahang memiliki sungai yang terpanjang di Semenanjung dengan mendapan pasir yang perlu dikeluarkan agar kelancaran pengaliran air sungai berlaku seterusnya dapat mengelakkan banjir. Saya memohon agar Kerajaan Negeri Pahang terus berunding bersama Kerajaan Pusat dan mencari titik penyelesaian terhadap isu-isu hak negeri yang dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda. Baginda turut bertitah menegaskan bahawa isu berkaitan kaum, agama dan Institusi Diraja yang boleh menggugat keharmonian negeri mesti dihentikan serta-merta.

Hari ini tarikh 13 Mei, peristiwa pada tarikh 13 Mei tahun 1969 merupakan sejarah hitam yang mengingatkan kita… 4… jika keharmonian masyarakat majmuk negara kita tergugat akibat isu-isu 3R. Baginda menegaskan bahawa tiada… tiada kompromi

dalam sebarang cubaan untuk mengganggu gugat keharmonian di negeri Pahang khususnya melalui permainan isu-isu 3R. Semua pihak tanpa mengira latar belakang perlu bertanggungjawab dalam setiap tindakan selain menjunjung tinggi nilai hormat, toleransi dan undang-undang demi mengekalkan keharmonian negeri. Isu-isu 3R ini mampu menimbulkan provokasi dan sentimen perkauman lebih-lebih lagi dengan kenyataan palsu dan fitnah yang mudah disebarkan melalui media sosial. Malah, baru-baru ini telah tersebar khabar palsu bahawa terdapat upacara keagamaan besar-besaran ala negara India di kawasan Bukit Tinggi yang sesungguhnya tidak benar sama sekali. Isu tersebut telah dinafikan dan diberi pencerahan yang sewajarnya. Namun, impak negatif yang tercetus tetap ada kesannya. Merujuk kepada isu berkaitan rumah ibadat bukan Islam, saya mohon pertimbangan dan toleransi semua pihak bagi penyelesaian secara konsultasi, konsensus dan berhemah. Saya yakin Kerajaan Negeri mampu menangani isu ini dengan penuh kebijaksanaan dan harmonis.

Tuan Speaker,

Ketegasan Baginda Tuanku bahawa sebarang tindakan yang sengaja menimbulkan kebencian antara kaum dan agama adalah sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali di negeri adalah satu peringatan yang tepat pada waktunya. Sesungguhnya Baginda dan seluruh Kerabat Diraja negeri Pahang membawa naratif baru bahawa konsep raja dan rakyat berpisah tiada. Dengan kewibawaan, kebijaksanaan dan keprihatinan yang amat tinggi dan mulia. Daulat Tuanku.

Tuan Speaker,

Saya mohon izin mengutarakan beberapa isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat di kawasan DUN Sabai. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan Yang Mulia ini untuk merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas projek rancangan Tebatan Banjir yang sedang dilaksanakan di daerah Bentong bernilai RM227 juta, seperti mana yang telah dimaklumkan dalam jawapan kepada soalan lisan saya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar.

Dari Bentong hingga ke sempadan daerah Temerloh di DUN Sabai. Projek ini diharapkan apabila dilaksanakan sepenuhnya dapat mensifarkan musibah banjir di daerah Bentong khasnya DUN Sabai. Seterusnya seperti biasa, fasiliti dewan serbaguna di kawasan DUN Sabai. Keperluan yang sudah saya suarakan sejak kali pertama saya menjejakkan kaki di Dewan Yang Mulia ini. Harap tapak sudah dikenalpasti tinggal lagi dana dan ketika lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Daerah Bentong baru-baru ini, cadangan pembinaan dewan berkenaan telah disenaraikan di dalam taklimat pembangunan daerah. Maka saya mohon tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu kelulusan dana berkenaan dari Kerajaan Pusat membolehkan kerja-kerja pembinaan dapat dilaksanakan.

Kedua, saya juga ingin mengutarakan permintaan penduduk Kampung Orang Asli Ulu Pareh mengenai keperluan sebuah dewan baru ataupun naik taraf dewan yang sedia ada yang semakin uzur dan tidak dapat menampung peningkatan penduduk kampung berkenaan. Masih di Kampung Asli Ulu Pareh, terdapat 12 keluarga di Kampung Ulu Pareh yang tiada kemudahan bekalan air ke kediaman mereka bergantung kepada air dari kawasan bukit yang telah pun saya bangkitkan sebelum ini dalam sidang dewan yang lepas.
Semasa Program Aspirasi Pahang 1st di daerah Bentong tahun lepas, rakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli telah kunjung ke Kampung Asli Ulu Pareh bersama Pihak Pengurusan Air Pahang (PAIP) dan

dimaklumkan mengenai isu bekalan air ke 12 rumah berkenaan. Saya difahamkan bahawa pihak PAIP setuju tanggung sebahagian kos kerja-kerja bekalan air tersebut. Betul ye… Ha betul. Manakala kos selebihnya dicadangkan ditanggung oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA. Saya dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli Ulu Pareh bahawa masih tiada perkembangan dalam isu bekalan air ini dan harap Kerajaan Negeri dapat mengusahakan penyelesaian pada kadar segera.

Ketiga saya juga menyokong cadangan rakan saya dari Kemayan berkenaan bekalan air dan elektrik kepada rumah ke-2 yang dibina di atas tapak peneroka FELDA yang asal. Isu ini sudah berlarutan sekian lama dan sering dibangkitkan oleh peneroka FELDA yang terkesan khususnya dalam kawasan saya FELDA Kampung Serting. Saya berharap apa jua perundangan atau birokrasi di dalam perkara ini dapat diselesaikan.

Keempat, saya telah diminta oleh pihak Pengurusan Masjid Kariah dalam kawasan DUN Sabai agar kerajaan negeri mempertimbangkan kenaikan elaun imam masjid tersebut berdasarkan beban dan peranan tugas mereka. Kadar RM850 yang diterima buat masa ini adalah tidak setimpal dengan tugas yang dijalankan. Difahamkan, kadar elaun berkenaan diselaraskan oleh pihak JAKIM dan saya harap Kerajaan Negeri prihatin dengan permintaan tersebut dan mengusahakan bantuan elaun tambahan jika diizinkan kedudukan ekonomi er.. Kerajaan kita ni. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri atas inisiatif Bantuan Bakti Negeri Pahang kepada golongan masyarakat yang terkesan berikutan krisis minyak global yang membawa kepada peningkatan harga barang dan peningkatan peningkatan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

Sambil menggalas tanggungjawab sebagai wakil rakyat DUN Sabai. Seperti biasa, saya juga suara tunggal kaum India Pahang dalam Dewan Yang Mulia ini. Walaupun India, kaum India ini adalah minoriti di Pahang, namun saya akui kita akui bahawa kebajikan dan kesejahteraan kaum India tetap disantuni oleh Kerajaan Negeri. Pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Terima kasih Kerajaan Negeri Pahang. (Ahli Dewan tepuk meja). Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa isu yang telah dimajukan kepada saya oleh kaum India untuk disuarakan dalam Dewan Yang Mulia ini. Pertama berkaitan dengan isu pengambilan penjawat awam daripada masyarakat India di bawah sektor perkhidmatan awam negeri Pahang. Kalau tak silap saya dalam sesi soalan lisan ada dibangkitkan oleh ADUN Lantikan daripada Mentakab. Er… angka yang saya dapat ialah lebih kurang purata dalam 9 orang daripada bukan Melayu bagi setiap tahun. Adalah menjadi harapan bahawa bilangan pengambilan kaum India ini dapat dipertingkatkan berdasarkan permohonan dan kelayakan.

Kedua, majoriti kaum India suatu ketika dulu berkecimpung dalam sektor perladangan dan pertanian. Terdapat ramai *agropreneur* daripada kaum India yang mampu menjayakan projek pertanian dan perladangan jika diberi peluang dan bimbingan. Maka saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperbanyakkan lagi rancangan tanah pertanian dan perladangan, skala kecil dan besar ke arah peningkatan penyertaan *agropreneur* daripada kaum India di negeri Pahang. Sektor ini terbukti salah satu sektor yang menyumbang ekonomi negeri dan negara.
Akhir sekali, sebagai usaha menyantuni keperluan masyarakat ketika musim perayaan, Kerajaan Negeri Pahang telah menyediakan baucar bernilai RM100.00 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan juga sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Saya harapkan Kerajaan Negeri agar inisiatif ini diteruskan sempena perayaan Deepavali yang disambut November ini. Dan yang terakhir sebelum sebelum saya mengundur diri, saya difahamkan dalam Sidang yang lalu bahawa SJK(T) Ladang Jeram Sekolah dengan jolokan Sekolah Kontena telah mendapat kelulusan dana daripada Persekutuan. Saya mohon pencerahan berkaitan dengan pembinaan ataupun pelaksanaan sekolah tersebut. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong titah Diraja. Maju Terus Pahang. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Sabai. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tahan. Sila.

(ADUN TAHAN – N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

[Ayat Al-quran] (Dalam Bahasa Arab) Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, Yang dihormati Yang Berhomat Speaker, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Menteri Besar, barisan Exco rakan-rakan ADUN, seluruh ketua-ketua jabatan dan pemerhati yang dihormati sekalian. Telebih dahulu patik menjunjung kasih ke atas titah diraja yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang ke-15 pada hari Jumaat yang lalu. Sesungguhnya titah Tuanku sarat dengan peringatan, teguran dan panduan kepada semua pihak dalam memastikan negeri Pahang terus maju dan juga Makmur…Allah SWT berfirman dalam surah An-Nisa Ayat 58. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhannya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat. Amanah mentadbir negeri bukan hanya tentang mengejar angka pertumbuhan ekonomi atau mengumumkan projek-projek besar tetapi memastikan pembangunan itu berlaku secara adil, seimbang dan benar-benar dirasai oleh seluruh rakyat.

Saya amat tertarik dengan titah Tuanku yang menyeru supaya semua Wakil rakyat menjalankan amanah dengan penuh dedikasi, rajin turun padang, rajinkan diri turun naik ke jabatan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan masalah rakyat dapat diselesaikan dengan cepat, cekap dan berkesan. Insya-Allah, sebagai Wakil Rakyat pembangkang, saya berdiri di Dewan Yang Mulia ini bagi memainkan peranan semak dan imbang secara konstruktif sebagaimana yang dititahkan oleh Tuanku. Membangunkan negeri Pahang ini adalah tanggungjawab kita bersama. Tidak kiralah sama ada berada di blok Kerajaan mahupun pembangkang. Rakyat di kawasan pembangkang juga adalah rakyat negeri Pahang. Maka sebab itu saya berharap Kerajaan Negeri dapat lebih terbuka hati dan lebih profesional dalam mendepani pandangan-pandangan daripada pihak pembangkang.

Yang Berhormat Speaker,

saya menjunjung kasih atas titah Tuanku yang menyatakan bahawa negeri Pahang mencatatkan pencapaian ekonomi yang amat membanggakan termasuk kutipan hasil negeri melebihi RM1 billion serta pertumbuhan ekonomi yang baik. Namun begitu,

persoalan yang perlu kita renungkan bersama ialah adakah kemakmuran ini benar-benar dirasai secara seimbang di seluruh daerah di negeri Pahang? Kerana apabila kita turun ke kawasan luar bandar, kampung tradisional dan kawasan pedalaman, masih ramai rakyat yang merasakan pembangunan ekonomi negeri terlalu tertumpu di kawasan tertentu sahaja. Kita lihat kawasan yang pesat menerima pelaburan terus berkembang tetapi ada daerah lain yang masih berdepan dengan kekurangan peluang pekerjaan dan penghijrahan anak muda. Akses internet yang lemah, peluang ekonomi yang terhad serta infrastruktur yang masih jauh ketinggalan. Saya percaya untuk menjadikan negeri Pahang benar-benar maju, pembangunan ekonomi mestilah lebih seimbang antara daerah. Jangan sampai berlaku keadaan di mana ada daerah menjadi pusat pertumbuhan, manakala daerah lain manakala daerah lain hanya menjadi penonton kepada pembangunan negeri. Kalau perkara ini tidak ditangani dari sekarang, akhirnya anak-anak muda di daerah luar bandar akan terus berhijrah keluar kerana merasakan tiada masa depan di tempat sendiri.

Justeru, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri, yang pertama, membangunkan pelan ekonomi mengikut kekuatan setiap daerah. Dan sekiranya sudah ada, maka libatkanlah kami di dalam meja perbincangan dan rundingan. Yang kedua memperluaskan insentif pelaburan ke kawasan luar bandar. Yang ketiga memberi fokus kepada pembangunan ekonomi anak muda di daerah pedalaman. Saya juga amat berharap Kerajaan Negeri dapat mengamalkan budaya pentadbiran yang lebih profesional dan inklusif kerana rakyat tidak peduli siapa kerajaan dan siapa pembangkang. Rakyat cuma mahu masalah mereka diselesaikan dan taraf hidup mereka boleh dipertingkatkan.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya, izinkan saya membangkitkan beberapa isu di dalam kawasan saya yang memerlukan perhatian segera pihak Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar terutamanya di DUN Tahan. Yang pertama, isu bekalan air di Kampung Kuala Sat yang semakin meruncing sejak 2 tahun kebelakangan ini. Kampung ini masih bergantung sepenuhnya dengan bekalan air bukit ataupun air graviti sejak dahulu lagi. Kampung ini mempunyai penduduk lebih kurang 600 orang dengan jumlah rumah sebanyak 130 buah. Mereka terpaksa membuat agihan dan catuan air. Namun, ada juga yang tidak dapat kerana kedudukan yang tinggi. Tambahan pula, Kampung Kuala Sat kini merupakan destinasi eco pelancongan yang menjadi pilihan pelancong dalam dan luar negara yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi.

Ramai juga pelancong yang memilih untuk bermalam di *challet* dan juga penginapan yang diusahakan oleh penduduk serta makan minum di restoran yang ada. Namun, masalah bekalan air yang berlaku ini sudah tentu akan memberikan kesan langsung kepada pendapatan penduduk dan mengganggu kemasukan pelancong. Saya menyambut baik kelulusan projek bekalan air luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi penduduk Kampung Kuala Sat dan Kampung Pagi melalui *Rolling* Plan 5 2025 yang melibatkan naik taraf loji Kampung Bantal dan pembinaan baru muka sauk & loji di Kampung Pagi dengan kos RM40 juta. Isu di Kampung Pagi pula ialah 2 kolam takungan air iaitu di Sungai Lentun dan Sungai Betong yang menyalurkan air kepada penduduk perlu dinaik taraf kerana terdapat kerosakan pada strukturnya yang menyebabkan air tidak dapat ditakung dengan baik sehingga… sehingga mengurangkan air yang sepatutnya sampai ke kediaman penduduk. Tidak termasuk lagi gangguan daripada gajah liar. Begitu juga dengan projek bekalan air luar bandar di Kampung Tanah Pindah, Bukit Mat Daling. Saya difahamkan bahawa perunding telah dilantik sejak tahun 2024 lagi dan reka bentuknya

telah siap. Persoalan saya bilakah proses penganugerahan projek tersebut akan berlaku dan juga dilaksanakan. Projek bekalan air luar bandar untuk Kampung Kuala Sat dan Kampung Pagi ini sememangnya mungkin memakan masa yang lama.

Saya difahamkan ketika ini proses lantikan perunding sedang dibuat. Selepas itu, sekurang-kurangnya 2 tahun tempoh diperlukan untuk membuat reka bentuk dan seterusnya 2 tahun lagi diperlukan untuk proses pembinaan. Justeru, mengambil kira hubungan baik dan keakraban di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang juga menerajui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, dapatlah kiranya 3 projek bekalan air luar bandar yang melibatkan Kampung Tanah Pindah, Bukit Mat Daling, Kampung Kuala Sat dan Kampung Pagi mendapat perhatian yang sebaiknya dan serta dapat dipercepatkan demi kesejahteraan rakyat pedalaman Ulu Tembeling yang kita semua sayangi.

Yang kedua isu jalan negeri dari Simpang Kampung Air Hitam menuju ke jalan baharu Jambatan Kampung Labu melalui Kampung Kercih sejauh kira-kira 6 kilometer. Jalan kampung ini telah digunakan sejak tahun 2018 bagi tujuan pembinaan jalan baharu dan jambatan sehingga projek tersebut siap sepenuhnya pada 31 Ogos 2025. Namun, malangnya keadaan jalan tersebut kini rosak teruk dan masih belum dibaiki. Walaupun pihak kontraktor sebelum ini telah berjanji untuk melakukan kerja-kerja pembaikan selepas projek siap. Jalan ini merupakan laluan utama penduduk di sekitar Kampung Kercih dan Pasir Sia bagi urusan rasmi. Namun kini setelah jambatan baharu telah siap dibina, ianya menjadi laluan pilihan pelbagai pihak kerana dapat memendekkan jarak perjalanan dan menjimatkan masa. Maka saya mohon tindakan segera daripada pihak Kerajaan Negeri supaya kontraktor dipanggil semula dan satu tempoh masa yang jelas diberikan untuk kerja pembaikan dilaksanakan. Saya juga mencadangkan agar selepas ini setiap projek besar Kerajaan Negeri mewajibkan pelan pemulihan jalan sedia ada sebelum Sijil Penyiapan Projek dikeluarkan supaya rakyat tidak terus menanggung kerosakan selepas projek siap. Yang ketiga isu kuantiti bahan api bersubsidi di Mukim Ulu Tembeling.

Kita semua sudah sedia maklum bahawa kawasan Ulu Tembeling tidak mempunyai stesen minyak dan penjualan bahan api hanya dilakukan melalui kedai-kedai runcit di kampung. Namun, sejak kebelakangan ini iaitu sekitar Mei 2025, bermula sekitar Mei 2025, bekalan bahan api mula dicatu mengikut kampung sehingga menimbulkan keresahan masyarakat setempat. Sebagai contoh, di Kampung Kuala Sat, bekalan petrol hanya sekitar 8,000 liter sebulan sedangkan penggunaan harian boleh mencecah 300 hingga 500 liter sehari. Ini menyebabkan bekalan habis dalam tempoh kira kira hanya 15 hari sahaja. Hakikatnya, penggunaan api di kawasan pedalaman tidak boleh diukur berdasarkan jumlah penduduk semata-mata kerana bahan api digunakan untuk enjin bot sungai, *generator*, urusan logistik, aktiviti ekonomi dan perjalanan harian masyarakat. Justeru, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri bersama pihak berwajib melakukan semakan semula kuota bahan api mengikut keperluan sebenar penggunaan setempat bukannya berdasarkan formula umum semata-mata dan sekiranya pencatuan perlu diteruskan, biarlah ada garis panduan rasmi daripada pihak berkuasa supaya tidak berlaku salah faham dan pertikaian sesama masyarakat kampung. Yang ke-4.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah sekejap.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Ya.

(ADUN TERUNTUM - N14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih er... Tahan. Untuk isu petrol er... di Pahang ni tak ada masalah. Kalau er... pem permintaan di Kuala Tahan er... di mana Tembeling tu? Kalau nak lebih, petrol stesen kita sudah ada kuota untuk dia. Kalau dia nak lebih, dia kena mohon *petrol station* tau. Okay, terima kasih.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Terima kasih Wakil Kerajaan, saya teruskan yang ke-4, isu tempatan. Yang ke-4 isu Rumah Generasi Kedua FELDA di FELDA Sungai Retang yang sehingga kini dilihat terbengkalai. Dimaklumkan bahawa projek ini telah mencapai sekitar 67% siap pada Februari 2025. Namun sehingga hari ini, tiada perkembangan ketara di tapak projek walaupun rumah ini pada asalnya dijangka siap dan diserahkan pada pembeli pada April 2026. Apa lebih menyedihkan, terdapat pembeli yang sudah mula membayar komitmen pinjaman bank sejak 2 tahun yang lalu, walaupun rumah masih belum siap dibina. Pemaju projek ini ialah KM KMDI Holdings Sdn. Bhd., di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pahang. Maka selari dengan Titah Tuanku supaya setiap masalah rakyat diselesaikan segera dan tidak dibiarkan berpanjangan, saya mohon Kerajaan Negeri campur tangan secara serius dalam isu ini. Justeru, saya mencadangkan agar pembayaran pinjaman pembeli ditangguhkan sementara sehingga rumah benar-benar siap.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Er… celahan…

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Ya.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Kami telah membuat er... perjumpaan dengan pihak er... KMDI, pembeli-pembeli dan juga agensi kewangan AKPK untuk er... memudah cara peminjam-peminjam yang telah membuat pinjaman dan Insya-Allah dalam beberapa siri perjumpaan ini, kami telah mendapat satu er... cadangan. Kami akan bawa pembeli-pembeli yang terkesan ini supaya dapat berbincang dengan pihak er... AKPK rasenya er... bagi menyelaraskan semula pembayaran bulanan dan perkara ini saya akan *update* kepada YB Insya-Allah.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Terima kasih. Er... walaupun saya tidak bersama dalam pertemuan di antara pembeli KM KMDI mana pun sedikit sebanyak orang panggil maklumat itu dapat kepada saya dan terima kasih er... saya ucapkan. Er... saya mencadangkan satu projek diumumkan secara telus kepada pembeli dan tindakan tegas dikenakan kepada pihak kontraktor yang gagal menyiapkan projek sehingga membebankan rakyat. Rakyat membeli rumah bukan untuk melihat tapak terbengkalai tapi untuk membina kehidupan bersama keluarga.

Yang kelima, saya juga ingin menyentuh mengenai litar *motocross* di FELDA Sungai Retang yang dibuat oleh anak-anak muda dan belia FELDA Sungai Retang. Menariknya, litar ini telah mendapat perhatian penggemar sukan *motocross* dari dari pelbagai kawasan yang sanggup datang dari jauh untuk beraktiviti. Justeru, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk mengangkat litar ini secara rasmi sebagai litar komuniti atau pem pusat pembangunan sukan permotoran daerah dengan, dengan pengiktirafan, pengiktirafan rasmi ini, maka kemudahan asas seperti tandas, parkir, parkir, bekalan bekalan air, pengurusan keselamatan dan promosi pelancongan sukan dapat dibangunkan secara lebih teratur. Saya percaya.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Saya mencelah lagi. Saya percaya sikit lagi berkaitan dengan litar er... di Sungai Retang. Kami juga telah berbincang dengan Pejabat Tanah Daerah Jerantut er... kedudukan litar ni berada di bawah er... pencawang er... elektrik. Er... walau bagaimanapun, kita tidak boleh memohon er... kerana faktor keselamatan er... apa nama peserta. Walau bagaimanapun, apabila nak buat nak buat acara pejabat daerah atau tanah kata boleh mohon untuk beri kebenaran. Cuma tertakluk kepada keselamatan dan juga skop keselamatan er... di tempat itu. Terima kasih.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Terima kasih er... sahabat saya ADUN lantikan. Er... saya percaya.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Habis-habis saya cadang sikit. Saya ucap tahniah pada ADUN lantikan ni. Dia menjawab terus soalan. Bukan Exco jawab. Saya cadangkan nama beliau disenarai sebagai Exco la untuk akan datang. Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Maaf sikit lagi. Terima kasih DUN Cheka. Itulah taraf ADUN Lantikan yang dilantik oleh er... Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Boleh saya sambung, sikit lagi. Perkara ke-6, saya ada 7 ni ke-6. Insya-Allah. Yang ke-6 berkenaan dengan isu *line* telefon yang kerap terputus di kawasan Ulu Tembeling khasnya Kampung Gusai. Bulan 4 sahaja. Bulan April sahaja 5 kali terputus dan bulan ini sehingga hari ini, sehingga hari ini dah 3 kali terputus. Sebelum ini, perkara yang sama juga berlaku. Sebabnya berpunca daripada kabel putus kerana digigit tupai antaranya, tupai gigit. Saya faham. Saya dimaklumkan dalam sidang yang lepas, kabel baru telah diganti dengan jenis yang tahan lasak. Namun, soalnya kenapa perkara yang sama tetap berulang? Adakah kabel yang ditukarkan itu rendah kualitinya? Yang terakhir, yang ke-7 berkenaan dengan *canopy walkway*. Sebagaimana yang kita maklum, *canopy walkway* Taman Negara merupakan ikon bagi taman negara itu sendiri. Bila pelancong nak buat tempahan bilik, mereka akan bertanya, adakah *canopy walk* telah dibuka ataupun belum? Mengikut jadual baik pulih dan naik taraf *canopy walk* sepatutnya siap pada Mac 2026. Namun, hingga kini belum ada sebarang hebahan atau maklumat berkaitan pembukaan atau pengoperasiannya untuk orang awam. Saya mohon pencerahan dan respons daripada pihak Exco berkaitan perkara tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Sebagai penutup, marilah kita sama-sama menghayati Titah Diraja yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia pada hari Jumaat yang lalu dan memastikan semangat yang terkandung di dalam Titah Diraja tersebut benar-benar dapat diterjemahkan dalam pentadbiran negeri ini. Justeru, dengan penuh rasa hormat, saya mohon agar Kerajaan Negeri dapat memberikan ruang kepada kami untuk turut terlibat dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tindakan Pembangunan Daerah. Dimasukkan kami dalam grup *WhatsApp* bencana daerah serta ruang-ruang yang lain sebagaimana sebelum ini.

Tempa kapak dengan beliung,
Tetak mari nibung berduri,
Tuanku di atas kemuncak payung,
Patik di bawah menjunjung duli.

Air sungai mengalir tenang,
Jernih memancar di waktu pagi,
Marilah kita bangunkan Pahang,
Tanpa sempadan politik dan ideologi.

Yang Berhormat Speaker, dengan 2 rangkap pantun ini, Tahan menyokong Usul Titah Diraja. Sekian, assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ADUN dari Tahan. Seterusnya saya menjemput ADUN Yang Dilantik, sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam Pahang 1st dan salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri

Besar, barisan Exco dan juga seluruh Ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Speaker atas laluan yang diberikan kepada saya untuk turut sama berbahas dan memberikan serba sedikit pandangan di atas tajuk ataupun usul menjunjung kasih Titah Diraja pada Sidang Dewan kali ini. Patik juga ingin mengambil kesempatan ini menjunjung kasih terhadap Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas keberangkatan merasmikan Sidang Dewan Yang Mulia ini. Sesungguhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia penuh dengan pandangan yang bernas buat kita selaku Ahli-ahli Dewan untuk diperhalusi dan juga dijadikan panduan di dalam urusan mentadbir negeri Pahang yang kita sayangi ini. Yang Berhormat Speaker, kalau kita amati betul-betul sepanjang pentadbiran Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat dari Jelai selaku Menteri Besar yang telah pun yang telah pun memasuki tahun yang ke-5 pada penggal ini. Sepanjang masa ada sahaja pencapaian besar dan bermakna dicapai selama beberapa tahun sepanjang saya menjadi Ahli Dewan yang mulia ini.

Awalnya kita meraikan hasil pencapaian melebihi RM1 bilion yang kemudiannya menjadi satu pencapaian tetap Kerajaan Negeri dan ia disusuli pula dengan pencapaian-pencapaian yang lain di mana bandar-bandar seperti Lipis, Raub dan sebelumnya Jerantut menjadi bandar paling bahagia di Malaysia. Kemudian disusuli lagi dengan negeri Pahang mendapat indeks pertama perpaduan di Malaysia dan mutakhir ini kita diberikan lagi satu kejayaan di mana anak-anak kita yang menduduki peperiksaan SPM pada er… tahun lepas mendapat kedudukan yang kedua, pencapaian yang terbaik di Malaysia. Ini jelas menunjukkan kejayaan kepimpinan hinggalah keberhasilan Yang er… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga saf kepimpinan Kerajaan Negeri Pahang. Jadi saya rasa masih belum terlambat untuk saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Exco Pendidikan dan Pertanian di mana anak beliau juga baru mencapai majlis graduasi baru-baru ini, tahniah diucapkan. Pencapaian ini mencakupi segenap lapisan urusan hidup rakyat negeri Pahang ini. Ekonominya meningkat, rakyatnya bahagia, ilmu dan pendidikan menjadi tonggak pembangunan negeri ini. Ini semua menjadi asas kepada pencapaian status Pahang sebagai negeri maju di Malaysia, Insya-Allah.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keprihatinan beliau di dalam menyediakan bantuan mingguan berjumlah RM15,000.00 untuk diagihkan kepada rakyat negeri Pahang akibat daripada permasalahan di Timur Tengah. Kalau kita amati betul-betul hanya negeri Pahang yang mempunyai inisiatif khas sebegini buat rakyatnya ia er… kita jauh mendahului negeri-negeri lain malah Kerajaan Pusat pun tidak memberikan peruntukan yang sedemikian untuk rakyat terbanyak. Ini jelas bertepatan dengan slogan Pahang 1st yang kita laungkan. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Yang Berhormat Speaker,

Saya agak tertarik dengan Titah Kebawah Duli Paduka Mulia berkaitan dengan penggunaan teknologi digital di dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Saya merasakan Pahang sudah berada di landasan yang betul di dalam usaha ini melalui penggunaan aplikasi mudah alih PahangGo dan beberapa aplikasi digital yang lain. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana telah melancarkan agihan baucar-baucar sempena perayaan yang lepas kepada rakyat secara digital melalui aplikasi PahangGo ini. Berbanding dengan agihan

baucar sebelum ini di mana ia dikeluarkan secara manual dan hanya ditebus di premis-premis tertentu sahaja.

Kali ini saya dapat melihat sendiri keterujaan masyarakat di dalam menggunakan aplikasi Pahang Go ini untuk menuntut baucar-baucar mereka dan menggunakannya di er… pasar raya-pasar raya dan juga kedai-kedai runcit. Apa yang saya nak bangkitkan di sini bahawa tahap keselamatan aplikasi ini saya rasa sangat tinggi, ia setanding dengan aplikasi e-dompet yang lain di mana ia memerlukan proses pengecaman dan juga penilaian er… pengenalan yang dikenali sebagai e-KYC sebelum mana-mana pengguna boleh menggunakan aplikasi PahangGo, dia jadi agak lucu apabila kita lihat banyak sampai ke warga-warga emas bila mereka melalui aplikasi PahangGo ini mereka terpaksa berswafoto, memusingkan kepala ke kiri dan ke kanan dan sebagainya untuk membolehkan mereka menggunakan aplikasi ini.

Saya rasa ini adalah satu tahap keselamatan aplikasi yang boleh kita banggakan setanding dengan aplikasi-aplikasi yang lain. Saya juga turut melihat bagaimana pekerja-pekerja pasar raya secara sukarela membantu untuk melancarkan proses pendaftaran dan penggunaan e-dompet di kaunter-kaunter pembayaran pasar raya-pasar raya. Cuma saya agak kasihan apabila kita lihat ada juga pengguna ataupun warga emas terutamanya apabila mereka dapat mendaftar aplikasi PahangGo ini mereka kena tunggu dulu 3 jam, dia ada tempoh *cooling off period* sebelum mereka boleh menggunakan aplikasi ini. Apa yang penting bagi saya ini adalah lambang bagaimana sekiranya segenap lapisan masyarakat bersatu-padu menjayakan apa juga inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri maka hasilnya dapat kita nikmati bersama. Mungkin diharapkan selepas ini Yang Berhormat-Yang Berhormat, baucar itu kita boleh bagi jugalah kepada petugas-petugas di kaunter ataupun *cashier* di pasar raya itu. Teruk juga mereka bekerja untuk membantu melicinkan lagi er… inisiatif Kerajaan Negeri.

Satu lagi kebaikan yang saya lihat melalui baucar Pahang ini ialah penggunaannya lebih meluas bukan sahaja kepada barangan-barangan keperluan tetapi ia mencakupi barangan-barangan yang lain juga. Ini jelas menunjukkan visi Kerajaan Negeri yang memandang jauh ke hadapan di dalam pelaksanaan kemudahan digital kepada rakyat. Kalaulah ada penambahbaikan yang boleh dicadangkan, saya ingin mencadangkan supaya proses penebusan bantuan dapat diringkaskan lagi kemudahannya terutamanya kepada warga emas tanpa lapisan er… tapisan keselamatan yang terlalu ketat. Jadi ini memudahkan warga emas terutamanya menebus baucar-baucar digital mereka. Saya juga ingin mencadangkan supaya hebahan ataupun iklan tentang kebaikan dan keperluan untuk menggunakan aplikasi PahangGo ini dilakukan bagi memperluaskan lagi tahap cerdik er… celik digital ataupun literasi digital di kalangan masyarakat Pahang terutamanya mereka yang berada di luar bandar.

Yang Berhormat Speaker,

Selaras dengan Titah di bawah Kebawah Duli Paduka yang mahukan inisiatif berkaitan digital ini dipertingkatkan. Saya ingin mencadangkan supaya aplikasi PahangGo ini kita transformasikan supaya ia menjadi satu *government super apps* dengan izin, ia adalah langkah strategik yang sangat progresif yang akan meletakkan Pahang negeri kita setaraf dengan model bandar pintar dunia yang menyatukan seluruh keperluan hidup rakyat dalam satu ekosistem digital. Berikut adalah beberapa cadangan yang er… yang saya fikirkan pengembangan fungsi Pahang Go yang boleh diperhalusi untuk dilaksanakan antaranya adalah melakukan integrasi perkhidmatan perbandaran *single gateway* dengan izin. Buat masa ini, PahangGo banyak berfokus kepada

pembayaran transformasi ke arah *super app* memerlukan integrasi menyeluruh perkhidmatan kerajaan tempatan seperti yang pertama adalah aduan rakyat digital, integrasi fungsi aduan kerosakan jalan, lampu isyarat dan pelbagai lagi aduan-aduan lain juga boleh difikirkan untuk ditambah lagi fungsi *apps* PahangGo ini untuk tempahan fasiliti awam, kemudahan menempah dewan orang ramai, kompleks sukan, tapak niaga PBT dan sebagainya.

Saya juga nak ucapkan tahniah kepada PBT Maran kerana saya lihat tempahan-tempahan untuk fasiliti di Maran telah pun diwujudkan di aplikasi PahangGo. Mungkin kita boleh perluaskan lagi ke PBT-PBT yang lain. Antara lain juga kita boleh tingkatkan *apps* ini untuk melaksanakan Pasar Digital Pahang dengan mewujudkan ruang niaga *e-market place* khusus untuk produk-produk IKS seperti sambal hitam ataupun hasil kraf yang berdaftar dengan pihak Kerajaan Negeri dan ia membolehkan rakyat membeli produk asli Pahang secara dalam talian dengan kerjasama dengan aplikasi Shopee ataupun *TikTok*. Antara sektor lain yang boleh difikirkan juga adalah hab pendidikan dan juga kerjaya, *Talent* Pahang menggunakan aplikasi PahangGo yang mana ia menjadi aplikasi sebagai platform pembangunan modal insan. Dengan ini, portal kerjaya Kerajaan Negeri boleh diwujudkan dan diintegrasikan dengan mana-mana majikan yang ingin menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Pahang juga boleh diwujudkan *e-learning* dan biasiswa di mana permohonan boleh dilakukan oleh pemohon melalui aplikasi PahangGo ini.

Untuk sektor pelancongan dan gaya hidup *Visit* Pahang sebagai negeri pelancongan, PahangGo boleh menjadi pemandu pelancong secara digital, *Smart Tourism* di mana tiket-tiket destinasi pelancongan di Pahang ini boleh dibeli melalui aplikasi Pahang Go manakala rakyat Pahang pula boleh menikmati harga istimewa melalui aplikasi Pahan Go ini dan perkara-perkara lain seperti waktu solat, arah kiblat dan sebagainya boleh menambah ciri-ciri gaya hidup Muslim yang diselaraskan mengikut zon di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Kesimpulan yang saya ingin nyatakan adalah agar kita tidak setakat berhenti di sini atas kejayaan aplikasi PahangGo pada hari ini tapi kita perlu mempunyai visi yang lebih besar untuk menjadikan sebuah *government super apps* yang komprehensif. Bayangkan sebuah platform di mana rakyat bukan sekadar membayar cukai tetapi mereka boleh memohon bantuan kerajaan, mencari peluang pekerjaan, membuat aduan infrastruktur malahan memberi er… membeli barangan IKS tempatan hanya melalui satu aplikasi tunggal. Dengan menjadikan PahangGo sebagai pusat sehenti digital, kita bukan sahaja memodenkan pentadbiran tetapi kita juga membina sebuah ekosistem digital inklusif yang memudahkan kehidupan setiap rakyat Pahang daripada Cameron Highlands hinggalah ke Rompin. Inilah masa depan pentadbiran pintar yang kita impikan yang saya rasa membawa kita ke tahap digitalisasi kerajaan bertaraf antarabangsa. Transformasi PahangGo kepada *Super Apps* akan mengubah landskap daripada *Government centric* dengan izin kepada *citizen centric*. Ia adalah simbol keberanian Pahang untuk menerajui Revolusi Digital di Malaysia.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu permasalahan yang sering kita dengar iaitu masalah pewarisan harta dalam bentuk hartanah terutamanya pemilikan rumah, tanah ladang termasuklah saham-saham peserta di tanah rancangan penempatan semula seperti FELDA, FELCRA dan juga agensi Kerajaan Negeri yang lain. Permasalahan dia dia bermula apabila berlaku kematian di

kalangan ketua isi rumah ataupun pemilik harta saham yang berkaitan. Kebanyakan waris tidak begitu arif tentang proses untuk pemilikan ataupun pewarisan hartanah yang ditinggalkan. Sekiranya Kerajaan Negeri boleh mengadakan inisiatif dengan mengeluarkan notis peringatan kepada waris si mati tentang keperluan dan proses yang perlu dilaksanakan untuk agihan pusaka kecil. Ini akan dapat membantu melicinkan lagi proses pembahagian harta pusaka yang terlibat.

Bagi waris atau peserta penempatan semula yang menerima dividen ataupun bonus secara berkala, saya juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu mekanisme supaya bayaran boleh dibuat ke waris penerima dalam bentuk akaun amanah supaya mereka ini tidak keputusan bantuan ataupun bekalan kewangan untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup mereka. Memandangkan mereka ini kebanyakan terdiri daripada kalangan B40. Seperti mana cadangan saya untuk digitalisasi sebelum ini, aplikasi PahangGo juga boleh di manfaatkan untuk hebahan notis pemakluman mengenai proses-proses berkaitan. Ibarat perumpamaan Inggeris, *We kill two birds with one Stone.* Di mana rakyat? urusan rakyat dipermudahkan dan dalam masa yang sama tahap literasi digital rakyat Pahang bakal meningkat. Sebagai penutup bicara ucapan perbahasan saya dan juga sebagai memenuhi permintaan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang memohon kita masukkan satu pantun sekurang-kurangnya di setiap ucapan. Jadi, saya tutup ucapan saya pada hari ini dengan serangkap pantun.

Buah bidara buah keranji
Petik bersama buah dokong
Titah diraja penuh berisi
patik sepenuh hati mohon menyokong

Sekian Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli yang dilantik. Seterusnya saya menjemput ahli kawasan Ketari untuk memberi.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, salam sejahtera, Salam Pahang 1st dan Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Speaker, Saya mengucapkan terima kasih atas kebenaran dan peluang yang diberikan kepada Ketari untuk membahaskan titah diraja ke bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang bersempena dengan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang ke 15 pada 8 Mei 2026. Dengan rendah diri, saya merafak sembah dan menjunjung kasih atas Titah Diraja Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang ke 15. Saya juga menjunjung kasih Titah Duli Paduka Baginda Sultan yang menyeru semua seluruh jentera pentadbiran kerajaan terus melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi agar terus mencapai peningkatan kutipan hasil pelaburan dan pertumbuhan keluaran dalam negeri yang membanggakan dan memberangsangkan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas kejayaan dan usaha gigih kesemua penjawat awam yang telah membawa pembangunan dan prestasi ekonomi yang stabil dan membanggakan di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya mengambil peluang pembahasan ini untuk membangkitkan isu berkenaan dengan konflik geo politik yang berterusan di rantau Asia Barat yang telah memberi kesan kepada ekonomi global. Walaupun konflik di Timur Tengah ini dilihat sebagai isu global yang jauh, namun hakikatnya impak yang terhasil boleh dirasai sehingga ke peringkat negeri. Ia adalah satu rantaian peristiwa yang memberi kesan riak iaitu *ripple effect* dengan izin kepada ekonomi, sosial dan kestabilan global yang mana negeri Pahang tidak terkecuali daripada menerima tempiasnya. Yang pertama, kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sebagai sebuah negeri yang sedang pesat membangun, ekonomi Pahang sangat bergantung kepada kestabilan harga komoditi global iaitu pertama harga bahan api. Konflik di rantau pengeluar minyak utama dunia telah menyebabkan ketidaktentuan harga petroleum. Hal ini secara langsung meningkatkan kos logistik dan pengangkutan di Pahang, sekali gus memberi tekanan kepada harga barang keperluan harian rakyat. Dan kedua sektor pertanian. Kenaikan harga baja dan *input* pertanian yang diimport akibat gangguan rantaian bekalan global memberi cabaran besar kepada pekebun kecil dan pengusaha ladang sawit di negeri kita.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk menangani impak konflik Timur Tengah, kita memerlukan tindakan proaktif daripada pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Pahang tidak terjejas secara drastik. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu prihatin dan mengambil langkah proaktif untuk meringankan beban rakyat.

Yang Berhormat Speaker,

Dalam titah Ucapan Diraja Ke Bawah Duli Mulia Tengku Mahkota Pahang beliau menyeru agar Kerajaan Negeri menumpukan perhatian kepada beberapa perkara dalam menghadapi cabaran ekonomi dan sosial akibat konflik Timur Tengah tersebut. Berikut adalah beberapa cadangan agar langkah strategi yang boleh ditekankan ataupun dicadangkan kepada Kerajaan Pahang untuk mendepani situasi ini. Yang pertama, mekanisma kawalan kos sara hidup. Pahang boleh memperkenalkan dan mempertingkatkan inisiatif khusus untuk mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan harga barangan yang didorong oleh kos logistik global. Yang pertama. Jualan Makmur dan Jualan atau Jualan Rahmah Negeri. Kekerapan program Jualan Rahmah Negeri dengan jualan barangan asas terus dari peladang ke pengguna di setiap daerah perlu dipertingkatkan. Memang buat sekarang memang di setiap DUN kita ada dua atau tiga Jualan Rahmah diadakan sekali dalam sebulan. Mungkin dipertingkatkan lagi kepada tiga atau empat kali untuk memanfaatkan rakyat mendapat beli barangan yang disubsidi oleh Kerajaan Negeri. Dan juga…

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah sikit… sikit terima kasih. Terima kasih wakil Bilut. Untuk maklumat dari Ketari, Ketari, Jualan Rahmah setiap bulan 1 DUN 3 kali. Tambahan lagi, untuk perayaan saya ingat cukuplah sebab kalau tidak ramai kedai runcit yang bising. Saya ingat *benefit* kepada rakyat dari Kerajaan Negeri Pahang cukup-cukup banyak. Terima kasih.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Ya, memang ada dibuat tapi cuma cadangan saya harus dipertimbangkan sama ada kita boleh mampu untuk mempertingkatkannya agar ia dapat dinikmati oleh rakyat setempat. Walau bagaimanapun, kita memang ada buat itu saya mengakuinya. Dan yang kedua, bantuan pengangkutan… mempertingkatkan bantuan atau insentif kepada pengusaha logistik tempatan di Pahang bagi memastikan kos penghantaran barang ke kawasan pedalaman tidak melonjak naik. Dalam usaha untuk mengawal kerosakan, kenaikan kos sara hidup, pengumuman dan penyediaan peruntukan bakul makanan sebanyak RM15,000.00 seminggu untuk kesemua 42 kawasan DUN beserta dengan inisiatif inisiatif dan bantuan yang lain adalah amat tepat masanya dan amat dialu-alukan.

Ia dapat ini pasti dapat membantu meringankan kenaikan beban kos sara hidup yang sedang dialami oleh rakyat Pahang. Di sini Yang Berhormat Speaker saya ingin merakamkan rasa kekecewaan dan kekesalan saya terhadap Ketua Pemuda MCA Pahang yang amat tidak bertanggungjawab bila menyebarkan berita yang tidak tepat dan mengelirukan rakyat Pahang. Setelah pengumuman inisiatif penyediaan penyediaan peruntukan bakul makanan di bawah Skim Bantuan Negeri Pahang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, beliau telah mengeluarkan berita di Tiktok dan menyeru rakyat pergi ke pejabat ADUN untuk menerima bakul makanan sedangkan kami masih dalam proses melaksanakan pemberian bakul makanan ini. Pengumuman sedemikian telah menyebabkan rakyat membanjiri pejabat kami untuk hanya diberitahu bahawa kami masih dalam proses penyediaan pemberian bakul makanan tersebut. Saya ingin mengatakan bahawa pengumuman yang tidak bertanggungjawab ini adalah semata-mata untuk mengelirukan dan mengapi-apikan kemarahan rakyat terhadap kami sebagai ADUN tempatan apabila mereka kecewa bila tidak menerima bakul makanan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, saya harap perkara sedemikian tidak diulangi. Memang pejabat kami dibanjiri oleh warga emas. Bayangkan pejabat kami pukul 10.00 buka, pukul 8.00 mereka dah datang tunggu. Inilah satu perkara yang amat tidak bertanggungjawab.

Yang kedua, pengukuhan sekuriti makanan negeri. Konflik global sering menganggu rantaian bekalan baja dan makanan ternakan. Pahang sebagai negeri yang mempunyai keluasan tanah yang besar perlu mengambil peluang untuk memperluaskan zon industri akuakultur dan pertanian. Mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dengan memaksimumkan penggunaan tanah Kerajaan Negeri untuk tanaman ruji. Yang kedua, subsidi *input* pertanian. Memberikan bantuan tambahan ataupun subsidi baja kepada pekebun kecil di daerah-daerah seperti Cameron Highlands, Rompin yang bagi menstabilkan harga sayur-sayuran dan hasil tani. Yang ketiga, pemasaran hasil tempatan. Pasar tani adalah merupakan satu platform yang unik di Malaysia kerana ia menghubungkan pengeluar atau petani secara terus dengan pengguna. Setiap ringgit yang dibelanjakan di pasar tani secara langsung membantu usahawan tani dan peniaga kecil di kawasan tersebut. Ia membantu merangsangkan ekonomi selain daripada meningkatkan taraf hidup komuniti setempat. Jadi di sini saya ingin menyeru untuk pihak berkuasa pihak PBT untuk melancarkan lagi banyak tempat untuk mengadakan pasar tani ini.

Yang Berhormat Speaker,

Saya yakin dengan inisiatif dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Pahang berada dalam landasan yang betul dengan memainkan peranan strategik dalam mengukuhkan sekuriti makanan negeri. Kita perlu mengurangkan

kebergantungan kepada rantaian bekalan luar dan import apabila kita menghadapi cabaran ekonomi yang tidak stabil.

Yang ketiga adalah pemerkasaan ekonomi domestik dan pelancongan. Apabila pasaran global tidak menentu, tumpuan harus beralih kepada kekuatan dalaman. Kempen pelancongan domestik menyasarkan pelancongan dalam negara untuk berkunjung ke destinasi utama seperti Genting Highlands, Bukit Fraser, Sungai Lembing dan Taman Negara bagi menggantikan potensi kekurangan pelancong asing. Yang kedua, sokongan usahawan PKS memudahkan urusan lesen dan menyediakan geran mikro bagi usahawan kecil Pahang untuk mengeluarkan produk seperti barang untuk produk pengganti barang import dengan izin *import substitution*. Selanjutnya, saya menyeru Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan untuk mengurangkan kadar bayaran lesen dan kadar sewa gerai untuk peniaga kecil dan penjaja-penjaja.

Yang Berhormat Speaker,

Pengurangan kadar lesen dan sewa gerai penjaja-penjaja dan peniaga kecil akan membawa impak positif yang meluas bukan sahaja kepada golongan ini tetapi juga eko sistem ekonomi setempat. Dengan pengurangan kos tetap iaitu kos lesen dan juga sewa gerai, penjaja mempunyai lebihan modal pusingan yang mana wang ini boleh digunakan untuk membeli stok tambahan, stok bahan mentah ataupun menampung kos penyelenggaraan gerai dan peralatan dan juga wang lebihan ini boleh menjadi simpanan kecemasan untuk kelangsungan perniagaan. Selain itu, apabila kos menjalankan perniagaan rendah, ia akan menggalakkan lebih ramai individu untuk menceburi bidang keusahawan kecil-kecilan. Malah, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Negara juga telah pada semalam menyeru PBT untuk mempertimbangkan mengurangkan kadar sewa untuk membantu peniaga-peniaga dan peniaga kecil-kecilan ini.

Yang Berhormat Speaker,

Saya percaya dengan daya tahan yang ada pada rakyat Pahang, kita mampu menghadapi cabaran ini dengan tenang dan bijaksana. Malah, kita terus berdoa agar keamanan sejagat dapat dipulihkan. Marilah kita terus berdoa agar keamanan sejagat dapat dipulihkan. Dalam masa yang sama, marilah kita memperkukuhkan ekonomi domestik negeri kita demi kesejahteraan bersama.

Dato' Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya membangkitkan isu kawasan saya iaitu berkenaan dengan ketiadaan kemudahan bekalan air bersih kepada Kampung Orang Asli di kawasan Kampung Sungai Dua Hulu dan juga Kampung Sungai Dua Olak. Untuk pengumuman umum, kedudukan kedua-dua kampung ini tidak begitu jauh daripada Sekolah Kebangsaan Sungai Dua Bentong iaitu hanya lebih kurang satu atau dua kilometer daripada sekolah tersebut. Saya telah membangkitkan isu pada sesi persidangan yang lalu. Namun begitu, nampaknya tiada sebarang perkembangan daripada pihak Kerajaan. Saya amat berharap pihak PAIP dan juga dengan kerjasama ORACO dapat mempertimbangkan dan melaksanakan projek penyambungan Kampung Orang Asli dalam kawasan DUN Ketari dengan kemudahan air bersih pada kadar segera.

Yang Berhormat Speaker, kemudahan dan akses kepada air bersih yang selamat diminum dan sanitasi kebersihan...

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ketari, kampung mana?

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Kampung Sungai Dua Hulu dan Kampung Sungai Dua Olak. Yang Berhormat Speaker, kemudahan akses kepada air bersih yang selamat diminum dan sanitasi Kebersihan merupakan salah satu hak asasi setiap insan di dunia ini yang perlu dipenuhi. Akhir kata saya dengan rendah diri memohon menjunjung kasih dan menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Sekian terima kasih. (Ahli Dewan menepuk meja).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Yang Berhormat Ketari. Seterusnya saya menjemput wakil dari Beserah. Sila.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya ingin memaklumkan kepada Dewan dan mengalu-alukan kehadiran 6 orang daripada Dewan Himpunan Penyokong PAS Indera Mahkota. (Ahli Dewan menepuk meja).

Yang Berhormat Speaker,

Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam menyokong usul Titah Diraja yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota pada hari Jumaat lepas sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang. Ada perkara-perkara utama dan penting yang telah dinyata dan dizahirkan oleh ke bawah Duli Paduka Mulia yang perlu kita renungi bersama terutama sekali berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh langsung kepada keadaan dan kehidupan rakyat jelata pada negeri Pahang ini. Saya juga mengambil peluang mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua termasuk ketua-ketua jabatan, agensi-agensi kerajaan, pegawai kerajaan yang telah berusaha keras dan bertungkus lumus untuk mempastikan kestabilan pendapatan Kerajaan Negeri Pahang dalam masa yang sama untuk mencorakkan negeri Pahang ini ke arah kemakmuran yang lebih baik di masa akan datang dan titah Baginda juga menyentuh beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian yang serius oleh kita semua sebagai Ahli Dewan.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang secara langsung juga terlibat dalam kawasan saya. Yang pertama sekali adalah apa yang telah disentuh oleh Kebawah Duli Paduka Mulia pada tempoh hari supaya Kerajaan Negeri memperkukuh daya tahan ekonomi negeri dengan mencari dan *explore* sektor-sektor baru agar tidak bergantung kepada sumber-sumber yang dominan semata-mata. Ini adalah merupakan satu seruan yang perlu kita lihat dan mengambilnya sebagai satu cabaran kerana Pahang Allah telah kurniakan satu bahan yang sangat berharga yang boleh kita guna dan kita ambil peluang sebaik-baiknya sebagai sumber baru ekonomi negeri Pahang iaitu nadir bumi, *rare earth* ini.

Saya dimaklumkan bahawa terdapat satu projek perintis telah dijalankan di satu kawasan dipanggil Sungai Wang di Lipis. Maka saya ingin mendapat pencerahan pihak kerajaan, apakah status terkini projek perintis kita meneroka nadir bumi di kawasan tersebut? Apakah teknologi yang telah diguna pakai yang boleh kita guna untuk mempastikan kita punya proses perlombongan dapat berjalan dengan baik dan tidak menjejaskan ekosistem dan juga alam sekitar di kawasan tersebut? Dan ini sangat penting untuk kita berikan tumpuan kerana ia…dan juga mampu untuk menyeimbangkan pembangunan di antara daerah seperti mana yang disebut oleh Ahli-ahli Dewan lain bahawa bila kita sumber mineral ini dapat kita proses dan secara lengkap daripada *up stream* sehingga ke *down stream*, maka dia akan memberikan limpahan ekonomi yang lebih besar dan lebih baik kepada kawasan-kawasan tersebut.

Dalam masa yang sama, fokus perlu kita berikan juga kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di dalam mempelopori industri nadir bumi ini. Dan Pahang ada peluang untuk keluar sebagai sebuah ikon mineral ataupun ikon *rare earth mineral* dalam negara ini kerana kita telah mendahului rakan- rakan daripada negeri lain dengan menubuhkan Institut Akademi Mineral Pahang dan perlu dijadikan sebagai asas untuk kita memperkembangkan *research and development* ini supaya kita dapat mencari satu teknologi yang lebih baik dan terkini dalam masa yang sama dapat memberikan pulangan hasil kepada kita. Dan kita tidak bergantung kepada teknologi-teknologi daripada luar semata-mata.

Di samping dapat mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan di dalam usaha-usaha teknologi terkini. Yang Berhormat Speaker dalam titah yang sama juga, Kebawah Duli Paduka Mulia menyebutkan tentang beberapa projek yang perlu diberikan perhatian. Jangan sampai kita jadi projek sakit baru jadi huru-hara. Maka saya ingin menarik perhatian, ada projek yang dikategorikan sebagai projek sakit di kawasan saya iaitu projek menaiktaraf Jalan FT03. Ini adalah projek Kerajaan Persekutuan. Kita faham iaitu laluan daripada Bulatan Jerangau, Jabor hingga ke Kampung Sungai Ular yang melalui kawasan Perindustrian Gebeng. Laluan ini adalah laluan utama pekerja-pekerja industri di kawasan saya. Dan apabila projek ini jadi lewat. Sepatutnya telah siap pada tahun 2023 telah beberapa kali *EOT* telah dibuat dan telah dikategorikan sebagai projek sakit. Seharusnya telah diambil perhatian dan tindakan lebih awal supaya tidak berlanjutan sehingga kini dan keadaan semasa, lebih buruk apabila cuaca hujan dan juga cuaca panas yang berterusan menjadikan kawasan itu kawasan yang tidak selamat…mengganggu keselesaan para pengguna dan sebagainya. Banyak kejadian-kejadian kemalangan jalan raya berlaku. Saya berharap bahawa kita dapat memberikan desakkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya menilai semula prestasi kontraktor ini. Kalau perlu ditamatkan, ini kerana apa kerana kita… walaupun ia projek kerajaan Persekutuan, tempiasnya tetap akan dirasai oleh Kerajaan Negeri.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Timbalan Speaker saya mohon mencelah.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Untuk makluman Yang Berhormat dari Beserah, baru-baru ni kita ada bincang pasal projek sakit ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri PMX. Pahang membangkitkan beberapa projek termasuklah projek di kawasan Yang Berhormat di DUN Beserah. Dan dalam Mesyuarat tersebut antara yang kita putuskan dan juga yang dipertikaikan ialah kenapa *EOT,* lanjutan masa ini dengan izin *Extension Of Time* ini sampai diberi kepada 4, 5 kali, 6 kali kepada kontraktor berkenaan dan ada pihak yang menjawab mengatakan sebab *Covid* antaranya sebelum itulah. Tetapi sekarang ini takkan *Covid* lagi. Jadi er...pihak Yang Amat Berhormat telah menegaskan bahawa jangan, sepatutnya semasa *EOT* ke-3, ke-4 itu kita telah kenalpasti masalah kontraktor berkenaan. Sepatutnya pada masa itu ditamatkan, ditamatkan kontrak tersebut dan perkara ini saya fikir dalam tindakan pihak JKRlah ya, maknanya dulu 3 kali, 4 kali *EOT* ini kita biarkan begitu saja. Tapi kali ini saya nampak ada tindakan yang tegas. Insya-Allah, terima kasih Dato', Timbalan Yang di-Pertua.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima Kasih Yang Amat Berhormat di atas penjelasan yang kita harapkan, ia dia dapat cari jalan penyelesaian yang baik. Yang pentingnya kita dapat membina imej yang baik di dalam menguruskan projek-projek sebegini di mata rakyat. Walaupun projek Persekutuan tapi tempias saya sebut tadi pergi kepada kita sebagai pentadbir di negeri ini tak boleh lagi dah itu terutama dalam dunia pada hari ini. Kemudian dalam masa yang sama, saya juga ingin membangkitkan tentang projek membaik, membaik pulih bumbung Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Baging yang juga telah berlaku runtuhan bumbung sekolah ini. Beberapa kelas makmal telah tidak dapat digunakan hampir dua tahun dah.

Beberapa siri lawatan pegawai-pegawai telah saya dimaklumkan. Walaupun saya tidak dilibatkan tapi dimaklumkan ada siri-siri lawatan dan bajet telah dipersetujui. Tapi sampai hari ini kita tak nampak baik pulih ini berlaku. Ini penting kerana sebanyak 16 buah kelas terjejas dan pelajar-pelajar yang terpaksa belajar di koridor di tempat tempat yang terpaksa dibina yang tidak kondusif, makmal tidak dapat digunakan. Kalau tempoh 2 tahun tak boleh selesai masalah yang kritikal sebegini, kita bimbang ia akan memberikan juga satu kesan langsung kepada prestasi dan kedudukan pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Jadi, saya berharap kerja baik pulih bumbung Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Baging yang telah runtuh ini dapat diberikan perhatian serius dan diselesaikan dengan kadar segera.

Satu lagi projek yang saya ingin dapatkan penjelasan di dalam pembentangan Pelan Pemulihan Air Fasa 1 yang dikemukakan dalam Dewan ini 2024 hingga 2026. Ada satu projek di kawasan saya iaitu projek tangki sedutan rumah pam penggalak di Kampung Batu Hitam yang seharusnya bermula pada tahun 2024 dan dijangka siap pada tahun 2025. Tapi sehingga ke saat ini saya tak nampak kerja-kerja tapak itu telah dimulakan. Maka saya ingin tahu apakah status projek tersebut, dan apakah kekangan dan halangan untuk kita meneruskan seperti mana jadual yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya, begitu juga telah disebut dan juga banyak disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan tentang pelancongan. Secara spesifik Kebawah Duli Paduka Mulia telah menyebut Cherating, tengok Cherating. Apa yang sedang berlaku dan kenapa

semakin dilupakan? Cherating ini saya berpeluang untuk berada di kawasan itu. Cherating ini sejak tahun 1987. Pada masa itu ada pengusaha yang buat, baru buat dia punya motel dan saya bekerja sebagai penjaga akaun syarikat itu. Kita lihat pada tahun itu tahun 80an, 90an. Cherating ini menjadi pusat tumpuan pelancong asing kerana keunikan dia tradisinya. Pada masa itu, ada pengusaha-pengusaha menawarkan rumah mereka sebagai rumah untuk tumpangan dan dilayan pelancong ini sebagai keluarga mereka. Mereka duduk sampai berminggu-minggu, berbulan-bulan kerana keseronokan dilayan begitu rupa seperti keluarga mereka sendiri. Makan bersama, beriadah bersama seperti anak angkat dia. Dia menjadikan pelancong-pelancong ini seperti keluarga mereka dan anak angkat mereka. Maka pelancong-pelancong ini yang yang *budget travellers* ini terutama sekali bila dilayan sebegitu mengurangkan kos pelancongan mereka. Dalam masa yang sama seperti dihargai kehadiran mereka.

Dan pada masa itu memang pelancong pelancong dengan kehadiran juga *Club Med,* pada masa itu telah menggalakkan pelancong-pelancong untuk hadir kerana kawasan pantai dia sangat luas dan cantik. Namun, evolusi masa berlaku kemungkinan dalam tempoh 20 tahun sebelum dan selepas ini er...berlaku perubahan cita rasa pelancong-pelancong dan gaya hidup kita sendiri. Mungkin pelancong - pelancong sekarang dia tak berminat dalam konsep begitu. Pelancong tempatan sama juga mereka memerlukan privasi. Mereka perlukan liputan internet yang baik untuk sambal bercuti. Mereka boleh meneruskan kerja kerja mereka berhubungan dengan keluarga. Maknanya stail pelancong telah berbeza daripada tahun 90an, 2000 dengan sekarang. Maka kita perlu berubah mengikut perubahan kehendak pelancong ini. Dan oleh kerana Cherating ini ada banyak banyak permasalahan, saya faham banyak permasalahan yang wujud terutama sekali. Oleh kerana kawasan itu, tanah-tanah itu adalah tanah-tanah milik persendirian. Memang sukar untuk mendapatkan persefahaman tuan-tuan tanah ini untuk membina satu tempat yang lebih kondusif dan lebih baik untuk pelancong. Banyak sesi libat urus telah dibuat walaupun saya tidak dilibatkan tapi saya difahamkan banyak sesi libat urus perbincangan telah diadakan oleh pelbagai pihak. Namun kita tak pasti apakah hasil perbincangan tersebut? dan bagaimana kita nak mempastikan bahawa Cherating itu boleh dibangunkan balik, dijenamakan semula supaya menjadi salah satu daripada daya tarikan yang unik untuk negeri Pahang ini.

Maka, tapi paling penting adalah infrastrukturnya perlu ditambah baik. Hakisan pantai perlu diatasi dengan segera selagi hakisan pantai berlaku, selagi itulah apa yang kita lakukan. Pada pandangan saya tidak mampu untuk nak menarik orang datang kerana pantai dia dah jadi semakin sempit er..tempat untuk mereka… dulu pelancong dia *sun bathing* dia berjemur. Sekarang ini tak boleh dah pelancong, orang kita pun tak berjemur dah sekarang, ya berjemur. Saya ingat tahun 80an kawasan itu ramai pelancong yang datang dia jemur sebab dia tengok matahari turun.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI Ir. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker, nak tanya ADUN Beserah, ADUN Beserah. Penahan ini maknanya mengalami yang pelancongan zaman dulu tu masa orang berjemur tu sebagainya.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya pernah tengok dan saya pernah lihat keadaan itu semua saya tak buatlah *sunbathing* tu saya dah cukup gelap dah. Cuma hakisan itu perlu diberikan perhatian serius dan menjadi keutamaan. Satu hotel di situ dipanggil Erya Suria. Kawasan fasiliti dia kolam renang dia tidak boleh digunakan dah sekarang kerana air laut telah merosakkan strukturnya dah tak selamat dan mereka terpaksa mengeluarkan belanja sendiri untuk menangkis hempasan ombak ini dengan menabur batu-batu besar dipanggil *bedrock* batu-batu besar ni mengeluarkan modal dan sebagainya. Namun, itu hanya sementara sahaja tidak mampu nak menyelesaikan untuk jangka masa panjang. Maka saya berharap hakisan dan infrastruktur di kawasan Cherating ini perlu diberikan perhatian dan diperbaiki supaya Cherating mampu hidup semula, kembali untuk menjadi ikon pelancongan. Ataupun kita jenamakan semula. Ini cadangan, cadangan saya *impromptu* secara spontan. Kita jadikan Cherating ini kalau tak boleh nak buat kita jadikan dia sebagai tempat penggambaran filem, kampung penggambaran filem ala *Hollywood* dia ada kampung dia sendiri mana sediakan… sediakan 1 situasi, 1 lokasi yang kawasan kampung...

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker, saya seronok bila ADUN Beserah bercerita pasal ni apa nama perfileman sebab nampaknya sekarang ni dah jadi satu trend yang tokoh-tokoh termasuk juga tokoh-tokoh politik yang menjadi pelakon. Jadi saya difahamkan ada juga maknanya pemimpin-pemimpin negeri yang menjadi pelakon. Jadi, saya tak tahu mungkin kalau menengok pada karakter raut muka ketampanan ADUN Beserah ni saya rasa ADUN Beserah ni boleh juga menjadi seorang pelakon yang hebat. Saya… saya menunggu detik tu. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh kita sama-sama. Saya kalau Benta setuju, saya setuju. [Ahli Dewan ketawa] kita berlakon boleh tukar *profession*.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, saya kalau berlakon jadi kru je. [ketawa] Jadi mungkin Beserah boleh jadi hero [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ataupun yang kedua, kita jadikannya sebagai satu kawasan ekopelancongan hijau. Oleh kerana kita menghadapi kawasan yang sempit, pantai yang sempit, tempat letak kereta *parking* yang terbatas. Kita jadikan kawasan itu kawasan yang tidak boleh masuk kereta, motor. Guna skuter elektrik atau basikal sahaja ataupun kita adakan kemudahan *buggy* untuk bawa mereka ni sebab memang kawasan tu bila… bila hujung minggu kereta masuk kawasan jalan tu sempit, tempat *parking* tak ada. Jadi orang tak nak masuk. Jadi kalau kita sekat supaya jadikannya kawasan hijau hanya dibenarkan berbasikal, berjalan kaki atau gunakan skuter elektrik ataupun *buggy* sahaja sebagai medium pengangkutan mungkin itu mampu untuk nak merubah sedikit

wajah Kampung Cherating itu supaya dia jadi satu tempat yang lebih menarik. Kembalikan retro dia balik kepada perkara-perkara yang boleh mengimbau kecemerlangan Cherating pada masa yang akan datang.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Beserah yang turut membantu untuk bersama-sama fikir bagaimana kita nak mengembalikan zaman kegemilangan Cherating. Memang kita pun bersetuju bahawa Cherating memang satu tempat destinasi yang sangat-sangat menarik khususnya untuk pelancong luar negara yang gemar ekopelancongan pantai dan juga laut kita. Jadi untuk pelancong asing yang datang ke Malaysia dan ke Pahang, biasanya mereka ada permintaan mereka ada beberapa pengisian. Jadi sebagai contoh tadi *sunbathing* dari segi pakaian, minta maaf alkohol yang ada pengisian yang diminta mat saleh-mat saleh. Apakah pandangan Yang Berhormat? Boleh tak kita kembalikan di Cherating?

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan Exco Pelancongan. Satu... satu pertanyaan yang baik. Kita boleh kawal, kita tidak melarang mereka untuk nak minum alkohol ke nak buat kita boleh kawal sediakan lokasi-lokasi yang bersesuaian bertepatan dengan kehendak mereka. Kawasan tu luas, pantai tu sepanjang ada lokasi-lokasi yang dispesifikkan untuk untuk usaha-usaha tersebut, kita tidak ada masalah nak minum alkohol ke, nak nak buat *sunbathing* ke dan sebagainya, silakan. Tapi perlu melihat norma-norma dan juga nilai-nilai setempat yang perlu dikawal. Orang tempatan bagaimana keadaan dan sebab itu kampung tradisi, kita perlu menghargai nilai-nilai kehidupan masyarakat setempat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mencelah YB. Payah dah YB Beserah nak diasing ke minyak dengan air ni. Ya, goner gaya caranya? Orang Melayu saja situ saudara-mara YB juga, esok ketoyong dia orang.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dia... dia gini. Kalau kita ada kemahuan Insya-Allah kita ada jalan. Kalau kita ada usaha dan kita boleh fikir bersama ramai. Saya yakin di Tourism Malaysia, di Tourism Pahang ada ramai bijak pandai yang boleh memikirkan bagaimana kita boleh menjadikan ianya sebagai satu usaha yang bukan sahaja mampu menarik pelancong datang tetapi memenuhi aspirasi dan nilai-nilai masyarakat setempat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Speaker.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Eh apa ni Speaker?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak... tak

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya rasa gini sebab dulu dia sejahtera maknanya popular. Tapi sejak kehijauan ni la, boleh kita birukan semula ke Beserah tu? [Ahli Dewan ketawa] Bila hijau tu dia lain *so* kita birukan semula.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih minta laluan Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Kita faham bahawa untuk untuk kita perlu ada keseimbangan untuk menarik pelancong. Pada masa yang sama, kita menghormati sensitiviti komuniti tempatan, ini kita bersetuju. Minta kerjasama daripada Yang Berhormat juga sekiranya Yang Berhormat dapati mungkin sebagai contoh, ada acara yang tidak sesuai boleh bincang, boleh bagi cadangan bagaimana *event organizer* mungkin mengubah pengisian bukannya semata-mata kita nak tolak sebegitu lepas tu acara dibatalkan atas banyak faktor. Lepas tu yang rugi bukan kita yang rugi adalah chalet-chalet. Yang rugi adalah peniaga-peniaga kecil di sana.

Dengan itu, saya memang amat-amat mengharap bahawa kita bersama-sama baik pembangkang atau kerajaan kita sama-sama membantu orang-orang kampung kita di Cherating. Untuk pengusaha chalet, peniaga kecil, ada apa yang rasa tak sesuai tak kena tak apa bincang. Tapi kita jangan nak menimbulkan sentimen-sentimen di mana inisiatif yang kita nak menarik pelancong ke sana tak jadi. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya suka perkataan bincang itu tapi bincang dengan siapa? itu yang persoalan dia bila buat permohonan, kami tidak dilibatkan dalam perbincangan. Jadi kalau dilibatkan pihak penduduk setempat dalam perbincangan itu, mungkin kita boleh cari jalan... cari

jalan... jalan er… jalan penyelesaian dan tidak timbul polemik ataupun kontroversi. Tapi bila tidak dilibatkan dalam perbincangan itulah yang menjadikan kita tiba-tiba tahu. Untuk makluman Yang Berhormat, saya dalam rekod yang ada pada saya yang saya dapat ni pada tahun 2025, Cherating ada 5 anjuran festival yang kita tak tahu. 5 anjuran festival ada Program Ocean Festival, Cherating Festival 5.0, Festival Cherating 2.0, Himpunan Anak Seni.

Semua perkara ini perkara yang hanya penduduk setempat tahu bila nak berlaku dan dah diluluskan. Tapi saya kena beri maklum juga bahawa terdapat beberapa program yang ingin yang telah dimohon tapi tidak disokong dan tidak diluluskan seperti *fun fair* tidak diluluskan, termasuklah *event* Patah Hati, Pesta Galau. Semua ini *event-event* yang kita tak tau apa pengisian dia. Jadi kalau betul Yang Berhormat Exco kata kita boleh bincang, saya bersedia berbincang, kami bersedia berbincang. Bukan kami nak menyekat semata-mata atas nama membangkang. Tidak kerana kami perlu tahu apa pengisian itu kerana yang akan menghadiri tu adalah mereka yang datang daripada setempat.

Festival-festival ni sebab kita buat 5 kali festival, Cherating masih lagi tidak mampu mengekalkan penarikan pelancong dalam setahun. 5 festival buat tapi masih lagi tidak mampu nak menarik orang datang untuk ke sana. Maknanya festival bukan satu-satunya cara untuk nak menarik pelancong. Dia ada kaedah lain sebab tu saya kata kita perlu berbincang adakan satu sidang meja bulat contohnya bersama-sama cari jalan penyelesaian dan kita boleh mampu untuk nak mencari kata putus dan juga persetujuan bersama. Apa yang perlu kita buat untuk *rebranding* balik Cherating ini.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Pohon diberi mencelah sikit.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Eh lama sikit je. Saya mintak tak banyak lama.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dah 22 minit sekarang, tapi tak apa saya bagi laluan kepada Beserah.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Tuan Speaker, cuma untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk makluman YB Andansura YB Beserah yang penganjur untuk Cherating Festival dan juga yang baru ini isu *water festival* ini ada datang jumpa dengan saya dan mereka ni siapa. Mereka ni budak Cherating, budak Kampung Cherating. Nama dia Hakimi dan dalam Instagram dia nama dia *MapPro*, saya ingat. Mereka yang menganjurkan pertandingan Cherating, pertandingan *Paddle* di Kampung Cherating dan mereka juga merupakan penganjur Festival Cherating satu hingga dua. Mereka penganjur dan mereka budak kampung di kawasan tersebut. Cuma saya er... tulah saya cadangkan pada YB Beserah bahawa mereka bersedia untuk berjumpa dengan YB dan saya rasa yang itu perkara atau langkah yang terbaik untuk menyelesaikan isu ni. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya setuju. Saya sebut dah tadi, kita terbuka untuk berbincang demi mencari satu jalan penyelesaian yang sama-sama dapat meraih hasil yang baik. Sama-sama, bukan dalam bentuk yang datang. Walaupun dia anak tempatan, saya tahu tetapi oleh kerana dia... dia menganjurkan sesuatu perkara yang di luar daripada apa yang sepatutnya kita... kita apa ni sokong dan sebagainya. Kita terpaksa membantah kerana nilai-nilai setempat itu perlu dijaga. Perlu kita pelihara. Kalau tidak ia akan menghancurkan sosio budaya dan nilai-nilai yang kita pegang selama ini. Yang ini yang kita perlu jaga pelihara. Kita bukan nak menghalang atau menyekat sebarang perkara yang boleh er... apa ni menarik ataupun menimbulkan kegembiraan anak-anak muda. Begitu juga di Cherating ada satu kompleks yang telah dibina Kompleks Budaya. Saya rasa dah 10 atau 15 tahun dulu. Kompleks Budaya tujuannya dibina Kompleks Budaya ini untuk menjadi satu *one stop centre* untuk kebudayaan, kraft, kesenian, makanan tempatan negeri Pahang dan sebagainya. Kompleks ini sekarang dah jadi kompleks hantu raya. Takde... takde orang jaga dah *what is happening* apa yang berlaku berjuta ringgit dihabiskan kompleks itu besar cantik dulu. Sekarang ni tak terurus dah jadi hutan dan sayang perkara ini sepatutnya kita *revamp* balik. Sebab tu saya kata adakan sidang meja bulat kita bincang bagaimana kita boleh *revamp* atau pulihkan balik Cherating tu dan bina satu hala tuju baharu untuk Cherating ini. Apa yang kita nak buat.

Yang Berhormat Speaker ada sikit je lagi tak...tak banyak dah er... urusan tanah. Satu lagi perkara yang berkaitan dengan kawasan saya adalah urusan tanah berkelompok. Ada satu Rancangan Tanah Kelompok Balok iaitu Kampung Tebing Tinggi telah diberi geran kepada penerima ni, dua pilihanraya yang lalu. Tapi sehingga hari ini pemilik-pemilik geran ini dia bayar cukai tanah tapi dia tak tau tanah dia kat mana, dia tak cari er.. dia tak jumpa cari tanah dia sebab tidak ada akses untuk nak masuk kepada rancangan tanah kelompok tersebut. Menjadikan tanah itu tidak dapat dibangunkan, kekal sebagai kawasan hutan dan objektif dia pada masa itu yang saya difahamkan adalah untuk beri tanah kepada nelayan-nelayan sekitar Balok. Jadi bila-bila nelayan dia dapat tanah dia suka. Tapi bila cari tanah, dia tak jumpa. Sebab mereka tak tahu kat mana duduk tanah dia. Geran ada tapi ada sebahagiannya dah jual pun. Tapi pembeli pun dia datang jumpa kita di mana-mana kita tahu tanah sebab tidak ada sebarang akses. Maka saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya bantu rancangan-rancangan tanah kelompok. Bila saya difahamkan Kerajaan hanya beri tanah je, laluan ataupun apa semua ni akses mesti pemilik tanah yang kena usahakan. Tapi kalau pemilik tanah selama 100, 200 orang ni tak kenal sama sendiri dan duit pun tak ada untuk nak bina jalan. Bagaimana mereka nak mengusahakan tanah yang mereka dapat ni. Maka dia tidak memberi makna kepada mereka yang dapat tanah tapi tidak dapat. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan.

Akhir sekali adalah berkaitan dengan pengurusan tanah kubur. Pengurusan tanah kubur pun sama. Banyak kelulusan tanah-tanah kubur tetapi hanya beri tanah sahaja tetapi akses kepada tanah perkuburan tersebut tak ada, kena apa ni, badan-badan khairat atau badan masjid kena cari dana sendiri untuk nak tebang tebas, bina pagar, untuk itu termasuklah laluan untuk nak pergi ke kubur tanah kubur tu. Maka saya harap perkara ini juga boleh diberikan pertimbangan kepada pihak yang berkaitan. Pengurusan Tanah Kubur, bila kita pergi, serahkan tanah kubur itu perlulah disertai dengan akses yang bersesuaian untuk pergi ke tanah kubur tersebut. Dalam masa yang sama, ihsan diperlukan, diminta daripada Kerajaan kalau boleh kepada mereka yang sukarelawan, pengusaha-pengusaha yang mengusahakan tanah kubur ni tukang

gali kubur yang menguruskan tanah kubur ini diberikan sedikit sagu hati kepada mereka kerana mereka buat kerja ni secara... secara sukarela untuk menguruskan orang mati dia. Dia lebih susah daripada nak menguruskan orang hidup. Sebenarnya orang mati kerana dia mengeluarkan modal juga untuk nak...nak siapkan tanah kubur tu. Jadi itu yang dapat saya kongsi bersama. Terima kasih sekali lagi kepada semua. Terima kasih kepada jabatan-jabatan yang telah bekerjasama dengan baik dengan pihak saya. Semoga Allah SWT lindungi kita daripada perkara tidak diingini. Negeri kita mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT. Saya dengan ini mohon menyokong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil dari Beserah. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Dilantik, sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Tuan Speaker. Ketua-ketua jabatan, Ahli-ahli Dewan sekalian. Sekali lagi. Assalamualaikum WBT. Terima kasih saya ucapkan di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama dalam perbahasan titah Usul Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dalam pembukaan sidang DUN Pahang pada Jumaat yang lalu. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan bahawa hari ini adalah merupakan hari ulang tahun yang kedua pelantikan ADUN-ADUN Lantikan negeri Pahang dan pada hari ini, InsyaAllah kita telah pun membuktikan bahawa ADUN-ADUN Lantikan negeri Pahang ini akan menjadi ADUN-ADUN yang konstruktif dalam pembangunan Kerajaan Negeri Pahang. Insya-Allah. [Ahli Dewan menepuk meja]. Dikesempatan 10, 15minit ini sudah pasti saya akan memadatkan ucapan saya dalam mencatatkan huraian-huraian sebagaimana titah baginda Tengku Mahkota Pahang.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Memasuki tahun 2026, Pahang mencapai jajaran prestasi yang amat membanggakan yang menunjukkan momentum yang positif. Kejayaan mencatatkan pertumbuhan KDNK antara empat negeri terbaik di Malaysia termasuk memperkenalkan beberapa dasar yang lebih membumi atau *down to earth* dengan izin yang lebih rapat dan senang dihadam oleh rakyat seperti dasar Perumahan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, LPHP adalah antara tarikan terbesar rakyat di Pahang. Pahang muncul sebagai negeri yang perkenal banyak skim perumahan sehinggalah skim percuma untuk rakyat yang layak. Saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sahabat saya daripada Bera er... daripada Bebar yang bertanggungjawab terhadap perumahan Pahang. YB Exco Perumahan ini, bagus bagi saya. Saya bisik sikit pada dia sahaja. Mohon maklumat dan juga mohon beberapa skim perumahan esoknya dihantar terus pegawai untuk berhubung dengan saya. Cuma ADUN Lantikan ni kalau boleh nak jaga Pahang ni, kalau boleh bagi lebih sikitlah rumah untuk kita bantu rakyat ni.

Ahl-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Selain itu, dasar-dasar bersepadu Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Islam tidak boleh kita nafikan. Pencapaian Maahad Tahfiz Negeri Pahang sangat membanggakan kita. Di peringkat pengajian tinggi, kita berjaya menubuhkan Universiti Al-Quran dan selain itu juga Dasar Wanita Pahang yang menyediakan pelan tindakan holistik dan

pembangunan kepada wanita juga melonjakkan momentum kepada kebajikan rakyat. Saya harus memuji rangka tindakan Pelan Digital Pahang terutama PahangGo dalam memperkasakan ekonomi digital setempat dan sebagai pusat sehenti maya untuk pelbagai urusan rasmi dan peribadi rakyat Pahang. Hasilnya, hari ini kita dapat melihat petunjuk makro yang sangat membanggakan. Sebagai contoh Bantuan Khas Kewangan Pahang, BKK, 2 bulan gaji di saat negeri lain ada yang terpaksa melukut di tepi gantang memohon ihsan dan bantuan Kerajaan Pusat memberikan bonus kepada kakitangannya. Bantuan Khas Rakyat Pahang sebanyak RM15,000.00 seminggu diberikan kepada rakyat dalam suasana ketidaktentuan geopolitik dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Kalau kita lihat dalam titah Diraja tersebut, saya fikir banyak yang telah disentuh oleh baginda. Namun, saya ingin bahaskan beberapa aspek terkait dengan titah tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin menyentuh sedikit tentang apa yang disentuh dalam titah Diraja iaitu geopolitik yang berlaku pada hari ini. Apa yang berlaku kepada Iran boleh menjadi pengajaran besar bagi kita. Ramai yang tidak tahu. Yang tak nak ambil tahu tentang Iran. Kita tahu mereka punyai keupayaan teknologi. Mereka ada keupayaan kesihatan dan juga keterjaminan makanan walaupun negara itu berhadapan dengan *sanction* selama 45 tahun. Mereka tak boleh guna kad kredit. Mereka tak boleh jual barang ke luar. Mereka tak boleh import teknologi luar. Tetapi mereka boleh hasilkan keupayaan ketenteraan yang dilihat antara kuasa keempat terbesar di dunia. Kalau kita lihat dron mereka sahaja, kelajuannya hampir 400...900 km sejam. Senjata *hypersonic* dan *super sonic* mereka menjangkau 15,000 kilometer sejam. Hampir 3, 4 kali ganda kelajuan jet pejuang yang dihasilkan oleh Amerika. Mana datangnya semua ini, mana datangnya ilmu ini. Sebenarnya Sidang Dewan sekalian, keupayaan kita ada keupayaan untuk buat sebagai sebagaimana yang mereka lakukan, tapi kita berada dalam keadaan selesa menyebabkan kita tidak dapat keluar dari keadaan ini, kerana keselesaan itulah yang kadang-kadang melekakan kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Dari sudut agama, ilmu Islam ini banyak bermula daripada Parsi. Imam Ghazali sebagai contoh dimakamkan di Tus, Iran. Imam Muslim, Imam Ibnu Sina, semuanya dari Parsi. Saya nak sebutkan bahawa kesan utama peperangan yang berlaku hari ini adalah kepada sektor tenaga kita. Saya fikir Pahang pun di antara yang terkesan kuat melibatkan aspek logistik negeri tetapi kita tidak merasa kesan terus dari peperangan hari ini kerana tanggungjawab Kerajaan Malaysia. Kerajaan Perpaduan ini yang memperuntukkan RM7 bilion setiap bulan supaya kita tidak merasa kesan terus dari krisis dunia ini. Bayangkan betapa negara jiran terpaksa mencatu bekalan petrol dan diesel dalam keadaan minyak yang melambung tinggi jauh lebih tinggi daripada Malaysia. Negara Arab Saudi sendiri yang minyaknya tak keluar pun dari Selat Hormuz menaikkan harga minyak mereka semalam daripada Saudi Riyal 3.83 Riyal kepada Saudi Riyal 4.51 Riyal bersamaan daripada RM4.02 sen kepada RM4.73 sen. Pada dasarnya, kalau kita lihat secara perkapita, setiap rakyat akan gunakan sebanyak 10 tong ataupun 10 *barrel* setahun. 1 tong kiraannya lebih kurang 159 liter.
Itu sebab kita tak rasa sebab Kerajaan bagi 200 liter sebulan penggunaan 2,400 liter secara purata setahun. Saya sebut kita akan terpaling terkesan kerana kita ada sektor industri. Pahang banyak industri yang menyumbang kepada pendapatan negeri dan yang paling terkesan adalah sektor pelancongan. Saya yakin Yang Berhormat Triang

juga sudah pasti merancangkan sesuatu untuk merancakkan industri pelancongan Pahang. Isu geologi dunia merosakkan industri pelancongan dunia. Sebagai contoh di negara jiran kita, Pulau Bali, mereka perkenalkan caj pelancong sebanyak RM450.00 satu hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Sebab itu saya berpandangan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menunjukkan Pahang di landasan yang betul. Pahang telah menunjukkan dan melaksanakan beberapa inisiatif untuk memastikan bahawa sektor logistik kita sama ada sektor pelancongan kita dan sektor keterjaminan kita diberikan keutamaan. Kenaikan baja sebagai contoh, memberikan kesan yang besar. Sebab itu saya mohon agar disegerakan pemberian geran hak milik kepada pesawah dan petani seperti di Kawasan Jelapang Padi, Rompin dan Pekan supaya mereka memperolehi subsidi pemberian baja dan racun yang diberikan oleh Kerajaan Pusat. Dengan itu, sekuriti makanan negara khususnya pengeluaran padi negeri Pahang akan mencukupi.

Selain daripada baja, kenaikan berlaku pada makanan-makanan import kita, sebab itu saya ingin melihat apabila kita sebut tentang inisiatif kerajaan ini, saya percaya bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa perkara, tapi saya fikir kerajaan dalam masa yang sama juga boleh menilai kembali beberapa jenis cukai supaya ia dapat meringankan bebanan rakyat dan begitu juga dengan kadar sewaan dan caj-caj yang dikenakan. Kerajaan Negeri boleh memberikan pada pandangan saya, inisiatif caj air sebagaimana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka, mengurangkan cukai pintu dan cukai tanah. Walaupun kita terkesan dengan sektor tenaga, namun perkara yang terkait dengan pendapatan rakyat ini harus kita bantu.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Ini termasuklah program-program kita untuk membantu usahawan di Pahang. Kalau semua nak jimat ya, kalau kadang-kadang semua nak berjimat. Kalau semua nak berjimat siapa yang nak berbelanja. Bagaimana dengan usahawan-usahawan kita? Jadi pada pandangan saya, Kerajaan Negerilah yang harus menyokong. Saya nak sebut Sidang Dewan sekalian tentang produk lokal kita. Kadang-kadang kita banyak makanan import sebab kita sendiri pun tak sedar, tapi inilah masa untuk kita sokong produk lokal kita. Sayur-sayur dari kebun kita, ikan sangkar dari sungai kita. Bagi saya, ia sudah cukup membantu.

Kita tengok Exco pertanian punyalah bersungguh nak hasilkan produk pertanian macam-macam dicadangkan Wagyunya. Kadang-kadang nak jawab soalan setengah jam pun tak cukup. Ada pula Ahli Yang Berhormat cadang bela baung ekor merah, tapi saya nak sebutkan kepada Sidang Dewan sekalian. Kempen produk lokal ini tidak disokong oleh rakyat, apalah ertinya. Kita tengok rakyat lebih suka membeli barangan import. Spagheti, lagsania, buah-buah pun kadang-kadang buah pear dan buah anggur.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian,

Saya minta Kerajaan Negeri utamakan bahan-bahan dari negara kita. Kalau boleh dari negeri Pahang. Tak apalah, pucuk paku pun pucuk pakulah kalau ia boleh membantu usahawan negara kita. Kita makan produk kampung ini pun, produk tempatan sebenar pun dah cukup. Kadang-kadang kita terlebih sihat, bab makan ni.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Hari ni saya nak sebut sikit tentang Titah Diraja berhubung dengan eksport pasir ke luar negara. Saya nak tegur beberapa pihak yang menggambarkan bahawa Titah Diraja adalah satu kemurkaan tuanku terhadap Kerajaan terutama Kerajaan Pusat. Kalau kita teliti perenggan 56, Tuanku menzahirkan rasa kecewa kerana eksport pasir tidak diluluskan ke luar negara. Sebagai payung kerajaan, Tuanku umpama bapa yang tidak hanya melihat kepada seorang anak tetapi menjaga kebajikan anak-anak yang lain. Malah, melihat daripada kebajikan semua pihak dan di sinilah dengan izin Sidang Dewan, dengan izin Speaker, letaknya *wisdom* dan unik peranan istana bagi sebuah negara yang berdaulat seperti Pahang.

Tuanku menegur dari sudut urus tadbir kerajaan dan semangat *federalisme* yang ada. Ini berbeza ketika Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim pada 19 Ogos tahun 2024 menzahirkan kemurkaan dan rasa amat terkilan atas tindakan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang secara sengaja dan sinis memperlekeh dan mempertikaikan tugas dan peranan Sultan Pahang ketika baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong yang ke-16. Ketika itu, Tengku Mahkota meminta PDRM mengambil tindakan tegas terhadap Pengerusi Perikatan Nasional yang secara sengaja menyentuh sentimen 3R. Raja, Agama dan kaum.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang di-Pertua ni…ni.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Tak, tak. Minta izin, minta izin saya benarkan
.
(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya minta izin dengan Yang di-Pertua.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

This is my floor. Kalau minta izin. Saya benarkan,

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Boleh bagi?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila bagilah.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Floor saya.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

…berkuasa. Tak, cuma saya nak bagi tahu isu Tan Sri Muhyiddin tadi dengan Tuanku masih dalam mahkamah. Bulan 11 ni, jadi tak perlulah nak sebut di sini. Terima kasih Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya pendapat apa tu Yang Berhormat Lantikan tidak bersentuh dengan…dengan kes mahkamah. Hanya agama sahaja kan?

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Ya, saya tak sentuh pun kes mahkamah. Ini adalah saya sentuh tentang Titah Tuanku pada ketika itu yang telah menzahirkan kemurkaan sehingga mendesak pihak PDRM supaya mengambil tindakan kepada Tan Sri Muhyiddin. Boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, teruskan. Teruskan, sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Baik. Ketika itu, Tengku Mahkota meminta polis mengambil tindakan tegas terhadap Pengerusi Perikatan Nasional yang secara sengaja menyentuh sentimen 3R, Raja, Agama dan Kaum dan baginda menyifatkan kenyataan Muhyiddin memanipulasi fakta dan membawa naratif negatif seolah-olah bahawa Al-Sultan Abdullah seolah-olah tidak berlaku adil ketika memilih Perdana Menteri yang ke-10.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Fakta di hadapan kita adalah pertama; Kerajaan Pusat pada tahun 2020 telah melarang eksport pasir laut ke luar negara dan dia berkuat kuasa sehingga kini. Pasir laut. Kedua, namun bagi pasir sungai, Kerajaan Pusat telah mengumumkan pada 25.6.2020, sebanyak 11 syarikat diberikan AP untuk eksport pasir ke-9 buah negara sehingga tempoh tahun 2027. Kerajaan Pusat kemudiannya menambah sehingga 29 buah syarikat lagi. Ertinya eksport pasir masih dibenarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dalam tempoh 2020 hingga 2023. Kerajaan Negeri Pahang sendiri telah mencatatkan kutipan hasil perlombongan pasir dari tahun 2020 sehingga 2023, sebanyak RM46.95 juta dan royalti sebanyak RM39.17 juta. Ertinya, Kerajaan Negeri masih menjana pendapatan dari perlombongan pasir di Pahang. Justeru, teguran dalam Titah Diraja adalah sangat wajar supaya semua pihak dan agensi di peringkat persekutuan seperti yang disentuh oleh Tuanku, membuat ulasan teknikal dan memberikan justifikasi bahawa eksport pasir di Pahang perlu diteruskan.

Jika ulasan teknikal ini dibuat dengan sebaiknya dan dimaklumkan kepada Jemaah Kabinet, saya percaya bahawa tidak ada masalah untuk eksport pasir diteruskan sebagaimana di negeri lain memandangkan eksport Pasir Pahang pernah dibenarkan sebelum daripada ini. Saya nak sebutkan pada sidang Dewan yang saya kasihi sekalian. Kenyataan Kerajaan Negeri Pahang yang menjunjung Titah Diraja yang dan mengada, akan dan menyebut akan mengadakan pertemuan segera dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bagi membincangkan perkara ini adalah kenyataan yang sangat tepat dan mendamaikan dan tidak mengeruhkan keadaan lagi. Sebab itulah saya sebut bahawa Pahang adalah di landasan yang betul.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Seterusnya saya nak sebut satu isu yang sangat penting iaitu keharmonian rakyat yang disebut dalam Titah Diraja. Baginda telah menitahkan bahawa tidak harus perbezaan menjadi punca sengketa antara kaum di dalam negara kita. Kita berbeza dari segi politik, kita berbeza dari sudut parti pandangan parti pegangan politik, tetapi Yusuf Al-Qaradawi dalam kitabnya [Ayat al-Quran] menyebutkan adalah harus untuk kita berbilang kekuatan dan parti politik. Allah Ta'ala sebut dalam Quran. [Ayat al-Quran]. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berjuang di jalannya dalam barisan yang teratur seolah-olah mereka satu dalam binaan yang kukuh.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan setingginya di atas tindakan tegas pihak PDRM dan Unit Pendakwaan Negeri Pahang terhadap kes penghinaan agama yang melibatkan seorang pelajar di universiti di Pahang. Penghinaan terhadap agama ini tidak pernah mengenal siapa. Islam sendiri malah mengutuk keras penghinaan terhadap agama lain. Di situlah letaknya hikmah dan dengan izin *wisdom* penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kenyataan seorang Ahli Parlimen Pasir Putih yang secara berani dan terang-terangan menyerang peribadi sahabat Rasulullah sehingga tergamak menyatakan bahawa Saidina Abu Bakar As-Siddiq, bapa ceti, dia kaya, dia peras orang miskin dan Umar Al-Khattab pula hobinya berzina sewaktu zaman jahiliahnya. Sebagai orang Islam, kenyataan begini tidak boleh diterima langsung, apatah lagi dari mulut yang kononnya daripada majlis ulama. Ramai keluar ini.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian,

Saya sebut perkara ini sebab Jabatan Mufti Negeri Pahang semalam mengeluarkan penjelasan rasmi isu tuduhan liar terhadap Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar oleh Ahli Parlimen tersebut. Maksudnya, Mufti kita telah mengeluarkan kenyataan rasmi menentang keras apa yang dilakukan oleh Parlimen, Ahli Parlimen tersebut. Saya nak merakamkan setinggi tahniah kepada Sahibus Samahah Dato' Mufti Kerajaan Negeri Pahang, dan Mufti Negeri, Jabatan Mufti Negeri Pahang di atas keprihatinan menyedarkan rakyat ini. Penghinaan dan kebiadapan Nik Zawawi ini terhadap sahabat Rasulullah SAW sangat bertentangan dengan riwayat sebenar tentang sifat Umar dan Abu Bakar ini.

Kitab Ibn Kathir menyebutkan, dalam satu kitab ya, Ibn Kathir menyatakan [Ayat al-Quran]. Dalam Kitab Ibn Kathir menyatakan, Abu Bakar As-Siddiq ini adalah merupakan semulia-mulia orang Quraisy. [Ayat al-Quran]. Mereka mempunyai, adalah orang terbaik di kalangan mereka. [Ayat al-Quran]. Mereka adalah orang yang disayangi oleh kaum mereka. [Ayat al-Quran]. Orang yang sangat lemah lembut. [Ayat al-Quran]. Dikenali mempunyai keturunan yang sangat baik. [Ayat al-Quran]. Diketahui mempunyai akhlak yang sangat baik. [Ayat al-Quran]. Dia adalah seorang peniaga. [Ayat al-Quran]. Dikenali mempunyai akhlak yang sangat baik. Dan Imam Al-Suyuti menyatakan dalam kitabnya, menyatakan bahawa Abu Bakar As-Siddiq ini. [Ayat al-Quran]. Abu Bakar As-Siddiq ini tak pernah minum arak sepanjang daripada hidupnya dan Imam Az-Zahabi dalam satu kitabnya menyatakan. [Ayat al-Quran]. Umar ini pada zaman jahiliah dia adalah seorang yang sangat bengkeng kepada orang Islam. [Ayat al-Quran]. Kemudian Allah muliakannya dengan Islam. [Ayat al-Quran]. Dan kemudian Umar ini adalah merupakan semulia-mulia orang Quraisy. [Ayat al-Quran]. Mempunyai pandangan yang bernas, bernas. [Ayat al-Quran]. Dan adalah merupakan seorang duta pada zaman jahiliah. Bukan rampas bini orang, bukan ambil anak dara orang.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian,

Hari ini kita sekali lagi digemparkan, mohon maaf, secara terbuka dalam media sosial. Saya nak sebut kepada Sidang Dewan sekalian, minta maaf ini tidak kebalkan daripada pendakwaan. Kalau macam itu senanglah, orang tangkap bawa ke, tahan di lokap minta maaf, lepas. Kita minta supaya penghinaan kepada sahabat Nabi SAW ini kita hukum dan kita dakwa di bawah Kanun Keseksaan. Malah, ada orang yang didakwa sehingga 10 tahun kerana penghinaan terhadap Islam dan dibawa, didakwa di bawah Undang-undang Syariah Negeri.

Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian,

Inilah realiti politik pada hari ini. Inilah realiti negara kita pada hari ini. Kita dihidangkan oleh orang-orang politik dengan macam-macam gelaran. Ada yang gelarkan "UMDAP", ada yang gelarkan "PANDAP", ada yang gelarkan "DAPig". Sedangkan Rasulullah SAW tidak pernah dalam sebarang riwayat mengambil dan memandang, memanggil musuh politik beliau sebagai "khinzir" sebagai contoh. Saya sebut begitu sebab saya nak perjelaskan, kita kerjasama dengan DAP sebagai contoh, di atas keadilan sosial yang tidak menyentuh kedaulatan agama Islam dan Melayu. Saya bukan nak sangat pertahankan DAP ini. Saya pun berkawan, ada benda yang saya tak setuju dengan DAP ini. Dengan UMNO pun saya ada benda yang tak setuju, dengan parti saya sendiri pun ada saya tak setuju. Tetapi saya nak bagi amaran kepada sidang hadirin sekalian supaya jangan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang di-Pertua, boleh la sedikit.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

kita bina persepsi. Nanti dahulu dah nak habis ayat ni.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sedikit sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Biar dia habis dulu.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Bagi habis bagi habis..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sekejap lagi, nanti saya bagi pula.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Iya, bagi bagi dulu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ketawa].

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

ini ceramah politik ke ....

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Duduk duduk dulu. Tapi jangan bina persepsi yang akhirnya kesan itu kembali pada kita. Okay sila.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan saya, ceramah politik ke kita dah, berada dalam Dewan Negeri?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya sila.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Speaker, mohon izin saya bersetuju dengan ADUN Lantikan ini. Contohnya, isu tentang penghinaan kepada sahabat. Sebenarnya benda ini telah dituntaskan oleh agama kita Islam sendiri. Apabila hadis sahih yang diriwayat oleh Imam Muslim. [Ayat al-Quran]. Orang yang terpilih di kalangan kamu di zaman jahiliah, juga adalah orang yang terpilih di zaman Islam [Ayat al-Quran]. Apabila dia menganuti agama Islam itu. Jadi baik sangat apa yang dibawa oleh ADUN Lantikan ini dan perkara ini sangat bahaya kalau kita biarkan begitu sahaja, hanya padan dengan memohon maaf. Akibatnya nanti orang akan memandang remeh kepada Islam, dan orang memandang agama kita itu mudah. Ini bukan ceramah politik bagus, ceramah lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Biar saya jawab dulu kepada Yang Berhormat Kuala Sentul.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Tuan Speaker nak nak nak nak minta laluan juga ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Selagi Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak melanggar Peraturan-peraturan Mesyuarat. Semua kenyataan boleh dikeluarkan oleh Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Dilantik.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Er... sedap ini. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih apa nama ini Exco. Saya nak sebut kepada rakan saya daripada Kuala Sentul ini. Saya sebut ini saya ulang balik apa yang Jabatan Mufti Negeri Pahang sebut. Kalau saya berpolitik, Jabatan Mufti Negeri Pahang itu berpolitik juga ke? Allahu Akbar payah. Sidang Dewan Negeri.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Bagi bagi laluan sikit boleh?

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Ada lagi, sila sila.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Saya nak cadangkan kepada ADUN Lantikan supaya beliau membeli buku karangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang khusus berkenaan dengan 4 orang Khalifah, dan buku karangan Tok Guru Haji, Haji Abdul Hadi Awang ini dikeluarkan oleh Permata Ummah, Yayasan Permata Ummah dan buku yang keempat ini yang pertamanya, Tok

Guru menceritakan terperinci dengan siapakah Khalifah Agung ini, Saidina Abu Bakar, jadi saya cadangkan Yang Berhormat beli buku tersebut dan baca. Boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila Yang Berhormat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya tengok dengan cara alunan dan susunan ayat yang dibawa oleh ADUN Lantikan ini tak perlu dah kepada buku itu. [Ahli Dewan ketawa]. Betul dan tepat. Sesuai dengan apa, aturan-aturan yang telah digambarkan oleh Nabi kita tentang sahabatnya Rasulullah SAW. Terima kasih Speaker.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Err. Apa nama terima kasih saya pohon untuk ucapan daripada Kerdau dijadikan sebahagian daripada ucapan saya. Cuma saya nak tanya Pulau Tawar ni. Yang Berhormat Pulau Tawar ni setuju dengan saya ke setuju dengan Ahli Parlimen Pasir Puteh.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Er... Sebarang penghinaan kepada Islam kepada Nabi kita tolak.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Saya tanya gitu je tak setuju dengan saya ke setuju dengan Pasir Putih.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Saya cadangkan yang.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Saya tanya tu je Yang Berhormat yang buat jangan ke lain.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Saya cadangkan saudara beli buku tu dulu. Lepas tu kita boleh bincang.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Letih pulak doh nak kena beli buku ni. Baik, Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian, saya nak beritahu bahawa kita jangan bina persepsi yang akhirnya kesan tu kembali

pada kita. Kita jangan tuduh orang ni anti Islam orang ni tolak Islam orang ni tak sokong Islam, Islam terancam sana sini. Jangan kita lupa bahawa 18 Mac 2015, Parti Gerakan yang menjadi komponen kepada Perikatan Nasional telah mencabar hudud di mahkamah. Apa kita nak panggil pada mereka ni. Hari ini mereka sebahagian daripada gabungan dalam Perikatan Nasional [Ahli Dewan menepuk meja]. Tapi inilah Islam. Kita menghormati perbezaan agama. Kita tak bawa, bina, budaya, fitnah dan naratif kepada mereka. Saya taknaklah politik sangat dalam Dewan ni. Cuma saya nak ingatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ni jangan ikutlah seorang Menteri Besar di utara ni. Bahasanya tak elok jangan ikut begitu kadang-kadang ucapannya tinggi mimpinya tinggi, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak sebut kita jadi pemimpin ni adalah apa yang kita tanam hari ini dan itulah yang akan tumbuh. Jangan ajar rakyat dengan bahasa kotor. Bahasa kasar. Kerana apa? Kerana itulah yang akan tumbuh dalam negara kita.

Dan kerana akhirnya kitalah yang akan mengutip hasil tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Sebab itulah Titah Diraja menyebutkan perpaduan. Perpaduan sahajalah yang penting bagi kita. Kita lihat sahaja pertahanan Iran bukan kerana *drone*, bukan kerana teknologi mereka, bukan kerana ekonomi mereka, tetapi mereka berpadu pertahankan negara mereka. Dan inilah sepatutnya menjadi tugas kita di Negeri Pahang pada hari ini. Saya nak akhiri ucapan perbahasan saya dengan satu sabda Baginda Nabi SWT yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy'ari Al-Mukmin [Bacaan ayat al-Quran]. Seorang mukmin dengan mukmin yang lain seperti satu bangunan sebahagiannya memperteguhkan sebahagian yang lain. Inilah Sidang Dewan sekalian, perpaduan di dalam Islam. Terima kasih Tuan Speaker. Saya menjunjung usul Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Sekian, Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, sila

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Nak mencelah hadis ini betul. Hadis Sahih Riwayat Bukhari dan Muslim. Cuma nak betulkan bukan [Ayat ai-Quran] baris yang tak betul.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Dan saya minta dijadikan sebahagian daripada ucapan saya juga.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Walaupun saya tak faham tapi saya setuju kepada dua-dua Yang Berhormat, saya akan belajar seterusnya. Jadi seterusnya saya menjemput Ahli dari Chenor.

(ADUN CHENOR – N.26)
YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-

ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pentadbir Daerah, semua yang mengikuti persidangan kita pada petang ini. Saya mulakan dengan sepotong Ayat al-Quran, Surah Sad ayat yang Ke-26 [Bacaan ayat al-Quran] yang bermaksud, Hai Daud. Wahai Nabi Daud, sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah yakni penguasaan. Penguasa di atas muka bumi. Maka berikanlah keputusan di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ia akan menyesatkan kamu daripada jalan Allah SWT. Sesungguhnya orang-orang yang sesat daripada jalan Allah akan mendapat azab yang berat kerana mereka melupakan hari perhitungan di mana ayat ini adalah peringatan kepada Nabi Daud AS dan juga kepada mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab menjadi pemimpin di atas muka bumi ini.

Yang Berhormat Speaker,

Patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Ke-15. Sesungguhnya titah baginda amat bermakna dan menjadi pedoman kepada seluruh rakyat serta kepimpinan negeri dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus diberikan keutamaan. Keprihatinan baginda terhadap kebajikan masyarakat, kestabilan ekonomi serta pembangunan sosial mencerminkan sifat kepimpinan yang berjiwa rakyat dan penuh hikmah. Patik juga amat menghargai penekanan baginda terhadap usaha memacu kemajuan Negeri Pahang agar terus berkembang maju, berdaya saing dan mampan demi manfaat generasi kini dan akan datang titah tersebut menjadi pemangkin kepada seluruh pihak untuk bersama-sama berganding bahu memperkukuhkan pembangunan negeri dalam pelbagai sektor. Selain itu, baginda agar rakyat terus memelihara perpaduan dan keharmonian amatlah bertepatan dalam memastikan Negeri Pahang kekal aman, stabil dan bersatu padu, semangat muafakat serta toleransi antara masyarakat pelbagai latar belakang merupakan asas kekuatan negeri yang perlu terus dipertahankan.

Patik turut menjunjung titah baginda dalam memartabatkan kesucian dan kemuliaan agama Islam sebagai tunjang kesejahteraan ummah serta panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Semoga nilai-nilai Islam terus subur dalam membentuk masyarakat yang berakhlak, berilmu dan berintegriti. Semoga Allah SWT sentiasa mengurniakan kesejahteraan, keberkatan, dan keafiatan kepada seluruh rakyat Negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin merujuk kepada titah Tuanku berkenaan dengan pasir, tetapi berbeza sedikit kerana saya mengambil suara rakyat di dalam kawasan Chenor berkenaan dengan pasir. Seperti mana di Kampung Pesagi, Kampung Berlawan dan juga Kampung Sanding di mana sungai di ketiga-tiga kampung ini kini amat membimbangkan apabila berlaku timbunan pasir yang terlalu luas sehingga melebihi 3 KM panjang dan melebar sehingga melebihi separuh Sungai Pahang. Semalam, Utusan Malaysia melaporkan berkenaan Sungai Pahang di Kampung Pesagi, Chenor seolah-olah menjadi padang pasir setiap kali berlaku kemarau dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Akibatnya, bekalan ikan patin semakin berkurangan. Para penternak ikan sangkar mula kehilangan sumber mata pencarian kerana keadaan sungai yang tidak mengizinkan. Ini bukan sahaja menjejaskan ekonomi penduduk kampung bahkan turut memberi kesan kepada industri ikan sangkar yang satu ketika dulu menjadi antara sumber ekonomi utama rakyat di kawasan Chenor.

Oleh itu, izinkan saya mengemukakan beberapa pertanyaan. Yang pertama, berapakah jumlah penternakan ikan di kawasan Chenor yang menerima bantuan di bawah SPeKS, PPIA dan Kerajaan negeri. Yang kedua, adakah kerajaan bercadang menyediakan bantuan khas pemulihan kepada penternak yang terjejas akibat mendapan pasir di Sungai Pahang. Yang ketiga, adakah kawasan Chenor khususnya Kampung Pesagi, Kampung Berlawan, Kampung Sanding termasuk dalam Pelan Tindakan Mendalamkan Sungai Negeri. Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan zon penternakan ikan sangkar baru yang lebih selamat dan sesuai bagi membantu penternakan meneruskan sumber pendapatan mereka. Saya juga ingin mencadangkan beberapa perkara yang pertama mempercepatkan mendalamkan sungai di kawasan yang mengalami mendapan pasir serius supaya aliran sungai kembali lancar. Yang kedua, menjadikan pengurusan pasir sebagai… pengurusan pasir sungai secara terkawal sebagai sumber hasil negeri dan pada masa yang sama menyelesaikan masalah rakyat. Ketiga, menyediakan bantuan pemulihan khas kepada penternak ikan sangkar seperti bantuan sangkar baru, benih ikan dan subsidi makanan ikan. Yang keempat, mengadakan kajian bersama Jabatan Perikanan dan Jabatan Pengaliran dan Saliran mengenai kesan mendapan pasir terhadap ekosistem sungai dan industri penternakan perikanan. Saya juga mohon tindakan segera diambil agar industri ikan sangkar di Chenor mampu hidup semula dengan nafas baru dan terus menjadi sumber ekonomi penting kepada rakyat Negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai pelaksanaan projek Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang STRFP yang telah disentuh oleh beberapa ahli Yang Berhormat. Kita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menawarkan sekitar 16,035 lot rumah melalui STRFP untuk generasi baru FELDA di seluruh Negeri Pahang. Justeru itu, saya mewakili generasi FELDA yang berada di bawah kawasan saya, ingin bertanyakan kepada pihak Kerajaan, apakah status semasa pelaksanaan STRFP di Negeri Pahang dan berapa jumlah lot yang telah berjaya diluluskan atau diagihkan setakat ini.

Yang kedua, apakah kriteria pemilihan kawasan FELDA yang terlibat dalam pelaksanaan projek tersebut? Dan ketiga, adakah mempunyai perancangan tambahan, untuk memperluaskan projek ini ke FELDA-FELDA lain, yang mempunyai permintaan tinggi, daripada generasi kedua dan ketiga. Yang keempat adakah kerajaan bercadang menyediakan skim premium rendah atau kaedah bayaran mudah bagi membantu anak-anak FELDA memiliki lot rumah. Saya bangkitkan perkara ini kerana di kawasan saya, ADUN Chenor mempunyi 4 FELDA. FELDA Sungai Nerek, FELDA Kampung Awah, FELDA Jengka 6 dan FELDA Jengka 7. Isu keperluan lot tapak rumah untuk generasi kedua dan ketiga juga semakin meruncing. Ramai anak-anak FELDA, di kawasan ini telah berumah tangga, namun masih belum memiliki tapak rumah sendiri. Ada yang tinggal bersama ibu bapa dalam keadaan sempit dan ada juga yang terpaksa keluar mencari penempatan lain kerana tiada peluang untuk membina rumah di tanah rancangan sendiri. Saya berpandangan bahawa kawasan FELDA di DUN Chenor, juga wajar diberikan perhatian dalam pelaksanaan STRFP yang masa pada masa akan datang.
Sehubungan itu, saya mencadangkan beberapa perkara. Yang pertamanya, Kerajaan Negeri disarankan mengenal pasti tanah yang bersesuaian di FELDA Sungai Nerek, FELDA Kampung Awah, FELDA Jengka 6 dan FELDA Jengka 7 untuk dibangunkan sebagai lot tapak rumah generasi baru FELDA. Yang kedua, saya mencadangkan supaya satu bancian rasmi dilakukan, bagi mengenal pasti rumah jumlah sebenar

generasi kedua dan ketiga FELDA, yang masih belum memiliki rumah di kawasan DUN Chenor. Yang ketiga, kekerapan juga disarankan. Yang ketiga, kerajaan juga disarankan menyediakan kemudahan asas seperti jalan, bekalan air dan elektrik lebih awal supaya kawasan lot rumah yang diwujudkan benar-benar selesa untuk didiami. Yang keempat, saya juga berharap kerajaan memberi keutamaan kepada anak-anak FELDA yang masih menetap dan bekerja di kawasan setempat agar komuniti FELDA terus hidup dan berkembang.

Dato' Sri Speaker, Dato' Speaker, Yang Berhormat Speaker,

Anak-anak FELDA hari ini, bukan meminta kemewahan tapi hanya mengharapkan peluang memiliki sebidang tanah kecil untuk membina rumah dan meneruskan kehidupan di kampung halaman sendiri. Saya percaya jika kerajaan dapat memperluaskan manfaat STRFP secara adil dan saksama, Insya-Allah secara menyeluruh ke kawasan FELDA dan dalam DUN Chenor, ia akan beri manfaat besar kepada rakyat serta memastikan kelangsungan komuniti FELDA di negeri Pahang. Seterusnya, saya ingin membangkitkan satu isu yang sangat dekat dengan masyarakat kampung khususnya di DUN Chenor, iaitu isu ternakan kambing, lembu dan kerbau yang berkeliaran secara bebas di jalan raya dan kawasan awam. Kita akui bahawa masyarakat Chenor sejak dulu memang terkenal dengan budaya penternakan lembu dan kerbau. Malah saya percaya kawasan Chenor antara sebahagian pengeluar kerbau terbesar di negeri Pahang. Ramai penduduk kampung bergantung kepada penternakan sebagai sumber pendapatan sampingan. Malah, tidak kurang yang menjadikan sektor ini sebagai pendapatan utama keluarga. Namun pada hari ini, isu ternak ternakan berkeliaran semakin membimbangkan. Puluhan ekor kerbau boleh dilihat berkeliaran terutama pada waktu malam dan awal pagi di tepi jalan di kawasan kampung malah di jalan utama, keadaan ini bukan sahaja membahayakan pengguna jalan raya, bahkan boleh mengundang kemalangan maut.

Saya melihat penguatkuasaan semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah, sekiranya punca utama tidak diatasi. Antara masalah besar yang yang dihadapi oleh penternak-penternak kecil, ialah kesukaran mendapatkan padang ternak yang sah dan tersusun. Memang kerajaan ada menyediakan kawasan padang ragut atau padang ternak. Namun syarat pemohonan yang terlalu ketat serta keperluan deposit yang tinggi, menyukarkan penternak kecil untuk memohon. Akhirnya ramai penternak tradisional kampung tidak mampu menyertai sistem tersebut dan terus melepaskan ternak, ternakan secara bebas. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat menilai semula syarat-syarat tersebut, supaya lebih mesra rakyat dan sesuai dengan kemampuan penternak kampung. Jangan sampai dasar yang baik, gagal dimanfaatkan kerana terlalu birokrasi dan membebankan rakyat bawahan. Saya juga ingin mencadangkan beberapa perkara yang pertama, Kerajaan Negeri mengenal pasti tanah sesuai di kawasan Chenor untuk dijadikan padang ragut khas secara berpusat. Yang kedua, mengurangkan atau melonggarkan syarat deposit pada bagi penternak kecil dan tradisional. Yang ketiga, menyediakan bantuan pagar, sumber air dan elektrik. Yang keempat, menggalakkan penternak muda menyertai industri ternakan secara moden dan tersusun. Yang kelima, penguatkuasaan dibuat secara berhemah dengan pendekatan pendidikan dan bantuan bukan semata-mata hukum.

Jika isu ini dapat diurus dengan baik, saya yakin Chenor bukan sahaja mampu menjadi pusat penternak kerbau terbesar di Pahang, bahkan boleh menjadi model industri ternak, ternakan desa yang berjaya di negeri ini, kita tidak mahu rakyat kampung dipersalahkan semata-mata sedangkan mereka juga memerlukan ruang bantuan dan sistem yang lebih praktik untuk meneruskan kehidupan.

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin membawa satu aduan rakyat melibatkan kawasan RPK. Kampung Baru Jalan Panjang, Kampung Awah. Dalam pentadbiran JPKK Kampung Dalang, yang telah disuarakan sendiri oleh penduduk kepada saya ketika saya menziarahi dan turun padang di kawasan tersebut. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kawasan tersebut melibatkan kira-kira 94 lot tanah dengan anggaran lebih 38 buah rumah, yang telah berpenghuni walaupun penduduk telah lama menetap di situ, namun masih terdapat beberapa masalah asas, yang sehingga hari ini belum mendapat penyelesaian sewajarnya.

Yang pertama, berkaitan isu bekalan air dan paip utama. Penduduk memaklumkan sehingga kini kemudahan paip utama masih belum disediakan. Akibatnya, mereka terpaksa menggunakan sehingga 6 gulung paip poli untuk menyalurkan bekalan air ke rumah masing-masing. Keadaan ini bukan sahaja membebankan daripada sudut kos, bahkan menimbulkan kesukaran kepada penduduk terutama warga emas dan keluarga yang mempunyai anak kecil. Saya difahamkan pihak JPKK telah membuat permohonan dan pihak berkaitan juga telah turun membuat ukuran di kawasan tersebut, namun begitu sehingga hari ini, masih belum ada kelulusan atau tindakan lanjut dilaksanakan. Saya mohon penjelasan pihak kerajaan, apakah status sebenar permohonan tersebut dan bilakah projek paip utama ini dapat dilaksanakan. Yang kedua, berkaitan sistem perparitan dan longkang. Ketika ini, longkang hanya terdapat di bahagian hadapan lot rumah, manakala di bahagian belakang tiada sistem saliran yang sempurna. Jika berlaku, jika perkara ini dibiarkan berterusan, saya bimbang ia boleh mengakibatkan masalah aliran air hakisan serta menimbulkan salah faham dan mungkin ketegangan antara jiran akibat limpahan air dan sempadan tanah.

Yang ketiga, keadaan jalan di kawasan tersebut juga amat membimbangkan. Jalan sedia ada berbukit curam, sempit dan berbahaya terutama pada waktu malam dan ketika hujan. Ini jelas memberi risiko keselamatan kepada penduduk termasuk penunggang motosikal, warga emas dan kanak kanak. Baru-baru ini saya menerima komen daripada penduduk, di ruangan media sosial saya yang berbunyi, rumah saya hujung sekali, bawah bukit tu. Lorong Merbau jalan kubur lama. Jalan nak turun ke bawah terpalih buruknya. Tanah merah. Kalau hujan ledoit. Dapat tabur batu pun tahan dah. Jadi ini kata-kata, penduduk di situ.

Yang Berhormat Speaker,

Rakyat di kawasan saya khususnya tidak meminta perkara yang mewah. Mereka hanya mohon kemudahan asas yang selamat dan selesa untuk kehidupan harian. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri serta jabatan berkaitan dapat memberi perhatian segera terhadap isu di RPK Jalan Panjang ini demi menjaga kebajikan dan keselamatan penduduk.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga ingin menyuarakan suara *front liner* di dalam sektor kesihatan. Saya faham, bahawa penyediaan ambulans bagi klinik-klinik kesihatan merupakan bidang kuasa Kerajaan Pusat, namun saya tak mahu memandang ringan hal ini, sebagai contoh di Klinik Kesihatan Chenor dan Klinik Kesihatan Kampung Awah. Ambulans yang digunakan sudah berusia lebih 10 tahun. Sepanjang tahun lalu dan tahun ini, banyak kali ambulans tersebut terpaksa dibaiki dan ditinggalkan dalam tempoh yang lama di bengkel. Natijahnya terpaksa meminjam ambulans daripada klinik dan juga hospital.

Dan Klinik Kesihatan Chenor sebagai contohnya terpaksa meminjam ambulans daripada (APM) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Hal ini jika tidak diselesaikan akan menjadi masalah dan menjejaskan perkhidmatan kesihatan yang sentiasa mendesak. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri, agar dapat mengambil pendekatan dengan mewujudkan ambulans khidmat negeri atau ambulans negeri yang dikelola oleh Kerajaan Negeri demi untuk memastikan kebajikan masyarakat terjamin, membantu memudahkan sektor kesihatan setempat, seterusnya memberi impak yang sangat besar kepada pesakit yang sangat memerlukan khidmat kesihatan di hospital secara kecemasan. Kita tidak mahu dalam masalah ambulans ini, memberi kesan buruk kepada kesihatan dan kehidupan rakyat. Saya mohon sekali lagi agar diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Penutupnya, Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha menarik menaik taraf serta penurapan baru jalan di Kampung Dalang sehingga ke Kampung Lanting, Chenor sepanjang kira-kira 3 kilometer. Usaha ini amat dihargai oleh penduduk kerana dapat memberikan keselesaan dan kemudahan kepada pengguna jalan raya serta meningkatkan hubungan perhubungan hubungan penduduk kampung.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin menarik perhatian pihak berkaitan terhadap keadaan jalan yang didapati agak tinggi tanpa penyediaan *side table* dengan izin atau bahu jalan yang sesuai. Keadaan ini dibimbangi boleh mengundang risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya khususnya penunggang motosikal warga emas dan ketika musim hujan atau pada waktu malam. Sehubungan itu, saya berharap pihak berkaitan dapat mempertimbangkan penambahbaikan segera segera seperti penyediaan bahu jalan dan langkah keselamatan yang bersesuaian demi memastikan keselamatan serta keselesaan pengguna sentiasa terjamin. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya juga mengambil kesempatan ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, jabatan-jabatan dan agensi yang bekerjasama dan bertanggungjawab dalam membantu menyelesaikan permasalahan rakyat di DUN saya. Namun jauh di sudut hati saya mengharapkan keadilan, tulus dan telus dan kesaksamaan dalam pimpinan kerajaan negeri kepada kami. Sekadar itulah sahaja ucapan daripada Chenor. InsyaAllah. Kita menyambut baik titah Tuanku agar menjadi pembangkang yang berperanan sebagai semak dan imbang secara konstruktif.

Akhirnya pantun,

Warna putih si itik angsa
Terbang hinggap di hujung kota
Raja lambang kekuatan bangsa
Rakyat bernaung di bawah Payung Mahkota

Chenor mohon menyokong titah Tuanku. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Yang Berhormat Chenor. Seterusnya saya ingin menjemput wakil yang terakhir pada sesi petang hari ini iaitu wakil dari Tioman. Sila.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab] Syukur Alhamdulillah kerana pada petang ini Yang Berhormat Speaker

telah beri laluan kepada saya untuk membahaskan Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang dibacakan penyempurnaannya oleh ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Pahang Ke-15. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, semua barisan Exco dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Sidang Yang Mulia ini, insya-Allah, saya akan membawa dan membahaskan titah Diraja ini dan insya-Allah juga saya cuba ringkaskan sedaya upaya titah Diraja ini memandangkan saya yang terakhir ini petang ni.

Titah Diraja ini memperlihatkan satu ucapan yang bukan sekadar bersifat Istiadat Pembukaan Dewan Negeri tetapi juga dokumen hala tuju Pentadbiran Negeri Pahang bagi tahun semasa. Secara keseluruhannya, titah ini mempunyai nada yang tegas terus terang berorientasikan tindakan dan sarat dengan mesej berkaitan pembangunan ekonomi, kecekapan pentadbiran, hak negeri serta perpaduan rakyat. Dalam titah Diraja ini mempunyai beberapa tema. Tema utama titah terdapat di dalam titah ini. Pertama kemajuan ekonomi negeri. Baginda banyak menekankan pencapaian ekonomi negeri seperti kutipan hasil melebihi satu bilion empat tahun berturut-turut, pertumbuhan KDNK negeri sebanyak 5.7%, pelaburan komited RM18 bilion dan juga sumbangan GLC negeri sebanyak RM3.16 bilion. Ini menunjukkan kerajaan negeri mahu menampilkan Pahang sebagai negeri yang stabil, kompetitif dan berdaya tahan dari segi ekonomi. Yang kedua, pembaharuan birokrasi dan pentadbiran. Antara mesej paling kuat dalam titah ini ialah diperkatakan untuk mempercepatkan proses pelaburan, mengurangkan birokrasi, melaksanakan *fast lane* dan *fast track* serta mendigitalkan urusan kerajaan serta bertindak awal terhadap sesuatu projek yang bermasalah dalam negeri Pahang ini. Baginda juga jelas mahu budaya kerja lama diubah kepada sistem yang lebih pantas dan responsif.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Tema seterusnya penegasan hak Negeri Pahang rata-rata di kalangan Ahli Yang Berhormat menyebut perkara ini. Menyuarakan rasa kecewa terhadap Kerajaan Pusat mempertahan hak negeri berkaitan hasil pasir sungai meminta keutamaan diberi kepada syarikat Pahang dalam bab-bab kontrak di negeri ini kepada anak-anak Pahang dan seterusnya menyebut kemungkinan tindakan undang undang antara kerajaan Persekutuan akan diambil. Ini menunjukkan penegasan autonomi negeri dalam kerangka Persekutuan Malaysia. Seterusnya tema perpaduan dan kestabilan sosial, baginda turut memberi perhatian yang serius terhadap isu 3R sebagaimana rakan-rakan lain yang menyebut tentang agama, kaum dan institusi diraja. Keharmonian antara kaum. Hal-hal yang berkaitan dengan pembinaan rumah ibadat dan kematangan politik sesama Ahli Yang Berhormat ketika menjelang PRU akan datang. Titah ini cuba mengekalkan imej Pahang sebagai negeri yang stabil dan harmoni.

Yang Berhormat Dato' Speaker,
Seterusnya kalau kita lihat titah Diraja ini, gaya bahasa dan nada titah berbeza dengan titah Diraja yang lazimnya sangat formal dan diplomatik. Teks kali ini mempunyai banyak ungkapan seperti bersifat arahan langsung, keras terhadap kelemahan pentadbiran dan menggunakan bahasa rakyat. Contohnya, jangan tunggu dan lihat, kalau perlu tamat, maka tamatkan. Jangan nak bagi muka lagi. Buat kerja lipat gandakan usaha. Gaya ini menjadikan titah lebih dekat dengan rakyat dan menunjukkan imej kepimpinan yang aktif serta tegas. Seterusnya, penggunaan

bahasa campuran moden sepertimana saya sebutkan tadi juga baginda menggunakan istilah *fast lane, fast track, yellow zone, leade*r dalam bidang AI. Ini memberi gambaran bahawa pentadbiran negeri mahu bergerak selari dengan dunia moden dan pelaburan antarabangsa. Titah baginda ini juga beberapa kali mengguna istilah yang berunsurkan *patternalistic* iaitu istilah Kerajaan saya, negeri saya, orang tua saya. Ini memperlihatkan hubungan simbolik Institusi Diraja dengan pentadbiran negeri dan rakyat.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya lihat dari analisis politik, penegasan federalisma negeri, titah ini juga mempunyai mesej politik yang kuat berkaitan hubungan negeri-negeri Persekutuan sebagaimana baginda telah memperkatakan tentang mempertahankan hak hasil negeri, membangkitkan sejarah negeri Melayu Bersekutu dan menuntut pengiktirafan lebih besar kepada negeri Pahang. Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai usaha memperkukuhkan kedudukan negeri. Tekanan politik kepada kerajaan pusat serta seruan supaya kuasa negeri dihormati. Begitu juga kritikan tersirat terhadap birokrasi pusat. Apabila baginda menyebut kelulusan terlalu lambat, hak negeri diketepikan dan rata-rata di kalangan ADUN Ahli Yang Berhormat menyebut tentang eksport pasir dari negeri Pahang ke luar negara. Kalau dulu pernah berlaku dan pernah diluluskan, kenapa ketika ini tidak dibenarkan lagi. Sedangkan ada di setengah negeri dapat kelulusan sampai sekarang. Ia memberikan gambaran bahawa terdapat ketidakpuasan terhadap sistem pentadbiran pusat. Namun, titah Diraja masih dalam kerangka perlembagaan dan tidak melampaui batas institusi.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

Baginda juga turut memberi seruan politik yang matang. Pembangkang bagaimana menjadi agen semak imbang yang konstruktif, kerajaan yang menjaga kebajikan rakyat, sebilang masa dan semua pihak tidak memainkan isu perkauman yang boleh menghuru-harakan keharmonian dan perpaduan kaum. Ini jelas menunjukkan usaha mengekalkan kestabilan politik negeri Pahang ini menjelang pilihan raya ataupun keadaan semasa yang kita alami pada ketika ini.

Seterusnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, analisis ekonomi yang boleh saya bawakan di sini dalam titah Diraja, baginda menyebut dengan jelas dan menekankan aspek pelaburan oleh GLC, pendigitalan, AI, dan pelancongan serta peluang pekerjaan anak muda dan fokus utama dalam ekonomi ini… sektor ekonomi ini antara lainnya menarik pelaburan berkualiti tinggi, mempercepatkan urusan tanah, mengurangkan kerenah birokrasi, memodenkan pentadbiran, mengembangkan sektor pelancongan, mengurangkan penghijrahan belia ke luar negeri dan jelas sekali Baginda melihat ekonomi sebagai asas kekuatan negeri. Seterusnya analisis pentadbiran. Titah ini juga dianggap sebagai amaran pentadbiran kepada semua lapisan pentadbiran dalam negeri. Barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah, Jabatan Teknikal, Kontraktor dan juga Wakil Rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Baginda turut menekankan pemantauan projek, integriti, kecekapan dan tindakan segera dari semasa ke semasa menunjukkan pendekatan *performance oriented governance* dengan izin atau pentadbiran berasaskan prestasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Seterusnya isu sosial dan agama. Sebagaimana rakan-rakan juga menyebut daripada awal sehinggalah ke giliran saya ini tak lekang daripada perpaduan kaum,

penghormatan agama sesama bangsa, isu al-quran dan pembinaan rumah ibadat ini semuanya menunjukkan ketegasan terhadap provokasi, pemeliharaan keharmonian dan kepatuhan undang-undang. Ia mencerminkan usaha mengimbangi sensitif agama dan kestabilan masyarakat majmuk.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Inilah antara mutiara-mutiara Titah Diraja yang saya boleh ulaskan sedikit sebanyak dan cuba ringkaskan dan dalam masa sama saya ingin bawakan sedikit sebanyak daripada kawasan saya.

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin menyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini isu projek tertentu yang berskala ataupun berimpak tinggi di Pulau Tioman. Sebagai contohnya, isu lapangan terbang. Seingat saya hampir 18 tahun ke 20 tahun saya menjadi ADUN Kawasan, saya ingat hampir 3 kali ke 4 kali kelulusan projek lapangan terbang sejak daripada Perdana Menteri Arwah Abdullah Ahmad Badawi kepada Dato' Sri Najib seterusnya kepada Kerajaan Madani. 2 kelulusan satu pemanjangan landasan. Namun begitu, sampai hari ini oleh kerana ada sedikit sebanyak bantahan dari penduduk, maka projek lapangan terbang ini gagal. Sedangkan untuk mendapatkan projek ini bukanlah satu perkara yang mudah. Apatah lagi penduduk ni kita kadang-kadang saya pun tak tahu nak buat pertimbangan. Segelintir nak, segelintir tak nak. Tapi bila kena keadaan petrol diesel ni naik harga, bahan bakar, bahan api ini sampai semua orang pening masa inilah mereka memikirkan kapal terbang pulak.

Jadi, saya pun tak tahu masa monsun timur lautlah saya cerita dalam Dewan Yang Mulia ni maklumlah petang saya bagi masa sikitlah saya orang terakhir dalam ni. Saya ingat lagi kalau monsun timur laut ni saya tengok rekod-rekod jarang ada kepimpinan, maksudnya di kalangan wakil rakyatlah memang nak lepas payah naik bot ni, ombak 3 meter… 2 meter setengah, paling tinggi 4 meter. Kadang-kadang kita terpaksa berlindung di pulau-pulau tertentu, Pulau Aceh… Pulau Layak… kadang-kadang kita terpaksa pulang balik ke pangkalan. Pergi pula esok, begitu cabaran dia. Dan oleh kerana ada pengangkutan udara ini, satu keistimewaan dia kita kena berkorban jugalah. Makna pergi ke Subang, dari Subang kita naik Kapal Terbang Berjaya masa tu, mana kadang-kadang terkejut juga orang di pulau ni wakil rakyat boleh lepas kerana monsun timur laut biasa takde orang datang sebab ombak kuat angin kencang dan sebagainya. Namun begitu, kepimpinan memikirkan untuk mendapatkan landasan kapal terbang yang panjang dan juga err… landasan yang lebih sistematik dan besar. Boleh bawa kapal terbang yang lebih besar. Maksud kata hari ini Berjaya 42 orang kapasiti dan mungkin yang lebih besar sikit macam Airasia. Jadi kita memerlukan landasan sepanjang 1.5 lebih kurang. Namun begitu, yang terakhir sekali lulus untuk pemanjangan dengan RM57 juta tapi ada tarahan bukit sedikit, dapat bantahan, maka projek tersebut gagal. Sekiranya ada pengangkutan udara sedikit sebanyak, pada pengamatan saya… pada pengamatan saya, sekurang-kurangnya kita ada dua pilihan ya, macam orang Kuala Lumpur datang ke…

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Nak mencelah sikit Yang Berhormat, boleh.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ya… ya… boleh.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Speaker, mohon sikit. Terima kasih sahabat saya daripada Tioman. Saya mengikuti dengan rapatlah kelulusan lapangan terbang di Pulau Tioman ni dan saya percaya antara bantahan penduduk kampung tu adalah berhubung dengan pembinaan di Kampung Genting yang katanya melibatkan *coral* dan juga… sepanjang tempoh apa nama ni lapangan terbang itu dibina, dia akan mengakibatkan mata pencarian penduduk di Kampung Genting itu hilanglah dalam tempoh tersebut. Baik, saya nak… nak… memohon pandangan Yang Berhormat ada tak di kawasan lain yang mungkin kita boleh cadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya lapangan terbang ini dapat diteruskan. Saya percaya sepertimana yang disebutkan Yang Berhormat, hasrat untuk lapangan terbang ini sangat-sangat penting dan saya rasa mungkin anjakkan di sebelah Kampung Nipah ataupun di sebelah Salang. Saya rasa dua… dua tempat tu yang tidak ada orang dan tidak melibatkan *coral* yang agak tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih kepada ADUN Lantikan. Soalan itu bagus. Tapi saya tak boleh nak jawab mudah-mudah kerana benda tu *mega structure*. Jadi untuk makluman Yang Berhormat ADUN Lantikan, kalau ikut pengalaman saya pergi ke Pulau Anambas, saya tengok satu kaedah pembinaan kapal terbang dan lokaliti atau lokasi dia juga menarik, mana Pulau Anambas atau Terempat itu berpendudukan ramai orang. Tapi dia buat lapangan terbang di pulau sebelah yang penduduk tak berapa ada. Jadi orang datang ke pulau sebelah itu dan naik bot ke Pulau Terempat yang tidak jauh sejam lebih kurang. Jadi, dia akan memberi impak ekonomi kepada kejiranan pulau-pulau tersebut. Mungkin kita boleh tengok kalau ikutnya kita ada pulau lain, Pulau Sembilang, Pulau Seri Buat, tapi itulah kita ada kekangan taman laut, kita ada alam sekitar dan sebagainya. Apa yang saya nak sebutkan di sini makna proses untuk mendapatkan lapangan terbang ni payah. Kekangan dari segi ekosistem pun ada kekangan. Dan yang terakhir ialah kita dapat buat pemanjangan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja yang berhempas-pulas untuk mendapatkan pemanjangan landasan tersebut.

Saya ikuti rapat permohonan tersebut dengan Kerajaan Pusat masa tu dan nak jadi cerita pun batal juga dan duit tersebut dipulangkan balik kepada Kerajaan Pusat. Itu yang berkaitan dengan lapangan terbang. Jadi statusnya hari ni saya tak pastilah adakah masih diteruskan kerana bagi saya bagus juga lapangan terbang ini kerana penduduk penduduk atau pelancong dari domestik Kuala Lumpur mana boleh datang terus ke Pulau Tioman. Dia payah nak datang naik kereta dari Kuala Lumpur 5, 6 jam… 7 jam. Lepas tu nak naik lagi 2 jam. Jarang berlaku kecuali yang *backpacker*. Okay yang seterusnya, saya mohon sangat dalam Dewan Yang Mulia ini, baru-baru ini kita di Pulau Tioman nak dapat projek ni susah. Saya tahu, mohon lulus, lepas tu batal, kena tarik balik. Lepas tu lulus pulak semula baru ni, tiba-tiba kena *terminate* kontraktor tersebut iaitu bekalan air terawat di Air Batang, Tekek di Pulau Tioman. Projek tersebut memang sangat diperlukan. Namun hari ini pihak KLW akan *tender* semula perkara

tersebut. Jadi, saya mohon mengharapkan kepada pihak Kerajaan untuk memberi keutamaan tentang pemantauan projek sebagaimana Titah Diraja untuk melihat projek-projek ini akan dipantau dan berjalan dengan baik. Seterusnya, ingin saya berkongsi juga dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, er… kargo… jeti kargo ini juga Yang Berhormat sendiri yang mohon, alhamdulillah dah lulus untuk menambah baik jeti kargo tersebut dan sekarang sedang berjalan. Cuma saya mohon pihak JKR meneliti dan er... memastikan jeti ini dalam keadaan yang semua orang boleh pakai. Maksudnya tak nak nanti macam kargo yang lama dah siap tak boleh pakai. Err… jadi hari ini, Alhamdulillah dengan kerjasama er... Pegawai Daerah Rompin dalam Majlis Tindakan Daerah dan juga dalam perbincangan sentiasa memberi teguran dan juga nasihat serta kejar JKR daerah untuk memantau dan juga melihat perkara tersebut supaya semua sekali *in order*.

Seterusnya, er... Yang Amat Berhormat Speaker, projek ni besar juga dan saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja yang mana telah mendapatkan semasa er... pilihan raya yang lalu iaitu stadium mini ya, saya tengok memang di daerah tu memang berkejar-kejarlah. Terima kasihlah kepada Majlis Daerah dan juga YDP serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang dan juga KBS, memang berkejar-kejar tetapi sampai sekarang ni masih lagi menceritakan proses tahap reka bentuk. Kalau ikutlah berapa tahun dah. Saya ingat 2, 3 tahun dah. Jadi harap-harapnya lah dalam Dewan Yang Mulia ini. Perkara ini dapat di er… berlaku sesuatulah di tapak er... projek tersebut. Jadi itu, er… 3, 4 perkara yang melibatkan yang besar besar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Eh, jadi seterusnya sikit lagi sebelum saya mengakhiri. Baru-baru ni juga saya ucap terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Rompin kerana kita Rompin ni destinasi, destinasi pelancongan. Macam-macam aktiviti pelancongan, Exco Pelancongan pun ada bawa dan yang Kerajaan Negeri sendiri. Tourism Pahang dan juga MOTAC banyak. Dan yang terbaru ini Panorama yang berkampung hampir 6 hari di Rompin dan banyak er... aktiviti-aktiviti promosi pelancongan Rompin dan saya kira Panorama ni 1 program yang orang kata agak glamor dan mudah-mudahan dengan adanya program seumpama ini akan menarik lebih ramai pelancong ke daerah Rompin pada masa akan datang. Walaupun hari ini kita dikejutkan dengan terjejas teruk, kehadiran pelancong ke Pulau Tioman. Namun begitu, kita tidak terhenti untuk promosi pelancongan ini walaupun kekangan demi kekangan berlaku. Apatah lagi sekarang ini dengan global isu dan seterusnya er... baru-baru ini juga alhamdulillah baru siap dan kita pun dah terima oleh Majlis Daerah iaitu dataran hiburan yang hampir RM8 juta punya kos dah siap sepenuhnya dan juga Dataran Karavan. Saya ucap terima kasih dan ini antara perkara-perkara yang memberi impak kepada pelancongan di daerah Rompin dan seterusnya kepada TDA saya pun ucap terima kasih kerana banyak program-program dan pembangunan infra telah dibawa ke Pulau Tioman dan dalam Mesyuarat *Board* juga selalu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, selaku Pengerusi menekankan pembangunan yang proaktif ya, *follow through* tu last sekali kena ada.

Cuma beberapa isu. Kadang-kadang tu biasalah yang kita ada yang terkini Via Ferrata yang tangga besi mendaki Gunung Nenek Semukut. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kebawah Duli Paduka err... Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang kerana berjaya satu-satunya putera diraja ataupun putera raja yang menawan Gunung Nenek Semukut dengan jayanya. Tahniah dan syabas ya.. Cuma baru-baru ini saya juga nak sebut kepada rakan-rakan di dewan ini. Kita ada replika burung Tiong di Dataran Tioman itu. Tapi biasalah benda yang kita rasa ada unsur-unsur pelancongan ni yang boleh menarik minat. Kadang-kadang netizen ni dia banyak juga komen itu komen ini. Tapi saya dapat 1 *WhatsApp*. *WhatsApp* kepada saya seolah-olah macam wakil rakyat

bawa berhala ke Pulau Tioman. Jadi kebetulan saya ni ada sikit sebanyak belajar dan sikit sebanyak membaca dulu masa belajar-belajar tu. Jadi teringat saya dalam kitab Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran menyatakan bahawa yang dikatakan berhala atau kategori klasifikasi berhala ialah kalau patung-patung yang menjadi sembahan bagi orang Islam punya persepsi ataupun anutan agama Islamlah. Saya nak beri faham kepada kawan-kawan Non-Muslim makna dalam Islam ini kalau er... replika patung yang tidak menjadi sembahan di kalangan bangsa dianggap itu bukan sebagai berhala dan diharuskan ya.

Jadi, saya terpaksa jawab ya. Rupa-rupanya tak jauh orangnya. Orang kerja jabatan juga tapi tak ada masalah. Bukan nak kita jabatan atau swasta tapi dia nak tahu. Jadi bila saya beri jawapan gitu, maknanya terlerailah permasalahan dia mengatakan kita bawa berhala ke Pulau Tioman. Sedangkan itulah juga yang hari ini saya tengok bila pelancong-pelancong datang di situlah tempatnya bergambar. Kita dapat replika burung tiung itu dengan dataran sekali RM450,000.00 daripada MOTAC. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan juga terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Jadi sebelum saya mengakhiri er… titah apa bahas Titah Diraja ini ingin saya baca 2 rangkap pantun.

Tuanku umpama bulan purnama
Bersinar dan sejuk Indah sekali
Raja dan rakyat berpindah berpisah tiada
Tuanku cakna sejak dulu hingga kini.

Tuanku ibarat pohon yang rendang
Tempat bernaung rakyat jelata
Pahang 1st sering didendang
Rakyat harmoni gembira sejahtera.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Titah Diraja. Sekian, Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Tioman, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini saya perhatikan seramai 15 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama Yang Berhormat. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita akan disambung semula pada hari Khamis, 14 Mei 2026 bersamaan 26 Zulkaedah 1447 Hijrah, bermula pukul 9.30 pagi. Terima kasih, persidangan ditempohkan, Insya-Allah.

[Persidangan ditempohkan]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEEMPAT
14 MEI 2026 (KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KEEMPAT: 14.5.2026 (KHAMIS)

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	KEHADIRAN	i - iv
2.	DOA	1
3.	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 30
4.	MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG – SESI PAGI	30 - 54
5.	SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG – SESI PETANG	55 - 116
5.	PENEMPOHAN	116

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 14 MEI 2026 (KHAMIS)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP. - Padang Tengku

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Keempat (Khamis)	:	14 Mei 2026 Bersamaan 26 Zulkaedah 1447 Hijriah.
Masa	:	9.34 pagi

DOA

Bacaan doa. Al-Fatihah.

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat, pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang utama… yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur kerana dapat meneruskan persidangan pada hari ini. Sebelum kita memulakan aturan mesyuarat, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang berbesar hati menyumbangkan produk usahawan FELDA kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan Ketua-ketua Jabatan. *Goodies bag* tersebut telah diedarkan oleh urus setia dan diletakkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Sentul untuk mengemukakan pertanyaan. Sila, Yang Berhormat. Kuala Semantan. *Sorry*.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan pagi ini soalan saya nombor 1. Terima kasih.

> [Berapakah jumlah keseluruhan panjang paip bekalan air lama dan uzur di negeri Pahang yang telah dikenal pasti dan perlu diganti, berikan perincian mengikut daerah?
>
> Bolehkah Kerajaan Negeri menyatakan status kemajuan terkini kerja-kerja penggantian paip bekalan air lama dan uzur mengikut pecahan daerah di seluruh negeri Pahang?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera, salam Maju Terus Pahang, salam Pahang 1st. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kuala Semantan yang bertanyakan soalan berkenaan dengan jumlah keseluruhan panjang paip bekalan air lama dan uzur negeri Pahang yang telah dikenal pasti dan perlu diganti. Jadi, Yang Berhormat minta supaya diperincikan dan Yang Berhormat daripada Semantan juga bertanyakan bolehkah Kerajaan Negeri menyatakan status kemajuan terkini kerja-kerja penggantian paip bekalan air lama dan uzur mengikut pecahan daerah di seluruh negeri Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kuala Semantan, negeri Pahang ketika ini mempunyai keseluruhan rangkaian sistem agihan paip yang menjangkau hampir 15,000 kilometer di seluruh negeri… di seluruh negeri Pahang iaitu meliputi kawasan bandar, luar bandar, kawasan pedalaman serta kawasan dengan bentuk muka bumi yang mencabar. Berdasarkan analisis teknikal yang dilaksanakan oleh Pengurusan Air Pahang Berhad, dianggarkan kira-kira 23% atau kira-kira 3,400 kilometer daripada keseluruhan sistem agihan paip di negeri Pahang masih menggunakan paip jenis *Asbestos Cement* ataupun AC dan akan diganti kepada paip jenis *Mild Steel Cement Lining* ataupun MSCL. Daripada jumlah tersebut, daripada jumlah 3,400 kilometer, Kerajaan Negeri komited untuk menggantikan sepanjang 607.3 kilometer paip yang telah dikenal pasti berada pada tahap sangat kritikal, usang dan mengalami kekerapan pecah yang tinggi. Ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan Negeri bermula tahun 2022 dan akan terus dilaksanakan secara berfokus dan berperingkat sehingga tahun 2031.

Manakala soalan kedua, status kemajuan terkini kerja-kerja penggantian paip. Daripada 607.3 kilometer tersebut, telah siap dilaksanakan 94.3 kilometer. Kalau mengikut daerahnya, Yang Berhormat daripada Semantan ya, saya pecahkan juga mengikut daerah. Di Kuantan ada 105 kilometer, yang kita telah buat ganti 3.1 kilometer, dalam pra pembinaan 102 kilometer. Manakala Rompin, 46.5 kilometer panjang paip, telah siap dilaksanakan 1.5, dalam perancangan 45 kilometer. Manakala Pekan, jumlah panjang paip 36.9, siap dilaksanakan 10.9, dalam prapembinaan 26. Raub 65.6 kilometer, siap dilaksana 36.6, prapembinaan 29. Lipis 131, belum ada yg siap tetapi dalam pembinaan 32 kilometer, prapembinaan 99. Jerantut 73 kilometer, belum ada yg siap tetapi dalam pembinaan 46 kilometer, prapembinaan 27. Maran 62.7 kilometer, siap dilaksanakan 30.7, dalam pembinaan 23, prapembinaan 9. Temerloh 31.7 kilometer, jumlah panjang paip yang telah siap dilaksanakan 10.7, prapembinaan 21 manakala Bera 23, belum ada yang siap, masih dalam prapembinaan 23. Bentong 31, prapembinaan 31. Cameron Highlands, 0.8 kilometer

siap dilaksanakan 0.8 kilometer. Jadi, jumlah paip 607.3 panjangnya yang telah siap dilaksanakan 94.3, dalam pembinaan 101, prapembinaan 412. Insya-Allah Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan PAIP akan komited, beriltizam dalam memperkukuhkan sistem bekalan air negeri demi memastikan penyampaian perkhidmatan air yang lebih cekap, stabil, berkualiti serta mampu memenuhi keperluan rakyat dan menyokong pembangunan negeri secara mampan. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih Yang Amat Berhormat. Sila, Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker,

Saya ingin mengemukakan beberapa soalan tambahan ya tapi sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana perkara berkaitan dengan paip ini sangat dekat di hati Kerajaan Negeri dan saya melihat dalam bajet yang dibentangkan pada persidangan dewan yang lalu, kita pernah disasarkan pada tahun 2026 akan mengurangkan dan meminimakan masalah air ini dan sentiasa memberi komitmen yang tinggi untuk menyediakan bekalan air yang terawat sebaik mungkin.

Soalan tambahan saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, berapakah kos keseluruhan kerja-kerja penggantian paip ini dan boleh nyatakan tak sumber dana kerja-kerja tersebut? Soalan pertama dan soalan kedua, sekiranya setelah keseluruhan paip lama dan uzur digantikan, berapakah Non-Revenue Water atau NRW yang bakal dikurangkan? Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya dari Tioman. Memang benar dalam pembentangan bajet yang lalu, kita mensasarkan er... sekurang-kurangnya 90% masalah air di negeri Pahang ni, kita dapat selesaikan. Mengikut angka yang ada pada saya yang diberi oleh pihak PAIP, bahawa 4 daerah telah melepasi 90% kawasan-kawasan *black spot* iaitu di Maran apa… di Kuantan 91%, di Temerloh 90%, Bentong 92%, Raub 90%. Makna telah melepasi sasaran. Manakala yang hampir melepasi sasaran Jerantut setakat hari ni 89%. *Anytime*lah boleh sampai. Kemudian diikuti oleh Cameron Highlands 88%, manakala Bera 87%, Rompin 84, Pekan 81%, er... yang tercorot sikit yang bawah daripada 80% ialah Lipis. Ini kawasan rakan saya dari Benta dan juga Jelai dalam daerah Lipis. Saya tak tahu pasal apa PAIP ni dia Lipis ni dia belum lagi. CEO PAIP pun orang Lipis kalau tak silap saya. Jadi er... ini macam diskriminasi pulak [Ahli Dewan ketawa] diutamakan tempat lain. Tapi memang kita minta selesaikan dulu tempat lain, tempat kita tak apa, Benta, Jelai, Padang Tengku okey, kita berkorban untuk kawasan-kawasan yang lain. [Ahli Dewan menepuk meja].

Manakala soalan er... pertanyaan selebihnya iaitu untuk kita tukarkan semua paip-paip ni Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua memerlukan lebih kurang RM3 bilion… RM3 bilion kalau kita nak gantikan semua daripada… daripada AC kepada MISL tadi. Jadi er… setakat ni kita fokus kepada 607.3 kilometer, itu pun melibatkan perbelanjaan

sebanyak RM290 juta. Ha… inilah yang kita komited untuk kita buat. Manakala NRW dengan izin Timbalan Yang di-Pertua, Non-Revenue Water Kebangsaan, er... oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) RM138.2 juta dan peruntukan bagi paip berserta pinjaman pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad iaitu RM146.5 juta. Jadi, inilah bajet yang kita dapat dan insya-Allah perkara ini masalah air ini akan diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila, Kuala Semantan.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan jawapan yang saya kira jelas er... cuma saya ingin er… menambah dengan soalan tambahan. Apakah kriteria yang digunakan oleh pihak PAIP dan juga Kerajaan Negeri dalam menentukan sesuatu paip bekalan air itu dikategorikan sebagai uzur dan perlu diganti sebab rata-ratanya masyarakat kita ini di mana-mana pun dia rasa tempat dialah yang selalu pecah dan perlu cepat diganti. Itu yang pertama dan yang keduanya, adakah Kerajaan Negeri mempunyai tempoh masa yang ditentukan untuk menyelesaikan masalah penggantian paip-paip lama dan uzur ni? Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Semantan. Kriteria ini tidak ditentukan dengan sewenang-wenangnyalah. Maknanya CEO tidak dia bangun pagi dia fikir hari ni nak buat di Lipis, nak buat di Tanjung Gahai, contoh tidak. Dia ada *technical team* dia. Dia ada pasukan khas yang akan menentukan di manakah er… paip tersebut perlu diganti dan ini er… melihat kepada kadar kebocoran air pada sesuatu tempat tersebutlah. Tetapi lazimnya PAIP telah mengenal pasti kawasan *blackspot* yang kita panggil *blackspot* yang sering menghadapi masalah gangguan air. Itu yang pertama er… manakala berhubung dengan tempoh masa ini, kalau kita mendapat peruntukan yang banyak sepertimana yang dipohon, saya ingat dalam masa setahun, 2 tahun boleh selesai. Masalah sekarang ni kekangan peruntukan daripada er… Kerajaan Persekutuan dan ini yang menyebabkan kita terpaksa mengikut prioriti mengikut *blackspot* dan kawasan *blackspot* dan sebagainya. Tetapi usaha-usaha untuk mendapatkan peruntukan ini kita masih teruskan daripada semasa ke semasa dan yang lebih er… menguntungkan kita kerana PAIP sendiri telah pun berjaya mencipta keuntungan [Ahli Dewan menepuk meja] dan mereka boleh gunakan dana dalaman untuk memastikan paip-paip yang uzur ini dapat diganti. Kalau dulu 100% bergantung dengan Kerajaan Pesekutuan. Sekarang kita ada bajet dalaman yang boleh membantu kita mempercepatkan lagi.

Jadi, Yang Berhormat daripada Kuala Semantan jangan bimbang, jangan risau, kita akan usahakan kerana masalah air ini masalah kita bersama. Masalah yang sangat penting dan yang sangat dituntut oleh rakyat negeri Pahang supaya kita dapat

selesaikan dan kerajaan pun telah bagi jaminan 90% masalah air di kawasan *blackspot* akan kita selesaikan menjelang akhir tahun ini. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er… terima kasih. er… saya ada 2 soalan tambahan. Kalau kita lihat dalam sasaran Kerajaan Negeri untuk NRW… untuk pada tahun 2028, sebanyak 39.25% sekarang ni dia 47.7%. Jumlah itu agak besar dan saya lihat tentang peruntukan macam yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar RM138.2 juta daripada peruntukan pusat dan RM146.5 juta ialah peruntukan pinjaman negeri. Saya tengok er… dalam pendekatan dia RM3 bilion ada 3 pendekatan peringkat kebangsaan. Dan pendekatan ini sebenarnya yang 1 jer pendekatan 1 yang yang kita dapat pinjaman. Dua-dua lagi sebenarnya tiada langsung negeri-negeri yang sebahagian besar termasuk Pahang tidak dapat apa-apa. Saya pernah cadangkan waktu di kementerian supaya Kerajaan Pusat memperuntukkan sejumlah er… keseluruhan tempoh untuk penggantian paip sebab negeri RM3 bilion tak mampu, tak ada negeri yang mampu untuk tukar paip RM3 bilion untuk negeri.

Jadi soalan saya ialah er… sejauh mana kerajaan dapat berusaha untuk tingkatkan jumlah peruntukan pusat kepada negeri dapat dipertingkatkan. Pendekatan 1, ganti… ganti tangki air, paip sebagainya tapi sangat-sangat minima. Kita bayangkan RM138.2 juta sedangkan peruntukan sebenar hampir RM3 bilion. Bila kita dapat siapkan penggantian paip, kalau tidak Kerajaan Pusat bantu, saya harap perkara ini dapat kita ketengah. Yang keduanya ialah ada 4 punca yang NRW ini di antaranya ialah sambungan haram selain faktor paip uzur dan sebagainya. Cuma saya dapat maklumat berapa peratuskah er… kerugian NRW berpunca daripada sambungan haram yang berlaku di negeri Pahang. Sekiranya data mungkin… bertulis pun tak apa. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka yang bertanyakan er… pertama sekali berkenaan (NRW) Non-Revenue Water. Yang kedua, berhubung dengan peruntukan RM3 bilion. Bilakah akan dapat diperoleh? Sasaran yang kita buat sehingga kini ialah insya-Allah dalam masa 6 tahun, kita berupaya mengurangkan sebanyak 7.5% NRW daripada 47% kepada 39.5%. Ini sasaran kita minima dan kemungkinan boleh pergi lebih daripada itu bergantung kepada kedudukan kewangan yang ada pada kita. Berkenaan dengan RM3 bilion ini peruntukan ni Yang Berhormat daripada Cheka, Kerajaan Negeri tidak putus-putus berusaha untuk mendapatkan peruntukan. Bukan sahaja dengan cara menulis surat, malahan kita mengadakan pertemuan. Saya telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, mengadakan pertemuan dengan Menteri Kerja Raya. Saya bawa pasukan kalau JKR Kerja Raya, saya bawa pengarah dan sudah tentu diikuti oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan begitu juga dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, ini bersemuka. Kita bawa angka bagi tahu ini keperluan negeri Pahang dan malahan apa jua perkara yang kita boleh selesaikan sendiri Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contohnya, apabila musim perayaan daripada Bentong ke Raub, tidak ada R&R dan ini menjadi tohmahan netizen di media sosial tetapi ditujukan kepada Kerajaan Negeri dan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak menyediakan tempat R&R dan ini menyebabkan berlaku pembuangan sampah, *pampers,* tempat nak buang air besar, air kecil dan sebagainya dan apa yang kita buat? Kita buat… mohon dengan Kerajaan Persekutuan tetapi apabila saya berbincang dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan untuk membina R&R sementara hanya memerlukan RM2.6 juta, hanya memerlukan RM2.6 juta. Kita bagi tahu Persekutuan, tak apa Kerajaan Negeri buat dulu RM2.6 juta ni, ambil alih tanggungjawab ini tetapi hendaklah diganti semula. Takkan kita nak jawab, media sosial nak jawab er… ini bukan masalah orang Pahang, ini masalah orang yang balik ke Kelantan. Bila perayaan dia nak balik ke Kelantan, R&R tak ada dia berhenti kat situ dia buang *pampers* dan sebagainya tetapi yang dapat nama buruk Kerajaan Negeri. Tetapi sebab er… Pahang kerajaannya sangat prihatin kita ambil tanggungjawab tersebut [Ahli Dewan menepuk meja] dan kita buat R&R walaupun dengan kos RM2.6 juta. Itupun kita minta balik dengan Kerajaan Persekutuan sampai sekarang tak dapat lagi. Baru RM2.6 juta er… jadi ini masalah-masalah yang kita hadapi dan er… kita sangat menyedari bahawa perkara ini perlu diatasi, perlu diambil tindakan segera dan sebab itulah PAIP, saya dah bagi tahu kepada PAIP er… buat pastikan kita tidak rugi er… maknanya pastikan PAIP er… ada keuntungan tanpa menyusahkan rakyat dan apabila PAIP ada keuntungan kita gunakan mana-mana yang patut kita guna dulu. Dalam masa yang sama, kita mohon dengan Kerajaan Persekutuan. Saya oleh sebab Yang Berhormat Cheka ini bekas menteri pada masa itu, kalau Yang Berhormat Cheka lulus RM3 billion, tak ada masalah sekarang ini tapi apa nak buatkan [ketawa]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya saya menjemput ADUN Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih er… Tuan Yang di-Pertua. Saya nak berpantun la sedikit soalan ini.

Indah sungguh sarang tempua,
Berada sebelah sarang penyengat,
Soalan saya nombor dua,
Mohon jawapan jangan panjang sangat.

[Berapakah jumlah sekolah kekurangan murid di Pahang mengikut daerah, dan apakah dasar serta pelan bertempoh kerajaan negeri untuk menanganinya termasuk mitigasi pengangkutan murid, pengekalan kualiti pengajaran, dan langkah mengelak keciciran khususnya di luar bandar?]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Assalammualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali, terima kasih kepada ADUN Cheka yang er… berpantun mengemukakan soalan nombor 2. Jadi belum jawab pun dah makan masa dah. Nak jawab itu jadi saya terus nak pergi kepada jawapanlah kalau tidak nanti nak memikir nak mengarang pantun nak jawab itu makan masa. ADUN Cheka bertanyakan jumlah sekolah kekurangan murid di Pahang mengikut daerah dan apakah dasar serta pelan bertempoh Kerajaan Negeri untuk menangani termasuk mitigasi pengangkutan murid, pengekalan kualiti pengajaran dan langkah mengelak keciciran khususnya di luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Soalan daripada Cheka ini adalah satu soalan yang baik berkaitan dengan pendidikan dan kita lihat ianya cukup relevan dan er… setelah meneliti soalan ini pasukan saya terutama sekali daripada Jabatan Pendidikan telah menyediakan jawapan, Yang Berhormat Cheka. Jawapan dia saya ingat berapa muka surat er… [Ahli Dewan ketawa] sebab apa soalan yang ditanya oleh Cheka ini dia merangkumi pelbagai aspek. Kalau dia tanya berapakah sekolah yang kurang murid saya jawab terus 150 er… negeri Pahang tapi dia tanya yang soalan-soalan lain iaitu soalan-soalan lain itu er… itu yang muka surat ini kira er… kiranya *font* 12. Ini berapa banyak muka surat tapi saya er… saya cubalah untuk menjawab dalam masa yang ringkas.

Pertama sekali, sepertimana yang saya nyatakan iaitu ada 150 buah sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah kurang murid er… *sorry* ini 210. Sebenarnya bila dipanggil sekolah kurang murid ini ialah sekolah yang muridnya kurang daripada 150, ia banyak kategori. Jadi kalau kurang pada 150 dikatakan sekolah kurang murid. Di seluruh negeri Pahang terdapat 210 buah sekolah yang kekurangan murid iaitu pecahan dia kalau ikut daerah Lipis 33 buah, Temerloh 28, Raub 26, Jerantut 25, Maran 22, Bera 17, Bentong 16, Pekan 15, Cameron Highland 14, Kuantan 9 buah dan Rompin 5 buah sekolah. Dan er… kalau di Lipis itu maknanya di Cheka ada 9 buah, YB Cheka yang sekolah kurang murid. Dan er… lebih 83% berada di luar bandar dan 7 buah sekolah berstatus pedalaman terutama sekali di Jerantut dan di Rompin. Dan ianya berkait rapat dengan taburan penduduk dan faktor geografi, akses jalan dan jarak perjalanan murid bukan sekadar bilangan sekolah semata-mata maknanya kita ini er… dia sambil kita pamerkan dia punya fakta itu, persoalan di sinikah menunjukkan bahawasanya pihak kerajaan bawah Kementerian Pendidikan mencakna agenda pendidikan ini kalau dikajikan betul-betul ada sekolah kurang murid itu misal contohnya, dia boleh pergi er… ke sekolah yang berdekatan mungkin dalam 5 km ataupun 8 km er… kurang daripada 10 km.

Tetapi oleh kerana kecaknaan er… pihak kerajaan dibina juga sekolah di kawasan yang er… pedalaman tersebut termasuk di kawasan Orang Asli. Jadi itu sebabnya sekolah ada, guru-guru ada, tetapi muridnya kurang dan er… dikaitkan pula misal contohnya dari segi mitigasi, bila jauh itu pengangkutan dia melibatkan pengangkutan, maka Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama KPM dan agensi berkaitan sentiasa mempastikan infrastruktur jalan raya dan jeti ditambah baik untuk mempastikan perjalanan ke sekolah lebih selamat dan pantas iaitu dia menggunakan kemudahan-kemudahan termasuk pengangkutan bot. Saya *zero down* ke er… kawasan Chekalah er… contohlah Kuala Kenong. Sekolah Kebangsaan Kuala Kenong ini dia muridnya tak ramai, jangka dalam 13 orang dan ada 4 orang murid yang duduk di seberang Sungai Jelai yang memerlukan dianya pergi ke sekolah menggunakan pengangkutan bot. Jadi yang itu yang kita pastikan bahawasanya pengangkutan itu sendiri dapat kita er… kita bantulah.

Dan dalam konteks seumpama itu, ada juga ADUN Cheka bertanyakan daripada segi keselamatan murid terutama sekali masa musim tengkujuh dan ini bukan saja di er… di Kuala Kenong, di er… di Tembeling, di Rompin dan kita nak pastikan supaya apabila perjalanan harian murid ini pergi ke sekolah ini tadi kita nak pastikan keselamatan dia, bot dia, jadi bekalkan er… kita bekalkan jaket keselamatan dan juga kita er… bekerjasama dengan agensi-agensi lain, JPAM misal contoh Jabatan Pertahanan Awam dan agensi yang lain termasuk JPS, masa musim tengkujuh dia tengok kalau paras air itu meningkat. Jadi kita akan maklumkan supaya bersedia ini langkah-langkah, antara Langkah-langkah yang diambil mitigasi untuk pastikan ianya… perjalanan er… anak-anak ini tadi selamat misal contohnya. Kemudian er… ada di setengah-setengah tempat kita menyediakan asrama nak pastikan pelajar-pelajar ini tadi tidak terganggu maknanya dari segi oleh kerana perjalanan jauh, misal contohnya nak ke sekolah, ada setengah-setengah sekolah disediakan asrama. Dan ini sebenarnya terdapat di beberapa tempat di mana kemudahan asrama disediakan antaranya ialah di kawasan Tembeling. Di kawasan sekolah menengah er… SK Sekolah Kebangsaan Mat Daling, Kuala Tahan, Kampung Pagi, Ulu Tembeling dan Kuala Sat. Dan er… dibinanya asrama dan er… ini apa nama er… kapasiti asrama ini misal contohnya di Sekolah Kebangsaan Mat Daling optimum penghuni asrama ialah 44, bilangan penghuni hanyalah 29 iaitu 66%.

Di Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan 50 kapasiti dia 30 sahaja yang dipenuhi iaitu 60%. Di Kampung Pagi 50 kapasiti asramanya tapi 17 sahaja yang menghuninya kecuali di Ulu Tembeling iaitu 30 dan 30 er… yang menghuninya 100%. Begitu juga di Kuala Sat 30 er… tempat yang ditempatkan yang diperuntukkan 30 er… yang menghuninya dan antara faktor mengapa tidak ramai yang duduk di asrama ialah murid lebih selesa berulang-alik dari rumah. Er... kerana jarak dia tu dikira *accessible,* dengan izin. Jadi tak nak memilih duduk di asrama dan aspek psikososial lebih selesa duduk dengan keluarga. Tidak mahu berjauhan pada usia yang muda dan juga perubahan demografi kampung di mana keperluan tinggal di asrama tu dia tak adalah maknanya. Jadi sebab tu kita lihat ini antara langkah-langkah mitigasi yang diambil oleh pihak kerajaan. Manakala kalau dia bertanyakan misal contoh ADUN Cheka bertanyakan bagaimana pengekalan kualiti pengajaran. Walaupun murid kurang, guru tetap ada untuk mengajar. Saya bagi contoh… saya bagi contoh, sebab yang bertanya ni Cheka macam di Kuala Kenong, jadi di Kuala Kenong kita lihat bahawasanya sekolahnya dia sekolah kurang murid Kuala Kenong, Batu 9, Jeram Bungor. Jadi apabila kita nak melaksanakan aktiviti termasuk kokurikulum, bagaimana nak menganjurkan? Macam sukan tahunan, jadi apa yang berlaku, ketiga-tiga sekolah ini bergabung di Jeram Bungor, Batu 9, Kuala Kenong dia bergabung dia buat sukan bersama. Jadi, bila sukan bersama kokurikulum tadi laksanakan secara memberi manfaat walaupun di sekolah-sekolah ada sekolah terdapat sekolah yang kurang murid. Jadi aspek kokurikulum di… di… di… dititikberatkan juga supaya dapat anak-anak ini tadi menjadi diberikan motivasi untuk terus pergi ke sekolah, mengikuti aktiviti sepertimana yang sekolah-sekolah lain.

Dan ini adalah satu langkah yang sebenarnya sepertimana yang disebutkan awal tadi secara *adaptive*. Dia tengok pada kawasan tu lihat pada kesesuaian tempat dan kita akan laksanakan melalui pendekatan yang dibuat oleh kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Sebab itu dalam konteks seumpama ini macam struktur sekolah, walaupun sekolah kurang murid guru besar ada, GPK tetap ada, guru penolong kanan misal contohnya kalau ikut misal contohnya murid tak ramai, tapi tetap ada 3 guru penolong kanan, hal ehwal murid, pembelajaran dan juga koko. Jadi maknanya dalam konteks seumpama ni, yakinlah bahawasanya pihak kerajaan sentiasa memberikan penekanan kepada aspek pendidikan ini sendiri.

Malahan kalau kita lihat dari segi masyarakat Orang Asli, misal contohnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang sendiri. Setelah meneliti kawasan Jelai sendiri melihat kepada faktor keciciran yang berlaku di kalangan masyarakat Orang Asli yang berada di pedalaman. Jadi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah memperkenal atau mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewujudkan sekolah dipanggil komprehensif. Sekolah Komprehensif K dan diperkenalkan sekolah K9… K9 di Betau misal contohnya. K9 di Betau ini ialah K… sebenarnya K ni Komprehensif 9. Bermula dengan K9 iaitu Tahun 1 sampai Tahun 6 dan Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3. Jadi 9 tahun ditempatkan di satu tempat yang sama, makna sekolah… sekolah rendah dan sekolah menengah rendah disediakan di tempat yang sama supaya kita dapat mengelakkan keciciran di kalangan Orang Asli. Setelah itu, Yang Amat Berhormat Diraja Menteri Besar sendiri telah mencadangkan supaya dinaik taraf sekolah di Betau ni menjadi K11 iaitu sampai Tingkatan 5. Alhamdulillah, pihak kementerian telah meluluskan dan ini di antara contoh pendekatan bagaimana usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar termasuk di kawasan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri dan dengan persetujuan daripada pihak kementerian mewujudkan sekolah yang berbentuk seumpama ini.

Dan ini telah memberikan kesan impak yang begitu besar dan insya-Allah, ianya juga akan menyumbang kepada prestasi yang apa nama negeri sendiri. Dalam aspek persijilan macam SPM macam tahun 2025 yang lepas, pencapaian kita cukup baik meningkat dengan hebat hingga kita dikategorikan sebagai negeri yang kedua. Tetapi atas saranan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, saya juga telah bersetuju. Maknanya bangkit dengan Yang Berhormat Menteri. Mana mungkin kita meletakkan Putrajaya sebagai sebuah negeri sedangkan di Putrajaya hanya 6 buah sekolah sahaja dan Putrajaya nombor 1 nak dibandingkan dengan Pahang yang kita ada 199 buah sekolah yang mana pelajarnya terdiri daripada kalangan anak-anak daripada Orang Asli. Di Putrajaya, misal contohnya anak-anak di kalangan pegawai-pegawai kanan, YB Menteri, KSU-KSU, Ketua-ketua Pengarah. Sedangkan kita di Pahang kita ada pelajar-pelajar dari kalangan masyarakat Orang Asli. Ini semua berjaya diperolehi hasil daripada sistem pendidikan dan struktur sekolah yang ada di negeri Pahang ni sendiri termasuk di kawasan pedalaman termasuk di kawasan Orang Asli. Malahan kita di kawasan pedalaman, di kawasan masyarakat Orang Asli, kita ada bantuan orang kata untuk pengangkutan bot ni kita bagi bantuan lagi subsidi untuk membolehkan anak-anak masyarakat Orang Asli ini hadir ke sekolah tanpa diberikan bebanan.

Dan untuk makluman uniknyalah mungkin Yang Berhormat Cheka mungkin sedia maklum ya di Kuala Kenong tu kantin… kita ada kantin, walaupun sekolah kurang murid, kantin beroperasi macam biasa di Kuala Kenong tu. Jadi kantin tu beroperasi tapi uniknya kita ada Rancangan Makanan Tambahan (RMT) semuanya layak. Jadi, setiap keluarga tu dia menjadi macam seolah-olah macam kantin operator. Hari ini keluarga ni buat bagi makan untuk semua apa nama murid dan dia akan beri bayaran. Esok keluarga lain pula buat, dia bagi begitu. Seterusnya, begitulah. Jadi uniknya, jadi kita ambil pendekatan yang paling terbaik. Manakala di SJKC Mela, kantin ada tetapi dengan persetujuan ibu bapa, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Mela ni pun sekolah kurang murid. Jadi, di situ persetujuan telah diambil iaitu ibu bapa membekal makanan untuk anak-anak. Jadi, kantin dia tak *operate*lah. Maknanya masing-masing dia bawak makanan *tapaw,* misal contohnya. Jadi, apa yang dilaksanakan ini ialah satu pendekatan yang cukup berhemah… dan cukup berhemah dan insya-Allah maknanya apabila kita bercakap pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan, Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Negeri, kita lihat agenda pendidikan ini tidak akan dipinggirkan.

Dan kalau sekiranya ada di mana ada kekurangan di sana sini almaklum sahaja ianya kita ada banyak sekolah. Saya mohon Ahli Dewan Yang Mulia ini termasuklah wakil daripada Cheka maklumkan kepada pihak kerajaan, insya-Allah demi kepentingan bukan sahaja anak kita, cucu kita, cicit kita tetapi demi kepentingan negeri kita yang mana inilah modal insan yang akan mengisi saf-saf kepimpinan di masa depan. Maklumlah, insya-Allah pihak Kerajaan Negeri memberi jaminan akan bekerja dengan kerjasama dan mengambil kira, memberi perhatian dan akan melaksanakannya melalui JPNP dan juga Kementerian Pendidikan untuk pastikan agenda pendidikan anak-anak yang ada di negeri Pahang ini menjadi satu agenda yang tuntas untuk demi masa depan negeri dan negara yang tercinta. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Speaker, saya nak pantun je, nak… [ketawa].

Beza sikit dengan Cheka,
Biar Exco jawab berjela-jela,
Rindu kat Benta, Isnin, Selasa,
Petang Rabu baru menjelma.

Biarlah cakap panjang sikit tak apa. [Ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Speaker [ketawa],

Saya er... ADUN Luit ni memang dia istimewa sikit, dia ada tu. Saya pun sebenarnya kerinduan teringatkan tu. Saya minta maaf sebenarnya hari tu ada urusan keluarga yang perlu saya selesaikan. Sebenarnya bercakap pasal pendidikan, saya pernah teringat arwah ayahanda saya dia maklumkan kepada saya. Dia maklumkan dia kata… beliau mengatakan… tidak… bukan harta yang sebenarnya yang boleh diwarisi untuk mengubah atau mencapai kecemerlangan tetapi ilmulah sepertimana er... maknanya dimaklumkan kalau kita nak berjaya, ilmulah. *So*, bila cakap pasal itu, sebab itu saya dulu saya maklumkan, minta maaf ni *personal* sikit. Satu-satunya sekolah orang putih yang ada di Lipis masa itu ialah di *Clifford Primary* di Kuala Lipis, bandar Lipis. Tempat lain semua sekolah-sekolah kebangsaan. Tetapi arwah ayah saya, dia nak pastikan saya pergi ke sekolah orang putih juga dia nak juga. Walhalnya saya Sekolah Kebangsaan Budu tu dekat je boleh jalan kaki tak sampai 5 minit sampai dan saya prasekolah, masa tu bukan prasekolah dia sekolah tumpang. Umur 6 tahun saya dah pegi sekolah kebangsaan tu sekolah Melayu. Tapi dia nakkan saya pergi. Dia pergi tu jalan berliku-liku. Naik bas Lin Siong pagi pukul 5.30 pagi dah bangun balik pukul 3.00 petang. Jauh cabaran dia. Tapi dia nak jugak pergi situ, dia kata ilmu tulah. Dia nak juga saya pergi.

Jadi hasil dari situlah lihat pada hari ini saya sangat tersentuh apabila Cheka bangkit pasal soalan ni tadi. Dan saya nak menjawab cara tu hanya saya nak yakinkan bahawasanya jaminannya, insya-Allah sistem itu ada. Jadi kebetulan pada tarikh yang Sidang Dewan ni anakanda saya dia *graduate* dia jauh sikit. Sebab dia belajar secara

part time sambil bekerja sambil belajar makan masa 6 tahun untuk dia melengkapkan dia punya *specialization* tu. Sebab tu pada tarikh tu, walaupun kita tahu dia jauh tapi kehadiran tu kerana detik yang seumpama itu akan diingati bukan sahaja oleh kita sebagai ibu bapa tetapi oleh anak juga. Sebab tu saya memohon maaf pada hari yang berikutnya tu saya berada di luar daripada negara menghadiri konvokesyen anak saya di *Universiti of Sydney* dan alhamdulillah ini semua hasil daripada sistem yang wujud sebab anak saya pun belajar sekolah kebangsaan juga sepertimana anak-anak rakan-rakan yang lain. Jadi, terima kasih kepada Luit kerana menyentuh tu dan saya sebenarnya kerinduan sebab tu hari tu bila sampai je saya terus pergi ke Dewan sebab rindu nak tengok Cheka, ni Luit, Jengka kan tapi Jengka kali ni tak bersongkok tu saya ni lain macam sikit. Saya nampak, tak bukan saya tengok tu saya tengok eh orang muda mana ni, saya kabo? Rupa-rupanya bila tanggal songkok tu nampak gaya dia oh dia punya *macho* tu saya teringat terbayang-bayang saya rasanya kena berpakatlah Cheka dengan Jengka. Sebab bila Cheka dah pergi ke Jengka, ni mana pulak Jengka nak pergi ni? [Ahli Dewan ketawa]. Saya… saya rindu juga… tapi pakat la pakat… pakat. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tuan… Yang Berhormat Speaker,

Saya bukan tak sabar nak menjawab soalan nombor 3. Tapi sebab itu jangan dijolok sarang tebuan [Ahli Dewan ketawa]. Cheka dah cakap tadi tapi merujuk kepada persoalan bila saya faham apa yang dicakap oleh rakan daripada Benta, dia nak mengambil ke kata-kata Imam Syafie itu [bacaan ayat al-Quran]. Siapa nak dunia mesti kena ada ilmu. Siapa nak akhirat mesti kena ada ilmu. Apa-apa pun kita ucapkan tahniah kepada Dato' er... apa Benta dan anaknya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Benta telah pun minta cuti dengan Dewan. Beliau telah mengambil tanggungjawab beliau. Seterusnya saya menjemput ADUN Tras.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Assalamualaikum WBT. Terima kasih YB Speaker. Pagi ini kita diindahkan dengan seloka pantun. Saya pun nak pantun juga.

Exco Felda yang baik hati,
MB pula suka berseloka,
Terima kasih di atas cenderahati,
Soalan saya nombor tiga.

[Apakah rancangan dan peruntukan luar bandar untuk menaik taraf infrastruktur di kampung-kampung ini supaya ianya lebih tersusun serta mengurangkan kesan banjir kilat, ini kerana ia melibatkan JPS, Majlis, serta Kementerian Luar Bandar?]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Speaker di atas soalan yang dikemukakan oleh rakan Dewan daripada Tras yang bertanyakan tentang soal pembangunan infra luar bandar di DUN Tras. Sebenarnya pembangunan infra luar bandar ini adalah menjadi agenda utama, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Luar Bandar yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi sebenarnya dia adalah salah satu agenda utama Kerajaan Negeri Pahang. Cumanya kita negeri Pahang ni negeri yang luas, daerah yang banyak serta apa namanya keperluannya yang sangat tinggi termasuklah DUN Tras. DUN Tras ini mempunyai 23 buah kampung ataupun kawasan termasuklah kampung Orang Asli, kampung masyarakat China dan juga kampung masyarakat orang Melayu.

Walaupun demikian, perkara ini tidak menyebabkan terbantutnya usaha kerajaan untuk membangunkan infra di luar bandar termasuklah berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada teras mengenai longkang dan jalan-jalan desa. Kalau kita rujuk kepada tahun 2025 sahaja, penyelenggaraan saliran sungai telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk 7 projek di dalam DUN Tras dengan jumlah kewangan sebanyak RM675,000.00 telah diagihkan kepada DUN Tras. Secara *detail*nya 7 projek tu kita akan hantar secara bertulis kerana banyak lagi di kawasan-kawasan lain. Begitu juga di bawah Kerajaan Negeri, kita telah mengagihkan sebanyak 12 projek dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta untuk DUN Tras sahaja dan pada tahun 2026 ini, kita menjangkakan insya-Allah dalam usaha penyelenggaraan saliran dan juga sungai melalui peruntukan persekutuan sebanyak RM50,000.00 dan juga bagi penyelenggaraan saliran dan sungai melalui Kerajaan Negeri sebanyak RM391,000.00 serta penyenggaraan jalan ladang sebanyak RM600,000.00 di bawah Kerajaan Negeri. Jadi insya-Allah juga Kerajaan Negeri pada tahun lalu, sebanyak 12 projek telah diagihkan kepada DUN Tras untuk jalan ladang sebanyak RM1.8 juta.

Jadi banyak juga usaha-usaha ini telah memberi manfaat kepada DUN Tras. Begitu juga KKDW. KKDW ada satu projek di dalam DUN Tras bagi membina baru parit dan di Kampung Tranum dan juga ICU menyediakan sebanyak 5 projek bagi pembinaan jalan, saliran dan juga longkang di pelbagai lokasi ataupun di 5 buah lokasi di dalam DUN Tras. MOF juga turut membantu di dalam DUN Tras sebanyak 2 projek bagi baik pulih longkang dan jalan. Terima kasih Dato' er... Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya saya menjemput ADUN Chini.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO’ MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Speaker, saya kemukakan pertanyaan yang ke-4.

[Apakah status terkini pelaksanaan Rumah Rakyat Pahang (RRP) dan berapakah jumlah rumah yang telah siap dibina setakat ini secara keseluruhannya?]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDINBIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Menjawab soalan daripada sahabat saya daripada Chini. Nak soalan... nak jawapan pendek ke jawapan panjang?

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Elok panjang.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya cuba bagi panjang ya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai rakyat Pahang sudah mestinya bersyukurlah dengan Kerajaan Negeri yang begitu cakna dan begitu mengambil berat tentang keperluan perumahan untuk rakyat negeri Pahang dan Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai skim. Skim Perumahan Mampu Milik untuk rakyat negeri ini.

Pertamanya sebagai contoh, Rumah PR1MA Pahang yang bernilai RM150,000.00 yang untuk pendapatan isi rumah kurang daripada RM10,000.00 sebulan. Rumah Makmur pula pendapatan isi rumah mesti kurang daripada RM5,000.00 dan rumah Projek Residensi Rakyat kurang daripada RM3,000.00 untuk memberi peluang kepada mereka-mereka yang mempunyai pendapatan yang tidak mampu untuk memiliki rumah yang harganya tinggi. Kalau Rumah PR1MA Pahang ini contohnya Yang di-Pertua, harga dia hampir RM400,000.00 tapi kerajaan negeri *subsidized*kan jual dengan harga RM150,000.00 sahaja. Bukan setakat itu sahaja sebagaimana yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang begitu cakna tentang Skim Perumahan ini kepada yang kurang mampu yang betul-betul miskin, miskin-miskin tegar ini yang tidak mempunyai rumah diberikan juga rumah percuma dulu dengan harga RM75,000.00. Tapi Kerajaan Negeri telah meningkatkan, telah menambahkan lagi peruntukan sebanyak RM5,000.00 menjadikan peruntukan untuk membina rumah ini sebanyak RM80,000.00 sebuah yang diberikan percuma kepada rakyat negeri di seluruh negeri Pahang ini. Dan setakat ini sebanyak 1,348 unit rumah dengan nilai hampir RM101 juta telah siap dibina dan sebanyak 623 lagi dalam proses pembinaan. Dan hampir 2,000 rumah percuma ini yang telah diberikan kepada rakyat negeri Pahang. Itu jawapan saya Yang di-Pertua, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Dilantik.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Salam sejahtera, salam Pahang 1st, Yang Berhormat Tuan Speaker. Izin saya mengemukakan pertanya, pertanyaan nombor 5.

> [Apakah jumlah doktor pakar yang sedang berkhidmat dalam negeri Pahang? Apakah pecahan anggota mengikut bidang pengkhususan masing-masing?]

(MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO IR RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Speaker,

Terima kasih kepada ADUN Kawasan Dilantik… ADUN Lantikan 2 yang bertanya berkenaan jumlah doktor pakar yang sedang berkhidmat di negeri Pahang dan apakah pecahan er...mengikut bidang pengkhususan er… doktor pakar ya.

Yang Berhormat Speaker,

Jumlah keseluruhan pakar perubatan, doktor pakar di negeri Pahang ini berkhidmat di Pahang ini, hospital kerajaan adalah berjumlah 480 orang dan daripada jumlah tersebut pecahan mengikut kepakaran, 376 adalah pakar perubatan, 29 orang pakar perubatan kesihatan awam, 49 pakar perubatan keluarga dan 30 pakar pergigian. Berdasarkan daripada jumlah tersebut, jumlah pakar… doktor pakar yang ditempatkan di hospital-hospital, er… 210 orang pakar perubatan yang ditempatkan di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, 90 pakar berada di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh, 40 pakar perubatan berada di Hospital Kuala Lipis, 18 pakar perubatan berada di Bentong, 15 pakar di Hospital Pekan, 1 pakar perubatan di Hospital Sultanah Hajjah Kalsom di Cameron Highlands, 1 pakar perubatan di Hospital Jengka dan 1 pakar perubatan di Hospital Muadzam Shah.

Untuk 4 buah hospital di Rompin, Hospital Jerantut dan hospital di Raub terdapat seorang pakar perubatan kecemasan yang bertugas di setiap hospital. Manakala di Hospital Bera pakar perubatan kecemasan dari Hospital Temerloh (HOSHAS) akan membuat lawatan berkala 2 kali sebulan ke Unit Kecemasan Hospital Bera bagi memastikan perkhidmatan perawatan pesakit yang efisien dilakukan oleh pegawai perubatan. Dan pecahan *detail*nya lagi, perinci lagi daripada 376 pakar perubatan ini di dalam perubatan ini, 32 adalah pakar perubatan dalam bidang kecemasan trauma, 61 pakar perubatan dalam bidang perubatan umum, 15 pakar perubatan dalam bidang pembedahan umum, 30 pakar perubatan dalam bidang O&G… ini berkaitan sakit puan dan juga kehamilan. 26 pakar perubatan bidang pediatrik, ini kanak-kanak dan 2 pakar perubatan dalam bidang pembedahan pediatrik, ini pembedahan kanak-kanak. 30 pakar perubatan bidang ortopedik ini berkaitan dengan tulang, 36 pakar perubatan dalam bidang bius… pakar bius, 20 pakar perubatan dalam bidang mata, pakar mata, 12 pakar perubatan dalam bidang ENT yang apa ini telinga, hidung dan tekak. 20 pakar perubatan dalam bidang er... dermatologi ini berkaitan kulit, pakar kulit,

3 pakar perubatan bidang nefrologi ini berkaitan dengan buah pinggang, 3 pakar perubatan dari bidang *neurosogy surgery,* ini bidang pakar bedah otak. 2 orang pakar dalam bidang urologi ini berkaitan dengan saluran kencing, 3 pakar perubatan dalam bidang pembedahan plastik, 23 pakar perubatan dari bidang radiologi, 40 pakar perubatan bidang patalogi, er... 2 pakar perubatan dalam bidang kardiotorasik ini berkaitan dengan jantung dan 5 orang pakar dalam bidang kardiologi. Tadi 2 ini pakar pembedahan dalam bidang kardiotorasik dan 5 pakar dalam bidang berkaitan kardiologi. Dan 1 pakar perubatan dalam bidang er... *respiratory…* ini berkaitan dengan paru-paru, 20 orang pakar perubatan dalam bidang psikiatrik berkaitan mental. 3 pakar perubatan dalam bidang rehabilitasi, 3 pakar perubatan dari bidang transfusi berkaitan darah dan 2 pakar perubatan dalam bidang forensik. Dan daripada 29 orang pakar perubatan awam pula ini er... ditempatkan di 13 di pakar di Jabatan Kesihatan di Pahang dan 3 pakar di er... Pejabat Kesihatan Daerah di Kuantan, 2 di Temerloh, 1 di Bentong, 1 di Pekan, 1 di Maran, 2 di Rompin, 3 di Bera, 1 di Jerantut, 1 di Raub, 1 di Lipis dan 1 di Cameron Highlands.

Manakala pecahan daripada 29 tadi pakar-pakar kesihatan awam ini dari pecahan-pecahan lagi kepakaran masing-masing iaitu 13 daripada pakar dalam bidang pengurusan kesihatan awam, 1 pakar primer, 2 pakar pembangunan kesihatan keluarga, 2 pakar malaria, 1 pakar penyakit tidak berjangkit, 1 pakar kesihatan pekerjaan dan alam sekitar, 1 pakar *survelan*, 1 pakar tibi dan kusta, 1 pakar *epidemiologi,* ini pakar memantau kawalan penyakit apa ini kawalan pencegahan penyakit berjangkit. 1 pakar dalam bidang HIV, penyakit kelamin dan *Hepatitis C* dan 5 pakar dalam bidang penyakit berjangkit. Dan daripada 49 doktor pakar dalam bidang perubatan keluarga pula telah ditempatkan 10nya di daerah di PKD di bawah PKD Kuantan. 3 er... di Pekan, 5 di Rompin, 3 di Maran, 7 di Temerloh, 4 di Jerantut, 4 di Raub, 3 di Bera, 4 di Bentong, 3 di Lipis dan 3 di Cameron Highlands.

Manakala daripada 30 pakar pergigian pula, 2 pakar pergigian ditempatkan di Pejabat Kesihatan Negeri, 15 pakar pergigian di Kuantan, 8 pakar pergigian di Temerloh, 1 di Pekan, 2 di Raub, 1 di Lipis dan 1 di Bentong. Dan bidang-bidang pakar pergigian ini pun ada bidang pecahan-pecahan kepakaran masing-masing. 3 pakar pergigian dalam bidang kesihatan awam, 5 pakar pergigian dalam bidang ortodontik ini yang nak buat nak cantik gigilah, *bracing* ke apa buat *braces* apa semua itu pakar ya, dan 6 pakar gigi dalam bidang periodontik ini berkaitan dengan gusi dan juga tisu bahagian gusi dan 3 pakar pergigian dalam bidang pergigian pediatrik ini untuk kanak-kanak, 8 pakar dalam bidang bedah mulut ini maksilofasial. Kemudian 1 pakar dalam bidang forensik dan 4 pakar dalam bidang restoratif. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya saya menjemput ADUN Damak.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sekejap ya Yang di-Pertua [berdehem]. Kelmarin, Menteri Kesihatan ada umum pembatalan pembinaan Hospital Maran, jadi hospital ni dah lama dan dah diluluskan saya ingat lagi zaman PM Najib lagi tapi dia umumkan pembatalan. Jadi Kerajaan Pahang ni tak boleh ke nak bernegosiasi balik untuk teruskan Hospital Maran ni? Kan dah… dah sekali kahwin dengan pusat. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Speaker,

Terima kasih kepada Kuala Sentul. Untuk makluman, saya pun baru dapat maklumat ni bila mana lawatan kerja Menteri Kesihatan Malaysia di Maran pada hari 12 haribulan Mei baru-baru ini er… hari Selasa. Saya pun tak sempat sebab kita ada Dewan tak dapat nak bersama dengan menteri dalam lawatan kerjanya di Maran dan Temerloh. Jadi er… daripada kenyataan yang dimaklumkan ataupun kenyataan media yang saya baca dan media daripada pihak Menteri Kesihatan bahawa sekarang ni Maran ni berstatus Klinik Kesihatan Jenis 4… Jenis 4 dan ia akan dinaik taraf kepada Jenis 3. Yang termasuk ada Perkhidmatan X-Ray dan lain-lain. Selain pada itu juga dia akan ditambah baik lagi dinaik taraf… ditingkatkan lagi klinik ini dilengkapi dengan kemudahan *Out Patient Bay*, maknanya lebih yang boleh menerima pesakit, menerima rawatan dan pemerhatian awalan dengan 6 katil, 3 untuk lelaki, 3 perempuan… 3 lelaki dan 3 wanitalah. Jadi dan perkhidmatannya 24 jam. Ada 3 syif sama lebih kurang macam hospital juga. Selain tu juga dia ada perkhidmatan untuk Emergency Birthing

Center makna untuk orang nak bersalin, kes-kes *emergency* sebelum pun boleh menerima.

Dan selain daripada itu juga er… hospital ni… okey selain daripada itu, hospital berhampiran yang ada… yang dah… yang ada ialah di Jengka. Jengka ni kalau ikut data yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kesihatan dan Kementerian jarak lebih kurang dalam 40 km… 40 minit dan juga HoSHAS, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh kurang 45 km… lebih kurang 45 minit perjalanan. Dan dari segi er… apa ni jumlah katil pun di Temerloh kita ada 650, kita tak dapat yang *detail*, tapi jumlahnya tidak penuh kita lebih kurang saya tak sampai 70% tak sampai 70%, 60% lebih sahaja dia punya jumlah penggunaan katil begitu juga di Maran. Maran pun… *sorry* di Jengka pun… maaf di Jengka pun ada 70 katil. Keperluan pun baru lebih kurang 58% sahaja. Jadi atas perkara tersebut penilaian telah dibuat oleh pihak kementerian jadi dari segi keperluan di peringkat ini masih belum sampai tahap untuk mewujudkan er… sebuah hospital. Walau bagaimanapun er… kami di peringkat Kerajaan Negeri mungkin akan berbincang balik… kita akan bincang sebab ni baru ni maklumat ni baru jadi kita akan ambil kira banyak faktor nantilah. Di peringkat negeri kita akan bincang lebih lanjut lagi sama ada kita perlu membuat rayuan dan sebagainya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Speaker, sikit lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tadi Kuala Sentul dah tanya, saya bagi Luit.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Hospital ni di tempat saya Speaker, terima kasih. Cuma saya nak tahu KK Maran tu beroperasi 24 jam tu agak-agak bila dimulakan? Sebab ini memang nampak mendesak sikitlah ya banyak apa ni permohonan daripada penduduk kawasan saya. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Speaker,

Saya dijangkakan *start* beroperasi 24 jam ini dalam bulan 9 atau 10 ni… September atau Oktober ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, terima kasih. Soalan seterusnya.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sikit… sikit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, sila… sila.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya sebagai wakil daripada Maran, mohonlah Kerajaan Negeri Pahang kalau boleh pertahankanlah Hospital Maran ni sebab peruntukan pun dah diluluskan sebelum ni RM350 juta dan sangat penting walaupun dah ada Hospital Jengka, Temerloh tapi jaraknya jauh. Jadi justifikasi yang sebelum ni mendapat kelulusan dengan bajet lebih kurang RM350 juta dah boleh menjadi alasan untuk kita pertahankanlah. Saya harap pihak Kerajaan Negeri Pahang dapat runding baliklah untuk manfaat penduduk Maran dan juga perkembangan kemajuan di daerah Maran itu sendiri. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Speaker,

Insya-Allah perkara ini er… Kerajaan Negeri akan ambil berat dan Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun sekarang ini dalam siri kita buat lawatan kunjung hormat kepada menteri-menteri. Kita dah buat kunjung hormat kepada Menteri Kerja Raya, kepada Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah dan juga insya-Allah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Yang terkini dengan Yang Berhormat Dato' Sri Arthur... Arthur Kurup dalam masa kalau tak silap saya minggu depan.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan selepas ini kita juga akan menyusul ni termasuk termasuklah juga Menteri Kesihatan dan juga Kementerian PETRA dan sebagainya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, terima kasih. Soalan seterusnya, saya menjemput wakil dari Damak. Sila.

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

YB speaker, Saya ajukan soalan nombor 6.

[Geopolitik semasa konflik Iran-AS ini bermula dengan serangan besar AS dan sekutunya ke atas Iran pada Februari 2026 dan telah mencetuskan serangan balas serta gangguan perdagangan global:

1. [Sejauh mana konflik ini memberi kesan kepada rantaian bekalan, khususnya sektor industri dan makanan di negeri Pahang?

2. Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan kontigensi sekiranya berlaku gangguan perdagangan global berpanjangan?]

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada rakan ADUN saya daripada Damak yang bertanyakan soalan seperti berikut, geopolitik semasa konflik Iran-Amerika Syarikat ini bermula dengan serangan besar Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iran pada bulan Februari 2026 dan telah mencetuskan serangan balas serta gangguan perdagangan global. Soalan nombor 1, sejauh mana konflik ini memberi kesan kepada rantaian bekalan khususnya sektor industri dan makanan di negeri Pahang. Kedua, adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan kontingensi sekiranya berlaku gangguan perdagangan global berpanjangan? Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang sangat relevan dan penting memandangkan kita menghadapi suasana ketidaktentuan geopolitik global pada masa ini.

Untuk menjawab soalan pertama, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa konflik antara Iran dan Amerika Syarikat ini telah memberi impak sederhana ke tinggi kepada rantaian bekalan ataupun dengan izin, *supply chain* khususnya dalam sektor makanan dan industri di negeri Pahang. Menurut International Energy Agency, sebuah agensi yang merupakan pakar tenaga di peringkat dunia, perang Iran ini merupakan gangguan terbesar dalam sejarah pasaran minyak dan gas dunia, gangguan terbesar. Dan kita boleh lihatlah sebab Selat Hormuz ni merupakan laluan di mana satu pertiga daripada bekalan baja dan racun melalui selat ni. Kita di Malaysia pun mengimport 70% daripada keperluan minyak dan gas kita daripada Timur Tengah, 42% sahaja daripada Saudi Arabia. Bagi sektor makanan, kesannya adalah bersifat menyeluruh merangkumi keseluruhan ekosistem pertanian. Di peringkat huluan kita melihat peningkatan harga input seperti baja dan racun meningkat sebanyak 30% hingga 60% serta gangguan bekalan yang menjejaskan jadual pembajaan. Berkenaan dengan baja pula dari segi import YB, negara China bekalkan satu pertiga daripada import baja negara… satu pertiga dan mereka sedang ketatkan eksport baja mereka seperti urea, nitrogen dan juga fosfat. Ini menambahkan lagi kerumitan situasi bekalan import baja.

Di peringkat operasi ladang pula, kos mekanisasi dan juga penggunaan bahan api meningkat bertambah dengan kekangan kuota diesel. Dari sudut logistik, pengusaha terpaksa mengurangkan kekerapan penghantaran, sekali gus memberi kesan kepada aliran bekalan dan juga kualiti hasil. Di peringkat hiliran, berlaku tekanan harga apabila kos pengeluaran meningkat, tetapi harga jualan tidak selari. Mewujudkan situasi dengan izin, *cost-price squeeze* yang menjejaskan margin dan pendapatan pengusaha. Secara keseluruhannya, terdapat kawasan yang merekodkan penurunan hasil sehingga 30% dan 40%. Manakala dalam sektor industri, konflik ini turut memberi kesan ketara melalui peningkatan kos bahan mentah dan tenaga global.Sektor petrokimia dan perkilangan di Gebeng dan Kuantan antara yang paling terkesan di samping gangguan kepada operasi logistik termasuk kenaikan kos insurans kapal dan

ketidakstabilan jadual pelayaran di Pelabuhan Kuantan. Selain itu, subsektor seperti perladangan, makanan dan ternakan, pelancongan serta infrastruktur juga tidak terkecuali daripada tempias ini dengan risiko peningkatan inflasi yang perlu diberi perhatian serius.

Menjawab soalan kedua, Kerajaan Negeri sememangnya telah mengambil langkah proaktif dengan merangka beberapa pelan kontingensi bagi memastikan daya tahan rantaian bekalan terus terpelihara. Antaranya adalah penyelarasan bersama Kerajaan Persekutuan bagi menambah baik pelaksanaan subsidi diesel bersasar serta memperluas kelayakan penggunaannya termasuk bagi keperluan logistik pertanian. Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada pengoptimuman pengeluaran tempatan oleh tanaman cepat hasil dan berimpak tinggi bagi menstabilkan bekalan makanan. Di samping itu, usaha memperkukuh rantaian logistik dan pemasaran terus dipergiat termasuk menggalak pemasaran secara terus bagi mengurangkan kebergantungan kepada perantara ataupun orang tengah dan meningkatkan pulangan kepada pengusaha.

Isu akses kepada bantuan juga ditangani dengan membantu pengusaha mendaftar dalam sistem subsidi bersasar agar tidak ada yang tercicir. Sebagai contoh, Program BUDI Agri memberi bantuan bersasar sebanyak RM400.00 sebulan kepada petani, pesawah, pekebun kecil yang layak. Kerajaan Negeri juga menggalakkan penggunaan teknologi dan juga alternatif dalam industri. Sebagai contoh, di UMPSA, Profesor Madya Nina Suhaity Azmi telah menghasilkan Produk Kleva-Beads UMPSA yang menggunakan bakteria probiotik. Bakteria ini dapat membantu mengurangkan penggunaan pestisid kimia dan meningkatkan kesuburan tanah. Dan saya juga ada terbaca artikel Indah Water Konsortium melalui Indah Water Research Centre telah menghasilkan baja organik walaupun di peringkat skala kecil yang dihasilkan daripada bio pejal loji kumbahan dan dalam satu percubaan di ladang kelapa didapati baja organik ini dapat mengurangkan kos baja sebanyak 68%, katanya.

Dan saya juga bersetuju dengan rakan saya ADUN Tras mana kita perlu percepatkan teknologi penggunaan tenaga yang alternatif seperti susu getah sebagai gantian untuk petrol dan juga diesel. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan sektor makanan industri Pahang kekal daya tahan dan memberi keutamaan kepada kelangsungan pengeluaran, kestabilan bekalan serta perlindungan pendapatan rakyat dalam menghadapi ketidaktentuan global ini. Alhamdulillah, kita di Pahang ni masih terkawal. Kalau di Thailand tu YB, kerajaan dia arah penjawat awam naik tangga. Lif tak boleh pakai sebab nak jimat tenaga, sebagai contoh. Kerajaan Negeri juga merupakan Kerajaan Negeri pertama yang mengumumkan bahawasanya kita boleh bekerja dari rumah ataupun *work from home* untuk membantu golongan pekerja dan penjawat awam, mengurangkan kos petrol atau diesel. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sikit sahaja. Er... berdasarkan jawapan tadi, apakah hingga setakat ini ada kilang-kilang kita di Gebeng atau sebagainya tersangat terkesan yang bertindak untuk penutupan ataupun pengurangan pekerja, pemberian pekerja sehingga setakat ini, kesan daripada geopolitik ini.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya ADUN Cheka. Setakat ini tidak ada tekanan daripada kehilangan kerja. Setahu sayalah. Tapi kita tidak tahu di masa hadapan. Sebab menurut kajian pasaran minyak, harga minyak USD100 dollar ke atas ni dijangka berlarutan sekurang-kurangnya 5 bulan disebabkan ketidaktentuan perang Iran dan juga Amerika Syarikat di Timur Tengah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput ADUN Tahan.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih YB Speaker. Soalan saya nombor 7.

> [Apakah program bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah menghadapi kos sara hidup? Berapakah jumlah penerima bantuan kebajikan di negeri ini pada masa ini?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Seterusnya sahabat yang bertanya. Soalannya adalah apakah program bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah menghadapi kos sara hidup. Berapakah jumlah penerima bantuan kebajikan di negeri ini pada masa sekarang? Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan kepada rakyat negeri ini bagi meringankan beban serta menangani peningkatan kos sara hidup semasa. Bantuan tersebut dinilai berdasarkan kesesuaian dan keperluan pemohon berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan.

Bagi bantuan kewangan bulanan Kerajaan Negeri kadar yang disalurkan kepada penerima yang layak adalah sebanyak RM350.00 sebulan. Selain itu, JKM turut melaksanakan Program 2YEP, *2* Year Exit Programme sebagai inisiatif membantu klien keluar daripada kepompong kemiskinan melalui penglibatan dalam bidang keusahawanan. Program ini merupakan strategi proaktif jabatan di mana klien akan dipantau sepanjang tempoh 2 tahun. Modal perniagaan yang bersesuaian turut disediakan kepada klien yang berpotensi dan sekiranya mereka berjaya menjana pendapatan stabil, bantuan kewangan bulanan akan ditamatkan dan melalui program ini seramai 151 penerima telah terlibat sejak tahun 2020 sehingga 2025. Sehingga Mac 2026, jumlah keseluruhan penerima bantuan bulanan JKM adalah seramai 31,296 orang dengan jumlah perbelanjaan dari Januari sehingga Mac 2026 sebanyak RM43,690,500.00. Bantuan ini merangkumi bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang disalurkan secara bulanan kepada penerima yang layak dan Skim Bantuan Persekutuan yang sedia ada adalah seperti berikut. Bantuan kanak-kanak di mana Skim Bantuan Kanak-Kanak menawarkan kadar bantuan antara RM200.00 hingga RM1,000.00 mengikut kelayakan ditetapkan dan seramai 2,800 tempat penerima telah menerima bantuan ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4.7 juta.

Dan juga Elaun Pekerja Kurang Upaya. Elaun Pekerja Kurang Upaya diberikan kepada OKU yang bekerja bagi menggalakkan penyertaan golongan tersebut dalam sektor pekerjaan. Bantuan sebanyak RM450.00 telah disalurkan kepada 6,098 penerima dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM8.1 juta. Seterusnya Bantuan OKU Tidak Bekerja di mana RM300.00 telah disalurkan kepada 7,415 orang penerima melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM6.6 juta. Seterusnya bantuan pesakit terlantar, di mana pesakit terlantar menerima bantuan sebanyak RM500.00 dan seramai 3,098 penerima melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM4.5 juta.

Seterusnya Bantuan Warga Emas seramai 9,545 orang telah menerima manfaatnya. Dengan kadar bantuan sebanyak RM600.00 dan melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM17... RM17 juta dan juga Bantuan Anak Pelihara er… Bantuan Anak Pelihara menawarkan kadar bantuan antara RM250.00 sehingga RM500.00 kepada penjaga anak pelihara yang layak. Bantuan ini telah disalurkan kepada 44 penerima dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM45,000.00 dan secara keseluruhannya, pelaksanaan skim bantuan ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan dalam membantu golongan yang memerlukan khususnya warga emas, Orang Kurang Upaya, kanak-kanak serta pesakit terlantar demi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terus dipelihara.

Seterusnya bagi pelaksanaan Skim Bantuan Negeri, bantuan disalurkan melibatkan Skim Bantuan Am dengan kadar bantuan sebanyak RM350.00. Bantuan ini telah memanfaatkan seramai 2,290 penerima dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan lebih kurang hampir RM1 juta… RM800,000.00 lebih. Dan pelaksanaan bantuan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan golongan yang memerlukan sentiasa di beri perhatian. Bantuan yang disalurkan dapat membantu meringankan beban kewangan penerima serta meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat secara menyeluruh. Melalui Matan Belanjawan Tahun 2026, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan beberapa program khusus di bawah Teras Ke-7 iaitu mensejahterakan rakyat serta kluster umum melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membantu kumpulan sasar seperti berikut di mana Program Khidmat Bantu Rumah diteruskan bagi menjaga kebajikan golongan Orang Kurang Upaya dan juga golongan warga emas dengan peruntukan sebanyak RM1 juta, dan sasaran seramai 264 orang klien sepanjang tahun. Dan pemberian insentif *one off* kepada tiga… sebanyak RM300.00 kepada 1,561 pelatih Program Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) diteruskan sebagai galakan untuk mereka kekal mengikuti program tersebut dengan jumlah peruntukan sebanyak RM468,000.00.

Sumbangan secara *one off* juga diberikan kepada penyelia dan petugas PPDK sebanyak RM500.00 melibatkan peruntukan sebanyak RM150,000.00 dan kita juga ada memberikan… Kerajaan Negeri ada juga memberikan kad kesihatan kepada warga emas dan OKU diteruskan melalui program Kasih Makmur dengan peruntukan sebanyak RM16 juta, dan untuk tahun ini Kerajaan Negeri juga telah menambah bilangan penerima di mana melibatkan kad Kasih Makmur Edisi Pahlawan. Di mana pesara-pesara tentera dan juga PDRM er… di mana setiap persatuan pesara tersebut menerima 5,000 kad. Jadi untuk dua persatuan tu 10,000 lah ya untuk tahun 2026, dan juga Program Subsidi Pembedahan Katarak bagi warga emas khususnya golongan B40 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi meringankan beban kos rawatan. Semua program ini telah mula dilaksanakan sejak 2023 dan diteruskan sehingga kini sebagai manifestasi keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Tahan.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan di atas jawapan. Cuma kalau kita turun kelapangan, biasanya saya turun ke lapangan. Apa yang kita dengar daripada rungutan-rungutan daripada sebahagian warga emas dan juga ibu tunggal yang menyatakan bahawa mereka gagal untuk mendapat bantuan kebajikan daripada JKM khususnya, dengan alasan mereka mempunyai anak-anak yang makan gaji. Walaupun, esok realitinya anak-anak yang makan gaji itu, gaji dan pendapatan mereka itu pun tak mencukupi untuk menanggung mereka seisi keluarga. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula kriteria kelayakan ini supaya mengambil kira kedudukan sebenar tanggungan keluarga anak-anak yang makan gaji ni? Terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BIN SAIDAN

Terima kasih pada sahabat bertanya, memang kita mengambil berat tentang masalah ini. Maksudnya rungutan ini bukan di tempat YB sahaja di seluruh negeri tetapi mungkin ini satu er… terlepas pandang dan saya telah memberitahu kepada pemohon sekiranya ada masalah begini boleh berjumpa dengan saya atau membuat permohonan untuk kita memberikan sokongan dan juga melalui rayuan merekalah. Insya-Allah setiap yang merayu itu selama ini saya rasa tidak ada yang ditolak. Insya-Allah, mungkin terlepas pandang ataupun ada masalah teknikal.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Er... sikit lagi. Terima kasih Exco, cumanya saya nak tahu apa ni, saluran rayuan tu dibuat melalui JKM ke ataupun macam mana?

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BIN SAIDAN

Pemohon boleh terus mengemukakan rayuan kepada JKM Daerah terus kepada pengarah dan insya-Allah kita akan pertimbangkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Wakil Kerajaan. Seterusnya saya menjemput ADUN dari Jengka.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih YB Speaker, soalan saya nombor 8.

> [Peluang Pekerjaan Belia (Kilang Alps Tutup) Berikutan penutupan kilang Alps yang sebelum ini menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, apakah pelan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani kehilangan pekerjaan tersebut serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu

khususnya untuk belia di kawasan Jengka? Berapakah jumlah pekerja dari kawasan Jengka yang terkesan akibat penutupan kilang tersebut dan apakah bentuk intervensi yang telah atau akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?]

(ADUN TERUNTUM - N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih sahabat saya dari Jengka. Salam sejahtera. Yang Berhormat di-Pertua, untuk menjawab soalan dikemukakan oleh ADUN Jengka. Berikutan penutupan Kilang Alps Electric (Malaysia) Sdn. Bhd. di Jengka, Pahang dan berdasar kepada data Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang, jumlah pekerja tempatan yang terlibat adalah seperti berikut: Pemberhentian kerja 312 orang, perpindahan ke Nilai 31 orang. Jumlah sekali 343 orang. Bayaran faedah penamatan pampasan berjumlah keseluruhan RM9.78 juta telah dibayar kepada seramai 312 orang pekerja dalam tempoh 7 hari selepas pemberhentian dilaksanakan. PERKESO telah mengadakan perjumpaan awal bersama pihak pengurusan Kilang Alps sebelum melakukan pemberhentian pekerjaan mereka pada 7 Ogos 2024 bagi mewujudkan kerjasama dalam membantu pekerja yang terkesan sekali gus memastikan kebajikan pekerja yang kehilangan pekerja ini terus dibela.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, PERKESO dan Kerajaan Negeri secara proaktif berusaha membantu pekerja yang kehilangan pekerja akibat penutupan operasi perniagaan seperti yang berlaku di Kilang *Alps*, Bandar Jengka. Berdasar rekod PERKESO dari Januari 2025 sehingga 31 Mac 2026, seramai 250 orang pekerja Kilang *Alps*, Bandar Jengka telah membuat permohonan melaporkan kehilangan pekerjaan kepada PERKESO akibat penutupan operasi kilang ini. Dari jumlah tersebut, seramai 250 pemohon telah diluluskan dan mendapat manfaat di bawah Skim Lindung Kerjaya Akta 800 melibatkan anggaran bayaran jumlah RM1.92 juta. Sekian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ada… ada soalan tambahan. Apakah insentif khas pihak… yang ditawarkan oleh pihak kerajaan untuk menarik pelabur baharu masuk ke kawasan Jengka selepas penutupan Kilang *Alps*. Ada tak?

(ADUN TERUNTUM - N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta maaf, saya jaga pekerja. Saya bukan jaga pelabur nanti pihak pelabur yang jawab. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Kalau boleh saya tambah kita tak ada insentif yang khusus tapi rata-ratanya kawasan harga tanah kita sangat kompetitiflah berbanding dengan negeri-negeri lain. Cuma kekangannya pelabur ni dia suka berada di sebelah pelabuhan ataupun di kawasan yang mempunyai infrastruktur seperti jalan raya dan kemudahan lain yang lengkap.

Walau bagaimanapun kita masih tak putus asa untuk tarik pelabur ke daerah-daerah lain, pun kita pun telah ada kejayaan di Lipis di mana Ketech Asia, syarikat yang membuat peluru telah bangunkan kilang di situ. Kita berharap dengan adanya jajaran stesen ECRL, kemungkinan besar ada pelabur yang ingin membangunkan apa ini kilang-kilang di kawasan stesen tersebut dan dari situ kita tengoklah kalau kita boleh panjangkan ke Jengka ini di kawasan YB ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Kerajaan Negeri. Seterusnya saya menjemput ADUN Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker, mohon mengemukakan soalan nombor 8… nombor 9, maaf. Terima kasih.

> [Adakah Kerajaan Negeri dapat membantu mewujudkan semula MoU dengan mana-mana syarikat pengangkutan udara sama ada dari Kuala Lumpur, Kuantan atau Singapura ke Pulau Tioman? Kedatangan pelancong ke Pulau Tioman kebelakangan ini tidak begitu memberangsangkan dari statistik yang direkodkan oleh Lembaga Pembangunan Tioman (TDA). Antara faktor utamanya ialah perjalanan feri dan cuaca sedia ada khususnya bila ada amaran dari Jabatan Laut dan Jabatan Mateorologi tidak membenarkan operasi keluar masuk feri ke Pulau Tioman.]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Tioman yang bertanyakan tentang penerbangan ke Tioman. Kerajaan Negeri memang mengambil maklum tentang keperluan untuk meningkatkan *accessibility* ke Pulau Tioman termasuk melalui pengangkutan udara untuk merancakkan kedatangan pelancong. Jadi pelaksanaan perkhidmatan penerbangan ke Pulau Tioman adalah tertakluk kepada aspek teknikal dan keselamatan penerbangan yang berada di bawah bidang kuasa Civil Aviation Authority of Malaysia dengan singkatan CAAM. Jadi, berdasarkan maklum balas rasmi daripada CAAM, penilaian teknikal telah dilaksanakan terhadap cadangan pengubahan jajaran Landasan Padang Terbang Pulau Tioman dan mendapati bahawa cadangan tersebut tidak dapat memenuhi keperluan piawaian keselamatan penerbangan… penerbangan yang ditetapkan. Penilaian tersebut mengambil kira aspek perkhidmatan navigasi udara, piawaian aerodrom serta operasi penerbangan, dan mendapati wujud kekangan utama daripada faktor halangan semula jadi di sekitar kawasan padang terbang termasuk topografi berbukit dan tanah tinggi yang menjejaskan *obstacle limitation surfaces,* dengan izin.

Justeru, cadangan pengubahan jajaran landas… landasan yang dikemukakan didapati masih belum dapat menyelesaikan isu asas berkaitan keselamatan operasi penerbangan di Pulau Tioman. Sehubungan itu, pihak CAAM mengesyorkan supaya cadangan tersebut dikaji semula secara menyeluruh untuk memastikan sebarang pembangunan dan ataupun penaiktarafan landasan mematuhi sepenuhnya peraturan serta piawaian keselamatan penerbangan yang ditetapkan.

Walaupun berdepan dengan kekangan teknikal tersebut, Kerajaan Negeri tetap komited untuk mencari jalan bukan sahaja untuk pengangkutan udara tetapi juga pilihan lain. Untuk pengangkutan udara, Kerajaan Negeri akan teruslah bersama dengan CAAM, MOTAC, Kementerian Pengangkutan untuk menilai pelbagai pilihan termasuk kebolehlaksanaan model pengangkutan udara. Pada masa yang sama, kita juga akan mencari jalan untuk menambah baik perkhidmatan feri dan pengukuhan kemudahan jeti serta pendekatan *multi-model connectivity*. Jadi, untuk makluman tambahan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, bermula 1 Mei 2026, perkhidmatan *speed boat* pun telah bermula untuk membawa penumpang dari Jeti Teluk Gading ke Tioman. Ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menambah pilihan ataupun *accessibility* ke Pulau Tioman. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila, Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Mohon soalan tambahan. Terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri atas maklumat ataupun jawapan yang telah diberikan. Soalan saya Yang Berhormat Speaker, adakah Kerajaan Negeri selain menunggu kajian ataupun apa jua perbincangan berkaitan dengan lapangan terbang sama ada pembinaan baharu ataupun pemanjangan landasan kapal terbang, adakah pihak kerajaan merancang untuk mengadakan perbincangan… perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan murah ataupun yang sedia ada di tanah air kita Kuala Lumpur, Malaysia seperti Berjaya Air, SKH, *Aerotree* atau *Weststar* dan lain-lain dengan membuat kunjungan hormat ataupun perbincangan 2 hala dengan mereka ini ataupun pihak Singapura, yang mana jarak dekat dengan Pulau Tioman. Kemungkinan ada sinar untuk *light flight* menghubungkan destinasi-destinasi pelancongan ke Pulau Tioman. Terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih… terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat Tioman. Kerajaan Negeri memang sentiasa untuk merancang, untuk bertemu dengan syarikat-syarikat penerbangan. Jadi dengan ini mungkin seterusnya kita boleh menjemput Yang Berhormat Tioman sekali untuk kita bersama-sama dalam… dalam usaha ini. Untuk makluman tambahan juga, pada 6 Jun 2026 tahun ini, Pulau Tioman juga akan menerima ketibaan satu *river…* satu *cruise* kapal persiaran dari Singapore yang dijangka akan membawa masuk 2,000 orang pelancong antarabangsa berserta kira-kira 700 orang anak kapal. Jadi, kita juga berharap bahawa kemasukan kapal pesiaran ini dapat merangsang juga untuk merancakkan lagi sektor pelancongan di Pulau Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan tambahan terakhir. Jadi, saya kira pihak kerajaan harus juga memikirkan jangka masa panjang dan juga jangka masa pendek kerana di persisiran gugusan kepulauan… Kepulauan Tioman ini, kita ada hampir 23 buah pulau yang lain. Jadi, saya melihat bukan untuk masa sekarang ataupun masa terdekat pada masa akan datang, tapi untuk jangka masa yang panjang khususnya dengan keberadaan semi-PBT (TDA) yang terpaksa juga menghadapi hujah-hujah daripada *netizen* kerana PBT

ini juga dia berhadapan dengan komen-komen dan juga hujah-hujah daripada pelancong sama ada domestik mahu pun luar negara.

Dan satu perkara juga yang perlu saya kongsi bersama dengan rakan-rakan dalam Sidang Dewan, penghuni-penghuni ataupun warga Pulau Tioman mahu pun *owner* resort di Pulau Tioman ini, kadang-kala kalau dia buat komen-komen ataupun *sharing is caring,* dia melibatkan Menteri Pelancongan Singapura, Menteri Pelancongan Indonesia, Menteri Pelancongan Thailand. Jadi, maknanya dia bukan melibatkan untuk kementerian ataupun Menteri Pelancongan Malaysia sahaja, sebab yang datang situ daripada luar negara pun ramai. Jadi diorang ni berkenalan, akhirnya maklumat-maklumat secara rambang ini keluar ke sana. Jadi kita tak boleh salahkan mereka jugalah. Jadi, harap ada perancangan jangka masa pendek, panjang ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tioman, Kerajaan Negeri ambil maklum. Kita akan terus berusaha lagi. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Kerajaan Negeri. Seterusnya soalan yang terakhir pada sesi pagi ini, saya menjemput ADUN Sungai Lembing.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 10.

> [Merujuk kepada peneroka dan tuan tanah di kawasan FELDA Bukit Goh yang terjejas akibat aktiviti perlombongan bauksit sebelum ini sehingga hasil sawit terjejas dan kini tiada pendapatan, apakah hala tuju jelas Kerajaan Negeri Pahang bagi membantu nasib golongan ini?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Sungai Lembing bertanyakan soalan. Tapi sebelum saya nak menjawab soalan, saya nak membalas pantun Yang Berhormat Tras tadi. Yang Berhor… Yang Berhormat Tras *handsome* bergaya, sebab saya tengok pakaian dia, tali leher, bajunya ya, macam-macam. Yang Berhormat, rambut dia pun insya-Allah tapi jangan *dye* ya*,* jangan *dye* warna putih, insya-Allah.

Yang Berhormat Tras handsome bergaya,
Banyak idea tak pernah buntu,
Usahawan FELDA sebenarnya ramai yang berjaya,
Insya-Allah kita sama-samalah membantu.

Insya-Allah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Sungai Lembing ada menanyakan soalan iaitu merujuk kepada peneroka dan juga tuan tanah di kawasan FELDA Bukit Goh yang terjejas akibat aktiviti perlombongan bauksit sebelum ini

sehingga hasil sawit terjejas dan kini tiada pendapatan. Apakah hala tuju jelas Kerajaan Negeri Pahang bagi membantu nasib golongan ini? Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Lembing di atas soalan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Yang Mulia, FELDA Bukit Goh telah pun ditubuhkan sekitar tahun 1966 - 1967 dan dibangunkan secara berperingkat. Dengan keluasan kawasan pertanian hampir 2,831.86 hektar serta kawasan penempatan seluas 183.10 hektar yang menempatkan seramai 671 orang peneroka. Isu yang dibangkitkan adalah kesan berpanjangan daripada aktiviti perlombongan bauksit yang berlaku sekitar tahun 2014 sehingga 2015 yang telah pun memberikan impak besar terhadap keadaan tanah pertanian di kawasan tersebut. Selain itu, kerajaan telah melaksanakan moratorium pada tahun 2016 bagi menghentikan aktiviti perlombongan dan juga pengeksportan bauksit berikutan isu pencemaran alam sekitar yang amat serius. Sejak pelaksanaan moratorium tersebut, sebahagian kawasan ladang kelapa sawit di FELDA Bukit Goh terjejas dan tidak dapat diusahakan secara optimum, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan peneroka.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bagi menangani isu ini Kerajaan Negeri bersama dengan FELDA sedang meneliti secara menyeluruh hala tuju pembangunan semula kawasan FELDA Bukit Goh melalui pendekatan yang lebih mampan dan juga berdaya pulih. Beberapa cadangan pembangunan telah dikemukakan oleh beberapa pihak termasuklah pihak FELDA dan juga pihak swasta termasuk beberapa cadangan-cadangan, cadangan projek pembangunan bercampur, cadangan projek tanaman semula serta pembangunan solar dan juga inisiatif tenaga yang telah pun dibentangkan kepada pihak Kerajaan Negeri. Untuk makluman Sidang Dewan pada hari ini, Bukit Goh ni dah menjadi perhatian satu Malaya dan itu untungnya, alhamdulillah, orang FELDA ni sepatut berbangga selain daripada ada kelapa sawit, rupanya ada perkara yang lain di dalam Bukit Goh ni. Inilah bauksit yang berikan satu hasil kepada peneroka-peneroka. Insya-Allah, yang akan dibentangkan oleh pihak Kerajaan Negeri, insya-Allah.

Cadangan-cadangan ini telah pun dan sedang dibentangkan kepada jawatankuasa khas yang telah pun dilantik dan proses penilaian masih berjalan dan juga memastikan setiap cadangan yang dipertimbangkan memenuhi keperluan teknikal, ekonomi serta memberi pulangan yang adil kepada peneroka. Ini yang kita penting, ini pesanan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, yang penting kita perlu memihak kepada peneroka. Apa yang peneroka inginkan, kita akan memberikan secara keseluruhan dan juga perbincangan bersama dengan kepimpinan-kepimpinan peneroka. Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa dalam menentukan hala tuju ini, kepentingan dan kebajikan peneroka akan menjadi sentiasa keutamaan kami. Di samping memastikan hak Kerajaan Negeri dan juga FELDA juga terpelihara. Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa sebarang keputusan berkaitan hala tuju permohonan semula FELDA Bukit Goh akan dibuat secara teliti dengan mengambil kira kebajikan rakyat khususnya peneroka supaya penyelesaian yang dicapai benar-benar memberi manfaat jangka panjang kepada mereka. Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Khas Penyelarasan Cadangan Pembangunan Kawasan FELDA Bukit Goh telah ditubuhkan bagi meneliti dan memperincikan cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Hasil penilaian ini, jawatankuasa akan memuktamadkan dalam masa yang terdekat dan sebelum diangkat untuk pertimbangan dan juga keputusan oleh pihak Kerajaan Negeri dan untuk ini Kerajaan Negeri sangat komited untuk memastikan penyelesaian yang dicapai adalah bersifat holistik, mampan dan juga mampu mengembalikan semula sumber pendapatan serta kesejahteraan peneroka yang terjejas. Sekian, Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Sungai Lembing.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okey, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Exco. Yang Berhormat Speaker, perlombongan bauksit di FELDA Bukit Goh ini telah dikenakan moratorium selama lebih 10 tahun. Sepanjang tempoh itu, pemilik tidak ada sumber pendapatan disebabkan bauksit tidak dapat dikeluarkan dan tanah tidak dapat ditanam sawitlah kerana rosak. Kalau tempoh 10 tahun itu kalau tanam sawit dan memang keluar hasil hingga hari ini.

Soalan saya, kepada Yang Berhormat Exco sepanjang tempoh 10 tahun, tempoh moratorium tersebut, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk membenarkan semula mereka mengeluarkan hasil bauksit daripada ladang mereka? Sebab kita tahu isu paling besar ialah pencemaranlah. Jadi tempoh 10 tahun tu amat lamalah untuk mereka guna balik tanah mereka, er… sepertimana Yang Berhormat Speaker sebut tadi mengikut kehendak mereka. Jadi ada sebahagian daripada peneroka ini, mereka masih lagi mahu mengeluarkan bauksit mereka dan pernah satu tarikh saya hadir pada… pada 19 Ogos 2024. Ada satu program simulasi untuk mengeluarkan bauksit daripada ladang tersebut. Saya tak dijemput hadir dalam program ini tapi saya datang terjah setelah dapat maklumat daripada orang kampunglah. Jadi saya nak tahu sejauh mana keputusan ataupun… keputusanlah daripada program tersebut yang mana bauksit tersebut seolah-olah boleh dikeluarkan dan akan diberikan lesen mengikut SOP yang telah ditetapkan, sebab banyak saya tengok agensi kerajaan turun pada hari itu, PTG, JPJ, polis dan banyaklah. Saya pun dah tak ingat yang tersebutlah. Jadi sejauh mana… sebab sekarang ni pun ada macam-macam cerita, Er... bawa keluar *stockpile*lah dan sebagainya. Sejauh mana kerajaan memantau isu ini di FELDA Bukit Goh. Sekian, terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Lembing. Terima kasih kepada Yang di-Pertua, sebab itu saya nyatakan bahawa Yang Berhormat Sungai Lembing, Bukit Goh ni adalah *special* dan saya tak tahulah nama Bukit Goh ni Gah atau Goh. Sebab itu, pada hari ini Kerajaan Negeri telah pun kita meletakkan kita telah pun melantik *taskforce* ini di bawah pentadbiran PTG dan kita telah pun melantik beberapa agensi-agensi untuk turut serta menilai. Sekurang-kurangnya kita nak menilai hasil bauksit yang sebenarnya. Berapakah hasil bauksit yang boleh kita keluarkan dan berapakah yang untuk kita mengembalikan semula kepada peneroka?

Ini yang telah pun kita beri jaminan agar peneroka-peneroka dapat bekerjasama dan untuk makluman, ini ada salah satu isu yang perlu kita hadapi iaitu antara peneroka ni telah mendahului maksudnya membuat *agreement* di samping sepatutnya dalam akta tidak boleh membuat *agreement* di samping untuk bauksit, tapi mereka telah pun melaksanakan perjanjian-perjanjian yang telah pun dibuat. Sepatutnya sewaktu itu kita telah memberitahu kepada peneroka bersabar sedikit untuk kita meneruskan sedikit sahaja lagi untuk kita memberikan kata putus untuk hala tuju yang sebenarnya iaitu untuk memastikan peneroka ni akan dapat kita berikan jaminan pendapatan mereka. Insya-Allah, dalam masa terdekat nanti dan apa hasil yang pada hari ini agak luar biasa. Inilah keistimewaan negeri Pahang yang ada hasil dari bumi yang perlu kita letakkan sebagai salah satu hasil kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Speaker, satu lagi… satu lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Exco, untuk makluman pihak Yang Berhormat Exco, ada beberapa pihaklah yang datang jumpa saya untuk minta saya bagi surat sokongan supaya mereka… saya tak tahu surat sokongan itu untuk mengeluarkan bauksit atau sebagainya Ia kita… saya sebagai wakil pembangkang, saya rasa saya tak ada kuasa untuk memberi sokongan dan sebagainya. Tetapi saya rasa Yang Berhormat Exco boleh memberi penjelasan lah kepada… di dalam Dewan ini tentang situasi sekarang ini, yang saya tengok memang sekarang ini ada berlaku pengeluaran bauksit. Saya tengok ada jentera, ada trak dan sebagainya yang sedang menggali bauksit dan saya tak tahu dihantar ke mana dan sebagainya.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Lembing. Er... menyatakan tadi surat sokongan saya pada pandangan sayalah, maaf pada Ahli Dewan sekadar beri surat sokongan ni, kita sebagai Wakil Rakyat menyokonglah tapi kita ada *taskforce* dia akan menilai syarikat yang ingin membuat kapasiti syarikat tersebut, keupayaan syarikat mengenai kewangan syarikat dan kepakaran syarikat. Kita akan menilai, itulah *taskforce* ini adalah pakar-pakar bukanlah keputusan seorang dua. Inilah keputusan *taskforce Group* yang dikendalikan oleh semua Jabatan teknikal dan juga Komersial yang akan dianggotai oleh semua wakil. Sebab itu, pada hari ini… pada hari ini setakat hari ini yang telah pun dilaksanakan adalah *stockpile* yang perlu di diselesaikan untuk sementara waktu. Sementara kita menunggu keberhasilan daripada apa yang telah pun dibentangkan oleh beberapa pihak dan juga pihak-pihak yang tertentu termasuk daripada pihak PTG yang akan kita jadikan jalan penyelesaian. Untuk masa ini kita

pergerakan seperti biasa tapi namun telah pun dinasihatkan ataupun telah ada satu SOP untuk pihak pengusaha sementara ini untuk menjalankan proses-proses *stockpile* yang agak minimum, yakni yang kita minimumkan perjalanan-perjalanan pada hari ini supaya kita sedang menunggu hasil daripada perbincangan dan juga pembentangan yang telah pun dibuat oleh beberapa pihak pada masa ini. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan sekarang kita beralih ke aturan urusan mesyuarat seterusnya.

MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi;

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang"**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 12 Mei 2026 dan telah pun disokong oleh… dan disokong dan dibahas pada 12 dan 13 Mei 2026. Seramai 33 orang ahli telah mengambil bahagian membahaskan usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini pihak kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya ingin memaklumkan bahawa tempoh masa penggulungan adalah selama 30 minit. Saya juga ingin menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agar tidak kerap mencelah ketika sesi penggulungan bagi memberi ruang dan masa yang mencukupi kepada pihak kerajaan. Untuk itu, saya sukacita saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang untuk memberikan jawapan. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum WBT, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Negeri Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan juga rakan-rakan, tuan-tuan yang hadir yang saya hormati sekalian.

Negeri Pahang indah terbentang,
Warisan megah kekal perkasa,
Penuh syukur kita bersidang,
Mohon berkat Yang Maha Esa.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Izin saya… izinkan saya memulakan ucapan penggulungan ini dengan patik menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghormatan kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah sudi, mencemar duli, berangkat ke majlis pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-15 yang berlangsung pada 8 Mei 2026 bersamaan dengan 20 Zulkaedah 1447 Hijrah.

Titah Diraja yang telah disampaikan menjadi lambang, keutuhan semangat kepimpinan raja berperlembagaan yang sentiasa mendahulukan rakyat. Ucapan Tuanku yang menyentuh pelbagai aspek daripada pembangunan negeri, pemerkasaan ekonomi, sehingga kebajikan masyarakat, memberi hala tuju yang jelas dan memberi… menjadi panduan penting dalam merangka dasar serta tindakan Kerajaan Negeri di masa hadapan. Patik turut merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih, kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah serta Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas limpah perkenan, kebijaksanaan serta naungan berterusan Tuanku dalam memelihara kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang Darul Makmur.

Sesungguhnya, di bawah payung pemerintahan Tuanku, negeri ini terus dipadu, dipandu dengan kebijaksanaan, keadilan, kewibawaan yang menjadi teras kepada keamanan serta keharmonian rakyat. Dalam Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, turut menekankan kepentingan memperkukuh daya tahan ekonomi negeri, memperhebat ekosistem industri tempatan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya, golongan muda serta memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Penegasan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku, supaya kerajaan mempercepatkan sistem penyampaian perkhidmatan, mengurangkan kerenah birokrasi serta mempergiat agenda pendigitalan dan juga penggunaan teknologi baharu, termasuk kecerdasan buatan atau AI juga amat bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memastikan sistem pentadbiran dan pembangunan ekonomi negeri terus bergerak seiring dengan perubahan semasa.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan terhadap pencapaian cemerlang Kerajaan Negeri, sebagaimana yang dizahirkan dalam Titah Diraja, termasuk kejayaan kutipan hasil negeri, yang terus melebihi RM1 bilion bagi tahun ke-4 berturut-turut. Pertumbuhan ekonomi ini, yang memberangsangkan serta kejayaan menarik pelaburan komited, bernilai RM18.04 bilion pada tahun lalu. Sesungguhnya, pencapaian ini mencerminkan komitmen dan juga keupayaan pentadbiran Kerajaan Negeri, dalam memastikan Pahang terus kekal sebuah negeri yang progresif, stabil dan juga berdaya saing.

Patik juga mengambil maklum, dan juga menjunjung tinggi kegusaran yang dizahirkan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku, mengenai isu hak kedaulatan hasil bumi negeri, khususnya berkaitan eksport pasir sungai. Penegasan Tuanku, agar hak negeri Pahang ini dipertahankan dan dikembalikan semula merupakan satu mesej yang sangat jelas. Selaku sebahagian daripada saf pentadbiran, patik berdiri teguh di bawah… di belakang kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri, dalam menyokong sebarang usaha atau tindakan yang perlu diambil bagi memastikan kedaulatan hasil negeri tidak dinafikan demi kelangsungan ekonomi dan juga kebajikan rakyat Pahang secara keseluruhannya.

Patik ingin mengambil iltizam dan juga iktibar, di atas Titah Diraja untuk terus memperkasa agenda, pembangunan ekonomi rakyat khususnya, melibatkan warga FELDA, Gerakan Koperasi dan juga Komuniti Usahawan Negeri Pahang, sejajar dengan aspirasi Pahang 1st serta hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan kemakmuran dapat dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat negeri Pahang. Sepanjang, sesi perbahasan pada kali ini, pelbagai persoalan, pandangan serta saranan telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab portfolio Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan juga Usahawan. Bagi pihak yang memegang portfolio ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, atas perbahasan yang matang, konstruktif serta berfokus demi kepentingan rakyat.

Pagi-pagi menaiki bas,
Sambil makan kuih gulung,
Semua YB sudah berbahas,
Izinkan saya untuk menggulung.

Yang Berhormat Speaker,

Sebelum saya menyentuh soalan-soalan yang dibangkitkan, sepanjang sesi perbahasan. Pertamanya, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih dan syukur pada Allah SWT. Ucapan terima kasih saya khusus mewakili daripada warga peneroka untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Raja Menteri Besar, iaitu memaklumkan bahawa Dewan Yang Mulia ini, berhubung status geran hak milik peneroka FELDA Negeri Pahang. Ingin saya maklumkan di Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini sebanyak 42,894 geran telah berjaya diserahkan kepada peneroka [Ahli Dewan menepuk meja]. Manakala hanya berbaki 231 peneroka iaitu sekitar 0.5% daripada kelulusan 43,126 peneroka. Pihak kami menyasarkan… menyasarkan penyelesaian penuh pada tahun… hujung tahun 2026 ini. Iaitu perkara ini tertakluk kepada penyelesaian isu-isu. Antaranya adalah pewarisan dan juga teknikal yang masih dalam perhatian dan juga tindakan pihak yang berwajib. Dan juga terkini majlis penyerahan surat hak milik telah pun diadakan pada 27 April yang lalu, iaitu bagi peneroka FELDA Selancar 1, 4 dan juga 5 di Dewan Ramai FELDA Selancar 4, 5 yang melibatkan jumlah penerima seramai 425 orang.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab soalan, daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Sentul, Ahli Yang Berhormat Jengka dan juga Ahli Yang Berhormat Chenor, mengenai status pecahan lot bagi Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang STRFB. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pecahan lot yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut, untuk DUN di Kuala Sentul, melibatkan Jengka 1 sebanyak 93 lot, Jengka 3 sebanyak 83 lot dan Jengka 5 sebanyak 648 lot. Itu melibatkan lebih kurang 824 lot yang telah pun siap diukur oleh pihak yang berwajib. Bagi DUN Jengka, melibatkan 9 er... Jengka keluar sekejap.

Me… jadi DUN Jengka melibatkan 9 kawasan Jengka, iaitu Jengka 14 sehingga Jengka 23 iaitu dengan jumlah keseluruhan sebanyak 3,621 lot dan manakala di DUN Chenor, melibatkan 2 kawasan, iaitu Jengka 6 sebanyak 198 lot dan Jengka 7 sebanyak 255 lot. Bagi FELDA Kampung Awah dan juga Sungai Nerek, masih dalam bancian dan juga kajian yang lebih terperinci.

Mengenai isu kelewatan pelan susun atur yang dibangkitkan, ingin saya jelaskan bahawa projek ini melibatkan beberapa prosedur-prosedur yang agak ketat. Antaranya ialah prosedur teknikal, yang amat mendalam. Terutamanya yang menyentuh aspek perwartaan tanah di bawah Akta GSA. Satu jawatankuasa dan juga Mesyuarat Penyelarasan STRFP Bilangan 2/26 pada 16 April yang lalu, telah pun bersetuju untuk menggerakkan Jawatankuasa Teknikal dan juga *Task Force* yang akan diterajui oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang. Jawatankuasa ini turut melibatkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, LPHP sebagai penasihat bagi menentukan spesifikasi teknikal supaya fasa pembinaan berjalan dengan lancar. Jawatankuasa ini sedang melaksanakan gerak kerja intensif di lapangan bagi memastikan segala spesifikasi infrastruktur termasuk rezab jalan, sistem saliran perparitan serta utiliti mematuhi piawaian yang ditetapkan. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa penyerahan lot tanah haruslah disekalikan dengan kesediaan infrastruktur yang mampan bagi memudahkan urusan permohonan rumah oleh peserta kelak. Inilah yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat baik di sebelah sini mahupun sebelah sana agar infra yang akan diberikan bagi memudahkan permohonan-permohonan dan juga untuk generasi FELDA dapat menduduk rumahnya mereka dengan lebih selesa.

Menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat Kemayan, mengenai jangkaan penawaran, sukacita saya maklumkan bahawa kriteria kelayakan kini sedang diperhalusi dengan teliti bagi menjamin ketelusan proses iaitu segala ketetapan teknikal mengenai fasa penawaran ini akan dimuktamadkan melalui bengkel Pemurnian STRFP pada 21 Mei 2026 ini. Proses ini akan digerakkan secara berfasa selaras dengan syor teknikal daripada bengkel permohonan STRFP yang akan dijadualkan pada Mei ini bagi memastikan setiap peserta yang terpilih benar-benar layak dan prosesnya telus. Berhubung isu pembayaran premium yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pulau Tawar, ingin saya tegaskan bahawa sehingga kini tiada lagi sebarang bayaran *premium* dibuat kepada pejabat daerah dan juga tanah. Untuk makluman Ahli Dewan, bahawanya sekali lagi, saya ingin menegaskan bahawa pihak FELDA dan juga Kerajaan Negeri ataupun mana-mana pihak tidak pernah pun mengenakan sebarang… dipanggil sebarang bayaran ataupun kutipan wang kepada pemohon-pemohon. Ini saya ingin maklumkan kepada semua Ahli Dewan untuk memberitahu kepada di luar sana bahawanya tiada sebarang kutipan wang ataupun *premium* yang perlu dibayar oleh pemohon-pemohon buat masa ini. Dan juga proses pengeluaran notis hanya akan dilaksanakan setelah segala aspek teknikal dan juga perundangan dimuktamadkan sepenuhnya. Oleh itu, kerajaan negeri menasihatkan agar warga FELDA sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan sebarang dakwaan pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya mengenai status pindaan Akta Tanah iaitu Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 Akta 530 atau Akta GSA yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kemayan. Draf pindaan tersebut telah pun dibentangkan kepada Ahli Lembaga FELDA pada 20 April yang lalu untuk semakan terakhir sebelum dibawa ke peringkat Parlimen. Pindaan ini amat penting bagi membenarkan pembinaan rumah kedua di lot rumah peneroka asal secara sah. Yang ini untuk makluman kepada Ahli

Dewan, saya rasa inilah antara disebut-sebut oleh seluruh pemimpin masyarakat yang mempunyai FELDA agar rumah-rumah kedua di dalam satu lot dapat dibenarkan.

Bagaimanapun, menjawab keraguan Ahli Yang Berhormat Cheka saya ingin menegaskan bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Kerajaan Negeri Pahang telah pun mengambil langkah proaktif untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada garis semasa proses pindaan ke peringkat persekutuan. Saya dimaklumkan dan saya dapat mengetahui Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri membawa surat ini dan berhubung sendiri, selalu menghubungi, selalu bercakap dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu selaku menteri yang menjaga FELDA agar perkara ini dapat dipercepatkan. [Ahli Dewan menepuk meja] Insya-Allah apabila ketua negeri sendiri berhubung dengan ketua negara, saya rasa keberhasilannya, insya-Allah yang akan diumumkan dalam masa yang terdekat ini. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pula, Kerajaan Negeri akan melaksanakan proses pemberimilikan dibuat di bawah Akta Seksyen 10 Akta GSA iaitu tanpa membuat penamatan Seksyen 5 dan juga Seksyen 6 di bawah Akta yang sama bagi mempercepatkan proses-proses kepada yang layak nanti.

Yang Berhormat Speaker,

Ahli Yang Berhormat Kemayan, Chini dan juga Sabai dan juga saya yakin semua kepimpinan-kepimpinan masyarakat telah pun sangat menekankan isu iaitu untuk generasi peneroka yang mencadangkan agar diberi kelulusan khas bagi bekalan elektrik dan juga air untuk rumah kedua Generasi Kedua FELDA. Kerajaan Negeri amat prihatin dan juga menerima baik cadangan ini. Buat masa ini, kerajaan negeri sedang meneliti peruntukan perundangan yang sedia ada untuk mempertimbangkan kebenaran khas tersebut. Di samping pada hari ini, pihak kami ataupun pihak mewakili peneroka dan juga anak-anak peneroka. Kita mendesak Kerajaan Persekutuan memberikan maklum balas perkara ini dengan segera dengan tuntas bagi untuk memenuhi permintaan-permintaan anak-anak peneroka, generasi peneroka untuk memberikan perkara ini dapat diputuskan dengan lebih segera. Tapi bagi permohonan bekalan air, pihak Pengurusan Air Pahang Berhad ataupun PAIP telah pun menetapkan dokumen yang diperlukan termasuklah surat kebenaran pemilik tanah dan surat kebenaran kemasukan bekalan air daripada Pejabat Tanah ataupun FELDA. Permohonan akan diproses segera setelah dokumen lengkap dikemukakan mengikut tatakelola dan juga piawaian ataupun yang telah diberikan oleh pihak PAIP. Bagi bekalan air pula, bagi bekalan elektrik pula koordinasi teknikal sedang dipergiat bersama pihak teknikal Tenaga Nasional Berhad atau TNB bagi memastikan kapasiti pencawang di kawasan rancangan berkaitan mampu menampung beban tambahan secara selamat. Kita tidak mahu penyelesaian ini bersifat sementara sebaliknya mestilah menjamin kestabilan bekalan untuk tempoh jangka masa panjang.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya saya ingin memberikan maklum balas terhadap beberapa isu tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chini berkaitan keselamatan dan kemudahan utiliti di kawasan FELDA Chini. Mengenai cadangan kajian sistem pendawaian elektrik di rumah-rumah peneroka lama, kerajaan negeri amat bersetuju bahawa aspek keselamatan mestilah diutamakan bagi mengelakkan risiko bencana kebakaran. Walau… walaupun pemilikan rumah adalah di bawah tanggungjawab individu, namun pihak pengurusan FELDA telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Program Insurans Takaful *My Fire Plus* sebagai inisiatif perlindungan kebajikan dan juga harta benda peneroka. Ini kita menyeru agar seluruh peneroka untuk mengambil

skim insurans Takaful My *Fire Plus* ini dengan harga yang cukup minimum, dianggarkan lebih kurang RM65.00 setahun yang boleh memberikan melindungi rumah-rumah peneroka dengan lebih selamat, insya-Allah. Di samping itu, bagi pemeriksaan pendawaian, pemilik rumah disarankan untuk melantik kontraktor pendawaian mendaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan kualiti dan keselamatan pendawaian memenuhi *standard* yang telah pun ditetapkan. Selain itu, berhubung pengurusan pentadbiran, pihak Pejabat Felda Wilayah Kuantan telah pun diarahkan untuk meningkatkan komitmen dan kerja… kerjasama antara pejabat daerah dan juga bersama dengan FELDA.

Yang Berhormat Speaker,

Izin saya ingin… ingin saya… izinkan saya mengambil ruang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Lantikan, Tuan Haris Salleh di atas keprihatinan dan juga komitmen yang diberikan oleh beliau berkaitan isu pembelian perumahan di Sungai Rentang dan juga isu litar *motocross* yang dapat membantu memberi informasi dan juga jalan penyelesaian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tahan [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini baru ADUN Lantikan, bayangkan kalau diberi mandat sepenuhnya untuk menjadi Yang Berhormat kawasan akan perkara yang lebih besar akan dilaksanakan untuk membantu rakyat. Tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Lantikan YB Haris. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Speaker,

Ingin saya menjawab persoalan Yang Berhormat Chini lagi mengenai langkah membantu usahawan kecil, meningkatkan pendapatan dalam mendepani cabaran ekonomi semasa. Kerajaan Negeri sentiasa komited meningkatkan pendapatan melalui pendekatan yang menyeluruh merangkumi penyediaan *platform* pemasaran, perluasan pasaran, akses kepada pembiayaan serta pembangunan kapasiti usahawan. Bagi menyediakan platform pemasaran dan juga perluasan pasaran, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan Malaysia *East Cost-Trade Entrepreneur Expo* pada April yang lalu yang menghimpunkan berbagai usahawan tempatan bagi mempromosikan produk dan juga perkhidmatan mereka. Di samping itu juga membuka ruang dan juga peluang jaringan perniagaan serta akses kepada pasaran yang lebih luas.

Kerajaan Negeri juga akan meneruskan penganjuran Karnival Usahawan di setiap daerah yang akan dilaksanakan secara serentak bersama dengan Karnival Aspirasi Pahang 1st serta penganjuran program Promosi Usahawan di Luar Negeri Pahang. Bagi memperluaskan capaian pasaran di peringkat nasional. Karnival luar Negeri Pahang ini dibuat berdasarkan keberkesanan program seumpama yang telah dilaksanakan pada tahun 2025 yang lalu seperti Pahang *Showcase* di AEON Wangsa Maju dan juga Pahang *Showcase*@Medan MARA yang berjaya meningkatkan jualan serta keterlihatan produk usahawan negeri Pahang berada di luar daripada negeri Pahang. Inisiatif sebegini dilaksanakan bagi memastikan usahawan di peringkat akar umbi khususnya di luar bandar mendapat peluang yang lebih inklusif untuk memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna sekali gus meningkatkan pendapatan melalui aktiviti jualan dan juga pendedahan pasaran.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama SIRIM Berhad telah pun melaksanakan Program SIRIM *Technopreneurship Programme* (STeP) yang bermula tahun 2025 bagi membantu usahawan meningkatkan kualiti produk dan juga menambah baik reka bentuk pembungkusan serta memenuhi piawaian persijilan halal. Usaha ini bertujuan

untuk memastikan produk tempatan lebih berdaya saing serta berpotensi untuk dikomersialkan secara lebih meluas di pasaran domestik dan juga luar negara. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan inisiatif ini kepada fasa kedua bagi memastikan kesinambungan sokongan kepada usahawan-usahawan negeri Pahang di samping memperkukuhkan lagi ekosistem pembangunan produk tempatan di negeri ini secara lebih menyeluruh dan juga berimpak tinggi.

Dalam aspek sokongan kewangan, Kerajaan Negeri melalui Program Geran Usahawan Makmur Pahang menyediakan bantuan berbentuk geran kepada usahawan bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran pembelian peralatan, menaik taraf premis serta pengukuhan strategi pasaran termasuk pendigitalan perniagaan. Bagi membantu penjaja dan juga peniaga kecil berlesen di seluruh negeri, Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Makmur Pahang memperuntukkan lebih kurang RM3 juta bagi pemberian lesen percuma kepada penjaja B40 sedia ada di seluruh negeri Pahang. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan beban kos operasi golongan peniaga kecil serta menggalakkan pematuhan lesen perniagaan di samping memastikan mereka dapat terus beroperasi secara sah, berdaya tahan, berdaya saing dalam ekosistem perniagaan yang lebih teratur. Selain itu, agensi pembangunan usahawan seperti SME Corp. Malaysia turut melaksanakan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera atau (TUBE) dan juga *GrowBiz* yang menyediakan geran permulaan perniagaan, latihan serta bimbingan kepada usahawan mikro termasuk dalam aspek pemasaran digital melalui platform seperti *Facebook*, *Instagra*m, *TikTok* dan juga media sosial yang lain.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sentiasa menggalakkan usahawan luar bandar memanfaatkan pelbagai kemudahan pembiayaan strategik yang disediakan oleh agensi-agensi pembangunan usahawan iaitu di peringkat Persekutuan seperti Skim *Insentif Start-Up* oleh RISDA, Skim Program Dana Pemangkin Penskalaan oleh SME *Corporation*, Pembiayaan *PROSPER* oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad iaitu PUNB, antaranya Geran *Agropreneur* Muda di bawah Kementerian Pertanian dan juga Keterjaminan Makanan, Kemudahan Sokongan Pembiayaan Perniagaan MARA dan Skim Pembiayaan *Online* TEKUN yang boleh dilihat dalam *website* ataupun laman sesawang agensi-agensi tersebut. Sehingga 2026 Februari pada tahun 2026 ini, TEKUN Nasional ingin sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih yang telah pun menyalurkan pembiayaan sebanyak RM14.6 juta kepada seramai 645… 649 usahawan di negeri Pahang termasuk melalui Skim Pembiayaan *Online* Tekun (SPOT) bagi menyokong pendigitalan usahawan di luar bandar. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh ekosistem keusahawanan luar bandar melalui penyediaan bantuan pembiayaan, latihan dan peluang pemasaran yang lebih menyeluruh.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Seterusnya saya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Pulau Manis mengenai kaedah penerangan insentif atau inisiatif keusahawanan. Kerajaan Negeri menyedari bahawa pemakluman yang tepat dan juga pantas adalah kunci utama kejayaan agar dasar dan juga program keusahawan dapat dilaksanakan. Justeru, Kerajaan Negeri melaksanakan pendekatan hebahan yang menyeluruh dan juga proaktif. Ini termasuklah hebahan terperinci mengenai geran-geran bantuan, inisiatif keusahawanan khusus serta kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan. Kita mahu memastikan golongan muda dan juga usahawan di setiap ceruk negeri sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai peluang pembangunan usahawan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Maklumat yang disalur… disalurkan bukan sahaja melalui saluran konvensional, malah dioptimumkan melalui platform media sosial Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan juga Tanah, platform digital agensi pembangunan usahawan serta program turun padang, ekspo dan juga karnival usahawan di daerah-daerah supaya hebahan dapat sampai terus kepada kumpulan sasar.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya saya akan beralih pula kepada sektor yang menjadi tonggak ketiga pembangunan ekonomi negara iaitu gerakan koperasi. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkukuh ekosistem koperasi sebagai wadah memper… pemberdayaan ekonomi rakyat dan inklusif. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, prestasi gerakan koperasi di negeri Pahang bagi tahun berakhir Disember 2025 telah mencatatkan pertumbuhan yang sangat membanggakan. Diucapkan tahniah kepada seluruh koperasi negeri Pahang, berdasarkan perangkaan terkini bilangan koperasi meningkat sebanyak 4% iaitu daripada 1,162 koperasi telah pun meningkat kepada 1,211 buah koperasi. Keanggotaan kini mencecah 314… 314,537 anggota iaitu peningkatan sebanyak 4% berbanding tahun sebelumnya iaitu 18% daripada populasi produk daripada 18% daripada populasi penduduk negeri Pahang adalah ahli koperasi. Kekuatan ataupun kekuatan modal syer dan yuran anggota telah pun meningkat iaitu kepada RM464.9 juta dan nilai aset mencatatkan pertumbuhan 8% dengan nilai keseluruhan berjumlah RM1.72 bilion dan jumlah perolehan melonjak sebanyak 15% daripada RM979.82 juta kepada RM1.13 bilion. Saya nak ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar telah pun menggalakkan koperasi ini dapat diperkasakan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]

Pencapaian RM1.13 bilion ini adalah iaitu jumlah perolehannya yang melonjak sebanyak 50%, hasil nukilan dan juga idea Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar untuk merangsangkan ekonomi koperasi ini bukan sahaja di kalangan koperasi dewasa malah koperasi remaja dan juga koperasi-koperasi sekolah untuk kita mempertingkatkan lagi pencapaian dan juga pendapatan daripada koperasi-koperasi tersebut. Dan juga untuk merujuk kepada data perangkaan am koperasi. Ini adalah satu lagi kejayaan negeri Pahang. Kedudukan gerakan Koperasi Negeri Pahang dalam Indeks Koperasi terbaik Malaysia adalah seperti berikut, iaitu 100 Indeks Koperasi Terbaik Malaysia pada tahun 2024, 11 koperasi yang telah pun menduduki 100 Indeks Koperasi terbaik Malaysia pada tahun ini pun juga kita *remain* 11 koperasi yang terbaik di dalam negara kita.

Namun, 350 indeks koperasi terbaik Malaysia pada tahun 2024 hanya 37 koperasi dan pada tahun 2025, satu peningkatan iaitu sebanyak 41 koperasi telah pun menjadi indeks di dalam koperasi terbaik Malaysia. Sekali lagi tahniah kepada koperasi yang berjaya mendapatkan tempat di seluruh Malaysia ini. Dan sehingga Disember 2025, Koperasi-koperasi Negeri Pahang juga telah pun menyumbang zakat perniagaan sebanyak RM6.06 juta ke dalam… oleh 146 koperasi. Pencapaian ini membuktikan bahawa gerakan koperasi di negeri Pahang berada di landasan yang tepat dan untuk terus bersaing memberikan nilai pulangan yang tinggi kepada anggota- anggotanya. Dalam usaha memastikan kelangsungan dan juga daya saing koperasi, Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terus menyalurkan bantuan kewangan yang signifikan pada tahun 2025 sebanyak RM794,000.00 dalam bentuk geran bantuan telah pun diluluskan kepada 22 buah koperasi. Manakala sejumlah RM10 juta kepada 10 koperasi telah disalurkan melalui pembiayaan ataupun pinjaman bagi membantu koperasi mengembangkan aktiviti perniagaan mereka.

Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap pemerkasaan ekonomi kariah masjid. Sehubungan itu, Belanjawan Negeri Pahang 2026, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, ini satu idea sekali lagi yang saya anggap di luar kotaknya iaitu peruntukan sebanyak RM600,000.00 telah diluluskan bagi pelaksanaan Program Pemerkasaan Koperasi Kariah Masjid Negeri Pahang ataupun kita panggil HIKMAH iaitu program ini akan dipacu secara kolaboratif antara SKM, ANGKASA, IKMa, JAIP dan juga MUIP bagi memastikan masjid bukan sahaja menjadi pusat ibadah, malah menjadi pusat pertumbuhan ekonomi setempat. Sebagai menghargai sumbangan sektor ini, beberapa acara utama telah pun dirancang yang akan dilaksanakan antaranya termasuklah Majlis Apresiasi Koperasi Terbaik Negeri Pahang yang akan dijadualkan pada tahun ini sebagai pengiktirafan kepada koperasi-koperasi yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam tadbir urus dan juga perniagaan.

Yang Berhormat Speaker,

Sebelum saya mengakhiri ucapan sekali lagi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada saf-saf kepimpinan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, di atas panduan dan juga nasihat serta bimbingan yang amat jelas dengan niat untuk membantu rakyat. Tidak asing lagi untuk memberikan ekonomi negeri kita, iaitu negeri Pahang yang tercinta ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat. Walaupun kecaman, walaupun fitnah, walaupun sindiran yang dibuat oleh beberapa pihak, namun kita tidak memberikan ataupun tidak mengurangkan rasa kami untuk sentiasa berkhidmat kepada rakyat ya. Saya nak memetik ada satu perkataan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Raja Menteri Besar mengenai harga nasi lemak RM1.50 pun ada, RM2.00 pun ada, di Kuala Sentul makan mungkin yang nasi lemak dalam RM6.70 itu pun pihak di luar sana memperli, apakah yang diberikan oleh *statement* Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar? Pada saya ini, satu kita perlu memberi maklum kepada di luar sana bahawa sindiran itu okey, tetapi sindiran itu janganlah sampai menghina ataupun memberikan peniaga-peniaga nasi lemak pada hari ini meletakkan nasi lemak itu mahal. Nanti takut peniaga di luar sana akan tidak lagi menjual nasi lemak sedangkan nasi lemak ini antara makanan orang Melayu yang paling digemari oleh seluruh rakyat Malaysia termasuklah YB daripada Triang yang menyukai nasi lemak Bentong yang bernilai RM1.00 boleh disahkan oleh CADO ha… hari ini CADO ada. Nasi lemak di Bentong datang di Bentong, RM1.00 boleh berjumpa ha… Yang Berhormat Sentul… ha nak mencelah.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Speaker, saya tak cakap pasal nasi lemak RM1.00… RM1.50 ini, saya bagi data saya daripada Indeks Harga Pengguna yang *average* RM4.00 itu je.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih, Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Cakap tu jangan pandang saya. [Ketawa]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Ha… tak? Terima kasih kepada Kuala Sentul, dah habis ya. Ha… indeks harga. Sebab itu apabila yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kemayan tadi, tu semalam bahawa tolong jelaskan kenapakah implikasi… kenapa implikasi kenaikan harga? Tapi Yang Berhormat Kuala Sentul nak buat jawapan bertulis nanti, *WhatsApp* jelah tak payah bertulisnya. Sebab itu kita perlu memberitahu kepada penyokong-penyokong kita ataupun rakyat di luar sana. Saya berfikiran pada hari ini apabila Yang Amat Berhormat menegaskan kita banyak membantu daripada bayi sampai ke warga emas. Banyak bantuan-bantuan telah diberikan, namun perkara ini telah pun tidak pun pernah dicanangkan ataupun telah pun telah tidak pun diberitahu oleh pihak di sebelah sana yang mengatakan inilah program yang bagus, tidak pernah. Sebab itu saya mengatakan adakah bersetuju program, contohnya bakti negeri ni adalah program yang baik. Yang Berhormat Kuala Sentul pula meletakkan perkara itu macam ya ataupun tidak… acuh pun tak acuh, perlu menyatakan pandangan bahawanya apa yang Kerajaan Negeri buat ini yang baik perlu kita jelaskan beritahu kepada rakyat di luar sana bahawa apa yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri ini adalah amat baik untuk membantu rakyat.

Sebab itu saya mohon kepada rakan-rakan media di luar sana, rakan-rakan yang membuat ataupun memegang *handphone* iaitu semaklah ataupun bersikap tabayyun untuk menyemak sebarang fitnah, ataupun perkara-perkara yang boleh merosakkan aqidah, ataupun merosakkan fahaman, ataupun merosakkan hubungan kita sesama manusia, dan menjadikan kita lebih alpa ataupun di masa akan datang akan menjadi keberatan kepada masyarakat kita. Bayangkan pada anak-anak kita yang bakal berada di waktu ini hari ini, insya-Allah kita selamat tapi anak-anak kita di masa akan datang kita tidak tahu wallahu a'alam. Sebab tu Yang Berhormat Speaker, saya menyarankan agar pemain-pemain media sosial, janganlah terlalu ghairah ingin meletakkan sebarang perkara, namun perkara yang tetap haram tetap haram. Ia tidak akan menjadi halal, namun benda yang halal tetap halal seperti nasi lemak yang berharga RM1.00 yang ada pada hari ini, insya-Allah.

Yang Berhormat Speaker,

Akhirnya saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan juga kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan persidangan Dewan Undangan pada kali ini. Ucapan penghargaan terima kasih juga turut diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan dan juga *input-input* yang dikongsikan sepanjang Persidangan kali ini. Terima kasih juga kepada pegawai-pegawai daerah di seluruh negeri Pahang, YDP-YDP seluruh negeri Pahang, Ketua-ketua jabatan terutama sekali Yang Hormat Dato' Pegawai Daerah Bentong, anak dia tak berapa sihat masuk hospital malam tadi CADO ya, kita doakan semoga anaknya sihat dengan sejahtera dengan baik dan dipermudahkan urusannya dan juga Yang Hormat Dato' Majlis Perbandaran Bentong, Pengarah-pengarah FELDA antara 3 wilayahnya, iaitu kita ada wilayah Kuantan, Jengka dan Mempaga serta Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang yang dapat hadir untuk bersama pada hari ini dan juga kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada saya selama ini.

Saya turut merakamkan penghargaan kepada usahawan kita, ada usahawan kita hari ini. Iaitu sila berdiri… usahawan kita Puan Nurul Syahirah binti Kamaruzzaman dan Puan Salmiah binti Mohammed. Kita berikan tepukan kepada usahawan FELDA [Ahli Dewan menepuk meja] ini yang berbesar hati menyumbang kerepek bawang. Sambil-sambil membawang bolehlah makan kerepek ni. Itu dipanggil kerepek membawang.

Sebab tu saya suka bawa kerepek bawang hari ni supaya sebab kita lepas ni keluar kita bolehlah membawang bersama sambal belimbing supaya belimbing ni ada yang masam. Ada yang manis. Maklumlah, dalam Dewan kita ada pertukaran idea. Ada yang manis, ada yang masam dan juga belimbing rebus kepada Ahli Dewan Yang Mulia ini. Inilah salah satu usahawan atau ramai lagi usahawan FELDA yang kita ingin pamerkan dan juga ingin produk ini mereka kita naik tarafkan supaya dapat dipasarkan di pasaran di luar sana. Insya-Allah.

Mentari pagi menyinar lama,
Angin bertiup lembut terasa,
FELDA Koperasi jadi teras bersama,
Usahawan dipacu ekonomi sejahtera.

Dari Bentong ke Pekan Sehari,
Jalan Tenang di Bukit Tinggi,
Selesai sudah mandat diberi,
Di lain sidang bersua kembali.

Dengan ini, saya ingin mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Teima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam Pahang 1st. Terima kasih kerana diberi peluang untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi portfolio perpaduan, pelancongan dan kebudayaan negeri Pahang. Terlebih dahulu, saya menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota, titah diraja yang dizahirkan menjadi pedoman penting kepada Kerajaan Negeri untuk terus mengimbangi agenda pembangunan kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar dan pengukuhan identiti negeri. Dalam konteks portfolio saya, titah tuanku relevan dengan usaha memperkukuhkan pelancongan berasaskan alam semula jadi, warisan budaya dan komuniti di samping memelihara perpaduan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan serta mengemukakan pandangan, teguran dan cadangan membina bawah portfolio saya. Ucapan penggulungan ini akan saya susun dalam 3 teras utama iaitu pertama; pelancongan, kedua; kebudayaan, warisan dan ilmu, ketiga; perpaduan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Sektor pelancongan negeri Pahang bukan lagi sekadar sektor sokongan, sebaliknya pemacu penting ekonomi negeri. Pelancongan hari ini bukan hanya berkaitan dengan jumlah ketibaan pelancong tetapi bagaimana setiap kehadiran pelancong ini mencipta peluang pendapatan kepada rakyat. Memperkukuhkan perusahaan kecil, menghidupkan ekonomi daerah dan memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat. Dalam konteks ini, pelancongan Pahang dibangunkan sebagai ekosistem ekonomi yang menghubungkan hotel, *homestay*, pengusaha makanan, peniaga kecil, pengusaha bot, pemandu pelancong, penggiat seni budaya, pengusaha kraftangan, komuniti desa, pengusaha rekreasi dan pihak berkuasa tempatan supaya memberi *multiplier effect*, dengan izin kepada ekonomi rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Tahun 2025 mencatatkan pencapaian membanggakan apabila negeri Pahang merekodkan kehadiran 15.28 juta pelancong melepasi sasaran awal Kerajaan Negeri. Negeri Pahang juga merekodkan kadar purata penginapan tertinggi di Malaysia iaitu 76.3% pada tahun 2025, mengekalkan kedudukan Pahang sebagai nombor satu untuk prestasi penginapan tertinggi untuk 3 tahun berturut-turut. Daripada Tanah Tinggi, pulau, pantai, taman negara…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat…Yang Berhormat, bunyi yang mana? Saya ingin memberi amaran kepada semua supaya semua tutup *handphone* ataupun tutup bunyi *handphone* untuk kita menjalankan mesyuarat dengan lancar. Sekian, sila Yang Berhormat.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Okey. Saya teruskan daripada tanah tinggi, pulau, pantai, taman negara, warisan, *Geopark*, bandar, agropelancongan hingga Komuniti Desa. Kepelbagaian produk pelancongan membolehkan Pahang menawarkan pengalaman yang menyeluruh kepada pelbagai segmen pelancong.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri meletakkan hala tuju yang jelas melalui pendekatan Visit Malaysia 2026 Pahang 1st untuk memastikan negeri Pahang muncul sebagai destinasi pilihan utama sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Bagi merealisasikan sasaran 15.5 juta pelancong, peruntukan Kerajaan Negeri digerakkan untuk memperkukuh promosi, pembangunan produk, penganjuran acara, latihan pemain industri, pembangunan kapasiti komuniti serta penambahbaikan infrastruktur pelancongan. Dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan MOTAC bawah *Rolling* Plan 1 RMK-13 ada 2 kelulusan projek. Yang pertama, pembangunan semula Pantai Cherating, Kuantan berjumlah RM15 juta. Yang kedua, menaik taraf *Floating Platform* di Kampung Tekek, Pulau Tioman berjumlah RM3 juta. Menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota yang memberi perhatian khusus kepada Cherating, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan amat menghargai pandangan tersebut.

Sehubungan itu, kelulusan RM15 juta bagi pembangunan semula Pantai Cherating akan dimanfaatkan sebaiknya untuk mengangkat semula kedudukan Cherating sebagai destinasi pantai ikonik negeri Pahang. Bagi memastikan Cherating diberi nafas baru, tumpuan pelaksanaan akan merangkumi 3. Pertama, menaik taraf

kemudahan asas pelawat termasuk laluan masuk, landskap, pencahayaan, papan tandas, tandas, surau dan tempat rehat. Kedua, menambah baik susun atur kawasan pantai dan kemudahan sokongan pelawat untuk memastikan persekitaran yang lebih kemas, selamat, selesa serta sesuai untuk penganjuran program dan sukan air.

Ketiga, memperkukuh produk pelancongan Cherating seperti luncur ombak, Sungai Cherating, *firefly watching*, makanan tempatan, kraftangan, seni budaya dan acara komuniti. Keempat, membangunkan tarikan baharu seperti *River Esplanade* dan glamping bagi menambah nilai pengalaman pelawat. Projek ini sangat penting kerana infrastruktur yang baik akan meningkatkan kualiti pengalaman pelawat, memperkukuh daya saing destinasi dan memberi manfaat kepada pengusaha tempatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk pelbagai latihan dan program peningkatan kapasiti turut dilaksanakan untuk MOTAC dan agensi-agensi. Antara kursus yang dilaksanakan adalah Kursus Mesra Malaysia, latihan kepada pengusaha *homestay*, pemandu pelancongan berlesen, bengkel gastronomi produk homestay dan kursus CTRE. Manakala untuk Kerajaan Negeri, pendekatan diberi untuk latihan hospitaliti, pembangunan pakej pelancongan, pengurusan media, penghasilan kandungan digital, pemanduan pelancong alam semula jadi dan strategi pemasaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Dari sudut pengiktirafan kualiti, pada tahun 2025, 3 produk pelancongan Pahang telah mendapat pengiktirafan MyTQA iaitu East Coast Mall, Pusat Taman Laut Tioman dan Masjid Negeri Sultan Ahmad. Ini menjadikan keseluruhan 10 produk pelancongan di Pahang telah menerima pengiktirafan tersebut. Di peringkat ASEAN, Majlis Bandaraya Kuantan dan *Hyatt Regency* Kuantan *Resort* mendapat pengiktirafan ASEAN *Tourism Standard* bagi penilaian 2026 hingga 2028. Pengiktirafan ini penting kerana meningkatkan keyakinan pasaran terhadap kualiti destinasi, perkhidmatan dan pengalaman pelancong di Pahang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Ketidaktentuan geopolitik, termasuk situasi di Asia Barat memberi kesan kepada sektor pelancongan khususnya dari segi kos perjalanan, laluan penerbangan, sentimen keselamatan dan corak perancangan pelancong antarabangsa. Dalam keadaan ini, pendekatan Kerajaan Negeri adalah pragmatik, memperkukuh pasaran domestik dan serantau yang lebih stabil, di samping meneruskan promosi antarabangsa secara bersasar kepada pasaran yang mempunyai potensi untuk membawa ketibaan dan perbelanjaan yang tinggi. Selain daripada 3 ***travel fair*** yang saya berkongsi semalam iaitu *MAH Tourism Fair*, *MATTA Fair Pahang* dan STAR Karnival Cuti-Cuti Malaysia, program lain seperti *Pantai Timur Fest*, *Pahang Fishing Fest, East Coast Surreal Taste and Cultural Fest*, Program *Malaysia Year End Sale* er… Pahang juga akan menjadi platform promosi kempen.

Di samping itu, kerjasama pintar, *Smart Partnership,* dengan izin dan Promosi Bersama, *Joint Promotion* dengan pemain industri sangat penting. Sebagai contoh, Tourism Malaysia telah memeterai kerjasama strategik dengan Resorts World Genting untuk mempromosikan kempen Visit Malaysia 2026. Jadi pada awal tahun ini, Resorts World Genting telah pun menandatangani MoU bersama *OTA-OTA* penting di Indonesia seperti seperti *Traveloka, Tiket.com, Global Tech* dan juga *Plaza Premium Group* untuk menawarkan eksklusif *offer* kepada pelancong-pelancong dari Indonesia.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri memang mengalu-alukan untuk penganjuran acara pelancongan. Jadi sini sila izinkan saya berkongsi 3 acara kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang pertama, *King of Mountain* yang akan berlangsung 13 Julai tahun ini di Genting Highlands. Ini bukan sahaja acara untuk sukan rekreasi tetapi juga cabaran fizikal bertaraf tinggi kepada para peserta. Tahun lepas adalah inisiatif baru di mana kita berjaya menarik peserta daripada 17 buah negara dan tahun ini kita menjangka akan ada penambahbaikan er… tiga kali ganda berbanding dengan jumlah peserta pada tahun lepas. Acara kedua, *Green Eye Squid Hunting* yang akan berlangsung di Kuantan pada Ogos 2026 untuk mengetengahkan pengalaman marin berasaskan komuniti nelayan. Ketiga, *Taman Negara Ultra Run* di Kuala Tahan, Jerantut er… dari 23 hingga 25 Oktober Pahang untuk angkat Pahang sebagai destinasi ekopelancongan bertaraf dunia.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya ingin juga berkongsi beberapa elemen pelancongan, contohnya pelancongan berasaskan aktiviti lasak. Jadi di Pahang, kita ada Via Ferrata. Kita ada 3. Kita ada Via Ferrata Gua Tagang di Lipis, Via Ferrata Nenek Semukut di Tioman dan Via Ferrata Paya Gunung di Jerantut. Ini adalah dapat menarik peminat-peminat untuk *adventure tourism.* Manakala *community based Eco tourism* menampak bahawa Taman Negara Kuala Sat boleh dilihat sebagai bagaimana komuniti luar bandar menjadi pemain utama untuk pelancongan berasaskan alam, budaya dan kehidupan setempat. Bagi pelancongan bandar dan gaya hidup sihat, Majlis Bandaraya Kuantan menganjurkan *Kuantan Car Free Day 2026* bersamaan dengan pelbagai edisi larian dan aktiviti komuniti. Jadi untuk tahun ini pada Januari ada *New Year Run & Ride*. Februari, *Panda City Run*. April, *LebaRun*. Mei, Larian Hari Pekerja dan akan datang pada 7 Jun, ada *Neon Run* yang berlangsung pada waktu malam. 5 Julai, *Kuantan Half Marathon*. 2 Ogos, *Merdeka Run* dan Hari TLDM. 6 September, *Pahang Half Marathon*. 4 Oktober, *BMW Millenium Welt Performance Series*. 15 November, *East Coast Half Marathon*. 6 Disember, *Unicorn Run*.

Pelaksanaan *Kuantan Car Free Day* bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat malah menghidupkan pusat bandar Kuantan untuk menarik pengunjung hujung minggu serta membuka peluang ekonomi kepada peniaga kecil, pengusaha makanan, penggiat seni dan komuniti setempat. Kerajaan Negeri juga melihat potensi besar *ECRL Pahang Experience* sebagai produk baru untuk memanfaat… memanfaatkan jajaran ECRL, membina pakej pelancongan rentas daerah. Selain itu, produk seperti *The Antenna Climb* di Kuantan 188, *Rail Tourism* bersama KTMB, *Pahang Edu Tourism Trail, Kuantan Heritage Walk* dan pakej komuniti akan terus diperkukuh supaya Pahang tidak hanya bergantung kepada destinasi sedia ada tapi sentiasa memperkenalkan pengalaman baru yang segar dan berdaya saing.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Pembangunan pelancongan negeri perlu bergerak seiring dengan prinsip konservasi dan kelestarian. Sepanjang tahun 2025, Perbadanan Taman Negeri Pahang melaksanakan program, contohnya Program TERAS, lawatan penanda aras ke Lembah Kinta Geopark dan Kursus CTRE Eksplorasi Gua Bama. Program *Geopark Odyssey* dengan kerjasama Tourism Malaysia diadakan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keunikan geologi, budaya dan biodiversiti di Lipis Geopark. Sebanyak 12 pakej pelancongan khas disasarkan untuk dibangunkan untuk memberi fokus kepada pengalaman secara langsung di tapak warisan. Bagi tahun 2026 PTMP

akan teruskan usaha melalui program Program *Geodiscovery Lab, Geoguide Masterclass*, sesi perbincangan pengurusan gua di Merapoh dan Kajian Penyediaan Dossier ke arah Aspiring Lipis UNESCO Global Geopark. Pada suku ketiga tahun ini, Galeri Lipis Geopark dijangka akan dibuka sebagai pusat promosi pendidikan dan kesedaran masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Sektor kebudayaan, warisan dan ilmu merupakan teras penting untuk identiti negeri Pahang. Pelancongan yang kuat perlu mempunyai jiwa dan jiwa pelancongan Pahang adalah seni, budaya, warisan, sejarah, bahasa, adab, kraf, ilmu dan jati diri… diri rakyatnya. Sepanjang tahun 2025 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pahang melaksanakan Program Pemerkasaan Seni Budaya memberikan tumpuan kepada pembangunan bakat, pemeliharaan warisan, dokumentasi budaya serta perluasan penglibatan komuniti dalam industri kreatif negeri. Antara inisiatif adalah program Bimbingan Seni Budaya memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk mengikuti pembelajaran dalam bidang seni tari, teater dan kompang, kelas bimbingan hujung minggu dalam bidang muzik, gamelan dan teater juga dilaksanakan kepada peserta-peserta di Kompleks JKKN Pahang. Program ini penting supaya generasi muda berperanan sebagai pewaris dan penggerak kepada seni budaya negeri.

Bagi tahun 2026, JKKN Pahang akan meneruskan program seperti Festival Teater Negeri Zon Timur, Pesta Pantun Negeri, Colours of Malaysia, Bengkel Satellite Seni Budaya, Jelajah Sijil Kemahiran Malaysia Seni Budaya. *Colours of* Malaysia mengetengahkan identiti serta kepelbagaian warisan budaya negeri Pahang. Dia ada beberapa siri dan yang akan datang adalah hari esok, 15 Mei sebagai salah satu pengisian di Program Indahnya Malam di Mengkarak Waterfront Bera. Jadi, dialu-alukan orang awam semua untuk membanjiri *waterfront* di Mengkarak *Waterfront* Bera. Selain itu, Pesta Pantun Negeri Pahang 2026, akan dianjurkan 13 jun untuk memelihara warisan puisi tradisional supaya terus dihayati oleh semua lapisan generasi. Kita juga menjemput semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, masyarakat Pahang hadir beramai-ramai.

Di samping itu, Jelajah Sijil Kemahiran Malaysia Seni Budaya memberi pendedahan kepada belia dan penggiat seni berhubung peluang untuk pensijilan kemahiran. Inisiatif ini membantu melahirkan tenaga mahir seni budaya yang bertauliah dan berdaya saing dalam industri kreatif negara. Program pelancongan budaya temasya orang Pahang, ini adalah inisiatif baru yang berimpak tinggi menggabungkan persembahan seni, makanan warisan, permainan rakyat, adat resam, kraftangan, busana tradisional dan produk komuniti yang akan berlangsung di Oktober 9 hingga 11 Oktober di Dataran Bentong. Justeru itu, Kerajaan Negeri melihat usaha JKKN Pahang sebagai pelengkap penting kepada agenda pelancongan negeri khususnya dalam membina produk pelancongan budaya yang lebih autentik, inklusif dan berdaya saing.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Pada tahun 2025, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia mencatatkan pencapaian di mana berjaya menganjurkan Festival Kraf Pantai Timur dan Promosi Kraf Malaysia yang mencatatkan jualan melebihi RM4.4 juta dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang bersama Yayasan Tenun Pahang Diraja juga menjayakan pertandingan Piala Tengku Azizah dan Temasya Warisan Pahang di Perkampungan Kraf Tunku Azizah. Kraf bukan sekadar produk warisan tetapi mempunyai nilai ekonomi yang nyata apabila produk kraf diberi ruang promosi

latihan, reka bentuk penjenamaan capaian pasaran baik. Ia mampu menjadi sumber pendapatan kepada usahawan, komuniti dan generasi muda.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Dalam aspek warisan, MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara memberi perhatian untuk usaha pemeliharaan tapak bangunan objek dan seni budaya di Pahang. Setakat ini kita ada 9 tapak yang telah diwartakan dan 1 zon dilindungi dan 2 dalam proses iaitu Balai Polis Bukit *Fraser* dan juga Pejabat Pos Bukit *Fraser*. Jabatan Warisan Negara mengalu-alukan cadangan pencalonan tapak atau objek yang mempunyai nilai sejarah dan warisan tinggi untuk dipertimbangkan. Kajian penyelidikan juga dijalankan di Pekan Sehari Temerloh, Hutan *Mossy Forest* Cameron Highlands, Rumah Pegawai Daerah Lipis, Masjid Lama Negeri, Bangunan Kelab Pahang di Kuala Lipis.

Selain itu, Yang Berhormat Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa usaha untuk ke arah pencalonan Tapak Warisan Perlombongan Bijih Timah Sungai Lembing sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Melalui kerjasama strategik bersama Majlis Bandaraya Kuantan, perbincangan akan diadakan bagaimana untuk menyenaraikan tapak tersebut ke UNESCO *Tentatif Live… Tentative List,* minta maaf. MOTAC juga telah mengatur… menyalurkan peruntukan RM7.59 juta untuk membantu… untuk memastikan bahawa tapak warisan perlombongan bijih timah Sungai Lembing dapat terus dipelihara, dipulihara dan dilindungi secara mampan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang… Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk muzium, arkib dan perpustakaan sebagai teras ilmu, Muzium Seni Kontemporari Pahang (MOCA) bukan sekadar ruang pameran seni kontemporari, ianya juga ruang galeri untuk menawarkan pengalaman visual yang selaras dengan *trend* pelancongan terkini yang lebih berorientasikan pengalaman atau *experience based tourism*. Bagi tahun 2026, Muzium Pahang akan terus memainkan peranan dengan penganjuran Mesyuarat Tahunan Simposium International Council Muzium Asia-Pasifik 17 hingga 21 Mei, Pembangunan Pakej Pekan *Heritage Trail*, Pengukuhan AL ASAR sebagai Pangkalan Data Warisan Negeri Pahang dan Pembangunan Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah sebagai lokasi tumpuan untuk pembangunan Tenun Pahang Diraja.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bagi Arkib Negara Malaysia bagi tahun 2026, seramai 252 penyelidik menggunakan bahan arkib dengan rujukan… jumlah rujukan 769 bahan. Pada tahun ini pula, sehingga April mencecah 172 orang dan 321 bahan rujukan. Untuk perancangan tahun ini, program Arkib@Sekolah telah dilaksanakan dan akan datang adalah Program Sejarah Lisan Perubatan Tradisional Orang Asli di Cameron Highlands pada Ogos, Bicara Sejarah Pekan Sehari pada September, Program Citra Merdeka sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Program-program inisiatif komuniti ini penting sebab sejarah bukan sahaja disimpan dan dipelihara tetapi perlu difahami, diwarisi dan dihayati oleh masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang terus berkembang sebagai pusat ilmu, ruang pembelajaran komuniti dan destinasi Edu Tourism. Sepanjang tahun 2026 perpustakaan awam di bawah pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang telah mencatatkan 9,801 keahlian, 441,000 pengunjung, 280,000 pinjaman buku dan hampir 2,600 aktiviti galakan. Statistik ini menunjukkan bahawa perpustakaan kekal relevan sebagai pusat ilmu dan sumber pembelajaran masyarakat. Bagi menarik minat generasi muda dan memperluaskan fungsi perpustakaan, kemudahan seperti VR, PS5, *air* hoki dan ruang digital diperkenalkan di Perpustakaan Awam Sultan Ahmad Shah, Perpustakaan Awam Daerah dan Cawangan. Pada tahun 2026, Pahang akan menjadi tuan rumah Konvensyen Perpustakaan SeMalaysia yang dijadualkan pada bulan Oktober untuk menghimpunkan warga kerja perpustakaan awam dari seluruh negara untuk memperkukuh jaringan profesional, perkongsian ilmu di kalangan warga perpustakaan dan juga mempromosikan Kuantan kepada peserta dari seluruh negara.

Karnival Buku yang baru dijalankan di Lipis menarik lebih 15,000 orang pengunjung dan akan datang Karnival Buku Temerloh 29 Oktober hingga 1 November, Karnival Buku Pekan 26 hingga 30 November. Kerajaan Negeri akan terus menyokong usaha memperkukuh perpustakaan sebagai pusat ilmu ruang komuniti sebahagian daripada ekosistem Edu *Tourism* Pahang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Perpaduan merupakan asas kepada kestabilan sosial dan kemakmuran negeri. Tanpa perpaduan, pembangunan tidak akan dapat dinikmati secara menyeluruh. Tanpa keharmonian, sektor pelancongan, kebudayaan dan ekonomi komuniti juga tidak akan berkembang dengan baik. Oleh itu, Kerajaan Negeri amat berbangga apabila negeri Pahang mencatatkan skor Indeks Perpaduan Nasional 2025 atau (IPNas) tertinggi di Malaysia. Pencapaian ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai tahap perpaduan yang kukuh, hubungan sosial rentas etnik yang baik, keyakinan tinggi terhadap institusi serta menikmati manfaat pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar. Lebih membanggakan Pahang turut diiktiraf sebagai antara negeri berprestasi tinggi dan menjadi rujukan dalam menggabungkan agenda pembangunan dengan perpaduan. Menjunjung Titah Tuanku, saya mohon semua pihak untuk menghentikan sebarang sentimen dan isu 3R yang boleh mencetuskan kebencian serta terus menjunjung nilai hormat dan toleransi. Program pembudayaan Rukun Negara dan pengukuhan program perpaduan akan diteruskan pada tahun ini. Jadi, antaranya Program Gerak Integrasi Perpaduan Sekolah Rendah dan Menengah, Jelajah Belia Rukun Negara bersama IPTA dan IPTS, Pertandingan Pidato Rukun Negara Peringkat Negeri Pahang dan Penyampaian Watikah Pelantikan KRT Peringkat Negeri Pahang.

Inisiatif baru seperti PRISMA iaitu pengaktifan Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat akan diperkukuh sebagai platform respons pantas bagi memantau dan menangani isu yang boleh menggugat keharmonian masyarakat. Platform RAKAN atau Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional akan memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu perpaduan dan sensitif secara lebih tersusun. Kita sedar bahawa pada masa ini wujudnya cabaran yang kompleks seperti jurang generasi dan ancaman penyalahgunaan media sosial yang berpotensi menjadi medan penyebaran fitnah serta hasutan perkauman. Dengan ini, kita perlu mengambil langkah proaktif untuk menjadikan platform media sosial sebagai medan untuk membina naratif detik perpaduan yang positif.

Kempen Penggalakan Budi Bahasa *#cakapbaikbaik* serta agar mesej keharmonian dapat disebarkan secara pantas dan meluas dan mendidik masyarakat untuk saling menghormati, membina persekitaran digital yang lebih sihat. Usaha memelihara perpaduan adalah amanah dan tanggungjawab kita bersama. Oleh itu, saya mohon sokongan padu daripada semua Ahli Yang Berhormat untuk kita bersama-sama membawa mesej keharmonian, bertolak ansur menjadi teladan kepimpinan terbaik kepada rakyat akar umbi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga akan menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan Ahli-ahli Dewan Negeri. Batu Talam er… Yang Berhormat Batu Talam yang mencadangkan tentang untuk membangunkan sektor agropelancongan berasaskan pertanian di Raub.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Raub memang berpotensi untuk dibangunkan sektor agropelancongan untuk meningkatkan pendapatan petani, merancakkan ekonomi luar bandar. Dengan ini, Jabatan Pertanian telah menyediakan bantuan di bawah peruntukan pembangunan agropelancongan dengan kadar maksimum RM100,000.00 bagi setiap usahawan untuk menaik taraf infrastruktur, fasiliti landskap dan kemudahan pengunjung. Pada masa yang sama, kita pun sedari bahawa daerah Raub ada terkenal dengan pelbagai aktiviti pertanian. Jadi antara inisiatif yang kita boleh pertingkatkan adalah pembangunan pakej pelancongan berasaskan komuniti, latihan kepada pengusaha pelancongan desa dan pelaksanaan program dan acara untuk er… menarik pelancong.

Yang Berhormat Tahan yang bertanyakan *canopy walkway* untuk er… Canopy Walkway Seberang Ara yang sepatutnya dibuka bulan Mac. Sebenarnya pada bulan Mac, kerja-kerja telah siap dan Jabatan PERHILITAN telah merancang dan membuat persiapan dan tetapi selepas membuat pemeriksaan menyeluruh bersama FRIM pada bulan Mac didapati bahawa terdapat pokok berisiko tinggi berhampiran fasiliti *canopy walkway* tersebut, jadi peruntukan telah pun disalurkan dan pun telah siap dan pada bulan April dan Mei, hujan lebat, ribut menimpa dan pada bulan Mei pemeriksaan menyeluruh dilaksanakan sekali lagi dan didapati pokok tumbang dan beberapa pokok berisiko tinggi baru didapati. Jadi, peruntukan baru diperlukan untuk penyelenggaraan jadi mengikut jawapan daripada Jabatan PERHILITAN er… untuk kerja penyelenggaraan dijangka akan dilaksanakan pada bulan Jun dan kita memang amat berharap bahawa ianya boleh dibuka semula sebelum Julai.

Untuk Yang Berhormat Damak yang bertanyakan tentang aspek infrastruktur jalan yang menuju ke Lata Meraung. Untuk maklumat Yang Berhormat, menurut Jabatan Perhutanan Negeri Pahang er… jabatan ini telah menerima peruntukan untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan masuk ke Lata Meraung. Kawasan rekreasi telah diturut er… dilengkapi dengan kemudahan asas contohnya tempat *parking*, dewan terbuka dan gazebo manakala Majlis Daerah Jerantut juga telah mengambil inisiatif untuk memohon peruntukan tambahan supaya dapat menambah baik lagi infrastruktur di tempat tersebut.

Yang Berhormat Mentakab yang mencadangkan untuk tentang Kampung Paya Siput. Terima kasih atas cadangan tersebut dan er… Kerajaan Negeri melalui Tourism Pahang akan meneliti pelbagai pendekatan promosi pembangunan yang bersesuaian untuk memperkukuhkan penjenamaan lokasi tersebut termasuk promosi digital, media sosial dan memasukkan Kampung Paya Siput dalam pakej perlancongan.

Yang Berhormat Lanchang yang bertanyakan tentang dana pemuliharaan rumah tradisional. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum ada skim khas bawah yang dinamakan secara khusus sebagai Dana Pemuliharaan Rumah Tradisional bawah portfolio pelancongan untuk membiayai pemuliharaan rumah-rumah tradisional er… tradisional lama. Walau bagaimanapun, untuk cadangan ini seperti er… rumah-rumah tradisional di Kampung Lanar, Kampung Telung, Kampung Cempaka pendekatan yang sesuai perlu dimulakan dengan proses untuk mengenal pasti dan inventori terlebih dahulu. Ini penting untuk menentukan lokasi pemilik usia bangunan, nilai sejarah, ciri seni bina, tahap keaslian dan juga keadaan fizikal rumah berkenaan.

Jadi, penilaian teknikal perlu dilaksanakan dulu bersama agensi-agensi berkaitan contohnya Perbadanan Muzium, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah dan Jabatan Warisan Negara. Jadi penilaian ini merangkumi aspek status pemilikan tanah dan bangunan, tahap kerosakan struktur, kos baik pulih, kaedah konservasi yang sesuai dan potensi rumah tersebut untuk dipulihara sebagai aset komuniti, rujukan warisan dan produk pelancongan budaya. Jadi bagi rumah tradisional yang dikenal pasti mempunyai nilai warisan yang tinggi, cadangan er… untuk senaraikan dan diiktiraf di bawah kerangka warisan yang bersesuaian boleh diteliti mengikut prosedur yang ditetapkan.

Yang Berhormat Tanjung Lumpur yang bertanyakan tentang prasarana di Pantai Anak Air dan Pantai Kempadang. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Bandaraya Kuantan telah memasang 5 unit lampu solar di kawasan Pantai Anak Air dan juga 2 unit lampu solar di Pantai Kempadang, akan datang MBK akan menambah lagi lampu solar 6 unit di Pantai Anak Air dan 6 unit di persisiran Pantai Kempadang. Akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Speaker er… Tuan Yang di-Pertua… Tuan Speaker, secara keseluruhannya hala tuju portfolio Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang bagi 2026 adalah jelas. Sektor pelancongan, Kerajaan Negeri mahu memastikan Pahang terus menjadi destinasi utama sempena Visit Malaysia 2026. Melalui pendekatan Pahang 1st, sektor kebudayaan dan warisan Kerajaan Negeri akan terus memartabatkan seni budaya, kraf, muzium, arkib dan perpustakaan. Untuk agenda perpaduan, Kerajaan Negeri akan terus memelihara keharmonian rakyat, memperkukuh integrasi sosial dan memastikan Pahang kekal sebagai negeri contoh dalam membina masyarakat yang aman, stabil dan bersatu padu.

Saya yakin bahawa dengan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri, Agensi Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, pemain industri komuniti dan seluruh rakyat negeri Pahang berada dalam landasan yang kukuh menjadi negeri pelancongan, kebudayaan dan perpaduan yang unggul. Apa yang kita bangunkan bukan hanya destinasi. Apa yang kita pertahankan bukan hanya warisan. Apa yang kita bina bukan hanya angka pencapaian, yang lebih besar ialah sebuah negeri yang makmur, beridentiti, lestari dan memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Sungguh indah cantik bergaya,
Gadis seberang memakai gelang,
Selesai sudah pembentangan saya,
Semoga Pahang terus gemilang.

Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Seterusnya, saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat yang terakhir

bagi sesi pagi ini iaitu Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Sila.

(ADUN TERUNTUM - N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Salam sejahtera semua. Saya mengambil kesempatan ini menjunjung kasih seterusnya kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang sudi mencemar duli berangkat ke istana… ke Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 Tahun 2026 pada 8 Mei 2026.

Sesungguhnya Titah Diraja yang menekankan keperluan mengukuhkan ekonomi negeri, mempercepatkan proses pelaburan, mengurangkan proses birokrasi serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan amat bertepatan dengan aspirasi untuk menjadikan Pahang sebuah negeri yang terus maju, berdaya saing untuk mesra pelabur. Pada masa yang sama, saya amat mengambil perhatian terhadap titah Baginda berkaitan kebajikan rakyat dan cabaran kos sara hidup yang sedang dihadapi ketika ini. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang, saya akan terus berusaha memperkukuhkan usaha membantu rakyat melalui pelbagai program pengguna, pembangunan tenaga kerja, peningkatan kemahiran serta menambah peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak muda negeri Pahang.

Titah Baginda supaya lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi dibawa masuk bagi membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini juga akan terus dijadikan panduan utama dalam memastikan anak-anak Pahang mampu membina kerjaya dan masa depan yang lebih baik di negeri sendiri. Sesungguhnya amanat yang dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang merupakan panduan dan inspirasi kepada seluruh pimpinan negeri untuk terus bekerja dengan penuh amanah dan integriti demi kemajuan negeri Pahang Darul Makmur. Di kesempatan ini, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya. Setiap pandangan, teguran dan cadangan yang dikemukakan amatlah dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajar demi kebaikan bersama.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan kebajikan dan hak pengguna terus dipelihara khususnya dalam menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup dan keadaan ekonomi yang tidak menentu semasa susulan dari konflik Asia Barat. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bersama agensi berkaitan bagi memastikan rakyat di negeri Pahang mendapat akses kepada barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan dan terkawal. Antara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah pemantauan harga barangan secara berterusan. Perlaksanaan program-program yang bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat seperti Jualan Makmur Kluster Perayaan untuk… oleh Kerajaan Negeri Pahang, Jualan Rahmah MADANI

serta kerjasama strategik bersama pihak KPDN. Lain-lain jabatan, agensi dan pengusahaan industri bagi menjamin kestabilan bekalan makanan serta keperluan harian rakyat.

Bagi tahun 2026, Jualan Makmur Kluster Perayaan telah menerima peruntukan sebanyak RM7.56 juta dan Jualan Makmur ini ada diadakan menjelang setiap musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Krismas dan tidak lama lagi pula sambutan Hari Raya Haji yang bakal tiba. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas peruntukan ini. Manakala Jualan Rahmah MADANI diteruskan pelaksanaan sekurang-kurangnya 3 kali di setiap DUN pada setiap bulan. KPDN juga turut melaksanakan program Bazar Ramadan, Rahmah MADANI semasa bulan Ramadan yang lalu. Di bazar-bazar Ramadan terpilih di seluruh negeri Pahang dengan tujuan menggalakkan para peniaga menawarkan menu rahmah serta pemberian bantuan e-Wallet kepada peniaga dan pengguna melalui inisiatif pendigitalan Sektor Peruncitan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Kerajaan Negeri turut memberi perhatian terhadap aspek kesedaran pengguna melalui program kesedaran pengguna. Kempen kesedaran hanya hak pengguna serta aplikasi berkaitan transaksi digital dan keselamatan pengguna dalam talian yang semakin meluas pada masa kini. Dengan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup KPDN telah membangunkan *apps PriceCatcher* dengan izin, untuk menunjukkan harga terkini di premis-premis terpilih yang dipantau oleh pegawai pemantau harga.

Dengan slogan “Semak Harga Bijak Belanja” membolehkan pengguna lebih peka dalam berbelanja barang keperluan harian. Aplikasi ini menunjukkan sebayak 60 barang harian yang merangkumi barang basah seperti ayam, ikan, sayuran dan telur. Manakala barangan kering dikemas kini secara mingguan sebanyak 139 barangan dan bulanan pula sebanyak 18 barangan terpilih. Promosi dan hebahan aplikasi ini sedang giat dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga Pahang melalui penglibatan dalam program-program terpilih secara berterusan. *Apps* PriceCatcher ini adalah ialah aplikasi yang menunjukkan harga semasa barang di pasar raya, pasar mini, pasar basah dan premis terpilih di mana pengguna boleh menggunakan perbandingan harga sebelum membeli supaya dapat berjimat dan menjadi pengguna yang lebih bijak secara tidak langsung mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya mengambil maklumat segera isu yang dibangkit sepanjang sesi perbahasan termasuk berkaitan kenaikan harga. Isu penguatkuasaan terhadap peniaga yang tidak beretika serta keperluan memperluaskan program bantuan rakyat di kawasan luar bandar dengan tujuan mengurangkan kos sara hidup. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya memberi jaminan bahawa setiap perkara yang dibangkit akan diteliti. Diberi perhatian serta tindakan penguatkuasaan berhemah demi memelihara hak pengguna. Ia bertujuan memastikan kestabilan harga dan bekalan barangan di Pahang melalui menguatkuasakan akta berkaitan kawalan harga subsidi perdagangan terus adil dengan fokus utama membanteras penipuan harga dan ketirisan barang kawalan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Usaha-usaha menjaga kebajikan pengguna bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi memerlukan kerjasama semua pihak termasuk peniaga, pengguna dan masyarakat keseluruhannya. Dengan semangat kebersamaan dan keprihatian… keprihatinan, saya yakin kita mampu memastikan kesejahteraan rakyat di negeri Pahang terus terpelihara. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat sebarang aduan, komen dan cadangan mengenai gangguan bekalan barang-barang harga yang tidak munasabah, harga yang terlalu mahal, penipuan jualan, tiada tanda harga, barang tiruan, manipulasi harga, isu timbang sukat dan sebagainya. Makalah boleh saluran… saluran rasmi aduan kepada KPDN yang dibuat melalui portal e-Aduan hubungi Call Center di talian 1-800-866-800 atau *call* saya pun boleh, nak keluar *phone number* lagi 012-9818819. *So* jangan tuduh suka-sukalah, ada masalah *call*.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Kerajaan menyambut baik pelaksanaan Dasar Pengguna Negara 2.0 yang telah dilancar pada 28 April 2026 dahulu… yang lalu. Dasar ini memberi penekanan kepada pemerkasaan pengguna secara holistik selaras dengan perkembangan ekonomi digital dan cabaran kos sara hidup semasa. Dasar ini amat penting dalam memastikan pengguna di negeri ini bukan sahaja dilindungi dari sudut hak dan keselamatan, malah ianya diperkasakan dengan ilmu kepenggunaan, kefahaman digital dan kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai pengguna yang bijak. Antara fokus utama dasar ini termasuklah nombor satu memperkukuhkan pendidikan dan kesedaran pengguna. Kerajaan Negeri menyokong usaha pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat khususnya golongan belia, pelajar dan komuniti luar bandar agar mereka lebih peka terhadap pengguna, penipuan transaksi serta pengurusan kewangan berhemah. Dua, memperkasakan pengguna digital. Dalam era ekonomi digital, pengguna kini berhadapan pelbagai risiko termasuk penipuan dalam talian, scam, penyalahgunaan kuasa, data peribadi dan transaksi tidak selamat.

Oleh itu, pendapatan dasar pengguna negara 2.0 yang menekankan keselamatan transaksi digital amatlah relevan dan perlu diperkasakan di semua peringkat. Nombor tiga, Kelestarian Kepenggunaan Lestari. Dasar ini juga menggalakkan amalan pengguna lestari melalui pengguna pembaziran, penggunaan produk mesra alam serta peningkatan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar demi kesejahteraan generasi yang akan datang. Nombor empat, kerjasama strategi pelbagai pihak. Kerajaan negeri berpandangan bahawa kejayaan Dasar Pengguna Negeri Negara 2.0 memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, pihak industri, peniaga, NGO dan pengguna sendiri dalam mewujudkan ekosistem perdagangan yang adil, selamat dan bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan terus menyokong segala usaha yang selaras dengan Aspirasi Dasar Pengguna Negara 2.0 demi memastikan kesejahteraan rakyat, perlindungan hak pengguna serta pembangunan masyarakat yang lebih celik, hak-hak pengguna dan berdaya saing. Namun begitu, lain-lain inisiatif kerajaan seperti yang disebut awal tadi akan terus dipergiatkan dan diperhebatkan secara konsisten demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat di negeri Pahang yang kita kasihi.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya ambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa soalan yang dibangkit dalam portfolio saya. Untuk YB Tahan membangkitkan isu minyak di Kuala Tahan. Maklumat saya boleh bagi kepada YB Tahan, maklumat berkenaan dengan bahan api Pos Komuniti Kuala Tahan yang berusaha ada pengusaha ada dua pengusaha ialah MH Alam Jaya *Enterprise*. Minyak petrol, 4,000 liter minyak diesel 4,000 liter juga

pengusaha Shada Nurada *Enterprise* Kuala Tahan, minyak petrol 4,000 liter. Saya tak tahu macam mana YB boleh dapat aduan seperti ini. Sebab kalau ikut jawapan dibagikan kepada KPDN kepada saya tiada sebarang aduan diterima dari pengguna terutama penduduk Kuala Tahan berkaitan dengan ketiadaan bekalan bahan api di kawasan tersebut.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Mohon mencelah, boleh? Terima kasih Speaker, terima kasih Wakil Kerajaan. Semalam, saya bangkitkan berkenaan dengan er... ketidakcukupan bekalan bahan api di pedalaman Ulu Tembeling. Untuk makluman, saya dimaklumkan sebelum daripada ini, kuota bahan api untuk Ulu Tembeling ini diberi 50,000 liter setiap bulan secara *overall*. Kemudian bermula daripada Mei 2025 hingga April 2027 ianya telah dicatu. Kampung Pagi 7,000 liter, Kuala Sat 8,000 liter, Mat Daling 8,000 liter, Bantal 8,000 liter, Kampung Gusai 4,000 liter menjadikan jumlah keseluruhan 35,000 liter.

Sebelum ini, saya difahamkan 50,000 liter secara *overall* tetapi dibuat catuan. Bila buat catuan itu yang saya sebut berlaku contoh Kampung Kuala Sat yang saya buat contoh semalam diberi 8,000 liter, 8,000 liter itu dalam masa 15 hari boleh habis. Kerana apa? Kepenggunaan yang pelbagai. Saya dimaklumkan *supplier* pernah mohon untuk tambahan atas permintaan peniaga yang berdaftar tetapi alasannya daripada KPDNKK ikut kapasiti penduduk dan purata penggunaan harian berdasarkan pengiraan umum. Sebab itu saya sebut semalam kalau boleh jangan ambil kiraan umum, cuba ambil pengiraan penggunaan yang sebenar dan kalau boleh dikekalkan kembali 50,000 liter seperti sebelum ini. Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM - N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih, saya ambil maklum dengan kes ni. Kalau YB Tahan lain kali ada masalah *hello* la sikit. Okey. Kita terus selesaikan masalah. Sudah bagi dah banyak kali. Okey, untuk menjawab soalan dari Kuala Sentul, soalan tambahan dari kutipan hasil RM1 bilion berapa banyakkah yang diperuntukkan untuk kos sara hidup di Pahang. Dan juga adakah bantuan yang diberikan benar-benar menyelesaikan beban rakyat atau sekadar pemberian sekali *one off*? Untuk menjawab soalan ini, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan kebajikan rakyat terus dipelihara antaranya menerusi Inisiatif Makmur Pahang, IM Pahang. IM Pahang bukan sekadar berbentuk bantuan *one off* tetapi sebagai intervensi bersasar bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat khususnya golongan B40, warga emas, petani dan nelayan sehingga tahun 2025 perlaksanaan 18 inisiatif telah memberi manfaat kepada lebih 176,000 penerima dengan nilai keseluruhan peruntukan sebanyak RM50.54 juta melibatkan bantuan komuniti. Antaranya termasuk IM Pahang, Kad Kesihatan Kasih Makmur, Bantuan pelajar IPT, bantuan Petani dan Nelayan serta bantuan keagamaan dan kebajikan rakyat.

Bagi tahun 2026, jumlah peruntukan IM Pahang meningkat kepada RM84.98 juta selari dengan peningkatan jumlah peruntukan. Jumlah inisiatif turut meningkat kepada 20 inisiatif dan dapat membantu lebih banyak kumpulan sasar. Perkembangan positif ini menunjukkan komited terus Kerajaan Negeri, usaha untuk membantu meningkatkan beban rakyat. Untuk soalan tambahan dari Ketari. Untuk maklumat untuk tahun Jualan Makmur er... perayaan untuk 2025 kita hanya peruntukkan RM2.52 juta. Tapi untuk tahun 2026 kita naik kepada RM7.56 juta.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya menyentuh Portfolio Sumber Manusia. YB Tahan, YB Jengka, YB Lantikan dan YB Chini telah membangkit isu berkenaan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran dalam kalangan belia di negeri Pahang. Berdasarkan statistik PERKESO, jumlah kekosongan jawatan di negeri Pahang diiklan dalam portal *MyFutureJobs* sehingga 31 Disember 2025 adalah sebanyak 36,517 kekosongan jawatan. Manakala jumlah pencari kerja belia yang berumur 15 hingga 30 di negeri Pahang mencatatkan seramai 10,235 orang. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh PERKESO untuk meningkatkan peluang pekerjaan di negeri Pahang adalah seperti Karnival Lindung Kerjaya, Temuduga Terbuka, Program *Outreach* Komuniti, Pengenalan Pekerjaan, Peningkatan kemahiran serta kerjasama strategik bersama pihak industri dan industri institusi latihan terus diperhebatkan bagi memastikan lebih ramai rakyat negeri ini mem… memperoleh akses kepada peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

Menjawab perkara yang dibangkit oleh Jenderak… YB Jenderak dan YB Beserah. Suka dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui kerjasama strategik bersama PERKESO bakal menguku... mengukuhkan perlindungan sosial menelusi… menerusi pengenalan Skim Kemalangan Bukan Bencana (SKBBK) atau Skim LINDUNG 24 Jam berkuat kuasa pada 1 Jun 2026. Inisiatif ini merupakan langkah proaktif bagi menangani juara… jurang perlindungan sosial yang sedia yang mana strategi PERKESO merekodkan sebanyak 43,168 kes kemalangan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 Akta 4 telah ditolak dan diputuskan bukan bencana kerja sejak tahun 2001 hingga 3… sehingga 31 Disember 2025. Daripada jumlah tersebut, kes yang ditolak pada tahun 2025 adalah sebanyak 4,653 kes keseluruhan negara. Di mana Pahang mencatatkan sebanyak 163 kes. Soalan yang ditanya oleh Beserah kenapa tolak? Jawapan adalah sebab ditolak sebab kelangan… kemalangan berlaku masa pergi *holiday*, masa itu tak *cover*lah dan juga masa main sukan-sukan, okey. *So* masa itu bukan waktu kerja, *so* dia tidak terlindung dalam skim ini.

Kepentingan skim ini dapat dizahirkan melalui perlindungan menyeluruh 24 jam kepada pekerja yang layak melebihi had waktu kerja dan tugasan rasmi. Sekali gus merangkumi insiden semasa aktiviti peribadi seperti kes kemalangan yang menimpa Encik Zulkifli bin Ali dari Sungai Karang, Kuantan pada 4 hari bulan Januari 2026 yang lalu. Beliau telah terlibat dalam kemalangan motosikal ketika dalam perjalanan dari rumah kediaman menuju ke pasar raya untuk membeli barangan keperluan. Dengan adanya skim lindungan 24 jam ini, kemalangan yang berlaku di luar waktu pejabat seperti ketika urusan peribadi atau aktiviti riadah yang sebelum yang tidak layak menerima pampasan di bawah kriteria bencana kerja kini akan mendapat pembelaan sewajarnya. Hal ini membuktikan komitmen kerajaan ada dalam memastikan kebajikan rakyat Pahang sentiasa terpelihara menerusi sistem perlindungan sosial yang lebih menyeluruh dan mampan. Kerajaan Negeri amat komited untuk memperkukuhkan kolaborasi strategik bersama PERKESO bagi mempergiatkan inisiatif hebahan serta sesi libat urus yang lebih menyeluruh. Langkah ini bertujuan memastikan setiap majikan dan pekerja khususnya di peringkat akar umbi mendapat pendedahan serta kefahaman mendalam mengenai manfaat skim ini ditawarkan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mencelah sikit.

(ADUN TERUNTUM - N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Sila.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih, Yang Berhormat Speaker. Saya cuma ingin sedikit pencerahan daripada Wakil Kerajaan. Skim Perlindungan Bukan Bencana Kerja yang… yang di… dicadangkan pada 1 Jun dilancarkan ini. Adakah ianya sukarela atau ianya mandatori? Sebagai ahli PERKESO atau ada pilihan pekerja yang… yang mempunyai pilihan lain. Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM - N.41)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Mandatori, semua kena okey. Yang Berhormat Timbalan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Saya mohon maaf jika terdapat soalan-soalan tambahan yang tidak dijawab pada hari ini dan saya akan menjawab semuanya secara bertulis. Izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan cadangan sepanjang sesi perbahasan yang menyentuh portfolio saya. Pandangan-pandangan tersebut amatlah bernilai dan akan diberi perhatian serius demi memperkasakan usaha kita dalam menjaga kebajikan rakyat dan memperkukuhkan ekonomi negara khususnya dalam aspek kewangan untuk pembangunan sumber manusia.

Sesungguhnya, portfolio ini menyentuh secara langsung aspek kesejahteraan rakyat dari kawalan harga barang keperluan harian, perlindungan hak pengguna sehingga kepada penyediaan peluang pekerja dan keselamatan sosial golongan pekerja. Maka menjadi tanggungjawab kami untuk terus mempergiatkan usaha untuk penuh integriti dan cepat bertindak menghadapi cabaran semasa khususnya dalam era digital yang serba mencabar. Saya bersama seluruh pasukan dan serta agensi-agensi pelaksana di bawah bidang kuasa portfolio ini akan terus komited melaksanakan amanah yang diberi sebaik mungkin. Kami amat mengalu-alukan kerjasama berterusan daripada semua pihak termasuk Wakil Rakyat, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan seluruh warga Pahang dalam menjayakan matlamat bersama membina masyarakat yang makmur, sejahtera dan berdaya tahan. Dengan penuh takzim, saya mengukur… saya menyokong usul, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan menempohkan persidangan di sebelah pagi ini dan persidangan disambung semula pada pukul 2:30 petang. Persidangan ditempohkan, insya-Allah.

[Persidangan ditempohkan]

Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan menimbang usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas kita semua yang tak puasa la ye… yang tak puasa sunat menikmati jamuan makan tengah hari dan menunaikan solat Zohor. Siapa yang duduk jauh tu boleh jamak qasar insya-Allah. Kita akan menyambung kita akan saya akan meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat bagi Perkara Ketiga iaitu menjemput Wakil Kerajaan untuk memberi jawapan dan pandangan. Untuk itu, saya mempersilakan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang.

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah keizinan-Nya maka dapat kita bersama-sama dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini. Ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Di kesempatan ini patik ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah menyempurnakan Titah Diraja yang pada hemat patik begitu komprehensif mencakupi segenap aspek dalam memastikan urus tadbir negeri ini berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Setiap langkah yang kita ambil dalam membangunkan masyarakat adalah benih harapan yg kita semai untuk masa depan negeri. Dalam usaha mempertahankan kebajikan rakyat, kita bukan sekadar menyentuh kehidupan individu tetapi turut membentuk hala tuju dan masa depan Pahang yang kita cintai. Dengan iltizam serta semangat yang tidak pernah luntur, marilah kita terus menggalas amanah ini bersama. Tidak dinafikan bahawa Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dalam memperkasakan wanita serta memperkukuhkan institusi kekeluargaan dan pembangunan sosial rakyat negeri ini. Selaras dengan Aspirasi Pahang Makmur, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2026 bagi memastikan golongan wanita terus diberi peluang, sokongan dan ruang untuk terus maju dalam bidang ekonomi, sosial dan juga pembangunan keluarga. Kerajaan Negeri percaya bahawa wanita merupakan aset penting dalam pembangunan negeri. Oleh itu, pelaksanaan pelbagai program di bawah Unit Pembangunan Wanita bukan sahaja memberi manfaat secara langsung kepada wanita, malah turut membantu meningkatkan kesejahteraan keluarga dan juga komuniti secara keseluruhannya.

Dalam Program Permata Makmur diteruskan untuk tahun 2026 sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kesejahteraan keluarga dan juga anak- anak kelahiran negeri Pahang. Program ini merupakan kesinambungan kepada inisiatif yang telah mendapat sambutan amat menggalakkan daripada rakyat negeri ini. Melalui program ini, setiap bayi yang dilahirkan di negeri Pahang dan memenuhi syarat kelayakan akan menerima manfaat berbentuk bantuan tunai dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) bagi menjamin masa depan anak-anak Pahang sejak awal kelahiran lagi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membantu meringankan beban keluarga serta menggalakkan budaya menabung demi pendidikan anak-anak. Kerajaan Negeri berharap agar bantuan yang disalurkan melalui Program Permata Makmur ini dapat memberi manfaat besar kepada ibu bapa serta menjadi pemangkin kepada pembentukan generasi Pahang yang cemerlang pada masa hadapan.

Program Anggun Maju juga terus diperkasakan pada tahun 2026 sebagai platform pembangunan wanita khususnya dalam bidang keusahawanan, kemahiran dan juga teknologi. Program ini diwujudkan bagi memperkasa wanita agar lebih berdaya saing, berkemahiran serta mampu menjana pendapatan secara mampan. Antara inisiatif utama di bawah program Anggun Maju ialah Program WANDA iaitu Program Wanita Anggun Digital. Di mana program ini diwujudkan bagi memberi latihan dan pendedahan kepada wanita dalam aspek pembangunan diri, kepimpinan, kemahiran komunikasi dan pemerkasaan wanita. Program ini bertujuan melahirkan wanita yang lebih yakin, berdaya tahan dan mampu menjadi pemimpin dalam keluarga serta masyarakat. Selaras dengan perkembangan teknologi dan pendigitalan masa kini, program SURI-TEKNO diperkenalkan bagi memberi pendedahan kepada wanita khususnya suri rumah dan juga ibu tunggal dalam bidang teknologi digital. Pemasaran atas talian dan penggunaan *platform* digital dalam menjana pendapatan. Inisiatif ini juga membantu wanita meningkatkan kemahiran digital agar tidak ketinggalan dalam arus ekonomi moden.

Program ini iaitu Program Usahawan Wanita. Program ini memberi kursus dan fokus kepada pembangunan usahawan wanita melalui latihan keusahawanan, bimbingan perniagaan, pembangunan produk, penjenamaan serta peluang jaringan perniagaan. Kerajaan Negeri berharap lebih ramai wanita dapat menceburi bidang perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Pelaksanaan Anggun Maju ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan Wanita Pahang terus maju, berdikari dan mampu bersaing dalam pelbagai bidang. Di samping itu juga, program Anggun Suri iaitu program perkahwinan beramai-ramai akan diteruskan pada tahun 2026 berikutan sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat pada tahun 2024 dan 2025 iaitu di mana seramai 120 orang peserta di seluruh negeri Pahang telah menyertai Program Anggun Suri semenjak ia dilancarkan. Program ini diwujudkan khusus bagi membantu pasangan daripada golongan B40, asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan untuk melangsungkan perkahwinan dalam suasana yang lebih teratur dan bermakna. Inisiatif ini bukan sahaja membantu meringankan kos perkahwinan pasangan yang terlibat, malah turut memperkukuhkan institusi kekeluargaan serta memupuk nilai kebersamaan dalam masyarakat. Kerajaan Negeri berharap program ini dapat memberi peluang kepada lebih ramai pasangan untuk membina kehidupan berkeluarga dan diberkati. Pada tahun ini, program ini akan dilaksanakan di 14 Parlimen dan 1 kem tentera menjadikan jumlah Program Anggun Suri pada tahun ini sebanyak 15 program.

Di samping itu juga, Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang juga diteruskan untuk tahun ini dan ini adalah tahun terakhir dan kita dalam kajian sama ada untuk meneruskan ataupun tidak Pelan dan Dasar Tindakan Wanita Pahang ini. Tapi saya

yakin dan percaya dengan sambutan dan juga impak besar yang diberikan kepada wanita negeri Pahang insya-Allah program ini akan diteruskan Pelan dan Dasar Wanita Negeri Pahang ini. Kerajaan Negeri juga terus komited dalam pelaksanaan dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang sebagai panduan utama pembangunan wanita di negeri ini. Dasar ini menjadi landasan penting dalam memastikan agenda pemerkasaan wanita dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berfokus selaras dengan matlamat pembangunan mampan. Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan merangkumi aspek ekonomi, kepimpinan, sosial, pendidikan, kesejahteraan keluarga dan pembangunan komuniti bagi memastikan wanita Pahang terus diberi peluang untuk berkembang dan menyumbang kepada pembangunan negeri.

Kerajaan Negeri percaya bahawa penyertaan wanita dalam proses pembangunan dan pembuatan dasar amat penting bagi memastikan suara serta keperluan wanita sentiasa diberi perhatian. Justeru itu, Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa bagi manfaatnya dapat dirasai oleh seluruh wanita di negeri Pahang. Sebagai kesimpulan, Kerajaan Negeri akan terus komited dalam memperkasakan wanita melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif yang inklusif serta menyeluruh. Diharapkan dalam usaha ini dapat membantu meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkukuh institusi keluarga dan melahirkan wanita Pahang yang progresif, berdaya tahan dan mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri dan juga pada masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Setiap program dan inisiatif dilaksanakan bukan sekadar memenuhi tuntutan tugas tetapi merupakan pelaburan jangka panjang untuk masa depan rakyat dan juga negeri. Peningkatan jumlah penerima manfaat saban tahun membuktikan keberkesanan pendekatan Kerajaan Negeri dalam memperkasa wanita, keluarga dan komuniti secara keseluruhan. Dengan tekad bersama serta semangat yang tidak pernah luntur, kami akan terus menggalas amanah ini demi memastikan masyarakat Pahang terus maju, sejahtera dan komprehensif dalam menikmati pembangunan yang inklusif dan juga mampan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian bagi mengemukakan pandangan, teguran dan cadangan berkaitan aspek kebajikan masyarakat, pembangunan sosial serta pembangunan insan di negeri Pahang. Sesungguhnya segala pandangan yang dikemukakan membuktikan bahawa isu kebajikan rakyat bukan lagi dianggap sebagai perkara sampingan, sebaliknya telah menjadi agenda utama dalam usaha membina sebuah negara inklusif, sejahtera dan berdaya tahan. Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri sentiasa komited dalam memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan negeri selaras dengan Aspirasi Dasar Sosial Negara 2030 dan Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026 hingga 2030 yang menekankan kesejahteraan rakyat, pengukuhan institusi keluarga, pembangunan komuniti serta pemerkasaan kesihatan mental masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada tahun 2025 sebanyak RM160,697,720.50. Bantuan Kerajaan Persekutuan telah disalurkan kepada seramai 31,417 orang penerima bantuan meliputi bantuan bulanan dan bantuan *one off* di seluruh negeri Pahang. Pada tahun 2026, seramai 31,541 penerima telah menerima bantuan bulanan JKM di negeri Pahang melibatkan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM69,131,700.00 bagi tempoh Januari hingga Mei 2026. Daripada jumlah tersebut, bantuan Kerajaan Persekutuan merangkumi pelbagai skim utama di mana Bantuan Warga Emas melibatkan 9,623 penerima dengan perbelanjaan RM28,614,000.00. Bantuan Orang Kurang Upaya tidak berupaya bekerja melibatkan 7,482 penerima dengan perbelanjaan RM11,116,500.00. Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya melibatkan 6,112 penerima dengan perbelanjaan 13.6 juta.

Seterusnya, Bantuan Pesakit Terlantar melibatkan 3,228 penerima dengan perbelanjaan RM7.7 juta dan Bantuan Kanak-Kanak melibatkan 2,814 penerima dengan perbelanjaan RM7.9 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri Pahang melalui JKM turut menyediakan Skim Bantuan Am Negeri dengan kadar RM350.00 sebulan. Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM10,808,700.00 kepada 2,377 penerima. Bagi tahun 2026 sehingga Mei pula, terdapat 2,282 orang penerima melibatkan peruntukan sebanyak RM4,017,400.00. Bantuan ini bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi merupakan talian hayat kepada rakyat yang berdepan dengan kos sara hidup, kehilangan pekerjaan, masalah kesihatan, ketidakupayaan dan juga kemiskinan tegar. Namun demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa bantuan kewangan semata-mata bukanlah penyelesaian jangka panjang. Oleh itu, JKM Negeri Pahang melaksanakan program 2 *Years Exit Programme,* 2 YEP sebagai pendekatan strategik bagi membantu klien keluar daripada kepompong kemiskinan melalui bidang keusahawanan dan peningkatan pendapatan. Melalui program ini, klien dibimbing, dipantau serta diberi modal perniagaan yang bersesuaian mengikut potensi masing-masing dalam tempoh 2 tahun.

Sekiranya mereka berjaya menjana pendapatan yang stabil, bantuan bulanan akan ditamatkan secara berperingkat agar mereka mampu berdikari. Inilah pendekatan baharu kebajikan sosial yang kita tekankan pada hari ini daripada konsep “memberi ikan” kepada “mengajar rakyat memancing”. Dari tahun 2020 hingga 2025, seramai 132 orang penerima bantuan telah menerima manfaat daripada program ini dan pada tahun 2026 pula, seramai 19 orang lagi menerima bantuan dan dipilih menyertai program ini menjadikan seramai 151 orang peserta keseluruhannya. Walaupun begitu, bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kolaborasi strategik antara agensi amatlah diperlukan supaya program ini dapat mencapai objektifnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan golongan rentan khususnya warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak istimewa. Melalui belanjawan... Belanjawan Tahun 2026 di bawah Teras Ketujuh Mensejahterakan Rakyat, beberapa inisiatif utama telah diteruskan dan diperkasakan.

Yang pertama iaitu Program Khidmat Bantu di Rumah. Melalui Program Khidmat Bantu di Rumah Negeri Pahang merupakan... Program khidmat Bantu di Rumah ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang dilaksanakan sejak tahun 2023 melalui kerjasama strategi... strategik antara JKM Negeri Pahang, Gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan dan Majlis Pembangunan Wanita Pahang berkonsepkan pendampingan sosial bagi membantu warga emas dan OKU yang memerlukan

sokongan penjagaan di rumah. Bagi tahun 2025, program ini menerima peruntukan sebanyak RM1.9 juta dengan kadar perbelanjaan mencapai 95.6% iaitu RM1.817 juta. Seramai 3,956 penerima manfaat ini di seluruh negeri Pahang telah menerima bantuan meliputi penjagaan diri, pengurusan rumah, pemantauan kebajikan dan sokongan psikososial.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung Yang Berhormat.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okay, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Takpe.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, banyak lagi saya, Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Sebenarnya saya banyak lagi sebab saya ingin menerangkan mengenai beberapa lagi inisiatif daripada Jabatan Wanita, daripada LPPKN.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh baca tajuk je dia orang semua paham tajuk tu.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey, baik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia orang semua pandai belaka.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey. Di samping yang saya sebutkan tadi melalui beberapa lagi jabatan iaitu Jabatan Pembangunan Wanita, LPPKN dan juga JKM yang telah disebutkan tadi. Beberapa lagi program yang berorientasikan masyarakat telah diwujudkan dan akan diadakan untuk tahun ini. Memandangkan masa begitu mencemburui...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada 4 minit lagi.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey er... saya pun tak tahu nak mula dari mana.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bila ada 4 minit tu tarik ke atas nampak lutut tarik bawah nampak pusat. [Ketawa]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey, apa Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pada tahun 2026 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM175,000.00 kepada Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang bagi melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan wanita yang merangkumi domain ekonomi, kesejahteraan, kepimpinan dan juga keselamatan. Dan insya-Allah, program-program ini akan er... Jabatan Wanita jalankan sepanjang tahun ini. Dan di samping itu juga, Lembaga LPPKN juga sedang merancang di mana salah satunya adalah pada hari 17 hari bulan ini di mana LPPKN akan mengadakan Program Sambutan Hari Ibu. Walaupun kita tengok ada yang mengatakan sambutan Hari Ibu ini tidak begitu penting tetapi pada kami wanita inilah satunya sambutan yang amat memberi inspirasi di mana di dalam program ini kami akan mengetengahkan ikon-ikon wanita yang difikirkan begitu banyak menyumbang kepada rakyat di negeri Pahang ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Banyak betul Yang Berhormat ya.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Banyak, Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Macam nak buat tesis je. [Ketawa]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, melalui inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan juga LPPKN er... memandangkan masa pun tidak begitu mencemburui saya pada hari ini. Melalui inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi diharapkan dapat memberikan er... dapat memberikan sesuatu yang bermakna kepada rakyat di negeri Pahang ini. Dan dengan itu, ada sikit lagi. Sampai hati Dato' Sri Speaker buat saya begini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Takpe… tak pe. Sebut je tajuk… tajuk.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Sampai hati buat saya begini, saya dah hilang punca dah. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik. Apa, Yang Berhormat memang bekerja kuat ya tak. Setiap minggu ada program kebajikan masyarakat ni.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kadang-kadang Speaker pun dah tak terikut, kadang.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Sekejap Dato' Sri Speaker, saya kena pilih dulu mana yang perlu saya baca.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Semuanya penting.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Semua penting. Tak tahu macam mana.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

PDF je ke semua. [Ketawa]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Boleh. Saya tutuplah Dato’ Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh PDF itu semua. Teks ucapan tu boleh kita PDF punya pada…

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Saya tutuplah penggulungan saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa namanya kepada ni...insya-Allah.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Saya tutup penggulungan saya, dan akhirnya setinggi tinggi ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Dan kami akan… saya akan mengambil perhatian dan tindakan atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Sebagai pemimpin yang dipilih oleh rakyat, perjalanan kami bukan sekadar satu langkah ke arah kuasa tetapi perjalanan yang penuh dengan pengalaman berharga. Setiap langkah, setiap cabaran dan setiap keputusan yang kami hadapi telah menjadi guru yang tidak ternilai buat kami. Jadi dengan setiap langkah yang kita ambil, biarlah semangat dan iman kita menjadi panduan. Biarlah keazaman menjadi api yang membara dalam diri kita dan ketahuilah bahawa pada penghujung jalan, setiap kerja keras itu pasti akan berbaloi.

Semangat kita adalah kunci yang membuka pintu kepada masa depan yang gemilang. Jadi teruskan, teruskan berjuang dan teruskan menjadi cahaya yang menerangi jalan kita sendiri serta orang lain. Hidup kita adalah cerita yang belum selesai dan kita adalah pengarangnya. Tulis cerita kita dengan semangat dan keberanian. Insya-Allah cerita saya ini akan saya PDFkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Dan dengan kata-kata itu saya akhiri penggulungan saya dan saya menyokong dan Guai menyokong Titah Diraja. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Sekarang saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. 30 minit, maknanya sampai 3.32.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Saya ingin memulakan penggulungan ini dengan merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita semua Ahli-ahli Dewan diberikan kesihatan, kekuatan serta kelapangan untuk terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan seterusnya menyempurnakan Persidangan Dewan Negeri pada kali ini dengan sebaiknya di Dewan Yang Mulia ini. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negeri khususnya Yang Berhormat Cheka, Beserah, Luit, Kuala Semantan, Semambu, Tioman yang telah mengemukakan soalan tambahan serta pandangan bernas sepanjang sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dan Usul

tersebut telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 12 Mei 2026 yang lalu.

Insya-Allah, segala persoalan, cadangan dan pandangan yang dibangkitkan sama ada dalam sesi perbahasan mahupun melalui soalan tambahan yang menyentuh portfolio saya, saya akan teliti dan jawab secara bertulis. Patik dengan penuh takzim menjunjung titah perintah yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang khususnya berkaitan usaha untuk mempercepatkan dan mempermudahkan proses pelaburan di negeri Pahang merangkumi aspek pengurangan karenah birokrasi, kecekapan dalam kelulusan permohonan serta penyediaan tanah dan infrastruktur yang mencukupi. Sehubungan itu, patik memberi komitmen bahawa tindakan susulan akan diambil secara bersepadu bagi memastikan hasrat dan titah tersebut dapat direalisasikan demi kemakmuran ekonomi negeri Pahang serta kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

YB Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri komited untuk terus memperkukuh ekosistem pelaburan yang kondusif bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, inklusif dan berdaya saing. Sehubungan itu, dua sesi Bengkel *Ease of Doing Business* dengan izin telah dilaksanakan pada tahun 2025 yang melibatkan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri, SGLC serta agensi-agensi utama di bawah jawatankuasa saya. Bengkel ini telah mengenal pasti isu cabaran dan langkah penambahbaikan bagi mempercepatkan kemasukan pelaburan ke negeri Pahang. Secara keseluruhannya, inisiatif ini memperkukuh usaha kerajaan negeri dalam mewujudkan persekitaran pelaburan yang mesra pelabur, telus, cekap dan berorientasikan hasil.

Dalam landskap ekonomi global yang semakin kompetitif, *Ease of Doing Business* merupakan satu keperluan strategik. Keupayaan sesebuah negeri kini dinilai berdasarkan kecekapan dan kepantasan sistem penyampaian perkhidmatan. Walaupun berdepan dengan ketidaktentuan global. Kerajaan Negeri tetap teguh dengan pendirian bahawa kita tidak boleh mengawal apa yang berlaku di luar sana tetapi kita mempunyai kuasa penuh untuk memperkukuh daya tahan ekonomi dalam negeri kita sendiri. Selaras dengan titah yang dizahirkan, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, negeri Pahang Darul Makmur, negeri berdaulat, kita buat cara kita. Inisiatif *fast lane* ini bukan sekadar memendekkan tempoh proses tetapi merupakan reformasi karenah birokrasi dengan beralih daripada budaya menunggu kelulusan kepada memudah cara ataupun dengan izin, *facilitation*. Kerajaan Negeri tidak boleh lagi terikat dengan sistem yang berlapis dan perlahan, sebaliknya melaksanakan proses secara selari ataupun *parallel processing,* dengan izin bagi mempercepatkan kemasukan pelaburan berkualiti secara lebih cekap dan berkesan. Mekanisme ini selaras dengan konsep *Ease of Doing Business*, termasuk penyeragaman *Standard Operating Procedure*, pemprosesan permohonan laporan, pemantauan KPI SGLC berkaitan serta penambahbaikan berterusan terhadap ekosistem pelaburan negeri.

Namun, saya harus tegaskan keutamaan *fast lane* ini diberikan kepada pelaburan berkualiti atau projek berimpak tinggi. *Invest* Pahang telah memperkenalkan kaedah metrik penilaian projek berimpak tinggi. Hasil daripada Bengkel *Ease of Doing Business* Siri Ke-2. Status projek berimpak tinggi ini hanya diberikan kepada pelaburan komited yang telah mencapai tahap kesediaan untuk memulakan prosedur kebenaran merancang. Pihak Berkuasa Tempatan kini juga lebih proaktif dalam mempercepat dan memudah cara projek berimpak tinggi dengan cekap, pantas dan profesional.

Untuk makluman Ahli Dewan, kesemua projek ini dipantau di bawah inisiatif Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Setakat ini, sebanyak 49 projek telah diklasifikasikan di bawah *fast lane.* Kerajaan Negeri juga memberi fokus kepada pelaburan bernilai tambah tinggi berteraskan teknologi, inovasi dan R&D serta berupaya mewujudkan peluang pekerjaan kemahiran tinggi kepada rakyat tempatan. Keutamaan pelaburan Kerajaan Negeri bukan sekadar kepada pembangunan fizikal tetapi kepada pembinaan ekosistem dan pengukuhan rantaian bekalan tempatan. Kita sedar bahawa pelabur memerlukan kepastian ataupun dengan izin, *certainty*. Oleh itu, setiap agensi kerajaan perlu bekerja sebagai satu pasukan yang berteraskan prinsip *business ready* bagi memastikan setiap pelaburan yang masuk dapat direalisasikan dengan kadar segera. Dalam landskap ekonomi yang semakin kompetitif, masa merupakan aset yang paling bernilai kepada pelabur. *Time is money* dengan izin, bukan lagi sekadar ungkapan tetapi realiti yang menentukan keputusan pelaburan. Justeru, Kerajaan Negeri Pahang melalui pendekatan *Ease of Doing Business* memberi penekanan kepada kecekapan proses, kepantasan membuat keputusan serta penyelarasan antara agensi agar setiap urusan pelaburan dapat dipermudahkan dan dipercepatkan.

Masa juga adalah *the essence* dalam memastikan keyakinan pelabur terus kekal tinggi. Pelabur hari ini bukan sahaja menilai insentif tetapi turut menilai sejauh mana sesebuah negeri mampu menawarkan proses kelulusan yang cekap, jelas dan mesra pelabur. Maka marilah kita jadikan *Ease of Doing Business* ini sebagai satu identiti baru pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang selaras dengan Aspirasi Pahang 1st iaitu tadbir urus dinamik. Apabila kita memudahkan urusan pelabur, kita sebenarnya sedang membuka pintu rezeki buat rakyat negeri Pahang dan menjamin masa depan ekonomi negeri yang lebih mampan. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan lagi hasil kutipan negeri yang semestinya dipulangkan semula kepada rakyat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail. Dengan kerjasama semua pihak, saya yakin inisiatif *fast lane* ini akan terus menjadi pemangkin utama dalam meletakkan negeri kita sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini.

YB Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri dalam cadangan membangunkan Taman Industri Halal Gebeng di atas kawasan seluas 730 ekar yang terletak di Seksyen 3 Kawasan Perindustrian Gebeng sebagai langkah untuk memperkukuh ekosistem industri halal yang tersusun dan berdaya saing khususnya dalam sektor makanan, farmaseutikal, komestik, maaf kosmetik dan logistik halal. Walaupun pembangunan infrastruktur masih di peringkat awal, kawasan ini mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai hab industri halal yang mampu menarik pelaburan baharu. Seiring itu, Lembaga Pelabuhan Kuantan telah membangunkan Pelan Transformasi Hab Halal Pantai Timur berasaskan penanda aras dengan beberapa Taman Industri Halal Antarabangsa di Turki ataupun Turkiye, United Arab Emirates dan juga Indonesia. Ketiga-tiga Taman Industri Antarabangsa ini mempunyai pengisian atau dengan izin, *occupancy* sebanyak 65% ke atas dan membelanjakan sekurang-kurangnya RM400 juta untuk penyediaan infrastruktur. Pembangunan kawasan ini dicadangkan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh 15 tahun dengan anggaran kos pembangunan awal sebanyak RM69 juta dalam fasa pertama yang 2 tahun tersebut, bagi penyediaan infrastruktur dan pengoperasian asas.

Langkah ini bagi memastikan kesiapsiagaan infrastruktur, ekosistem industri dan keperluan pelabur dipenuhi secara mampan. Pada masa yang sama, Lembaga Pelabuhan Kuantan telah memperoleh kelulusan dasar untuk melaksanakan inisiatif Pelabuhan Mesra Halal pertama di Malaysia melalui Mesyuarat Majlis Pembangunan Industri Halal di peringkat persekutuan pada 29 Januari 2026 yang lalu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Manakala Kuantan *Port Consortium* telah mengambil inisiatif menyediakan kawasan khas bagi pengendalian kargo halal sebagai usaha menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai sebuah pelabuhan mesra halal. Inisiatif ini penting bagi memastikan rantaian logistik halal diurus secara lebih teratur, selamat dan mematuhi standard atau piawaian halal antarabangsa, sekali gus memperkukuhkan daya tarikan Pahang sebagai hab perdagangan dan logistik halal di rantau ini. Bagi memperkukuh peranan ini, Konsortium Perkapalan Timur Sdn. Bhd. telah diwujudkan dan mula beroperasi di Pelabuhan Kuantan pada 2 Februari 2026. Ia menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai hab transit ke Sarawak sekali gus… sekali gus maaf, membuka laluan lebih luas kepada penghantaran produk halal khususnya kepada PMKS dan mengukuhkan kedudukan Pahang sebagai hab perdagangan serta logistik halal di rantau ini.

YB Dato' Sri Speaker,

Invest Pahang kini sedang meneliti cadangan pembangunan projek Gigafactory Battery Malaysia yang melibatkan pembinaan 3 komponen utama iaitu kilang pengeluaran *graphene* berasaskan biojisim kelapa sawit, kilang kitar semula bateri serta kilang pembuatan sel bateri berasaskan teknologi *Graphene-Enhanced Lithium-Ion Battery* yang dibangunkan oleh anak tempatan dan dilindungi oleh harta intelek. Inisiatif ini juga mencerminkan keupayaan negara untuk bergerak ke arah rantaian nilai teknologi tinggi, bukan sekadar pemasangan tetapi meliputi pembangunan dan pembuatan secara menyeluruh, berbeza dengan kebanyakan industri di rantau ASEAN yang masih tertumpu kepada aktiviti pemasangan menggunakan teknologi import. Kerajaan Negeri menyokong penuh projek pembangunan ini termasuk dari aspek penyediaan tanah, akses kepada sumber biojisim serta sokongan kepada pelaburan strategik. Kawasan perindustrian Gebeng dikenal pasti sebagai lokasi berpotensi memandangkan kedudukannya yang strategik berhampiran Pelabuhan Kuantan dan ekosistem industri sedia ada. Sekiranya projek ini berjaya direalisasikan, ia berpotensi mempercepatkan transisi negara ke arah penggunaan *Battery Energy Storage System* (BESS) bagi menyokong pembangunan tenaga solar dengan tenaga boleh diperbaharui. Dalam jangka panjang langkah ini penting bagi membantu mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga fosil serta memperkukuhkan agenda kelestarian dan keselamatan negara.

YB Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa agenda Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dalam erti kata STEM bukan sekadar berkaitan pencapaian akademik, sebaiknya… maaf sebaliknya merupakan asas penting dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, kreatif, berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan industri masa hadapan. Agenda ini juga akan menjadi pemangkin dan *feeder* kepada kemasukan pelaburan baru ke negeri ini khususnya dalam sektor berteknologi tinggi yang memerlukan tenaga kerja mahir, kompeten dan bersedia menghadapi perubahan industri global. Sehubungan itu, intervensi dan pendedahan terhadap STEM perlu dilaksanakan seawal peringkat pendidikan rendah bagi memastikan minat dan penyertaan pelajar dapat dipupuk secara berterusan. Tanpa pendekatan… pendekatan menyeluruh dari peringkat awal, negeri akan berdepan kekurangan pelajar di peringkat pendidikan tinggi dalam bidang berkaitan STEM, sekali gus

menjejaskan kesiapsiagaan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan pelaburan dalam industri masa hadapan. Tahun 2025 mencatatkan pencapaian membanggakan apabila Kontinjen Negeri Pahang berjaya dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Kebangsaan Malaysia Techlympics 2025 dengan meraih 4 pingat emas, 4 pingat gangsa… maaf 4 pingat perak dan 3 pingat gangsa. Kejayaan ini disumbangkan oleh 4 buah sekolah di daerah Kuantan iaitu SMK Semambu, Kolej Vokasional Kuantan, SK Air Putih, SK Sri Melati dan 5 buah sekolah di daerah Bentong iaitu SK Sulaiman, SK Mempaga 2, SMK Sulaiman, SK Tuanku Fatimah dan SK Sungai Marong.

Pencapaian ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar negeri Pahang mempunyai potensi besar dalam bidang STEM, robotik, pengaturcaraan ataupun *programming* dengan izin, dron, *metaverse*, kecerdasan buatan AI dan inovasi apabila diberikan bimbingan serta platform pertandingan yang bersesuaian. Kerajaan Negeri merakamkan tahniah kepada semua peserta, guru, pembimbing sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah, MOSTI serta rakan strategik yang telah mengharumkan nama Pahang di peringkat kebangsaan. Selain Malaysia Techlympics, penyertaan aktif sekolah-sekolah Pahang dalam pelbagai kejohanan STEM, robotik, inovasi, reka cipta, matematik, teknologi digital dan kemahiran abad ke-21 di peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa akan terus dijadikan momentum untuk memperkukuh pembangunan bakat STEM secara berterusan di negeri Pahang.

YB Dato' Sri Speaker,

Susulan pencapaian tersebut, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif STEM bagi meningkatkan minat dan penyertaan pelajar sejak di peringkat sekolah melalui pendekatan yang lebih praktikal, interaktif dan berorientasikan inovasi seperti robotik, pengaturcaraan atau *programming,* reka cipta dan teknologi digital. Dalam hubungan ini, kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan turut diperkukuh melalui Jawatankuasa Pemandu Bakat STI bersama MOSTI sebagai platform penyelarasan strategik secara pendekatan *whole of government* dengan izin, bagi memastikan pembangunan bakat STI dilaksanakan secara lebih berfokus, tersusun dan berimpak tinggi. Melalui kerjasama ini, negeri Pahang dijangka mendapat manfaat dari segi perluasan akses program STEM, pengukuhan bakat pelajar dan guru serta pembangunan tenaga kerja mahir yang lebih bersedia memenuhi keperluan industri masa hadapan. Sebagai kesinambungan kepada usaha membudayakan STEM, Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan syarikat swasta tempatan turut memberi perhatian kepada pelaksanaan Jelajah STEM Negeri Pahang sebagai pendekatan turun padang untuk membawa aktiviti sains, teknologi dan inovasi secara lebih dekat kepada pelajar di seluruh daerah.

Program ini berperanan memperluas pendedahan pelajar terhadap STEM melalui pendekatan yang lebih menarik, mudah difahami dan bersifat *hands-on*. Ia juga penting bagi memastikan peluang kepada pendidikan dan pendedahan STEM tidak hanya tertumpu di kawasan bandar tetapi turut diperluaskan kepada pelajar luar bandar. Program ini telah dilaksanakan bermula Mei tahun lepas 2025 sehingga kini. Setakat ini ia telah memberi impak yang baik kepada 25,789 pelajar daripada 176 sekolah di negeri Pahang. Jelajah STEM telah dilaksanakan di daerah Kuantan, Cameron Highlands, Pekan, Temerloh dan Raub. Modul yang dibawakan adalah berkaitan teknologi AI, teknologi dron, *metaverse* dan sains iklim secara terusan ataupun *hands-on* yang berlangsung secara bersemuka dan atas talian.

Modul dron yang digunakan dalam jelajah ini telah mendapat anugerah daripada UNICEF dan MOSTI. Model Jelajah STEM Pahang telah menjadi contoh dan dilaksanakan di Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor pada tahun 2026. Bagi menyokong Agenda Inovasi Negeri, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) telah dan turut memainkan peranan penting melalui pembangunan inisiatif teknologi makanan ataupun *food tech* dengan izin, yang berteraskan industri makanan moden, mampan dan berdaya saing. Antara cadangan utama ialah penubuhan Makmal Inovasi Food Tech sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan R&D dalam bidang pemprosesan makanan, pembungkusan pintar dan teknologi pemeliharaan makanan.

Selain itu, POLISAS turut merancang program inkubator usahawan *food tech* bagi membimbing pelajar dan komuniti dalam pembangunan produk makanan inovatif serta memperkukuh aspek halal, keselamatan makanan, penjenamaan dan pemasaran digital. Inisiatif ini juga memberi penekanan kepada penggunaan teknologi moden seperti automasi *Internet of Things* dan platform e-dagang bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan pembaziran serta memperkukuh rantaian bekalan makanan negeri. Melalui kerjasama bersama Kerajaan Negeri dan pihak industri inisiatif ini berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan ekosistem inovasi makanan negeri Pahang serta membantu melahirkan lebih ramai usahawan dan tenaga kerja berkemahiran dalam sektor agro makanan berteknologi tinggi.

YB Dato' Sri Speaker,

Pahang mempunyai banyak institusi pendidikan tinggi yang cemerlang disokong oleh tenaga pengajar yang berkaliber dan berpengalaman. Pelbagai kajian serta projek inovasi berkualiti tinggi telah dihasilkan yang berpotensi besar untuk dikomersialkan. Walau bagaimanapun, masih wujud jurang dari segi akses kepada peluang ekosistem dan sokongan bagi membolehkan hasil penyelidikan ini diterjemahkan ke peringkat pengkomersialan secara menyeluruh. Kerajaan Negeri menyambut baik dan menyokong penuh pelbagai inovasi teknologi yang dibangunkan oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dalam memperkukuh agenda keterjaminan makanan dan pembangunan komuniti luar bandar. Antara inovasi yang diketengahkan ialah Projek i-*Ecobator* hasil penyelidikan Ts. Haji Mohd Nurulakla bin Mohd Azlan iaitu inkubator berskala kecil dan mudah diselenggara bagi penternakan unggas seperti ayam, itik dan angsa. Inkubator ini mampu memuatkan antara 30 hingga 200 biji telur serta mencapai kadar penetasan sehingga 85% sekali gus membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan pengeluaran makanan dan pendapatan. Inisiatif ini telah dilaksanakan di beberapa rumah anak yatim di Pekan serta Koperasi Komuniti Amanah Pahang Berhad (KOMTA) dan dilihat memberi impak positif terhadap peningkatan hasil ternakan, pendapatan komuniti serta keterjaminan bekalan makanan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pengusaha kecil juga berpotensi menjana pendapatan antara RM400.00 hingga RM10,000.00 sebulan bergantung kepada skala ternakan.

Selain itu, UMPSA turut membangunkan *portable solar power pack* sebagai alternatif kepada penggunaan generator khususnya di kawasan pedalaman dan lokasi yang mempunyai keterbatasan bekalan elektrik. Teknologi ini telah digunakan di beberapa kawasan iaitu Taman Negara Jerantut, Cameron Highlands, Sabah, Sarawak serta luar negara seperti Thailand dan Indonesia. Pendekatan ini bukan sahaja membantu meringankan ataupun meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar, malah menyokong agenda pembangunan lestari melalui penggunaan teknologi hijau dan memasyarakatkan teknologi dengan pemindahan teknologi, dengan izin, *technology transfer* kepada komuniti setempat. Kerajaan Negeri memandang positif pembangunan pelbagai teknologi berasaskan Artificial Intelligence, Sensor dan

Geographic Information System (GIS) dan oleh *Climate Change Centre* UMPSA di bawah pimpinan Profesor Ir. Dr. Mohd Faizal bin Jamlos. Teknologi ini memberi fokus kepada penyelesaian pintar dan bidang alam sekitar, pengurusan bencana, penguatkuasaan, infrastruktur dan kelestarian pembangunan negeri. Antara teknologi utama yang dibangunkan ialah pengiraan stok dan kredit karbon Forest Analytix, pengawasan tanah dan lombong menggunakan Sistem AI dan Dron (*Terrain and Environment Analytix*), pengesanan mineral nadir bumi melalui *hyperspectral imaging* (*Mineral Analytix*), aplikasi penyelenggaraan dan aduan sivik berasaskan AI (Road and *Infra Analytix* - SPARTA, pemeriksaan bangunan menggunakan pemodelan 3D (*Building Analytix*) serta sistem pemetaan dan ramalan banjir menggunakan data LIDAR dan model hidrologi (*Flood Analytix*).

Selain itu, teknologi pemantauan kelestarian kampus, taman dan pusat pentadbiran turut dibangunkan bagi memantau penggunaan tenaga, jejak karbon dan pengurusan alam sekitar secara lebih cekap. Kerajaan Negeri akan mengkaji potensi kerjasama strategik dengan *Climate Centre* UMPSA bagi memanfaatkan teknologi-teknologi ini dalam memacu agenda pembangunan negeri yang mesra alam, berdaya tahan dan berorientasikan masa hadapan selaras dengan Aspirasi Pahang 1st.

YB Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri turut mengambil perhatian terhadap potensi teknologi fito perlombongan, *phytomining* dengan izin, iaitu pendekatan hijau yang menggunakan tumbuhan tertentu untuk menyerap mineral dan logam bernilai daripada tanah secara semula jadi. Pada masa ini, penyelidikan berkaitan sedang dijalankan oleh Dr. Zakuan Azizi bin Shamsul Harumain dari Jabatan Bioteknologi Kulliyah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Cawangan Pahang bagi mengenal pasti spesies tumbuhan tempatan yang berupaya menyerap mineral seperti mangan serta logam bernilai lain. Pendekatan ini berpotensi diaplikasikan di kawasan bekas lombong bagi tujuan pemulihan tanah secara lestari selaras dengan keperluan pemeliharaan alam sekitar. Dalam pada masa yang sama, tumbuhan tersebut juga berpotensi menjadi sumber kepada penghasilan mineral bernilai seperti nikel, kobalt dan unsur nadir bumi yang diperlukan dalam industri teknologi dan pembuatan bateri. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong agenda pemulihan alam sekitar dan prinsip ESG, malah berpotensi mewujudkan sumber ekonomi baharu berasaskan teknologi hijau dan pengurusan sumber secara mampan di negeri Pahang.

YB Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang komited membangunkan ekosistem syarikat pemula *startup* sebagai pemacu baharu ekonomi negeri berasaskan inovasi, teknologi dan penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi. Sejak tahun 2022 Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang telah melaksanakan program Pahang Innovative Startup Accelerator (PISA). Bagi membimbing *startup* tempatan daripada peringkat idea hingga mampu memasuki pasaran dan menarik pelaburan. Hingga ini, sebanyak 79 *startup* berjaya dibangunkan melalui 5 kohort PISA melibatkan sektor strategik seperti *agritech, foodtech, healthtech, fintech,* kecerdasan buatan, teknologi pendidikan, *software at service,* dengan izin dan teknologi hijau. Pelaksanaan Kohort 6 pada tahun Jun 2026 dijangka menambah 20 lagi *startup* baru, menjadikan keseluruhan sebanyak 99 *startup* berjaya dilahirkan di negeri Pahang. Bagi memperkukuh pembangunan ekosistem ini secara mampan, Kerajaan Negeri turut membangunkan Pelan Hala Tuju Startup Pahang 2030 yang memberi fokus kepada pembangunan bakat, akses pembiayaan, pemerkasaan inovasi, kerjasama industri dan pengembangan pasaran. Melalui pelan ini, Pahang menyasarkan penghasilan 300 *startup* tempatan, pewujudan 2,000

peluang pekerjaan, berkemahiran tinggi serta peningkatan pelaburan terkumpul sehingga RM100 juta, sekali gus memperkukuh kedudukan negeri Pahang sebagai hab *startup* dan ekonomi digital yang berdaya saing.

Akhir sekali saya, menyeru kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan yang ada di Dewan Yang Mulia ini, agar dapat memberikan komitmen penuh dalam menjadikan negeri Pahang sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di negara ini. Negeri Pahang perlu kekal kondusif, kompetitif, mesra pelabur dalam meningkatkan keyakinan para pelabur asing mahupun domestik. Kejayaan yang bakal kita kecapi hasil daripada usaha yang digerakkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Insya-Allah akan memberikan manfaat yang besar khususnya kepada rakyat negeri Pahang dalam usaha menjadikan negeri yang tercinta ini terus memahatkan sejarah gemilang dalam mencapai tahap pelaburan yang tinggi Insya-Allah. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan…

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Speaker saya nak mencelah sikit. Sebelum… sebelum tamat tu saya nak mencelah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

La dah nak habis dah baru nak celah.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Dengar dulu, kan? Terima kasih Speaker. Saya cuma nak minta pandangan kerajaanlah tentang *design* sebagai satu industri ye.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa Yang Berhormat tak dengar?

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Design. Reka bentuk.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Design.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Sebagai satu industri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ingat apa *design* tadi. [ketawa]

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Kalau kita tengok masa *industry furniture* misalannya perabot, kalau 10 bilion, er... *design fees* 2.5% ada RM250 juta dalam tu. Itu satu. Dalil saya sebut perkara ni bukan apa pertamanya, kita berhasrat sangat kalau Pahang dapat mempelopori industri ini... ye. Dalilnya, satu anak Pahang ni ramai dapat… dapat *award* dapat anugerah peringkat dunia inovasilah *design* dan sebagainya. Saya tengok Yayasan Pahang. Lobi tu banyak anugerah-anugerah. Baik kita manfaatkan. Yang keduanya, er... pengalaman saya sendiri ialah kita pernah bawa produk orang kita, produk UiTM *Masters* er... ITM tu dibawa ke luar negara, memang dapat sambutan hangat makna *design* orang kita ni memang *world class* bertaraf dunia. Baik kita tonjolkan terus.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Design, design apa tu?

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Furniture… furniture, perabot.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh... perabot. *Furniture design.*

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Furniture design.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh... Okey.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Dengan izin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Dia cakap orang putih kita tak boleh. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Apa Yang Berhormat?

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Maaf, Speaker. [Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pintu ada kiri, kanan Yang Berhormat. [Ketawa].

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Kemudian er... bukan apa *design* industri ni dia akhir-akhirnya dia akan jadi kita akan jadi satu, satu kuasa *trendsetter* kan *trendsetter* kepada *design-design* ni. Macam berlaku di Itali misalannya kan. Kemudian kita kalau kerajaan nak tolong boleh kita ada persatuan. Persatuan Pereka Industri Malaysia dan saya rasa memang persatuan pun akan mencari-cari peluang sebab dia ada satu program World Industrial Design Day Malaysian versi Malaysia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

*Not bad*lah YB Luit ni. [Ketawa]

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Jadi kalau ada berhajat, kerajaan nak kita bincang boleh ke saya… saya jadi orang tengahlah tolong bawa persatuan tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nak jadi *consultant* pulak dah. [Ketawa]

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Free. *Consultant free.* Terima kasih. [Ketawa]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih YB Luit. Kerajaan Negeri mengamalkan sikap terbuka ya. Boleh kita bincang nanti. PM tepi ya [Ketawa]. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan, serta penggiat-penggiat dalam bidang STEM yang selama ini, banyak membantu sepanjang saya memegang portfolio ini. Dengan adanya budaya kerja berpasukan yang jitu, saya dapat melaksanakan pelbagai perancangan projek dan aktiviti yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat negeri Pahang. Saya ADUN Peramu Jaya, mohon menyokong usul menjunjung titah… menjunjung kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Industri, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Sekarang saya jemput Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima Kasih Dato' Sri Speaker yang telah memberi ruang kepada saya untuk membahas Titah Diraja yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Saya juga, ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang di atas segala sokongan dan inspirasi kepada Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, agar sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada rakyat negeri Pahang yang bertuah ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menyentuh tentang sektor kerja raya, tahun 2026, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM2.5 bilion untuk senggaraan jalan, jambatan er... di Jalan Persekutuan. Sehingga Mei 2026, JKR Negeri Pahang, telah menerima agihan bagi kerja pembaikan jalan, jambatan, kerja rutin dan lain-lain berjumlah RM298.8 juta er... dan daripada peruntukan tersebut, sebanyak 282 kerja senggaraan sedang dilaksanakan seluruh negeri Pahang. Manakala bagi jalan-jalan negeri pula sehingga 1 Mei 2026, Kerajaan Negeri Pahang telah menerima peruntukan MARRIS di bawah MARRIS yang sejumlah RM76.7 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri dan jalan kampung.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dalam memastikan jaringan jalan yang baik, untuk memudahkan rakyat, di samping melancarkan aktiviti para pedagang dan menjana ekonomi negeri dan setempat, di bawah *Rolling Plan* 1 RMK Ke-13, Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan 10 projek di bawah Kementerian Kerja Raya, yang merangkumi 6 projek fizikal dan 4 projek kajian awalan, serta pengambilan balik tanah. Kos keseluruhan projek fizikal dan kajian awalan yang diluluskan ini adalah sebanyak RM686.71 juta. Manakala, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah meluluskan 7 projek fizikal bagi membina dan menaik taraf jalan dan jambatan luar bandar yang bernilai RM328.54 juta. Jumlah keseluruhan projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13, dalam *Rolling Plan* pertama, adalah sebanyak RM1.015 bilion. 6 projek fizikal yang diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya ialah satunya, yang pertama ialah projek menaik taraf Lebuh Raya Kuantan-Segamat FT12, Rompin-Pahang sebanyak RM357.5 juta.

Yang keduanya, cadangan mengantikan jambatan, Sungai Ular Kuantan-Chukai, Daerah Kuantan sebanyak RM34 juta. Cadangan menaik taraf jambatan uzur dan sempit di Sungai Sebul di laluan FT 98 Seksyen 34 Jalan Temerloh-Jerantut er... sebanyak RM33.11 juta. Keempat, cadangan menaik taraf pembetung kepada jambatan di Kampung Alur Ladang, Seksyen 368.1 Jalan Kuantan, Pelabuhan Jalan Kuantan ke Pelabuhan Kuantan FT 02 er... sebanyak RM25.1 juta. Yang kelimanya,

pembinaan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Kuala Lipis bagi Lingkaran Tengah utama, Pakej 4 Kampung Relong ke Raub. Seksyen 4A Kampung Relong ke Ladang Dekoh sebanyak RM20 juta. Keenam, pembinaan Depoh *Bailey Bridge*, JKR Negeri Pahang di JKR Daerah Temerloh sebanyak RM10 juta. Manakala, empat projek kajian awalan dan pengambilan balik tanah diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya adalah, pertama cadangan pembinaan Persimpangan Bertingkat Bukit Rangin, Kuantan - Chukai FT03 Daerah Kuantan untuk sebanyak RM28 juta. Inilah kos untuk reka bentuk dan pengambilan balik tanah.

Yang kedua, cadangan menaik taraf Jalan Sungai Lembing dari Kampung Padang ke persimpangan lampu isyarat LPT1 Kuantan FT231 sebanyak RM57 juta. Ini juga kos untuk reka bentuk dan pengambilan balik tanah. Ketiga, kerja awalan membina jalan dan persimpangan baru yang menghubungkan Pantai… Lebuh Raya Pantai Timur LPT di KM 247 ke Jalan Pintasan Kuantan di Persimpangan Berlian, Semambu serta menaik taraf Jalan Semambu FT3486 Jalan Tengku Mahmud… Jalan Tengku Muhammad… maaf, FT227 dan Jalan Padang *Golf*, Kuantan sebanyak RM2 juta. Empat, Lingkaran Tengah Selatan dari LTU. LTU atau LPT KM 79 ke Kampung Sungai Perdak, Bentong sebanyak RM120 juta untuk kos reka bentuk dan juga pengambilan balik tanah. Projek yang diluluskan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah adalah seperti berikut: Pertamanya ialah membina jambatan konkrit di Laluan C108 Jalan Serkam ke Laluan C21, Jalan Kuala Wau di daerah Maran sebanyak RM114.45 juta. Keduanya membina jalan baru dan jambatan dari Pos Lenjang ke Kampung Orang Asli Jernang, Pos Titom, Lipis sebanyak RM99 juta. Membina jalan baru dari sempadan FELDA Mayam ke Jalan Utama FT1510 Bera sebanyak RM38 juta. Menaik taraf jambatan di Jalan Runchang, Seksyen 6.2 daerah Pekan sebanyak RM13 juta dan membina jalan baru membina baru Jambatan Sungai Dong, Jalan Kampung Ulu Cendera 2, Kampung Keloi Raub sebanyak RM95 juta.

Selain pada itu, sistem lampu isyarat di daerah Kuantan juga telah dinaik taraf dan dipantau oleh Cawangan Kejutan Elektrik JKR Negeri Pahang telah memasang lampu isyarat pintar *Smart Traffic Light* di beberapa lokasi di mana lampu isyarat tersebut mempunyai *linking* sistem antara dua lampu isyarat dan ianya dipercayai dapat memberikan sedikit kelancaran kepada lalu lintas iaitu pertama di Persimpangan Lampu Isyarat Giant dan Persimpangan Lampu Isyarat Kemunting atau Lembaga Hasil Dalam Negeri. Keduanya, lampu isyarat Permatang Badak-Paya Besar dan… dan persimpangan Sungai Isap.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pada tahun 2026, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang sedang sa…

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

YB Speaker, mencelah sikit. Saya ingin bertanya kepada pihak Wakil Kerajaan. Terima kasih kerana lampu isyarat di Teluk Gading yang telah kita mohon saban tahun, Alhamdulillah, sekarang dalam proses perlaksanaan. Difahamkan, kos RM4.3 juta dan difahamkan mungkin Wakil Kerajaan dapat memberitahu sebenarnya bila dijangka siap. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Tioman yang mengemukakan soalan tersebut. Soalannya boleh tahan juga. Kat Rompin je. Tapi sebab dia nak bangun dalam Dewan ni. Er... Okey.

Yang berkenaan dengan lampu isyarat di Teluk Gading, dijangkakan kerja tu boleh siap. Sebab kerja tu ambil masa sikit sebab ada pengalihan utiliti dan dijangkakan disiap pada hujung atau awal… awal tahun depan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pada tahun 2026 Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang sedang melaksanakan sejumlah 60 projek bangunan dan kemudahan awam dengan kos kontrak semasa sebanyak RM1,500.18 juta ataupun RM1.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 adalah daripada projek persekutuan dengan jumlah kontrak dengan jumlah harga kontrak semasa sebanyak RM938.71 juta manakala 12 projek negeri yang menggunakan peruntukan negeri dengan jumlah kos kontrak sebanyak RM562.10 juta. Sehingga bulan Mei 2026, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang telah berjaya menyiapkan tiga projek bangunan dan kemudahan awam dengan jumlah kos kontrak bernilai RM21.59 juta. Sehingga Disember 2026, dijangkakan 23 projek lagi akan dapat disiapkan dengan jumlah kos kontrak bernilai RM360.36 juta. Bagi tahun 2027, terdapat 23 projek dijangka siap iaitu 17 projek persekutuan dengan kos kontrak sebanyak RM214.75 juta dan 5 projek peruntukan negeri dengan kos kontrak sebanyak RM86 juta. Penyiapan… penyiapan projek ini adalah merupakan kesinambungan pencapaian projek-projek di negeri Pahang dalam usaha menyediakan keperluan kemudahan awam kepada jabatan kerajaan dan rakyat negeri Pahang terutamanya. Ianya dapat memberi impak kepada orang ramai di mana sama-sama dapat menikmati keselesaan dan kemudahan seperti klinik, sekolah, masjid dan lain-lain yang disediakan oleh pihak kerajaan. Kakitangan kerajaan juga boleh menggunakan perkhidmatan infrastruktur yang telah dibina dan seterusnya dapat menyampaikan perkhidmatan kerajaan yang terbaik kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menjawab kepada pertanyaan tambahan daripada Yang Berhormat Jengka berkenaan dengan Jalan Persekutuan FT83 dari Bandar Pusat Jengka ke Jengka 11. Kerajaan negeri telah pun mengemukakan permohonan untuk menaik taraf Jalan FT83 kepada Kementerian Kerja Raya melalui permohonan projek di bawah peruntukan RMK12, RP 5. Namun tidak diluluskan kemudian permohonan telah diangkat semula dalam RMK13, RP 1. Kerja menaik taraf jalan akan dilaksanakan oleh JKR Pahang selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerja Raya. Maknanya pihak kerajaan, pihak JKR dah kemukakan permohonan 2 kali dah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menjawab kepada pertanyaan tambahan daripada YB Luit berkenaan permohonan baik pulih cerun berbahaya akibat tanah runtuh di atas Lot 30713 Kampung Sentosa. Untuk makluman, JKR Daerah Maran telah mengadakan lawatan tapak di lokasi cerun runtuh tersebut dan didapati runtuhan itu berlaku di dalam lot individu, bukannya atas tanah kerajaan ataupun *reserve* JKR. Namun, JKR sedia memberi perkhidmatan khidmat nasihat dan kaedah pembaikan cerun kepada pihak tuan tanah. Kalau mintak ni mahukan perkhidmatan. Berkenaan dengan permohonan menaik taraf dan naik aras jalan di Kampung Luit pula, permohonan tersebut masih belum diterima oleh pihak JKR Maran. Walau bagaimanapun, pihak JKR Maran akan meneliti perkara ini dan akan mengangkat permohonan ini dengan segera kepada pihak JKR negeri. Dalam pada itu, menjawab juga daripada pertanyaan tambahan daripada YB Luit berkenaan dengan permohonan penambahbaikan persimpangan jalan besar di Kampung Sentosa yang mempunyai rekod kemalangan maut. JKR Maran telah merancang untuk menaik taraf persimpangan tersebut dengan mengadakan Lorong

ACDC *Lane* pada persimpangan tersebut dan dikenal pasti sebagai lokasi kerap berlaku kemalangan. Perolehan sebut harga bagi kerja-kerja menaik taraf persimpangan tersebut telah dilaksanakan pada 15 April 2026, manakala surat setuju terima SST akan dikeluarkan sebaik sahaja Lembaga Perolehan bersidang dalam masa terdekat. Adalah diharapkan apabila penambahan lorong ACDC ini siap kelak, ia akan mengurangkan risiko kemalangan di persimpangan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa berusaha menambah baik dan menyediakan kemudahan yang akan memberi manfaat kepada rakyat serta menjadikan negeri ini semakin maju dan berdaya saing. Manakala pembangunan ekonomi yang diusahakan adalah daripada pelbagai sudut. Antaranya pembangunan bandar yang pesat dengan pelbagai infrastruktur awam seperti jalan raya, pengangkutan awam dan kemudahan kesihatan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dari segi daripada sudut sektor pengangkutan pula, negeri Pahang menunjukkan perkembangan pesat dalam sektor infrastruktur pengangkutan dan jalan raya selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan jaringan perhubungan sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Antara projek ketara yang boleh dilihat adalah projek berimpak tinggi Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Lembah Klang dan merentasi negeri Pahang melibatkan 7 stesen di 4 daerah iaitu Bentong, Temerloh, Maran dan Kuantan. Projek ini disasarkan selesai pada akhir tahun 2026 dan akan mula beroperasi pada Januari 2027. Sehingga akhir April 2026, kemajuan projek ECRL Negeri Pahang telah mencapai 97.33% manakala status kemajuan keseluruhan projek ECRL adalah 93.66%. Kerajaan Negeri juga sedang telah merancang bagi membangunkan 7 kawasan stesen ECRL di negeri Pahang melalui Jawatankuasa Induk Pelaburan dan Pembangunan *Transit Oriented Development and Economic Accelerator Project* stesen ECRL di negeri Pahang dan telah mengenal pasti projek-projek pelaburan dan pembangunan berhampiran semua stesen ECRL tersebut. Projek pembangunan dirancang di sekitar stesen ECRL turut memberi tekanan kepada integrasi *mood* perjalanan terutamanya menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang dapat meningkatkan mobiliti penduduk.

Terdapat projek yang khusus berkaitan kemudahan pengangkutan awam di daerah yang mempunyai stesen ECRL adalah satunya di projek-projek terminal bersepadu dengan pusat komersial di stesen Bentong dan keduanya di terminal pengangkutan awam bersepadu di Paya Besar, Kuantan. Pengoperasian BAS.MY telah bermula pada 15 Disember 2025 dengan 55 buah bas baru berkonsepkan *low floor*, dengan izin yang dikendalikan oleh Sanwar Tour Sdn Bhd melibatkan 16 laluan utama merangkumi kawasan bandar dan luar bandar dengan waktu operasi daripada 6:00 pagi hingga 10:40 malam. Insentif yang ditawarkan adalah kad konsesi tambang percuma disediakan untuk OKU, warga emas, pelajar sekolah dan mahasiswa IPTA mahupun IPTS. Selain itu, pengoperasian BAS.MY turut menyediakan insentif BAS.MY30 di mana pengguna umum boleh menikmati perjalanan tanpa had dengan harga RM30.00 sebulan. Kajian sistem pengangkutan awam di daerah Kuantan telah disediakan oleh PLANMalaysia, Pahang dan dapatan kajian telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Pahang Bilangan 1/2026 pada 17 Mac 2026 yang lalu. Kajian ini menerangkan hasil penemuan kajian strategi pelaksanaan dan perincian kepada cadangan-cadangan bagi menambah baik sistem pengangkutan awam, bas henti-henti di daerah Kuantan demi kesihatan penduduk tempatan serta

kelestarian bandar. Penilaian yang dibuat telah diperhalusi dengan justifikasi yang kukuh agar cadangan dan strategi pembangunan lebih terperinci, realistik dan boleh dilaksanakan. Setiap cadangan yang disenaraikan disokong dengan penentuan fasa agensi pelaksana dan ilustrasi bagi menyokong lagi kenyataan cadangan yang dicadangkan.

Laporan kajian boleh dijadikan sebagai rujukan kepada agensi pelaksana dalam melaksanakan projek ataupun program yang telah dirancang. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti isu yang mempengaruhi kecekapan, kebolehcapaian dan keberkesanan sistem pengangkutan awam di daerah Kuantan serta kaedah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan sekaligus merealisasikan aspirasi Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Kuantan dalam kepenggunaan perkhidmatan pengangkutan awam bagi memenuhi keperluan rakyat. Penyelesaian perbandaran dalam membangunkan daerah Kuantan ke arah bandar berdaya huni, hijau dan inklusif.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Kerajaan Negeri Pahang akan mengadakan program kerjasama dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia…

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Er… Saya nak mencelah sedikit boleh Yang Berhormat Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Terima kasih Dato' Sri Speaker, terima kasih sahabat Exco. Jadi saya tadi ada dengar tentang usaha yang telah pun dibuat oleh Kerajaan Negeri Pahang iaitu memperkenalkan BAS.MY dan saya rasa itu antara inisiatif yang sangat disukai oleh rakyat dalam keadaan mereka hanya perlu bayar RM30.00 untuk tempoh 30 hari. Dengan akses yang tidak ada had dan bagi golongan warga emas, mereka hanya bayar RM10.00 sekali sahaja. Jadi er… dibentangkan tadi bahawa itu adalah untuk mengatasi masalah pengangkutan di kawasan bandar Kuantan. Jadi ada tak er… cadangan Yang Berhormat bagi pihak Kerajaan Negeri untuk kita perluaskan ke daerah-daerah yang mengalami… yang mempunyai sistem pengangkutan yang kurang seperti di Rompin yang daripada Tanjung Gemuk nak pergi ke Rompin, daripada Rompin nak pergi ke Pekan. Jadi ada tak cadangan Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan BAS.MY di daerah-daerah yang menghadapi masalah pengangkutan. Terima kasih Dato' Sri.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Ahli Lantikan 4. Yang Berhormat Speaker, memang permintaan BAS.MY mendapat sambutan yang cukup baik dan ramai… banyak bandar-bandar ataupun daerah-daerah yang menanyakan berkenaan cadangan bagaimana untuk daerah tersebut boleh dapat seperti di Kuantan ni. Tapi ini sebenarnya program

daripada Kementerian Pengangkutan daripada pihak *federal*. Setakat ini terhad di ibu-ibu negeri sahaja di Malaysia. Jadi, walau bagaimanapun perkara ini akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Sambung balik tadi. Kerajaan Negeri Pahang akan mengadakan program sama dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ataupun MIROS melalui Program Vitara Komuniti pada 19 Mei 2026 depan, dalam usaha untuk memperkasakan komuniti. Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya di peringkat akar umbi melalui penglibatan aktif pemimpin komuniti dan penduduk setempat. Target penyertaan bagi program ini adalah Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung ataupun JPKK Daerah Kuantan dan pihak MIROS akan memberikan pendedahan tentang tatacara pengendalian serta pelaksanaan program keselamatan jalan raya selaras peranan penting JPKK dalam menerajui keselamatan dan pembangunan komuniti di peringkat akar umbi. Kerajaan Negeri juga turut menyediakan insentif berkaitan dengan sektor pengangkutan dalam Belanjawan 2026. Selaras dengan pengoperasian ECRL di Pantai Timur, Kerajaan Negeri menyediakan geran padanan kepada Yayasan Pahang untuk Akademik Rail Pahang (UCYP) University. Inisiatif ini memberi anak-anak Pahang peluang memasuki *industry rail* dan latihan *softskill* terutamanya dalam menyediakan pasaran kerja apabila laluan Rel Pantai Timur (ECRL) beroperasi pada Januari 2027.

Program Latihan Kemahiran Industri, *East Coast Rail Link Operation and Maintenance Retaining Programme* di bawah Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) ini melibatkan seramai 47 orang pelatih yang dibahagikan kepada 3 kumpulan dan dijadualkan menghabiskan latihan dalam masa 5 bulan hingga 1 tahun di Liu Zao Railway Vokasional Technical Colleage di China. Kesemua pelatih yang telah menamatkan kursus tersebut akan menjadi latihan industri selama 3 bulan sebelum menerima penempatan kerjaya di bawah Malaysia Rail Link Sdn Bhd untuk pengisian ECRL. Selain itu, Kerajaan Negeri juga meneruskan subsidi kad pengangkutan Feri Tioman bagi memudahkan mobiliti penduduk Pulau Tioman dengan implikasi kewangan sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan kepada Lembaga Pembangunan Tioman.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Rakyat yang sihat merupakan aset negeri. Kehidupan bahagia rakyat bukan sekadar tahap ekonomi yang baik…

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mencelah sedikit Dato' Sri Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebelum pergi kepada kesihatan, berkaitan dengan kerja raya tadi. Apa yang saya bangkitkan semalam berkaitan projek sakit di kawasan saya tu, FT03. Dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut semalam sedang disemak kontraktor tersebut. Jadi, apakah er… langkah-langkah sementara *interim measure* kita ambil. Sebab kalau semak semula, saya jangka siap pulak 3 tahun lagi dan rakyat akan berdepan dengan masalah yang sama 3 tahun lagi. Jadi boleh tak dicadangkan kepada pihak JKR fikir satu cara kaedah terbaik supaya meringankan sedikit kesesakan ataupun keluhan rakyat yang menggunakan laluan tersebut sementara nak tunggu 3 tahun lagi ni. Payah juga kita nak menjawab. Jadi kalau boleh ada satu langkah sementara supaya keselesaan itu dipertingkatkan, jalan itu dan tidak menimbulkan isu-isu keselamatan jalan tersebut. Itu yang saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Berkenaan dengan projek FT03, projek ini memang ada masalah dengan pihak kontraktor projek lewat dan sekarang pun dalam er… saya rasa proses akhir peringkat kita Kerja Raya Malaysia. Untuk menentukan projek itu, kita dah pun dah bagi surat amaran semua surat penamatan. Pihak JKR dah keluarkan, jadi er… untuk er... bagi keselesaan er… pengguna jalan raya sebab kita tahu jalan tu memang hari-hari orang guna dan lebih lagi laluan tu laluan utama untuk kita pergi ke kawasan er... industri Gebeng dan juga ke Pelabuhan Kuantan. Jadi, saya harap er... perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak JKR.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Rakyat sihat merupakan aset negeri. Kehidupan bahagia, rakyat bukan sekadar tahap ekonomi yang baik tetapi harus juga merangkumi tahap kesihatan yang sempurna. Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri turut memantau peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam sektor kesihatan yang meliputi pembangunan dan pembinaan fasiliti-fasiliti kesihatan yang baru, projek-projek naik taraf dan penambahbaikan fasiliti kesihatan. Penyelenggaraan fasiliti dan kuarters serta perolehan peralatan-peralatan perubatan dan bukan perubatan yang menyokong sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri Pahang.

Di samping menumpukan kepada pembangunan dan penambahbaikan sistem perawatan perubatan, Kerajaan Negeri turut menekankan aspek pencegahan penyakit terutama penyakit tidak berjangkit ataupun NCD dengan mempromosikan amalan gaya hidup sihat. Agenda Nasional Malaysia sihat terus dipergiatkan. Diantara insentif yang diperkenalkan ialah Insentif Penjawat Awam Sihat Sejahtera ataupun (IPASS) bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang mempunyai status kesihatan yang produktif dan dalam membangunkan negeri secara mampan. Menyentuh sektor kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM1.725 bilion dan peruntukan pembangunan sebanyak RM167.6 juta bagi tahun 2026. Bagi peruntukan pembangunan sehingga April 2026, sebanyak RM16.427 juta iaitu 98% telah dibelanjakan untuk projek-projek yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penambahbaikan fasiliti perkhidmatan kesihatan.

Ini adalah merangkumi antara lain projek menaik taraf sistem kejuruteraan dan infrastruktur, menaik taraf kemudahan hemodialisis, er... naik taraf… *sorry* menaik taraf, projek menaik taraf ubah suai projek, menaik taraf ubah, suai dan pembaikan di fasiliti-fasiliti kesihatan, penyelenggaraan kuarters di klinik-klinik dan hospital, perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan serta kenderaan dan pembayaran perkhidmatan sokongan hospital serta perkhidmatan sokongan hospital.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sepanjang tahun 2026 ini, 3 projek pembangunan fasiliti kesihatan di bawah Rancangan Malaysia telah dan bakal disiapkan untuk kesejahteraan rakyat di negeri Pahang. Projek terkini yang telah siap adalah Klinik Kesihatan Sungai Soi, Kuantan yang telah diserahkan secara rasmi oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 5 Mei yang lalu. Projek-projek seterusnya yang bakal disiapkan ialah Klinik Kesihatan Bukit Ibam dengan kuarters di Rompin dan pembinaan bangunan baru *main switch board* serta peningkatan kapasiti genset di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh. Bagi tahun ini juga, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang menerima peruntukan sejumlah RM9 juta bagi projek menaik taraf dan pembinaan wad-wad Kelas 3 di 9 buah hospital daerah di negeri Pahang kepada wad yang berhawa dingin dan lebih selesa kepada pesakit, waris serta petugas kesihatan. Sejumlah peruntukan RM8 juta juga telah disalurkan bagi pelaksanaan projek-projek menaik taraf, ubah suai dan pembaikan fasiliti-fasiliti kesihatan yang lain seperti klinik kesihatan, klinik pergigian, klinik desa, makmal kesihatan dan juga hospital.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bagi menjawab pertanyaan tambahan daripada Yang Berhormat Jengka. Berkaitan penambahbaikan kemudahan kesihatan dan kemudahan rawatan pakar di kawasan Bandar Pusat Jengka. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan penambahbaikan kemudahan kesihatan termasuk di kawasan Bandar Pusat Jengka selaras dengan pertambahan penduduk dan keperluan perkhidmatan kesihatan setempat. Pada masa ini, perkhidmatan kesihatan Hospital Jengka disokong oleh fasiliti kesihatan sedia ada di bawah KKM Kementerian Kesihatan Malaysia berkonsepkan pengurusan hospital kluster iaitu Kluster Pahang Tengah. Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh merupakan pusat rujukan bagi perkhidmatan Kepakaran Kluster Pahang Tengah. Jarak Hospital Jengka ke HoSHAS adalah lebih kurang 47 kilometer atau lebih kurang 40 minit perjalanan. HoSHAS menawarkan 15 perkhidmatan kepakaran dan 6 subkepakaran berserta kemudahan klinik pakar bagi semua perkhidmatan kepakaran yang sedia ada. Kemudahan dewan bedah juga disediakan di HoSHAS dengan keseluruhan 13 dewan bedah.

Setakat Mei 2026, Hospital Jengka sudah menawarkan perkhidmatan kepakaran kecemasan serta kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan tabung darah, perkhidmatan radiologi, perkhidmatan pesakit dalam, perkhidmatan klinik pakar merangkumi, klinik pakar perubatan, klinik pakar pembedahan, klinik pakar ortopedik, klinik pakar ginekologi dan sakit puan, klinik pakar mata, klinik pakar pediatrik dan juga klinik pakar rehabilitasi. Klinik pakar ini mendapat bantuan dari pakar-pakar secara lawatan daripada hospital ataupun daripada Temerloh HoSHAS. Bagi perancangan masa hadapan er... pihak kementerian… kementerian sentiasa menjalankan penilaian keperluan. Er... melalui pelan tersebut, penambahbaikan fasiliti kesihatan sedang dilaksanakan di Hospital Jengka seperti pertamanya, menaik taraf kemudahan sedia

ada dengan melengkapkan penghawa dingin di setiap wad dan menaik taraf bangunan unit kecemasan di ruang klinik pakar.

Keduanya menambah skop perkhidmatan melalui kemudahan bilik pembedahan yang dijangka akan mula beroperasi pada hujung Jun 2026 dan berdasarkan Bengkel Pelan Strategik Ketua Pakar Kepakaran Negeri Pahang yang diadakan pada 28 hingga 30 April 2026. Terdapat juga perancangan untuk menempatkan pakar ortopedik secara tetap di Hospital Jengka dan disasarkan perancangan ini dapat dilaksanakan pada sepenuhnya pada menjelang tahun 2028. Jadi selain itu, perkhidmatan kesihatan yang melibatkan rawatan pakar turut disediakan di Klinik Kesihatan Bandar Jengka yang merupakan Klinik Jenis 3 dengan kedatangan harian sebanyak seramai 475 orang. Pada masa ini, terdapat 1 jawatan pakar klinik, klinik kesihatan keluarga yang telah diisi bagi menyediakan perkhidmatan kepakaran dalam bidang kesihatan keluarga kepada penduduk setempat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mengambil kesempatan ini sekali lagi merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucap terima kasih kepada semua Ahli Berhormat dari Lanchang, Jenderak, Cheka, Semambu, Lepar, Batu Talam, Damak, Mentakab, Bukit Ibam, Kuala Semantan, Sungai Lembing, Kuala Sentul, Sabai, Beserah, Tioman, Chenor, Tahan, Ahli Yang Dilantik 2, Ahli Dilantik 3 yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan portfolio kerja raya, pengangkutan dan kesihatan. Saya tidak dapat menjawab semua pertanyaan Yang Berhormat secara lisan dan akan kemukakan secara bertulis. Sepanjang saya memegang portfolio ini, saya telah cuba melaksanakan yang terbaik untuk negeri Pahang dan berharap negeri Pahang akan terus maju dan cemerlang pada masa akan datang selaras dengan *tag line* terus Maju Terus Pahang dan penyerapan tonggak Aspirasi Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, dengan ini saya mohon menyokong sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Kerajaan, Exco Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Sebelum saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati-pemerhati. 1 daripada DUN Guai 4 orang, DUN Bebar 4 orang, DUN Muadzam Shah 2 orang, jadi tadi dia tengok bagus di cakap Wakil Rakyat dia menggulung. Pelajar-pelajar bersama guru pengiring dari Sekolah Menengah Teknik Kuantan seramai 10 orang hari ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya ni TI *old boys,* TI Kuantan, Teknik Kuantan. Siapa ada lagi? Dato' Mustafa ada lagi, YB ni, YB Tras ni. Ada lagi dari Teknik Kuantan? Kita mengalu-alukan anak-anak kita datang ke mari. Seterusnya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan er… Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, minta maaf ya, Perumahan Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Saya nak maklumkan Yang Berhormat hari ini agak akan berucap lancar kerana pengganggu Yang Berhormat yang selalu bertanya-tanya, beliau telah meminta izin kepada saya untuk ada urusan yang nak diselesaikan. Jadi beliau tidak ada dalam Dewan. Jadi, silakan.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan dan Sidang Dewan yang saya hormati lagi saya kasihi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana telah menyebutkan portfolio saya dengan tepat. Kena minta maaf jugalah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, apa Yang Berhormat?

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Kerajaan, apa kerajaan tempatan dan kesihatan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak boleh silap sikit Yang Berhormat ni.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Jadi saya tadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, memang Kuala Sentul dia beritahu saya dulu dia tak dapat hadir dan dia ucapkan selamat maju jaya kepada saya dan saya….

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya sebab dia maklum pada saya juga. Baguslah ini satu *attitude* yang baik. Dia tak terus hilang begitu saja. Bagilah tahu Speaker. Insya-Allah.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ada adab dan ada adab sopan dan dia juga minta tolong dapat menyelesaikan sikit masalah di Maran tadi. Dia pesan kat sayalah. Insya-Allah, saya akan cuba selesaikan masalah berkaitan. Yang pertamanya, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Pahang menggulung perbahasan pada Persidangan kali ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah di atas segala dorongan dan inspirasi kepada Kerajaan Negeri Pahang agar sentiasa berusaha memberikan yang terbaik untuk rakyat negeri Pahang yang bertuah. Saya dengan penuh hormat dan rasa bangga juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di atas kepimpinan yang berwibawa, berintegriti dan berpandangan jauh sehingga berjaya

membawa negeri Pahang mencapai pelbagai kejayaan yang amat membanggakan di peringkat nasional. [Ahli Dewan tepuk meja].

Dan pencapaian ini tidak dapat dicapai tanpa komitmen yang tinggi daripada seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri merangkumi penjawat-penjawat awam, badan berkanun, PBT-PBT serta syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dalam memastikan agenda pembangunan negeri kita dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dan kejayaan ini juga mencerminkan kesungguhan semua pihak dalam meningkatkan hasil negeri tetapi juga dalam memperkukuhkan kesejahteraan rakyat, mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan memelihara kelestarian alam sekitar demi manfaat generasi yang akan datang. Dan syabas dan tahniah juga diucapkan di atas pengekalan prestasi cemerlang Kerajaan Negeri Pahang yang berjaya mencatat kutipan hasil melebihi RM1 billion selama 4 tahun berturut-turut bermula daripada tahun 2022.

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Isu eksport pasir, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, yang dibangkitkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang bukanlah sekadar untuk menjana hasil negeri tetapi juga ia menjadi keperluan untuk kita mengeluarkan mendapan dan sekali gus melancarkan pengaliran sungai dan mengurangkan risiko banjir terutamanya pada musim *monsoon*. Ini menunjukkan bahawa sumber semula jadi dilihat melalui lensa pengurusan lembangan sungai bukan semata-mata komersial dan titah diraja menegaskan bahawa negeri Pahang juga perlu terus memacu pembangunan ekonomi berteraskan kelestarian alam sekitar melalui pemeliharaan hutan, biodiversiti dan sumber asli secara berintegriti dan di samping turut menuntut pengiktirafan setimpal terhadap peranan strategik negeri sebagai tunjang kestabilan ekosistem semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Selaras dengan titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, PBT juga akan terus memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mempercepatkan tindakan terhadap aduan-aduan rakyat serta memperkasakan penggunaan teknologi digital dalam segala urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam. Alhamdulillah, PBT-PBT di negeri Pahang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komited, berdedikasi dan amanah dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta kelestarian kawasan pentadbiran masing-masing terus dipelihara dengan sebaik-baiknya. Hasrat Kerajaan Negeri adalah jelas untuk menjadikan Pahang sebagai sebuah negeri yang maju, mampan, berdaya tahan dan saya menyeru agar semua pihak khususnya PBT-PBT terus memperkukuhkan budaya kerja berprestasi tinggi, mempercepatkan proses penyampaian, perkhidmatan, memperhebatkan agenda pendigitalan serta memperkasakan pengurusan bandar yang lebih cekap, bersih dan inklusif. Saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada PBT-PBT di dalam negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] yang telah menzahirkan pencapaian perkhidmatan cemerlang melalui pelbagai kejayaan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Dan di antaranya, Majlis Bandaraya Kuantan yang telah menerima Anugerah ASEAN *Clean Tourist City Award* 2026 hingga 2028. Yang keduanya, Majlis Daerah Raub dan Majlis Daerah Lipis yang telah dinobatkan antara Bandar Paling Bahagia tahun 2026 bersama 10 bandar lain di dalam negara kita Malaysia.

Yang ketiganya Majlis Daerah Jerantut dianugerahkan Bandar Paling Mampan tahun 2025. Manakala Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja dan Majlis Daerah Rompin pula menerima Anugerah Bandar Mampan Tahun 2025 dan sebanyak 5 PBT telah menerima penarafan *Smart City Early Adopters,* dengan izin Yang Berhormat Tuan di-Pertua iaitu Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja dan Majlis Daerah Lipis.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Urus tadbir dalam negeri Pahang sentiasa berpaksikan peruntukan perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa bagi memastikan setiap perancangan, keputusan dan pelaksanaan dilaksanakan dengan lebih teratur, telus dan berada dalam landasan yang tepat dan kefahaman dan komitmen semua pihak terhadap prinsip tadbir urus ini telah menyumbang kepada pencapaian membanggakan negeri Pahang apabila mencatat skor tertinggi 0.817 dalam Indeks Perpaduan Nasional dan menduduki tempat pertama dalam negara kita Malaysia dan saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kepimpinan dan komitmen yang berterusan sehingga negeri Pahang berjaya mencapai pengiktirafan ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada semua Ahli-ahli Dewan atas sikap matang, toleransi dan keprihatinan dalam memelihara sensitiviti masyarakat yang majmuk. Ucapan terima kasih juga turut dizahirkan kepada seluruh rakyat negeri Pahang kerana kejayaan ini adalah hasil kerjasama, kesepaduan, kesefahaman dan semangat yang sentiasa dipupuk bersama dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, saya ingin berkongsi dengan lebih lanjut, mengambil kesempatan dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini untuk memberikan, berkongsi bersama gambaran yang lebih jelas kepada rakyat kita yang berbilang kaum dan berbagai agama mengenai pengurusan serta proses kelulusan pembinaan rumah ibadat bukan Islam di dalam negeri ini. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan yang adil, saksama, teratur dan harmoni dalam mempertimbangkan setiap permohonan rumah ibadat selaras dengan peruntukan undang-undang, garis panduan serta keperluan masyarakat setempat dan pendekatan ini penting untuk kita sama-sama memastikan kebebasan beragama terus dapat dipelihara. Di samping kita sama-sama dapat mengekalkan keharmonian dan juga perpaduan di kalangan masyarakat kita yang berbagai agama dan juga berbagai bangsa. Dalam masa yang sama, setiap pengurusan permohonan rumah ibadat ini akan melalui proses penelitian dan semakan oleh agensi-agensi yang berkaitan termasuklah pihak berkuasa tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah serta Jabatan Teknikal bagi memastikan aspek-aspek keselamatan, kesesuaian tapak, perancangan pembangunan dan kepentingan awam sentiasa diberikan perhatian.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, (PLANMalaysia Pahang) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dengan izin Yang di-Pertua Negeri Pahang sebagai rujukan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi berkaitan dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan memantau pembangunan rumah ibadat serta kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya. Sebelum sesuatu untuk makluman Sidang Dewan, sebelum sesuatu rumah ibadat didirikan, aspek-aspek berikut perlulah diberikan perhatian.

Yang pertamanya, adalah aspek perancangan yang melibatkan bilangan penduduk dan jarak antara rumah ibadat sesuatu agama. Bilangan penduduk adalah berdasarkan nisbah 1:2,300 di dalam bandar dan 1:1,100 di kawasan luar bandar. Manakala di luar bandar 1,000 orang 1. Kalau di dalam bandar 2,300-1 boleh dipertimbangkan. Yang keduanya, berhubung menghubungkan pembangunan ini melibatkan 4 proses kelulusan; yang pertamanya kelulusan dasar yang melibatkan Jawatankuasa Teknikal Rumah Ibadat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Dan seterusnya kelulusan dasar oleh Jawatankuasa Teknikal Rumah Ibadat Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Yang keduanya, kelulusan tanah iaitu permohonan kelulusan tanah atau tukar syarat tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang akan diangkat melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Yang ketiganya, adalah kelulusan kebenaran merancang untuk kelulusan oleh PBT. Yang keempat adalah kelulusan pelan bangunan dan kerja tanah iaitu juga untuk kelulusan PBT. Dan setiap permohonan hendaklah dikemukakan oleh Persatuan Penganut Berdaftar dan perlulah mendapat kelulusan di setiap peringkat yang saya nyatakan tadi secara berturutan. Dan sesuatu binaan yang tidak melalui proses-proses ini akan dianggap sebagai pembangunan yang tidak sah. Dari aspek kawalan dan penguatkuasaan pula, bagi memastikan pembangunan rumah ibadat ini lebih terancang, penguatkuasaan berterusan oleh agensi-agensi yang berkaitan perlulah dilaksanakan, yang pertamanya PBT dan Pentadbir Tanah Daerah memantau pertumbuhan tempat-tempat keagamaan di atas tanah kerajaan atau di atas tanah milik. Tindakan akan diambil sekiranya pembinaan bangunan tempat keagamaan melanggar syarat-syarat tanah, perancangan dan juga bangunan.

Keduanya, tempat-tempat pemujaan yang didirikan untuk kegunaan peribadi hanya dibenarkan di kawasan hartanah peribadi dengan saiz yang tidak *prominent*, dengan izin, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Ketiganya, tempat-tempat pemujaan keramat atau s*hrine* sementara dibina di tapak projek pembinaan hendaklah dirobohkan mengikut tatacara agama masing-masing sebaik sahaja projek pembinaan itu siap dibina. Dan ini mungkin kita akan masukkan dalam CCC supaya dapat memastikan sebelum CCC dikeluarkan, sebarang yang telah dibina untuk kegunaan projek tersebut mestilah dirobohkan sebaik saja projek pembinaan itu telah siap dibina. Perihal berkenaan konflik yang membabitkan rumah ibadat dan urusan perpindahan atau perubahan tempat keagamaan selain Islam perlulah dirujuk kepada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam untuk tujuan perundingan bagi mengelakkan sebarang permasalahan yang tidak diperlukan. Saya berharap penerangan saya ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas kepada semua Ahli Dewan dan juga kepada seluruh rakyat negeri Pahang berhubung dengan tatacara pembinaan rumah ibadat bukan Islam.

Saya juga berharap rakyat negeri Pahang yang berbilang kaum, berbagai bangsa dan agama patuh kepada peraturan dan undang-undang yang termaktub bagi memastikan kehidupan rakyat dalam negeri Pahang ini lebih sentiasa harmoni dan juga sejahtera. Saya berharap penerangan saya ini dapat memberikan gambaran yang jelas kepada semua Ahli-ahli Dewan dan rakyat negeri Pahang berhubung pembinaan RIBI. Dan saya juga berharap rakyat negeri Pahang yang berbilang kaum, bangsa dan agama patuh pada peraturan dan undang-undang yang termaktub bagi memastikan kehidupan kita yang lebih baik pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menyentuh mengenai sektor perumahan negeri Pahang, Kerajaan Negeri juga terus komited dalam memastikan agenda penyediaan kediaman mampu milik, selesa dan berdaya unik ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dalam negeri kita yang tercinta ini. Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia, Kerajaan Negeri Pahang kini sehingga kini telah berjaya menyiapkan sebanyak 29,467 unit kediaman menerusi pelbagai inisiatif dan skim perumahan. Sebagai contohnya Prima Pahang 9,057 unit, Rumah Residensi Rakyat 4,198 unit, Rumah Rakyat Pahang 1,354 unit dan lain-lain lagi termasuklah Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru 'RASA) 402 unit dan pelaksanaan inisiatif ini dianggarkan telah memberi manfaat secara langsung kepada hampir 118,000 rakyat dalam negeri Pahang kita dan secara keseluruhan untuk makluman, sidang Dewan bagi Skim Perumahan Negeri yang saya sebutkan tadi…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, saya saja nak tanyalah berapa nilai tu sebenarnya YB? Bukanlah saya ni Ahli Dewan saya, Speaker nak tanya je banyak-banyak rumah tu yang dibuat tu RM9,000.00 berapa nilai. Saja nak tanya dia sedap bila mendengar nilai tu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato'… Dato' Sri Speaker ni…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak kira lagi. (Ketawa)

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Suka dengan angka.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Suka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya suka dengan nilai. Nilai tu. Bukan… bukan Nilai, Negeri Sembilan tu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Baik Dato' Sri Speaker. Insya-Allah saya akan jelaskan dalam ucapan saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Nak tahu berapa nilai dia.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Baik. Dan untuk makluman Sidang Dewan secara keseluruhan skim perumahan yang saya nyatakan tadi, Kerajaan Negeri telah menyiapkan unit-unit kediaman dengan nilai jualan. Nilai jualan rumah tadi yang saya nyatakan tadi keseluruhannya adalah sebanyak RM2.23 bilion 29,467 unit. Jika dibandingkan dengan nilai jualan semasa nilai tadi, nilai yang kita jual tapi kalau nilai semasa yang tanpa subsidi kerajaan adalah bernilai RM4.9 bilion. Jadi ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri telah memberi subsidi kepada rakyat yang berjumlah hampir RM2.7 bilion yang itu kita kembalikan balik kepada rakyat. [Ahli Dewan tepuk meja]. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu menekankan tentang aspek Skim Perumahan Negeri Mampu Milik kepada rakyat negeri Pahang. Saya baru-baru ni saya nak kongsilah yang mana Dato' Sri Speaker apabila saya pergi untuk menyampaikan kunci bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri Besar Pahang dan saya menemuduga penerima tersebut dan saya dapati dia baru berumahtangga dan dia rasa amat gembira kerana telah dapat memiliki rumah yang sangat…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mudalah lagi.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Muda lagi. Mana… mana seorang anak kecil. Dan dia berterima kasih sangat berterima kasih dan begitu teruja untuk memiliki rumah baru yang harganya RM150,000.00 je. Kalau di kawasan berhampiran tu rumah Semi-D tu harga dia RM400,000.00.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yelah memang betul.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Kita beri dia RM150,000.00 dan kalau Rumah Makmur tu RM80,000.00 harga sebenar hampir RM120,000.00. Jadi inilah merupakan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengenal pasti ataupun menyelami denyut nadi rakyat, tahu… tentang keperluan contohnya keperluan anak-anak muda generasi muda untuk memulakan kehidupan baru dan menyediakan rumah-rumah mampu milik ni. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang kita dan saya mengambil contoh pendekatan Rumah Prima tadi yang saya cerita daripada RM2.1 bilion tadi sebanyak 9,000 unit telah kita buatkan untuk Rumah PR1MA Pahang dan mencecah nilai jualan RM1.4 bilion. Walaupun nilai pasaran semasa dianggarkan RM2.48 bilion. Ini menunjukkan kerajaan negeri telah mensubsidikan sebanyak RM1.8 bilion untuk memastikan rakyat dalam negeri Pahang ini berpeluang untuk memiliki kediaman yang lebih baik, lebih selesa, berkualiti dan mampu untuk kita er… dimiliki.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Boleh dah er… dapat er… menjelaskan saya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sangat jelas. Sangat jelas itu kalau di Kuala Lumpur itu, *one* er… RM1 *million*, RM800,000.00 kalau semi-D kat er… di Kuala Lumpur, di Klang Valley *is one point* RM1 juta lebih pasal semua orang boleh minta…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta laluan Dato' Speaker boleh? Minta laluan nak tambah sedikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh, boleh.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hilang rasa mengantuk semua kan er… ramai yang nampak macam layu sahaja, malu la.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu yang Speaker bagi bercakap sedikit. [ketawa] Tak ada orang nak tanya, biar Speaker bertanya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Rumah PR1MA Pahang ini yang kita jual RM150,000.00 ini satu unit diskaun 15% untuk penjawat awam sebenarnya harganya bawah daripada harga pasaran. Harga pasaran dalam RM300,000.00 lebih. Oleh sebab itu, masa peringkat awal pelaksanaan kita dapati ada di kalangan mereka yang mendapat rumah ini sebab kita tak kira, dia dah ada rumah yang pertama ke yang kedua kita er… kira ada ada er… *buyer* kita bagilah kita tak *strict* sangat tapi ada di kalangan mereka yang menjual rumah ini, dia beli dia jual. Dia beli RM150,000.00, dia jual RM300,000.00 lebih. Sehubungan dengan itu, kita telah mengenakan moratorium maknanya kalau Yang Berhormat Speaker beli rumah PR1MA ini dalam tempoh 10 tahun er… 10 tahun Yang Berhormat…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, saya tak layak.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi atas kapasiti Speaker, Kerajaan Negeri boleh pertimbangkan. [Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Terima kasih Yang Amat Berhormat. [Ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi sehubungan dengan itu, kita kenakan moratorium er… jadi itulah sekatan-sekatan er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa lama moratorium itu?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

10 tahun oleh sebab kita dapati rumah ini er… *demand* sangat-sangat tinggi. Ada yang kita tujuan kita untuk membantu mereka yang tidak ada rumah untuk memiliki rumah tetapi ada juga di kalangan mereka yang ambil kesempatan dapat rumah ini ada beli RM150,000.00 ada orang nak beli RM300,000.00 baru dia jual. Jadi memang benarlah kalau er… kalau harga rumah itu memang di bawah daripada harga pasaran dan *demand* yang sangat tinggi. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Penjelasan yang baik.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Selain daripada itu jugalah dalam penambahbaikan Rumah Rakyat Pahang ini er… saya ada memberitahu kepada Lembaga Perumahan kita supaya *reserve*kan satu untuk dibina sebagai contohnya pusat kanak-kanak tadika supaya pembeli-pembeli rumah itu tak menyewakan rumah itu kepada orang lain untuk tujuan tadika. Jadi LPHP akan mengambil alih supaya rumah tersebut boleh digunakan di bawah LPHP untuk diberikan kepada er… untuk mereka-mereka yang digunakan untuk sebagai fasiliti tadika untuk orang yang duduk di kawasan perumahan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk kita mempercepatkan lagi penyampaian bantuan perumahan kepada rakyat ini, LPHP Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dengan izin Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kita telah memperkukuhkan lagi sistem e-Perumahan Pahang menerusi eperumahan.pahang.gov.my sebagai platform digital berpusat bagi mempercepatkan lagi proses pendaftaran dan semakan dan penapisan permohonan secara lebih sistematik, telus dan efisien mana kalau lebih itu, dalam itu orang er… rumah kedua itu kita dah tahu dah, kita dah ada er… *link* maknanya tak bolehlah kita rumah ini rumah pertama sahaja dan dari dulunya permohonan ini kita buat secara manual dan kini permohonan ini boleh kita laksanakan di atas talian bagi memudahcarakan proses permohonan oleh seluruh rakyat negeri Pahang tak kira di mana mereka berada. Sehingga 30 April 2026, portal e-Perumahan Pahang telah merekodkan sebanyak 108,657 permohonan yang melibatkan pelbagai skim-skim perumahan mampu milik

kerajaan di seluruh negeri ini. Hal ini secara tak langsung telah membantu dalam memperkasakan lagi data permintaan rumah dalam negeri sekali gus memperlihatkan keperluan rakyat terhadap kediaman mampu milik dan statistik ini membuktikan bahawa permintaan rakyat terhadap perumahan mampu milik terus meningkat dan menjadi panduan penting dalam Kerajaan Negeri dalam merancang pembangunan perumahan masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya nak menyentuh tentang isu yang kita namakan projek sakit. Antara yang menjadi perbualan-perbualan hangat dalam Sidang Dewan kali ini untuk makluman Sidang Ahli Dewan adalah berkenaan dengan projek sakit yang ditakrifkan setelah tamat tempoh perjanjian jual beli selama 24 bulan. Makna kalau kita buat itu selepas 24 bulan permit jualan dikeluarkan kalau tak siap 2 er… 2 tahun 1 hari Yang Berhormat Dato' Sri Speaker bolehlah dikatakan projek sakit er… dan pada peringkat seterusnya apabila dikenakan er… diiktirafkan sebagai projek sakit, pemaju akan dikenakan ganti rugi kelewatan penyerahan milikan atau LAD, Liquidated Ascertained Damages dengan izin, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, LAD dengan izin yang perlu dibayar kepada pembeli kesan daripada projek belum memperolehi CCC dan berada di bawah pemantauan Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan er… Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagi kategori projek terbengkalai pula, projek boleh dikategorikan sebagai terbengkalai selepas tempoh 6 bulan dikategorikan sebagai projek sakit dan ianya perlu mendapat kelulusan serta disahkan sebagai projek terbengkalai oleh hanya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 11 (1) (c) Akta 118 (Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996). Apabila projek dikategorikan sebagai projek terbengkalai, pembeli bolehlah mendapatkan pengurangan bayaran terutamanya pengecualian faedah pinjaman dan penjadualan semula bayaran. Bagi peminjam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bolehlah memohon pengecualian faedah sehingga 5 tahun manakala cukai taksiran juga boleh dikecualikan tertakluk kepada kaedah perundangan negeri masing-masing. Dalam aspek penyelarasan projek sakit di peringkat negeri Pahang untuk makluman Sidang Dewan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya daripada ADUN Sungai Lembing berdasarkan pada tahun 2023, sebanyak 77 projek sakit direkodkan dalam negeri Pahang. Betul er… Yang Berhormat?

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Betul.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

77 projek sakit tapi berdasarkan pada tahun 2023 dan berdasarkan data yang kita telah kemas kini Jabatan Perumahan Negara di bawah Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga 26 April 2026 er… 26 April tahun 2026 jumlah projek sakit di Pahang adalah sebanyak 34 sahaja. 34 projek di mana jumlah ini telah menurun er… separuh yang er… menurun dengan sangat positif Yang Berhormat Yang di-Pertua dan dalam 34 projek sakit ini yang disenarai oleh pihak Kerajaan Perumahan er… Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya 8 projek yang diselaraskan oleh LPHP Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah

er… Kerajaan Negeri kita hanya 8 sahaja daripada 34 tersebut dan manakala selebihnya 26 projek tersebut adalah merupakan projek perumahan swasta yang berdaftar dengan KPKT sahaja dan daripada 8 projek tersebut, 4 projek akan disiapkan tahun ini makna di bawah LPHP ini 4 projek sakit ini akan disiapkan tahun ini makna akan *balance* baki lagi 4 akan disiapkan pada tahun-tahun berikutnya, insya-Allah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kerajaan Negeri melalui LPHP telah menyelaras 19 projek sakit di dalam negeri Pahang yang melibatkan 2,322 unit rumah di bawah Skim Perumahan Negeri. Dari jumlah tersebut sebanyak 11 projek yang melibatkan 1,311 unit rumah telah berjaya disiapkan dan memperolehi CCC yang melibatkan 5 projek daerah Kuantan, 2 projek di Rompin manakala Lipis, Maran, Cameron Highlands dan Temerloh masing-masing 1 projek. Untuk makluman daripada Chenor juga, SPKR itu dalam proses dalam 70% dalam penyiapan sebanyak untuk 184 buah rumah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Manakala 8 projek lagi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, masih lagi dalam pemantauan berkala oleh LPHP yang sebagaimana saya nyatakan tadi dan segala tindakan yang diambil berlandaskan peruntukan undang-undang yang telah er… yang telah… yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pemaju yang gagal menunjukkan komitmen dan menyiapkan projek termasuklah melalui tindakan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta tindakan yang menyenaraihitamkan syarikat-syarikat yang terbabit daripada 8 tadi, 4 kita akan siapkan pada tahun ini, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Menjawab pertanyaan daripada YB ADUN kawasan Bukit Ibam dan YB ADUN Sungai Lembing berkaitan dengan Projek Rumah Pahang, Felda Keratong 7 dan Felda Bukit Sagu. Kedua dua projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Perumahan Generasi baharu FELDA PGBF yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 dan selepas projek tersebut menghadapi kegagalan pelaksanaan dan terbengkalai sebelum ini. Dan hasil pemantauan dan penilaian teknikal mendapati projek ini telah gagal memenuhi surat setuju terima dan setelah itu melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 10 September 2025 telah memutuskan penamatan peranan pemaju yang terdahulu. Untuk makluman, Ahli Dewan juga, projek Felda Bukit Sagu merangkumi 121 unit rumah Fasa 1 kini telah mencapai kemajuan fizikal sekitar 45% manakala projek Felda Keratong 7 merangkumi pembinaan 120 unit rumah Fasa 1 sekitar 55%. Felda Bukit Sagu dan ini telah kita tamatkan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Sehubungan dengan itu, LPHP sedang melaksanakan penilaian teknikal secara terperinci bagi mengenal pasti baki kerja dan skop pemulihan selain mengenal pasti pemaju yang baharu yang benar-benar berkeupayaan serta berkompetensi untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menjawab pertanyaan YB ADUN Kuala Semantan berkaitan Projek Perumahan Makmur Paya Jejawi di Temerloh. Kerajaan Negeri mengambil serius isu kelewatan penyerahan milikan kosong, kecacatan binaan serta tuntutan-tuntutan LAD *Liquidated Ascertained Damages,* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua yang dibangkitkan oleh pembeli pembeli. LPHP juga telah mengadakan sesi penerangan kepada pembeli-pembeli pada 21 haribulan November 2025 bagi memberikan penjelasan berkaitan isu yang dibangkitkan termasuklah hak pembeli serta tindakan-tindakan yang boleh diambil berhubung dengan tuntutan LAD dan juga kecacatan binaan. Untuk makluman Sidang Dewan, LPHP telah siap…

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Speaker,

Saya mohon mencelah sikit. Terima kasih Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Yang Berhormat Speaker saya nak tanya berkenaan dengan rumah PGBF di Felda Bukit Sagu dan mungkin juga secara keseluruhanlah. Sepertimana Yang Berhormat sebut tadi, sebanyak 121 unit sebanyak 43% siap. Saya difahamkan rumah ini dulu dimulakan pada tahun 2014 macam tulah dan sehingga kini 3 kali dah saya tengok terbengkalai ataupun tergendala oleh mungkin tiga kontraktor. Jadi pada… saya nak tanya pada permulaan asal projek ini dilaksanakan, berapa harga sebenar yang hendak ditawarkan kepada pembeli, ini kepada anak- anak peneroka. Dan jika rumahnya siap tidak tahu bila mungkin Yang Berhormat ada tarikh atau tempoh tertentu. Berapa… apakah harga tersebut masih boleh dikekalkan ataupun berapakah harga sebenar yang akan boleh ditawarkan kepada pembeli. Disebabkan satu tempoh jangka masa yang lama, projek ini terbengkalai. Sekian, terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Sungai Lembing. Kalau tak silap sayalah harga tersebut RM120,000.00 rumah teres di bawah PGBF tu RM120.000.00. Tapi masih lagi belum di apa ada nama lagilah, belum ada nama dan kita akan meneliti perkara tersebut mengikut keadaan semasa ni dari segi harganya dan sekiranya tu mungkin kita akan tengoklah dah buat kajian lebih terperinci. Nak tengok dari segi kesesuaian harga mengikut keadaan semasa ni. Kita tak tau lagi macam mana keadaan barangan dan apa kenaikan harga minyak dan sebagainya. Dan semua ni akan diambil kira dalam penentuan pada masa tu harga pada masa akan datang. Tapi buat sementara ni harganya RM120,000.00 dan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh gulung.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ya, banyak lagi ni Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh gulung.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Untuk makluman Dewan, LPHP kita bersama dengan Majlis Perbandaran Temerloh, pihak pemaju dan wakil penduduk telah mengadakan perbincangan dan hasil perbincangan tersebut berkenaan dengan Paya Jejawi dan kelulusan pelan tembok penahan telah kita perolehi daripada Majlis Perbandaran Temerloh pada 11 Mac 2026 dan kerja-kerja pembinaan semula telah dimulakan pada 17 Mac 2026, dengan tempoh pelaksanaan dianggarkan sekitar 3 bulan. Dan LPHP juga telah mengeluarkan surat teguran kepada pemaju agar menjelaskan segera bayaran LAD kepada pembeli

serta melaksanakan kerja-kerja pembaikan terhadap semua kecacatan binaan dalam tempoh liabiliti kecacatan yang telah ditetapkan.

Merujuk kepada keputusan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah pada 29 Januari 2026 Penguatkuasaan Award Tribunal adalah di bawah bidang kuasa KPKT dan sekiranya pemaju yang gagal mematuhi Award Tribunal boleh dikenakan tindakan termasuk denda dan hukuman lain yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Dalam pada itu, pembeli juga mempunyai hak untuk membuat potongan bayaran LAD daripada baki ansuran jual beli yang perlu dibayar kepada pemaju sekiranya bayaran LAD tersebut gagal dijelaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui LPHP, LPHP akan terus memantau rapat isu ini serta memberikan kerjasama kepada pihak berkaitan bagi memastikan hak dan kepentingan pembeli rumah sentiasa terpelihara.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ingin menyentuh sedikit tentang pertanyaan daripada YB Panching berkenaan dengan unit RRP yang tidak didiami ekoran tekanan air rendah. Panching tak ada eh? Untuk makluman Dewan, terdapat 5 unit RRP dan 4 unit RU'RASA yang dibina secara berkelompok dan 5 daripada 9 unit rumah tersebut didiami oleh penerima. Untuk makluman Ahli Dewan, kerja-kerja yang sebagaimana yang ditanya oleh Panching berkenaan dengan pembekalan air, kerja-kerja menaik taraf paip baharu sedang dilaksanakan oleh pihak PAIP dengan peruntukan lebih daripada RM120,000.00 dan dijangka mengambil masa selama 3 bulan untuk siap sepenuhnya. Dan di dalam kawasan yang sama terdapat pembangunan Rumah PR1MA Pahang yang sedang dalam pembinaan merangkumi 224 unit rumah yang kini berada pada peringkat 76% pelaksanaan di tapak dan selaras dengan pembangunan tersebut, jajaran paip akan dinaik taraf dan isu tekanan air rendah di kawasan tersebut dijangka selesai sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang kerana telah mengilhamkan penubuhan Pahang Go dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku berkenan menyentuh secara khusus, perkhidmatan digital yang telah disediakan melalui aplikasi Pahang Go dalam titah baginda. Dan khususnya kemudahan carian rasmi tanah secara digital dan perkara ini telah menjadi satu kehormatan… penghormatan dan pembakar semangat untuk buat seluruh warga kerja PahangGo untuk terus memperkukuhkan usaha pendigitalan negeri Pahang kita. PahangGo akan terus komited memainkan peranan sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam membina ekosistem digital yang lebih moden, pantas berfokuskan rakyat supaya dapat mendidik rakyat untuk menguasai teknologi digital melalui penggunaan aplikasi PahangGo seiring dengan arus pemodenan dan menyokong pelan digital Pahang. Kita nak didik rakyat Pahang ni Dato Sri Speaker dengan menggunakan aplikasi PahangGo supaya semua rakyat Pahang dia biasakan diri dengan pendigitalan ni dan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ha… nak gulung la ni. Untuk makluman Dato' Sri Speaker dan Sidang Dewan, aplikasi PahangGo kini mempunyai lebih daripada 800,000 pengguna bukan sahaja di negeri Pahang, malah juga pengguna-pengguna di negeri lain juga menggunakan aplikasi PahangGo dan nilai purata nilai transaksi bulanan kita mencecah RM4 juta sebulan termasuk kemudahan untuk membayar bil utiliti air. Bukan sahaja kita bayar boleh bayar air di negeri Pahang tetapi juga kita boleh bayar air untuk negeri Kelantan, Selangor, Kedah dan juga Melaka.

Jadi PahangGo ini kalau orang Pahang Yang di-Pertua, bayar bil Melaka pun boleh nak duduk Selangor pun dia boleh bayar untuk di Selangor dan Pahang Go juga pada 27 September 2025 telah menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai aplikasi mudah alih milik Kerajaan Negeri dengan ciri perkhidmatan terbanyak iaitu 96 ciri aplikasi semuanya dan PahangGo akan terus bergerak langkah untuk memastikan Pahang akan terus menjadi negeri yang moden, pantas dan berfokuskan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya nak menggulung dah ni Dato' Sri. Akhir sekali kerana kekangan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang tadi bukan gulunglah. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya atas desakan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya nak kerana kekangan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bukan. Saya... saya bukannya mendesak kerana kita masa sembahyang Asar belum lagi. Jadi kita ada 2 lagi.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDINBIN MOHD ARIFF

Baik Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang Berhormat ya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDINBIN MOHD ARIFF

Makna kalau saya tak jawab soalan-soalan daripada Cheka, daripada Beserah ini salah Dato' Sri Speakerlah. [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang Berhormat. Saya boleh hantar Yang Berhormat keluar. [Ahli Dewan ketawa]. Ini... ini Yang Berhormat kena tarik balik tu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDINBIN MOHD ARIFF

Saya mohon maaf Speaker. Dek kerana kekangan masa, saya mungkin tidak dapat menjawab semua pertanyaan yang dikemukakan itu. Saya nak mengambil kesempatan inilah untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Berhormat yang telah mengambil bahagian terutamanya daripada Tioman, Cheka, Beserah, Semambu, Tanjung Lumpur, Luit, Ibam, Sungai Lembing, Ketari, Damak, Mentakab, Panching macam habis semualah tapi tak dapat jawab semua. Telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan soalan-soalan yang berkaitan dengan portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau. Mana-mana soalan yang saya tidak dapat jawab secara lisan, insya-Allah saya akan kita akan jawab secara bertulis. Dan saya juga ingin memohon maaf sekiranya dalam ucapan saya, keterlibatan saya menyentuh mana-mana Ahli-ahli Dewan. Itulah semangat kita sebagai satu keluargalah dalam Dewan Yang Mulia ini dan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan dan pihak-pihak yang berkaitan atas kerjasama yang erat, komitmen yang padu yang telah diberikan kepada saya sepanjang saya memegang portfolio ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah di atas segala sokongan dan dorongan yang tiada berbelah bagi bagi Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Bak kata pepatah, rakyat... Raja dan Rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Mengakhiri ucapan saya sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato’ Sri Diraja Menteri Besar Pahang di atas segala jasa dan usaha dalam menerajui kepimpinan pentadbiran Negeri Pahang ke arah transformasi yang lebih hebat, dinamik, progresif di samping sentiasa memberikan keutamaan kepada kebajikan rakyat. Dengan segala perancangan-perancangan yang telah disediakan dan dilaksanakan nanti insya-Allah sudah tentu akan lebih memajukan, mensejahterakan dan memakmurkan lagi negeri Pahang Darul Makmur, insya-Allah. Sekian wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dengan ini saya mohon menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya minta Yang Berhormat gulung kerana Yang Berhormat telah bercakap 50 minit. Seterusnya, lain kali kena buat ucapan itu dengan baik mengikut masa yang telah ditetapkan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDINBIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya ingat 20 minit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat sila duduk. [Ahli Dewan ketawa]. Seterusnya kita jemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang untuk penggulungan.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan ayat al-Quran). Pertamanya kita mengucap syukur ke hadrat Ilahi kerana kita bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan serta Ketua-ketua Jabatan dapat berhimpun di dalam Dewan Yang Mulia ini dengan diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Tidak ada tujuan melainkan untuk kita memastikan negeri Pahang Darul Makmur agamanya, rakyatnya dan juga semua sekali dapat dipacukan dengan sebaik-baiknya mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Sebagaimana rakan-rakan Ahli Dewan merafak sembah kesisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku berangkat mencemar duli bagi bukan sahaja untuk merasmikan Dewan kita ini dan juga menyampaikan titah ucapan perasmian yang memberi semangat serta penjelasan bagaimana jalur-jalur untuk kita membangunkan negeri Pahang ini dengan penuh semangat dan mendapat keredaan daripada Allah SWT.

Apa yang kita syukuri ke hadrat Ilahi daripada titah ucapan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku telah menunjukkan dan menonjolkan kesyukuran Baginda Tuanku kepada Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail, bagi memastikan ekonomi, agama, pendidikan, kebajikan dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Bahkan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku sebagai Raja atau Tengku Mahkota bagi membantu Paduka Ayahanda Sultan Pahang telah memberikan satu titah yang sangat baik agar kita semua menjadikan dia sebagai tongkat hikmat. Bagaimana untuk kita terus bekerjasama berganding bahu memastikan negeri Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ini rakyatnya, agamanya sentiasa dibela dengan sebaik-baiknya. Kebetulan pula saya mewakili Jawatankuasa Agama, Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli. Antara perkara yang dicuit di dalam Titah Paduka Mulia Tuanku untuk kita memberikan perhatian yang sebaik-baiknya apatah lagi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin sebagai penaung agama dan juga raja yang sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal agama Islam. Disusuli pula oleh Hamba Tua Tuanku Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail sendiri memahami cita rasa dan cetusan jiwa Paduka Baginda Tuanku bagaimana agama itu perlu diperkasakan di negeri Pahang Darul Makmur.

Maka saya sudah tentu bagi bagi pihak Jawatankuasa Agama sama ada Jabatan Agama Islam Pahangnya, Jabatan Mahkamah Syariahnya, Jabatan Muftinya, Jabatan Pendakwa Syarienya, Universiti al-Qurannya dan sebagainya ingin menyatakan kesyukuran kami ke hadrat Ilahi dan juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah mengumumkan di dalam bajet yang lalu bagi menggerakkan jentera agama ini sebanyak RM160.36 juta, RM288 juta bagi menggerakkan jentera agama di negeri Pahang Darul Makmur.
Sebab itulah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kita tengok program demi program serta aktiviti demi aktiviti keagamaan sama ada Pendidikan Islam melalui 18 buah sekolah agama, kita dapat pacukan sehingga baru-baru ini menjadi kebanggaan

negeri Pahang Darul Makmur seramai 73 orang pelajar Sekolah Menengah Agama telah berjaya mencatat *straight* A di dalam SPM mereka baru-baru ini. [Ahli Dewan menepuk meja] ini tidak dapat dilaksanakan hanya sekadar dengan berangan-angan, tetapi oleh kerana komitmen Kerajaan Negeri dan kesungguhan Jabatan Agama Islam Pahang serta bahagian pendidikan sehinggakan menjadikan GPN negeri Pahang bagi Sekolah Menengah Agama 3.57 telah dicatatkan, Yang Berhormat Speaker.

Selain daripada itu, kita bersyukur kehadrat Ilahi apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja telah mengumumkan bantuan-bantuan khas sama ada sempena Aidilfitri dan sebagainya kepada pengamal-pengamal agama Islam sama ada imam dan siak serta juga bilal dan juga wali hakim. Sehinggakan mereka ini di seluruh Pahang telah diraikan sempena bulan Ramadan al-Mubarak bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Mudah-mudahan negeri Pahang terus diberkati dan juga institusi agama terus dijunjung dengan sebaik-baiknya. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan adalah program Ihya Ramadan. Kita berjaya menjelajah bermula daripada Pulau Tioman sehinggalah ke hujung negeri berhampiran dengan Cameron Highlands. Mengiringi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bagi meraikan umat Islam di setiap pelusuk di negeri Pahang. Berjemaah di masjid sambil kita merasmikan masjid-masjid itu oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Dalam waktu yang sama, para asnaf juga disantuni oleh Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Agama Islam Pahang.

Kita juga telah memakmurkan bulan Ramadan Al-Mubarak ini sempena Nuzul al-Quran. Apabila kita lebih merasa bangga lagi Kerajaan Negeri Pahang berjaya menobatkan uni… Universiti Islam Pahang dengan nama Universiti Al-Quran Sultan Abdullah Ahmad Shah Negeri Pahang Darul Makmur [Ahli Dewan menepuk meja]. Kejayaan ini telah mendapat pujian daripada Rabitah Jamiah Islamiah iaitu Ikatan Universiti-Universiti Islam sedunia yang bertempat di Kota al-Kaherah, Mesir. Dato' Sri Speaker, beliau menyatakan bahawasanya inilah satu-satunya di… di negara Islam yang universitinya dijolokkan dan dinamakan dengan Universiti Al-Quran. Bermakna bukan sahaja di Malaysia bahkan di dunia, Pahang sahajalah yang telah men… menobatkan Universiti Al-Quran di negeri ini. Alhamdulillah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kita juga bersyukur kita berjaya untuk memastikan program-program pembangunan yang kita binakan iaitu pembinaan masjid sebagaimana sering disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam ucapan beliau bukan sekadar dengan 40 buah masjid. Bahkan yang terdekat ini, insya-Allah kita bakal menikmati masjid baru di Bandar Indera Sempurna, Kuantan yang jangka siap insya-Allah pada 22 Jun 2026, Masjid Baru Al-Fatah, Batu 3, Kuantan 14 Julai 2026. Projek bina baru asrama perempuan 4 tingkat Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan insya-Allah akan selesai pada 27 Ogos. Projek baru bina asrama lelaki 4 tingkat…

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIFF

YB Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sikit soalan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sila.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIFF

Di Kuantan ini permintaan kepada sekolah, kemasukan ke sekolah agama amat tinggi dan agak kecewa jugalah rakyat tak dapat masuk sekolah. Saya bekas sekolah, pelajar Sekolah Menengah Ugama Al-Ihsan Kuantan. Ada tak cadangan kerajaan untuk mewujudkan Al-Ihsan 2 contoh ataupun sekolah wakaf, sekolah wakaf bagi, kalau tengok di Mesir, Al-Azhar pun diwujudkan sekolah universiti wakaf dan juga di Turki banyak institusi-institusi pendidikan diwujudkan oleh sistem wakaf. Apa kata kalau Kerajaan Negeri memulakan umpama cadangan yang saya lontarkan tadi. Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan daripada Indera… Inderapura. Sahabat saya yang mencadangkan supaya adanya penambahan sekolah-sekolah agama. Dato' Sri Speaker, Dato' Sri Yang di-Pertua, sekolah agama ini kalau dulunya tak sampai 18 buah. Sekarang ini dah menjangkau kepada 18 buah. Sebenarnya bukan kita merasakan itu mencukupi untuk kita. Kalau boleh kita nak tambah lagi sekolah menengah agama. Tapi kita bersyukur walaupun kita tidak berupaya dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mungkin kita tak mampu untuk menambah Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Tapi kita jangan buntu, kita telah berjaya menambah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan sebanyak 8 buah. Yang pertama sekali Sekolah Menengah Agama Al-Maarif di Bukit Goh. Ia juga di Kuantan di atas sistem yang hampir sama dengan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan. Sekolah Menengah Agama Mahmudiah di Kampung Awah, Jalan Kampung Awah, di Temerloh, Dato' Sri Speaker dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan di Chatin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kampung Awah itu bukan Maran ke? Pilihan raya tak masuk dalam Temerloh.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sekolah Agama Mahmudiah dekat Maran, Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pembetulan.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Sebab itu Ahli Dewan ini sayangkan Dato' Sri Speaker. Cuma Bebar tadi dia bergurau sekadar nak menambahkan sayang dia lagi. Dato'…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya pun bergurau tapi saya ada kuasa. Itu saja.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ahli Dewan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia tak ada kuasa.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ahli-ahli Dewan tahu Dato' Sri kuasa… berkuasa dan tahu pandai menggunakan kuasa. Sebab itu kami sokong Dato' Sri Speaker jika menjadi Ahli Dewan. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh saya tambah 2 minit lagi. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya nak sambung lagi sekolah menengah yang terbaru Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan Darul Naim, Kuala Krau, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan Relai di Lipis, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan di Jerantut. Di mana Jerantut? Kota Gelanggi. Pendek kata, kita mempunyai penambahan 9 buah sekolah agama dan pada tahun ini kita bersyukur kepada Allah SWT di dalam bajet yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mengumumkan sebuah lagi penambahan Sekolah Agama Rendah di Cameron Highlands untuk negeri Pahang Darul Makmur. Cumanya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saudara-mara kita, ini rakan taulan kita ini. Kalau boleh sekolah itu nak duduk laman tangga dia. Kita ada 18 buah sekolah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak kata oranglah Yang…Yang Berhormat, saya pun macam itu juga kalau boleh, dekat rumah.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Itulah dia sebenarnya. Jadi kita ada 18 buah sekolah agama yang memohon katakan 10,000 orang. Kita minta dia pergi belajar ke Batu Talam, taknak, sebab dia takut ke Dato' Aziz agaknya. Dia takut ke apa, Batu Talam. Kita suruh dia pergi belajar ke apa, Bukit Ibam mungkin dia bimbang… tak ada dah Ir. Razali, tak gurau. Bukan gitu tempat tu jauh sikit Dato' Sri Speaker. Jadi benda itu kalau seandainya ada kerjasama di antara pemohon dengan Jabatan Agama Islam Pahang sebagai organisasi yang mengatur benda ini. Saya rasa tak timbul. Walaupun demikian, sebab itu kita buat ini asrama ini Dato' Sri Speaker. Asrama ini kita buat untuk menampung keselesaan pelajar. Dalam waktu yang sama, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan melalui Yayasan Pahang bagi memudahkan orang nak masuk sekolah agama iaitu maahad tahfiz sama saja belajar agama juga di maahad tahfiz lebih… lebih mantap lagi. Sebab apa pelajar yang belajar di maahad tahfiz sekarang ini menjadi yang terbaik di negara

kita. Kalau di Maahad Tahfiz Turath dan Mahaad Tahfiz Profesional di Tanjung Lumpur antara 5 yang terbaik di negara kita. Ini satu nikmat yang Allah SWT beri usaha daripada Kerajaan Negeri yang berterusan bagi memastikan Pendidikan Islam ini dapat dilaksana. Walaupun demikian, kita tidak menafikan…

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Pertua.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Cadangan Dewan, Ahli-ahli Dewan termasuklah Inderapura dan ramai rakan- rakan sebelum ini telah memberi cadangan seandai kata rezeki kita dimurahkan oleh Allah SWT. Sokongan Ahli Dewan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan yang ada semakin mantap. Benda ini akan jadi kenyataan. Tak mustahil kita akan menambahkan lagi sebab untuk makluman Dato' Sri Speaker sekarang ini, Kerajaan Negeri sedang… sedang apa, aktif menaik taraf Pejabat Agama Islam Bandaraya Kuantan di Kuantan dan juga apa namanya Mahkamah Syariah di Busut Jin, Temerloh dan Busut Jin ini kita akan cadangkan tukar nama Busut Malaikat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Setuju.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker nak celah sikit saja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang ini.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Sebab kebetulan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil daripada Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Sebab kebetulan, sebab rakan saya pun di Sekolah Menengah Ihsan. Saya juga Sekolah Menengah Agama Rompin. Jadi saya tengok Kerajaan Negeri banyak sangat apa ini tolong buat perkara-perkara atau program untuk memartabatkan sekolah-sekolah agama ini. Jadi, saya mohon mencadang dan mungkin pihak kerajaan tolong bagi pandangan ataupun jawapan iaitu kita tengok maahad tahfiz hari ini, pencapaian

pelajarnya sangat cemerlang saban tahun. Begitu juga, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja mengadakan tabika tahfiz mendapat sambutan yang tinggi.

Jadi ada tak cadangan kalau dapat kita buat kerjasama dengan pihak swasta ataupun mana-mana pihak oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang dan sebagainya mewujudkan sekolah menengah tahfiz sama macam di Yayasan Pahang. Tapi di er... di swasta. Ya, sebab saya tengok bila ramai anak-anak pelajar yang ibu bapa berkecenderungan untuk ke maahad tahfiz tidak dapat memasuki maka mereka ni bercempera merata-rata. Jadi saya kira kalau dapatlah Kerajaan Negeri saya ingat mampu perkara ini untuk mewujudkan kerjasama dengan pihak swasta ataupun GLC bagaimana iaitu Sekolah Menengah Tahfiz yang diselenggara bersama dengan pihak swasta. Terima kasih.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Cadangan dari rakan saya daripada Tioman ini cukup baik hampir sama dengan Inderapura. Dan selama ini pun Yang Berhormat Dato' Sri Speaker… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, usaha memajukan maahad tahfiz sama ada di peringkat tadika ataupun di peringkat sekolah rendah tahfiz dan juga Maahad Tahfiz Kerajaan Negeri di peringkat menengah dan di peringkat diploma. Semua ini Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, diusahakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama GLC iaitu Yayasan Pahang yang begitu memberi komitmen yang sangat tinggi sehinggakan perkara ini dapat dilaksanakan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kita telah berjaya membuat penambahan Maahad Tahfiz insya-Allah yang akan mendominasikan hadis di Kuala Lipis. Ini satu pembaharuan dan satu pembukaan yang baharu untuk negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] dan tak lama lagi akan buat pula di Maran satu lagi, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ingat buat di Lanchang.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Lanchang sebab Dato' Sri dah jadi Speaker kalau jadi ADUN lagi tak mustahil buat di Lanchang. [Ahli Dewan ketawa].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ingin sebut selain daripada usaha gigih dalam apa namanya amal makruf selalu rakan-rakan Dewan tanya mana nahi mungkarnya? Kita tak berapa seronok nak cerita pasal nahi mungkar ni tapi kita kena cerita supaya orang tahu bahawasanya Jabatan Agama, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama berusaha gigih. Ada beberapa ajaran sesat, tingkah laku-tingkah laku yang songsang telah berjaya dikekang oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama. Seumpama kes *trooper*, 4 individu telah ditangkap bagi mengekang pergerakan dan penularan ajaran tersebut. Begitu juga kes Millah Abraham, satu tangkapan telah dibuat berkaitan dengan ajaran Millah Abraham. Individu terbabit didakwa di bawah Seksyen 5 dan Seksyen 18. Begitu juga kes jenayah Nur Ahmad di Istana Pelangi dan juga kita berjaya di dalam kes Cakra Aura Asia.

Pendek kata, pencapaian yang telah diusahakan oleh Jabatan Agama Islam Pahang ini satu demi satu telah kita usahakan bahkan semua ini telah mendapat pengiktirafan Pentadbiran Tadbir Urus Tadbir baru-baru ini apabila Jabatan Agama Islam Pahang telah berjaya menyambung Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti QMS **ISO 9001:2015** untuk tempoh 3 tahun lagi bermula 2026 sehingga 2028. Jarang ni pentadbiran jabatan kerajaan dapat Dato' Sri Speaker. Jabatan Agama Islam juga telah mendapat Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah **ISO 37001:2016** Anti-Bribery Management Sistem (ABMS) pada 12 September 2025. Begitu juga insya-Allah Jabatan Agama Islam Pahang kini sedang melangkah ke arah Pensijilan **ISO/IEC 27001**:2022 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. Dengan berkat doa Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, benda ini akan menjadi kenyataan.

Saya ingin menyentuh juga apa usaha luar bandar di negeri Pahang Darul Makmur. Pada 2025 ini, banyak jalan-jalan dan juga pembangunan-pembangunan di luar bandar. Seumpama kata 110 batang jalan melibatkan kos sebanyak RM15.69 juta di seluruh Pahang telah berjaya dibina oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Luar Bandar dan 108 buah projek PAMS melibatkan kos RM14.98 juta. Begitu juga pada tahun 2024, 210 batang jalan melibatkan kos RM26 juta dan juga 186 buah projek. Alhamdulillah, kalau kita sentuh Hal Ehwal Orang Asli, saya nak ringkaskan Dato' Sri, kalau cerita banyak sangat, begitu juga Hal Ehwal Orang Asli. Kita bersyukur kepada Allah SWT dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy bin Wan Ismail dan keluhuran jiwa Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang sentiasa kasih kepada masyarakat Orang Asli tercetusnya idea daripada beliau Menteri Besar kita untuk membina dan menubuhkan ORACO, Orang Asli Corporation.

Orang Asli Corporation ini dulunya ceritanya nak bantu ekonomi Orang Asli ataupun kebajikan Orang Asli, pembelajaran diorang tetapi apabila banyak ladang-ladang Orang Asli ini terbengkalai. Setelah pihak RISDA menarik diri, maka kita dapat membantu masyarakat Orang Asli dalam pelbagai hal ekonomi dia orang dan juga pendidikan dia orang. Sekarang ini tidak ada pelajar Orang Asli nak masuk ke universiti setiap tahun. Tahun lepas seramai 40 orang kita beri bantuan termasuk beri laptop secara percuma kepada pelajar-pelajar [Ahli Dewan menepuk meja] dan juga untuk kemudahan asas kita binakan Rumah Rakyat Pahang Orang Asli dah sekarang ini dah menjangkau hampir 220 biji rumah Orang Asli di seluruh Pahang telah berjaya kita bina bagi memastikan keselesaan Orang Asli. Itu tidak termasuk lagi bagaimana untuk kita membantu mereka dalam baik pulih dan juga infra mereka.

Saya ingin berpindah kepada persoalan ini yang penting. Yang dikemukakan oleh rakan-rakan Dewan di dalam Dewan Yang Mulia ini ketika kita berbahas. Semambu ada membangkitkan tentang bagaimanakah cara Kerajaan Negeri untuk membantu Orang Asli ni dalam soal pengwartaan tanah Orang Asli. Tanah Adat ke? Tanah Orang Asli ke? Apakah garis masa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan bagaimana untuk mempercepatkan ukur dan tidak adakah jawatankuasa yang khusus bagi mewujudkan? Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, ini adalah di antara agenda penting bukan sahaja Kerajaan Pusat melalui JAKOA bahkan Kerajaan Negeri sendiri cuma kampung-kampung Orang Asli yang telah kita daftarkan dan kita perakui didaftarkan oleh JAKOA dan diperakui oleh Kerajaan Negeri lebih daripada 250 buah kampung ini sebagai kampung yang sah Orang Asli.

Dato' Sri Speaker,

Ada beberapa kampung yang kita sedang untuk memastikan mereka ini dapat digazetkan. Ini yang jadi masalah untuk mengukur halus ini bukan satu perkara yang mudah. Sebab dia orang kena turun padang. Bagi mempercepatkan itu, Kerajaan Negeri bersetuju pihak JAKOA yang memohon supaya untuk menggazetkan tanah Orang Asli ini mengguna khidmat apa namanya Juruukur Berlesen. Dan alhamdulillah khidmat Juruukur Berlesen ini dapat membantu JAKOA bagi membantu masyarakat Orang Asli.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mempercepatkan.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mempercepatkan. Namun demikian, ada juga kekangan apabila juruukur ni dia pergi turun dia tak tahu kadang-kadang tanah itu adalah telah digazetkan sebagai Hutan Simpan. Ada tanah tu kadang telah digazetkan sebagai Jabatan Perhilitan, ada tanah yang telah digazetkan. Ini perkara yang menyebabkan agak sukar sebab itulah pada bulan lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengarahkan satu Jawatankuasa Task Force diadakan yang diurusetiakan sendiri oleh PTG dan saya diminta oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar mewakili beliau bagi mempengerusikan Jawatankuasa ini dan juga pastikan DO dan JAKOA serta ORACO duduk di dalam jawatankuasa itu agar disegerakan urusan-urusan penempatan dan permohonan tanah melalui STR. Maknanya kita tak payah pergi kementerian dah. Kita cuba cari jalan melalui negeri supaya benda ni dapat dipercepatkan dan disegerakan. Saya rasa dengan idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ini akan banyak usaha-usaha yang dapat dipercepatkan dan disegerakan di dalam menyelesaikan masalah masyarakat Orang Asli.

Merujukkan persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Teras, untuk swastakan memang itulah usaha yang sedang dibuat. Tanah-tanah terbiar masyarakat Orang Asli ini kita cari syarikat sama ada ORACO sendiri ataupun syarikat-syarikat yang berlesen yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri untuk membantu memajukan tanah-tanah Orang Asli tetapi dengan syarat dia benar-benar dapat memberi pulangan. Setakat ini, kita bersyukur ORACO di dalam beberapa ladang yang terbiar itu bila dijayakan oleh ORACO, Orang Asli dulu ianya hanya mendapatkan pendapatannya RM100.00 sebulan, RM200.00 sebulan. Sekarang ini ada menjangkau sampai RM800.00, bahkan ada mencecah sampai RM1,000.00 sebulan yang dibantu oleh pihak ORACO. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada masyarakat Orang Asli hasil usaha dan idea cerna Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa dibantu dengan sebaik-baiknya.

Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Jenderak, Dato' Sri Speaker. Jenderak bertanyakan tentang bekalan elektrik kepada masyarakat Kampung Berdut. Kampung Berdut ini dia ada sejarah dia tahun 40an dulu. Dia dipindahkan oleh kerajaan untuk disatukan masyarakat Orang Asli ini di satu perkampungan iaitu di Kampung Paya Rekoh. Dia orang pindah tetapi ada beberapa keluarga dia tak nak pindah. Dia kekal duduk di Kampung Berdut. Kampung Berdut ni pada ketika itu tahun 40an. Saya pun tak lahir lagi. Saya rasa Dato' Sri Speaker pun takde lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya masih lagi di Luth Mahfudz.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ataupun kita pinjam firman Allah SWT. [Bacaan ayat al-Quran]. Anda masih lagi benih di dalam sulbi bapa anda pada ketika itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bapa saya pun tak ada lagi.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Zaman itu. Dia orang dah buat keputusan zaman darurat, zaman susah, zaman sulit jadi Orang Asli dibawa pindah. Tapi ada yang masih lagi berkeras untuk duduk di Kampung Berdut. Menjadilah Kampung Berdut tu kampung yang tidak didaftar sebagaimana yang saya sebut tadi, ada 250 buah. Kampung yang tak daftar macam dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Lanchang, Selimbar. Susah nak tolong. Kita kena tolong kampung yang dah daftar dulu, kampung yang diiktiraf. Supaya kalau... kalau kita dahulukan yang daftar ini, mengikut peraturan. Yang tak daftar kalau kita tolong nanti di situ tanah PSK, tanah PERHILITAN. Dia merasakan dia diiktiraf, bila ada apa-apa isu susah kita nak selesaikan di tempat dia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung la.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato’ Sri Speaker, saya sebenarnya suka sangat kalau singgah tapi kesian, persoalan yang dibangkit oleh rakan-rakan, contohnya Damak... Damak tanya tentang masjid.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang lain pun sian juga nak balik.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita boleh, kita buat keputusan nak balik ke, nak suruh saya selesai boleh belaka. Takde hal. Damak, Dato' Sri Speaker dia tanya tentang masjid tidak sebab dia suka sangat tengok Kerajaan Negeri buat Masjid Simpang Tebing Tinggi. Damak ni bagus dia. Jadi dia berhajat saya semak-semak orang Kampung Damak tak minta pun, orang kampung... JPKK tak minta, jawatankuasa masjid tak minta. Mungkin dia borak kedai kopi je dengan ADUN Damak. Jadi ADUN Damak bawa ke sini. Kalau ada permohonan daripada JPKK, boleh kita pertimbangkan untuk kita salurkan permohonan itu kepada SDO, PLB. SDO ada Dato' Razihan ada. Boleh kita panjangkan Dato' Razihan akan panjangkan ke Kementerian Kewangan.

Tapi sekarang ni tak serupa zaman Dato' Seri Najib, Bossku. Sebab itu kita kelmarin kabor jangan digulingkan Bossku, jangan diguling kita babir. Sekarang payah, amende payahnya Dato' Sri Speaker? Orang kampung kena sedia, katalah RM1.00, orang kampung kena sedia 20 sen. Kerajaan Pusat akan sedia 60 sen Kerajaan Negeri akan sedia 30 sen. Kena sanggup gitu. Itu perjanjian permintaan yang diminta oleh pihak Kementerian Kewangan. Tak nak tak ada. Jadi, kita terpaksa bersetuju. Sebab itu Masjid Al Fatah dan Masjid Indera Sempurna akhir nak tak nak kita buat sendiri. Tapi sampai bila kita tak mampu juga. Kewangan kita pun kita kena fikirkan juga walaupun bagaimana bolehlah JPKK atau jawatankuasa masjid berpakat dengan Kadi Jerantut untuk membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk Kerajaan Negeri panjangkan. Luit pulak bertanya tentang status Masjid Kampung Luit. Apa cerita tanah tu? PDT sebenarnya telah naikkan failnya ke pihak PTG. Begitu juga apa... apa Masjid Kampung Serengkam. Tak ada dah Luit patut tak payah jawab tadi dia tak ada. Yang Luit kita jawab bertulis. Dia boleh jamak dak itu jawab solat tu "kelat" tu.

Sabai, sahabat saya daripada Sabai, dia menanyakan isu air dengan dewan. Minta buat dewan dan minta selesaikan air. Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebulan sekali dia buat program apa er... Aspirasi Pahang 1st, Jelajah Aspirasi Pahang 1st. Jadi tahun lepas DUN Sabai ni menjadi perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya pun nak kalau boleh. Saya tertanya-tanya bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni nak buat mesyuarat Exco di Temerloh dan DUN Kerdau jadi tempat lawatan Jelajah Aspirasi. Tapi Dato' Sri MB ni dia pilih DUN Sabai untuk menjadi Jelajah Aspirasi Pahang 1st [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya disuruhkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pergi ke Kampung Ulu Pareh. Sebab di situ ada masyarakat Orang Asli. Orang Asli banyak benda dia bangkitkan, hal tanah. Alhamdulillah pakat-pakat dia nak 1,000 ekar, tapi dah 100 ekar tu dah ada milik orang. Dia nak juga, saya kata awak nak... nak dengar tak kisah Nabi Allah Yusuf dengan Zulaikha.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lama ni ada... ada kisah ni lagi lama kan?

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Okey kita batal kisah Nabi Allah Yusuf Zulaikha tu cerita belakang Dato' Sri Speaker. Jadi selesai masalah tanah, selesai bersetuju ada persetujuan di antara PTG, PDT dan juga JAKOA dan Orang Asli. Masalah dewan, dewan tunggu dulu. Dewan ni kalau tak ada boleh berhidup lagi. Air ni kita selesai dulu, saya cakap kat Orang Asli. Jadi Kerajaan Negeri dah bersetuju melalui ORACO, JAKOA dan juga PAIP kita akan selesaikan masalah air ni. Insya-Allah dalam waktu terdekat dengan kos sebanyak RM250,000.00, Dato' Sri Speaker. Yang Amat Berhormat dah setuju. Tepuklah tangan Sabai bukan tepuk ke saya, MB. [Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Terima kasih.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dewan tu, sabar dulu kalau tak ada dewan hidup juga. Tapi kalau takde air [Bacaan dalam Bahasa Arab].

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Mohon terjemahkan.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ha... bagus tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terus gulung.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ketari ada tanya pasal air, kita akan pergi dan kita akan usaha untuk bantu untuk tengok macam mana caranya. Sebab besar gayanya di Ketari ni.
Kemudian itu masalah isu FELCRA yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Lanchang. FELCRA ni disebutkan oleh sahabat saya pada Lanchang, FELCRA apa... se... Kampung Sementih.

(ADUN LANCHANG - N31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Kampung Sementih.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul kampung tu Kampung Sementih tapi FELCRA tu Dato' Sri. Namanya FELCRA Semantan di Kampung Sementih. Ini kerja Dato' Sri Speakerlah dulu mendapatkan tanah ni, jadikan FELCRA. Waktu itu Dato' Sri ADUN cuma tak selesai lagi dosa... dosa tu saya yang kena bertaubat sekarang ni bukan berdosa kan. Makna kerja baik Dato' Sri tu saya nak tumpang pahalanya. Maksudnya tu bahasa yang lebih baik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baru saya nak tegur dah sedar.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Jadi benda tu ada sedikit teknikal tanah kerana tanah tu sebenarnya di bawah Jabatan Hutan. Tapi Kerajaan Negeri ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pemimpin-pemimpin yang dahulu berhasrat nak tolong rakyat yang akan dapat membantu tidak

kurang daripada er... 400 orang penduduk setempat dijangkakan. Jadi, kita dah berpakat, Kerajaan Negeri dah setuju benda tu pun dah bawak masuk MMK minta Jabatan Hutan memberikan syor permit penggunaan kepada FELCRA dan juga penduduk setempat. Insya-Allah benda ni akan selesai. Kemudian itu Beserah, sikit je lagi *sorry* la Beserah ni dia orang Beserah ni dia buat kubur tak...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Basrah ke Beserah?

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Basrah kita dekat Iraq.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kalau falsafah Basrah kalau Melayunya Beserah.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ini antara Terengganu orang Pahang aja Beserah ni.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, saya pun tak berapa faham, orang di Beserah ni dia buat tanah kubur tak berjalan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia orang ni sentiasa berserah... berserah.

(ADUN KERDAU - N28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mungkin sebab itulah puncanya. Sebenarnya tanah kubur ni baru sahaja dikenal pasti oleh penduduk Bandar Damansara. Dia baru kenal pasti sebelum ni dia orang gi kebumi ke Sungai Karang Darat. Lah tak ada juga dah sampai hati. Ha? Oh… ada *press conference.* Tak apa, benda ini dulu dia kebumi di Sungai Karang Darat, Dato' Sri Speaker. Baru wujud apa namanya di Beserah ni, di Bandar Damansara ni dan dalam proses permohonan, masih dalam proses, belum lulus lagi dan permohonan jalan. Surat permohonan peruntukan jalan pun dah hantar ke SDO lebih kurang RM1 juta. Harap SDO sokonglah ya supaya ada jalan. Esok mayat jalan sendiri susah tu ha. Jadi apa namanya kita bantulah apa yang patut. Jadi apa namanya Bukit Ibam, tanyakan tentang apa, itu Beserah tanyakan tentang sagu hati tukang gali kubur pulak. Sebenarnya sebelum tanya MB dah beri ke tukang gali kubur ni melalui khairat kematian setiap negeri Pahang, RM400.00 [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya hajat nak mencelah semalam, saja sampai sekarang ni saya menjawab.

Kemudian Ibam tanya tentang guru KAFA, dah tambah dah, ada tambah dah guru KAFA. Dia pelajar situ, 276 orang. Gurunya ada… apa gurunya cukup untuk 30 orang pelajar dengan seorang guru. Maknanya ada 9 orang guru. Sudah memadai sebenarnya. Jadi, saya rasa Dato' Sri Speaker kang panjang lagi, cukuplah sampai situ, apa. Mudah-mudahan sikit jawapan ni dapat memenuhi apa kehendak Dewan. Saya sebagaimana rakan-rakan yang lain juga ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas Titah Perasmian Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Seterusnya yang terakhir pada hari ini adalah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang. Terserahlah kepada Yang Berhormat berapa lama Yang Berhormat hendak. Saya bagi 30 minit sebab kita tahu 2 hari pertama tu semua…semua sekejap je kita bercakap… mesyuarat.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Sri Speaker. Tadi saya 3 kali kena amaran. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat 50 minit Yang Berhormat. [Ahli Dewan ketawa] Sila Yang Berhormat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera, Salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. [Bacaan dalam Bahasa Arab].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dato' Sri Speaker yang telah memberi izin kepada saya untuk terlibat sama dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang bersempena dengan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 8 Mei 2026, Jumaat yang lalu yang dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Terlebih dahulu izinkan saya memulakan ucapan penggulungan ini dengan insya-Allah patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah yang telah dizahirkan oleh Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 yang berlangsung pada 8 Mei 2026, hari Jumaat bersamaan 20 Zulkaedah 1447 Hijrah.

Titah Diraja yang telah disampaikan dengan penuh hikmah ini sememangnya menjadi bukti keprihatinan dan keutuhan semangat kepimpinan Raja Berpelembagaan yang sentiasa mendahulukan rakyat meliputi pelbagai aspek. Sesungguhnya patik dan seluruh pacal rakyat di negeri Pahang ini amat bertuah dan beruntung sekali kerana dikurniakan seorang raja pemerintah yang berjiwa rakyat. Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku serta keluarga Diraja sentiasa cakna dan prihatin terhadap kebajikan serta keperluan pacal-pacal rakyat jelata di negeri ini tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa dan juga kemajuan negeri yang tercinta. Insya-Allah patik serta saf kepimpinan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh hamba tua Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail bersama-sama pacal-pacal warga perkhidmatan awam negeri Pahang beserta agensi-agensi Kerajaan Pusat akan menjadikan Titah Diraja ini sebagai panduan dalam menggalas dan menjalankan amanah serta tanggungjawab demi kemajuan negeri serta kesejahteraan rakyat Pahang Darul Makmur. Ampun Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana memimpin Kerajaan Negeri hingga terus melakar kejayaan yang amat membanggakan di mana kutipan melebihi RM1 bilion buat tahun keempat berturut-turut sejak tahun 2022. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.7 % dengan nilai ekonomi mencecah RM68 bilion sekali gus meletakkan Pahang dalam kategori 4 negeri terbaik pada tahun 2024 serta peningkatan ekonomi negeri sebanyak 23% dalam tempoh tahun 2019 hingga 2024. Tahniah Yang Berhormat Dato' Sri Diraja. Malahan kalau kita lihat misal contohnya idea-idea cetusan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja ini banyak idea-idea yang baru. Kalau kita lihat, dahulunya kita panggil Bantuan Prihatin Pahang. Sebenarnya idea tuntas daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja. Kemudian kita ada Inisiatif Makmur Pahang. Malahan melihat dengan lebih jauh lagi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri sendiri melihat keberkesanan misal contoh sistem struktur pentadbiran Kerajaan Negeri dalam mempastikan bukan sahaja kemajuan negeri itu terus dicapai tetapi juga kesejahteraan rakyat dapat dikecapi oleh seluruh masyarakat.

Malahan dalam konteks seumpama itu tidak berpuas hati dengan semata-mata, saf kepimpinan, barisan pemimpin-pemimpin kerajaan terdiri daripada pemimpin-pemimpin daripada parti yang memerintah untuk bertemu dengan rakyat jelata. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah mencetuskan satu program yang dinamakan Program Sentuhan Rakyat Makmur (PSRM). Program ini tidak melibatkan ahli-ahli politik. Program ini diterajui dipimpin oleh Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri. Turun ke lapangan bertemu dengan rakyat jelata memudahcarakan supaya dapat ada interaksi, *engagement,* dengan izin terus daripada pihak masyarakat, rakyat jelata yang di lapangan dengan pentadbiran Kerajaan Negeri. Ini tanpa penglibatan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri, saf…saf ini barisan Exco mahupun Wakil-wakil Rakyat. Ini semua ialah satu program yang melibatkan hanya anggota perkhidmatan kerajaan khususnya Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan Pusat dan di situlah kita dapat maklum balas yang dijadikan sebagai asas untuk menggubal dasar-dasar. Pendekatan-pendekatan yang telah diambil, yang perlu diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dan perlu diperbaiki. Inilah alhamdulillah hasil daripada cetusan idea yang penuh berwawasan dan juga komited. Inilah sebenarnya dapat dirasai oleh rakyat jelata di seluruh negeri Pahang, mencakupi 42 kawasan DUN di negeri Pahang Darul

Makmur ini. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini kita melihat bahawasanya hasil yang dicapai ini, kemajuan yang telah dicapai ialah hasil komitmen daripada Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang. Mesyuarat mingguan dipanggil *top five* ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan daripada hasil perbincangan yang dibuat itulah maka dirangkanya, pendekatan, perancangan, bantuan dalam pelbagai bentuk kepada rakyat jelata.

Sebab itu, dalam konteks seumpama ini kita lihat bahawasanya berlakunya pergolakan mutakhir ini dalam geopolitik global, ianya memberi kesan kepada rakyat jelata. Namun, sepertimana yang telah kita zahirkan, tindakan-tindakan diambil secara segera. Antaranya ialah bakul, Bakul Negeri, BN negeri iaitu di mana bantuan secara khusus RM15,000.00 seminggu untuk tiap-tiap DUN disalurkan. [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini merupakan satu idea yang datang daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Hasil turun ke lapangan, bertemu, berjumpa dengan orang ramai dan alhamdulillah *feedback* yang kita terima cukup memberangsangkan. Sebab itu dalam konteks seumpama ini sebenarnya sekalung tahniah penghargaan, setinggi-tingginya kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang sendiri, insya-Allah.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, malahan penghargaan ini khusus dalam pencapaian SPM 2025. Yang Berhormat Dato' Sri sepertimana yang saya sebutkan dalam ucapan ataupun jawapan saya dalam Dewan Yang Mulia pada pagi tadi iaitu sebenarnya agenda pendidikan merupakan agenda utama yang dititikberatkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang selaku seorang anak yang datangnya daripada kawasan luar bandar yang pada satu ketika dahulu merupakan satu kawasan yang agak pedalaman dan tidak mempunyai infrastruktur yang yang cukup sempurna tetapi sebenarnya dengan cabaran yang ada itu sendiri pun, kesungguhan di jiwa Yang Amat Berhormat Dato' Sri, maka alhamdulillah pada hari ini dapat berada di puncak, teraju, memimpin negeri Pahang Darul Makmur, hasil daripada pengalaman itulah, maka, satu demi satu Agenda Pemerkasaan Pendidikan dilaksanakan dan alhamdulillah dalam pencapaian SPM 2025 kita telah mencapai, menunjukkan pencapaian yang cukup cemerlang iaitu peningkatan yang amat memberangsangkan apabila berada di kedudukan kedua terbaik di peringkat nasional berbanding kedudukan ketiga pada tahun sebelum-sebelum ini.

Sebelum… sebelum ni tahun 2023 kita nombor 3, 2024 kita nombor 3, tetapi pendekatan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar termasuk mengeluarkan modul-modul, kertas, ataupun buku panduan, maka akhirnya pelbagai langkah diambil. Maka kita telah meningkat pergi ke nombor 2. Tapi sebenarnya sepertimana yang saya zahirkan, kita berada di kedudukan nombor 1, Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja sendiri pun telah membangkitkan ini dan malahan saya telah bangkitkan dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Mana mungkin Putrajaya diletakkan nombor 1 sebagai sebuah negeri sedangkan bilangan sekolahnya cukup terhad, sedikit sahaja, sedangkan Pahang yang ada 199 buah sekolah yang mana anak-anak pelajar dia terdiri pelbagai kaum, daripada latar belakang, kedudukan, termasuk daripada sekolah-sekolah yang dalam pedalaman. Tetapi setakat ini takpe, walaupun kita nombor 2, pada hakikatnya sebenarnya saya rasa kita nombor 1. Satu tepukanlah. Satu penghargaan [Ahli Dewan menepuk meja] kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Sebab itu pada kali ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas, tahniah, setinggi-tinggi penghargaan kepada warga pendidik yang telah memberikan komitmen yang cukup tinggi dalam pastikan bahawasanya kita Pahang berada di tahap yang

cukup terbaik. Seramai 25,853 orang warga cikgu atau guru yang terlibat di dalam mendidik anak-anak kita di negeri Pahang Darul Makmur ini. Jadi, sempena dengan kejayaan ini dan sempena dengan Hari Guru Yang Amat Berhormat Dato' Sri yang akan disambut pada 16 Mei iaitu dua hari yang akan datang, yang bertemakan "Guru Bitara Nadi Negara". Saya ingin bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua insan yang bergelar pendidik [Ahli Dewan menepuk meja] khususnya buat guru di seluruh negeri Pahang seramai 25,853 orang di seluruh… keseluruhannya. Terima kasih Cikgu, "Jasamu Dikenang, Budimu disanjung". *Thank You Teacher*.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sahabat saya daripada Kerdau bisikkan pada hari ini dia kata hari ini Hari Jururawat. Hari Jururawat, ya? Jadi, sempena dengan itu kita… kita juga mengucapkan Selamat Hari Jururawat. Patutnya, rakan saya daripada, rakan saya, Exco Kesihatan, patut *pick up* boleh? *Pick up*lah, cepat Hari Jururawat.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Oh… terima kasih kepada Benta beri laluan untuk mengucapkan Selamat Hari Jururawat Sedunia, terima kasih.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

[Ketawa] Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini yang mengambil bahagian dan menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan aspek portfolio saya. Antaranya ialah ADUN Tahan, ADUN Bukit Ibam, ADUN Cheka, ADUN Tioman, ADUN Ketari, Pulau Tawar, Damak, Kemayan, Sabai, Semambu, Tras, Jenderak, Batu Talam Pulau Manis, Mentakab, Tanah Rata, Panching, Sabai, Lanchang, Beserah, Chenor dan ADUN, ADUN Lantikan keempat-empatnya, yang telah berbahas dan menyentuh mengenai portfolio saya. Alhamdulillah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dunia hari ini sedang berhadapan dengan landskap geopolitik yang semakin kompleks. Konflik melibatkan Israel, Amerika dan juga Iran bukan sekadar isu politik antarabangsa, tetapi telah memberi kesan langsung kepada ekonomi dunia, termasuk sektor makanan, tenaga, logistik dan rantaian bekalan global. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menggandakan lagi usaha untuk mengatasi era ketidaktentuan geopolitik Rantau Asia. Mengatasi kesan era ketidaktentuan geopolitik Rantau Asia Barat melalui pelbagai usaha yang proaktif dan komprehensif. Malahan dalam sektor pertanian, bantuan di bawah BUDI Agri-Komoditi bantuan tunai bagi petani dan pekebun kecil yang layak. Ini bantuan melalui, bantuan Kerajaan Pusat yang disalurkan melalui Jabatan Pertanian. Bantuan ini disasarkan untuk meringankan kos operasi bahan api diesel jentera pertanian dan merupakan sebahagian daripada program penyasaran semula subsidi diesel.

Kedua, Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) dinaikkan daripada RM160.00 kepada RM300.00 sehektar permusim. Penyaluran dana Kerajaan Pusat ini dijangka dapat memberikan kelegaan kepada petani dalam mengatasi kenaikan kos logistik, lonjakan harga import pertanian dan ketidakstabilan harga ladang. Kebun Dapur ataupun Kebun Komoditi melalui Program Benih Negeri ini program inisiatif Kerajaan Negeri, di atas ilham daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sendiri iaitu Program Benih Negeri, BN Negeri akan dilaksanakan di setiap daerah melibatkan setiap DUN untuk pengedaran Kit Benih Negeri. Program ini akan diperluaskan dengan bukan sahaja penjualan anak pokok dengan harga rahmah di pusat-pusat pembiakan benih pertanian dan seterusnya diperkembangkan kepada edaran Kit Agromakanan yang merangkumi penternakan dan perikanan seperti anak ayam. Malahan sektor penternakan memperkukuhkan program pembangunan makanan ternakan termasuk galakan penghasilan silaj dan tanaman rumput makanan ternakan di Pusat Sumber Genetik Ternakan (PSGT) bagi membantu mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan ternakan import.

Meneruskan usaha bantuan dan program sokongan kepada penternak, semua bantuan dan program sedia ada seperti Skim Makmur Ternak, Program MEKAR serta Program Rezeki Ternakan Ruminan dan Unggas terus dilaksanakan seperti biasa bagi membantu penternak meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan beban kos operasi semasa. Manakala sektor perikanan bantuan ikan seperti ikan patin, keli, talapia, lampam jawa, baung yang percuma kepada penternak melalui pusat-pusat di bawah Jabatan Perikanan seperti Pusat Perkembangan Akuakultur Bukit Tinggi dan juga di Perlok telah diedarkan dan sejumlah 983,600 ekor bernilai RM252,220.00 di Pusat, ataupun Pusat Pengembangan Akuakultur di Bukit Tinggi.

Manakala di Perlok sejumlah 188,930 ekor benih ikan telah di salurkan bernilai RM79,095.00. Malahan inisiatif pendidikan missal contohnya alhamdulillah. Pemberian bantuan makanan berjumlah RM3.87 juta kepada murid Sekolah Menengah Miskin Tegar bagi tahun 2026. Penerima murid sekolah menengah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang iaitu sasaran penerima ialah 4,496 orang. Jumlah keseluruhannya, yang saya zahirkan tadi ialah RM3.87 juta. Dan kita berdoa insya-Allah mudah-mudahan sebenarnya pergolakan yang berlaku di Asia Barat ini akan mencapai persetujuan dan perdamaian dan insya-Allah ianya akan dapat meredakan dan juga menangani, menampan kesan daripada pergolakan yang berlaku itu, yang akan sudah tentunya menghimpit masyarakat termasuk rakyat jelata di negeri Pahang Darul Makmur ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lama lagi Yang Berhormat?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya, saya nak mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri kepada rakan-rakan kepegawaian staf kepimpinan pegawai daripada agensi-agensi yang telah membantu saya untuk menyediakan jawapan-jawapan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tak suruh berhenti, saya tanya lama ke lagi? [Ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Itulah maknanya saya nak menjawab soalan tu. Saya sampai ke situ. Jadi maknanya dalam konteks seumpama ini. Berapa lama lagi masa yang saya ada?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya boleh bagi dalam 15 minit lagi.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okey, alhamdulillah. Terima kasih Dato' Sri Speaker. Jadi saya nak merakamkan iaitu terima kasih saya kepada staf pimpinan pegawai daripada Jabatan Pendidikan, daripada Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, LKIM dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menyediakan pelaporan mencatatkan perkara yang dibangkit oleh rakan-rakan ADUN dalam Sidang Dewan yang lalu yang ada setengahnya hari-hari yang saya tak ada di sini. Contohnya, Semambu mencadangkan kepada kerajaan membangkitkan tentang Pelan Agrotech Pahang yang insya-Allah memberi fokus pertanian pintar, penggunaan drone teknologi AI serta memperluaskan industri hiliran dan hub pemprosesan makanan. Untuk makluman sebenarnya di bawah Dasar Agro Makanan Negara 2.0 iaitu satu dasar yang akan memperincikan atau memperincikan tindakan daripada tahun 2021 hingga 2030 meletakkan pertanian pintar sebagai antara teras utama pembangunan sektor agromakanan negara.

Sehubungan itu, Pihak Kerajaan Negeri selari dengan hala tuju Kerajaan Pusat memperkukuhkan transformasi sektor pertanian melalui penggunaan teknologi seperti *Internet of things (IoT), drone*, automasi, analitik data serta aplikasi kecerdasan buatan AI bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos operasi dan mengoptimumkan penggunaan sumber pertanian. Malahan untuk makluman dewan yang mulia ini, inisiatif berkaitan teknologi pertanian termasuk latihan IoT dalam pertanian melalui latihan terus kepada petani bermula 2024. Terdapat seramai 80 petani-petani menjalankan kursus serta disertakan dengan *Starter Kit IoT*, dengan izin untuk digunakan di kebun masing-masing. Yang Berhormat ADUN Tanah rata mengutarakan cadangan mempertimbangkan bantuan subsidi diesel tambahan yang lebih bersasar berdasarkan penggunaan sebenar mesin dan jentera pertanian moden seperti *steamer* untuk pensterilan tanah oleh para petani di Cameron Highlands. Kerajaan Persekutuan melalui program Budi Diesel Agrikomoditi kini menyediakan bantuan subsidi diesel sehingga RM400.00 sebulan.

Pada penerima yang layak dan Kerajaan Negeri berpandangan bahawa pendekatan bantuan yang lebih bersasar berdasarkan penggunaan sebenar mesin dan jentera pertanian moden wajar dipertimbangkan khususnya bagi kawasan pengeluaran makanan utama seperti Cameron Highlands. Bagi cadangan supaya bantuan tambahan diesel diberikan berdasarkan penggunaan mesin dan jentera pertanian moden seperti *steamer* tanah. Kerajaan Negeri berpandangan, cadangan tersebut adalah wajar untuk dipertimbangkan kerana penggunaan mesin berasaskan diesel di kawasan tanah tinggi adalah lebih tinggi dan melibatkan kos operasi yang signifikan.
Jabatan Pertanian Negeri Pahang akan memperkukuhkan sesi libat urus bersama persatuan petani dan Pengusaha serta telah mewujudkan platform bilik gerakan bagi meneliti isu dan permasalahan semasa di lapangan secara berkala terus mengumpul

maklum balas serta data keperluan sebenar pengusaha tani di Cameron Highlands untuk dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Jaminan Makanan dan Industri Asas bagi pertimbangan.

ADUN Tahan membangkitkan tentang langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di Negeri Pahang dan apakah program yang disediakan bagi membantu petani dan pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka. Bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan beberapa langkah strategik seperti memperluaskan memperkukuh ke kawasan pengeluaran makanan melalui pembangunan zon pengeluaran seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dalam negeri Pahang termasuk menaik taraf infrastruktur ladang, kemudahan pengairan serta penyediaan input dan peralatan pertanian. Mempergiatkan penggunaan teknologi moden dan amalan pertanian pintar termasuk sistem fertigasi, hidroponik, mekanisasi dan automasi ladang bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan pengeluaran. Memperluaskan pembangunan komuniti berpotensi tinggi dan bernilai ekonomik antaranya tanaman sayur-sayuran, buah-buahan premium, kelapa, jagung, bijian, kopi, cendawan serta industri *agriculture* madu termasuk bagi tujuan eksport. Memperkukuhkan rantaian nilaian pertanian merangkumi aktiviti hiliran dan huluan dan hiliran seperti pemprosesan, pembungkusan, pemasaran serta pembangunan pusat pengumpulan dan edaran hasil pertanian. Program pengiktirafan Pahang Best antara langkah strategik negeri bagi tambah nilai produk hiliran hasil usahawan dan dalam negeri Pahang yang unik dan terbaik.

Bagi membantu petani dan pekebun kecil meningkatkan pendapatan, pelbagai program dan inisiatif telah disediakan. Antaranya program meningkatkan SSR, tanaman sayuran memberi… memberi bantuan pembangunan ladang, input pertanian dan teknologi dengan kadar insentif sehingga 50,000 sehektar termasuk pembangunan fertigasi, program pembangunan tanaman buah buahan berpotensi menyokong tanaman bernilai tinggi seperti durian belanda, avocado dan jambu air dengan bantuan sehingga 20,000 perhektar. Program pembangunan tanaman kelapa melibatkan tanam semula dan pemulihan kebun tidak produktif dengan insentif sehingga 15,000 sehektar. Pembangunan industri jagung, bijian dan penanaman makanan ternakan termasuk bantuan pembangunan ladang mekanisasi serta skim kerjasama dengan sektor swasta bagi meningkatkan skala pengeluaran. Inisiatif pengukuhan komoditi bagi tujuan eksport, juga memberi antara lain memberi fokus kepada pengeluaran berskala besar dan berorientasikan pasaran eksport melalui sokongan infrastruktur, teknologi dan pembiayaan.

Pensijilan dan amalan Pertanian baik MyGAP dan MyOrganik dengan izin, memberi insentif berdasarkan pengeluaran serta peningkatan akses pasaran dan harga premium. Malahan ADUN Semambu mencadangkan untuk memperbanyakkan lagi TKPM. Untuk makluman sehingga kini terdapat 19 TKPM di negeri Pahang yang merangkumi hampir semua daerah dan buat masa ini tiada cadangan untuk pertambahan kita nak mengoptimumkan TKPM yang sedia ada yang sekarang ini. Berkaitan dengan sektor penternakan. ADUN Jenderak mencadangkan berkenaan pembinaan atau pengusaha reban ayam yang melibatkan PBT, Pejabat Daerah dan Tanah dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengkaji semula reban ayam tradisional yang menggunakan kaedah lama yang mengganggu persekitaran dan keselesaan penduduk, supaya menggunakan kaedah lebih moden dan berteknologi tinggi secara tertutup dan mengurangkan gangguan lalat dan bau busuk. Sebenarnya, Kerajaan Negeri sememangnya telah menetapkan dasar transformasi sistem Reban Ayam

Komersial melalui Surat Pekeliling Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 6 Tahun 2021 bertarikh 5 Julai 2021.

Dasar tersebut menetapkan bahawa ladang ayam komersial, yang sedia ada diberi tempoh untuk membuat transformasi er... kepada reban tertutup. Malahan er... kelulusan untuk semua yang projek-projek ternakan ayam, reban ini, yang baru ini, diluluskan dengan syarat ianya merupakan dibina atau dilaksanakan dengan konsep reban tertutup. Berkenaan dengan aduan pencemaran bau najis ayam dan kacau ganggu lalat di Flex Marketing Sdn. Bhd., di Raub. Ini saya ingat ni di di Kuala Atok. Er... tindakan kepada aduan tersebut, khidmat nasihat telah diberikan kepada kakitangan ladang. Notis pemeriksaan ladang telah dikeluarkan, arahan pembersihan persekitaran berlaku dalam tempoh, yang telah ditetapkan. Malahan persampelan *maggot* juga telah diambil tapi khususnya dalam konteks seumpama ini, er... tindakan er... telah dikeluarkan kepada pihak pengusaha, untuk mengambil langkah-langkah yang er... positif dan er... pengarahan untuk er... memberhentikan operasi er... dikeluarkan dan insya-Allah perkara ini kita akan pantau dan pastikan bahawasanya setiap aktiviti er... reban ayam yang berlaku di Raub ini akan di er... pantau secara teliti dan insya-Allah akan diambil tindakan tegas bagi menangani isu ini.

ADUN Batu Talam mencadangkan berkaitan kewujudan pusat TVET berasaskan pertanian dan penternakan di daerah Raub. Pihak Kerajaan Negeri, sebenarnya er... mengambil maklum dan bahawasanya cadangan ini amat bertepatan dengan usaha memperkukuhkan pembangunan modal insan dan meningkatkan kemahiran, teknikal belia serta menarik lebih ramai golongan muda menceburi sektor agromakanan dan penternakan moden. Malah, daerah Raub mempunyai potensi yang sangat baik untuk pembangunan bidang pertanian dan penternakan, kerana merupakan antara kawasan pengeluaran ternakan utama di negeri Pahang. Daerah ini menempatkan ladang ayam telur terbesar di negeri Pahang serta menjadi lokasi projek ternakan termasuk Wagyu yang diusahakan oleh syarikat AGK dari projek penternakan lembu, daging premium negeri. Kewujudan industri ternakan berskala besar dan moden ini mampu menjadi pusat latihan praktikal dan pendedahan industri kepada pelajar TVET pada masa hadapan. Khususnya dalam bidang pengurusan ladang moden dan teknologi reban tertutup, biosekuriti, pembiakbakaan, automasi serta pemprosesan hasil ternakan bernilai tinggi.

Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada 3 minit lagi.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

ADUN Chenor ada membangkitkan berkaitan ternakan ikan sangkar di Kampung Pesagi, Kampung Belawan dan Kampung Sanding. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini terdapat seramai 31 orang penternak akuakultur berdaftar di kawasan Chenor, yang melibatkan keluasan operasi penternakan kira-kira 9 hektar. Aktiviti akuakultur yang dijalankan tertumpu kepada penternakan sangkar ikan air tawar seperti patin, tilapia, keli dan lampam. Malahan er... bermula tahun 2022 hingga 2026, sebanyak RM2.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai bentuk bantuan dan program pembangunan akuakultur yang melibatkan seramai 49 penerima di kawasan Chenor. Di bawah bantuan bencana El-Nino tahun 2024 sejumlah

RM100,500.00 telah disalurkan kepada 9 penerima dalam bentuk bantuan makanan ikan. Selain itu, melalui peruntukan SPEC bagi tahun 2023 hingga 2025, sejumlah RM95,710.00 telah diperuntukkan kepada 17 penerima melibatkan bantuan makanan ikan dan benih ikan. Bagi peruntukan KPKM dan Kerajaan Negeri pula, sejumlah RM12,000.00 telah disalurkan kepada 6 penerima melibatkan bantuan makanan ikan dan benih ikan.

Berkenaan mewujudkan zon ternakan khas bagi penternakan ikan sangkar yang baharu pula, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan amat memandang serius kesan timbunan pasir yang luas sepanjang lebih 3 kilometer dan melibatkan penternakan ikan sangkar penduduk turut terjejas dan juga kesan fenomena El-Nino di kawasan ini. Timbunan pasir yang tidak diurus dengan baik boleh menyebabkan hakisan tebing sungai serta meningkatkan mendapan di dasar sungai hingga mengganggu aliran semula jadi semasa… semasa hujan. Khususnya pada musim monsun dan keadaan ini akan mengurangkan kejernihan air, menghalang penembusan cahaya matahari kepada tumbuhan akuakultik serta menjejaskan hidupan ikan melalui penyumbatan insang dan mengurangkan oksigen terlarut. Impaknya ternakan ikan khususnya dalam sistem sangkar air tawar berisiko mengalami tekanan dan kejadian kematian secara besar-besaran. Justeru itu, Jabatan Perikanan mencadangkan tindakan bersama antara pengusaha untuk meneliti cadangan tempat baru, yang lebih sesuai dengan kelulusan menduduki sementara oleh Pejabat Tanah dan Daerah Maran.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... sebenarnya terdapat beberapa lagi soalan antaranya Tanah Rata membangkit tentang cadangan untuk mewujudkan Sekolah K9 dan K11 di kawasan Cameron Highlands. Sebenarnya pihak er... Kementerian Pendidikan telah meneliti, er... Sekolah Kebangsaan Menson ini untuk dicadangkan sebagai er... mungkin Sekolah K9. Jadi ini dalam er... pertimbangan pihak kementerian, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ada juga cadangan, hari ini sebenarnya saya kena sebut ni, iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua sendiri, er... selaku ADUN Lanchang pada ketika itu telah mencadangkan supaya titik er... tengah semenanjung diteliti dan hasil pada inisiatif Yang Berhormat Dato' Sri Speaker sendiri, maka lokasi yang dinamakan sebagai Kampung Paya Siput daerah Temerloh ini telah di er... isytiharkan sebagai er... titik tengah lokasi er... di Titik Tengah Semenanjung. Sebagai lokasi rujukan geografi. Berdasarkan kajian saintifik dan er... Kerajaan Negeri berpandangan bahawa usaha memperkenalkan lokasi yang mempunyai nilai geografi dan ilmiah seperti ini, amat penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap keunikan alam semula jadi serta warisan geografi negeri Pahang. Ini cadangan ini dicadangkan oleh ADUN Mentakab supaya dimasukkan dalam kurikulum. Difahamkan sebenarnya er... perkara ini sedang diusahakan di peringkat kementerian. Maka kita mengharapkan pihak Kementerian er... Pendidikan akan er... mengambil maklum er... dan jadikan ini sebagai satu er... maklumat penting untuk anak-anak pelajar.

Dan er... akhirnya saya nak menyentuh berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Sabai, iaitu berkaitan dengan status SJKT Ladang Jeram. ADUN Sabai telah mohon supaya er... pihak kerajaan melaporkan tentang status er... SJKT Jeram ni. Untuk makluman, peruntukan sejumlah RM23.5 juta telah diluluskan er... bagi pembinaan SJKT Jeram yang baru dan Lawatan Tapak bersama dengan JKR dan

JPN, JPNP telah dilaksanakan pada 28 April tahun 2026 yang lalu untuk meneliti aspek kebolehlaksanaan projek termasuk kesesuaian tapak. Tapak ini dibina atas cadangan tapak yang baru dicadangkan di tapak yang baru er... untuk meneliti aspek kebolehlaksanaan projek termasuk kesesuaian tapak, serta keperluan teknikal pembangunan sekolah tersebut. Pada masa yang sama, proses penyediaan reka bentuk konsep bangunan juga sedang dilaksanakan sebagai persediaan ke fasa pelaksanaan projek seterusnya. Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama sewajarnya dengan pihak KPM dan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek ini dapat diteruskan dengan lancar demi kepentingan pendidikan murid di kawasan tersebut, insya-Allah. Dan akhir kata Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya sepertimana yang rakan-rakan Ahli Dewan daripada barisan Exco yang telah menggulung bagi pihak kerajaan turut serta menyokong Usul Junjung Kasih Titah Diraja sempena Pembukaan Sidang Dewan. Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 8 Mei bersamaan 20 Zulkaedah 1447 Hijrah yang lalu yang titah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang… Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang pada 12 Mei, hari Selasa yang lepas, saya menyokong. Terima kasih. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah pun memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan atas permasalahan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu 3 orang di sebelah pagi dan 6 orang di sebelah petang yang mengambil masa 3 jam 40 minit. Tersasar lebih kurang 40 minit daripada jadual yang saya… yang saya sediakan. Seterusnya saya ingin menempohkan persidangan pada hari ini dan insya-Allah persidangan kita akan bersambung semula pada hari Jumaat, 15 Mei 2026 bersamaan 27 Zulkaedah 1447, bermula 9.30 pagi di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggulung dan urusan seterusnya. Assalamualaikum WBT. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KELIMA
15 MEI 2026 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI KE-5: 15 MEI 2026 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	**KEHADIRAN**	**i - iv**
2	**DOA**	**1**
3	**PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR**	**1 - 35**
4	**SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG**	**35 - 48**
5	**RANG UNDANG-UNDANG:**	
	RANG UNDANG-UNDANG DN 1/2026. **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1/2026) 2026**	**48**
	MEMORANDUM PERBENDAHARAAN TAMBAHAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2026. DN 2/2026.	
	- BACAAN KALI PERTAMA	**49**
	- BACAAN KALI KEDUA	**49 - 50**
	- DALAM JAWATANKUASA	**51 – 53**
	- BACAAN KALI KETIGA	**53 - 54**
6	**USUL:**	
	USUL TAMBAHAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2026	**54 - 55**
7	**URUSAN-URUSAN AN**	**55 - 56**
8	**PENANGGUHAN**	**56 - 66**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-5
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 15 MEI 2026 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
YB Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. - Guai
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang - Teruntum
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang

YB Puan Leong Yu Man - Triang
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang

YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Haji Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mohd Sharim bin Haji Md Zain, DIMP.	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu
YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching

YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul
YB Dato' Ahmad Irshadi bin Abdullah Al-Qari, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Dato' Wong Tat Chee, DIMP.	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Mohd Fadzli bin Mohd Ramly	-	Ahli yang dilantik
YB Tuan Rizal bin Jamin	-	Ahli yang dilantik

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, DSAP., ACM.
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Dato' Indera Haji Fadzilla bin Haji Salleh, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., AAP.
YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Mustapa bin Haji Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Tuan Haris Salleh bin Hamzah	-	Ahli yang dilantik

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN)

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Kelima (Jumaat)	:	15 Mei 2026 Bersamaan 27 Zulkaedah 1447 Hijrah
Masa	:	9.30 pagi

Bacaan doa.

DOA

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Salam perpaduan, Salam Pahang 1st. Bagi memulakan mesyuarat kita pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. [Bacaan al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka, Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah, berkatmu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan TaufikMu dipohon menyuluh memandu ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduknya-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan dapat meneruskan persidangan pada hari ini.

Sebelum saya memulakan Aturan Mesyuarat, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang berbesar hati menyumbangkan cenderahati kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta Ketua-ketua Jabatan. Untuk makluman, cenderahati yang diberikan ini terdiri daripada produk industri asas tani yang telah mendapat

pengiktirafan Pahang *Best.* Selain itu, terdapat beras yang merupakan produk hasil tuaian dari Paya Beluan, Kampung Budu Benta yang merupakan tempat Yang Berhormat Benta. Jadi saya difahamkan bahawa beras ni dia menyemai, dia mengubah, dia menuai, kemudian dia pun menumbuk padi tu jadikan beras. Jadi Yang Berhormat, kita… kita bagilah tepukan kepada Yang Berhormat kita ni, rajin betul dia. [Ahli Dewan menepuk meja]. Informasi ringkas beras tersebut adalah variati… variati beras er… padi bererti padi MR269 Yang Berhormat ya… MR269. Tempoh matang selama 120 hari. Ianya mulai ditanam pada 1 Januari 2026 dan tuaian pertama adalah pada 13 April 2026.

Jadi sebab itulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya berbincang dan saya boleh dah tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanya saya bila nak buat Sidang Dewan ni. Jadi kita dah kira-kira, maknanya dia dah tuai padi tu (ketawa). Ada yang kita buat, kita buat bulan Mei tu. Kalau tak… tak sempat kita makan. Kalau kita buat April, tak sempatlah, dia baru nak menuai kan, saya tanya Yang Amat Berhormat, apabila saya selidik balik baru saya bagi tahu bahawa Dato' Soffi tengah menuai padi. Jadi kita buatlah bulan… bulan Mei supaya dia ada masa untuk dia menumbuk, kemudian dia menampi, kemudian dia jadikan beras. [Ahli Dewan ketawa]. Cuma Yang Berhormat, lain kali bawalah empeng. Haha… Tahun depan, kalau kita bersidang lagilah. Ianya… cenderahati tersebut telah diedar oleh urus… urus setia dan diletakkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi maknanya ini adalah salah satu daripada visi Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak tengok… Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini dia ni dulu dengan BERNAS, pakar dalam beras. Jadi sebab dia nak tengok, dia minta supaya Benta ni tanam dulu dan Alhamdulillah kita hari ni bolehlah masak nasi ye, jangan sekarang kena keluar… lepas ni kang balik, malam karang kita boleh makan beras apa nama Yang Amat Berhormat beras ni? Beras di Paya Berluan eh… kita tak jenama lagi nama ni ya? Tak ada? MR? patutnya WR…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

MR tu benih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh nama benih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, dia benih padi ni berbeza-beza antara Selangor, Pahang, Kedah dan sebagainya. Seingat… seingat saya kalau di Kedah, benih yang digunakan supaya pokoknya rendang… supaya… sebab dia tepi laut supaya padi tidak tumbang, tetapi yang di Pahang ni benih digunakan, batangnya tinggi dan besar, dia sesuai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanye batangnya tinggi, pasalnya orang Pahang… [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya tidak bermaksud apa-apa Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, maknanya setiap negeri tu berbeza benih dia dan begitu juga di Budu ni, benih pun beza juga dia pakai MR... MR tu MARDI *Research*, kalau tak silap sayalah dia mengikut kesesuaian tanah Yang Berhomat Dato' Sri Speaker. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

When… when the expert speaks. [ketawa]. Seterusnya Pengerusi Jawatankuasa…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri, sebab tu saya tadi bila Yang Berhormat Dato' Sri Speaker cakap pasal beras ni… pasal padi ni saya kira tunduklah macam kira… padi basah. Sebab apa di sebelah saya ni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja sebenarnya memang pakar, memang dalam bidang ni kalau boleh cerita daripada pagi sampai ni boleh bersambung dan cukup er… apa nama orang kata *interesting* dia pengalaman… saya rasa itulah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat ni *expert* dalam menampi… menampi dan menumbuk, menampi beras. [ketawa] Seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Islam… Hal Ehwal Agama Islam… Hal Ehwal Agama Islam… Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang juga berbesar hati menyumbang buku Himpunan Doa Arafah, Ziarah Makam Rasulullah dan Jannatul Baqi' sebagai panduan kepada bakal haji serta wadah pengukuhan rohani dan mengimarahkan budaya ilmu. Terima kasih. Sebuah je? Itu untuk orang pergi haji lah. Ya… kepada rakan-rakan yang pergi haji, dia ada doa haji…

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, sebenarnya buku ni 2 tahun lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Mesyuarat Exco dia kata, kenapa tak buat buku? Kita bagi ke orang panduan doa Ustaz Syed? Jadi saya kumpulkan rakan-rakan, ini yang terciptanya dan terzahir buku ni dan kita kongsikan bersama.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah. Maknanya bila dia berdoa di Mekah tu, kita dapatlah sikit-sikit kan? Speaker pun dapat pasal mengumumkan ni. Sekaligus menyemarakkan penghayatan doa serta kecintaan kepada Sunnah dan Sirah Rasulullah SAW dan para sahabat dalam kehidupan masyarakat sekalian. Untuk makluman juga, pihak Dewan telah mengedar borang kajian… kajian kepuasan pelanggan untuk dinilai oleh Ahli-ahli sekalian. Mohon kerjasama ahli-ahli untuk melengkapkan borang tersebut bagi tujuan penambahbaikan Persidangan Dewan Negeri Pahang. Saya juga nak maklumkan, hari ini kita ada satu lagi iaitu sempena hari terakhir Sidang Dewan kali ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Diraja berhasrat untuk belanja sarapan pagi, menu sensasi yang di*viral* sehari dua dulu. Atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat, ada semua ya, disediakan nasi lemak Izan dari Kampung Bukit Sekilau, Kuantan. Tapi diingatkan

kalau rasa lapar dan nak makan kenalah makan di luar. Kalau makan di dalam, saya suruh keluar.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Amat Berhomat Speaker, minta maaf yang ni ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha yang tu.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Berapa ringgit ni?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak, bagilah Speaker cakap habis dulu.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Nak tanya, nak tanya, nak tanya sebab saya, saya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kenalah ada *suspens-suspens* dulu.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Tak, saya, saya ghairah nak makan ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini cepat sangat nak, Yang Berhormat. Kalau nak makan boleh, saya benarkan keluar.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Maklumlah, [Ahli Dewan Ketawa] maklumlah dari Pulau Tioman *typical.* Ombak kuat kan lapar. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kalau rasa tak cukup ya. Di luar pun ada lagi 100 bungkus, tetapi siapa cepat dia dapat. Dan jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat berminat untuk tempahan, nasi lemak. Ha... saya promosi ini, ini tak patut ni dalam dewan, tapi tak apalah. Pasal apa... pasal dia ni harga, harga apa, harga mampu milik. Harga mampu beli, nasi lemak berharga RM1.50. [Ahli Dewan menepuk meja] Ha... bukan, bukan RM6.00 [ketawa] Yang Berhormat dari Kuala Sentul, itu Yang Berhormat *standard* tinggi. Ha... Kuala Lumpur mungkin, ini RM1.00. Boleh angkat sikit nasi lemak RM1.50. Boleh didapati

menghubungi saudari Izan di nombor yang tertera di dalam bungkusan. Maknanya ada nasi, nasi lemak RM1.50. Jadi dia ada. Saya dah cek dah tadi. Saya dah rasa sikit. Dia ada nasi, ada telur, lepas tu ada bilis dan ada sambal di atas daun pisang.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sebenarnya hasrat tu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar selalu sebut. Tiada janji, lihat bukti, kita bertaki di dalam dewan ni sampai kering air liur, tapi mengatakan bahawa tak ada nasi lemak yang harga yang murah. Jadi hari ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, tunjuk bukti ye, ada nasi lemak RM1.50 je. Ha... yang ini yang di depan mata kita, dia dah cop je. Ada nombor, ada nama, ada nombor telefon. Jadi kalau pergi ke sana dapat RM1.50. Jadi itulah sebenarnya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya yang saudari Izan, saudari Izan tu boleh kena bagilah sikit royalti pada.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker.

(ADUN KERDAU - N2.8)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, kita. Ada ada pepatah ataupun kaedah mengatakan [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Berapa banyak perkara yang kita rasa macam tak bagus memberi manfaat. Ramai di luar sana, sekarang ni orang tercari-cari nasi lemak sebab laku kerana risiko daripada perbahasan ni. [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya nak ini *confirm viral* ni.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker, saya rasa saya sebut bukan nasi lemak sahaja. Saya sebut nasi lemak, mi goreng, kuetiau goreng, nasi goreng. [Ahli Dewan ketawa] Kalau boleh bagilah sekali.

(ADUN KERDAU - N2.8)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, nampak gaya nak makan besar ni. [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Persidangan akan datang, kita akan minta Yang Amat Berhormat sediakan nasi goreng dan kuetiau goreng pula [ketawa].

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Hari ni, hari ni berapa hari bulan ya? 14 hari bulan eh... 15 hari bulan er... Mei, 15 hari bulan Mei, hari ini merupakan hari tahun ke-8 Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Menteri Besar kita, Dato' Sri Diraja memimpin negeri Pahang. Maknanya hari inilah beliau mengangkat sumpah sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Alhamdulillah, 8 tahun Yang Amat Berhormat ya? 8 tahun. [Ahli Dewan menepuk meja] dia kena tambah lagi nak cukupkan 1 apa, 1 dekad ya, kena 10 tahun. Jadi, Yang Amat Berhormat boleh buat *election* tahun 2028. Makna kita biar je, 2029 bulan 11 atau 12 tu kita biar ada 6 bulan lagi 2028. Okay, lengkap 10 tahun, itu boleh pakat dengan Speaker. [Ahli Dewan ketawa].

Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada yang dilantik er... untuk mengemukakan pertanyaan. Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang, sahabat-sahabat Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum soalan tu, saya nak pantun sikitlah.

Nasi lemak di atas mejaku
Soalan saya nombor satu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Maju Terus Pahang, salam Pahang 1st. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker memberi laluan kepada saya. Terima kasih kepada YB Lantikan kerana bertanyakan soalan. Sebelum itu, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ADUN Lantikan, YB Tuan Mohd Fadzli kerana telah berbahas pada hari semalam dengan begitu jelas, [Ahli Dewan menepuk meja] terang dan menyampaikan maksudnya yang tersurat dan yang tersirat.

Saya harap apa yang beliau bahaskan itu boleh kita boleh *viral*kan kerana dia *only* Ahli Dewan yang menyentuh ke ucapan salah seorang Ahli Parlimen yang menyentuh tentang sahabat-sahabat Nabi. Tahniah kepada ADUN. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat. Dia geng sana dulu sebab tu dia tahu semua *trick* ni.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Oh ya [ketawa]. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan daripada ADUN lantikan bertanya berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan yang telah Kerajaan Negeri laksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat er... pada tahun 2020, jika tak silap saya awal tahun, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Penguatkuasa. Lebih kurang 100 orang yang kita ambil khusus untuk mempastikan supaya tanah-tanah haram ini dapat kita minimakan pengeluarannya ataupun kita kosongkan, *zero* kan. Jadi selepas daripada itu, Unit Penguatkuasaan ini telah mengambil beberapa tindakan penguatkuasaan. Yang pertama ialah operasi pemusnahan seluas 4,884

ekar di seluruh negeri Pahang secara keseluruhannya, yang kedua telah menyita yang melibatkan jentera, jentera kenderaan dan peralatan yang dianggarkan bernilai RM16,654,000.00 yang disita oleh kerajaan melalui Unit Penguatkuasaan. Yang ketiga, 356 kes pendakwaan dengan kutipan denda dan kompaun sebanyak RM7,170,967.00. Ini yang telah kita buat untuk makluman Yang Berhormat dan juga rakan-rakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berdasarkan kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN ataupun Kanun Tanah Negara iaitu yang pertama, menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan. Kedua, membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau sebahagian darinya ataupun memotong atau memindah apa-apa kayu atau hasil atau dari tanah yang sedemikian. Ini bahasa undang-undang ni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker, itu yang mengikut Kanun er… Tanah Negara *Section. Very detail*. Jadi itulah jawapan saya Yang Berhormat ya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Very detail.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Soalan tambahan sikit, Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja di atas jawapan yang saya kira telah menggambarkan kepada er… kita bahawa selama ini kita ditohmahkan bahawa Kerajaan Negeri membiarkan aktiviti er… penerokaan tanah secara haram dan terbukti di Pahang. Saya rasa antara negeri yang sangat tegas dari sudut penguatkuasaan er… penerokaan tanah haram ini dengan menebang pokok-pokok di atas tanah-tanah yang diteroka secara tidak sah tersebut. Jadi, Yang Amat Berhormat, kita tahu bahawa sepertimana yang telah disebutkan tadi, er… tindakan penguatkuasaan ini bukan sahaja melibatkan pendakwaan kes di mahkamah tetapi juga tindakan memusnahkan struktur sama ada struktur kekal ataupun penanaman tanaman di atas tanah-tanah milik kerajaan ini. Jadi soalan saya sekiranya tanah-tanah ini telah pun dimusnahkan, bukan er… tanaman ataupun struktur binaan di atas tanah haram ini dimusnahkan, maka apakah rancangan kerajaan untuk memajukan kawasan-kawasan yang diceroboh ini dan dikuatkuasakan secara pemusnahan di negeri Pahang ini. Itu sahaja Dato' Sri. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Sebelum saya menjawab soalan tersebut, saya ingin menyebut sedikit latar belakang unit penubuhan penguat kuasa ini sebab unit ini saya harus memberikan ucapan

syabas dan tahniah kepada merekalah dan ini unit ini ditubuhkan pada 15 Oktober 2019 bukan 2020. Dalam Mesyuarat Exco yang Ke-31 pada tahun 2019 dan Alhamdulillah mereka dapat menjalankan tugas dengan begitu baik dan kita harap mereka terus meningkatkan usaha mereka untuk memastikan tidak ada tanah-tanah kerajaan yang diceroboh.

Berbalik kepada soalan daripada ADUN Lantikan tadi, sukacita saya maklumkan bahawa kita tidak biar begitu sahaja mana-mana tanah yang kita ceroboh ini. Antaranya kita antaranya kita, kita ada *State* GLC yang seperti LKPP, PKPP, PKNP di mana kita serahkan kepada anak syarikat yang untuk memajukan ada... ada yang kita dia pelbagai. Ada yang kita tebang terus, ada yang kita ambil tanah tersebut kita bagi kepada *State* GLC dan kalau sekiranya kawasan tersebut melibatkan masyarakat Orang Asli, kita bagi kepada ORACO, Orang Asli Corporation. Maknanya kita tidak tebang dan kita tinggal begitu sahaja Yang Berhormat dan ini sebenarnya boleh menjana hasil kepada Kerajaan Negeri dan saya ucapkan syabas, tahniah kerana setakat ini semua yang kita beri kepada *State* GLC ataupun kepada PSK, semuanya telah menjana hasil dan boleh memberi juga peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Jadi dalam masa yang sama bukan setakat *State* GLC, bukan setakat PSK, bukan setakat ORACO, kiranya ada mana-mana syarikat yang kita fikir berdaya saing, ada modal yang mencukupi, membuat permohonan, itupun kita akan pertimbangkan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini luar tajuk sikit. Hari ini ada hari lahir salah seorang rakan kita di Dewan ini iaitu ADUN Jenderak. Jadi saya bagi pihak rakan-rakan mengucapkan selamat hari lahir kepada Yang Berhormat. [Ahli Dewan menepuk meja]

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri Diraja, terima kasih semua. Semoga kita mendapat keberkatan dan kesejahteraan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi yang menyambut hari jadi hari ni?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kerajaan telah pun melaksanakan satu program dipanggil Penstrukturan Pemutihan Penerokaan Haram dan isu ini agak kontroversi kerana kerajaan telah pun melupuskan hampir 5,500 hektar di Cameron Highlands yang teroka lama dan saya

ingin dapat penjelasan berapakah keluasan tanah yang telah pun dibuat pemutihan semula. Ni tanah PSK ni. Pemutihan semula di negeri di negeri Pahang dan apakah kriteria yang diletakkan oleh pihak kerajaan bagi penerokaan yang lama yang telah duduk lama ini dipertimbangkan untuk diberi sama ada dalam bentuk TOL dan sebagainya. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Ada 2 soalan. Yang di Cameron Highlands, kita serahkan kepada PKCH, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands. Kita semua tahu di Cameron Highlands sampai ada orang bagi tahu kepada saya Cameron Highlands ni dah tak boleh buat apa dah. Penerokaannya yang berleluasa. Tetapi apabila kita tubuh PKCH dengan bantuan UPNP, dengan bantuan PTG dan juga Setiausaha Kerajaan, sehingga hari ini banyak tanah-tanah tersebut. Kita tidak apa ni, haramkan, tidak membenarkan mereka menanam sayur-sayur. Kita adakan sesi perbincangan dan kita mengatakan kepada mereka, mereka kena berdaftar, kena mohon dan kena berdaftar dengan PKCH supaya mereka boleh meneruskan tanaman sayur-sayuran tersebut. Makna, ada tohmahan yang mengatakan Kerajaan Negeri zalim kerana kita tolak semua, sayur-sayur semua telah dilupuskan, tak benar.

Kita minta mereka berdaftar, mohon TOL dan di bawah seliaan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands. Dalam masa yang sama, eksport sayur kita ke Singapore sebagai contohnya dapat diteruskan dan Kerajaan Negeri mendapat hasil dan PKCH ditubuhkan dan ramai yang telah mendapat pekerjaan. Itu di Cameron Highlands. Kita dah buat seolah-olah pemutihan. Tetapi belum selesai 100% lagi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, tetapi usaha-usaha itu telah diselesaikan. Lebih baik kita berusaha memutihkan atau mencari jalan yang terbaik daripada kita membiarkan sahaja. Jadi, mana-mana yang diberi kelulusan TOL, contohnya 4 ekar, mereka menanam lebih daripada itu, yang lebih itu pun kita minta mereka daftarkan kecuali kawasan-kawasan tertentu yang cerun yang agak tinggi, yang merbahaya, yang dinasihatkan oleh PTG dan sebagainya. Yang itu kita minta mereka tidak menanam. Alhamdulillah, setakat ini semuanya berjalan dengan baik. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna Yang Amat Berhormat *restructure* lah, ya?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Restructure balik penanaman tu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lebih kurang macam tu lah. Ya, kita *win-win situation*.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Semua dapat manfaat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Semua dapat manfaat. Eksport sayur diteruskan, yang menanam sayur terus boleh menanam sayur dan kita telah tubuh satu agensi kerajaan PKCH ditubuhkan supaya dapat memantau dan kita pun dapat hasil daripada itu. Sebelum ini tak dapat. Sebelum ni kosong. Ha itu yang salah satu yang menyumbang untuk kita mendapat RM1 bilion. Yang kedua tadi apa, apa dia Yang Berhormat Dato' Sri Speaker? Speaker ni kadang-kadang kacau, kadang lupa saya.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Kriteria. Apakah kriteria yang kerajaan letakkan untuk mereka yang dah teroka lama ni untuk buat permohonan ataupun tanah-tanah mereka tadi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Speaker bukan kacau. Dia nasi tambah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya, ya nasi tambah. Apa pun dalam Dewan ni, Speaker *is always right.*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

That's very good. You understand that.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bagi menjawab soalan daripada Cheka. Pertama sekali kita lihat adakah penerokaan ini untuk mereka cari makan? Saya berulang kali berpesan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dalam Exco, kepada Unit Penguat Kuasa, kalau sekiranya mereka menanam untuk mencari makan, kita berbincang untuk membolehkan mereka. Bukan kita *condonation*, tidak. Bermakna bukan kita membiarkan mereka buat. Kita cuba halalkan, ada kaedah-kaedah tertentulah, ya. Mungkin kita bagi TOL sepertimana Yang Berhormat cakap tadi untuk mereka meneruskan. Sebab ini untuk cari makan. Tetapi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kalau penerokaan tanah haram tersebut sindiket, kena beza ni cari makan dengan sindiket. Kalau yang sindiket kita akan terus kuatkuasa. Kita ambil tindakan dan telah pun kita ambil setakat ini sepertimana yang saya katakan tadi. Ini *stand* Kerajaan Negeri yang kita bincang

dalam dalam Exco dan setakat ini berjalan dengan baik dan kita akan teruskan usaha sebegini.

Sebab itu, kalau kita tengok yang buat secara kecil-kecilan tu, kita bincang dengan mereka. Kita bagi TOL dan sebagainya. Sebab ini untuk cari makan tapi sindiket kita tak *compromise* ya. Jadi yang ini kita kuat kuasa sepertimana yang saya katakan tadi berapa ribu ekar tadi dan akan ada lagi. Kita akan teruskan usaha-usaha ini sebab ini tanah kerajaan dan itu adalah menjadi tanggungjawab kami, kerajaan yang ada pada hari ini supaya tidak ada mana-mana tanah Kerajaan Negeri pun yang diterokai secara haram oleh sindiket. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya kita jemput ADUN wakil daripada Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker, terima kasih. Sebelum itu, saya ingin ucapkan tahniahlah pada pagi ini Yang Berhormat Speaker cukup ceria dan sangat gembira nampaknya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab saya dapat makan nasi RM1.50, nasi lemak RM1.50.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Jadi saya ni nak amik kesempatanlah pagi ni. Saya dah buat pantun sebenarnya untuk Speaker 2, 3 hari dah. Tapi tak tahu nak baca bila.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila baca sekarang.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI DR. MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Jadi saya ingat saya boleh baca ni.

Yang Berhormat Speaker duduk di atas,
Ahli Yang Berhormat duduk di bawah,
Sudah berapa hari kita berbahas,
Menjunjung menjunjung kasih Tuanku, menjunjung Titah.

Burung merpati, burung kenari,
Speaker bijaksana dan juga bistari,
Dewan bersidang sangat harmoni,
Bersama kita bangunkan negeri.

Saya mohon izin mengemukan soalan nombor 2. Terima kasih.

[Adakah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan di bawahnya bercadang untuk mengadakan perbincangan dengan pihak nelayan

laut dalam dan pemilik-pemilik jeti ikan untuk memastikan produk tempatan dilabelkan dengan jenama tempatan dan tidak menggunakan logo atau jenama luar tetapi hasilnya adalah daripada negeri Pahang?

Adakah Jabatan Pertanian mempunyai data atau rekod berkaitan perkara ini? Apakah ada kaedah promosi dari agensi berkaitan dan Kerajaan Negeri berkaitan produk tempatan ini?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasihlah pantun tu. Sebab Yang Berhormat dah berbahas kalau tak saya akan bagi 10 minit lagi.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya pun tengok Dato' Sri hari ni lain macam sikit. Mungkin lebih makan ubat kot.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tidak, semalam saya... saya semalam tahajud, sunat taubat sebelum sembahyang Subuh sebelum masuk Subuh. Itu yang bertenaga hari ini.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab saya tengok semalam lain macam. Sepanjang saya mengenali Dato' Sri Speaker, saya ingat semalam bukan macam dia. Jadi semalam saya bila nak berbahas tu saya tengok, saya, saya jadi gerun pula.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Semalam pasal kita semua nak balik cepat. Kalau saya biarkan Yang Berhormat akan bahas sejam setengah [ketawa] lambatlah kita nak masuk Maghrib lagi.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Maknanya nampak garang tapi hari ni nampak lain macam Yang Berhormat Dato' Sri Diraja bincang…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih... terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Nampak lebih diplomasi tinggi. Ada apa apa ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah akan buat pengumuman.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mengucap banyak terima kasih kepada rakan saya daripada Tioman yang bertanyakan soalan yang cukup relevan berkaitan dengan aktiviti penangkapan ikan laut dan juga penggunaan jeti-jeti yang ada dan *branding* atau penjenamaan produk-produk yang dihasilkan di dalam perairan atau oleh bot-bot nelayan Pahang. Jadi untuk makluman, pertama sekali saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini mengenai statistik berkaitan dengan penangkapan ikan laut di kawasan Pantai Timur ni. Kalau kita lihat misal contohnya, pengeluaran perikanan tangkapan laut negeri Pahang dalam tahun 2024 adalah sebanyak 1,144651 metrik tan yang bernilai RM1.06 bilion. Dan pengeluaran perikanan tangkapan laut negeri Pahang adalah tertinggi di Pantai Timur dan menjadi peneraju perikanan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Industri perikanan tangkapan laut memberi pekerjaan kepada 6,687 orang nelayan laut di seluruh negeri Pahang dan diharap dapat terus membekalkan ikan secara mampan bagi menjamin bekalan makanan khususnya bekalan protein kepada rakyat negeri Pahang dan juga rakyat lain di negeri-negeri yang lain.

Pencapaian pengeluaran perikanan tangkapan laut tertinggi di Pantai Timur ini menunjukkan bahawa negeri Pahang mempunyai sistem urus tadbir yang baik dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan serta kemudahan kompleks pendaratan ikan. Jadi *vessel* penangkapan ikan zon A, B dan C yang beroperasi menangkap ikan hendaklah berada pada jarak 12 batu nautika dan ke atas dari pantai sekiranya beroperasi di perairan negeri lain. Jadi vesel zon C2 pula hendaklah beroperasi menangkap ikan melebihi 30 batu nautika dari pantai negeri lain. *Vessel* yang beroperasi menangkap ikan kurang dari jarak pantai yang telah ditetapkan adalah melanggar syarat lesen dan telah melakukan satu kesalahan di bawah Akta Perikanan 1986. Jabatan Perikanan Negeri Pahang telah melaksanakan program pemantauan pengawalan dan pengawasan secara berkala dan program ini bertujuan untuk memantau aktiviti penangkapan ikan di laut oleh nelayan dan menguatkuasakan Akta Perikanan 1985. Semasa pelaksanaan Operasi Badai baru-baru ni, sebagai contohlah, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang melibatkan MCS iaitu Program Pemantauan Pengawasan dan er… Program ini… bahasa Inggeris *Monitoring Surveillance* dan *Control* jer. Jadi Ops Badai baru-baru ini melibatkan MCS bersepadu iaitu Jabatan Perikanan Pahang dan Jabatan Perikanan Johor. Sebanyak 5 buah *vessel* penangkapan ikan termasuk *vessel* dari Johor telah ditahan oleh penguatkuasa Jabatan Perikanan pada 28 Januari 2026 kerana telah melanggar syarat lesen dan melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Dan mengapa pendaratan di Kompleks Perikanan di Pahang ini menjadi pilihan ialah kelebihan kompleks pendaratan ikan contohnya (LKIM) Kompleks LKIM, Kuantan berbanding kompleks pendaratan ikan yang lain. Pertama kedudukannya yang strategik terletak di perairan lautan, laut China Selatan dan dilengkapi fasiliti bersepadu bagi melancarkan aktiviti perikanan. Antara kemudahan yang terdapat yang disediakan termasuk jeti pendaratan yang panjang dapat menampung kapasiti pendaratan yang tinggi dalam satu masa, bilik sejuk, kilang air batu untuk pembekalan kepada bot-bot nelayan dan juga proses pembungkusan sebelum dipasarkan. Pusat jualan diesel kepada bot nelayan dan juga tempat membaiki dan selenggara bot dan Pusat Industri Hiliran *Downstream* dan rakan logistik dan pengangkutan yang strategik iaitu Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) memudahkan penghantaran hasil laut segar ke Lembah Kelang dalam masa yang singkat sekitar 3 ke 4 jam. Ini mempastikan harga ikan tetap kompetitif dan kualitinya terjaga. Manakala yang faktor lain ialah penawaran harga ikan yang lebih tinggi. Pengusaha peraih menawarkan harga yang lebih tinggi

kepada nelayan dan kompleks yang sangat aktif termasuk data pengimport, pengeksport, peruncit, pemborong, pemprosesan, pelelong.

Maknanya Kompleks LKIM Kuantan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker sebenarnya juga mengeksport produk-produk daripada laut khususnya sotong dan sebagainya kepada (EU) European Union dengan izin Kesatuan Eropah pada ketika eksport itu. Dan dalam konteks seumpama itu kita lihat dari segi pendaratannya tinggi kalau berbanding dengan negeri-negeri lain. Saya bukan nak menyentuh luar sana tapi misal contohnya dalam tahun 2024 kita 144,651 metrik tan pendaratan di Pahang. Di Terengganu contohnya ialah 39,657 sahaja, di Kelantan 58,115 metrik tan. Maknanya kita banyak. Tahun 2020 pun kita ada 116,204 metrik tan. Di Terengganu 45,669 metrik tan, di Kelantan baru 60,032 metrik tan. Jadi pendaratan ikan di kompleks kita di er... Pahang ni menjadi pilihan. Bukan saja di Kuantan malahan di Rompin. Dan untuk makluman, ikan-ikan yang didaratkan sebagai contohlah, ikan-ikan darat macam ikan tamban Dato' Sri Speaker, ikan tamban yang didaratkan di Kuantan dibeli oleh… atau dibeli oleh pemborong dan dijual kepada peraih dihantar terus ke Terengganu. Dari pengusaha keropok di Terengganu tu dapat banyak bekalan ikan daripada daripada Pahang, daripada Kuantan. Misal contoh dia mendarat terus beli terus dihantar bekalan tu. Jadi maknanya kalau isu berbangkit misal contohnya ada *cross border* lah ye melimpah melepasi sempadan negeri ni, sebenarnya kita pertama sekali dari segi negeri Pahang, kita tidak berkompromi dari segi undang-undang. Manakala salah tetap salah. Kalau sekiranya nelayan daripada Pahang dia pergi masuk Terengganu kalau dia tidak menghormati syarat tu, ambillah tindakan seperti mana yang kita telah tunjukkan. Ada nelayan daripada Johor masuk ke Pahang, kita buat operasi tangkap dan kita kenakan tindakan.

Jadi dalam konteks ini, saya harap perkara ini jelas. Jadi berbangkit kepada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat ADUN Tioman. Apakah… boleh memastikan produk tempatan kita iaitu produk maknanya pendaratan ikan ataupun hasil laut yang didaratkan di jeti-jeti ataupun er… ini apanya Kompleks Perikanan LKIM kita di Pahang ini boleh kita jenamakan dengan produk Pahang. Sebenarnya kalau ikut undang undang dia, kita tidak ada kuasa berbuat demikian. Contohnya ikan yang didaratkan di Kuantan. Kalau ikutkan kita kata ini ikan Pahang… yang kita nak taruk tepek situ, mungkin bolehlah. Tapi kalau produk tu produk yang dihasilkan tu dikatakan sebagai produk Pahang kita boleh. Makna pengusaha kita pengusaha industri asas tani yang daripada Pahang boleh menjenamakan tetapi apabila produk tu tadi ikan misal contohnya, ikan tamban yang dibeli oleh pemborong dan dihantar ke Terengganu, kemudian pengusaha di Terengganu dia buat keropok Terengganu. Dia buatlah keropok atas jeti apa ker kopok er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kopok lekor.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ha… keropok lekor… kopok lekor, keropok lekor, bukan keropok lekor, kopok kopok yang kering tu yang keping tu cap nelayan macam-macam cap. Dia kata hasil daripada Terengganu, padahal ikan daripada Pahang. Yang itu sebenarnya kita tidak boleh. Kalau boleh kalau kita nak, kalau boleh kita nak kata…ketika ini er… patutnya keropok tadi… keropok Pahang, sebab ikan daripada Pahang. Tetapi oleh kerana kita Kerajaan Negeri ini sebuah kerajaan yang berhemah, yang terbina atas landasan maknanya tertubuhnya er… bersandarkan kepada perundangan. Walaupun kita tahu bekalan kita atau hasil tangkapan laut banyak mendarat di Pahang dan diproses oleh negeri lain

dan dijadikan sebagai hasil er… ini apa nama ataupun ini… produk-produk daripada bahan mentah daripada Pahang. Kita tidak boleh menguatkuasakan mengatakan kita mesti menjenamakan atas nama produk Pahang.

Jadi apa yang kita buat ialah kita menggalakkan. Sahabat saya daripada Tioman bertanyakan dia kata sama ada kita buat *engagement* dengan nelayan, dengan pengusaha jeti, dengan pengusaha kompleks… kita buat. Kita buat dengan nelayan, kita nak pertingkatkan supaya kita dapat menghasilkan produk-produk kita yang dijenamakan sebagai produk Pahang dan kita ada produk yang kita letakkan sebagai *Pahang Best* misal contohnya yang kita galakkan pengusaha-pengusaha kita menghasilkan er… produk-produk ini dan meletakkan nama er… Pahang termasuk *Pahang Best*. Perkara ini saya rasa berlaku di Rompin iaitu tangkapan ikan yang ditangkap dalam perairan kita di Pahang dijenamakan sebagai produk Endau. The *product of Endau*. Saya rasa begitu sedangkan Endau itu di Johor padahal tangkapan di Pahang kerana apa ia er… minta izin maknanya ia *business driven…, business driven.* Dalam konteks seumpama ini kerana produk yang telah pun ada jenama macam kita patinlah. Patin Temerloh er… kita sebut patin Temerloh jadi semua orang yang er… pengusaha-pengusaha patin ini semua bin ke Temerloh. Ini patin Temerloh, kalau orang tanya patin mana, Temerloh. Kat Kuala Lumpur kita tanya ini patin mana, Temerloh waima patin pendatang daripada lombong Puchong misal contohnya patin Temerloh sebab nama Temerloh itu.

Ini durian mana, durian Pahang. Kadang-kadang durian itu daripada luar ia er… durian Pahang sebab nama itu…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Durian Raub er…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Durian Raub.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Durian Raub sebab itu dia tanya er… ini durian daripada er… ini durian Pahang, tak bukanlah ini Raub dia khabar. Ada khabar, ada yang Raub dia bukan [ketawa] maknanya Raub punya *branding* lagi er… lagi tinggi daripada ini er…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil daripada Tras.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Pengerusi er… biasanya mereka beritahu ini bukan durian Pahang tapi durian Raub.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Durian Raub. Saya tengok dua, tiga kali dah wakil daripada Tanjung Lumpur turun naik, turun naik sila kalau ada soalan er… apa nak ditanya. Kesian juga hari Jumaat ini. [ketawa]

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Minta maaflah tadi ingat ke dah habis. [ketawa] Nampak macam *landing* dah itu bangun itu, rupanya sambung lagi. Jadi soalan tambahan er… ada sedikit soalan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat tak er… Yang Berhormat Tanjung Lumpur tak akan tak kenal wakil daripada Benta ini. [ketawa]

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ini kali pertama jumpa. [Ahli Dewan ketawa] Ini soalan jadi minta maaf ya bukan mencelah. Nanti dah habis er… nanti dah habis baru saya tanya soalan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Jadi maknanya tadi contohnya dia produk Endau ini saya difahamkan produk ini tadi dah er… dah lama, dia dah lama usahakan jadi bila kehabisan ini bekalan dia ambil daripada Rompin, dia ambik kepada Pahang dan ditempek situ produk Endau dan dieksport termasuk ke Singapura. Sebab itu kita lihat bahawasanya ada berlaku ketirisan. Saya merakam setinggi penghargaan terima kasih kepada rakan saya daripada Tioman yang prihatin mengenai perkara ini dan saya telah maknanya kita akan duduk dengan menubuhkan satu ini er… *team* melihat bagaimana kita dapat menjenamakan semula produk-produk daripada Pahang ini tadi supaya dapat er… ini ataupun menembusi pasaran-pasaran luar, kerana sebenarnya hasilnya daripada Pahang. Misal contoh ikan pelanuk, ikan pelanuk ini er… dia ikan macam ikan duri, dia sampai ke Pahang dia terus dieksport bukan eksport maknanya dihantar ke utara, di belah utara er… utara ini maknanya negeri-negeri utara, ikan ini menjadi satu ikan yang popular er… dia… dia apa nama dia… dia beli itu dan dia makan di sebelah utara. Kita sebelah Pahang ini kita tak makan sebab itu kalau tanya kenal ikan pelanuk, orang tak kenal tapi ikan itu macam ikan duri. Misal contoh kemudian macam ikan aya… ikan aya. Ikan aya yang kita nak naikkan ini ialah jenis tuna er… tuna spesies tuna er… so bila naik ikan aya, kita dapat daripada perairan Pahang, dihantar, dia diproses dan diproses sehingga dieksport ke luar negara di Thailand… dia masuk, keluar er… dipanggil tuna. Sebenarnya ikan aya itu ia datang daripada negeri Pahang.

Sebab itu yang kita tengok bahawasanya inilah antara cabaran iaitu penangkapan kita tinggi, hasil penangkapan kita tinggi tapi hasil hiliran kita ini yang masih lagi belum dapat kita perkasakan insya-Allah inilah diantara agenda yang er… kita nak laksanakan dan Alhamdulillah saya lihat di Rompin ini ada potensi sebab apa di Rompin sendiri Kompleks Perikanan Rompin itu dia ada tempat yang boleh ataupun bersebelahan dengan itu tempat yang boleh membina bot laut er… laut dalam yang bernilai antara RM2 juta ke RM3 juta dibuat di Rompin. Maknanya kemahiran ada anak tempatan kita yang mengusahakan ini boleh kita perkasakan insya-Allah er… di bawah

kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang kita sentiasa membuat er… ini tinjauan bagaimana caranya untuk kita dapat membantu usahawan-usahawan kita menembusi pasaran-pasaran bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar-luar negara. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada ini er… Tanjung Lumpur.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Soalan tambahan er… baik er… apakah ada peraturan yang mewajibkan *vessel* ataupun kapal-kapal yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan di negeri Pahang yang hanya boleh menjualnya di negeri Pahang sahaja ataupun tidak ada mewajibkannya jual untuk dalam negeri Pahang sahaja. Ataupun er… ada peraturan lain sehingga ada kapal-kapal lain yang jual ikan di jeti lain ataupun berlaku di tengah laut dan sebagainya. Terima kasih.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Seperti mana yang saya nyatakan bahawasanya kita er… kita beroperasi ini ataupun berfungsi bersandar kepada undang-undang. Kita ada Akta Perikanan dan kita kompleks yang kita ada LKIM misal contoh LKIM di Kuantan lah, kita tidak mengehadkan ada bot-bot er… yang datang daripada negeri lain. Misal contoh ada datang daripada Terengganu sebab Terengganu, misal Chendering. Dia nak masuk ke Kompleks LKIM dia er… dia tak boleh masuk sebab apa muara cetek dan kita ehsan kita ini Pahang, *this is Pahang*. Bukan sahaja buat er… buat pendaratan ikan banyak benda lain kalau kita tengok bukan saya nak menyebut manakala kita tengok merata Pahang ini semuanya ada misal contohnya, kalau ada FELDA semua ada er… dia makna satu Malaysia, kita ada FELDA. Kalau di Pekan itu, orang di Kedah, di Merchong er… menanam padi semua er… daripada saudara-saudara kita daripada Kedah, kita tidak ada pengehadan, maknanya misal er… pemilikan tanah misal contohnya kita ada syarat-syarat tidak maknanya hanya yang lahir di Pahang sahaja macam setengah-setengah negeri hanya lahir di negeri itu sahaja yang boleh memiliki tanah bukan sahaja tanah kurnia, tetapi kalau nak beli rumah, kalau bukan lahir di negeri itu tak boleh tapi Pahang tidak.
Begitu jugalah maknanya Kompleks Pendaratan Ikan, LKIM kita di Kuantan ini di kawasan er… ini ADUN sahabat saya, ADUN Tanjung Lumpur.Misal contohnya adalah satu kompleks yang cukup menarik. Kalau tengok itu, saya pergi hari itu, pagi saya tengok lihat makna pendaratan ikan itu, ia lancar. Di situ bila ada yang bot-bot masuk tak kira bot A, B, C, C2 datang itu dia turun itu kru-kru… yang datang itu awak-awak itu datang bekerja dan ada pasukan tempatan. Kita syaratkan yang pasukan tempatan yang menurunkan itu mestilah anak tempatan. Kalau ikut Akta Perikanan yang nak awak-awak nak pergi ke laut dalam semua itu er… yang itu pihak kerajaan membenarkan pekerja asing sebab tak ramai anak-anak tempatan yang sanggup pergi dua minggu, tiga minggu duduk di er… apa meninjau di laut-laut dalam tetapi bila sampai ke kompleks kita pastikan. Dulu ada Rohingya er… dia bekerja tapi kita pastikan minta supaya LKIM kuatkuasakan anak-anak tempatan yang bekerja di situ.

Sebab itu kita lihat misal contohnya dia secara organik. Kadang-kadang pekerja yang ada di Kompleks LKIM di Kuantan itu bila tanya sejak bila dia bekerja umur 18 tahun sekarang ini dia umur lebih kurang 50 tahun, anak dia yang umur 20 tahun mengambil

alih er… jadi ini er… sebab itu saya katakan peluang pekerjaan itu banyak dan kita tak boleh sekat misal contohnya bila bot datang dia datang Kuantan, kita ada kilang air batu. Kilang air batu yang diuruskan oleh NEKMAT iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan dan mengeluarkan air batu dan kilang air batu ini cukup popular sebab nelayan nak pergi ke laut dalam dia mesti bawa air batu sebab dia er…pergi 2 minggu, dekat 3 minggu. Kalau takde air batu ni, maknanya dia punya hasil tangkapan dia boleh jadi rosak. Dan Alhamdulillah, berkat penggunaan yang tinggi, Persatuan Nelayan Kuantan akan membina satu kilang air batu di hampiran Kompleks Perikanan Kompleks LKIM, Kuantan dengan kos RM9 juta yang dibiayai oleh Persatuan Nelayan Kuantan sendiri. Maknanya bukan bantuan dari kerajaan, dia sendiri usahakan

Alhamdulillah. Maknanya contoh-contoh yang sebeginilah kita ada *slipway* maknanya boleh baiki boleh, cat boleh, sembur. Dan dia menjadi satu-satu tarikan. Tidak, kita tidak ada makna hajat untuk menguatkuasakan hanya bot Pahang sahaja boleh mendarat di situ. Sebab kalau kita buat begitu, mana zalim kita. Kita tahu bot-bot lain daripada Terengganu daripada tempat-tempat lain. Yang nak menumpang kita bagi kita ihsan… *this is found*. Sebenarnya kita kena lihat. Inilah sebenarnya Pahang Darul Makmur dibawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang dan Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail. Kita sentiasa terbuka, Insya-Allah, terima kasih semoga Allah merahmati dan memberkati negeri Pahang Darul Makmur.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya kita jemput wakil daripada Cheka. Soalan nombor 3.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua saya kemukakan soalan nombor 3.

> [Nyatakan tenaga pengajar di sekolah-sekolah agama negeri Pahang yang berstatus kontrak. Apakah perancangan kerajaan untuk melantik tenaga pengajar ini menjadi guru tetap dan apakah jangka masa bagi perancangan ini?]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan nombor 3 yang dibangkitkan oleh rakan daripada Cheka mengenai tenaga pengajar yang kontrak ataupun sementara di sekolah-sekolah menengah agama. Apakah statusnya untuk adakah tidak untuk dilantik kepada jawatan tetap dan apa menjadi guru-guru tetap dalam jangka masa yang terdekat mengikut perancangan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin sebutkan sekolah menengah agama yang ada di negeri Pahang sebanyak 18 buah ini adalah boleh kita katakan anak kandung kepada Kerajaan Negeri Pahang. Ia sebenar-benarnya milik Kerajaan Negeri Pahang. Sudah tentu dia mendapat perhatian yang serius dan juga pembelaan yang sebaik-baiknya. Kita bersyukur kepada Allah SWT, guru-guru ini pada 2022 dahulu Kerajaan Negeri telah bersetuju, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan

Ismail memperkenalkan jawatan (COS) *Contract of Service* kepada mereka yang dilantik secara sementara ataupun kontrak melalui ASPA dan sebagainya supaya mereka ini dapat juga menikmati apa yang di apa dirasai oleh guru-guru yang berjawatan tetap. Juga pada tahun 2022 apabila diwujudkan jawatan 100 perjawatan (COS) DG9 ini, 99 orang telah dilantik.

Dalam waktu yang sama, 6 orang telah diserap kepada jawatan tetap, 35 orang lagi juga dilantik kepada jawatan tetap di bawah KPM. Manakala pada tahun 2023 seramai 2 orang telah di serapkan kepada jawatan tetap dan 2024 seramai 31 orang telah kita lantik sekali lagi *Contract of service* kepada guru-guru sekolah menengah agama ini. Dan 3 orang pula juga pada 2024 telah diserapkan kepada jawatan tetap. Manakala 2025 pada tahun lalu, seramai 20 orang telah diserapkan kepada jawatan tetap. Dan Alhamdulillah pada minggu lepas 2026 ini 33 orang telah dilantik jawatan COS *Contract of Service* dengan izin di sekolah-sekolah menengah agama.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam waktu yang sama sebanyak 70 perjawatan DG 5 telah dipertimbang oleh pihak JPA dan SPA negeri Pahang untuk dibekukan perjawatannya. Oleh yang demikian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Agama telah mengadakan bengkel tentang hal ini. Mereka akan *create off*kan jawatan DG 5 ini kepada DG 9, tetapi di atas faktor margin kewangan, sudah tentulah jumlah guru itu akan terlibat seramai 60. Sebanyak 69 perjawatan akan diwujudkan kepada DG 9 seandainya mendapat kelulusan daripada pihak SPA dan juga JPA Insya-Allah. Terima kasih Dato' Sri Yang Dipertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita jemput soalan nombor 4 ADUN lantikan.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Speaker saya mewakili Yang Berhormat ADUN lantikan yang ketiga Ini kerana beliau telah bersama-sama dengan Kebawah Duli Tuanku Sultan Pahang di Kuala Tembeling pada hari ini dan saya pohon untuk mewakili beliau mengemukakan soalan nombor 4. Terima kasih Dato' Sri.

> [Sehingga kini berapakah jumlah unit rumah yang telah didirikan dan dibaik pulih di daerah Jerantut melalui pelbagai inisiatif Kerajaan Negeri termasuk Rumah Rakyat Pahang, bantuan baikpulih rumah akibat bencana/kebakaran serta program perumahan lain yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri? Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian serta mempercepatkan proses kelulusan permohonan rakyat, khususnya melibatkan bantuan perumahan, pemasangan lampu jalan, pembangunan infrastruktur dan kebajikan seta menambah pembinaan rumah baharu bagi golongan asnaf dan B40 yang masih memerlukan?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebelum itu, saya nak maklumkan bahawa ada beberapa rakan kita yang mereka ni ADUN dalam kawasan Jerantut yang tidak bersama kita kerana merai apa namanya sama-sama itu hadir bagi untuk meraikan Kebawah Duli Tuanku Sultan Pahang yang

akan ke Jerantut pada hari ini, esok dan lusa ke Kampung Bantal. Sila, sila jawab wakil kerajaan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT Salam Pahang 1st, Salam Maju Terus Pahang. Yang tadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Bila saya tengok sana, saya nampak sahabat saya daripada Kuala Sentul semalam, dia tak ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha tu semalam saya dok bagi tahu Yang Berhormat tak ada pun tapi lama juga dia bercakap 50 minit.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya sahabat saya. Tapi saya semalam sebelum dia meninggalkan Dewan dia memberikan pesanan amanah amanat kepada saya supaya minta tolong supaya peniaga-peniaga yang berpindah ke Dewan Kuala Sentul, di hadapan Dewan Kuala Sentul itu boleh berniaga dia malam petang semalam dia beritahu nak meniaga hari ini mana punya cepat nak kelulusan Dato' Sri Yang di-Pertua, mungkin dia nak uji kerajaan agaknya. Tapi saya bagi pihak kerajaan saya telah meminta Majlis Daerah Maran Lah untuk apa *facilities* Yang Berhormat Dato' Sri Speaker mohon izin *facilities* tentang permohonan daripada rakan saya daripada Kuala Sentul kerana ini masalah membabitkan rakyat. Bagaimana sahabat saya daripada Benta tadi, kata *This is* Pahang. Pahang 1st. Maknanya kita minta tolong dan saya berterima kasihlah kepada Majlis Daerah Maran kepada YDP kerana telah memastikan benda ini berjalan lancar dan membolehkan peniaga-peniaga berniaga pada hari ini. Insya-Allah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato’ Sri Speaker Saya nak ucap terima kasihlah kepada YB Exco sebab perkara tu permohonan daripada penjaja persatuan penjaja Daerah Maran yang nak berniaga pada hari ini lah. Minta semalam tapi saya tak ada kuasa. Saya terpaksa minta dengan YB Exco kitalah. Terima kasih banyak kerana membantu.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kerana menjelaskan saya memang kerajaan memang prihatin pada kerajaan rakyat negeri Pahang kita. Tapi untuk menjawab soalan yang keempat ni, sehingga kini, jumlah keseluruhan unit rumah yang telah kita bina di daerah Jerantut ini membabitkan sebanyak 2,180 unit yang melibatkan beberapa skim perumahan seperti PR1MA Pahang, Program Residensi Rakyat, Perumahan Awam, Kos Rendah, Rumah Rakyat Pahang, Rumah Rakyat, Al-Sultan Abdullah Ru’RASA serta rumah bantuan mangsa banjir termasuk jugalah program di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, MUIP dan juga Majlis Daerah Jerantut. Dan jumlah keseluruhan bantuan bina baru ini dan juga baik pulih program baikpulih ini membabitkan jumlah keseluruhannya sebanyak RM198.8 juta dan pecahannya adalah seperti berikut. Yang pertamanya, PR1MA Pahang RM36 juta. Keduanya, Program Residensi Rakyat RM29 juta, Perumahan Awam Kos Rendah RM127 juta, Rumah

Rakyat Pahang RRP RM13 juta, Ru'RASA RM8 juta dan juga bantuan baikpulih di bawah Ru'RASA RM340,000.00. Rumah Bantuan Mangsa Banjir RM0.9 juta daripada MUIP bina baru RM6.5 juta dan baik pulih RM0.8 juta.

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar oleh Majlis Daerah Jerantut iaitu bina baru sebanyak RM0.24 juta dan baik pulih RM0.18 juta. Sementara itu, bagi meningkatkan lagi sistem kecekapan penyampaian serta mempercepatkan proses kelulusan permohonan perumahan Kerajaan Negeri, kita melalui LPHP telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikkan sebagaimana yang saya terangkan semalam. Itulah termasuklah penambahbaikan sistem eperumahan.pahang.gov.my sebagai platform yang berpusat bagi mempercepatkan proses pendaftaran, semakan dan penapisan permohonan secara lebih sistematik dan telus. Dan sehingga 30 April 2026, sebanyak 108,657 permohonan telah diterima untuk seluruh negeri Pahang di mana 7,105 permohonan adalah melibatkan Skim Perumahan Negeri Pahang yang didaftarkan di bawah sistem eperumahan.pahang. Sekian Yang Berhormat Dato' Sri untuk makluman.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Sabai.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Bukan saya, Dato' Sri, minta maaf saya nak keluar sekejap. (Ahli Dewan ketawa).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, lain kali *timing* tu kena betul (Ahli Dewan ketawa). Ini *timing* salah ni. Kita jemput wakil daripada, soalan ke lima wakil daripada Chini.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya kemukakan pertanyaan yang ke-5.

[Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat memdapat akses yang lebih baik?]

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Dato' Sri Speaker, terima kasih juga kepada sahabat saya daripada Chini yang mengemukakan pertanyaan berkenaan dengan apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat mendapat akses yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Perkhidmatan kesihatan yang komprehensif sentiasa menjadi keutamaan kerajaan negeri dan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, pelbagai strategi dan perancangan dilaksanakan untuk memastikan rakyat khususnya di kawasan bandar dan luar bandar mendapat akses perubatan yang terbaik. Di negeri Pahang ini mempunyai kemudahan fasiliti kesihatan awam yang komprehensif merangkumi 12

buah hospital, 94 Klinik Kesihatan, 230 Klinik Desa, 3 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak secara berasingan, 9 Klinik Komoditi, 77 Klinik Pergigian dan 4 unit dialisis komuniti. Dengan adanya jaringan seperti ini, ianya memberi penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh kepada penduduk di kawasan bandar mahupun di luar bandar dan bagi mengatasi cabaran geografi dan kawasan terpencil, beberapa insentif lain juga disediakan bagi memberi fokus kepada kawasan-kawasan pedalaman dan juga masyarakat Orang Asli. Antaranya ialah Pasukan Bergerak Orang Asli di mana sebanyak sebanyak 9 pasukan perubatan bergerak khusus untuk komuniti kawasan perkampungan Orang Asli. Dan yang keduanya pasukan pergigian bergerak. *So* dimana 46 pasukan pergigian bergerak ke sekolah-sekolah dan Klinik Pergigian Bergerak beroperasi mengikut zon yang strategik.

Dan selain itu juga, program *Outreach* iaitu dengan melaksanakan saringan, buat saringan buat bagi pendidikan kesihatan dan rawatan susulan secara aktif di kawasan-kawasan pedalaman supaya tiada golongan yang tercicir. Dan bagi memastikan akses kesihatan, akses kesihatan lebih meluas khususnya di kawasan luar bandar ini, Jabatan Kesihatan negeri turut mengukuhkan lagi dengan inisiatif-inisiatif lain di antaranya ialah Pelan Induk Fasiliti Kesihatan 2024 hingga 2045. Kerajaan turut mempertingkatkan kebolehcapaian kepada fasiliti kesihatan moden melalui Pelan Induk Fasiliti Kesihatan Negeri Pahang 2024 hingga 2045 yang dibangunkan bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelan ini dirangka adalah bangunan fasiliti kesihatan untuk tempoh 20 tahun dan perancangan pembangunan diperincikan atau dirangka setiap 5 tahun 5 tahun mengikut keutamaan fasiliti. Ia juga mengikut Rancangan Malaysia setiap Rancangan Malaysia tu. Dan pelan fasiliti nanti akan jadi panduan, panduan keutamaan pembangunan fasiliti baru berdasarkan pertumbuhan penduduk dan pembangunan er... perkembangan sosio ekonomi serta dilaksanakan secara berfasa selaras dengan Rancangan Malaysia.

Yang keduanya ialah Pembangunan fasiliti baru dalam usaha mengukuhkan penyediaan perkhidmatan kesihatan dua buah klinik kesihatan baru dirangka dijangka mula beroperasi pada tahun 2026 iaitu pertamanya ialah Klinik Kesihatan Sungai Soi. Ini baru selesai buat penyerahan pada 6 Mei yang lalu manakala kesihatan Bukit Ibam, di Rompin juga dijangka akan mula beroperasi pada 2026 ini tertakluk kepada proses penyerahan Kementerian Kesihatan dan Negeri Pahang juga menerima kelulusan bagi pelaksanaan tiga projek klinik kesihatan baru seperti Klinik Kesihatan Kuala Krau di Temerloh ini lulus dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* Pertama dan kini dalam proses pembinaan. Yang keduanya, Klinik Kesihatan Kuala Tahan Jerantut. Ini projek pun telah lulus di dalam Rancangan Malaysia yang ke-12 tapi *Rolling Plan* Keempat. Sekarang di peringkat reka bentuk, ini pun saya dah pergi haritu pergi Kuala Tahan pegi tengok apani di tapak ini.

Dan ketiganya, Klinik Kesihatan Pos Lenjang, Lipis lulus daalam Rancangan Malaysia Ke-13 *Rolling Plan* pertama dan kini dalam peringkat pengesahan skop projek dan brief dan seterusnya yang ketiganya ialah pembangunan projek menaik taraf klinik daif. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM57.63 juta untuk pelaksanaan projek menaik taraf klinik dan fasiliti daif di negeri Pahang bagi tempoh tahun 2023 hingga tahun 2025. Dan melalui peruntukan ini sebanyak 139 fasiliti kesihatan telah menerima manfaat melibatkan 76 klinik kesihatan, 63 klinik desa dan inisiatif ini telah meningkatkan kualiti infrastruktur serta keselesaan kepada pesakit dan juga petugas kesihatan. Dan pada tahun 2025 ini, Klinik Kesihatan Kuala Triang yang baru yang baru telah siap dan mula beroperasi bagi menyediakan perkhidmatan kepada kira kira 4,500 penduduk di kawasan sekitarnya. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sentiasa bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan penyediaan fasiliti kesihatan yang mencukupi, berkualiti dan inklusif

khususnya di kawasan luar bandar demi menjamin akses perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh kepada seluruh rakyat. Sekian, terima kasih.

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Soalan tambahan. Terima kasih kepada pihak kerajaan atas penjelasan yang diberikan. Saya nak tambah tentang apakah pihak kerajaan dapat menimbang semula bagi dua perkara bagi DUN Chini iaitu ketika 2020 dulu apa yang saya dapat maklum adalah meluluskan satu pembinaan klinik Kesihatan Paloh Hinai untuk bagi kampung kawasan Kampung Tradisi. Dan kedua, kelulusan pusat dialisis bagi Klinik Kesihatan Chini. Adakah pihak kerajaan dapat menimbang semula perkara yang telah pihak Kementerian luluskan. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. DATO' RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Chini yang membuka dua soalan tambahan berkaitan dengan kelulusan klinik kesihatan di Paloh Hinai dan juga berkenaan dengan pusat dialisis. Jadi ia perkara ini saya maklum akan rujuk nanti dengan lebih dahulu dengan pihak pejabat kesihatan dan akan maklumkan selepas ini kepada, kepada Chini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya Wakil daripada Tras.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

> [Peperangan yang dimulai Amerika dan Israel yang telah menyerang Iran, telah mencetuskan krisis tenaga dan juga ekonomi di seluruh dunia
>
> Adakah pihak Kerajaan Negeri Pahang ingin mempercepatkan kajian penggunaan susu getah untuk menggantikan bahan fuel seperti petrol dan diesel yang berasaskan karbon ini kepada penggunaan Tenaga Hijau, bagi persediaan alternatif kepada Negara serta persediaan stok makanan untuk negeri Pahang?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Assalamualaikum WBT terima kasih Dato' Sri Speaker,

Terima kasih sahabat saya daripada Tras yang bertanyakan soalan mengenai *biofuel* susu getah. Soalannya adalah seperti berikut. Peperangan yang dimulai Amerika Syarikat dan Israel yang telah menyerang Iran telah mencetuskan krisis tenaga dan juga ekonomi di seluruh dunia. Adakah pihak Kerajaan Negeri Pahang ingin mempercepatkan kajian penggunaan susu getah untuk menggantikan bahan *fuel* seperti petrol dan diesel yang berasaskan karbon ini kepada penggunaan tenaga hijau bagi persediaan alternatif kepada negara serta persediaan stok makanan untuk negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang sangat strategik khususnya

dalam konteks ketidaktentuan geopolitik global yang memberi tekanan kepada sektor tenaga dan ekonomi dunia. Untuk menjawab persoalan tersebut, Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa cadangan penggunaan susu getah sebagai alternatif kepada bahan api berasaskan karbon seperti petrol dan diesel merupakan satu idea yang berpotensi selari dengan aspirasi peralihan kepada tenaga hijau. Namun demikian, berdasarkan maklum balas daripada RISDA kajian berkaitan *biofuel* berasaskan getah ini masih berada di peringkat awal penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D. Kajian ini sedang dilaksanakan dengan kerjasama beberapa institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah bagi meneliti secara menyeluruh aspek. Pertamanya keupayaan teknologi, kedua daya maju ekonomi, ketiga kos pengeluaran dan keempat impak kepada keseluruhan industri getah negara.

Sehubungan itu, pada ketika ini teknologi tersebut masih belum bersedia untuk dilaksanakan secara komersial dan memerlukan penelitian lanjut sebelum sebarang keputusan dasar dibuat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Pahang ingin menegaskan komitmen yang jelas dalam menyokong usaha ini khususnya melalui pertamanya sokongan kepada penyelidikan dan inovasi tempatan termasuk kerjasama dengan universiti tersohor seperti UMPSA, UiTM dan UIA. Mudah-pemudahcaraan, ekosistem R&D agar hasil kajian dapat diterjemahkan kepada aplikasi praktikal pada masa depan dan pendekatan berfasa bagi memastikan sebarang peralihan kepada tenaga alternative, alternatif dibuat secara mampan dan tidak menjejaskan sektor sedia ada. Saya akan bincangkan mereka jugalah kalau boleh dipercepatkan kita cuba percepatkanlah memandangkan ada keperluan mendesak. Harga diesel sekarang mencecah lebih kurang RM6.20 seliter. Apa yang saya dapat tahu harga *biodiesel* di pasaran sekarang. Pertama sekali dasarkan kelapa sawit RM4.50. Jadi ada banyak perbezaan itu dari segi penjimatan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri bersama RISDA tidak meminggirkan keutamaan semasa iaitu keterjaminan makanan negeri. Pelbagai langkah sedang diperkukuh antaranya galakkan pertanian integrasi dikalangan pekebun kecil getah merangkumi tanaman makanan dan juga penternakan kecil. Kedua, penyediaan bantuan input pertanian seperti BUDI Agri itu. Ketiga peningkatan keupayaan pengeluaran tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import. Pendekatan ini dilihat berimpak segera serta mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil disamping memastikan kestabilan bekalan makanan negeri. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Pahang komited untuk meneroka sumber tenaga alternatif termasuk *biofuel* berasaskan getah secara berhemah, berasaskan bukti dan berpandangan jauh tanpa menjejaskan keutamaan masa. Keutamaan, utama pada masa itu iaitu kestabilan ekonomi rakyat dan sekuriti, makanan negeri. Sekian terima kasih.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Wakil daripada Cheka, kemudian wakil daripada Beserah.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Kalau kita ya, lihat negara kita hanya mengeluar lebih kurang 10% getah. Yang kita import daripada Thailand lebih kurang 200,000 tan metrik tahun 2023, tahun 2022 lebih besar. Bermakna kalau saya, saya mengalu - alukan kajian sebagai satu bahan kajian ilmiah. Tapi dalam konteks nak komersial yang saya fikir tidak begitu sesuai sebab kita tidak mengeluar getah sekarang lebih kurang 10% sahaja terpaksa bergantung kepada sumber luar dari Thailand bagi menampung keperluan industri. Persoalan saya ialah er...di negara jiran kita Indonesia, dia menggunakan satu pokok dipanggil Pokok Larak. Pokok Larak ini dikatakan boleh menghasilkan pengeluaran minyak yang agak tinggi berbanding pokok-pokok yang lain dan dia telah pun mula dikomersialkan di negara jiran kita. Saya rasa ini diantara menyambut baik hasrat untuk kita mencari pelbagai alternatif dalam mengatasi masalah diesel negara. Jadi minta pandangan.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Kita menyambut baik semua cadangan Dato' Sri Speaker termasuk Pokok Larak mungkin boleh diterokai masa kini. Pada masa sekarang, *biodiesel* di Malaysia lebih tertumpu kepada kelapa sawit. Menurut Persatuan Biodiesel Malaysia, kita, kita menghasilkan 1.3 juta tan *biodiesel* setiap tahun. Dan 1 juta daripada 1.3 juta itu digunakan untuk B10 campuran diesel B10 di pasaran di mana B10 tu maksudnya 10% daripada diesel itu adalah daripada sumber biodiesel. Macam biodiesel kelapa sawit 90% adalah daripada diesel sedia ada diesel konvensional. Jiran kita Indonesia seperti mana YB Cheka ucap, berucap tadi lebih ke hadapan. Dia ada *blend* B50. Maksudnya 50% daripada *fuel* itu daripada *biodiesel* daripada apa ini minyak masak terpakai ke, daripada kelapa sawit ke dan 50% daripada konvensional, kita perlu ke arah itu. Tapi masalahnya kilang-kilang kita untuk tapis B10 ni… kilang-kilang yang ada hanya cukup untuk tapis B10. Ya, dia belum ada keupayaan untuk dinaik taraf untuk *blend* B50. Pendapat peribadi saya, kita perlu ke arah tu dan kita perlu teroka semua, semua ini er... kaedah bio diesel yang ada supaya kita boleh apa ini tidak terlalu bergantung harap kepada import diesel daripada Timur Tengah.

Menjawab kepada soalan YB tadi. Mungkin industri getah ini harga dia akan naik di masa hadapan. Kita pun nak tengok bagaimana kita boleh membantu saki baki pekebun kecil yang masih berjuang di industri getah sekiranya harga baru biodiesel getah itu didapati kompetitif ya, dia boleh menjamin sara hidup pekebun kecil ni kita akan teruskanlah ya. Kalau tidak, kita terpaksa fokus kepada biodiesel daripada sumber lain terutama sekali kelapa sawit sebab Malaysia ini pengeluar kedua terbesar di dunia kelapa sawit. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Tahniah kepada kerajaan di atas jawapan tadi atas usaha untuk nak menggerakkan peralihan daripada tenaga konvensional kepada tenaga hijau. Cuma soalan saya adalah ada tak kajian dibuat oleh pihak kerajaan atau mana-mana pihak perbandingan *economic facibility* dengan izin antara *biodiesel*, *biofuel versus EV* ataupun tenaga solar. Sebab biodiesel*, biofuel* ini kita tahu bahawa dia memerlukan kos yang tinggi untuk pengeluaran. Hanya dia jadi ekonomik bila harga minyak naik seperti sekarang. Tapi kalau harga minyak turun dia jadi tidak kompetitif dah *biodiesel* ke, biofuel kerana kos pengeluaran dia tinggi. Teknologi dia pun berbeza dan tinggi berbandingkan dengan *EV* dan juga solar ini. Yang hampir *flat* hampir rata mendatar dia punya kos pengeluaran dan sebagainya. Ada tak kajian dibuat dari sudut ekonomi. Keboleh dayasaingnya, berbandingkan dengan *EV* dan juga tenaga solar. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Setakat ni, belum ada kajian mendalam mengenai apa ini kos *opportunity* antara biodiesel solar dengan EV. Dalam semua perkara, dia ada orang kata *trade off* lah ya. Ada kita kena kita tak boleh buat semua benda lah. Maksudnya kita kena pilih antara 3 kaedah ni sebab dalam apa masalah klasik ekonomi kita ada sumber yang terhad tapi kita nak buat banyak benda. Jadi kita sebagai satu negara, satu negeri kita kena pilih yang mana satu kita nak buat. Setakat ni belum ada kajian terperinci di jangka masa panjang kita tidak mahu bergantung harap kepada minyak dan gas ataupun dengan izin *fossil fuels*. Oleh itu, untuk jangka masa yang panjang memandangkan kita ada apa ni pelan peralihan tenaga kepada tenaga boleh diperbaharui. Maksudnya kita akan teruskan dengan biodiesel mengikut kemampuan industri kelapa sawit yang ada. Kita juga akan teruskan dengan EV dan juga solar.

Solar pun dia punya cabaran YB, dia ada kos *opportunity* yang tinggi dari segi keperluan tanah. Kalau kita meluluskan ladang solar berskala besar, ertinya kita ada kos *opportunity* atau *opportunity cost*. Tanah itu tidak boleh digunakan untuk tanaman lain. Tanah itu tidak boleh digunakan untuk industri umpamanya. *So*, ini adalah satu keputusan yang kita perlu teliti dengan lebih halus lagi supaya *trade off* itu menguntungkan negeri Pahang. Kita tak rugi daripada pemilihan tersebut. Antara tiga apa ni kaedah tersebut… *biofuels*, solar dan juga EV. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
Sebentar tadi pihak kerajaan ada menerangkan bahawa negara Indonesia ada mengeluarkan B50. Saya rasa Dato' Sri Pengerusi Speaker, Malaysia pun tidak ketinggalan di mana baru-baru ini melalui FELDA dan FGV telah ataupun telah menemui teknologi untuk menukarkan kelapa sawit ini kepada biodiesel 100. Maknanya tak perlu lagi pakai campur dengan diesel *fuel*… *sorry fossil fuels* diesel biasa. Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri Pahang bersetuju ataupun untuk melaburkan bekerjasama dengan FELDA dengan FGV untuk sama-sama menghasilkan produk ini dan juga untuk keuntungan negeri Pahang. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih di atas soalan tersebut. Itu satu perkembangan yang menarik. Kalau kita boleh buat B100 lebih baik tak perlu campur dengan konvensional diesel sekali pun. Setahu saya ia belum dikomersialkan secara meluaslah berbanding jiran kita iaitu dia sudah pakai di… sudah terguna pakai di jalan raya secara meluas dan Kerajaan Negeri Pahang menyambut baik di atas cadangan B100 tersebut. Kita mungkin kena kaji dululah sebab GLC Pahang ni dia jarang-jarang dia akan melabur secara terus kepada satu teknologi. Ia perlu kajian lebih teliti, kita lebih kepada insentif memberi tanah dan memudah cara. Walaubagaimanapun, sekiranya apa ini risikonya amat rendah mungkin *state* GLC boleh mengambil bahagian untuk melabur di dalam cadangan tersebut. Pada dasarnya, kita menyambut baik itu satu perkembangan yang sangat dialu-alukan untuk menggantikan *fossil fuel* di Malaysia dan juga negeri Pahang. Terima kasih YB.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Kita hari ini adalah hari Jumaat ya. Jadi kita ada lagi urusan-urusan lain. Jadi kalau boleh kita nak percepatkan sikitlah. Seterusnya soalan nombor 7 wakil daripada Inderapura.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua Saya mohon kemukakan soalan nombor 7.

> [Adakah terdapat program susulan selepas perkahwinan yang dianjurkan dalam Program Anggun Suri seperti kursus kekeluargaan?]

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BIN SAIDAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sahabat kita menanyakan adakah program susulan selepas perkahwinan yang dianjurkan dalam program Anggun Suri seperti kursus kekeluargaan dan jawapannya adalah ada. Di mana program atau kursus ini kita adakan kolaborasi di antara Unit Pembangunan Wanita, Jabatan Wanita dan juga LPPKN. Dan kursus ini kita adakan secara berkala, di mana kursus ini kita namakan Kursus *Smart Start* di mana ia bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan yang telah mendirikan rumahtangga dan agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan berkeluarga. Antara pengisian program tersebut termasuklah aspek

berkomunikasi antara suami, isteri, pengurusan kewangan keluarga, pengurusan emosi, kesihatan keluarga serta kaedah menangani konflik secara positif dan juga harmoni. Melalui pendekatan ini, pasangan dapat membina hubungan lebih kukuh, saling memahami serta mewujudkan suasana keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan. Dan untuk makluman semua, saya ingin maklumkan bahawa Anggun Suri pertama untuk tahun ini akan diadakan pada hari esok iaitu di Cameron Highlands.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Soalan seterusnya Wakil daripada Sabai.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

> [Melihat kepada sambutan dan impak positif Mara Lasak Pahang 2.0, bagaimana Kerajaan Negeri Pahang merancang untuk mengembangkan atau meneruskan program ini pada masa hadapan?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebelum itu, kita nak mengalu-alukan kehadiran Wakil daripada iaitu Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Belia dan Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan kerana telah mengiringi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang untuk menawan Gunung Kinabalu. Kau baru balik dari Sabah bah [ketawa] Silakan jawab.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih sahabat saya dari Sabai atas soalan yang dikemukakan. Sebelum saya menjawab soalan tersebut, saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kemukakan soalan yang saya tak berkesempatan untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, Insya-Allah saya akan mengemukakan jawapan bertulis bagi setiap soalan-soalan tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kerana memberi kebenaran untuk saya mengikuti Ekspedisi Mahkota Borneo pada 11 hingga 14 Mei yang lalu. Dan sesungguhnya rakyat negeri Pahang seharusnya berasa berbangga kerana memiliki seorang putera raja Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang begitu gigih, cekal, tabah dan mempunyai semangat juang yang tinggi sehingga membolehkan Tuanku menawan puncak Gunung Kinabalu. Dan untuk makluman Dewan semua, 6 tahun lalu Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang telah menawan puncak Gunung Tahan iaitu puncak gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia dan juga gunung yang paling mencabar di negara ini pada ketinggian 2,187 meter dari aras laut. Dan kini baru-baru ini pula berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Malaysia pada ketinggian 4,090 meter dari aras laut.

Berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sabai mengenai…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada cadangan nak pergi ke Gunung Everest?

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Tak tau lagi. Untuk makluman... untuk makluman Yang Berhormat Speaker, dua tahun lalu saya bersama dengan pegawai-pegawai daripada Kerajaan Negeri Pahang telah ke *Everest Base Camp* (EBC) dua tahun lalu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Base Camp nombor berapa?

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang mula-mula.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Oh yang itu, saya nombor 2. [ketawa]

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Itu pun ketinggian 5,000 lebih meter. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, berkenaan dengan Mara Lasak Pahang ini. Sebelum itu saya nak jelaskan bahawa Mara Lasak Pahang ini adalah program sukan lasak secara berkumpulan yang melibatkan penyertaan 10 orang bagi setiap pasukan. Ia menuntut setiap peserta memulakan larian sejauh 15 kilometer dengan membawa beban seberat 5 kilogram terpaksa melalui kawasan bukit, cerun, paya, sungai dan juga lurah. Mula 10 orang Yang Berhormat habis pun 10 orang. Macam saya, lagi 1 kilometer nak habis seorang peserta saya pengsan. Saya kira *disqualified*. Terbatal penyertaan sebab akhiri perlumbaan er... hanya 9 orang. Jadi dia tak kira dia kena habis 10 itu sebab saya tewas kepada Yang Berhormat Kemayan masa tu.

Yang Berhormat Speaker,

Mara Lasak Pahang ini akan berwajah baru pada edisi ke-3 nanti dimana kita akan membuka penyertaan kepada rakyat di luar Pahang. Sebab program ini mendapat reaksi yang cukup positif, *viral* di media sosial dan saya ucap terima kasih kerana pada edisi ke-2 yang dilangsungkan di FELDA Chini, baru-baru ini lebih 51 agensi dan jabatan kerajaan mengambil bahagian menyertai acara Mara Lasak ini melibatkan Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang, Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Pahang, Pengarah Imigresen, Pengarah Unit Komunikasi Strategik, Pengarah Kesihatan Pahang dan juga termasuk Yang Dihormati Pegawai Daerah Pekan. Dan acara Mara Lasak Pahang ini adalah untuk membudayakan sukan lasak dan aktiviti sihat di negeri Pahang ini khususnya kepada generasi muda nak membudayakan semangat berpasukan yang tinggi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di negeri Pahang ini. Dan juga untuk mempopularkan kelebihan-kelebihan yang ada di Pahang dari segi keindahan alam semula jadinya gunung-ganang yang

cantik, bukit-bukau, sungai yang indah dan bagi tujuan pelancongan juga. Sebab itulah pada perancangan akan datang kita akan buka penyertaan kepada masyarakat di luar Pahang. Kita nak tunjukkan pada mereka kehebatan acara Mara Lasak Pahang ini sambil mempopularkan keindahan alam semula jadi yang terdapat di bumi Pahang ni, Insya-Allah. Dan sepertimana Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Mara Lasak Pahang ini akan dilaksanakan di setiap daerah di negeri Pahang ini. Tahun lalu di Ulu Dong, Raub, baru-baru ini di FELDA Chini, Pekan dan Insya-Allah kita akan laksanakan di beberapa daerah-daerah lain selepas pada ini, Insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI.

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, mempercepatkan kerana kita.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI.

Apakah status terkini Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang iaitu KOMBES.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Ini jauh lari daripada Mara Lasak Pahang ni Yang Berhormat. Tapi tak apalah saya jawab. Kompleks Belia dan Sukan Pahang atau KOMBES ni dah siap dah. Dah siap sepenuhnya dan Insya-Allah kita tengah cari dan pilih tarikh, kita tengah dapatkan daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang untuk merasmikan pembukaan Kompleks Belia dan Sukan Pahang atau KOMBES ini. Insya-Allah dalam masa terdekat. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput ADUN dari Tahan.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mewakili Yang Berhormat ADUN Tahan mengemukakan soalan nombor 9.

> [Apakah program khusus Kerajaan Negeri bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada golongan belia di kawasan luar bandar seperti DUN Tahan?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih. Salam sejahtera. Untuk menjawab soalan Kerajaan Negeri Pahang komited dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan memperkasakan keusahawanan belia khususnya di kawasan luar bandar termasuk DUN Tahan melalui kerjasama pelbagai agensi negeri dan persekutuan. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera oleh SME Corp Malaysia yang memberi latihan keusahawanan, khidmat nasihat serta geran permulaan perniagaan kepada belia yang berminat menceburi bidang perniagaan. Selain itu, PKNP turut melaksanakan program latihan dan bimbingan keusahawan seperti *Master Your Own Business* secara berterusan. Program ini memberi penekanan kepada latihan, khidmat nasihat dan pemantauan prestasi bagi membantu usahawan belia menguruskan serta mengembangkan perniagaan.

Bagi peluang pekerjaan pula, Kerajaan Negeri bersama agensi berkaitan turut menganjurkan Karnival Kerjaya termasuk telah diadakan ADTEC Jerantut. Program ini membuka ruang kepada belia yang mencari kerja di Jerantut serta kawasan sekitar termasuk DUN Tahan untuk mendapatkan maklumat pekerjaan menghadiri temu duga terbuka... terbuka dan berhubung terus dengan majikan. Secara keseluruhannya, inisiatif ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri memastikan belia luar bandar mendapat akses kepada peluang pekerjaan, latihan kemahiran dan sokongan keusahawanan yang lebih menyeluruh.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Untuk maklumat Ahli Dewan yang mulia ini, Kementerian dan Belia Sukan, er... Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang komited dalam menawarkan inisiatif menjurus kepada peluang keusahawanan khususnya untuk belia. Nombor 1, Program Keusahawanan Sosial Luar Bandar dengan memberi latihan berstruktur bimbingan kepada belia luar bandar bagi membangunkan projek perusahaan sosial.

2, Program Agrobelia Lestari merupakan satu inisiatif untuk mempromosikan dan mengupayakan potensi belia dalam bidang pertanian yang memfokuskan kepada penglibatan golongan belia sasar seperti pertubuhan belia, belia massa, belia Orang Asli dan Orang Kurang Upaya. Program dengan pengisian latihan kemahiran bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan belia dalam melaksanakan projek pertanian.

Nombor 3, Program Keusahawanan Belia Bestari adalah inisiatif Jabatan Belia dan Sukan Negara untuk memperkasakan belia terutama lepasan tahfiz dan belia luar bandar. Melalui latihan keusahawanan dan kemahiran, program ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dan membolehkan peserta menjana pendapatan sendiri sering kali menyasarkan belia berisiko.

Nombor 4, Program Belia Bebas Hutang iaitu inisiatif di bawah Kementerian Belia dan Sukan untuk mendidik golongan belia mengenai pengurusan kewangan bagi mengelakkan beban hutang yang melampau. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai asas lestari kewangan untuk hutang dengan berhemah serta menyediakan platform untuk meningkatkan bakat dan minat beliau terutama dalam bidang keusahawanan.

Nombor 5, Program Rakan Muda Rakan Niaga yang inisiatif Kementerian Belia dan Sukan yang memfokuskan kepada pembangunan keusahawanan, sosial dan ekonomi belia. Ia bertujuan memupuk semangat niaga, menyediakan platform perniagaan dan melancarkan ekonomi komuniti setempat melalui gaya hidup aktif serta berdaya saing. Untuk er... Ahli-ahli Dewan Yang Mulia. Kekosongan yang di er... pekerjaan direkodkan di DUN Tahan adalah sebanyak 1,105 kekosongan pada 31 Disember 2025. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucap Hari Belia Negara 2026. Selamat menyambut Hari Belia. Juga saya bagi peluang sikitlah untuk Exco Belia untuk memberi sedikit er... ucapan tentang Hari Belia.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Jarang-jarang dapat kesempatan dia patah balik ni. Jadi saya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Belia kepada seluruh anak muda dan belia dari seluruh negeri Pahang dan juga Malaysia. Sesungguhnya platform yang ada hari ini kita sediakan untuk mereka warisi kemudiannya. Jadi, lengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang sebaiknya sebelum tampuk yang ada ini akan diwarisi oleh mereka. Zaman sekarang makin mencabar. Perlu banyak rintangan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu landskap politik dunia yang bercelaru, perang di serata dunia. Jadi belia hari ini perlu sedia mendepani cabaran-cabaran ini, dan sepertimana Titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Belia perlu mengamalkan gaya hidup sihat. Sekarang ramai belia dah menghidapi penyakit-penyakit 3 serangkai jantung, kencing manis, darah tinggi pada usia muda. Jangan ingat muda itu sihat. Jadi amalkan gaya hidup sihat. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri. Tidak lupa juga, hari esok adalah Hari Guru Negara… Malaysia. Jadi saya ucap Hari Guru kepada semua, dan juga tema Hari Guru 2026 bagi Malaysia adalah, 'Guru Bitara, Nadi Negara'. Dan juga tidak lupa juga saya ucap Hari Guru kepada sahabat saya, Cikgu Aru. Beliau juga bekas gurulah. Walaupun dah pencen dan juga ada guru-guru di sini juga saya mengucap Selamat Hari Guru kepada semua rakan-rakan dan juga 'Guru Bitara, Nadi Negara'. Selamat menyambut Hari Guru.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Terima kasih YB Speaker. Ada ramai, saya rasa daripada bekas guru dalam Dewan Yang Mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Seterusnya, saya menjemput Ahli er… Wakil dari Ketari. Sila.

(ADUN KETARI - N.34)
TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 10.

> [Adakah terdapat sebarang inisiatif daripada Kerajaan Negeri Pahang dalam bentuk sokongan kewangan seperti bantuan, insentif atau geran kepada penggiat industri pelancongan, bagi memperkukuh pertumbuhan serta meningkatkan daya saing sektor pelancongan negeri?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ketari. Kerajaan Negeri memang menyediakan bantuan-bantuan untuk penggiat industri pelancongan dalam beberapa bentuk, yang pertama dalam bentuk kursus latihan dan pensijilan. Jadi untuk tahun ini tahun 2026, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1 juta di bawah belanjawan untuk pelbagai inisiatif. Antaranya adalah kursus-kursus untuk pembangunan pakej pelancongan, kursus hospitaliti, kursus untuk pemandu pelancong alam semula jadi, kursus CTRE dengan izin *Continuing Tourism Related Educations* dan juga kita juga menawarkan pensijilan kepada operator yang menjalani aktiviti lasak. Sebagai contoh, *kayaking, hiking, Sky Walk via ferrata* sebab kita nak memastikan bahawa operator-operator ini adalah operator yang bertauliah untuk memberi keyakinan kepada pelancong. Manakala untuk bantuan err… juga dalam bentuk insurans ditawarkan Kerajaan Negeri dari tahun 2023 hingga 2025, sebanyak RM600,000.00 telah disalurkan untuk Skim Perlindungan Insurans Berkelompok. Dan sebanyak 1,164 orang penggiat industri telah mendapat manfaat ini. Antaranya pemandu pelancong, pengusaha bot, malim gunung, pengusaha homestay.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga menjadi pemudah cara, fasilitator kepada penggiat industri dalam negeri Pahang untuk memohon bantuan kewangan yang ditawarkan *Tourism* Malaysia iaitu (GSSP) Geran Sokongan Sektor Pelancongan, (GSSK) Geran Sokongan Sektor kebudayaan, (GAMELAN) iaitu Geran Galakan Melancong Malaysia. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput soalan yang terakhir bagi sesi pagi ini adalah Bukit Ibam. Sila.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 11.

> [Apakah perkembangan terkini Perumahan Generasi FELDA Chanis?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

[Bacaan dalam Bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam Pahang 1st, salam Maju Terus Pahang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Ibam, terima kasih Yang Berhormat Speaker dengan bertanya soalan apakah perkembangan terkini rumah generasi FELDA Chanis dan terima kasih di atas

kepercayaan tersebut dan juga ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang berjuang ataupun memberikan pandangan dan juga memberikan persoalan mengenai perkembangan-perkembangan perumahan di dalam FELDA ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) di Chanis ini, FELDA Keratong 7 melibatkan keluasan sebanyak 38.876 ekar dengan anggaran sebanyak 400 unit kediaman. Projek ini merupakan salah satu daripada 10 projek PGBF yang distruktur semula pelaksanaannya oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu pelaksanaan projek sebelum ini. Pelaksanaan projek tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2022 melalui kaedah usahasama dengan syarikat pemaju. Selaras dengan pendekatan penyusunan semula tersebut, kesemua projek ini telah dijenamakan semula di bawah Skim Rumah Pahang. Manakala urusan pemilihan pembeli dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan juga Hartanah Pahang (LPHP) melalui Sistem e-Perumahan. Walau bagaimanapun, hasil pemantauan dan juga penilaian teknikal yang dijalankan mendapati bahawa Projek Rumah Pahang FELDA Keratong 7 ini gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan di bawah Surat Setuju Terima (SST).

Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang Bilangan 32/2025 bertarikh 10 September 2025 telah memutuskan supaya pelantikan pemaju sedia ada ditamatkan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Soalan tambahan. Adakah kerajaan ingin apa ni melantik kontraktor yang baru dan bilakah projek ini akan dimulakan semula memandangkan apabila terbengkalai dibimbangi sebagaimana yang berlaku sebelum ini ialah kecurian besi dan seumpamanya. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak sahabat saya Yang Berhormat Bukit Ibam. Seperti yang sedia maklum semalam pun telah dibentangkan oleh Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bahawasanya ini antara salah satu inisiatif Kerajaan Negeri yang telah pun kita menamatkan pada tarikh 10 September yang lalu dan di dalam kerangka untuk diangkat semula untuk pemilihan-pemilihan kontraktor-kontraktor yang berkelayakan yang mempunyai faktor kewangan yang jelas dan Insya-Allah dalam waktu yang terdekat akan diumumkan ya, siapakah yang akan menggerakkan program-program yang telah dijalankan.

Insya-Allah, Kerajaan Negeri sentiasa komited. Kita memang… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja ni selalu memesan kat saya supaya menyelesaikan isu-isu FELDA ni. Terutama sekali untuk membantu anak-anak FELDA di luar sana yang senantiasa menginginkan projek kediaman ini dapat diberikan secara terus dan telus secara tuntas kepada anak-anak peneroka di luar sana termasuklah saya ni pun anak peneroka, belakang saya ni pun sahabat saya ni anak peneroka yang sentiasa menjuangkan untuk peneroka ataupun anak peneroka. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi?

(ADUN CHINI - N.23)
YB DATO' MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Soalan tambahan. Err… di Chini juga mempunyai projek PGBF yang berbaki 10% lagi untuk disiapkan. Jadi apakah status berkaitan PGBF tersebut.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak sahabat saya, Yang Berhormat Chini. Suara dia sengau sikit hari ni mungkin selsema. Insya-Allah Dato' Sri suruh dia makan ubat. Insya-Allah. Terima kasih banyak dia atas persoalannya mengenai status err… Chini dan itu memang projek PGBF seperti yang saya telah ungkapkan sebelum ini, dan saya nak bagi status sikit daripada Yang Berhormat Dato' err… Yang Berhormat Chini. Bahawasanya di Chini 3 ni bangunannya dah siap 100%, dah disiapkan oleh pihak kontraktor dan juga hanya tinggal infra je Yang Berhormat Dato' Sri, yang infranya kita dah buat lebih kurang 80%. Baki 20% ni sedang kita perhalusi mengikut sesi teknikal-teknikal yang perlu pihak kontraktor perkemaskan. Insya-Allah dalam masa terdekat. Kita mengharap minta Yang Berhormat Chini untuk membantu pihak kami untuk memantau bagaimana perjalanan mereka ni supaya kita dapat menyelesaikan lagi 20% infra ni dapat kita selesaikan. Insya-Allah. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 pertanyaan, jawapan dan jawapan. Sebelum kita meneruskan aturan selanjutnya. Saya ingin memaklumkan bahawa jumlah pertanyaan yang diterima bagi sidang kali ini adalah 147 pertanyaan. 39 pertanyaan dipilih sebagai pertanyaan lisan harian manakala 108 akan dijawab secara bertulis melalui Sistem Soalan Dewan Pahang atau SSDP. Jabatan dan agensi kerajaan telah menyediakan jawapan bagi pertanyaan yang telah direkodkan. Jawapan ini akan dijawab secara bertulis dan akan dipaparkan di dalam sistem selepas pihak kerajaan memperhalusi dan berpuas hati dengan jawapan-jawapan tersebut. Sekiranya pihak kerajaan berpendapat jawapan perlu dimurnikan. Jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat akan menambahbaik kandungan jawapan sebelum di paparkan di dalam sistem. Baiklah, sekarang kita beralih kepada aturan seterusnya.

SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN NEGERI

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis adalah satu usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang".**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 12 Mei 2026 dan telah pun disokong dan dibahaskan pada 12 dan 13 Mei 2026 dan seterusnya pihak kerajaan seramai 10 orang telah pun memberikan jawapan-jawapan pada hari Khamis 14 Mei 2026. Pada hari ini, majlis akan menyambung menimbang usul tersebut. Sekarang, saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan usul tersebut.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Maju Pahang dan salam Pahang 1st. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana saya diberi kesempatan lagi sekali untuk menggulung perbahasan Titah Diraja pada hari terakhir persidangan kita kali ini. Terlebih dahulu, patik merafak sembah dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 8 Mei yang lalu. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya melafazkan Titah Diraja mencerminkan kecaknaan Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku terhadap pembangunan negeri serta kesejahteraan rakyat jelata. Titah yang dizahirkan itu sarat dengan amanat, panduan serta harapan agar seluruh kepimpinan negeri terus bergerak seiring, memperkukuh kestabilan, memperkasa ekonomi negeri serta mempertahankan keharmonian dan perpaduan yang menjadi asas kekuatan Pahang sejak sekian lama. Dalam suasana rakyat mahukan kestabilan, kemajuan serta kepimpinan yang matang, maka menjadi kewajipan kita semua untuk meletakkan kepentingan negeri mengatasi segala perbezaan politik bagi menjamin masa depan Pahang yang lebih makmur, dinamik dan dihormati.

Di kesempatan ini juga, patik mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke sisi Kebawah Duli Paduka Mulia Tuanku serta pasukan Tuanku termasuk Yang Berhormat Fadzli Mohamad Kamal yang juga Ahli Dewan Negeri Dong atas kejayaan menawan puncak Gunung Kinabalu menerusi Ekspedisi Mahkota Borneo pada hari Rabu yang lalu. [Ahli Dewan menepuk meja]. Sesungguhnya kejayaan ini bukan sahaja menjadi lambang keberanian dan disiplin yang tinggi, malah turut menyuntik inspirasi kepada seluruh rakyat khususnya golongan muda agar terus membina jati diri yang kukuh, berdaya tahan serta mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Sri Speaker kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penggulungan bagi pihak Kerajaan Negeri serta Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah tanggungjawab saya pada persidangan kali ini. Di kesempatan ini juga saya ucapkan syabas dan tahniah [batuk] kepada 33 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kali ini. [Ahli Dewan menepuk meja] Sesungguhnya, setiap pandangan, teguran, cadangan mahupun buah fikiran yang dikemukakan menunjukkan kematangan, rasa tanggungjawab serta keprihatinan terhadap kepentingan rakyat dan masa depan negeri Pahang Darul Makmur. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Exco Kerajaan Negeri yang telah menjawab secara lisan dan bertulis soalan yang dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat. Penjelasan yang diberikan menunjukkan ketelusan dan kebertanggungjawaban Kerajaan Negeri dalam mendengar, menilai serta mengambil tindakan terhadap setiap isu yang dibangkitkan serta memastikan tadbir urus yang berintegriti, berkesan dan berpaksikan kepentingan rakyat serta kemakmuran negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mulakan penggulungan saya dengan menyentuh isu berkaitan pengurusan dan eksport pasir di negeri Pahang yang perlu dinilai secara menyeluruh serta berpandukan fakta teknikal yang sebenar. Isu ini tidak boleh disamakan antara aktiviti pengorekan di kawasan hulu sungai dengan kerja-kerja mendalam sungai di kawasan hilir dan muara yang mempunyai fungsi serta implikasi berbeza. Pasir yang terdapat di kawasan hilir dan muara sungai kebanyakannya adalah hasil mendapan semula jadi akibat hakisan tanah, pergerakan arus serta aliran sungai yang berlaku secara berterusan. Apabila mendapan ini semakin menebal, dasar sungai menjadi semakin cetek dan keupayaan aliran air turut terjejas. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu sistem saliran sungai, malah meningkatkan risiko limpahan air dan banjir terutama ketika musim tengkujuh serta hujan lebat. Sebab itulah kerja-kerja pengorekan dan mendalamkan sungai di kawasan tertentu tidak boleh dilihat semata-mata sebagai aktiviti ekonomi atau perlombongan pasir. Hakikatnya, ia merupakan sebahagian daripada langkah mitigasi banjir dan pengurusan sungai yang, pengurusan sungai yang penting demi keselamatan rakyat serta kelestarian sistem sungai di negeri ini. Sekiranya kerja-kerja mendalamkan sungai ini tidak dilaksanakan melalui kaedah konsesi pasir yang terkawal, Kerajaan Negeri terpaksa menanggung kos yang amat besar menggunakan peruntukan awam bagi tujuan penyelenggaraan sungai, pengorekan mendapan dan pelaksanaan langkah tebatan banjir secara berterusan.

Pada masa yang sama, sekatan permit eksport pasir sungai yang dikenakan oleh Kerajaan Pesekutuan ketika ini telah memberi kesan langsung kepada operasi industri pasir di Pahang khususnya melibatkan kawasan hilir dan muara sungai yang sememangnya memerlukan kerja pendalaman secara berkala. Oleh yang demikian, isu ini tidak wajar dipolemikkan atau dilihat hanya dari sudut keuntungan komersial semata-mata, sebaliknya ia perlu difahami dalam konteks yang lebih luas melibatkan pengurusan alam sekitar, mitigasi banjir, kelangsungan industri, peluang ekonomi serta sumber hasil kepada negeri. Insya-Allah, pada minggu hadapan, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya akan mengadakan pertemuan bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bagi membincangkan isu ini secara menyeluruh bagi memastikan kepentingan negeri, kesejahteraan rakyat serta peningkatan hasil negeri dapat dijana dengan baik. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Setiap kali Sidang Dewan Negeri berlangsung, isu bekalan air sentiasa menjadi antara perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ia melibatkan keperluan asas rakyat. Jika dibandingkan dengan beberapa tahun lalu, perbahasan berkaitan bekalan air pada hari ini sebenarnya telah banyak berubah. Dahulu, isu utama ialah gangguan bekalan air yang berpanjangan dan rakyat tidak menerima bekalan air secara konsisten. Namun hari ini kebanyakan isu yang dibangkitkan lebih tertumpu kepada aspek penambahbaikan sistem seperti air tidak berhasil ataupun NRW, *Non-Revenue Water* dengan izin, paip pecah, tekanan air di kawasan tertentu serta peluasan bekalan air di kawasan luar bandar dan penempatan Orang Asli. Ini membuktikan bahawa usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) mula menunjukkan hasil yang positif. Syabas

dan tahniah kepada PAIP. [Ahli Dewan menepuk meja] Bekalan air semakin stabil, tekanan semakin baik dan liputan perkhidmatan terus diperluaskan dari semasa ke semasa. Semua ini adalah hasil daripada perancangan, pelaburan dan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan sistem bekalan air di seluruh negeri Pahang.

Atas sebab itulah, Kerajaan Negeri meletakkan sasaran untuk menyelesaikan 90% kawasan *blackspot* bekalan air menjelang penghujung tahun ini. Alhamdulillah, sehingga kini sebanyak 86% kawasan *blackspot* di seluruh negeri telah berjaya diselesaikan dengan 4 daerah telah melepasi tahap 90% iaitu Kuantan, Temerloh, Bentong dan Raub. [Ahli Dewan menepuk meja] Kawasan seperti Ulu Atok di Raub, Sri Jaya di Maran, Sungai Soi di Tanjung Lumpur, di Kuantan, Keratong dan Selancar di Rompin, Nenasi di Pekan serta Lanchang di Temerloh kini menikmati bekalan air yang jauh lebih stabil hasil pelbagai projek penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri bersama PAIP.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Berdasarkan laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ataupun SPAN, negeri Pahang telah mencapai kadar liputan bekalan air luar bandar sebanyak 98%. Pencapaian ini amat membanggakan, memandangkan Pahang merupakan negeri yang luas dengan bentuk muka bumi yang mencabar. Malah, sehingga kini tiada negeri di Malaysia yang mencapai liputan 100% sepenuhnya. Kedah mencatatkan 96.5%, Terengganu 92.9%, Kelantan 81.9%. Saya harap ADUN Cheka dapat perhatian... ADUN Cheka, sebab ADUN Cheka juga Ahli Parlimen di Kelantan ni.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Allah. Terima Kasih Dato' Sri, sebenarnya semua negeri kita berusaha ke arah menyelesaikan masalah air. Insya-Allah kita doakan semoga negara kita dapat bekalan air semua. Bahkan saya lihat, Er… ambil masa sikit kalau kaedah sistem pengurusan air dibuat dalam format baru di mana, er.. operator air membeli daripada Kerajaan Negeri tapi dia diurus sebagaimana Tenaga Nasional satu company yang menguruskan bekalan air bagi seluruh negara. Sebab kos air ini besar nak tukar paip bilion-bilion negeri-negeri tak mampu. Saya fikir, kalau boleh dilihat dalam kerangka baru ni saya masalah secara holistik itu sedikit pandangan dan terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih, ADUN Cheka boleh kongsi dengan saya nanti. Dia punya tu, Kerajaan Negeri akan pertimbangkan. Mungkin tak ambil semua, mungkin kita ambil yang boleh dipraktikkan. Kita akan, apa yang baik kita akan terima sebab ini untuk rakyat negeri Pahang ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Perak 99% dan Selangor 99.5%. Bagi sebuah negeri sebesar Pahang, pencapaian 98% ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat menikmati akses bekalan air yang lebih baik. Yang Berhormat Speaker lah mudah-mudahan kita dapat 100% dalam masa sehari dua lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah, cuma Yang Berhormat air ini adalah kuasa negeri. Jadi kalau kita nak buat macam TNB itu kena dapat *endorsement* pada negeri dan ada akta barulah kemungkinan. Bukan nak mendahului semua ini. Pada pandangan saya.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kita akan perhalusi, kita akan kaji dan teliti. Kalau baik untuk rakyat kita ambil Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagus Yang Berhormat, Terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sama-sama bagus.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

ADUN ADUN Cheka, cadangan yang baik sebab dia jaga tu dulu.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Ketawa] Yang Berhormat Speaker, kuat mengusik sekarang ni ya [Ketawa]. Hati-hati makan ubat tu jangan terlebih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat, kita makin lama kita kena makin ceria kerana umur pun, kerana sebab usia pun bertambah jadi ceria. Harap-harap dia tahan lamalah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Insya-Allah, [ketawa] Yang Berhormat Dato' Speaker, saya teruskan, Izinkan saya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Manakala isu yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat Sabai, Ketari, Tahan dan Chenor berkaitan bekalan air luar bandar serta kawasan Orang Asli sememangnya berada dalam perhatian Kerajaan Negeri. Insya-Allah, jangan bimbang rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita memahami bahawa penyediaan bekalan air ke kawasan pedalaman memerlukan kos yang sangat tinggi kerana ia melibatkan jajaran paip yang panjang dan lokasi kampung yang jauh daripada sistem sedia ada. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar dan kemudahan bekalan air di kawasan Orang Asli berada di bawah tanggungjawab Kerajaan Pesekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Jabatan Kemajuan Orang Asli manakala PAIP bertindak sebagai operator. Selepas projek disiapkan dan diserahkan, inilah yang yang kadang kala kurang difahami. Apabila semua isu berkaitan, bekalan air terus diletakkan sepenuhnya di bawah

tanggungjawab PAIP sedangkan terdapat pembahagian bidang kuasa yang jelas. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak pernah mengambil sikap lepas tangan. Kita sentiasa memberi kerjasama kepada KKDW dan JAKOA memantau supaya projek-projek berkaitan dapat dipercepatkan. Sebagai contohnya, bagi isu di Kampung Orang Asli Ulu Paris, Bentong. Kerajaan Negeri telah meminta PAIP dan Pahang Orang Asli Corporation (ORACO) membantu melaksanakan kerja-kerja berkaitan tanpa perlu menunggu sepenuhnya peruntukan daripada KKDW atau JAKOA [Ahli Dewan menepuk meja].

Inilah pendekatan Kerajaan Negeri hari ini apabila melibatkan kepentingan rakyat. Keutamaan kita ialah mencari penyelesaian terlebih dahulu. Ya, kita akui masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki. Masih ada projek yang memerlukan masa dan peruntukan untuk disempurnakan. Tetapi jangan kerana perjalanan itu belum selesai, maka seluruh usaha dianggap gagal dan sia-sia. Insya-Allah Kerajaan Negeri akan terus komited untuk mencapai sasaran menyelesaikan 90% kawasan *black spot* bekalan air menjelang penghujung tahun ini agar rakyat dapat menikmati bekalan air yang lebih stabil terkenal yang lebih baik serta mutu perkhidmatan yang semakin berkualiti. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Cheka ada bertanyakan tentang berapakah bayaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri terhadap tanah-tanah diwartakan sebagai Taman Negara dan Taman Negeri. Untuk makluman, rakan saya dari Cheka dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan PERHILITAN melalui Kerajaan Pusat tidak membuat sebarang bayaran secara langsung atau dalam bentuk pajakan tanah kepada Kerajaan Negeri Pahang berhubung kawasan yang telah diwartakan sebagai Taman Negara. Pewartaan kawasan tersebut adalah bagi tujuan pemuliharaan khazanah alam semulajadi negara, perlindungan biodiversiti serta pemuliharaan kawasan sensitif alam sekitar selaras dengan dasar dan peruntukan yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat melalui Kementerian dan agensi berkaitan telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan pengurusan dan pembangunan bagi menyokong pentadbiran dan pengurusan Taman Negara di Negeri Pahang.

Antara skop perbelanjaan yang terlibat termasuk pembiayaan operasi pengurusan, penyelenggaraan dan penaiktarafan fasiliti pelancongan, Pengurusan kawasan rekreasi dan eko pelancongan, Penguatkuasaan dan Kawalan Biodiversiti, Pelaksanaan program pemuliharaan habitat semula jadi serta lain lain keperluan berkaitan kawasan Taman Negara. Selain dari itu, negeri Pahang turut menerima peruntukan di bawah inisiatif *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) yang disalurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bagi menyokong usaha pemuliharaan kawasan perlindungan dan pengurusan biodiversiti secara mampan. Sebahagian peruntukan EFT tersebut digunakan antaranya untuk kerja-kerja baik pulih fasiliti, konservasi, pelaksanaan pengukuhan program pengurusan kawasan perlindungan serta pemeliharaan biodiversiti di kawasan Taman Negara. Bagi tempoh tahun 2023 sehingga tahun 2026, jumlah keseluruhan dana EFT yang diterima Taman Negara Pahang dianggarkan sebanyak RM5 juta. Untuk makluman juga, bagi tahun ini Taman Negara Pahang telah menerima peruntukan EFT dianggarkan sebanyak RM1.5 juta merangkumi projek menaiktaraf pejabat sebagai fasiliti penyelidikan di Taman Negara Pahang, Sungai Relau, Lipis. Program Pemerkasaan Enakmen Taman Negara 1939. Projek menaiktaraf Pejabat Fasiliti Penyelidikan di Taman Negara Pahang, Kuala Tahan dan kajian pengumpulan Maklumat ekologi untuk ketetapan kaedah di bawah Enakmen Taman Negara Pahang 1939 di Taman Negara Pahang.

Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025, jumlah peruntukan pengurusan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan operasi dan pentadbiran taman dianggarkan berjumlah RM30.5 juta. Manakala, peruntukan

pembangunan yang melibatkan projek menaik taraf infrastruktur, penyelenggaraan, fasiliti serta pembangunan kemudahan pelancongan dan konservasi dianggarkan berjumlah RM9.57 juta. Peruntukan tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Pusat dalam memastikan pengurusan dan pemeliharaan Taman Negara Pahang dilaksanakan secara berkesan dan mampan. Yang Berhormat Lanchang pula mengemukakan pertanyaan tentang apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ekonomi sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat dari Lanchang, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa prihatin dan mengambil langkah proaktif dalam menangani cabaran ekonomi semasa susulan krisis tenaga global yang berpunca daripada konflik di Timur Tengah. Antara langkah yang telah dilakukan adalah seperti berikut. Pertama, melaksanakan dasar bekerja dari rumah bagi penjawat awam negeri untuk mengurangkan beban kos bahan api dalam kalangan penjawat awam di samping menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di pejabat-pejabat kerajaan.

Kedua, menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan Program Bakti Negeri Pahang. Panjangnya Program Bakti Negeri Pahang. Tapi kalau nak sebut BN Pahang pun boleh juga sebab dia bakti negeri. Ada juga yang mengangguk setuju ya [Ahli Dewan menepuk meja] [Ketawa] iaitu program agihan bantuan bakul Makanan kepada golongan yang terkesan dan memerlukan. Ketiga, Kerajaan Negeri juga menyalurkan baucar bantuan Negeri Pahang bernilai RM50.00 bagi setiap baucar kepada golongan yang memerlukan untuk pembelian barangan keperluan asas dengan kerjasama pasaraya di seluruh Negeri Pahang. Yang ni pun kita boleh panggil program BN Pahang juga. Dia baucar bantuan negeri Pahang, boleh juga dikatakan BN negeri. Dan er... pada hari ini, dengan persetujuan rakan-rakan Exco semua, saya telah memberikan lebih kurang 10 *bundle* kepada SU dewan, baucar ni tapi saya minta bagi 2 kepinglah. Sebab Ahli-ahli Dewan ni *special* sikit. Saya tidak paksa, saya tidak, tapi saya tanda ikhlas daripada Kerajaan Negeri. Setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat yang nak baucar ni, boleh mendapatkannya daripada SU Dewan. [Ahli Dewan menepuk meja]. Baucar ia macam ni. Cantik, Baucar Negeri Pahang. Jadi… boleh

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa nilai tu Yang Amat Berhormat?
(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

1 keping RM50.00 tetapi saya minta SU Dewan bagi 2 keping. Pada yang berminat ye. Jangan apa ini SU pergi bagi tak. Saya bimbang kalau ada yang, yang tidak berminat ye. Tidak ada niat apa-apa. Tapi memang di sepakati oleh semua rakan-rakan Exco kita namakan Baucar Negeri Pahang. Secara kebetulan pulak B itu… baucarlah. [ketawa] ADUN Jengka cakap. Itu negeri. Jadi tersirat tu terpulanglah pada tafsiran masing-masing. Kalau Jengka nak lebih, saya boleh bagi. Kalau rakan-rakan daripada belah sana nak lebih SU boleh bagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat nanti diorang cakap permohonan ada sekarang. PAS. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya rasa, saya pun setuju Dato' Sri Speaker. Kalau PN pun pemberian negeri Pahang pun okay jugak, PN Pahang. Saya tengok baju yang Yang Amat Berhormat pun bagi ni nampak macam baju ke PN dan tu dah. Terima Kasih banyak. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Speaker kita boleh bincang. [ketawa]. Er... Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat er... mengambilnya secara positif yang penting boleh tukar di Tunas Manja Group, Pasaraya Darul Makmur, Mempaga Fresh, Pantai Selamat, Econ save, VS Fresh Mart, D'Mart Segi dan lain-lain pasaran yang tertera di dalam laman sesawang di bawah phgg.link/BN2026. Cuma, ada gambar sayalah walaupun tak hensem sangat, [ketawa] Tapi yang penting Pahang 1st. [Ahli Dewan menepuk meja]. Keempat, menangguhkan sebarang kenaikan kadar serta pengenalan caj-caj baru di peringkat pihak berkuasa tempatan bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat dan kos operasi pernigaan. Kita bagi satu ucapan tahniah kepada Exco Kerajaan Tempatan yang mencadangkannya dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. [Ahli Dewan menepuk meja].

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Takkan terima kasih je. [Ahli Dewan ketawa]. Kelima, memperkenalkan Geran Usahawan Makmur bagi membantu usahawan mengurangkan kos operasi perniagaan serta meningkatkan kapasiti pengeluaran, pembelian peralatan baru, menaik taraf premis dan memperluaskan pemasaran. Tahniah kepada Exco Usahawan. [Ahli Dewan menepuk meja].

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Diraja. [ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih banyak je. [ketawa]. Okay. Sebagai langkah strategik jangka panjang, Kerajaan Negeri juga sedang memuktamadkan Pelan Transformasi Ekonomi Negeri Pahang 2030 atau PET30, sebagai hala tuju pembangunan ekonomi negeri yang lebih mampan, berdaya tahan dan inklusif. Tahniah! Exco daripada Peramu Jaya. [Ahli Dewan menepuk meja]. Yang bekerja keras untuk menjayakan PET30 ini. Pelan ini bertujuan memperkukuhkan daya saing ekonomi negeri melalui penerokaan sektor-sektor berimpak tinggi, memperluas peluang pekerjaan, menarik pelaburan berkualiti serta memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara lebih menyeluruh oleh rakyat di semua daerah negeri Pahang. Melalui langkah-langkah yang telah diambil dan akan dilaksanakan, Kerajaan Negeri dijangka dapat mengekalkan KDNK pada kadar 5 hingga 6% berdasarkan corak pertumbuhan semasa walaupun berdepan cabaran ekonomi semasa yang semakin mencabar.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya juga ingin menjawab soalan dan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Sentul tentang sejauh mana hasil negeri dipulangkan kepada rakyat. Tetapi sebelum saya teruskan penerangan ini, saya nak tanya Yang Berhormat Kuala Sentul, ada baca tak buku teks buku Belanjawan Negeri Pahang?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ada Yang Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tapi teks saya *refer* kepada, Indeks Harga Pengguna yang dikeluarkan oleh Kementerian Ekonomi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya. Saya tak tanya *refer* kat mana-mana. Saya tanya ada baca ke tidak. Makna, ada baca. Terima kasih. Kalau Yang Berhormat dah baca buku itu sudah pasti Yang Berhormat tahu ke mana hasil negeri dibelanjakan untuk rakyat. Tapi tak apalah saya terangkan seringkas mungkin untuk bagi Yang Berhormat faham lebih jelas. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kuala Sentul, kutipan hasil negeri Pahang bagi tahun 2025 adalah RM1.2 bilion. Sebahagian daripada hasil ini, iaitu kira-kira RM600 juta Kerajaan Negeri gunakan untuk bayar emolumen penjawat awam dan kos-kos operasi, manakala selebihnya kita simpan sikit untuk kecemasan dan yang lainnya kita kembalikan semula kepada rakyat dalam pelbagai bentuk pembangunan dan kebajikan. Antaranya apa dia? Kita salurkan peruntukan untuk bidang pendidikan dalam pelbagai bentuk seperti pemberian biasiswa, pinjaman pendidikan, geran, buku rujukan dan buku latihan murid Tahun 1 dan Tingkatan 5, kita beri kit persekolahan dan banyak lagi. Hasilnya, apa dia hasilnya Dato' Sri Speaker? Keputusan SPM kita mendapat tempat yang terbaik di Malaysia pada tahun ini. Tolak Putrajaya. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahniah Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab Putrajaya bukan negeri. Putrajaya nombor 1, Pahang nombor 2, tetapi sebenarnya kalau ikut negeri kita nombor 1. Putrajaya ni ada 8 je Sekolah Menengah kalau tak silap saya. Di Pahang ni ada 199 Sekolah Menengah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Putrajaya tu kalau dikira wilayah, Yang Amat Berhormat, dia campur dengan Labuan, dicampur dengan Kuala Lumpur, tak tahu lagi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Putrajaya sahaja yang saya tahulah. 199 dengan muka bumi kita negeri yang paling luas, dengan ada sekolah pedalaman, kita mampu mendapat negeri yang pertama dalam pencapaian SPM pada tahun ini. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahniah

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Apa dia hasil dia? Kesan dia? Sebab kita buat buku rujukan SPM. Kita bagi 4 buah buku, tahun ni Insya-Allah kita akan tambah dan kita akan bagi awal dan rata-rata mengatakan buku rujukan tersebut adalah yang membantu pelajar-pelajar anak-anak kita mendapat yang terbaik dalam SPM. Macam mana boleh timbul buku rujukan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi Yang Amat Berhormat, minta maaflah. Tapi lepas tu banyak Yang Amat Berhormat, pasal ramai juga menghantar ke kita untuk masuk universiti.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha... itu tak apa. Kita rasa bangga, dan Kerajaan Negeri akan bagi RM400.00 setahun untuk anak-anak kita yang berada di IPTA [Ahli Dewan menepuk meja] sebagai tanda penghargaan, pengiktirafan, terima kasih di atas usaha mereka. Apa lagi Yang Berhormat hasilnya? Kita berada di kedudukan terbaik SPM 2025, tadi dan maahad kita, Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang muncul institusi terbaik di seluruh negara [Ahli Dewan menepuk meja] dan Maahad Tahfiz Negeri Pahang, dia Turath dengan Maahad Tahfiz ni lain Yang Berhormat, Speaker. Maahad Tahfiz Negeri Pahang di kedudukan ke-4 terbaik peringkat kebangsaan. [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya nak ucapkan tahniah kepada *CEO* Maahad Tahfiz, Ahli Lembaga Pengarah Maahad Tahfiz, tenaga-tenaga pengajar, murid-murid. Tapi jangan lupa Pengerusi Maahad Tahfiz, Speaker. [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan juga Yayasan Pahang.
(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha... Yayasan Pahang. Speaker tahu siapa?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pengerusi sapa?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik. Kalau tak tahu saya tak duduk sini. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tahu la ye.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha... tapi saya dibantu oleh rakan-rakan yang lain. Dato' Sri Soffi salah seorang, Dato' Sri Syed, ramai lagilah. Merekalah yang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, saya nak bagitahu saya adalah di antara produk Yayasan Pahang masa saya belajar dulu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya tahu Yang Berhormat buat pinjaman dah bayar dah pinjaman?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mula nak minta diskaun tapi masa tu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu dia cakap. "Sharkar awak bayar habis".

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dah bayarlah?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dah bayar. Alhamdulillah. *Very good*. Kalau tak ada. Kalau tak kena ada dalam CTOS. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

ADUN Tioman ye? Produk Yayasan Pahang ye? Yang Berhormat dah bayar dah?

(ADUN TIOMAN - N42)
YB DATO' SRI DR. MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Bayar lama dah Dato' Sri. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya teruskan, kita hari ni hari Jumaat ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Silakan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Begitu juga dengan program perumahan, kita wujudkan rumah mampu milik seperti Rumah PR1MA Pahang, Rumah Makmur Pahang, Rumah Mesra Pahang dan yang paling menarik kita mampu membina rumah percuma menerusi Rumah Rakyat Pahang untuk rakyat miskin. [Ahli Dewan menepuk meja]. Bukan nasi lemak RM1.50 je Speaker, Rumah Rakyat Pahang secara percuma pun kita bagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Manakala untuk kita memperkukuhkan syiar Islam, peruntukan bagi hal ehwal Islam di Pahang meningkat setiap tahun, contohnya daripada 140 juta pada tahun 2022 meningkat kepada 235.95 juta untuk tahun ini. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri juga meneruskan Program Juadah Makmur yang telah kita mulakan sejak tahun 2022. Nasi lemak RM1.50 Juadah Makmur *free* Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Manakala menerusi inisiatif Makmur Pahang pula, Kerajaan Negeri memberi peruntukan 82 juta tahun ini merangkumi empat kluster utama iaitu kluster pelajar Agama Islam, B40 dan umum dengan 24 inisiatif merangkumi semua lapisan masyarakat bermula dengan ibu yang melahirkan anak sehingga yang meninggal dunia.

Antaranya apa dia Dato' Sri Speaker? Pemberian Kad Kesihatan Kasih Makmur untuk warga emas, OKU, veteran ATM dan pesara polis, bantuan untuk golongan petani dan nelayan. Pemberian insentif untuk perkahwinan kali pertama, pemberian wang saku untuk jemaah haji, inisiatif pemberian bantuan makanan kepada pelajar sekolah menengah miskin tegar dan banyak lagi. Secara keseluruhannya, saya boleh katakan lebih kurang 300,000 rakyat Pahang menerima manafaat hasil daripada usaha kerajaan negeri melaksanakan pelbagai bentuk inisiatif yang disalurkan terus kepada rakyat. Kalau Yang Berhormat Kuala Sentul nak saya terangkan lebih lanjut lagi boleh

tapi lagi panjanglah masanya. Lebih baiklah kita jumpa di mana-mana atas kehendak Yang Berhormat Kuala Sentul untuk kita bincang. Saya menerangkan yang ini kita bincang yang tersirat yang belum ada keputusan lagi. Saya harap Yang Berhormat Cheka kena ambil perhatian sikit.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ambil perhatian. Nanti kita buat kita buat *appointment* ya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jangan tunggu lama-lama ye. Nanti diambil orang. [Ketawa]. Jadi, saya harap penjelasan saya tu boleh memberi penerangan kepada Yang Berhormat daripada Kuala Sentul dan sebenarnya banyak lagi saya tidak perincikanlah sebab masa begitu mencemburui kita.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Memandangkan hari ni hari Jumaat, saya percaya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker mahu menyelesaikan Aturan Mesyuarat sebelum masuknya waktu Zohor. Saya rasa setakat ini sahaja penggulungan yang dapat saya sampaikan pada kali ini. Bagi soalan-soalan tambahan sama ada ketika pertanyaan lisan atau ketika perbahasan yang tidak dapat saya sampaikan hari ini, saya akan menjawabnya secara jawapan bertulis. Di kesempatan ini saya lagi sekali sangat menghargai komitmen semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dengan semangat yang membina sebelum persidangan melabuhkan tirai, apalah kiranya kita merenung sejenak dan terdetik di hati untuk kita sama-sama berlapang dada dengan minda yang terbuka. Menjadi tanggungjawab saya untuk berpesan-pesan agar sengketa itu ada sempadan. Yang baik jadikan pedoman, yang khilaf jadikan pengajaran. Kebencian yang marak perlu kita padamkan, dusta yang laris perlu dinyahkan. Fakta perlu diperhalusi, bukan di khianati. Lenyapkan benci di dalam diri dan teguhkan diri dengan jati diri yang abadi.

Di Dewan Yang Mulia ini, adalah medan musyawwarah, menyulam hikmah menyatukan akal menautkan jiwa sekalipun di antara kita pasti ada perbezaan. Tetapi itu bukan alasan untuk tidak mencari persamaan demi kebaikan. Kerajaan hari ini berdepan uji cabar dan debar yang menggetarkan rumah bangsa. Kerana politik sempit perkauman, agama dijadikan tunggangan demi kepentingan diri tanpa memikirkan masa depan. Lantas demokrasi yang terbentang luas bukan alasan untuk meracik-racik perpaduan dengan persepsi negatif yang tidak bertunjangkan kebenaran. Pun begitu, tidak sama sekali tercalar, tekad Kerajaan Negeri untuk terus membawa negeri ini ke puncak Gemilang. Senada dengan misi dan visi Aspirasi Pahang 1st yang dijadikan tonggak pentadbiran. Negeri ini akan indah, megah dan bermaruah jika di hati kita tertanam jati diri dan mensyukuri nikmat yang diberikan Ilahi. Bukan bermegah jauh sekali berbangga diri, negeri ini sudah mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi bersama negeri-negeri lain yang gah. Kemakmuran negeri yang kita kecapi hari ini bukanlah semudah benih jatuh ke tanah tetapi mekar di bawah teduhan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang menjadi payung tempat rakyat berteduh dan menumpang kasih. Titah baginda menjadi suluh pedoman menuntun langkah agar tidak tersasar, selagi bulan meminjam cahaya Mentari, selagi tulah rakyat menjunjung Daulat Tuanku di sanubari.

Sebelum saya menoktahkan lembar penggulungan ini sebelum kita pulang dari persidangan kali ini, marilah kita berlapang dada dengan yang tenang dan tekad pertahankan kemakmuran negeri ini. Semoga negeri ini terus makmur, diberkati serta dilimpahi rahmat Allah SWT. Boleh pantun ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau pergi ke Kuala Lumpur
Singgah sebentar di Pekan Maran
Jangan dibiar fitnah bercampur
Kelak meruntuh nilai perpaduan

[Ahli Dewan menepuk meja]

Layang-layang terbang melayang
Putus tali jatuh ke titi
Pahang maju terus gemilang
kerana rakyat bersatu hati

[Ahli Dewan menepuk meja]. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini dicadangkan dan disokong. Sebelum saya mengemukakan untuk diluluskan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati daripada DUN Teruntum 2 orang, DUN Muadzam Shah 1 orang, Pemuda UMNO Indera Mahkota 3 orang dan pelajar-pelajar *intern*, pelajar-pelajar latihan industri yang sedang menjalani latihan industri di pejabat SUK seramai 6 orang. Soalnya sekarang ini ialah Usul ini hendaklah dikemukakan di Dewan ini untuk kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, nyatakan Ya,

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan tidak. Usul tersebut diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat Rang Undang-undang. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026. DN 1/2026. Memorandum Perbendaharaan: Tambahan Bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2026 Negeri Pahang DN 2/2026. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

[BACAAN KALI PERTAMA]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya memohon usul tersebut. Saya memohon menyokong usul tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah-jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon Rang Undang-Undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin menyokong usul tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.
Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh undang-undang perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebihan perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, Ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala Perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan. Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk

menampung keperluan tersebut. Jumlah perbelanjaan tambahan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2026 adalah melibatkan objek sebagai 42000 (Pembelian Dalam Negeri) dibawah Objek Am 40000 (Pemberian dan Kenaan Tetap) berjumlah RM16,100,000.00 bagi tujuan menampung keperluan peruntukan tambahan VOT B.32 (Kumpulan Wang Terkanun) yang akan dicarumkan ke Kumpulan Wang Pembangunan untuk Perbelanjaan untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Perincian maklumat bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan didalam Memorandum Perbendaharaan Tambahan bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2026 di negeri Pahang yang dibentangkan di dalam persidangan dewan negeri ini sebagai kertas DN 2/2026.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sekian sahaja pandangan ringkas saya berhubung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan. Saya mohon mencadang. Terima kasih.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mohon izin menyokong usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Enakmen bagi menggunakan wang sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibaca untuk kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan.

Tiada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibaca untuk kali kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan 'Setuju'.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-Undang tersebut dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

DALAM JAWATANKUASA

YB PENGERUSI

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA

Jadual B.32 Kumpulan Wang Terkanun.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Maksud Bekalan B.32 Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahaskan. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Pengerusi, boleh… boleh…

YB PENGERUSI

Sila… sila.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya rasa dalam peringkat Jawatankuasa ni cuma minta pencerahan daripada pihak Kerajaan daripada peruntukan RM16,100,000.00 itu ada dua maksud Pembangunan P02 dan P03 melalui kertas di DN3/2026 ni. Cuma saya minta pencerahan sedikit daripada pihak Kerajaan. Bahagian P03 tu ada pelbagai projek dan projek khas negeri. Pelbagai projek peruntukan tambahan RM6 juta, projek khas negeri RM5,040,000.00, boleh bagi sedikit contoh projek khas negeri… negeri tersebut. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Tambahan RM16 juta ni kita ada menyediakan selain daripada projek khas, bantuan kepada rakyat… Projek Khas tersebut bantuan kepada rakyat sempena dengan kenaikan harga barang akibat daripada konflik di Timur Tengah, itu antaranya… itu yang projek khas. Selain daripada itu ialah Skim Tanah Warisan, Pembangunan Perumahan dan kemudahan yang kita buat yang tidak mencukupi. Ketika itu, kita bajet sekian… sekian tetapi tidak mencukupi… tidak mencukupi lebih kurang RM5 juta. Jadi ini yang kita tambah ni dan selain daripada itu ialah menaik taraf sistem saliran yang mana kita dapati setelah saya bincang dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, kita dapati ada kawasan-kawasan tertentu yang banjirnya disebabkan oleh sistem longkang parit yang tidak diuruskan. Jadi, kita mengambil pendekatan sebelum monson… musim monsun Timur laut, kita akan bersihkan longkang-longkang, parit dan sebagainya untuk kita minimakan sekiranya berlaku banjir. Itu contoh dia.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Contoh Sempurna…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sempurna… Indera Sempurna baru-baru ni, kita dah cuci apa semua dan kita dapati apabila berlaku hujan yang lebat boleh er… mengurangkan keadaan banjir di kawasan tersebut. Itu… di kawasan YB pun, kita buat di Cherating, YB tahu, tapi saja YB buat tak tahu ya. [Ahli Dewan ketawa] Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB PENGERUSI

Lepas ni…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat… Yang Berhormat Pengerusi… saya tahu tapi saya tak tahu datang daripada peruntukan khas Bajet ini, tu yang saya tanya tu. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, lepas ni YB boleh bagitahu bahawa Kerajaan yang ada pada hari ni walaupun bukan kawasan-kawasan pembangkang, tapi Kerajaan Negeri bagi juga peruntukan itu menunjukkan kesihatan rakyat. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB PENGERUSI

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM16,000,000.00 untuk maksud bekalan B.32 Kumpulan Wang Terkanun, jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan 'Setuju'.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Wang Bekalan B. 32 Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasa 1 dan Fasa 2.

YB PENGERUSI

Fasa 1 dan Fasa 2 menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Dengan ini, saya mohon Ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon izin menyokong usul tersebut.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026 seperti yang telah dipinda - jika ada, tiada. Dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Majlis bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

[BACAAN KALI KETIGA]

SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026, dibaca bagi kali yang ketiga.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.
Saya mohon memaklumkan bahawa Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin menyokong usul tersebut.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju."

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak." Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2026) 2026, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

Perkara Kelima: Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2026. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut syarat-syarat ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Perbelanjaan Tambahan 2026 daripada Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perbelanjaan Tambahan 2026 yang dibentangkan di dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat DN 3/2026."

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Jumlah perbelanjaan tambahan bagi Perbelanjaan Pembangunan tahun 2026 adalah menunjukkan tambahan-tambahan perbelanjaan yang dinyatakan seperti berikut:

Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM5,060,000 dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM11,040,000.00. Peruntukan tambahan sebanyak RM16,100,000.00 dimohon bagi tujuan menampung kos keperluan perbelanjaan serta memastikan pelaksanaan projek-projek yang akan memberi kesan secara langsung kepada rakyat dapat diteruskan.

Yang Berhormat Speaker,

Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2026. Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada Ahli yang menyokong?

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mohon menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Usul ini dibuka untuk perbahasan. Ada Ahli-ahli yang nak berucap. Tadi saya ingat Yang Amat Berhormat telah pun menerangkan secara er… panjang lebar tentang apakah kegunaan dia ya? Apa namanya er… perbelanjaan tambahan ini? Sila, Yang Berhormat cadang. Tiada perbahasan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato Sri Speaker, saya mahu pencadang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat tiada perbahasan, masalahnya ialah usul telah dicadangkan dan disokong. Soalnya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Usul diluluskan.

URUSAN-URUSAN AM: KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keenam. Urusan-urusan Am. Kertas-kertas Mesyuarat.

Laporan Ketua Audit Negara 1 2026 Negeri Pahang
DN 4/2026.

Penyata-penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. Bagi agensi-agensi berikut:

Penyata Kewangan Yayasan Pahang
DN5/2026.

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
DN 6/2026.

Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
DN 7/2026.

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang
DN 8/2026.

Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Pahang
DN 9/2026.

Penyata Kewangan Majlis Bandar Raya Kuantan
DN 10/2026.

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Temerloh
DN 11/2026.

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong
DN 12/2026.

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja
DN 13/2026.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Lipis
DN 14/2026.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jerantut
DN 15/2026.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands
DN 16/2026.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Maran
DN 17/2026.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin
DN 18/2026.

Penyata Kewangan Majlis Daerah Bera
DN 19/2026 dan;

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub
DN 20/2026.

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketujuh: Penangguhan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Alhamdulillah, syukur pada Allah kita telahpun sampai ke penghujung Persidangan pada kali ini dalam suasana yang penuh tertib dan matang dalam memperkukuhkan sistem demokrasi di negeri kita. Saya melihat persidangan kali ini, pelbagai pandangan, hujah, dan perbahasan yang bukan sahaja menceriakan Dewan ini, malah membuktikan bahawa politik di negeri Pahang masih dipandu dengan adab, kebijaksanaan, dan rasa hormat antara satu sama lain [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya melihat rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua belah pihak Dewan telah memainkan peranan masing-masing dengan begitu baik. Ada teguran yang keras, ada sindiran yang tajam, ada juga usikkan yang mengundang senyuman. Namun, semuanya masih dalam sempadan yang menjaga kehormatan Dewan Yang Mulia. Kadangkala kadang kala saya rasa Dewan ini Yang Berhormat ini ada 43 orang kat bawah ni. Rupanya seorang itu ada di atas macam Ahli Dewan juga. Kadang-kadang Speaker bercakap lebih banyak daripada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat, saya kadang-kadang nak menceriakan dewan supaya tak mengantuk.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yalah inilah inilah warna-warni demokrasi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Berbeza pandangan tidak bermaksud bermusuhan, bertentangan pendapat tidak bermaksud terputus silaturahim. Ada ketikanya suasana menjadi hangat. Suara sedikit meninggi dan emosi mula terasa. Tetapi akhirnya kita tetap mampu duduk semeja, berbual dan bertegur sapa di luar Dewan. Itulah kematangan sebenar seorang Wakil Rakyat. [Ahli Dewan tepuk meja]. Rakyat di luar sana sedang memerhati kita. Mereka mahu melihat sama ada kita hanya pandai berpolitik atau benar-benar mampu memimpin dengan kebijaksanaan dan tanggungjawab. Sebab itu, saya percaya dewan ini bukan sekadar tempat berhujah tetapi tempat untuk kita mencari titik persamaan demi kepentingan rakyat dan masa depan negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sejak 8 tahun saya menjadi Menteri Besar dengan takdir Allah-Nya kita pernah berdepan pelbagai peristiwa seperti tekanan ekonomi, bencana banjir, pandemik covid19, menjadi negeri Pembangkang pernah menjadi negeri Pembangkang. Pertukaran 4 Perdana Menteri, negeri Pembangkang dan maksud saya Dato' Sri

Speaker, *federal* kerajaan negeri tidak sama dengan kerajaan. Pertukaran 4 perdana menteri serta pelbagai serangan persepsi politik. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Pahang terus berdiri kukuh. Kita tidak pernah melarikan diri daripada tanggungjawab. Kita tidak pernah tunduk kepada sebarang tekanan politik. [Ahli Dewan menepuk meja] Sebaliknya, kita memilih untuk terus bekerja, menyelesaikan masalah rakyat dan memastikan negeri ini terus bergerak ke hadapan walau dalam apa jua keadaan. [Ahli Dewan menepuk meja] Saya bersyukur kerana perjalanan ini dipermudahkan dengan sokongan rakan-rakan Ahli-ahli Exco, ketua-ketua jabatan, penjawat awam negeri dan persekutuan, agensi-agensi kerajaan, *state* GLC, rakan-rakan politik sama ada di blok kerajaan ataupun di blok sana serta seluruh rakyat Pahang yang terus memberikan keyakinan kepada kepemimpinan kerajaan negeri hari ini. Sesungguhnya amanah memimpin negeri merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul dengan penuh keikhlasan, keberanian, dan kesetiaan kepada institusi diraja, negeri serta rakyat. Apa yang kita bina hari ini bukan sekadar kejayaan meningkatkan hasil negeri serta melaksanakan projek pembangunan semata-mata. Lebih besar daripada itu, kita sedang membina masa depan negeri yang stabil politiknya, kukuh ekonominya, diyakini pelabur dihormati pentadbiran dan mengutamakan kebajikan rakyat.

Saya percaya kekuatan sesebuah kerajaan tidak terletak pada retorik yang indah atau slogan yang gah, tetapi pada kemampuan untuk bekerja, menyelesaikan masalah dan menghasilkan kejayaan yang dapat dirasai sendiri oleh rakyat. Sebab itulah Kerajaan Negeri di bawah gagasan Aspirasi Pahang 1st akan terus melangkah ke hadapan dengan fokus yang jelas, semangat kerja yang kuat dan komitmen yang tidak pernah luntur demi memastikan negeri ini terus makmur dan stabil. [batuk] Selagi diberikan kudrat dan amanah. Saya bersama saf kepimpinan Kerajaan Negeri akan terus mempertahankan kestabilan dan perpaduan, melindungi kepentingan rakyat serta memastikan negeri Pahang sentiasa berada pada landasan yang betul demi maruah negeri serta kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah haji kepada seluruh jemaah haji Malaysia khususnya para jemaah haji dari negeri Pahang yang telah dipilih sebagai tetamu Allah SWT pada tahun ini. Gunakanlah peluang ini untuk memperbanyakkan ibadah memohon keampunan, serta mendoakan kesejahteraan keluarga, negeri, dan negara serta sentiasa berada dalam rahmat dan perlindungan Allah SWT. Saya juga berharap agar seluruh jemaah haji sentiasa menjaga kesihatan mematuhi segala peraturan serta nasihat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan petugas haji bagi memastikan kerja-kerja haji dapat dilaksanakan dengan sempurna dan lancar. Pada masa yang sama, saya turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh petugas Lembaga Tabung Haji yang bertungkus-lumus memberikan khidmat terbaik kepada para jemaah haji negara kita. Selagi pengorbanan, komitmen dan keikhlasan serta petugas dalam dalam memastikan kebajikan serta kelancaran urusan jemaah amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Semoga semua jemaah haji memperoleh haji yang mabrur, dikurniakan keselamatan sepanjang perjalanan pergi dan pulang serta kembali ke tanah air dengan membawa keberkatan dan kehidupan yang lebih baik. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker yang telah dapat mengendalikan Aturan Mesyuarat dengan penuh kebijaksanaan dan profesional. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya juga melihat Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker berjaya mengawal pengurusan masa dengan begitu baik sekali sehinggakan Persidangan kita ini dapat di dalam tempoh masa yang ditetapkan, terutamanya dengan tiadanya sesi rehat pagi. Ini idea daripada Speaker ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini kita cuba dan kita dapati ianya berkesan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Berkesan ya. Tapi kalau boleh minta Ahli-ahli Dewan jangan keluar ramai-ramai sangat sampai kosong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa.
(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

CCTV ada.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab kita *live* kan? Maknanya orang kawasan akan tengok kerusi kosong je.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Haa tu maknanya ada pemantauan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pantau.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab tu Speaker ni bijaksana.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bijaksana dan bijaksini.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Ketawa] Pada masa yang sama, Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker juga berjaya mengawal tingkah laku Ahli-ahli Yang Berhormat daripada bertindak di luar kawalan sehinggakan tiada yang diarahkan. Ini yang selama ni Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, tak ada pun Speaker marahkan Ahli-ahli Dewan keluar daripada Dewan ni. Itu kelas. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebabnya semuanya Ahli-ahli Yang Berhormat kita baik-baik belaka.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tahniah dan syabas saya ucapkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Walaupun ada acah-acah juga ya. Tapi acah-acah sebelah kerajaan. Semalam, Exco Kerajaan Tempatan,
(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri, dia memang suka acah orang. Memang suka mengacah. Tapi dia nak tunjukkan kepada Exco Kerajaan pun boleh.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh la. Dia nak tunjuk betapa besarnya *power* ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Time ni je Yang Amat Berhormat, keluar takde dah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Selain daripada itu juga, saya turut mengatakan terima kasih kepada Setiausaha Dewan Negeri dan seluruh kakitangannya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta semua agensi kerajaan yang telah memberi kerjasama terbaik sepanjang persidangan berlangsung.

Penghargaan juga kepada anggota Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Petugas Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Penerangan serta semua petugas yang memainkan peranan

besar di belakang tadbir bagi memastikan persidangan ini berlangsung dengan baik dan teratur. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan media yang sentiasa memberikan liputan sepanjang persidangan berlangsung agar segala perbahasan dan keputusan Dewan dapat disampaikan kepada rakyat sehingga kedai nasi lemak bawah pada RM1.00 pun habis [Ahli Dewan menepuk meja] akibat daripada promosi daripada media. Insya-Allah, Insya-Allah jika tiada pilihan raya. Wallahualam, kita tak tahu. Kita akan kembali semula ke Dewan Yang Mulia ini pada Persidangan yang akan datang. Dengan semangat dan iltizam yang sama untuk terus berkhidmat kepada rakyat dan negeri. Saya berharap rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dapat kembali ke kawasan masing-masing dengan selamat dan terus melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sebaik-baiknya. Semoga Allah SWT terus memimpin setiap usaha kita memelihara negeri Pahang Darul Makmur daripada segala musibah dan memberkati setiap ikhtiar yang kita laksanakan demi kemajuan negeri serta kesejahteraan rakyat.

Dah habis ucap, nak cakap
Dah habis ucap dengan cakap
Dah selesai segala runding
Dah putus segala muafakat
Hari ini marilah kita sepakat.
Mudah mudahan…

Sebab selalu pantun je Dato' Speaker, jadi saya... saya buat yang ni nak kata syair pun tidak, nak kata seloka pun tidak, nak kata gurindam pun tidak. Jadi Speaker boleh tafsir sendirilah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kata-kata hikmah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kata-kata hikmah, ya.

Hari ini, marilah kita sepakat
Mudah-mudahan cahaya sampai ke muka pintu
Mudah-mudahan tuah mengikut sepanjang waktu
Jangan ada batang yang melintang
Tak ada rumput nan menjungkat
Tak ada onak nan menjemba
Tak ada tanah nan bertingkah
Jika hidup mahu bermakna, taburlah jasa sepanjang masa
Negeri bertuah, bumi pusaka
Rezeki dikongsi, rakyat merasa.
Jika kemakmuran mahu dipertahankan
Bersatu hati teguhkan tujuan.
Demi negeriku Darul Makmur tercinta
Pertahankanlah sehingga ke hujung nyawa

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon cadangan. Saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang. Terima kasih. Assalamualaikum WBT.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya berdiri untuk menyokong usul yang di bawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Tapi saya mohon izin untuk menyentuh sedikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Silakan.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Lazimnya, saya berdiri ini untuk menyokong terus usul penangguhan Sidang Dewan ni. Tapi pada hari ini saya meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Banyak pujian, tahniah, penghargaan kepada semua pihak. Dan saya lihat inilah insan susuk tubuh yang menghargai sumbangan daripada semua pihak. Saya terpanggil untuk berdiri mungkin bagi pihak rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini untuk juga menyatakan dengan rasmi iaitu penghargaan yang tidak terhingga pada susuk tubuh badan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail di atas kecemerlangan beliau memimpin negeri dan sempena dengan ulang tahun yang ke-8 sebagai Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang. Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Sebenarnya kalau dilihat, tahniah kepada Dato' Sri Speaker telah mengendalikan sesi persidangan ini dengan cara yang cukup berhemah, profesional. Begitu juga dengan Yang Berhormat Timbalan Speaker, tetapi sebenarnya suhu ataupun *temperature* Sidang Dewan ni boleh naik secara mendadak. Kalau tidak kerana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, kalau ikutkan semua jaguh-jaguh belaka ini, barisan di seberang sana dan di barisan sini. Tetapi suhu yang memuncak kadang tu, ditenangkan, disejukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia orang cakap pasal Yang Berhormat tiada 2 hari. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker, *please*. [Ahli Dewan ketawa] Maknanya dia kalau boleh itu maknanya Dato' Sri Speaker, dia akan memilih tarikh-tarikh yang saya tak dapat hadir Sidang Dewan. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat, teruskan.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi, sebenarnya itulah susuk tubuh badan yang saya lihat cukup istimewa dalam keadaan keras itu ada selokanya. Tadi ada gurindam, ini gurindam yang dia bawa.

Makna, kesenian itu ada... Ada belaka dalam keadaan panas, sejuk. Dalam keadaan kita rasa sejuk jadi panas. Jadi inilah keistimewaan pemimpin kita. Dan saya cukup yakin bahawasanya dengan payung naungan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang dan juga Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, Menteri Besar Pahang. Maka sebenarnya kemajuan negeri ini akan dapat terus terbela. Sebenarnya, Dato' Sri Speaker, apabila nak membentangkan usul ini bajet tambahan ni, perkara ini telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat Exco. Apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri bangkitkan, saya di antara orang pertama bertanyakan apakah silapnya kita mohon untuk bajet tambahan ini. Yang Amat Berhormat Dato' Sri beritahukan antaranya ialah untuk menangani masalah skim tanah er... Skim Tanah Wawasan inilah, projek dan tapak-tapak rumah yang disediakan dengan infrastruktur. Sebab dalam Sidang Dewan ini ada dimaklumkan bila dilulus projek-projek STR, tak ada jalan masuk, tak ada sistem saliran. Yang ini tadi, di antaranya yang diperuntukkan di bawah skim tersebut.

Yang keduanya, sistem saliran. Sistem saliran termasuk kawasan di kawasan Beserah. Dan saya bertanyakan ini kawasan Beserah? Ya. Walaupun kawasan Beserah, dia kata kita kena pastikan rakyat jelata di kawasan di Beserah juga walaupun diwakili oleh bukan wakil kepada kerajaan tapi kita beri pembelaan. Jadi Alhamdulillah. Tadi di Sidang kita dalam berbincang Dato' Sri Speaker dalam perbahasan, kita hangat. Tapi tadi suasana cukup istimewa Dato' Sri. Saya lihat pertama sekali iaitu iaitu masa sesi makan tadi. Kebetulan saya nak makan nasi lemak yang RM1.50 je dan saya didatangi oleh wakil daripada Cheka datang duduk sebelah. Wakil daripada Jengka datang duduk sebelah. Wakil daripada Luit, kita duduk. Kemudian, istimewa juga wakil Tanjung Lumpur duduk sebelah saya. Lepas tu dia menghulur tangan. Saya terkejut ingatkan dia nak minta apa. Rupanya nak menghulurkan tangan. Suasana tu cukup istimewa sebab tu yang kali ini biasa saya bagi, saya menyokong je cadangan usul penangguhan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Tetapi kali ini saya nak nyatakan peristiwa itu cukup istimewa.

Dan untuk makluman, sebenarnya untuk makluman saya nak ambil kesempatan di sini. Sebenarnya anakanda kepada Yang Berhormat ADUN Jengka akan *graduate* dalam bulan Jun di Universiti di Jordan Yang Berhormat Dato' Sri. Maknanya, sebenarnya ke Jordan itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang dan saya mengiring mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang sekali dengan Dato' Sri wakil daripada Kerdau.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhormat Speaker, er... sikit. Benta, sikit je.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sekejap. Wakil Kerdau dua kali kita pergi ke…er... Jordan dan bertemu dengan pelajar-pelajar Pahang termasuk pelajar Pahang iaitu terdiri anakanda ADUN Jengka. Jadi, Yang Berhormat Dato' Sri, ADUN anakanda ADUN Jengka akan *graduate* dalam bulan Jun. Jadi, saya nak ambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada ADUN Jengka kerana pada bulan Jun [Ahli Dewan menepuk meja] tu ada 2 orang anak ADUN Jengka yang akan *graduate*. 1 di IPG, 1 lagi di universiti di Jordan. Jadi, tahniah dan saya melihat pula gambar ni Yang Berhormat Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dah bagi borang kat dia anak tu belum?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi gambar ni. Ini gambar Sukan Mesra ADUN ni. Saya lihat ADUN Inderapura boleh kira santai je meletakkan ini apa nama tangan di atas bahu ni Yang Berhormat ADUN Tanjung Lumpur. *Oh this is special ya brother*. Lepas tu saya tengok Yang Berhormat Dato' Sri Diraja, ADUN Jengka duduk bersila begitu. Yahh... Masya-Allah. Ini… ini saya rasa gambar yang mahal ni cukup istimewa. Tahniah kepada Dato' Sri Speaker dan tahniah kepada semua rakan-rakan ahli dewan yang mulia ini. Kalau sekira lihat ada edaran kan? Memang dia bagi pada kita cukup santai dan Alhamdulillah, saya rasa perkara ini akan jadi satu peristiwa yang cukup istimewa. Tapi saya tak ada dalam gambar ni. (Ahli Dewan ketawa).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu yang itu yang kami mesra tu. (Ahli Dewan ketawa).

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Masya-Allah. Astaghfirullahalazim.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bergurau Yang Berhormat saya.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak.. tak saya tahu sebab saya tahu hari ni speaker dia makan 2 biji lebih ubat. Sebab tu yang yang yang nampak ceria sikit. Alhamdulillah, jadi akhir kata sekali lagi saya mohon maaf sekiranya ada dalam er… ni menyokong usul penangguhan ni ada celoteh yang menyentuh er… perasaan rasa hati rakan-rakan ADUN dalam dewan yang mulia ni dan saya berdiri di sini untuk mohon Datuk Seri Speaker menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah, kita telah pun sampai ke penghujung Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri ke-15 yang telah berlangsung selama lima hari bermula daripada 8 Mei yang lalu di dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk menjunjung kasih ke sisi ke bawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas limpah berkenan berangkat menyempurnakan istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang ke-15 pada Mei yang lalu.

Sesungguhnya keberangkatan baginda amat bermakna dan mencerminkan betapa tingginya perhatian serta sokongan Institusi Raja terhadap perjalanan demokrasi, kestabilan pentadbiran dan kesejahteraan rakyat negeri ini. Kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setulus penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua

pihak yang telah menjayakan persidangan ini. Ucapan terima kasih saya saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kerana menyambut Ulang Tahun ke-8 menerajui negeri ini. Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, para pegawai, urusetia serta seluruh pihak yang telah bertungkus lumus mempastikan perjalanan dewan berlangsung dengan lancar, teratur dan penuh tertib.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga menyeru agar titah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dijadikan pedoman dan panduan utama dalam melaksanakan amanah sebagai wakil rakyat. Baginda telah mengingatkan kita bahawa perkhidmatan kepada rakyat tidak boleh bersifat bermusim dan tidak hanya hadir tatkala pilihanraya semakin menghampiri. Titah tersebut adalah amanah besar yang wajib kita junjung dengan penuh tanggungjawab dan keinsafan. Rakyat meletakkan harapan yang tinggi agar kebajikan kesejahteraan dan suara mereka sentiasa diberi perhatian tanpa mengira waktu dan keadaan. Kita juga harus menyedari bahawa dunia ini sedang berhadapan dengan suasana yang penuh *volatile,* ketidaktentuan dan cabaran yang semakin mencabar.

Dalam keadaan sebegini, rakyat tidak memerlukan api kemarahan yang membakar perpecahan, sebaliknya mereka menampakkan kepimpinan yang mampu yang mampu menenangkan keadaan menyatukan hati serta memberi keyakinan bahawa negeri ini sentiasa dipimpin dengan hikmah dan kebijaksanaan. Justeru itu, marilah kita bersama-sama membuktikan bahawa Dewan Negeri Pahang adalah sebuah institusi berwibawa matang, dihormati. Sebuah dewan yang sentiasa berfungsi demi rakyat menjangkaui kepentingan politik sempit. Sesungguhnya integriti, keikhlasan dan kesungguhan dalam melaksanakan amanah merupakan asas utama kepada keyakinan rakyat terhadap kepimpinan pada masa pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan sepanjang persidangan ini. Perbahasan berlangsung dengan matang, bernas penuh tanggungjawab telah memperlihatkan komitmen tinggi setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mengangkat dalam mengangkat suara rakyat serta mempertahankan kepentingan negeri Pahang tercinta. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Kerajaan Negeri khususnya para penggulung.

Ahli-ahli Yang Berhormat menggulung perbahasan telah memberikan penjelasan secara teliti menyeluruh, berhemah terhadap setiap isu yang dibangkitkan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan, malah mencerminkan kesungguhan pentadbiran negeri dalam mempastikan setiap keputusan yang diambil benar-benar menjadi manfaat kepada kita. Penghargaan juga turut saya tujukan kepada para pembuat dasar, pegawai-pegawai kerajaan dan seluruh penjawat awam yang telah memberi yang menjadi tulang belakang kepada pentadbiran negeri. Dedikasi, kesetiaan dan integriti yang ditunjukkan oleh mereka amat besar ertinya dalam pastikan segala dasar dan keputusan yang diputuskan di dewan ini telah diterjemahkan kepada pelaksanaan yang berkesan berimpak kepada rakyat. Dengan semangat muafakat, kerjasama dan kebersamaan yang utuh, saya yakin negeri Pahang akan terus melangkah maju sebagai sebuah negeri yang stabil dan makmur.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, dalam mengemudi bahtera bangsa, kita tidak kita tidak sekadar memerlukan insan yang petah bercakap atau bijak menyusun untaian kata yang indah di pentas- pentas wacana. Negara ini negeri ini lebih nampakkan hadirnya pemimpin yang mampu memegang amanah dengan penuh khidmat,

nakhoda arah dan kebijak keberanian yang berpaksikan kebijaksanaan serta merangkul segala perbezaan demi menyatukan hati dan membina masa depan yang lebih gemilang.

Hari ini, rakyat tidak lagi mahu terus dibuai dengan janji-janji lunak dipendengaran. Rakyat mahu melihat bukti yang lahir melalui tindakan pelaksanaan dan kesungguhan dalam berkhidmat. Tiada janji lihatlah bukti kerana kata-kata hanya mampu menyentuh halwa telinga buat seketika, namun keikhlasan bekerja, keberanian membuat keputusan dan kesungguhan menunaikan amanah itulah yang akan menyentuh hati rakyat serta terpahat kekal dalam sejarah lipatan bangsa. Sesungguhnya kekuatan sesebuah bangsa tidak dibina atas tiang retorika semata-mata. Ia ditegakkan dalam keikhlasan dalam perjuangan. Kebijaksanaan dalam kepimpinan dan teguh memikul tanggungjawab ketika badai ujian melanda. Pemimpin sejati bukan dinilai kepada indahnya bicara, tetapi pada sejauh mana beliau mampu memimpin rakyat belayar dengan selamat menuju pelabuhan harapan, perpaduan dan kemakmuran.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, sebelum saya menangguhkan dewan ini, izinkan saya merakam merakam ucapan selamat pulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ke kawasan masing masing. Sungguh semoga perjalanan pulang sentiasa berada di dalam lindungan Allah S.W.T dipermudahkan segala urusan dan dikurniakan keselamatan hendaknya. Teruslah dekat dengan rakyat di akar umbi. Kehadiran, keprihatinan dan kesungguhan kita mendengar denyut nadi rakyat adalah bukti bahawa amanah yang dipikul tidak pernah dipandang ringan. Saya menyeru agar ahli Ahli-ahli Yang Berhormat terus melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti, keikhlasan dan rasa tanggungjawab sebagaimana titah kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang mengingatkan kita supaya sentiasa berkhidmat dengan dedikasi tanpa menunggu musim pilihan raya.

Dengan semangat muafakat, kesatuan hati dan keikhlasan dalam perjuangan, Insya-Allah kita mampu mempastikan rakyat terus merasai manfaat daripada sebuah kepimpinan berwibawa, integriti dan sentiasa mengutamakan kesejahteraan negeri dan rakyat jelata.

Teguh berdiri pohon meranti
Tempat berteduh redup berseri
Selesai sudah sidang negeri
Moga rakyat moga rakyat terus diberkati.

Patah galah di tepi paya
Tempat nelayan menambat sampan
Andai ada Terkilaf bicara
Mohon ampun dan maaf…kami…kita…saya pohonkan.

Burung merbah terbang sekawan
Hinggap sebentar di hujung dahan
Dengan lafaz syukur terhadap tuhan
Maka saya tangguhkan Dewan

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sidang Dewan ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan]

DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my